

# **RANCANGAN MALAYSIA KELIMA**

**RML**

**(1986-1990)**

## Isi Kandungan

BAB 1: RANCANGAN MALAYSIA KELIMA.....	6
I. PENDAHULUAN.....	6
II. PEMBANGUNAN NEGARA DALAM TEMPOH 15 TAHUN, 1971-85 .....	8
III. BATASAN-BATASAN TERHADAP PERTUMBUHAN .....	21
IV. TERAS PEMBANGUNAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA.....	23
V. PENEGASAN SEMULA NILAI-NILAI BAGI PEMBANGUNAN .....	37
VI. PENUTUP .....	40
BAB 2: PERTUMBUHAN EKONOMI .....	41
I. PENDAHULUAN.....	41
II. KEMAJUAN EKONOMI MAKRO, 1981-85 - EKONOMI ANTARABANGSA .....	42
III. KEMAJUAN EKONOMI MAKRO,1981-85 - EKONOMI MALAYSIA.....	45
IV. PROSPEK UNTUK PERTUMBUHAN, 1986-90 - EKONOMI ANTARABANGSA.....	58
V. PROSPEK UNTUK PERTUMBUHAN, 1986-90 - EKONOMI MALAYSIA .....	59
VI. PENUTUP .....	70
BAB 3: DASAR EKONOMI BARU: KEMAJUAN DAN PROSPEK.....	71
I. PENDAHULUAN.....	71
II. PEMBASMIAN KEMISKINAN.....	72
III. PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT.....	86
IV. TINJAUAN JANGKA PANJANG.....	99
V. PENUTUP .....	99
BAB 4: PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA.....	100
I. PENDAHULUAN.....	100
II. KEPENDUDUKAN.....	101
III. TENAGA BURUH DAN GUNATENAGA.....	105
IV. PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA.....	113
V. PENUTUP .....	123
BAB 5: PEMBANGUNAN WILAYAH BANDAR .....	124
I. PENDAHULUAN.....	124
II. RANGKA DASAR PEMBANGUNAN WILAYAH.....	125
III. KEMAJUAN, 1981-85.....	126
IV. PROSPEK, 1986-90 .....	138
V. PENYESUAIAN SEMULA STRATEGI PEMBANGUNAN WILAYAH DAN BANDAR ..	148
VI. PENUTUP .....	151
BAB 6: PERANAN SEKTOR SWASTA .....	152
I. PENDAHULUAN.....	152
II. KEMAJUAN, 1981-85 .....	152
III. PROSPEK, 1985-90 .....	158
IV. PENUTUP .....	167
BAB 7: PEMBANGUNAN SEKTOR AWAM.....	168
I. PENDAHULUAN.....	168
II. PROGRAM SEKTOR AWAM DAN PEMBIAYAAN, 1981-85.....	168

III.	PROGRAM SEKTOR AWAM DAN PEMBIAYAAN, 1986-90 .....	178
IV.	BANTUAN PEMBANGUNAN DAN PROGRAM KERJASAMA TEKNIK MALAYSIA 184	
V.	JENTERA PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN.....	187
VI.	PENUTUP .....	191
BAB 8 :	SAINS DAN TEKNOLOGI.....	192
I.	PENDAHULUAN .....	192
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	193
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	198
IV.	STRATEGI BAGI PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI.....	200
V.	PERUNTUKAN.....	205
VI.	PENUTUP .....	205
BAB 9 :	ALAM SEKITAR.....	206
I.	PENDAHULUAN .....	206
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	207
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	213
IV.	PENUTUP .....	216
BAB 10 :	PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR.....	217
I.	PENDAHULUAN .....	217
II.	SEKTOR PERTANIAN DAN DASAR PERTANIAN NEGARA .....	217
III.	KEMAJUAN, 1981-1985 .....	220
IV.	TERAS PEMBANGUNAN.....	235
V.	PROSPEK 1986-1990 .....	238
VI.	PERUNTUKAN.....	250
VII.	PENUTUP .....	250
BAB 11 :	PEMBUATAN.....	251
I.	PENDAHULUAN .....	251
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	252
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	259
IV.	PELAN INDUK PERINDUSTRIAN PENYESUAIAN SEMULA STRATEGI PERINDUSTRIAN .....	270
V.	PERUNTUKAN.....	274
VI.	PENUTUP .....	274
BAB 12 :	PERDAGANGAN .....	275
I.	PENDAHULUAN .....	275
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	275
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	281
IV.	PERUNTUKAN.....	287
V.	PENUTUP .....	287
BAB 13 :	KEWANGAN .....	288
I.	PENDAHULUAN .....	288
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	288
III.	PROSPEK, 1986-9 .....	296
IV.	PERUNTUKAN.....	300

V.	PENUTUP .....	300
BAB 14 :	PELANCONGAN.....	301
I.	PENDAHULUAN .....	301
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	301
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	306
IV.	TUJUAN-TUJUAN DASAR DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA.....	307
V.	STRATEGI-STRATEGI BAGI PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN.....	308
VI.	PERUNTUKAN.....	313
VII.	PENUTUP .....	313
BAB 15 :	PERLOMBONGAN .....	314
I.	PENDAHULUAN .....	314
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	314
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	320
IV.	DASAR DAN PROGRAM .....	323
V.	PERUNTUKAN.....	325
VI.	PENUTUP .....	325
BAB 16 :	PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN.....	326
I.	PENDAHULUAN .....	326
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	326
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	337
IV.	PERUNTUKAN.....	346
V.	PENUTUP .....	346
BAB 17 :	TENAGA.....	347
I.	Pengenalan .....	347
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	347
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	353
IV.	PERUNTUKAN.....	358
V.	PENUTUP .....	358
BAB 18 :	KEMUDAHAN-KEMUDAHAN AWAM .....	359
I.	PENDAHULUAN .....	359
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	359
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	364
IV.	PERUNTUKAN.....	368
V.	PENUTUP .....	368
BAB 19 :	PELAJARAN DAN LATIHAN .....	369
I.	PENDAHULUAN .....	369
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	369
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	378
IV.	PERUNTUKAN.....	385
V.	PENUTUP .....	385
BAB 20 :	PERKHIDMATAN KESIHATAN .....	386
I.	PENDAHULUAN .....	386
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	386
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	391

IV.	PERUNTUKAN.....	396
V.	PENUTUP .....	396
BAB 21:	PERUMAHAN .....	397
I.	PENDAHULUAN .....	397
II.	KEMAJUAN, 1981-1985.....	397
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	401
IV.	PERUNTUKAN.....	404
V.	PENUTUP .....	404
BAB 22:	PEMBANGUNAN SOSIAL.....	405
I.	PENDAHULUAN .....	405
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	405
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	410
IV.	PERUNTUKAN.....	414
V.	PENUTUP .....	414
BAB 23:	PERTAHANAN DAN KESELAMATAN DALAM NEGERI.....	415
I.	PENDAHULUAN .....	415
II.	KEMAJUAN, 1981-85 .....	415
III.	PROSPEK, 1986-90 .....	418
IV.	PERUNTUKAN.....	419
V.	KESIMPULAN .....	419

# **BAB 1: RANCANGAN MALAYSIA KELIMA**

## **I. PENDAHULUAN**

Bagi 15 tahun yang lalu dan sejak tahun 1971, Malaysia telah berusaha bersungguh-sungguh untuk memenuhi matlamat perpaduan negara menerusi strategi serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru (DEB). DEB adalah bertujuan untuk membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat supaya pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dan kedudukan kawasan dapat dihapuskan. Tugas dan tanggungjawab ini telah ditetapkan untuk dicapai dalam tempoh dua dekad. DEB telah digubal berikutan daripada peristiwa rusuhan kaum pada tahun 1969 yang mendedahkan gejala-gejala perpecahan kaum yang semakin nyata dalam masyarakat Malaysia yang boleh mengancam dan menjejaskan keharmonian serta keselamatan negara. Berasaskan harapan dan tanggungjawab yang baru ini serta sokongan dari semua peringkat masyarakat dan kaum di negara, tiga rancangan pembangunan Malaysia yang lalu telah mengambilkira susunan dasar, program dan projek yang bertujuan mengatasi halangan-halangan yang diwarisi sejak dahulu lagi serta menyusun semula masyarakat Malaysia supaya matlamat utama pembangunan sosioekonomi, iaitu perpaduan negara, dapat dicapai.

Sepanjang tempoh 15 tahun yang lalu, prestasi ekonomi negara telah terjejas oleh keadaan ekonomi dunia yang tidak pasti. Namun begitu, pada umumnya tahun-tahun tujuh puluhan adalah satu tempoh yang menggalakkan bagi ekonomi negara dengan pencapaian kadar pertumbuhan purata sebanyak 7.6 peratus setahun berikutan daripada suasana luar negeri yang memuaskan dan harga-harga barangan yang lebih tinggi. Kemajuan yang besar telah dicapai dari segi penyediaan peluang-peluang pekerjaan, perubahan struktur ekonomi dan proses pemodenan, pembasmian kemiskinan serta penyusunan semula masyarakat. Sejak tahun 1982 dan kecuali bagi tahun 1984, pertumbuhan ekonomi negara telah terjejas disebabkan oleh kejatuhan yang besar dalam nisbah harga eksport-import dan permintaan eksport yang lembab akibat kemelesetan ekonomi dunia yang berlarutan. Pertumbuhan ekonomi yang perlahan di samping kurangan yang besar dalam akaun semasa imbalan pembayaran dan dalam akaun sektor awam telah menyebabkan jumlah hutang dalam dan luar negeri menjadi semakin meningkat. Keadaan ini menggambarkan kelemahan-kelemahan struktur dalam ekonomi yang perlu diatasi menerusi pendekatan-pendekatan pembangunan baru yang telah pun dimulakan dalam Kajian Separuh

**Penggal Rancangan Malaysia Keempat dan akan diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML).**

Negara kini bersedia untuk memasuki fasa keempat Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP), 1971-90. Pengalaman-pengalaman yang didapati daripada usaha-usaha pembangunan pada masa lalu dan prospek serta batasan-batasan dalam tempoh lima tahun akan datang akan diambilkira. Walaupun matlamat-matlamat asasnya tidak berubah, dasar-dasar dan strategi-strategi yang ditetapkan pada permulaan RRJP semestinya diubahsuai mengikut suasana dalam tempoh lima tahun terakhir lapan puluhan.

Tempoh lima tahun yang akan datang adalah amat penting dalam usaha mempastikankemajuan-kemajuan seterusnya dicapai ke arah matlamat perpaduan negara, lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi dunia tidak pasti yang berterusan serta sumber-sumber ekonomi yang terbatas. Sektor awam tidak lagi memainkan peranan yang cergas dalam usaha mengembangkan ekonomi negara. Sebaliknya, sektor ini akan menyusun semula usaha-usahanya untuk menyediakan suasana dan iklim yang lebih sesuai agar sektor swasta dapat memainkan peranan dengan lebih cergas dalam usaha menghasilkan pertumbuhan ekonomi menerusi peningkatansaingan, kecekapan, daya usaha serta pembaharuan-pembaharuan dalam proses pengeluaran dan pemasaran barang-barang dan perkhidmatan di dalam dan luar negeri. Memandangkan terdapatnya jurang antara sumber dan pelaburan, lebih banyak tumpuan akan diberi bagi menambahkan tabungan dalam negeri, menggembeling sumber-sumber tempatan, menarik pelaburan asing serta menggunakan sumber-sumber ekonomi dengan lebih cekap. Dari segi pengeluaran, sektor pertanian akan dipergiatkan semula menerusi penyatuan kawasan-kawasan kebun dan menguruskannya secara estet. Di samping itu, produktiviti buruh di semua sektor ekonomi akan ditingkatkan menerusi berbagai-bagai program latihan. Dalam tempoh RML, Kerajaan akan mengkaji strategi-strategi yang telah dilaksanakan, memperkukuhkan lagi program-program pembangunan serta merangka pendekatan-pendekatan baru untuk membolehkannya mengatasi cabaran-cabaran sosioekonomi dan politik yang dihadapi oleh negara pada masa ini dan akan datang.

## II. PEMBANGUNAN NEGARA DALAM TEMPOH 15 TAHUN, 1971-85

Lima belas tahun telah berlalu sejak RRJP dilaksanakan untuk mencapai matlamat-matlamat DEB. DEB telah dirangka untuk mencapai matlamat menyeluruh perpaduan negara dan pembinaan sebuah negara menerusi pembasmian kemiskinan tanpa mengira kaum dan penyusunan semula masyarakat bagi menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dan kedudukan kawasan. Sebelum tahun 1971, sebahagian besar pembangunan ekonomi tertumpu kepada usaha menggalakkan pertumbuhan ekonomi menerusi pelaburan dalam sektor pertanian dan infrastruktur dan pembangunan kawasan luar bandar. Peristiwa 13 Mei, 1969 membuktikan bahawa penekanan yang diberi terhadap pertumbuhan ekonomi semata-mata adalah tidak memadai untuk mengatasi sepenuhnya masalah sosioekonomi yang tidak seimbang di kalangan masyarakat Malaysia. Oleh yang demikian, DEB yang dirangka pada tahun 1970 mengakui bahawa sebarang usaha pembangunan yang dibuat tanpa mengambilkira sepenuhnya masalah-masalah sosioekonomi yang tidak seimbang antara kumpulan etnik dan wilayah akan menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang tidak disertai oleh pengagihan yang akhirnya boleh membawa kepada sebuah masyarakat yang berpecah belah dan negara yang kurang terjamin. Oleh itu, penekanan yang lebih kuat hendaklah diberi kepada matlamat perpaduan dan integrasi negara menerusi pengagihan pendapatan dan peluang-peluang ekonomi yang lebih saksama di kalangan semua rakyat Malaysia.

DEB menggambarkan keazaman Kerajaan untuk mewujudkan sebuah negara bersatupadu, adil, stabil dan progresif. Matlamat-matlamat DEB dijangka dapat dicapai dalam keadaan ekonomi yang berkembang dengan pesat supaya tidak ada mana-mana golongan mengalami kerugian atau merasa hak mereka diketepikan. Berdasarkan kesedaran ini, DEB bertujuan mewujudkan satu susunan sosioekonomi yang adil bagi rakyat Malaysia meningkatkan pencapaian mereka menerusi satu sistem yang membolehkan penglibatan, pengurusan dan penguasaan mereka secara lebih saksama dalam proses pembangunan negara.

Banyak kemajuan telah dicapai ke arah matlamat perpaduan dan pembinaan sebuah negara sejak 15 tahun yang lalu. Kemajuan juga telah dicapai dalam usaha mengagihkan kekayaan, pendapatan dan peluang-peluang ekonomi dengan lebih saksama. Pada masa yang sama, kejayaan yang besar juga telah diperolehi dalam pembangunan sosial untuk memenuhi keperluan asas dan lebih ramai rakyat Malaysia telah menikmati kemudahan-kemudahan pelajaran, kesihatan dan lain-lain perkhidmatan awam yang lebih baik. Kejayaan DEB dari segi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula corak gunatenaga serta pemilikan kekayaan adalah membanggakan walaupun prestasi ekonomi negara dalam sebahagian besar tempoh RME telah dipengaruhi oleh suasana ekonomi dunia yang tidak pasti. Pencapaian kadar pertumbuhan ekonomi dalam negeri yang tinggi pada tahun-tahun tujuh puluhan telah mempercepatkan kemajuan ke arah matlamat-matlamat DEB. Walau bagaimanapun, awal tahun lapan puluhan merupakan



tempoh yang lebih mencabar disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang bermula sejak akhir tahun 1979 dan keadaan ini telah melembabkan pencapaian matlamat penyusunan semula dalam DEB sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Tempoh lima tahun yang akan datang merupakan tahun-tahun terakhir pelaksanaan RRJP. Dalam proses memasuki tempoh yang baru ini, negara perlu menilai kembali pembangunan yang telah dicapai sejak 15 tahun yang lalu bagi membolehkannya menganalisa kejayaan yang telah dinikmati serta mengkaji kegagalan, kekuatan dan kelemahan yang telah dialami. Hasil penilaian ini akan menjadi asas untuk merancang agenda pembangunan lima tahun berikutnya. Perpaduan negara dan integrasi nasional

Perlu ditegaskan bahawa perpaduan negara merupakan objektif menyeluruh dan matlamat asas negara. Perpaduan negara menjadi asas dalam usaha membentuk sebuah negara yang teguh dan bersatupadu dan amat penting bagi menjamin keutuhan dan keselamatan negara dalam jangka panjang. Berbagai usaha telah dijalankan sejak 15 tahun yang lalu bagi mencapai matlamat tersebut.

Salah satu daripada berbagai corak pendekatan yang telah diambil ke arah perpaduan negara ialah pembentukan satu suasana sosioekonomi yang membolehkan penyertaan semua kaum dengan lebih berdaya maju dan saksama dalam proses pembangunan. Sehubungan dengan ini, DEB merupakan satu daripada pendekatan untuk mencapai perpaduan negara dan integrasi nasional menerusi pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat. Program-program pembasmian kemiskinan yang telah dilaksanakan dalam tempoh 15 tahun yang lalu telah berjaya memupuk semangat hidup bermasyarakat dan perasaan terjamin serta mengurangkan perasaan diketepikan dan perasaan terasing dengan melibatkan golongan miskin dalam berbagai corak pembangunan ekonomi. Program penyusunan semula masyarakat pula telah berjaya melibatkan semua rakyat Malaysia, tanpa mengira keturunan, dalam kegiatan perdagangan dan perindustrian. Rakyat Malaysia dari berbagai keturunan bersama-sama menyumbangkan tenaga dalam kegiatan-kegiatan moden menerusi strategi-strategi penyusunan semula gunatenaga di bawah DEB.

Sistem pelajaran merupakan alat utama dalam usaha memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira latarbelakang kaum, kebudayaan dan ugama. Penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama dan memperbaiki perhubungan antara kaum supaya menjadi semakin berkesan yang seterusnya mengukuhkan asas perpaduan negara. Satu lagi program bagi menggalakkan integrasi nasional ialah pelaksanaan kurikulum yang seragam di semua sekolah bertujuan untuk menyemai dan menanam nilai-nilai dan norma-norma selaras dengan prinsip-prinsip Rukunegara sebagai ideologi nasional. Di samping itu, penekanan juga diberi kepada pembelajaran pembangunan negara dari segi sejarah, ekonomi dan sosial. Pembentukan kesedaran sivik dan semangat kebangsaan juga turut diberi perhatian. Kegiatan-kegiatan ko-kurikular juga memberi peluang kepada murid-murid untuk bergaul dan bekerjasama dalam kegiatan-kegiatan persatuan dan sukan.

Kemajuan terus dicapai dalam usaha mengurangkan pengasingan dan mengeratkan pergaulan antara kumpulan ethnik menerusi langkah-langkah mengadakan taburan penduduk mengikut kumpulan ethnik yang lebih seimbang di kawasan-kawasan perumahan, menyediakan peluang-peluang membina negara dan membentuk satu kebudayaan nasional. Di samping itu, kemudahan-kemudahan rekreasi dan sosial yang disediakan di kawasan-kawasan perumahan juga membolehkan masyarakat bergaul dan saling berhubungan antara satu sama lain. Program-program di bawah skim Rukun Tetangga, Ikatan Relawan Rakyat (RELA) dan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) memberi peluang kepada rakyat melibatkan diri dalam usaha membina sebuah negara. Penglibatan rakyat dalam program-program tersebut juga telah meningkatkan lagi persefahaman dan kerjasama di kalangan berbagai golongan masyarakat. Sejak 15 tahun yang lalu juga, Kerajaan terus menggalakkan pembangunan satu kebudayaan nasional menerusi gabungan berbagai unsur kebudayaan semua kumpulan ethnik dengan berteraskan kebudayaan Melayu.

Satu daripada unsur bagi memupuk perpaduan dan membina negara ialah integrasi antara wilayah. Usaha Kerajaan bagi meningkatkan perpaduan di kalangan negeri-negeri telah memberi tumpuan, antara lain, kepada integrasi di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sistem pelajaran di Sabah dan Sarawak telah disatukan secara beransur-ansur ke dalam sistem pelajaran kebangsaan, terutamanya dalam bidang latihan perguruan serta penggunaan satu kurikulum yang seragam di sekolah-sekolah. Perhubungan antara negeri juga telah diperkukuhkan menerusi pengangkutan udara dan laut, perkhidmatan telekomunikasi dan perkhidmatan pos yang lebih baik. Usaha-usaha memperbaiki dan memperkukuhkan sistem pengangkutan dan perhubungan merupakan langkah penting untuk meningkatkan perdagangan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Di samping itu, rangkaian radio dan televisyen di Sabah dan Sarawak telah disatukan dengan rangkaian radio dan televisyen nasional. Aspek-aspek integrasi yang lain termasuk penyelarasan cukai serta perluasan dan peningkatan kegiatan institusi-institusi Kerajaan Persekutuan di Sabah dan Sarawak seperti Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Syarikat Pemodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Lembaga Padi dan Beras Negara (LPN), Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (SOCSO).

Kemajuan besar telah dicapai ke arah matlamat perpaduan negara dan kenegaraan. Walau bagaimanapun, masalah-masalah yang berupa kepentingan peribadi, kehendak-kehendak yang keterlaluan dan sikap yang melampau terus wujud di kalangan sebilangan rakyat. Oleh yang demikian, masih banyak lagi usaha perlu dilaksanakan. Perpaduan dan pembinaan negara adalah satu matlamat jangka panjang yang perlu dicapai menerusi pendekatan-pendekatan dari berbagai aspek seperti faktor sosial, politik, kebudayaan dan psikologi. Usaha Kerajaan hanya merupakan satu aspek daripada keseluruhan usaha untuk meningkatkan perpaduan negara. Perpaduan negara juga menjadi tanggungjawab setiap rakyat dan seharusnya mendapat perhatian dari setiap lapisan masyarakat. Oleh

itu, usaha perlu dibuat bagi membentuk dan menanam nilai-nilai, tanggapan dan sikap yang positif dalam membina masyarakat berbilang kaum yang mengamalkan sikap bertolak ansur, harmoni, saling faham-memahami, adil, jujur dan bersatu padu. Sikap yang lebih memahami dan menghormati nilai-nilai sensitif dalam sesebuah masyarakat serta menerima pengalaman-pengalaman dan nilai-nilai yang seragam juga merupakan unsur penting ke arah menggalakkan keharmonian dan toleransi antara kaum, di samping memperkukuhkan lagi hubungan antara rakyat Malaysia.

### **Dasar Ekonomi Baru**

DEB menyediakan satu rangka asas bagi melibatkan semua rakyat Malaysia dengan lebih saksama dalam proses pembangunan untuk mencapai perpaduan negara. Dalam tempoh 15 tahun yang lalu, kemajuan yang boleh dibanggakan telah dicapai dalam usaha ini, terutamanya dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Dari segi pembasmian kemiskinan, semua kumpulan sasaran telah menikmati faedah daripada program-program pembasmian kemiskinan. Kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia secara keseluruhannya yang dikira berasaskan jumlah bilangan isirumah di bawah pendapatan garis kemiskinan telah berkurang daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 18.4 peratus pada tahun 1984. Dalam tempoh yang sama, jumlah isirumah miskin berkurang daripada 791,800 kepada kira-kira 483,300. Sementara itu, kadar kemiskinan telah berkurang dengan banyaknya di Sabah dan Sarawak. Penyertaan dan penglibatangolongan yang kurang bernasib baik, khususnya penduduk miskin di luar bandar dalam pembangunan telah meningkat dan ini dilaksanakan menerusi strategi-strategi pembukaan tanah baru dan pembangunan pertanian IN-SITU serta penyerapan tenaga buruh luar bandar ke dalam jenis-jenis pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi di sektor-sektor perindustrian dan perkhidmatan.

Program pembukaan tanah baru secara besar-besaran yang dilaksanakan oleh Kerajaan telah berjaya membuka tanah seluas 551,000 hektar dan menempatkan tidak kurang daripada 73,600 keluarga dalam tempoh 1971-85. Program ini membolehkan peserta-peserta rancangan yang dahulunya terlibat dalam kegiatan-kegiatan pertanian tradisional yang kurang produktif menyertai kegiatan-kegiatan pertanian moden yang memberikan hasil yang lebih tinggi. Di samping itu, pelaburan dalam kemudahan infrastruktur dan perkhidmatan sosial membolehkan mereka menikmati berbagai-bagai perkhidmatan dan pergi ke bandar-bandar di luar kawasan rancangan.

Strategi untuk membasmi kemiskinan juga merangkumi usaha-usaha memperbaiki mutu kehidupan menerusi penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan awam. Dalam tempoh 15 tahun yang lalu, golongan miskin telah mendapat peluang yang lebih untuk menikmati perkhidmatan-perkhidmatan awam dan kemudahan-kemudahan sosial yang moden seperti pelajaran, perkhidmatan perubatan dan kesihatan serta bekalan air dan elektrik. Jangka hayat bagi kaum lelaki telah bertambah baik iaitu daripada 62.2 tahun pada tahun 1970 kepada 67.6 tahun pada tahun 1984 sementara bagi kaum wanita meningkat daripada 66.7 tahun kepada 72.7 tahun. Kadar kematian bagi setiap seribu bayi yang

dilahirkan hidup telah berkurang daripada 39.4 pada tahun 1970 kepada 17.5 pada tahun 1984. Bahagian bilangan pelajar sekolah rendah daripada jumlah penduduk di peringkat umur sekolah rendah telah meningkat daripada kira-kira 88 peratus pada tahun 1970 kepada 95 peratus pada tahun 1985.

Strategi penyusunan semula masyarakat adalah bertujuan menghapuskan pengenalan kaum mengikut fungsi ekonomi dan kedudukan kawasan. Strategi ini perlu dicapai menerusi usaha-usaha mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan antara kumpulan ethnik dan wilayah serta proses penyusunan semula corak gunatenaga, hakmilik modal saham sektor syarikat dan pembentukan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian di kalangan Bumiputera.

Dalam tempoh 1971-85, pendapatan purata dan pendapatan penengah bagi semua kumpulan ethnik mengikut kedua-dua harga sebenar dan harga semasa telah meningkat. Kemajuan telah dicapai dalam usaha mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan antara kumpulan ethnik dan antara kawasan bandar dan luar bandar menerusi, antara lain, penyediaan kegiatan-kegiatan produktif bagi golongan yang kurang bernasib baik. Pendapatan bulanan purata sebenar bagi isirumah Bumiputera sebagai peratusan daripada pendapatan bulanan purata negara telah meningkat daripada 65 peratus atau \$172 pada tahun 1970 kepada 78 peratus atau \$384 pada tahun 1984. Sementara itu pendapatan purata bagi kaum Cina adalah sebanyak \$678 melebihi pendapatan purata negara pada tahun 1984 dan pendapatan purata kaum India sebanyak \$494 iaitu hampir kepada pendapatan purata negara pada tahun 1984. Walau bagaimanapun, jurang perbezaan pendapatan masih lagi luas. Kemajuan juga telah dicapai dalam usaha membangunkan negeri-negeri dan wilayah-wilayah yang kurang maju. KDNK PER KAPITA bagi Kelantan meningkat daripada \$989 pada tahun 1971 kepada \$1,740 pada tahun 1985, sementara bagi kedua-dua negeri Kedah dan Perlis meningkat daripada \$1,277 kepada \$2,382 bagi tempoh yang sama.

Dari segi penyusunan semula gunatenaga, pencapaian agihan gunatenaga di semua sektor bagi menggambarkan komposisi kaum di negara ini telah bertambah baik. Mengikut jenis pekerjaan, bahagian Bumiputera dalam kumpulan ikhtisas dan teknik masih merupakan bahagian yang terbesar. Walau bagaimanapun, sebahagian besar daripada jumlahnya adalah terdiri daripada guru-guru dan jururawat-jururawat. Dalam kumpulan ikhtisas dan teknik yang berpendapatan tinggi, bahagian Bumiputera masih lagi kecil iaitu kira-kira 21 peratus pada tahun 1984. Walau bagaimanapun, bahagian ini adalah lebih besar daripada bahagiannya pada tahun 1970. Bahagian kaum India dalam kumpulan ikhtisas dan teknik juga telah meningkat daripada 10.8 peratus pada tahun 1970 kepada 11.1 peratus pada tahun 1985. Dalam kumpulan pekerjaan pentadbiran dan pengurusan, kaum Cina masih lagi mempunyai bahagian yang terbesar. Sumbangan program pelajaran kepada pencapaian matlamat penyusunan semula gunatenaga adalah penting terutamanya menerusi penyediaan peluang-peluang kepada golongan yang berpendapatan rendah menyertai kegiatan-kegiatan sektor-sektor ekonomi moden yang berpendapatan tinggi. Peningkatan program-program pelajaran di peringkat tinggi

khususnya, telah menambahkan penawaran gunatenaga Bumiputera yang terlatih di peringkat ikhtisas dan pengurusan.

Rakyat Malaysia telah berjaya menambah hakmilik dan penguasaan mereka dalam sektor syarikat dalam tempoh 15 tahun yang lalu. Bahagian Bumiputera, menerusi agensi-agensi amanah dan syarikat-syarikat Bumiputera, telah meningkat daripada 4.3 peratus pada tahun 1971 kepada 17.8 peratus menjelang akhir tahun 1985. Rakyat Malaysia yang lain juga mendapat faedah daripada proses penyusunan semula hakmilik modal saham. Dalam tempoh yang sama, bahagian mereka telah meningkat daripada 34.0 peratus kepada 56.7 peratus. Sementara itu, bahagian yang dimiliki oleh kepentingan asing pula berkurang daripada 61.7 peratus pada tahun 1971 kepada 25.5 peratus pada tahun 1985. Dari segi jumlahnya, modal saham kepentingan asing telah meningkat dengan banyaknya daripada \$4,000 juta pada tahun 1971 kepada kira-kira \$19,400 juta pada tahun 1985.

Hakmilik dan penguasaan Bumiputera dalam sektor syarikat menerusi agensi-agensi amanah adalah jelas terdapat dalam tiga sektor utama, iaitu sektor kewangan dan bank, sektor perladangan dan sektor perlombongan. Bumiputera memiliki kepentingan yang besar dalam sektor bank dan kewangan. Sementara itu, syarikat-syarikat yang dimiliki dan dikuasai oleh Bumiputera mempunyai bahagian yang penting daripada keluasan sektor perladangan. Dalam sektor perlombongan, kepentingan Bumiputera juga menguasai sebahagian besar daripada MALAYSIAN MINING CORPORATION. Pemilikan modal saham Bumiputera yang besar dalam sektor-sektor perlombongan dan perladangan adalah hasil daripada pembelian syarikat-syarikat asing yang sedia ada dan pembelian harta-harta di pasaran terbuka. Mengenai pembentukan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian di kalangan Bumiputera, kemajuan keseluruhannya menunjukkan bahawa walaupun suasana perniagaan dan perdagangan menjadi lebih sukar dan semakin bersaing, perusahaan dan usahawan-usahawan Bumiputera telah berjaya mencapai kemajuan penting sepanjang tempoh 15 tahun yang lalu, khususnya dalam bidang perniagaan borong dan runcit serta dalam sektor-sektor perkhidmatan seperti pelancongan dan pengembaraan, pengangkutan dan perkapalan.

Pada keseluruhannya, kemajuan pesat telah dinikmati oleh semua rakyat dalam proses pembangunan ekonomi negara. Kejayaan yang dicapai selama ini adalah hasil daripada bantuan dari Kerajaan menerusi penyediaan infrastruktur, skim-skim galakan dan sokongan. Akibatnya, terdapat kecenderungan di kalangan rakyat Malaysia yang bersikap terlalu bergantung kepada bantuan dan sokongan Kerajaan dan tanpa disedari telah menimbulkan pemikiran yang terlalu berharap dan bergantung pada subsidi. Sehubungan dengan ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah untuk mengurangkan pemberian subsidi secara beransur-ansur dan terpilih. Sikap yang terlalu bergantung kepada bantuan Kerajaan boleh menyekat sifat-sifat yang positif seperti daya usaha, dorongan, daya cipta dan semangat keusahawanan seseorang. Sifat-sifat yang positif ini akan menjadi lebih penting pada masa hadapan berikutan daripada

langkah-langkah sektor awam untuk memperkukuhkan kedudukannya disebabkan oleh batasan-batasan perbelanjaan yang dialami.

#### Pertumbuhan ekonomi dan perubahan struktur

Pertumbuhan ekonomi yang pesat merupakan syarat yang perlu dipenuhi dalam usaha pencapaian matlamat DEB. Sehubungan dengan ini, KDNK sebenar dijangka berkembang pada kadar 8.0 peratus setahun bagi tempoh RRJP. Jangkaan ini berdasarkan kepada harapan yang agak optimis pada masa itu mengenai kadar pelaburan sektor awam dan sektor swasta serta keadaan ekonomi luar negeri yang menggalakkan. Walaupun krisis minyak pada tahun 1972-73 dan 1979 telah memberi kesan kepada negara, tahun-tahun tujuh puluhan merupakan satu tempoh yang agak memuaskan dari segi ekonomi luar dan ekonomi negara telah berkembang dengan pesat hasil daripada pelaburan sektor awam yang kukuh dan prestasi eksport yang menggalakkan. Oleh itu, ekonomi negara telah mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 7.6 peratus setahun dalam tempoh sepuluh tahun pertama RRJP. Walau bagaimanapun, sejak tahun 1980, pembangunan ekonomi semakin merosot khususnya disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dunia yang berlanjutan sejak akhir tahun 1979. Berikutan dengan itu, kadar pertumbuhan ekonomi dalam tempoh 1981-85 merosot kepada 5.8 peratus setahun berbanding dengan kadar tinggi yang dialami dalam tahun-tahun tujuh puluhan.

Dalam dekad tujuh puluhan, teras perkembangan ekonomi didorong oleh kedua-dua permintaan dari dalam dan luar negeri. Dalam tempoh 1971-75, pelaburan awam adalah merupakan punca utama pertumbuhan ekonomi. Pelaburan tersebut telah berjaya menghasilkan pertumbuhan ekonomi ketika pertumbuhan eksport dan pelaburan swasta berkembang dengan perlahan. Walau bagaimanapun, permintaan luar negeri telah meningkat dengan cepat dalam tempoh 1976-80 dan keadaan ini telah mendorong kegiatan pengeluaran dalam negeri meningkat dengan banyaknya. Permintaan dalam negeri juga menjadi pendorong pertumbuhan ekonomi dalam tempoh ini. Kedudukan imbalan pembayaran dalam tahun-tahun tujuh puluhan adalah memuaskan walaupun keadaan ekonomi dunia tidak tetap dan kegiatan ekonomi di negara-negara rakan perdagangan dalam beberapa tahun tempoh tersebut menjadi semakin lembab. Dalam tempoh 1976-80, imbalan perdagangan barangan mencatatkan lebih yang tinggi sebanyak \$23,296 juta. Keadaan ini menggambarkan pendapatan yang tinggi daripada eksport barangan, khususnya daripada petroleum mentah dan barang-barang pembuatan.

Tahun-tahun tujuh puluhan merupakan satu tempoh yang mencatatkan harga dalam negeri yang stabil walaupun terdapat tekanan-tekanan harga pada awal tahun-tahun tujuh puluhan berikutan daripada kesan kenaikan harga minyak pada tahun 1972-73 terhadap kos import serta batasan-batasan yang timbul terhadap penawaran dalam negeri, khususnya pada tahun 1973 dan 1974, bagi barang-barang makanan utama dan bahan-bahan binaan. Walau bagaimanapun, berikutan daripada langkah-langkah untuk

mengatasi inflasi, kadar inflasi dalam negeri telah berkurang ke paras yang boleh dikawal.

Dalam tempoh 1981-85, prestasi ekonomi pada keseluruhannya adalah lembab. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh kemelesetan ekonomi di negara-negara perindustrian yang seterusnya telah menjejaskan perdagangan antarabangsa, mengurangkan pelaburan sektor swasta dan memberatkan lagi masalah imbalan pembayaran luar negeri. Keperluan untuk mengawal jumlah perbelanjaan, terutamanya perbelanjaan Kerajaan berikutan daripada daya usaha sektor swasta yang lembab serta prestasi eksport yang merosot telah menyebabkan berlakunya batasan-batasan sumber pada keseluruhannya dalam tempoh 1981-83 dan keadaan ini seterusnya menambahkan lagi kurangan dalam imbalan pembayaran. Pembiayaan kurangan tersebut menerusi sumber-sumber pinjaman telah menyebabkan hutang dalam dan luar negeri bertambah dengan banyaknya. Oleh yang demikian, semakin besar penerimaan dari luar negeri perlu diperuntukkan bagi membayar khidmat hutang. Kelembapan sektor luar negeri yang berlanjutan telah mendorong Kerajaan mengubahsuai struktur perbelanjaan dalam negeri mulai tahun 1983 dan memastikan supaya ekonomi negara terus berdaya maju dalam jangka panjang. Oleh yang demikian, Kerajaan telah berjaya mengurangkan kurangan belanjawan daripada 18.7 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) pada tahun 1982 kepada 8.2 peratus pada tahun 1985. Kurangan kira-kira semasa juga berjaya dikurangkan daripada 14.1 peratus daripada KNK pada tahun 1982 kepada 3.1 peratus pada tahun 1985.

Walaupun kadar pertumbuhan KDNK bagi tempoh 15 tahun yang lalu sebanyak 7.0 peratus setahun didapati lebih rendah daripada 8.0 peratus yang dijangkakan untuk RRJP, prestasi ini pada keseluruhannya boleh dianggap memuaskan memandangkan prestasi ekonomi dunia yang tidak pasti dan lembab pada beberapa tahun dalam tempoh tersebut. Dalam tempoh ini, KDNK sebenar mengikut harga tahun 1978 meningkat tiga kali iaitu daripada \$21,548 juta pada tahun 1970 kepada \$59,344 juta pada tahun 1985. Kadar pertumbuhan yang dicapai oleh Malaysia adalah agak tinggi bagi sebuah negara yang sedang membangun dan prestasi ini adalah menggalakkan jika dibandingkan dengan beberapa negara yang telah maju yang mengalami kadar pertumbuhan keluaran dan pendapatan yang lebih perlahan. Malaysia telah berjaya mengekalkan kadar pertumbuhannya pada paras yang memuaskan terutamanya disebabkan oleh kedudukan politiknya yang stabil serta dasar kewangan dan ekonominya yang kukuh di samping pengurusan sumber-sumber semulajadi seperti minyak dan gas dengan cekap yang telah meningkatkan lagi ketahanan ekonomi.

Kadar pertumbuhan ekonomi yang tinggi dalam tempoh ini telah disertai oleh perubahan struktur ekonomi dan ini adalah sejajar dengan usaha-usaha memodenkan dan mempelbagaikan ekonomi serta mengubah secara beransur-ansur kegiatan-kegiatan yang bercorak cukup hidup dan berproduktiviti rendah kepada kegiatan-kegiatan moden yang berproduktiviti tinggi. Dari segi keluaran mengikut sektor, perubahan yang ketara berlaku dalam komposisi pengeluaran dengan meningkatnya sumbangan sektor-sektor

pembuatan, pembinaan, dan bank dan kewangan di samping berkurangnya peranan sektor pertanian. Bahagian sektor pembuatan dalam KDNK bertambah daripada 13.9 peratus pada tahun 1970 kepada 19.1 peratus pada tahun 1985, sementara bahagian sektor pertanian pula berkurang daripada 29.0 peratus pada tahun 1970 kepada 20.3 peratus pada tahun 1985. Walaupun sumbangan sektor pertanian kepada pertumbuhan ekonomi pada keseluruhannya telah berkurang berbanding dengan sektor-sektor lain, sektor ini terus memberi sumbangan kepada pembasmian kemiskinan menerusi usaha-usaha menambahkan pendapatan.

Perubahan struktur juga berlaku dalam sektor-sektor tertentu. Dalam sektor pertanian, kelapa sawit dan koko menjadi semakin penting, sementara bahagian getah dan padi dari segi keluarannya terus berkurangan. Dalam sektor pembuatan, perkembangan yang nyata berlaku dalam industri-industri yang mengeluarkan barang-barang elektrik dan elektronik, barang-barang petroleum dan tekstil, sementara industri-industri yang berasaskan pertanian seperti industri barang-barang getah dan kayu, tidak mengalami perubahan. Sektor perlombongan juga banyak mengalami perubahan struktur dalam komposisi keluarannya. Bahagian keluaran bijih timah berkurang daripada kira-kira 78 peratus pada tahun 1971 kepada 21 peratus pada tahun 1985, sementara sumbangan petroleum kepada keluaran sektor perlombongan mengikut harga tahun 1970 bertambah dengan banyaknya daripada kira-kira 17 peratus kepada 69 peratus.

Dari segi permintaan, jumlah eksport barangan dan perkhidmatan bukan faktor bertambah sebanyak 7.8 peratus setahun dalam tempoh 1971-85. Pertumbuhan eksport adalah paling tinggi dalam tempoh 1976-80, iaitu pada kadar 9.6 peratus setahun berbanding dengan 5.9 peratus dalam tempoh 1971-75 dan 8.0 peratus dalam tempoh 1981-85. Pertumbuhan eksport yang tinggi dalam tempoh 1976-80 adalah disebabkan oleh permintaan sektor luar negeri yang meningkat dengan cepat. Walau bagaimanapun, prestasi sektor tersebut dalam tempoh 1981-83 dan pada tahun 1985 telah terjejas dengan banyaknya oleh permintaan luar negeri yang lembab dan harga-harga barangan yang tidak memuaskan.

Komposisi eksport juga mengalami perubahan yang ketara dalam tempoh 15 tahun yang lalu. Bahagian keluaran getah daripada jumlah eksport barangan berkurang daripada 33.4 peratus pada tahun 1970 kepada 7.5 peratus pada tahun 1985, sementara bahagian kelapa sawit bertambah dengan banyaknya daripada 5.1 peratus pada tahun 1970 kepada 10.4 peratus pada tahun 1985. Eksport petroleum juga berkembang dengan pesatnya dalam tempoh ini, iaitu pada kadar 28.7 peratus setahun, sementara eksport bijih timah mengalami kekurangan dalam jangka panjang. Eksport barang pembuatan berkembang dengan pesatnya sepanjang tempoh ini selaras dengan usaha-usaha meningkatkan proses perindustrian dan hasilnya bahagian barang-barang elektrik dan elektronik, tekstil, pakaian dan barang-barang kimia daripada jumlah barangan eksport juga telah meningkat.



Berikutan dengan bertambahnya permintaan dalam negeri bagi barang-barang penggunaan, perantaraan dan pelaburan, jumlah import berkembang pada kadar 8.6 peratus setahun. Prestasi import yang lembab pada kadar 5.1 peratus setahun dalam tempoh 1971-75 telah meningkat pada kadar 15.6 peratus setahun dalam tempoh 1976-80. Dalam tempoh 1981-85, jumlah import telah bertambah pada kadar 5.5 peratus setahun. Sebahagian besar daripada permintaan import dalam tempoh 1971-80 adalah bagi barang-barang perantaraan dan pelaburan dan keadaan ini adalah disebabkan oleh permintaan pelaburan yang tinggi dalam ekonomi. Sebahagian besar daripada permintaan ini adalah berpunca dari program-program pelaburan sektor awam yang besar.

Jumlah pelaburan meningkat dengan pesatnya pada kadar 10.6 peratus setahun disebabkan oleh penambahan besar dalam pelaburan sektor awam pada kadar 14.4 peratus setahun dalam tempoh ini. Pertambahan pelaburan ini adalah berikutan daripada penglibatan sektor awam yang semakin meningkat dalam kegiatan-kegiatan ekonomi seperti perdagangan dan perindustrian, termasuk industri berat. Berikutan dengan pertambahan pelaburan sektor awam yang pesat ini, bahagiannya daripada jumlah pelaburan meningkat daripada kira-kira 30 peratus pada tahun 1970 kepada 50 peratus pada tahun 1985. Pertumbuhan pelaburan sektor awam adalah paling tinggi dalam tempoh 1971-75, iaitu pada kadar 16.0 peratus setahun dan sebahagian besar daripadanya adalah ditumpukan untuk pembangunan infrastruktur. Walau bagaimanapun, dalam tempoh 1976-80, pelaburan sektor awam berkembang pada kadar yang lebih rendah, iaitu 14.7 peratus setahun dengan tumpuan yang lebih diberi kepada pembiayaan projek-projek yang berkaitan secara langsung dengan DEB.

Pada awal tahun-tahun lapan puluhan, sektor awam telah mengambil langkah-langkah mengatasi kesan kemerosotan ekonomi dunia. Walau bagaimanapun, program pelaburan yang pesat dilaksanakan oleh sektor awam telah menimbulkan kesulitan dalam kedudukan sumber sektor awam. Keadaan ini menyebabkan sektor tersebut mengambil langkah-langkah mengurangkan perbelanjaannya pada separuh tempoh kedua RME.

Walaupun pelaburan swasta berkembang dengan kadar yang lebih perlahan, iaitu sebanyak 10.5 peratus setahun dalam tempoh 1971-75 berbanding dengan kadar yang dicapai dalam tempoh 1976-80, kadar tersebut dianggap memuaskan memandangkan permintaan luar negeri telah berkembang dengan lebih perlahandan mengalami kemerosotan. Dalam tempoh 1976-80, pelaburan swasta berkembang pada kadar yang lebih tinggi, iaitu 12.7 peratus setahun dan menjadi daya penggerak bagi perkembangan kegiatan-kegiatan dalam negeri. Oleh yang demikian, bahagian pelaburan swasta daripada KDNK meningkat daripada 16.2 peratus pada tahun 1975 kepada 19.5 peratus pada tahun 1980. Pertumbuhan pelaburan swasta pada separuh akhirtahun-tahun tujuh puluhan adalah didorong terutamanya oleh pertumbuhan permintaan luar negeri serta adanya sumber-sumber pelaburan yang dihasilkan oleh kadar tabungan yang tinggi dan aliran masuk modal asing.

Dalam tempoh 1981-85, pelaburan swasta walau bagaimanapun berkembang dengan lebih perlahan pada kadar 2.3 peratus setahun disebabkan masalah-masalah struktur ekonomi dari dalam dan luar negeri. Sekiranya pelaburan dalam sektor minyak dan gas yang merupakan kira-kira satu perempat daripada jumlah pelaburan swasta tidak diambilkira, pertumbuhan pelaburan swasta tentu menjadi lebih rendah. Dalam tempoh 1971-85, pelaburan swasta tidak dapat memainkan peranan penting seperti yang diharapkan. Oleh yang demikian, bahagian pelaburan sebenar sektor swasta daripada jumlah pelaburan berkurang daripada kira-kira 70 peratus pada tahun 1970 kepada 50 peratus pada tahun 1985.

Peranan sektor awam dalam ekonomi telah berubah daripada peranannya yang lazim sebagai penyedia perkhidmatan-perkhidmatan kepada peserta secara langsung dalam bidang perdagangan dan perindustrian, serta bidang pertanian, pengangkutan dan perhubungan. Perbadanan-perbadanan milik Kerajaan dan agensi-agensi amanah telah berkembang dengan pesat dalam tempoh 15 tahun yang lalu selaras dengan usaha mempercepatkan proses penyusunan semula masyarakat. Beberapa perbadanan yang dimiliki oleh sektor awam juga ditubuhkan untuk memenuhi keperluan pertumbuhan ekonomi dan perindustrian termasuk industri berat. Industri-industri ini memerlukan modal yang besar, risiko yang tinggi serta tempoh mendapatkan hasil yang lama. Berikutan dengan perubahan peranan ini, sektor awam telah berkembang dengan pesat hingga menyebabkan perbelanjaan sektor awam, khususnya perbelanjaan pembangunan, bertambah dengan banyaknya. Perbelanjaan pembangunan sektor awam dalam tempoh RME meningkat tiga kali berbanding dengan perbelanjaan dalam Rancangan Malaysia Ketiga, 1976-80 dan lapan kali berbanding dengan Rancangan Malaysia Kedua, 1971-75. Penggunaan sumber-sumber kewangan, bahan dan tenaga manusia juga telah bertambah.

Pelaburan sektor awam yang tinggi, terutamanya pada akhir tahun-tahun tujuh puluhan dan awal tahun-tahun lapan puluhan menyebabkan Kerajaan menghadapi kesulitan kewangan. Pertumbuhan eksport yang lebih perlahan dan nisbah harga eksport-import yang merosot berikutan daripada kemelesetan ekonomi dunia yang berlanjutan pada awal tahun-tahun lapan puluhan menyebabkan hasil Kerajaan meningkat dengan perlahan. Di samping itu, jumlah perbelanjaan semasa yang meningkat dengan banyak telah menyebabkan berkurangnya jumlah tabungan sektor awam untuk membiayai pembentukan modal sektor awam. Keadaan ini seterusnya meningkatkan jumlah pinjaman Kerajaan, khususnya dari sumber-sumber luar negeri, dan ini telah menambahkan lagi beban bayaran khidmat hutang negara dengan banyaknya. Masalah batasan sumber yang semakin rumit, penglibatan Kerajaan yang meluas serta penguasaannya yang bertambah terhadap sumber-sumber telah menimbulkan masalah-masalah peruntukan dan kecekapan yang perlu diberi perhatian sewajarnya.

Kemelesetan ekonomi dunia yang berlanjutan sejak awal tahun-tahun lapan puluhan yang telah memberi kesan terhadap ekonomi dalam negeri menunjukkan terdapatnya

beberapa batasan struktur yang sebahagiannya telah menjadikan ekonomi negara mudah terdedah kepada perubahan-perubahan ekonomi antarabangsa. Prestasi sektor pertanian telah dapat dikekalkan terutamanya oleh pertambahan keluaran minyak kelapa sawit. Sektor pembuatan masih mempunyai asas yang terhad dan kurang daya penggerak untuk terus berkembang.

Walaupun prestasi sektor pertanian masih menggalakkan pada tahun-tahun tujuh puluhan, kadar pertumbuhannya telah berkurang sejak awal tahun-tahun lapan puluhan. Beberapa ciri struktur telah melemahkan pertumbuhan sektor ini dan seterusnya mengurangkan sumbangannya kepada ekonomi.

Produktiviti sektor pertanian, khususnya sektor-sektor kecil padi dan pekebun kecil adalah terbatas disebabkan oleh pemilikan saiz kebun yang tidak ekonomik, jenis tanaman yang berhasil rendah, kaedah pengeluaran yang tradisional, meningkatnya keluasan tanah-tanah samada terbiar atau ditinggalkan serta kekurangan peluang untuk mendapatkan bantuan dan khidmat sokongan. Penghijrahan keluar tenaga buruh yang muda dari kawasan-kawasan luar bandar ke bandar telah menyebabkan kekurangan buruh di sektor pertanian dan terdapatnya tenaga buruh luar bandar yang terdiri daripada mereka yang berumur. Keadaan ini seterusnya menimbulkan masalah tanah pertanian yang tidak diusahakan sepenuhnya dan tanah-tanah sesuai untuk pertanian ditinggalkan. Kenaikan kos yang dialami dalam pengeluaran pertanian berbanding dengan peningkatan produktiviti telah melemahkan daya saingan sektor ini di pasaran dunia.

Bagi sektor pembuatan, beberapa ciri struktur telah timbul yang memerlukan penyesuaian semula bagi membolehkan sektor ini terus memainkan peranan yang strategik dalam pertumbuhan ekonomi. Asas yang terhad bagi sektor ini sebahagiannya menjadikan sektor ini terlalu mudah terdedah kepada perubahan dalam prestasi sektor luar negeri. Struktur tarif dalam sektor ini lebih memberi faedah kepada industri-industri penggantian import. Walaupun pembangunan industri-industri kecil adalah penting sebagai sebahagian daripada strategi perindustrian, pembangunannya belum begitu berjaya disepadukan ke dalam strategi perindustrian keseluruhannya dengan berkesan. Beberapa batasan telah menghalang perkembangan industri-industri kecil terutamanya yang berkaitan dengan struktur galakan yang ada sekarang yang lebih memberi faedah kepada industri-industri besar.

Selaras dengan berubahnya struktur ekonomi, corak gunatenaga juga turut berubah. Bahagian gunatenaga bagi sektor kedua dan ketiga daripada jumlah gunatenaga yang baru semakin meningkat sementara sumbangan sektor pertanian kepada gunatenaga telah berkurang. Sumbangan sektor perkhidmatan Kerajaan kepada gunatenaga juga meningkat dalam tempoh tersebut hingga awal tahun-tahun lapan puluhan berikutan daripada usaha Kerajaan untuk memperluaskan perkhidmatan sosial serta meningkatkan penglibatannya dalam kegiatan ekonomi.

Profil tenaga kerja yang baru memasuki pasaran juga telah banyak berubah. Mereka didapati semakin berpelajaran, mudah bergerak dan mengharap upah yang lebih tinggi. Oleh yang demikian, terdapat aliran keluar belia-belia daripada pekerjaan yang berpendapatan rendah di luar bandar kepada pekerjaan yang mempunyai masa hadapan yang cerah di kawasan bandar. Pada akhir tahun-tahun tujuh puluhan, masalah kekurangan buruh di sektor-sektor tertentu mula muncul, khususnya di sektor perladangan, dan kekurangan ini dijangka berterusan ke tahun-tahun lapan puluhan. Masalah ini menggambarkan bahawa belia-belia keberatan untuk membuat kerja-kerja tertentu disebabkan oleh keinginan untuk mendapatkan pekerjaan yang bergaji tinggi. Lebih ramai kaum wanita juga memasuki pasaran buruh dalam tempoh tersebut disebabkan oleh pencapaian pelajaran mereka yang lebih tinggi serta peluang-peluang pekerjaan yang bertambah berikutan daripada pertumbuhan ekonomi yang tinggi.

Pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam tahun-tahun tujuh puluhan telah disertai oleh kadar pertumbuhan gunatenaga yang tinggi. Oleh yang demikian, kadar pengangguran telah berkurang dengan banyaknya daripada 7.8 peratus pada tahun 1970 kepada 5.7 peratus pada tahun 1980. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi yang perlahan dalam tempoh separuh pertama tahun-tahun lapan puluhan telah menyebabkan kadar penyediaan pekerjaan menjadi lebih perlahan dan seterusnya menimbulkan keadaan yang meninggikan kadar pengangguran. Satu perkara lagi yang perlu mendapat perhatian ialah kos buruh yang semakin meningkat berbanding dengan pertambahan produktiviti. Keadaan ini akan menjejaskan daya saingan eksport Malaysia di pasaran dunia.

### III. BATASAN-BATASAN TERHADAP PERTUMBUHAN

Tinjauan ekonomi bagi beberapa tahun yang akan datang menunjukkan bahawa negara mungkin tidak mencapai pertumbuhan pesat seperti dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Prospek ekonomi antarabangsa adalah tidak pasti kerana prestasi ekonomi bergantung pada dasar dan strategi yang diamalkan oleh negara-negara maju. Kegiatan perniagaan yang lembab di Amerika Syarikat dan lain-lain negara anggota Pertubuhan untuk Kerjasama dan Pembangunan Ekonomi (OECD) akan terus menyekat perdagangan antarabangsa dan keadaan ini akan menjejaskan eksport daripada Malaysia. Berikutan daripada permintaan antarabangsa yang berkurangan, harga-harga barangan eksport dijangka menjadi rendah. Seterusnya, pemasaran bagi barang pembuatan untuk eksport dijangka menjadi lebih sukar memandangkan langkah-langkah perlindungan yang semakin meningkat, pertumbuhan permintaan yang perlahan serta persaingan hebat di pasaran dunia.

Ekonomi Malaysia mengalami batasan-batasan sumber yang semakin genting disebabkan oleh kurangan sektor awam yang meningkat dan kelemahan-kelemahan dalam struktur ekonomi. Pembiayaan kurangan tersebut yang sebahagian besarnya bergantung kepada sumber-sumber luar negeri tidak dapat dikekalkan memandangkan saiz beban bayaran khidmat hutang yang ditanggung.

Walaupun pelaburan sektor awam bagi pembangunan infrastruktur pada masa lalu telah dapat menyediakan asas infrastruktur fizikal dan sosial yang luas untuk menyokong pertumbuhan ekonomi, langkah-langkah untuk memperluaskan lagi dan menyelenggara infrastruktur tersebut akan memerlukan lebih banyak sumber-sumber sektor awam di samping meningkatkan masalah imbalan pembayaran. Pertambahan tenaga buruh yang berterusan juga memerlukan lebih banyak peluang-peluang pekerjaan. Pertumbuhan yang perlahan dalam penyediaan pekerjaan akan meningkatkan kadar pengangguran. Di samping itu, pencapaian pelajaran yang lebih tinggi di kalangan tenaga kerja yang baru memasuki pasaran akan meningkatkan lagi permintaan terhadap jenis pekerjaan kolar putih dan pekerjaan di sektor awam pada masa sektor awam sedang mengambil langkah-langkah memperkukuhkan kedudukan kewangannya. Dari segi keperluan tenaga manusia, sistem pelajaran yang bercorak akademik telah menyebabkan berlakunya ketidaksesuaian di antara kemahiran yang diperlukan oleh pasaran dan yang dikeluarkan oleh institusi-institusi pendidikan dan latihan. Pengurangan tabung secara keseluruhan juga merupakan satu lagi batasan pada masa hadapan oleh kerana keadaan tersebut akan menjejaskan pembiayaan pelaburan.

Kesan kemerosotan permintaan antarabangsa terhadap bahan-bahan pertanian dan galian menunjukkan bahawa prospek pertumbuhan ekonomi tidak begitu memuaskan. Kemerosotan permintaan antarabangsa bagi barangan seperti getah, minyak kelapa sawit, kayu balak dan koko, di samping terdapatnya lebih pengeluaran dunia bagi bijih timah serta stok bijih timah yang besar di Amerika Syarikat, akan mengurangkan

sumbangan sektor pertanian dan perlombongan kepada perkembangan ekonomi negara secara keseluruhannya. Kedudukan utama Malaysia dalam pengeluaran getah dan minyak kelapa sawit telah mula mendapat saingan dari negara-negara jiran di mana kos buruh adalah lebih rendah. Bagi pengeluaran kayu balak, sumber-sumber yang ada telah berkurangan disebabkan oleh pengusahaan yang berlebihan pada masa lalu. Harga minyak dijangka terus rendah dan oleh itu sektor kecil ini akan mengurangkan peranannya sebagai penggerak kepada pertumbuhan ekonomi.

Berdasarkan batasan-batasan ini, arah baru dalam dasar dan strategi pembangunan yang digariskan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat akan terus dilaksanakan. Di samping itu, satu teras baru akan dibentuk dalam RML bagi membantu negara mengatasi masalah-masalah yang akan dihadapi pada masa hadapan dan mencapai kemajuan ke arah matlamat sosioekonomi. Sehubungan dengan ini, langkah-langkah akan diambil, terutamanya dalam tempoh 1986-88 untuk membantu pertumbuhan ekonomi, mewujudkan peluang-peluang pekerjaan yang baru dan meningkatkan keyakinan rakyat mengenai kedudukan ekonomi. RML telah dirangka berasaskan kepada hakikat bahawa penduduk Malaysia bersikap positif dalam menghadapi cabaran-cabaran yang timbul. Kedudukan ekonomi Malaysia telah diuji oleh kemelesetan pada masa-masa lalu dan keadaan ini telah menjadikan ketahanannya lebih kukuh. Oleh yang demikian, prospek ekonomi negara dalam jangka panjang akan terus baik. Selain daripada itu, negara ini juga mempunyai pasaran dalam negeri dengan kuasa beli yang tinggi serta potensi untuk lebih menabung yang masih lagi besar. Malaysia juga mempunyai asas kemudahan infrastruktur yang luas yang membolehkannya mengekal dan mencapai pertumbuhan ekonomi secara berterusan. Dari segi sumber-sumber alam semulajadi, negara ini masih mempunyai sumber-sumber tanah dan bahan-bahan galian yang boleh diusahakan. Tenaga buruh yang berpelajaran dapat menyokong perkembangan kegiatan sektor-sektor kedua dan ketiga. Ciri-ciri yang kukuh ini akan terus meningkatkan ketahanan negara dan seterusnya membolehkan Malaysia menghadapi keadaan yang penuh cabaran pada masa hadapan dengan yakin dan tabah.

#### **IV. TERAS PEMBANGUNAN DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA**

##### Perpaduan Negara dan Dasar Ekonomi Baru

Satu perkara yang diberi penekanan sepenuhnya ialah perpaduan negara yang merupakan matlamat keseluruhan pembangunan sosioekonomi. Unsur-unsur pelbagai kaum dan kebudayaan di Malaysia yang sebenarnya merupakan satu sumber kekuatan bukannya kelemahan, akan dijalinkan untuk membina sebuah negara yang bersatupadu dan teguh. Tumpuan usaha-usaha perpaduan negara ialah untuk memupuk semangat kebangsaan. Rakyat Malaysia perlu menanamkan rasa cinta dan bangga terhadap negara serta sentiasa berpandu kepada Rukunegara. Keadaan masyarakat yang berbilang kaum yang terdapat dalam negara yang muda terus menjadi cabaran besar kepada semua rakyat untuk ikut serta dalam usaha membentuk sebuah masyarakat yang hidup dalam sebuah negara yang kukuh serta rakyatnya mengamalkan nilai-nilai positif seperti berdikari, rajin berusaha, keteguhan moral dan jujur. Negara perlu meneruskan usaha-usaha ke arah memperkukuhkan perpaduan negara kerana munculnya setengah golongan yang mempunyai kepentingan peribadi dan pendapat-pendapat dan nilai-nilai yang melampau yang boleh menghalang usaha-usaha membina negara.

Dalam masyarakat berbilang kaum seperti Malaysia, terdapat kaum, ekonomi, politik, sosial, ugama, kebudayaan dan bahasa yang berbagai dan berbeza. Faktor-faktor ini menjadi punca perselisihan dan keadaan yang tidak stabil. Tugas utama pembangunan ekonomi adalah membentuk sebuah negara yang bersatupadu dan satu bahagian penting daripada usaha ini adalah untuk menghapuskan perbezaan sosioekonomi yang ketara di kalangan kumpulan ethnik utama di negara ini. Perbezaan antara kumpulan ethnik akan sentiasa wujud dan adalah sukar untuk menghapuskan perbezaan-perbezaan ini kerana ia merupakan sifat semulajadi dan menjadi sebahagian daripada individu. Walau bagaimanapun, usaha membentuk rakyat Malaysia, tanpa mengira keturunan kaum, supaya menjadi lebih bersatupadu dan bersikap cintakan negara akan terus dijalankan jika polarisasi kaum hendak dikurangkan ke tahap yang minimum.

Usaha utama bagi menghapuskan ketidakseimbangan ekonomi yang ketara di kalangan kumpulan ethnik utama perlu diteruskan. Carta 1-1 menunjukkan perbezaan-perbezaan yang utama di kalangan kumpulan ethnik dan kumpulan sosioekonomi. Tingkat perbezaan tersebut dapat dilihat daripada tingkat corak dalam carta di atas. Perbezaan dari segi ethnik adalah lebih ketara daripada perbezaan dari segi ekonomi yang kurang ketara antara golongan berpendapatan tinggi, pertengahan dan rendah. Selain daripada perbezaan antara golongan Bumiputera dan bukan Bumiputera, kumpulan-kumpulan ethnik dibezakan oleh ketidakseimbangan ekonomi. Bukan Bumiputera, misalnya, masih lagi mempunyai pendapatan purata yang lebih tinggi, bekerja dalam jenis pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi dan secara umumnya digolongkan ke dalam golongan yang berpendapatan tinggi. Terdapat lebih ramai Bumiputera dalam kumpulan yang berpendapatan rendah dan di kawasan-kawasan luar bandar. Perbezaan kaum antara

Bumiputera dan bukan Bumiputera bersamaan dengan ketidakseimbangan ekonomi dan oleh itu, perbezaan antara golongan Bumiputera yang berpendapatan rendah dengan golongan bukan Bumiputera berpendapatan tinggi menjadi lebih ketara. Ketidakseimbangan ekonomi yang begitu besar boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati dan perselisihan kaum.

Selagi terdapat ketidakseimbangan ekonomi yang ketara dalam masyarakat, perasaan tidak puas hati dan perasaan ketidakadilan sosial akan terus wujud. Di samping itu, ketidakseimbangan ekonomi yang berterusan boleh menjejaskan usaha-usaha ke arah pencapaian objektif keseluruhan perpaduan negara. Usaha-usaha mengurangkan serta terus menghapuskan ketidakseimbangan ekonomi yang meruncing adalah perlu jika negara ingin bebas daripada perselisihan sosioekonomi dan keadaan yang tidak stabil dan untuk mencapai keadilan ekonomi.

Sistem pelajaran yang berasaskan sukatan pelajaran yang seragam dan menggunakan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar hingga ke peringkat universiti akan terus menjadi alat penting untuk memupuk perpaduan negara di kalangan golongan muda tanpa mengira keturunan dan latarbelakang kebudayaan. Langkah-langkah yang diambil dalam RML bagi menggalakkan program bagi mewujudkan integrasi di kalangan pelajar-pelajar sekolah termasuk usaha-usaha menganjurkan kegiatan ko-kurikulum bersama di kalangan sekolah-sekolah kebangsaan dan sekolah-sekolah jenis kebangsaan.

Kegiatan-kegiatan Lembaga Perpaduan Negara akan terus diperkukuhkan bagi mewujudkan lebih banyak peluang untuk masyarakat bergaul antara satu sama lain. Sehubungan dengan ini, usaha-usaha akan terus dijalankan bagi memupuk perpaduan negara menerusi program kemajuan masyarakat dan skim kejiwaan, khemah-khemah kerja dan kelas-kelas perpaduan. Skim Rukun Tetangga yang telah memberi peluang kepada penduduk setempat bekerjasama bagi menjaga keselamatan masyarakat setempat juga merupakan satu cara meningkatkan semangat kejiwaan yang lebih di kalangan mereka.

Pembangunan infrastruktur yang menghubungkan berbagai kawasan, berserta dengan perkembangan media massa dan kemudahan-kemudahan perhubungan akan terus merupakan cara yang penting dalam usaha meningkatkan kegiatan perdagangan dan lain-lain hubungan antara wilayah. Pembangunan sedemikian akan terus mengurangkan halangan psikologi di kalangan penduduk mengenai jurang anggapan dan jurang sebenar antara negeri-negeri di wilayah-wilayah yang berpendapatan tinggi dan berpendapatan rendah dan akan dapat memperkukuhkan lagi integrasi nasional. Seterusnya di kalangan negeri-negeri, wujud suasana untuk bekerjasama dalam usaha mencari peluang-peluang bagi melaksanakan program yang boleh memberi faedah bersama.

Pembentukan sebuah masyarakat beridentiti Malaysia serta pembentukan secara beransur-ansur satu kebudayaan nasional yang menggabungkan semua sifat-sifat yang baik daripada berbagai kebudayaan di Malaysia dengan berteraskan kebudayaan asli



tempatan, akan diberi perhatian yang utama sebagai usaha penting ke arah membina negara. Langkah tersebut boleh memupuk integrasi kebudayaan dan seterusnya memperkukuhkan asas pengwujudan masyarakat berbilang kaum. Di samping itu, tumpuan akan diberi bagi memperteguhkan semangat positif di kalangan rakyat Malaysia dan membentuk individu yang berdisiplin dan bertanggungjawab bagi mencapai matlamat dan hasrat negara.

Strategi serampang dua mata DEB akan terus menjadi alat utama ke arah pencapaian matlamat perpaduan negara oleh kerana pengalaman-pengalaman negara pada masa lalu menunjukkan bahawa kemiskinan dan ketidakseimbangan sosioekonomi yang luas antara kumpulan ethnik boleh menimbulkan perasaan tidak puas hati yang mendalam yang boleh mencetuskan keadaan kacau bilau dalam masyarakat. Sebagai langkah untuk mengatasi kemiskinan, Kerajaan akan terus berusaha meningkatkan mutu kehidupan golongan miskin menerusi penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan awam terutamanya di kawasan-kawasan terpencil dan jauh dari bandar. Pelaksanaan program pertanian secara berkelompok dan program pembedaan kawasan-kawasan luar bandar akan membantu meningkatkan produktiviti dan keluaran isirumah di kawasan luar bandar. Di samping itu, isirumah yang tidak mempunyai tanah dan yang mempunyai saiz kebun yang tidak ekonomik akan terus ditempatkan semula di skim-skim pembangunan tanah.

Dari segi matlamat penyusunan semula, rakyat Malaysia perlu mencari peluang-peluang baru untuk meningkatkan pendapatan dan mengelakkan pelaburan yang berlebihan dalam bidang yang telahpun diceburi sepenuhnya. Usaha-usaha penyusunan semula pada masa akan datang memerlukan sumbangan yang semakin bertambah dari sektor swasta untuk meningkatkan pertumbuhan semua sektor dan kegiatan-kegiatan ekonomi. Dalam usaha menyusun semula gunatenaga, langkah-langkah akan terus diambil bagi menambah bilangan Bumiputera dalam kumpulan pekerjaan ikhtisas dan pengurusan. Sektor swasta perlu memainkan peranan dalam merangka program-program latihan yang bertujuan khusus untuk mencapai matlamat tersebut. Bagi memastikan pembentukan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian yang berdaya maju di kalangan Bumiputera, Kerajaan akan terus memberi penekanan terhadap pentingnya daya usaha individu dan bukan terhadap sikap yang terlalu bergantung pada bantuan Kerajaan. Peranan agensi-agensi amanah dan perbadanan-perbadanan awam Kerajaan akan dikaji semula dan perbadanan-perbadanan atau perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang mempunyai potensi untuk disertai atau diambilalih oleh sektor swasta akan dipertimbangkan bagi tujuan penswastaan.

Walaupun banyak kemajuan telah dicapai dalam usaha menyusun semula hakmilik sektor syarikat, usaha selanjutnya perlu dibuat bagi memastikan bahawa kekayaan dan harta benda yang diperolehi diurus dan digunakan dengan sebaik-baiknya. Pemilikan dan penguasaan sumber-sumber sahaja tidak mencukupi. Ia perlu dilengkapi dengan kemahiran-kemahiran pengurusan dan keusahawanan bagi memastikan sumber-sumber yang terhad diuruskan dengan baik dan digunakan dengan cekap untuk

menghasilkan kekayaan selanjutnya. Kemahiran-kemahiran yang sesuai adalah perlu untuk meningkatkan lagi potensi kekayaan yang sedia ada ke paras yang maksimum.

Menerusi DEB, pengagihan semula faedah-faedah pembangunan dalam keadaan ekonomi yang berkembang akan terus dilaksanakan dengan saksama selaras dengan matlamat untuk mencapai keadilan sosial. Di samping itu, langkah-langkah juga akan diambil untuk mengubah sikap rakyat yang terlalu berharap dan bergantung pada subsidi menerusi usaha-usaha yang menekankan kepentingan sikap berdikari, mengurangkan subsidi-subsidi Kerajaan dan menguruskan sumber-sumber yang ada dengan lebih baik.

Perpaduan negara adalah satu matlamat yang paling utama kerana perpaduan merupakan satu unsur penting ke arah pembinaan dan pembangunan sebuah negara yang berasaskan kebebasan dan keamanan. Usaha-usaha mengekalkan keselamatan negara adalah sama pentingnya bagi memastikan supaya ancaman-ancaman dari dalam dan luar negeri tidak melemahkan asas keamanan dan kestabilan negara yang merupakan syarat yang perlu dipenuhi dalam usaha pembangunan sosioekonomi negara. Oleh yang demikian, rakyat Malaysia perlu berwaspada dan bersedia membantu Kerajaan mengatasi ancaman keselamatan negara.

#### Pertumbuhan dengan kestabilan

Tumpuan pembangunan dalam separuh masa kedua tahun-tahun lapan puluhan akan berasaskan kepada pertumbuhan yang disertai oleh kestabilan. Memandangkan wujudnya masalah batasan sumber, usaha-usaha juga akan terus dibuat untuk menggembelingkan sumber-sumber di samping meningkatkan lagi kecekapan. Pada masa lalu, program-program pembangunan telah dilaksanakan serentak dalam beberapa sektor, iaitu perindustrian, sosial, luar bandar dan infrastruktur. Satu penyesuaian semula strategi pembangunan negara adalah perlu pada masa ini lebih-lebih lagi oleh kerana pertumbuhan ekonomi masih penting sedangkan masalah-masalah batasan sumber telah menjadi begitu ketara sehingga memerlukan perhatian yang lebih. Pertumbuhan ekonomi bagi tempoh lima tahun akan datang perlu diuruskan dengan sumber yang terbatas tanpa bergantung kepada jumlah pinjaman seperti yang dicapai pada awal tahun-tahun lapan puluhan, iaitu paras yang tidak mampu dikekalkan. Langkah ini adalah bertujuan untuk memastikan supaya kestabilan ekonomi dan kewangan negara terus terjamin.

Walaupun ekonomi antarabangsa dijangka tidak begitu cerah, kebanyakan punca-punca pertumbuhan ekonomi dalam negeri telahpun diusahakan. Pertumbuhan ekonomi selanjutnya yang dicapai menerusi skim-skim pembangunan tanah secara besar-besaran dan pembiayaan pembangunan melalui tabungan dalam negeri yang dihasilkan oleh sektor-sektor seperti perladangan dan galian adalah terhad. Pertumbuhan yang berpunca daripada perkembangan sektor pembuatan melalui industri-industri elektronik dan tekstil yang telah menyokong pengeluaran sektor tersebut dalam tahun-tahun tujuh puluhan juga terhad. Berikutan dengan itu, hasil daripada pertumbuhan yang berpunca

daripada tambahan pengumpulan modal telah berkurang dan oleh itu pelaburan yang lebih besar adalah diperlukan untuk mencapai satu kadar pertumbuhan seperti yang boleh dicapai pada masa lalu. Oleh yang demikian, usaha yang lebih gigih adalah perlu untuk menggiatkan lagi pertumbuhan ekonomi bagi tempoh lima tahun yang akan datang. Berdasarkan hakikat ini, langkah-langkah tertentu akan diambil bagi meningkatkan pertumbuhan ekonomi dalam negeri menerusi usaha-usaha meningkatkan permintaan terhadap barangan dan perkhidmatan tempatan. Usaha-usaha sedemikian akan menambah peluang-peluang pekerjaan.

Dalam tempoh RML, peredaran ekonomi ke arah pertumbuhan yang memuaskan perlu dicapai berasaskan kepada beberapa faktor. Pertama, negara telah mencapai kemajuan yang besar ke arah matlamat pengagihan menerusi pertumbuhan ekonomi yang sangat memuaskan pada kadar purata 7.6 peratus setahun dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Sejak tahun 1980, pertumbuhan KDNK adalah hanya kira-kira separuh daripada kadar yang dicapai pada tahun-tahun tujuh puluhan, harga-harga dan permintaan bagi eksport telah merosot, kurangan yang besar telah dialami dalam akaun semasa imbalan pembayaran, serta hutang dalam dan luar negeri bertambah dengan pesatnya. Prospek ekonomi negara dalam tempoh lima tahun akan datang dijangka tidak jauh berbeza dengan arah aliran yang telah dialami pada awal tahun-tahun lapan puluhan. Oleh yang demikian, untuk mengekalkan kemajuan yang telah dicapai setakat ini, iaitu dari segi pengurangan kadar kemiskinan, menambah keupayaan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan dan meningkatkan hakmilik Bumiputera dalam sektor syarikat, ekonomi negara perlu terus berkembang.

Kedua, matlamat keseluruhan DEB adalah dicapai menerusi pertumbuhan ekonomi yang pesat bagi membolehkan golongan miskin mendapat faedah dari segi pertambahan bilangan dan mutu pekerjaan yang dihasilkan. Di samping itu, dalam proses penyusunan semula masyarakat bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam bidang perdagangan dan perindustrian, pertumbuhan ekonomi adalah juga perlu supaya kaum-kaum lain tidak mengalami kerugian atau merasa hak mereka diketepikan. Pencapaian matlamat penyusunan semula yang berlebihan dalam keadaan ekonomi yang dijangka berkembang pada kadar yang perlahan mungkin memberi kesan yang tidak diingini dan akan hanya menjejaskan keseluruhan prestasi ekonomi dalam jangka panjang.

Ketiga, tekanan ke atas ekonomi untuk mewujudkan peluang-peluang pekerjaan akan terus meningkat dalam tempoh beberapa tahun akan datang. Oleh itu, ekonomi negara perlu berkembang dengan secukupnya bagi mewujudkan peluang-peluang pekerjaan untuk menyerap kemasukan buruh-buruh ke dalam pasaran seramai tidak kurang daripada 880,000 orang dalam separuh masa kedua tahun-tahun lapan puluhan. Di samping itu, pengusahaan kegiatan pertanian secara estet dijangka mengakibatkan perpindahan buruh dari sektor tersebut dan meningkatkan lagi keperluan untuk menyediakan pekerjaan di sektor-sektor kedua dan ketiga. Keadaan ini juga menyebabkan keperluan mengekalkan peredaran ekonomi ke arah pertumbuhan yang

memuaskan menjadi lebih mendesak, terutamanya memandangkan batasan-batasan pertumbuhan pada masa hadapan.

Akhirnya, pertumbuhan ekonomi dalam keadaan terdapatnya batasan-batasan sumber yang dihadapi oleh sektor awam adalah penting bagi mengurangkan perbezaan dalam agihan kegiatan-kegiatan ekonomi antara dan dalam sektor, wilayah serta kumpulan ethnik dan sosial di negara ini. Pertumbuhan ekonomi juga akan membolehkan program-program meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat Malaysia diteruskan, khususnya bagi mereka yang berpendapatan rendah di kawasan luar bandar.

### Strategi bagi pertumbuhan

Memandangkan terdapatnya batasan-batasan sumber, adalah sukar bagi ekonomi negara untuk mencapai kadar pertumbuhan yang telah dinikmati pada tahun-tahun tujuh puluhan atau kadar yang telah ditetapkan dalam RRJP. Bagi tempoh lima tahun yang akan datang, satu strategi bagi mencapai pertumbuhan yang sederhana akan dilaksanakan. Bagi mengekalkan matlamat pertumbuhan berserta dengan kestabilan pada jangka panjang, strategi sedemikian akan dilaksanakan tanpa mengenyahkan pertimbangan-pertimbangan yang berasaskan faktor-faktor selain daripada ekonomi. Memandangkan prospek pertumbuhan ekonomi dunia yang tidak pasti, perkembangan pesat kegiatan-kegiatan dalam negeri adalah perlu untuk menggerakkan usaha pertumbuhan. Lebih banyak usaha akan dilaksanakan bagi meningkatkan produktiviti, memperbaiki penggembelingan sumber-sumber dan menambahkan kecekapan penggunaan sumber-sumber dalam negeri.

Dalam RML, berbagai strategi akan dilaksanakan bagi mempercepatkan pembangunan perindustrian dan membolehkan sektor swasta memainkan peranan sebagai penggerak utama pertumbuhan ekonomi negara. Selain daripada itu, penekanan juga akan diberi kepada pengurusan ekonomi yang cekap, langkah-langkah yang lebih berkesan untuk memperkukuh dan menyatukan usaha-usaha pembangunan ekonomi, meningkatkan produktiviti serta meninggikan daya saingan. Memandangkan masalah batasan sumber yang dihadapi, usaha yang lebih gigih akan dilaksanakan untuk menggembeling sumber-sumber yang ada dengan lebih berkesan dan mengusahakannya dengan lebih cekap dan produktif. Sektor pertanian yang menyediakan kira-kira 36 peratus daripada jumlah pekerjaan dan menampung sebilangan besar isirumah miskin akan dipergiatkan semula supaya dapat meningkatkan pendapatan kebun dan menjadi punca yang produktif dalam menyediakan pekerjaan. Bagi sektor pembuatan, batasan-batasan dan halangan-halangan yang terdapat dalam sektor tersebut akan dikurangkan untuk meningkatkan kecekapan dan daya saingannya. Sektor pembinaan akan terus meluaskan program membina sebanyak 80,000 unit rumah kos rendah setahun dalam tempoh 1986-88. Pembangunan sumber tenaga manusia akan ditumpukan kepada latihan kemahiran, sementara usaha pembandaran akan digalakkan sebagai satu cara memodenkan kehidupan rakyat dan meningkatkan kecekapan dalam penggunaan sumber-sumber di peringkat kawasan.

**PENINGKATAN PERANAN SEKTOR SWASTA.** Sektor swasta telah dikenalpasti untuk memainkan peranan utama dan menjadi daya penggerak kepada pembangunan ekonomi berikutan daripada batasan-batasan sumber yang dihadapi oleh sektor awam. Sektor swasta adalah sektor yang paling sesuai untuk memulakan usaha-usaha baru serta meningkatkan teknologi dan kemahiran bagi menghadapi cabaran dalam proses menambahkan lagi kekayaan negara. Hanya pertumbuhan dalam sektor perindustrian dapat meningkatkan nilai ditambah dalam negeri, menggandakan bilangan pekerjaan yang menawarkan pendapatan lebih baik dan mewujudkan peluang-peluang eksport baru. Sektor awam akan terus memperkukuhkan kedudukan kewangannya selaras dengan sumber-sumber kewangan yang ada dan pada masa yang sama menyediakan bantuan dan suasana yang perlu bagi pertumbuhan ekonomi yang menggalakkan.

Dalam RML, langkah-langkah akan dipertimbangkan untuk memperkemas undang-undang, peraturan-peraturan dan kawalan-kawalan yang rumit untuk mewujudkan satu suasana yang dapat menggalakkan kegiatan perniagaan. Syarat-syarat dan peraturan-peraturan yang menghalang pertumbuhan sektor swasta akan diketepikan secara berperingkat-peringkat. Beberapa peraturan di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA), 1975 telah dipinda supaya menjadi lebih mudah dan tidak terlalu ketat untuk diuruskan dan menjadikan peraturan-peraturan tersebut lebih mudah disesuaikan mengikut perubahan-perubahan dalam bidang perniagaan. Penekanan yang lebih akan diberi kepada sistem ekonomi pasaran dan peranan harga dalam membuat keputusan yang lebih berkesan mengenai peruntukan sumber-sumber ekonomi. Galakan-galakan fiskal akan terus dirangka bagi tujuan mendorong persaingan yang sihat dan meningkatkan kecekapan.

Langkah-langkah akan terus diambil untuk mengurangkan secara beransur-ansur saiz dan peranan sektor awam di samping memastikan pengurusan jabatan-jabatan Kerajaan dan perusahaan-perusahaan awam menjadi lebih kukuh dan cekap. Menerusi dasar penswastaan, sektor swasta akan digalakkan untuk menyertai usaha pembangunan negara dengan lebih meluas. Beberapa perkhidmatan Kerajaan yang boleh diuruskan dengan lebih cekap oleh sektor swasta akan dikenalpasti untuk diswastakan bagi tujuan menggalakkan persaingan dalam negeri dan meningkatkan produktiviti. Penswastaan juga dijangka membuka peluang baru kepada usahawan-usahawan Malaysia, terutamanya Bumiputera, selaras dengan matlamat DEB. Kerajaan akan terus meningkatkan pelaksanaan konsep Persyarikatan Malaysia sebagai satu dasar yang dapat menggalakkan kerjasama antara sektor awam dan swasta dalam pembangunan negara melalui perwujudan suasana atau iklim yang sesuai bagi menyokong pembangunan tersebut.

Walaupun Malaysia telah menggalakkan pembangunan industri-industri pembuatan yang bertujuan eksport, kebanyakan daripadanya masih bergantung kepada pasaran dalam negeri. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kurangnya keupayaan mengeksport di kalangan pengilang-pengilang Malaysia. Ini termasuk tiada kemampuan

untuk menikmati faedah ekonomi bidangan, kekurangan pengetahuan dan maklumat mengenai pasaran, mutu dan rekabentuk barang yang tidak memuaskan, pulangan yang rendah daripada eksport, masalah-masalah berhubung dengan pembiayaan kredit eksport dan tiada keupayaan untuk bersaing di pasaran asing. Kerajaan telah mengambil langkah untuk mengatasi sebahagian daripada masalah-masalah ini, tetapi masalah-masalah lain hendaklah juga diatasi oleh pengusaha-pengusaha sendiri supaya mereka bersikap lebih gigih dalam usaha menggalakkan eksport.

Ekonomi negara sedang memasuki satu fasa dalam proses perindustrian yang akan melibatkan keperluan-keperluan baru bagi mendapatkan modal, teknologi, kemahiran dan keupayaan pemasaran di peringkat dunia. Bagi memenuhi keperluan-keperluan tersebut, pengurusan dan kepakaran yang lebih dari luar negeri hendaklah diadakan. Peranan yang lebih besar yang dijangkakan bagi sektor swasta adalah mengambilkira kadar pengaliran masuk modal luar negeri yang tinggi. Sehubungan dengan ini, pelaburan swasta dari luar negeri perlu digalakkan menerusi layanan yang lebih liberal di samping menghapuskan halangan-halangan yang ada terhadap pelaburan tersebut. Kelonggaran akan diberi kepada penyertaan modal saham asing dalam industri untuk eksport.

Bagi sektor pembuatan, penyertaan sektor swasta akan digalakkan untuk membangunkan industri-industri berasaskan sumber dan industri-industri berat secara terpilih serta mempelbagai dan meningkatkan industri-industri lain. Pelaburan swasta dalam sektor pertanian akan ditumpukan kepada tanaman ladang serta pengeluaran bagi tanaman makanan, tangkapan ikan air dalam dan ternakair. Usahasama antara sektor swasta tempatan dengan syarikat-syarikat antarabangsa, rumah-rumah perdagangan dan kemudahan-kemudahan yang berkaitan dengan dagangan barangan akan digalakkan.

**KECEKAPAN PENGURUSAN EKONOMI.** Penekanan yang lebih akan diberi kepada pengurusan yang cekap ke atas agensi-agensi awam. Kajian semula yang teliti terhadap perbelanjaan sektor awam akan dijalankan bagi menyusun semula keutamaan-keutamaan dalam projek-projek sektor awam dengan tujuan untuk memperbaiki kedudukan kewangan sektor tersebut. Langkah-langkah dasar secara umum akan dilaksanakan bagi tujuan menggalakkan kecekapan, mempercepatkan kadar pertumbuhan pelaburan dalam sektor perindustrian dan pembangunan sektor kecil yang baru serta meningkatkan pertumbuhan eksport barang-barang pembuatan. Pelaburan yang bermutu tinggi akan diberi keutamaan bagi mengelakkan pembaziran manakala pelaburan yang bermutu rendah akan diberhentikan. Dalam keadaan-keadaan tertentu, kegiatan agensi-agensi awam akan diperkukuh atau diswastakan supaya menjadi lebih cekap.

Peningkatan kecekapan biasanya diperolehi secara perlahan-lahan dan pencapaiannya adalah merupakan satu matlamat jangka panjang. Satu cara bagi melaksanakan dasar ini ialah menghapuskan paras harga yang tidak mencerminkan tingkat sebenar di pasaran

barang-barang, modal dan buruh menerusi tindakan mengurangkan tarif, memperkenalkan satu tingkat perlindungan yang seragam serta mengurangkan kawalan-kawalan yang bercorak pentadbiran. Di samping itu, peningkatan kecekapan juga boleh diperolehi menerusi langkah-langkah seperti perubahan dalam organisasi, peningkatan sistem pemasaran dan pengurusan tenaga kerja. Faedah-faedah yang boleh dihasilkan daripada langkah-langkah ini akan dinikmati dalam masa yang lama. Perusahaan-perusahaan awam perlu memperkemas kegiatan-kegiatan mereka dan menggunakan pendekatan-pendekatan baru yang lebih berkesan untuk mencapai matlamat organisasi tanpa mengharapkan bantuan kewangan dari Kerajaan.

**PENGGEMBELINGAN SUMBER DALAM NEGERI.** Sumber-sumber bagi pertumbuhan ekonomi diperolehi daripada dua punca utama, iaitu tabungan dan pinjaman dalam negeri. Dalam tahun-tahun lapan puluhan, keseluruhan tabungan sektor awam dan swasta telah berkurangan. Berikutan daripada berkurangnya keupayaan menabung oleh syarikat-syarikat swasta dan golongan isirumah, ekonomi negara semakin bergantung kepada aliran masuk modal dari luar negeri. Pungutan cukai yang kurang menggalakkan telah menjejaskan hasil sektor awam yang diperlukan untuk membiayai perbelanjaan semasa yang semakin bertambah. Jika sumber-sumber pelaburan hendak dikekalkan, adalah penting dipertingkatkan tabungan dalam negeri supaya matlamat pertumbuhan dapat dicapai tanpa menambahkan lagi tanggungan hutang.

Sehubungan dengan ini, penggembelangan sumber-sumber dalam negeri adalah penting dalam tempoh RML. Satu cara bagi menggembelangkan sumber-sumber ialah dengan meningkatkan kadar urusanniaga hartabenda seperti jualan tanah atau hartabenda lain untuk kegunaan yang produktif. Hasil-hasil jualan ini yang digunakan untuk tujuan pelaburan akan menyediakan kegiatan-kegiatan ekonomi yang baru. Tabiat suka menabung akan digalakkan, antara lain, menerusi penambahan ganjaran dan jaminan untuk menabung. Selain dari itu, rakyat Malaysia akan digalakkan membentuk tabiat mengguna dengan lebih baik serta membeli barang-barang buatan tempatan dan bukannya barang import. Bagi sektor awam pula, penekanan akan diberi kepada langkah-langkah untuk meningkatkan kecekapan pengurusan serta usaha menggembelng dan mengutip hasil.

**MENGGIATKAN SEMULA SEKTOR PERTANIAN.** Dasar Pertanian Negara (DPN) yang diperkenalkan pada tahun 1984 akan memandu usaha-usaha menggiatkan semula sektor pertanian di negara ini. Usaha ini akan dicapai menerusi penggunaan sumber-sumber dengan cekap supaya dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi. Langkah-langkah akan diambil dalam RML bagi mengadakan beberapa kelonggaran dalam penggunaan tanah-tanah pertanian untuk menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam sektor tersebut. Sektor swasta adalah digalakkan untuk meningkatkan keluaran makanan dalam negeri dan dengan itu mengurangkan aliran keluar tukaran asing yang banyak sebagai bayaran import barang makanan. Sehubungan dengan ini, galakan cukai pertanian telah diperbaiki bagi mengatasi kekurangan-kekurangan dalam struktur galakan cukai pertanian yang ada sekarang. Belanjawan tahun 1986, antara lain,

memperluaskan galakan taraf perintis bagi meliputi kesemua kegiatan-kegiatan yang digalakkan di bawah DPN. Di samping itu, elaun eksport sebanyak 5 peratus telah diberi kepada nilai eksport bagi keluaran pertanian tertentu yang bertujuan untuk menggalakkan usaha pelbagai dalam eksport pertanian. Penanaman padi secara besar-besaran di kawasan-kawasan jelapang padi dengan menggunakan teknik-teknik moden dan diuruskan oleh kumpulan pengurusan ikhtisas yang terlatih, akan digalakkan. Semua tanah-tanah sawah yang ketika ini tidak diusahakan untuk pengeluaran padi akan diubah penggunaannya secara berperingkat-peringkat kepada pengeluaran tanaman-tanaman lain yang lebih menguntungkan. Pengubahsuaian tanah bekas lombong untuk kegunaan pertanian akan juga dilaksanakan, jika sesuai, bagi membolehkan pekerja-pekerja lombong yang diberhentikan mencari lain-lain sumber pekerjaan dan pendapatan.

Penanaman getah dan kelapa sawit akan ditumpu ke arah meningkatkan kecekapan pengeluaran di kawasan-kawasan yang sedia ada. Usaha ini akan dibuat menerusi penggunaan teknologi yang lebih sesuai termasuk teknik-teknik yang boleh menjimatkan penggunaan buruh. Sektor swasta akan digalakkan menyertai bersama dengan Kerajaan dalam usaha membangunkan tanah-tanah baru. Di samping pembangunan tanah baru, pembangunan IN-SITU juga akan diberi keutamaan dengan memberi perhatian terhadap masalah-masalah yang menghalang perkembangan sektor ini seperti saiz kebun yang tidak ekonomik, jenis tanaman yang tidak menguntungkan dan produktiviti yang rendah. Program-program bagi mengatasi masalah-masalah ini termasuk penyatuan tanah dan penggalakkan pengurusan kebun-kebun secara tersusun menerusi sistem pengurusan yang dipusatkan. Petani-petani akan digalakkan menanam tanaman yang hanya memberi pulangan ekonomi yang tinggi. Di samping itu, tumpuan juga akan diberi kepada perkhidmatan-perkhidmatan dan program-program sokongan yang menghasilkan pulangan paling tinggi.

Selaras dengan matlamat menggalakkan penyertaan sektor swasta, Kerajaan akan mengamalkan pendekatan yang positif terhadap peranan orang-orang tengah dalam proses pembangunan. Agensi-agensi awam yang telah ditubuh bagi memasarkan hasil pertanian akan dikaji semula supaya sentiasa bersedia untuk memenuhi keperluan-keperluan petani. Agensi-agensi ini perlu meningkatkan kecekapannya dalam kegiatan pemasaran dan pendedaran hasil pertanian.

**MENGALAKKAN PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN.** Sektor pembuatan telah dikenalpasti untuk memainkan peranan sebagai pendorong pertumbuhan ekonomi dalam separuh masa kedua tahun-tahun lapan puluhan. Memandangkan pentingnya sektor ini meningkatkan kecekapan dan daya saingannya, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah bagi merangka dasar-dasar baru dan membuat pindaan ke atas dasar-dasar yang sedia ada, seperti yang dicadangkan dalam Pelan Induk Perindustrian dan Kajian Dasar Perindustrian serta untuk memperbaiki dan memperkemas peraturan-peraturan pentadbiran yang berkaitan dengan perindustrian. Kesemua langkah-langkah ini akan diambil dengan tujuan mengurangkan batasan-batasan dan sekatan-sekatan yang menghalang pertumbuhan sektor tersebut seberapa yang boleh. Antara langkah-



langkah yang diambil bagi menggalakkan kegiatan perindustrian di dalam dan di luar negeri ialah kelonggaran yang diberi dalam garis panduan mengenai pemilikan modal saham oleh pelabur-pelabur asing; penubuhan Tabung Pelaburan Baru bagi membiayai usaha mengadakan keupayaan-keupayaan pengeluaran yang baru dalam sektor pembuatan, pertanian dan pelancungan; pengurangan kadar pembayaran elektrik, telefon antarabangsa dan teleks untuk tujuan perniagaan; serta galakan kepada perniagaan-perniagaan yang menggunakan bahan mentah tempatan sebagai input.

Keseluruhan perlindungan yang diberi kepada industri akan dikurangkan ke paras yang munasabah bagi tujuan meningkatkan kecekapan dalam sektor perindustrian sementara galakan-galakan yang sedia ada akan disusun semula dan diperkukuhkan. Galakan-galakan yang diberi ketika ini kepada kegiatan penggantian import dan kegiatan bertujuan eksport adalah tidak seimbang dan keadaan ini akan disesuaikan bagi membolehkannya menjadi lebih menarik kepada industri-industri bertujuan eksport. Galakan dan pemasaran barang-barang eksport yang lebih giat akan dijalankan menerusi strategi pemasaran luar negeri secara bersepadu. Usaha-usaha sedemikian akan diselaraskan dengan galakan berasaskan tarif dan kemudahan-kemudahan membiayai semula eksport.

Perhatian akan diberi bagi mempercepatkan pertumbuhan perindustrian dalam beberapa industri terpilih untuk menikmati faedah berbanding yang terdapat dalam negara. Selain daripada itu, faedah-faedah ekonomi yang wujud dari kedudukan kawasan akan diberi keutamaan dalam menentukan kedudukan industri-industri berkenaan, terutamanya industri-industri untuk eksport bersaiz besar dan sederhana yang memerlukan faedah-faedah ekonomi hasil daripada kegiatan-kegiatan yang berkelompok yang boleh disediakan oleh pusat-pusat bandar besar. Industri-industri kecil dan ringan yang berasaskan input pertanian untuk pasaran dalam negeri akan diberi galakan supaya ditempatkan di kawasan-kawasan yang kurang maju. Kawasan-kawasan perindustrian juga terpaksa menumpukan usaha mendapatkan beberapa industri yang berpotensi paling tinggi.

Usaha-usaha akan dibuat untuk memperkenalkan Malaysia sebagai pemasar peringkat dunia bagi barang-barang pembuatan di pasaran antarabangsa. Sehubungan dengan ini, lebih banyak usahasama dengan syarikat-syarikat asing akan dibuat dan diberi kemudahan dengan tujuan mempercepatkan peluang mendapatkan teknologi serta kemahiran dan rangkaian pemasaran di peringkat dunia. Rakyat Malaysia sendiri hendaklah juga bersedia untuk mempelajari dan mengamalkan teknologi dan pemikiran-pemikiran baru dari pelabur-pelabur asing hasil dari kerjasama tersebut. Peruntukan kewangan akan diberi untuk tujuan penyelidikan dan pembangunan, terutamanya penyelidikan perindustrian, sebagai satu cara untuk meningkatkan mutu barang-barang pembuatan di pasaran dalam dan luar negeri. Malaysia juga akan mewujudkan hubungan-hubungan dagangan yang baru serta meluaskan pasarannya di luar negeri, terutamanya dengan negara-negara yang sedang membangun.

**MEMBANGUNKAN SUMBER TENAGA MANUSIA DENGAN SEPENUHNYA.** Usaha-usaha peningkatan produktiviti tenaga kerja tempatan adalah satu strategi penting bagi pembangunan. Bagi beberapa sektor, pengalaman di tahun-tahun kebelakangan ini menunjukkan tingkat upah telah meningkat dengan lebih cepat berbanding dengan produktiviti. Dalam jangka panjang, arah aliran ini jika berterusan boleh melemahkan persaingan dan faedah berbanding negara.

Sehubungan dengan ini, perancangan dan pembangunan sumber tenaga manusia akan menjadi semakin penting oleh kerana negara perlu memastikan penawaran tenaga manusia mahir yang sesuai adalah mencukupi bagi memenuhi keperluan yang bertambah. Oleh yang demikian, penekanan yang lebih akan diberi bagi melatih tenaga buruh supaya mereka dapat dilengkapkan dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri, dan bukannya kepada perkembangan pendidikan akademik yang pesat, khususnya di peringkat pengajian tinggi. Hubungan yang lebih rapat di antara institusi-institusi latihan dan sektor swasta adalah perlu bagi meningkatkan lagi kesesuaian dan keberkesanan kos program-program latihan.

Penglibatan sektor swasta dengan lebih besar dalam usaha memajukan kemahiran adalah perlu bagi mengurangkan kos latihan yang ditanggung oleh sektor awam dan bagi memastikan supaya jenis-jenis kemahiran yang dilatih adalah selaras dengan keperluan pasaran. Antara bidang-bidang latihan yang perlu diberi perhatian bagi memenuhi keperluan sebuah ekonomi yang sedang berkembang dan melalui proses pemodenan ialah pembangunan kepakaran pengurusan dan keusahawanan dalam bidang industri dan pertanian serta kepakaran dalam bidang ikhtisas dan teknik bagi sektor-sektor pembinaan, hotel dan perkapalan. Langkah-langkah juga akan diambil untuk memudahkan perpindahan tenaga buruh antara sektor dan meninggikan taraf pekerjaan kolar biru berbanding dengan pekerjaan kolar putih.

**PENEKANAN YANG LEBIH KEPADA BIDANG PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN.** Peranan sains dan teknologi sebagai alat pembangunan yang penting akan diberi penekanan dalam RML, selaras dengan usaha-usaha untuk meningkatkan produktiviti secara keseluruhannya serta membentuk asas perindustrian yang kukuh. Keadaan ekonomi antarabangsa yang tidak pasti pada ketika ini serta pentingnya meningkatkan daya saingan eksport memerlukan peranan penyelidikan dan pembangunan (R & D) yang lebih besar dalam usaha menggalakkan perindustrian dan menggiatkan semula sektor pertanian. Dalam RML, penggunaan teknologi tinggi serta pelaksanaan program-program strategik akan memperluaskan lagi keupayaan sektor perindustrian dan meningkatkan keupayaan teknologi negara ini. Usaha-usaha juga akan dibuat untuk meningkatkan keupayaan tempatan dan kecekapan mereka dalam bidang sains dan teknologi baru. Sehubungan dengan ini, penglibatan sektor swasta akan digalakkan menerusi berbagai galakan cukai dan galakan-galakan lain bagi mendorong kegiatan penyelidikan dan pembangunan.

**MEMPERBAIKI PERANCANGAN DI PERINGKAT KAWASAN.** Bagi perancangan di peringkat subnasional dalam tempoh lima tahun yang akan datang, perancangan yang berdasarkan satu unit kawasan yang lebih luas, iaitu di peringkat wilayah akan diberi keutamaan dan bukannya di peringkat negeri. Memandangkan sumber-sumber yang terbatas, pendekatan sedemikian adalah berfaedah dalam memperkukuhkan usaha-usaha pembangunan berasaskan pelbagai negeri yang dapat mengurangkan pertindihan usaha-usaha pelaburan dan projek-projek infrastruktur. Di samping itu, pendekatan ini juga dapat memperkukuh dan menumpukan usaha bagi membangunkan industri-industri dan pusat-pusat bandar supaya negeri-negeri dalam wilayah-wilayah tertentu dapat menikmati faedah daripada usaha-usaha pembangunan wilayah secara menyeluruh.

Pada masa lalu, kekurangan penumpuan usaha-usaha pembangunan telah menjadikan banyak kawasan perindustrian di kawasan-kawasan kurang maju mengalami persaingan yang lemah dan kekurangan-kekurangan lain jika dibandingkan dengan kawasan-kawasan perindustrian yang terletak di sepanjang pantai barat Semenanjung Malaysia. Oleh yang demikian, usaha-usaha bagi menggalakkan pertumbuhan perindustrian di kawasan-kawasan yang kurang maju akan menggunakan pendekatan perindustrian secara bersepadu yang akan dirangka dalam RML. Usaha tersebut juga akan menggunakan sumber-sumber ekonomi yang penting kepada pertumbuhan industri menerusi pemusatan pembangunan di pusat-pusat yang berpotensi tinggi untuk berkembang. Di kawasan-kawasan lain di negara ini, pembangunan kawasan-kawasan tumpuan perindustrian dan pusat-pusat bandar seperti Lembah Kelang, Lembah Kinta, kawasan-kawasan persekitaran bandar Georgetown-Butterworth dan kawasan persekitaran Johor Bahru akan diteruskan bagi membolehkan kawasan-kawasan tersebut dapat bersaing dengan pusat-pusat perindustrian di luar negeri untuk menarik pelaburan asing.

**MEMBANGUNKAN PUSAT-PUSAT BANDAR.** Pemandaran merupakan satu usaha penting untuk menghasilkan pembangunan perindustrian dan perubahan sosial. Usaha tersebut telah dijadikan satu strategi untuk menarik lebih ramai rakyat Malaysia melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi dan membantu usaha-usaha memodenkan kehidupan penduduk di luar bandar. Pusat-pusat pertumbuhan di kawasan-kawasan lembaga kemajuan wilayah (LKW) telah giat dimajukan tetapi akibat daripada kurangnya penumpuan usaha-usaha pembangunan, batasan-batasan sumber, dan penetapan matlamat yang terlalu tinggi, prestasi pusat-pusat bandar ini didapati tidak menggalakkan. Garis panduan baru yang digunakan untuk memajukan pusat-pusat bandar baru di kawasan-kawasan LKW akan membolehkan pembangunan pusat-pusat dijalankan dengan lebih praktikal yang berpandukan pertumbuhan semulajadi dan bukannya pertumbuhan yang berasaskan rekaan. Selain daripada itu, program membandarkan kawasan luar bandar yang akan dilaksanakan secara besar-besaran di seluruh negara akan melengkapkan lagi pembangunan pusat-pusat bandar tersebut di samping mempergiatkan lagi kawasan-kawasan luar bandar melalui penyediaan peluang-peluang pembangunan yang baru.

Bagi kawasan-kawasan penempatan yang lebih besar, beberapa pusat bandar yang sedia ada akan dipilih dan dimajukan bagi membolehkannya mengukuhkan rangkaian pusat-pusat bandar negara yang terdiri daripada bandar-bandar yang berbagai saiz dan fungsi. Pembangunan pusat-pusat bandar yang terpilih ini akan menyerap ramai penghijrah-penghijrah ke bandar yang produktif dari wilayah berkenaan dan keadaan ini akan dapat mengurangkan pengaliran keluar buruh tersebut ke arah satu atau dua bandar di wilayah yang lebih maju. Seterusnya, selaras dengan strategi pertumbuhan dalam RML, usaha-usaha pemusatan pembangunan bandar di pusat-pusat yang terpilih yang mempunyai bilangan penduduk yang ramai akan memberi banyak faedah ekonomi, seperti faedah-faedah ekonomi berkelompok dalam bidang pengangkutan, infrastruktur, penawaran kemahiran dan kepakaran serta hubungan dengan pasaran dalam dan luar negeri.

**WANITA DALAM PEMBANGUNAN.** Kaum wanita yang merupakan kira-kira separuh daripada jumlah penduduk negara dan satu pertiga daripada jumlah tenaga buruh memainkan peranan yang aktif dalam pembangunan sosioekonomi negara menerusi penglibatan mereka dalam kegiatan-kegiatan ekonomi. Mereka telah dan akan terus memberi sumbangan ke arah pembentukan sebuah masyarakat yang bersatupadu dan berdikari. Mereka akan terus diberi peluang yang saksama dari segi pekerjaan, pelajaran dan faedah-faedah sosial yang lain. Peranan wanita dalam pembangunan keluarga akan terus penting dalam usaha membentuk sebuah masyarakat yang bersatupadu, adil, stabil dan progresif menerusi sumbangan mereka dalam menyemai nilai-nilai yang baik dan berkekalan kepada generasi akan datang.

## V. PENEKASAN SEMULA NILAI-NILAI BAGI PEMBANGUNAN

Beberapa tahun akan datang merupakan tempoh yang sukar dan mencabar kepada negara. Memandangkan cabaran-cabaran ini, rakyat Malaysia perlu terus mengamalkan nilai-nilai dan sikap yang positif serta memberi penekanan semula ke atas nilai-nilai yang telah teruji selama ini. Nilai-nilai dan sikap yang positif terhadap pekerjaan dan kehidupan akan melengkapkan usaha-usaha membina Malaysia sebagai sebuah negara yang bersatupadu, adil, stabil dan progresif.

Nilai-nilai utama bagi mencapai perpaduan negara

Pencapaian matlamat perpaduan negara memerlukan semua rakyat Malaysia menegakkan kepentingan nasional lebih daripada kepentingan sesuatu kumpulan ethnik dan masyarakat. Sifat yang terlalu mementingkan sesuatu kumpulan masyarakat dan kepentingan yang sempit akan hanya merugikan negara dalam jangka masa panjang. Matlamat untuk mengekalkan kestabilan negara haruslah menjadi tanggungjawab setiap rakyat, memandangkan Malaysia merupakan sebuah negara yang berbilang kaum. Rakyat Malaysia perlu mengurangkan perbezaan-perbezaan kaum dan keugamaan ke tahap yang minimum dan sebaliknya hendaklah memberi keutamaan kepada unsur-unsur yang lazimnya diterima untuk menghubungkan semua masyarakat. Nilai-nilai kesederhanaan, toleransi dan menghargai perasaan antara satu sama lain merupakan unsur-unsur yang penting dalam usaha membina sebuah negara yang bersatupadu, adil, stabil dan progresif.

Nilai-nilai utama bagi mencapai perpaduan negara

Proses pembinaan sebuah negara juga memerlukan rakyat Malaysia menyemai semangat hidup dan bangga untuk negara. Semangat kebangsaan ini, yang juga merupakan asas perpaduan negara, adalah sangat penting pada ketika ini semasa negara sedang menghadapi kesukaran. Rakyat Malaysia perlu berusaha supaya lebih berdikari kerana mereka sahaja yang dapat menentukan masa hadapan mereka. Oleh itu, adalah amat penting bagi rakyat Malaysia bekerjasama dengan penuh keazaman dan perasaan bangga untuk menghadapi segala masalah dan cabaran pada masa hadapan.

Etika Kerja

Satu unsur penting yang dapat memberi sumbangan ke arah meningkatkan produktiviti dan pertumbuhan ekonomi ialah sikap-sikap yang positif terhadap kerja atau etika kerja. Sikap rajin bekerja dapat membantu meningkatkan pelaburan modal, kemahiran serta kepakaran pengurusan dalam proses menghasilkan kekayaan negara. Sifat rajin bekerja biasanya berkait rapat dengan peningkatan produktiviti oleh kerana sumber-sumber dapat digunakan dengan sepenuhnya bagi menambah keluaran.

Etika kerja juga merangkumi nilai-nilai berjimat cermat, berdikari, berdisiplin dan pengorbanan terhadap keperluan semasa demi mencapai matlamat jangka panjang bagi meningkatkan pendapatan dan memperbaiki taraf hidup. Sikap berjimat cermat dan melepaskan penggunaan semasa dapat meningkatkan tabungan individu dan ini seterusnya menyediakan sumber-sumber kewangan untuk pelaburan dalam sektor awam dan swasta yang akan dapat meningkatkan lagi kekayaan negara. Sikap berdikari dan berdisiplin bermakna rakyat Malaysia perlu menambah hasil keluaran mereka menerusi sikap rajin bekerja dan berusaha tanpa bergantung kepada bantuan, subsidi dan perlindungan yang berterusan daripada Kerajaan. Nilai-nilai ini menjadi semakin penting pada ketika ini semasa keupayaan ekonomi untuk berkembang terus terbatas disebabkan oleh keadaan ekonomi antarabangsa yang tidak pasti serta kedudukan sumber-sumber dalam negeri yang terhad.

Peluang-peluang baru akan terbuka berikutan daripada Keusahawanan usaha-usaha memodenkan industri dan usaha-usaha negara mencari peluang-peluang perniagaan baru di pasaran antarabangsa. Pasaran dunia hanya mengakui negara-negara yang cekap dan mampu bersaing. Soal bagaimana negara ini mengatasi cabaran-cabaran yang timbul akan bergantung kepada sejauh mana rakyat Malaysia mempunyai semangat meneroka. Usahawan-usahawan Malaysia perlu meninjau peluang-peluang pasaran di pasaran luar negeri dan harus berani merebut peluang-peluang perniagaan di pasaran luar negeri bagi barangan mereka. Sehubungan dengan ini, usahawan-usahawan Malaysia perlu berusaha bukan sahaja untuk meningkatkan mutu keluaran tetapi juga cara penjualan barangan mereka menerusi penggunaan jenama, cara pembungkusan dan pemasaran yang sesuai. Kebolehan memberi pemikiran-pemikiran baru, kesanggupan menanggung risiko, keperluan untuk memperkenalkan pembaharuan, semangat sanggup bersaing serta mempunyai tinjauan pasaran di peringkat dunia adalah juga perlu.

#### Nilai-nilai kerohanian

Keseimbangan di antara aspek-aspek kebendaan dan kerohanian perlu diberi penekanan dalam proses pembangunan. Pembangunan kebendaan semata-mata tanpa mengambilkira nilai-nilai kerohanian akan menjejaskan kesejahteraan masyarakat Malaysia. Nilai-nilai sejagat dalam ugama Islam dan yang terdapat dalam ugama-ugama lain merupakan nilai-nilai yang perlu untuk mengekal dan meningkatkan lagi kestabilan negara. Nilai-nilai seperti bersikap sederhana, adil, jujur dan menghormati kepercayaan-kepercayaan orang lain dapat mengeratkan lagi hubungan antara rakyat Malaysia. Nilai-nilai yang lain seperti amanah, bertanggungjawab, ikhlas, rajin berusaha, berdedikasi, berdisiplin dan bekerjasama merupakan kunci ke arah pencapaian matlamat keamanan dan kemakmuran negara.

Rakyat Malaysia perlu terus menitikberatkan dan mengamalkan nilai-nilai yang positif dan berkekalan dalam kehidupan seharian mereka. Berpandukan nilai-nilai inilah Kerajaan telah mengambil langkah-langkah menanamkan nilai-nilai bersih, cekap dan amanah

dalam pentadbiran Kerajaan dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti kakitangannya di semua peringkat. Kesanggupan untuk menggunakan pengetahuan baru, khususnya pengetahuan saintifik yang merupakan satu lagi aspek dalam Islam, adalah penting terutamanya pada tahap pembangunan yang dicapai oleh ekonomi ketika ini.

Perhatian terhadap alam sekitar

Rakyat Malaysia juga mesti memberi perhatian kepada mutu alam sekitarnya. Sikap yang mengabaikan keseimbangan ekologi dalam proses kemajuan dan pembangunan akan memberi kesan buruk kepada keadaan alam sekitar yang semakin merosot dan keadaan ini seterusnya akan menjejaskan mutu kehidupan rakyat. Pemuliharaan alam sekitar bukan merupakan tanggungjawab Kerajaan semata-mata. Rakyat Malaysia sendiri mesti bertanggungjawab menjaga kebersihan dan kecantikan kawasan sekeliling mereka samada di rumah, tempat kerja atau tempat-tempat awam.

## VI. PENUTUP

Negara Malaysia telah mencapai satu tahap pembangunan yang boleh dibanggakan sepanjang 15 tahun yang lalu, meskipun menghadapi masalah-masalah, batasan-batasan dan rintangan-rintangan dalam proses pencapaiannya. Walau bagaimanapun, arah pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam beberapa tahun yang akan datang akan dipengaruhi oleh keadaan ekonomi dunia yang tidak pasti dan kedudukan sumber-sumber yang semakin terhad.

Proses mencapai matlamat perpaduan negara adalah sukar serta penuh dengan dugaan dan cabaran. Asas utama ke arah mencapai matlamat ini ialah keperluan mengekalkan pembangunan sosioekonomi di samping menggalakkan pertumbuhan ekonomi negara. Tinjauan ekonomi bagi beberapa tahun akan datang menunjukkan bahawa negara akan mengalami batasan-batasan pertumbuhan yang sukar diatasi berbanding dengan pertumbuhan ekonomi yang pesat dalam tahun-tahun tujuh puluhan. Oleh yang demikian, adalah amat penting supaya perhatian khusus diberi kepada usaha-usaha mengatasi kelemahan-kelemahan struktur yang dialami di samping merangka program-program dan dasar-dasar yang sesuai bagi mencapai pertumbuhan ekonomi.

RML telah dirangka berdasarkan kemajuan sosial dan ekonomi yang telah dicapai setakat ini, kelemahan-kelemahan yang telah dialami dan cabaran-cabaran yang akan dihadapi. RML merupakan satu rancangan bagi memperkukuh dan menguruskan ekonomi dengan cekap dan seterusnya akan memberi penekanan terhadap langkah-langkah meneruskan kemajuan yang telah dicapai di samping memperkukuhkan ekonomi dengan mengambilkira batasan-batasan sumber yang ada. Di sebalik langkah-langkah tersebut, usaha-usaha untuk mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi akan diteruskan. Selagi ketidakseimbangan wujud, Kerajaan akan terus berusaha mengurangkannya bagi memastikan bahawa matlamat perpaduan negara dan keadilan sosial dicapai.

Rakyat Malaysia sendiri hendaklah menyesuaikan diri mereka dalam menghadapi cabaran-cabaran pada masa hadapan dalam usaha mereka membina sebuah negara yang bersatupadu, adil, stabil dan progresif. Usaha-usaha ini memerlukan sikap dedikasi, disiplin, pengorbanan dan berdikari yang lebih gigih di kalangan semua rakyat bagi memastikan bahawa matlamat jangka panjang sosial dan ekonomi negara akan dapat dicapai.



## **BAB 2 : PERTUMBUHAN EKONOMI**

### **I. PENDAHULUAN**

DALAM TEMPOH RANCANGAN MALAYSIA KEEMPAT (RME), 1981-85, ekonomi negara telah berkembang pada kadar yang perlahan akibat daripada keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang telah bermula semenjak tahun 1979 dan berlarutan ke tahun-tahun awal lapan puluhan serta kemunculan batasan-batasan struktur ekonomi dalam negeri. Keadaan ini telah menjejaskan pertumbuhan keluaran dan eksport negara terutamanya bagi sektor pertanian dan pembuatan. Sektor swasta telah tidak dapat menjadi daya penggerak seperti yang dijangkakan ketika RME digubal. Bagi mengatasi kesan-kesan kemerosotan ekonomi pada tahun-tahun awal RME, sektor awam telah melaksanakan langkah-langkah untuk mempercepatkan perkembangan ekonomi. Walau bagaimanapun, kemelesetan ekonomi dunia yang berlarutan telah menyebabkan negara menghadapi masalah batasan-batasan sumber dan kurangan belanjawan yang meningkat sehingga Kerajaan terpaksa mengawal perbelanjaannya semenjak pertengahan tahun 1982. Pertumbuhan sektor eksport yang lembab serta kurangan perbelanjaan sektor awam yang meningkat telah menyebabkan semakin meluasnya kurangan akaun luar negeri yang perlu dibiayai melalui penambahan pinjaman asing. Keadaan ini telah menyebabkan hutang luar negeri dan tanggungan khidmat hutang bertambah dengan pesatnya.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), prospek pertumbuhan ekonomi antarabangsa yang masih tidak pasti akan terus wujud. Memandangkan keadaan ini, pertumbuhan ekonomi Malaysia perlulah bergantung kepada pertumbuhan yang pesat kegiatan-kegiatan ekonomi dalam negeri. Di samping usaha-usaha akan terus dijalankan oleh sektor awam untuk memperbaiki kedudukan sumber-sumbernya yang tidak seimbang, tumpuan yang lebih akan diberi untuk meningkatkan lagi pengembelian sumber-sumber dalam negeri serta meninggikan produktiviti bagi memastikan penggunaan sumber-sumber yang lebih cekap. Memandangkan kesempitan kedudukan kewangan sektor awam, peranan sektor swasta sebagai daya penggerak pertumbuhan ekonomi adalah penting bagi memastikan ekonomi terus berkembang dalam tempoh RML.

## II. KEMAJUAN EKONOMI MAKRO, 1981-85 - EKONOMI ANTARABANGSA

### EKONOMI ANTARABANGSA

Kemelesetan ekonomi iaitu yang paling lama semenjak tahun-tahun tiga puluhan, telah mengakibatkan pertambahan kadar pengangguran, pengurangan pelaburan, terbatasnya pertumbuhan perdagangan antarabangsa serta semakin meluasnya jurang imbalan pembayaran ekonomi dunia. Keadaan ini menunjukkan kegagalan negara-negara maju untuk memperbaiki asas-asas ekonomi makro, terutamanya bagi meningkatkan kecekapan ekonomi dan produktiviti buruh mereka. Dasar kewangan yang ketat yang terus diamalkan oleh negara-negara tersebut telah mengurangkan kadar inflasi dengan banyaknya daripada tahap dua angka yang wujud dalam tempoh 1979-81 ke tahap yang lebih stabil iaitu pada kadar purata sebanyak 5.0 peratus setahun semenjak tahun 1982. Namun demikian, langkah-langkah tersebut telah gagal untuk mengambilkira keadaan ekonomi yang saling bergantung antara negara-negara. Keadaan ini beserta dengan tindakan perlindungan yang semakin bertambah telah melemahkan potensi pertumbuhan ekonomi dunia.

Pertumbuhan ekonomi negara-negara perindustrian telah merosot dengan banyaknya pada tahun-tahun awal lapan puluhan. Pertumbuhan Keluaran Negara Kasar (KNK) bagi negara-negara Kesatuan Kerjasama Ekonomi dan Pembangunan (OECD) telah merosot daripada 2.3 peratus pada tahun 1981 kepada pertumbuhan negatif 0.8 peratus pada tahun 1982. Akaun semasa imbalan pembayaran negara-negara OECD kecuali United Kingdom, Jerman Barat dan Jepun telah mencatatkan kurangan terkumpul yang besar sebanyak AS\$75,600 juta dalam tempoh tersebut. Akibat daripada kurangan fiskal yang besar terutamanya di Amerika Syarikat dan Perancis, kadar faedah telah meningkat dengan tingginya sehingga menjejaskan pelaburan. Berikutan dengan ini, pertumbuhan pelaburan terus lembab di sepanjang tempoh tersebut. Memandangkan perkembangan yang kurang memuaskan ini, kadar pengangguran negara-negara OECD telah meningkat dengan banyaknya iaitu daripada kadar purata sebanyak 5.7 peratus pada tahun 1980 kepada 8.1 peratus pada tahun 1982 dengan kadar yang tinggi dialami terutamanya di United Kingdom dan Amerika Syarikat.

Ekonomi dunia mulai pulih semenjak akhir tahun 1983, sebahagian besarnya berikutan daripada pertumbuhan ekonomi yang lebih pesat di Amerika Syarikat dan Jepun. Walau bagaimanapun, pemulihan tersebut masih lagi mempunyai kelemahan untuk menjadi daya penggerak bagi pertumbuhan serta memberi kesan yang lebih meluas keatas ekonomi dunia. KNK Amerika Syarikat yang merupakan kira-kira 44 peratus daripada keluaran negara-negara perindustrian, telah meningkat pada kadar 2.9 peratus pada tahun 1983, berbanding dengan kejatuhan pada kadar 3.0 peratus pada tahun 1982. Pertumbuhan ekonomi negara tersebut semakin kukuh dengan perkembangan sebanyak 6.8 peratus pada tahun 1984. Pemulihan yang teguh ini pada mulanya didorong oleh pertambahan permintaan barang-barang pengguna dan kemudiannya oleh peningkatan

pelaburan modal tetap dan timbunan stok serta perkembangan yang berterusan dalam pelaburan bangunan kediaman. Sungguhpun kadar faedah yang tinggi terus wujud, permintaan pelaburan masih juga besar disebabkan terutamanya oleh galakan fiskal dan keperluan untuk menggantikan jentera dan kelengkapan yang telah usang. Walau bagaimanapun, aliran pertumbuhan ini tidak dapat dikekalkan dalam tahun 1985, apabila stok dan pelaburan bangunan kediaman telah berkurang manakala permintaan luar negeri telah mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan akibat daripada pengukuhan yang berterusan nilai matawang Amerika Syarikat. Kadar pengangguran yang tinggi sebanyak 9.5 peratus pada tahun 1982 telah berkurang kepada 7.2 peratus pada tahun 1985. Sungguhpun wujudnya perkembangan keseluruhan yang lebih baik ini semenjak tahun 1983, kurangan dalam akaun Kerajaan dan akaun semasa imbalan pembayaran terus meningkat ke tahap yang sangat tinggi.

Pertumbuhan ekonomi Jepun telah didorong oleh pertambahan eksport yang pesat dan pemulihan permintaan dalam negeri. Negara tersebut telah mengalami corak pertumbuhan yang sama seperti yang dialami oleh Amerika Syarikat dalam tahun-tahun 1983 dan 1984, tetapi terus dapat mengekalkan kepesatan aliran pertumbuhannya dalam tahun 1985.

Pemulihan ekonomi negara-negara perindustrian yang lain, terutamanya di Eropah adalah lebih perlahan. Pertumbuhan KNK bagi negara-negara Eropah yang menganggotai OECD adalah lebih perlahan iaitu pada kadar 1.3 peratus pada tahun 1983 dan 2.4 peratus pada tahun 1984. Kadar pertumbuhan negara tersebut telah merosot kepada 2.2 peratus pada tahun 1985. Masalah struktur ekonomi dalam negeri, kedudukan pengangguran yang semakin buruk, kadar faedah yang tinggi serta lemahnya nilai matawang mereka berbanding dengan matawang Amerika Syarikat telah menghalang pertumbuhan ekonomi negara-negara Eropah. Di samping itu, pemogokan perindustrian di United Kingdom dan Jerman Barat pada tahun 1984 telah menjejaskan lagi pertumbuhan pengeluaran industri dan pendapatan boleh guna.

Kemelesetan yang berlaku pada tahun-tahun lapan puluhan telah menyebabkan keadaan ekonomi di negara-negara sedang membangun bertambah buruk. Kemelesetan ini timbul akibat daripada permintaan yang lemah daripada negara-negara perindustrian terhadap eksport barangan negara-negara sedang membangun, di samping terdapatnya krisis mudah-tunai yang disebabkan oleh kenaikan kadar faedah dan aliran masuk pelaburan modal yang lebih perlahan. Sungguhpun terdapat pemulihan di negara-negara perindustrian semenjak tahun 1983, faktor-faktor yang mendorong pertumbuhan ekonomi kebanyakan negara-negara sedang membangun tidak sekukuh dahulu. Perkembangan ini serta kemunculan batasan-batasan ekonomi dalam negeri telah melemahkan pertumbuhan ekonomi negara-negara tersebut dalam separuh masa pertama tahun-tahun lapan puluhan.

Kemelesetan ekonomi negara-negara perindustrian yang berlarutan telah menjejaskan pertumbuhan keluaran negara-negara sedang membangun pada tahun-tahun awal lapan

puluhan. Secara purata, pertumbuhan ekonomi negara-negara sedang membangun telah berkembang pada kadar yang perlahan iaitu sebanyak 3.0 peratus setahun dalam tempoh 1981-85. Pertumbuhan yang perlahan ini telah disertai oleh kemerosotan perdagangan luar negeri dan kedudukan imbangan pembayaran yang berterusan. Kedudukan lebih imbangan akaun semasa negara-negara sedang membangun pada tahun 1980 sebanyak AS\$22,800 telah merosot kepada keadaan kekurangan sebanyak AS\$49,400 juta pada tahun 1985.

Pemulihan keluaran dunia semenjak akhir tahun 1983 serta kedudukan imbangan pembayaran yang bertambah baik di negara-negara sedang membangun telah membantu memperbaiki perdagangan dunia. Walau bagaimanapun, pemulihan perdagangan dunia ini tidak begitu ketara disebabkan bertambahnya dasar dan langkah perlindungan yang seterusnya menjejaskan perdagangan berbilang hala. Kenaikan kadar pengangguran di negara-negara maju bukan sahaja telah menghalang usaha-usaha mengurangkan dasar perlindungan tetapi sebaliknya telah menambahkan tekanan bagi negara-negara tersebut memperketatkan dasar perlindungan mereka. Tekanan ini semakin bertambah berikutan daripada kegagalan beberapa negara maju untuk mengambil langkah pengubahsuaian struktur di dalam industri-industri tertentu yang telah menjejaskan keupayaan bersaing di pasaran antarabangsa. Sistem perdagangan yang semakin berlandaskan kepada dasar perlindungan telah mengurangkan potensi perdagangan dunia untuk menjadi daya penggerak kepada pertumbuhan ekonomi negara-negara sedang membangun. Pasaran yang tidak pasti bagi industri eksport mereka telah menjejaskan paras pelaburan dan seterusnya memperlahankan kadar pertumbuhan keluaran.

Semenjak tahun 1980, hutang luar negeri negara-negara sedang membangun dan masalah-masalah berkaitan dengan tanggungan hutang tersebut telah berlipat ganda. Aliran modal yang berkurangan serta beban kadar faedah yang meningkat telah melemahkan lagi usaha-usaha mereka kearah pemulihan ekonomi. Keadaan ini menyebabkan negara-negara membangun tidak dapat menggunakan peluang-peluang yang ada untuk meninggikan kadar pertumbuhan dan pembangunannya. Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kedudukan hutang negara-negara tersebut bertambah buruk. Faktor-faktor utama tersebut ialah kemerosotan aliran masuk pelaburan langsung luar negeri dan dengan demikian mereka lebih bergantung kepada pinjaman-pinjaman untuk membiayai pelaburan; kenaikan kadar faedah yang memberi kesan keatas pinjaman yang semakin banyak berlandaskan kadar faedah terapung dan beralihnya aliran modal daripada sumber-sumber rasmi kepada bank swasta, yang bukan sahaja memendekkan tempoh matang bagi pinjaman tetapi juga mempunyai kos pinjaman yang tinggi. Pemulihan ekonomi negara-negara perindustrian semenjak akhir tahun 1983 serta pengubahsuaian struktur yang telah dimulakan oleh kebanyakan negara-negara sedang membangun yang bertujuan untuk mengembeling lebih banyak sumber dan meninggikan kecekapan peruntukan sumber-sumber, telah mengurangkan sedikit tekanan mudah-tunai yang dihadapi oleh negara-negara sedang membangun.

Sungguhpun demikian, hutang luar negeri negara-negara sedang membangun masih lagi tinggi dan berjumlah hampir AS\$900,000 juta pada tahun 1984.

Dari segi pembangunan negara-negara sedang membangun secara keseluruhannya terdapat perbezaan prestasi di kalangan kumpulan-kumpulan negara tersebut. Pada amnya, negara-negara bukan pengeluar minyak telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih baik. Bagi kumpulan negara-negara ini, negara-negara di Asia khususnya negara-negara berpendapatan pertengahan pengeksport barang-barang pembuatan telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang tertinggi. Perkembangan ekonomi negara-negara Amerika Latin telah terbatas akibat daripada pelaksanaan dasar-dasar deflasi yang bertujuan untuk mengawal inflasi dan kurangan imbangan pembayaran yang terus meningkat. Pada keseluruhannya, keluaran negara-negara pengeksport minyak telah merosot dalam tempoh tersebut disebabkan terutamanya oleh pengurangan pengeluaran minyak. Sungguhpun negara-negara Asia Barat mengalami kelemahan-kelemahan dalam sektor minyak, kadar pertumbuhan ekonomi negara-negara tersebut adalah lebih tinggi disebabkan oleh perbelanjaan Kerajaan yang lebih besar.

Dalam tempoh 1981-85, kedudukan ekonomi Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), pada amnya telah mencatatkan kadar pertumbuhan purata yang lebih tinggi iaitu sebanyak 5.0 peratus setahun. Negara-negara ini telah berjaya mengurangkan masalah ketidakseimbangan sektor luar negeri hasil daripada pelaksanaan langkah-langkah pengubahsuaian yang berkesan dan pemulihan ekonomi negara-negara perindustrian semenjak akhir tahun 1983. Walau bagaimanapun, wujudnya keadaan kurangan akaun kerajaan dan akaun luar negeri yang berterusan meningkat masih lagi menjadi masalah besar di kebanyakan negara-negara tersebut.

### **III. KEMAJUAN EKONOMI MAKRO, 1981-85 - EKONOMI MALAYSIA**

Dalam tempoh RME, ekonomi Malaysia telah berkembang dengan memuaskan. Ekonomi negara telah berkembang pada kadar yang lebih baik, meskipun keadaan ekonomi dunia adalah lembab dan wujudnya kelemahan struktur ekonomi dalam negeri serta harga-harga barangan utama yang terus lemah. Kadar pertumbuhan ini dapat dicapai sungguhpun negara menghadapi batasan-batasan sumber yang meningkat dan jurang tabungan-pelaburan yang semakin meluas yang walau bagaimanapun telah menjadi bertambah baik pada akhir tempoh RME. Kedudukan ekonomi yang lebih baik pada keseluruhannya ini telah dicapai dalam keadaan harga dalam negeri yang lebih stabil. Kadar inflasi yang hampir mencapai kadar dua angka yang wujud pada awal tempoh RME telah berjaya dikawal terutamanya dalam separuh masa kedua RME. Langkah-langkah penstabilan dan pengubahsuaian struktur yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan semenjak pertengahan tahun 1982, untuk mencapai kestabilan yang lebih teguh serta meningkatkan produktiviti dan kecekapan ekonomi, telah membolehkan negara mengukuhkan lagi ketahanannya dan berupaya menghadapi kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia yang berlarutan.

Pada keseluruhannya, Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) telah berkembang pada kadar purata 5.8 peratus setahun mengikut nilai sebenar dalam tempoh 1981-85. Mengikut nilai semasa, KDNK telah berkembang sebanyak 7.9 peratus setahun, membolehkan pendapatan per kapita meningkat sebanyak 4.4 peratus setahun daripada \$3,719 pada tahun 1980 kepada \$4,609 pada tahun 1985. Kadar pertumbuhan KDNK mengikut nilai sebenar ini adalah lebih rendah daripada matlamat RME sebanyak 6.4 peratus setahun. Pencapaian ekonomi yang rendah ini adalah kesan daripada kemerosotan perkembangan ekonomi daripada 7.9 peratus pada tahun 1980 kepada 5.6 peratus pada tahun 1982 dan meningkat sedikit kepada 6.3 peratus pada tahun 1983 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-1. Sungguhpun pemulihan ekonomi terus kukuh apabila ekonomi terus berkembang pada kadar 7.6 peratus pada tahun 1984, kadar pertumbuhannya telah merosot kepada 2.8 peratus pada tahun 1985 terutamanya kesan daripada kemerosotan keluaran sektor-sektor pembuatan dan perlombongan.

### **Keluaran Mengikut Sektor**

Pertumbuhan KDNK dalam tempoh RME telah didorong oleh perkembangan yang pesat di sektor-sektor kedua dan ketiga. Sektor pertama tidak dapat menjadi daya penggerak utama pertumbuhan disebabkan oleh prestasi yang lebih rendah sektor-sektor pertanian dan perlombongan. Perubahan struktur yang ketara dalam kandungan telah berlaku di antara sektor dan dalam sektor-sektor itu sendiri. Sektor pembuatan muncul sebagai sektor terbesar semenjak tahun 1984, apabila sumbangannya mengatasi sumbangan sektor pertanian yang lazimnya merupakan sektor terbesar. Walau bagaimanapun, pada tahun 1985, sumbangan sektor pembuatan kepada jumlah keluaran adalah lebih rendah daripada sumbangan sektor pertanian berikutan daripada kadar pertumbuhan keluarannya tidak berkembang kesan daripada kemerosotan yang lebih besar bagi keluaran-keluaran elektronik, besi waja dan keluli serta logam bukan besi, bahan-bahan bukan logam dan petroleum. Dasar Kerajaan untuk mempelbagaikan ekonomi dalam sektor pertanian semenjak tahun-tahun enam puluhan bagi mengurangkan pergantungan kepada getah telah menghasilkan pertambahan yang pesat pengeluaran kelapa sawit. Minyak kelapa sawit telah menjadi barangan yang terbesar dalam keluaran pertanian semenjak tahun 1981 apabila sumbangannya mengatasi sumbangan getah yang selama ini merupakan barangan terbesar. Dalam sektor perlombongan, tambahan pengeluaran petroleum yang pesat telah meningkatkan sumbangannya kepada keluaran sektor daripada 65.1 peratus pada tahun 1980 kepada 78.2 peratus pada tahun 1985, manakala kemerosotan keluaran bijih timah telah mengurangkan sumbangannya daripada 30.0 peratus kepada 13.3 peratus.

Sektor Pertama. SEKTOR PERTAMA yang terdiri daripada pertanian serta perlombongan dan kuari, telah berkembang pada kadar 4.2 peratus setahun berbanding dengan matlamat RME sebanyak 4.8 peratus setahun. Sektor ini yang merupakan 31.0 peratus daripada jumlah keluaran, telah menyumbangkan kira-kira satu perlima kepada

pertumbuhan ekonomi dalam tempoh RME. Penggerak utama kepada pertumbuhan tersebut adalah  
berpunca daripada pertambahan keluaran sektor perlombongan terutamanya pada tahun-tahun 1983 dan 1984.

Keluaran SEKTOR PERTANIAN telah berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 3.4 peratus setahun berbanding dengan matlamat RME sebanyak 4.2 peratus setahun disebabkan terutamanya oleh kemerosotan pengeluaran getah dan pertumbuhan yang perlahan bagi keluaran kayu balak. Pertambahan ini telah menyumbang sebanyak 12.7 peratus kepada perkembangan KDNK keseluruhannya. Pertumbuhan sektor ini yang lebih perlahan berbanding dengan sektor-sektor lain telah menyebabkan sumbangannya terus berkurang daripada 22.8 peratus pada tahun 1980 kepada 20.3 peratus pada tahun 1985. Pertumbuhan keluaran sektor ini telah dapat dikekalkan terutamanya hasil daripada keluaran minyak kelapa sawit. Tanpa minyak kelapa sawit, sektor pertanian hanya berkembang sebanyak 1.4 peratus setahun. Pengeluaran minyak kelapa sawit yang telah menyumbang 70.0 peratus kepada peningkatan keluaran sektor pertanian, telah bertambah sebanyak 9.9 peratus setahun daripada 2.6 juta tan metrik pada tahun 1980 kepada 4.1 juta tan metrik pada tahun 1985. Peningkatan keluaran ini berpunca daripada bertambahnya kawasan tanaman, harga eksport yang memuaskan disamping teknik pendebungaan yang lebih baik. Pada akhir tempoh RME, keluasan kawasan yang ditanam dengan kelapa sawit berjumlah 1.5 juta hektar iaitu meningkat pada kadar 7.4 peratus setahun. Dalam tempoh RME, hasil minyak kelapa sawit telah meningkat iaitu bertambah secara purata sebanyak 3.0 peratus setahun. Pertambahan pengeluaran yang pesat ini menjadikan bahagian keluaran minyak kelapa sawit dalam sektor pertanian meningkat daripada 21.8 peratus pada tahun 1980 kepada 29.6 peratus pada tahun 1985.

Keluaran tahunan bagi getah telah merosot sedikit daripada 1,530,000 tan metrik pada tahun 1980 kepada 1,450,000 tan metrik pada tahun 1985 disebabkan oleh harga yang rendah akibat daripada permintaan dunia yang lemah di samping keluasan kawasan estet yang semakin berkurang. Keadaan ini, telah menyebabkan bahagian keluaran getah dalam sektor pertanian merosot daripada 23.4 peratus pada tahun 1980 kepada

18.7 peratus pada tahun 1985. Jumlah keluasan kawasan getah telah berkurang kira-kira 45,670 hektar dalam tempoh tersebut kepada 1,959,000 hektar pada tahun 1985. Keluasan kebun kecil getah telah bertambah daripada 1,493,920 hektar pada tahun 1980 kepada 1,503,000 hektar pada tahun 1985, manakala jumlah keluasan kawasan estet telah berkurang. Pada tahun 1985, keluasan kawasan estet adalah kira-kira 456,000 hektar iaitu kira-kira 54,750 hektar lebih rendah daripada jumlah keluasan estet bagi tahun 1980, disebabkan terutamanya oleh penukaran tanaman getah kepada tanaman-tanaman lain.

Pertumbuhan keluaran kayu balak yang tinggi pada awal tempoh RME tidak dapat dikekalkan. Keluaran kayu balak yang berkembang sebanyak 9.8 peratus pada tahun 1981

hanya berkembang sebanyak 2.1 peratus pada tahun 1985. Kemerosotan keluaran ini disebabkan terutamanya oleh kejatuhan harga yang berpunca daripada permintaan luar negeri yang lemah dan semakin berkurangnya kawasan hutan yang mudah diterokai. Di samping itu Dasar Perhutanan Negara yang terus dilaksanakan bagi menjamin pengurusan dan penggunaan sumber hutan yang lebih cekap telah menyebabkan penerokaan kawasan hutan semakin berkurangan terutamanya di Semenanjung Malaysia.

Pengeluaran hasil pertanian yang lain, kecuali padi dan lada hitam, telah meningkat. Pertambahan yang paling pesat adalah bagi keluaran koko yang telah meningkat sebanyak 23.1 peratus setahun, sejajar dengan pertambahan keluasan kawasan yang ditanam. Keluaran padi telah merosot sebanyak 2.8 peratus setahun dan keluaran lada hitam sebanyak 9.7 peratus setahun. Kemerosotan keluaran padi adalah disebabkan oleh keadaan cuaca yang tidak memuaskan dalam tahun-tahun 1983 dan 1984. Keadaan ini menjadi bertambah buruk dengan meningkatnya keluasan tanah-tanah terbiar disamping penghijrahan tenaga pekerja muda dari luar bandar ke bandar. Kemerosotan keluaran lada hitam pula adalah akibat daripada harga eksport lada hitam yang lemah pada tahun-tahun 1981 dan 1982.

Prestasi SEKTOR PERLOMBONGAN DAN KUARI yang meningkat pada kadar 6.0 peratus setahun telah dapat dikekalkan oleh pertumbuhan pengeluaran petroleum mentah dan gas asli cecair (LNG). Walaupun bahagian sektor ini daripada jumlah keluaran tidak berubah pada paras 10 peratus dalam tempoh tersebut, perkembangannya telah menyumbangkan 10.4 peratus kepada pertumbuhan KDNK. Pengeluaran minyak mentah telah meningkat sebanyak 10.1 peratus setahun dalam tempoh RME. Pengeluaran LNG yang telah bermula pada tahun 1983, dengan pengeluaran kira-kira 1.8 juta tan metrik telah meningkat lebih sekali ganda kepada 4.5 juta tan metrik pada tahun 1985. Walau bagaimanapun, keluaran bijih timah telah merosot hampir 41 peratus setahun daripada 61,400 tan metrik pada tahun 1980 kepada 36,300 tan metrik pada tahun 1985. Kemerosotan keluaran yang besar ini adalah disebabkan bukan sahaja oleh berkurangnya sumber-sumber dan kenaikan kos pengeluaran tetapi juga oleh kuota yang dikenakan oleh Majlis Timah Antarabangsa (ITC) akibat daripada permintaan dunia yang lemah dan pengeluaran daripada stok penimbal Amerika Syarikat yang lebih besar. Penggantungan urusan di Pasaran Logam London (LME) semenjak 24 hb. Oktober, 1985, berikutan daripada kegagalan urusan Stok Penimbal di ITC, telah mengurangkan kegiatan pengeluaran dengan banyaknya. Bilangan lombong yang dikerjakan telah berkurang hampir 72 peratus iaitu daripada 852 buah pada tahun 1980 kepada 235 buah pada akhir tahun 1985.

SEKTOR KEDUA. Sektor Kedua, yang terdiri daripada kegiatan pembuatan dan pembinaan, telah berkembang sebanyak 5.5 peratus setahun dan menyumbangkan 23.3 peratus kepada pertumbuhan keluaran negara. Kadar pertumbuhan sektor ini dalam tempoh tersebut adalah lebih rendah daripada matlamat RME sebanyak 7.2 peratus



setahun. Sektor ini telah menyumbangkan sebanyak 24.3 peratus kepada jumlah keluaran ekonomi pada tahun 1985.

SEKTOR PEMBUATAN telah berkembang pada kadar yang lebih rendah iaitu 4.9 peratus setahun berbanding dengan matlamat RME sebanyak 6.0 peratus setahun. Bahagian sektor ini telah merosot daripada 20.0 peratus daripada KDNK pada tahun 1980 kepada 19.1 peratus pada tahun 1985. Sektor pembuatan menyumbangkan 16.6 peratus kepada perkembangan keluaran negara secara keseluruhannya. Sungguhpun sektor ini telah berkembang daripada 4.6 peratus pada tahun 1980 kepada 11.6 peratus pada tahun 1984, paras keluarannya telah merosot buat pertama kalinya semenjak tahun 1961 sebanyak 3.0 peratus pada tahun 1985. Kemerosotan pertumbuhan sektor ini menunjukkan keadaannya yang mudah terjejas oleh perubahan permintaan luar negeri. Prestasi industri-industri untuk eksport yang menyumbangkan 50 peratus kepada jumlah eksport barangan pembuatan, adalah berbeza-beza. Keluaran barang-barang elektrik telah berkembang dengan pesatnya dalam tempoh 1981-84. Walau bagaimanapun, pertumbuhan keluarannya telah merosot dengan banyaknya pada tahun 1985. Bagi tekstil, keluarannya telah merosot dalam tempoh 1981-85 kecuali pada tahun 1984. Sebaliknya, industri yang berkaitan dengan pembinaan yang bertujuan untuk memenuhi keperluan pasaran dalam negeri telah mencatatkan pertumbuhan yang tinggi berikutan daripada perkembangan yang pesat dalam kegiatan-kegiatan pembinaan pada awal tempoh RME. Walau bagaimanapun, dalam separuh masa kedua RME, pertumbuhan industri ini telah terjejas akibat daripada perkembangan perbelanjaan sektor awam yang perlahan terutamanya bagi kemudahan infrastruktur dan penawaran yang berlebihan untuk bangunan bukan kediaman.

SEKTOR PEMBINAAN telah berkembang pada kadar purata 8.1 peratus setahun berbanding dengan matlamat RME sebanyak 11.6 peratus setahun. Kadar pertumbuhan sektor ini telah merosot dengan banyaknya iaitu daripada 14.6 peratus pada tahun 1981 kepada 2.0 peratus pada tahun 1985. Pertumbuhan yang pesat dalam separuh masa pertama RME telah dapat dikekalkan terutamanya oleh pelaksanaan program sektor awam di bidang pembinaan infrastruktur fizikal yang bertujuan untuk mengembangkan ekonomi, di samping bertambah pesatnya kegiatan-kegiatan pembinaan ruang pejabat dan hotel oleh sektor swasta. Walau bagaimanapun, semenjak tahun 1983, program untuk mengembangkan ekonomi tersebut semakin berkurangan hasil daripada penyusunan semula perbelanjaan pembangunan sektor awam. Pertumbuhan sektor pembinaan yang perlahan adalah juga disebabkan oleh prestasi yang lembab dalam pembinaan rumah kediaman berikutan dengan lemahnya permintaan akibat daripada harga yang tinggi, ruang pejabat yang berlebihan, kesukaran mendapatkan kemudahan kredit, kos pinjaman bercagar yang tinggi dan pembekuan sebahagian daripada kemudahan pinjaman perumahan Kerajaan kepada kakitangan sektor awam. Sungguhpun demikian, sektor pembinaan masih merupakan satu daripada sektor yang paling pesat berkembang dalam tempoh RME.

SEKTOR KETIGA. Sektor ketiga pada keseluruhannya telah berkembang pada purata sebanyak 7.9 peratus setahun. Sektor-sektor kecil perkhidmatan iaitu pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan; perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran serta kewangan, insurans, harta rumah-tanah dan perkhidmatan perniagaan telah berkembang pada kadar purata sebanyak 7.4 peratus setahun, sejajar dengan perkembangan sektor-sektor pertama dan kedua. Perkhidmatan Kerajaan telah berkembang dengan pesatnya sebanyak 23.8 peratus pada tahun 1981 hasil daripada Operasi Isi Penuh, yang bertujuan untuk meningkatkan keupayaan pelaksanaan sektor awam. Perkembangan tersebut telah berkurang dengan banyaknya kepada 5.0 peratus pada tahun 1983, berikutan daripada langkah-langkah berjimat cermat yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan dalam usaha menghadapi batasan kewangan yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, pertumbuhannya adalah lebih tinggi sedikit pada tahun-tahun 1984 dan 1985. Pertambahan perbelanjaan perkhidmatan Kerajaan dalam tahun 1985 ini adalah disebabkan oleh semakan gaji kakitangan Kerajaan dalam kumpulan C dan D.

#### Punca-punca pertumbuhan

Dalam tempoh 1981-85, pertumbuhan ekonomi telah dihasilkan daripada dua punca utama. Dalam tahun-tahun 1981 dan 1982, pertumbuhan ekonomi telah dikekalkan melalui dasar-dasar Kerajaan meningkatkan perbelanjaan pembangunan sektor awam, sebagai langkah mengatasi kesan kemerosotan ekonomi akibat daripada prestasi sektor eksport yang lembab dan perbelanjaan sektor swasta yang lemah. Walau bagaimanapun, pada pertengahan tahun 1982, Kerajaan telah mengkaji semula dasar perbelanjaannya berikutan daripada batasan kewangan yang semakin meningkat. Sektor luar negeri telah menjadi pendorong kepada pertumbuhan dalam tempoh 1982-84. Sungguhpun demikian, pertumbuhan yang pesat ini tidak dapat dikekalkan pada tahun 1985. Perbelanjaan sektor swasta terus lembab dalam tempoh RME. Sungguhpun prestasi sektor ini telah bertambah baik pada tahun 1984, perkembangannya telah merosot pada tahun 1985.

PERMINTAAN DALAM NEGERI Jumlah permintaan dalam negeri yang terdiri daripada penggunaan dan pelaburan bagi sektor-sektor awam dan swasta telah berkembang sebanyak 4.6 peratus setahun mengikut nilai sebenar. Walau bagaimanapun, prestasi sektor swasta adalah jauh lebih rendah daripada matlamat RME. Perbelanjaan sektor swasta dalam tempoh tersebut telah berkembang sebanyak 3.2 peratus setahun, berbanding dengan matlamat RME sebanyak 6.7 peratus setahun. Sebaliknya, perbelanjaan sektor awam telah berkembang sebanyak 7.8 peratus setahun berbanding dengan matlamat RME sebanyak 4.9 peratus setahun. KDNK mengikut kategori perbelanjaan ditunjukkan dalam Jadual 2-2.

PENGGUNAAN SWASTA telah berkembang sebanyak 3.6 peratus setahun berbanding dengan matlamat RME sebanyak 5.4 peratus setahun. Pertumbuhan penggunaan swasta ini adalah lebih rendah daripada perkembangan KNK yang meningkat sebanyak 4.9

peratus setahun. Pertumbuhan yang perlahan ini, terutamanya pada tahun-tahun 1982, 1983 dan 1985, adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh pertumbuhan pendapatan eksport yang lembab pada tahun-tahun 1981 dan 1982 disamping pertumbuhan ekonomi keseluruhan yang telah merosot dengan banyaknya pada tahun 1985. Sungguhpun kadar pertumbuhan ini adalah perlahan, penggunaan PER KAPITA mengikut nilai semasa telah meningkat sebanyak 5.4 peratus setahun, dan ini menunjukkan taraf hidup rakyat yang semakin meningkat. Makanan, minuman dan tembakau merupakan bahagian terbesar perbelanjaan isi rumah iaitu kira-kira satu pertiga daripada perbelanjaan pengguna. Hampir satu perlima daripada perbelanjaan pengguna dibelanjakan untuk bayaran sewa, bahan api dan tenaga manakala satu perenam daripada jumlah perbelanjaan dibelanjakan untuk pengangkutan dan perhubungan. 140. PELABURAN SWASTA yang dianggarkan berkembang sebanyak 10.7 peratus setahun dalam tempoh RME, telah berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 1.8 peratus setahun. Perkembangan ini telah menyebabkan bahagiannya dalam jumlah pelaburan merosot daripada 62.6 peratus pada 1980 kepada 50.4 peratus pada tahun 1985. Pelaburan minyak yang merupakan 18.3 peratus daripada jumlah pelaburan swasta telah merosot sebanyak 11.1 peratus setahun, manakala pelaburan bukan-minyak pula telah meningkat sebanyak 4.4 peratus setahun. Selain daripada pertumbuhan ekonomi dunia yang lembab, pertumbuhan pelaburan swasta yang lebih perlahan adalah juga disebabkan oleh pelaksanaan strategi-strategi pembangunan industri yang terlalu ketat, industri dalam negeri yang tidak mempunyai daya persaingan dan kurangnya peluang-peluang pelaburan.

PENGGUNAAN AWAM yang terdiri daripada perbelanjaan untuk gaji dan upah di samping bekalan dan perkhidmatan telah meningkat sebanyak 4.1 peratus setahun berbanding dengan matlamat RME sebanyak 5.5 peratus setahun. Perkembangan ini adalah disebabkan oleh bertambahnya pengambilan kakitangan pada tahun 1981 di bawah Operasi Isi Penuh, bertujuan meningkatkan keupayaan pelaksanaan sektor awam. Perkembangan ini telah mengakibatkan kenaikan perbelanjaan untuk gaji dan upah. Perbelanjaan bagi bekalan dan perkhidmatan telah juga bertambah dalam tempoh tersebut.

PELABURAN AWAM telah meningkat pada kadar 12.5 peratus setahun dalam tempoh 1981-85 berikutan daripada langkah-langkah untuk mengatasi kemelesetan ekonomi yang telah menyebabkan sektor awam berkembang dengan pesatnya pada tahun-tahun 1981 dan 1982. Pelaburan sektor awam telah meningkat sebanyak 41.5 peratus pada tahun 1981 dan 20.7 peratus pada tahun 1982. Dengan pertambahan yang pesat ini, bahagiannya dalam jumlah pelaburan telah meningkat daripada 37.4 peratus pada tahun 1980, kepada paras tertinggi sebanyak 51.0 peratus pada tahun 1983. Perkembangan program pelaburan yang pesat telah membebankan lagi kedudukan kewangan sektor awam. Oleh itu, Kerajaan telah mula menyusun semula program pelaburannya semenjak tahun 1983. Berikutan dengan ini, pertumbuhan pelaburan sektor awam telah dikurangkan, menyebabkan perbelanjaan sektor awam berkembang dengan perlahan. Pada tahun 1984 perbelanjaan tersebut hanya meningkat sebanyak 0.7 peratus dan

berkurang sebanyak 15.5 peratus pada tahun 1985. Kurangan tersebut menyebabkan sumbangan sektor awam kepada jumlah pelaburan merosot kepada 49.6 peratus pada tahun 1985.

Satu ciri pelaburan awam yang jelas dalam tempoh tersebut ialah perkembangan perbelanjaan pelaburan yang pesat oleh Perusahaan Awam Bukan-Kewangan (PABK) . Pelaburan PABK telah bertambah sebanyak kira-kira 30 peratus setahun dan merupakan 38 peratus daripada jumlah pelaburan awam dalam tempoh tersebut.

PERMINTAAN LUAR NEGERI. Prestasi sektor luar negeri telah terjejas oleh permintaan luar negeri yang lemah dan harga barangan yang kurang memuaskan. Dalam tempoh 1981-85, Eksport Barangan Dan Perkhidmatan Bukan-Faktor telah berkembang pada kadar 6.9 peratus setahun mengikut nilai semasa berbanding dengan matlamat RME sebanyak 9.5 peratus setahun. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-3, eksport barangan kasar telah meningkat sebanyak 6.2 peratus setahun daripada \$28,172 juta pada tahun 1980 kepada \$38,094 juta pada tahun 1985, iaitu lebih rendah daripada matlamat RME sebanyak 8.5 peratus setahun. Pencapaian ini adalah disebabkan oleh pemulihan eksport barangan yang pesat sebanyak 16.6 peratus pada tahun 1983 dan 17.9 peratus pada tahun 1984 berbanding dengan kejatuhan sebanyak 3.8 peratus pada tahun 1981 dan kadar pertumbuhannya bertambah baik pada tahun 1983. Pertumbuhan yang kukuh dalam tahun-tahun 1983 dan 1984 adalah disebabkan terutamanya oleh jumlah eksport petroleum mentah dan barang-barang elektronik yang lebih tinggi hasil daripada pemulihan dalam permintaan luar negeri negara-negara perindustrian. Eksport barangan telah merosot sebanyak 1.4 peratus pada tahun 1985.

Sungguhpun jumlah eksport barangan pertanian telah berkembang sebanyak 4.4 peratus setahun, pendapatan eksport telah merosot sebanyak 0.2 peratus setahun mengikut harga semasa, kesan daripada nilai seunit eksport yang lebih rendah, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-4. Pendapatan eksport getah telah merosot sebanyak 9.1 peratus setahun seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-3, dan berikutan dengan itu sumbangannya kepada pendapatan eksport pertanian berkurang daripada 62.4 peratus pada tahun 1980 kepada 39.0 peratus pada tahun 1985. Pengurangan ini adalah disebabkan oleh kemerosotan nilai seunit sebanyak 8.7 peratus setahun, meskipun terdapatnya pembelian oleh Pertubuhan Getah Asli Antarabangsa (INRO) untuk menyokong paras harga. Minyak kelapa sawit dan koko telah memberi sumbangan besar kepada pertambahan pendapatan eksport. Bahagian minyak kelapa sawit kepada pendapatan eksport pertanian telah meningkat daripada 34.0 peratus pada tahun 1980 kepada 53.7 peratus pada tahun 1985, manakala bahagian koko pula telah meningkat daripada 2.2 peratus kepada 5.4 peratus. Bagi keluaran lada hitam, walaupun harga eksport keluaran ini telah pulih semenjak tahun 1983, pengeluarannya tidak dapat ditingkatkan sepenuhnya pada tahun 1983 disebabkan oleh luasnya kawasan yang ditanam dengan lada hitam telah terbiar akibat daripada harga yang rendah dalam tempoh 1981-82, memerlukan sekurang-kurangnya tiga tahun untuk mendapatkan hasil setelah ditanam semula.

Pendapatan eksport daripada keluaran perhutanan telah jatuh sebanyak 0.6 peratus setahun, disebabkan oleh kemerosotan nilai seunit. Pertambahan jumlah eksport yang kecil sebanyak 2.0 peratus setahun menunjukkan pengusahaan kawasan hutan yang lebih perlahan, selaras dengan Dasar Perhutanan Negara serta permintaan yang lemah dari negara-negara pengguna akibat daripada pertumbuhan industri pembinaan yang lembab di negara-negara tersebut. Di samping itu, permintaan untuk mendapatkan bekalan dari Malaysia telah bertukar haluan kepada negara lain dan sumber bekalan yang lebih murah.

Walaupun jumlah eksport bahan galian telah bertambah, pendapatan eksport hanya meningkat sebanyak 2.7 peratus setahun, disebabkan oleh kemerosotan harga-harga eksport. Pertambahan jumlah eksport bahan galian adalah hasil daripada jumlah eksport petroleum mentah yang lebih tinggi. Nilai seunit eksport petroleum mentah, walau bagaimanapun, telah merosot akibat daripada kejatuhan harga petroleum dunia. Sungguhpun demikian, pendapatan eksport petroleum telah meningkat sebanyak 6.0 peratus setahun dan menyumbang 24.4 peratus kepada pendapatan eksport dalam tempoh RME berikutan daripada jumlah eksport yang lebih tinggi.

Pendapatan eksport LNG yang pengeluarannya telah bermula dalam tahun 1983, telah meningkat hampir dua kali ganda daripada \$831 juta kepada \$2,319 juta pada tahun 1985. Bahagian LNG dalam jumlah pendapatan eksport telah meningkat lebih sekali ganda daripada 2.5 peratus pada tahun 1983 kepada 6.1 peratus pada tahun 1985.

Pendapatan eksport bijih timah telah berkurang dengan banyaknya pada kadar 8.6 peratus setahun disebabkan oleh kemerosotan harga dan jumlah eksport. Prestasi eksport bijih timah yang lembab adalah disebabkan oleh penawaran yang berlebihan termasuk wujudnya stok di pasaran antarabangsa dan kuota eksport yang dikenakan oleh ITC, di samping penggantungan urusan di LME.

Eksport barang-barang pembuatan telah meningkat sebanyak 14.3 peratus setahun, lebih rendah daripada matlamat RME sebanyak 19.1 peratus setahun. Eksport barang-barang pembuatan telah meningkat dengan pesatnya daripada 0.9 peratus pada tahun 1981 kepada kira-kira 28 peratus pada tahun-tahun 1983 dan 1984 tetapi telah berkurang kepada 0.7 peratus pada tahun 1985. Sumbangan eksport barang-barang pembuatan telah mengatasi sumbangan eksport pertanian semenjak tahun 1982 dan sumbangan eksport bahan-bahan galian semenjak tahun 1984. Oleh yang demikian eksport barang-barang pembuatan menjadi penyumbang terbesar kepada pendapatan eksport semenjak tahun 1984. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh kenaikan jumlah eksport jentera elektrik, peralatan dan alat-alat ganti yang merupakan lebih 54 peratus daripada peningkatan tersebut. Pertumbuhan eksport barang-barang pembuatan adalah juga hasil daripada sumbangan eksport alat-alat kelengkapan pengangkutan; keluaran petroleum; tekstil, pakaian dan kasut; dan keluaran kimia.

Import Barangan dan Perkhidmatan Bukan-Faktor mengikut nilai semasa telah meningkat sebanyak 6.0 peratus setahun berbanding dengan matlamat RME sebanyak 10.0 peratus setahun. Pencapaian ini adalah disebabkan oleh kemerosotan kadar pertumbuhan import daripada 14.9 peratus pada tahun 1981 kepada 4.1 peratus pada tahun 1984. Pada tahun 1985, import telah jatuh sebanyak 5.6 peratus suatu keadaan yang sebelumnya pernah dialami tahun 1975. Pertumbuhan yang pesat dalam tempoh 1981-82, adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan jumlah import terutamanya import barang-barang modal seperti jentera dan kelengkapan pengangkutan, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2-5. Import barang-barang modal yang merupakan kira-kira 31 peratus daripada jumlah import, telah meningkat sebanyak 20.3 peratus pada tahun 1982 dan peningkatan tersebut adalah disebabkan oleh pertumbuhan pelaburan awam yang tinggi terutamanya oleh PABK-PABK. Semenjak tahun 1983, dengan wujudnya langkah pengubahsuaian pelaburan sektor awam di samping prestasi pelaburan sektor swasta yang terus lemah, import barang-barang modal mulai menjadi semakin perlahan dan berkembang sebanyak 6.2 peratus setahun dalam tempoh RME. Import barang-barang perantaraan yang merupakan 47.8 peratus daripada jumlah import telah meningkat sebanyak 4.3 peratus setahun, terutamanya untuk memenuhi perkembangan industri elektronik dan keperluannyaterhadap komponen-komponen import bagi tujuan pemasangan. Import barang-barang pengguna telah meningkat sebanyak 8.6 peratus setahun dan merupakan 19.8 peratus daripada jumlah import. Kandungan terbesar dalam import barang-barang pengguna ialah makanan dan barang-barang pengguna tahan lama yang telah mencatatkan kadar pertumbuhan import yang tinggi iaitu 9.4 peratus setahun bagi makanan dan 8.6 peratus setahun bagi barang-barang pengguna tahan lama.

### Perkembangan harga

Pada tahun-tahun awal lapan puluhan telah memperlihatkan kemajuan dalam mengurangkann tekanan inflasi dalam negeri, hasil daripada bertambah baiknya keadaan inflasi antarabangsa dan pelaksanaan secara berkesan dan berterusan langkah-langkah mengatasi inflasi. Langkah-langkah mengatasi inflasi tersebut termasuklah dasar kewangan dan fiskal di samping langkah-langkah pentadbiran yang bertujuan mengawal kenaikan harga dalam negeri. Angkatunjuk harga dalam negeri keseluruhan yang diukur oleh jumlah deflator harga bagi penggunaan dan pelaburan, telah meningkat sebanyak 2.8 peratus setahun dalam tempoh RME. Kadar pertumbuhan angkatunjuk harga dalam negeri telah merosot daripada 6.9 peratus pada tahun 1981 kepada 2.2 peratus pada tahun 1984. Pada tahun 1985, angkatunjuk harga dalam negeri telah merosot sebanyak 0.7 peratus.

Angkatunjuk Harga Pengguna (AHP) telah meningkat hanya sebanyak 0.3 peratus pada tahun 1985 berbanding dengan kenaikan sebanyak 9.7 peratus pada tahun 1981 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-6. Dalam tempoh RME, sungguhpun AHP telah meningkat sebanyak 4.6 peratus setahun, beberapa komponen angkatunjuk tersebut telah menunjukkan kenaikan yang lebih tinggi. Harga bagi minuman dan tembakau telah

meningkat sebanyak 9.1 peratus setahun, manakala bayaran sewa, bahan api dan tenaga serta rawatan perubatan dan kesihatan telah meningkat lebih daripada 6 peratus setahun. Walaupun harga bagi barang-barang makanan telah meningkat sebanyak 4.2 peratus setahun dalam tempoh RME, kenaikan harga yang tinggi telah dicatatkan dalam dua tahun pertama tempoh tersebut, terutamanya bagi gula, susu, telur, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran.

Harga import telah meningkat sebanyak 0.5 peratus setahun dalam tempoh tersebut. Peningkatan yang perlahan ini adalah disebabkan oleh kenaikan harga yang kecil bagi eksport negara-negara maju yang merupakan sebahagian besar daripada jumlah import. Selain daripada itu, kenaikan harga import keseluruhan yang perlahan tersebut adalah juga disebabkan oleh kemerosotan harga import petroleum mentah. Harga barang-barang pelaburan seperti yang ditunjukkan oleh harga import bagi barang-barang modal telah juga menunjukkan pertumbuhan yang lebih perlahan sebanyak 1.3 peratus setahun, manakala harga barang-barang perantaraan telah meningkat sebanyak 1.2 peratus setahun.

Harga eksport telah merosot sebanyak 1.0 peratus setahun disebabkan oleh kemerosotan harga bagi hampir kesemua eksport barangan utama. Harga eksport barangan pertanian telah merosot sebanyak 4.4 peratus setahun, manakala harga eksport bagi bahan-bahan galian pula telah merosot sebanyak 1.1 peratus setahun. Kemerosotan harga tersebut adalah disebabkan terutamanya oleh permintaan dunia yang lembab dan bekalan barangan yang berlebihan di pasaran antarabangsa. Nisbah harga eksport-import

Nisbah harga eksport-import seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-7, telah merosot sebanyak 1.4 peratus setahun disebabkan oleh kemerosotan harga eksport sebanyak 1.0 peratus setahun dan peningkatan harga import sebanyak 0.5 peratus setahun. Setelah mengambilkira kerugian yang dialami dalam nisbah harga eksport-import, KDNK mengikut kuasa beli sebenar telah meningkat pada kadar yang lebih rendah iaitu sebanyak 5.1 peratus setahun, meskipun jumlah keluaran telah meningkat sebanyak 5.8 peratus setahun.

#### Tabungan dan pelaburan

Dalam tempoh RME, tabungan negara kasar mengikut nilai semasa telah meningkat sebanyak 6.0 peratus setahun, mencapai jumlah terkumpul sebanyak \$88,991 juta. Sungguhpun demikian, bahagian tabungan negara kasar telah merosot daripada 30.9 peratus daripada KNK pada tahun 1980 kepada 29.3 peratus pada tahun 1985, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-8. Kemerosotan ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan tabungan sektor swasta yang lebih perlahan, terutamanya disebabkan oleh pendapatan eksport yang lebih rendah akibat daripada harga-harga eksport yang tidak memuaskan dalam tempoh tersebut. Sungguhpun demikian, tabungan sektor awam telah mencatatkan pertumbuhan yang tinggi sebanyak 14.2 peratus setahun,

selaras dengan peningkatan hasil pendapatan yang diperolehi oleh Kerajaan Persekutuan dan lebih yang lebih besar diperolehi oleh PABK-PABK terutamanya Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS). Dengan perkembangan ini, bahagian tabungan sektor awam kepada jumlah tabungan telah meningkat daripada 23.9 peratus pada tahun 1980 kepada 34.7 peratus pada tahun 1985, manakala bahagian tabungan sektor swasta pula telah berkurang daripada 76.1 peratus pada tahun 1980 kepada 65.3 peratus pada tahun 1985.

Pada keseluruhannya, jurang tabungan-pelaburan telah meningkat daripada 1.2 peratus daripada KNK pada tahun 1980 kepada 14.1 peratus pada tahun 1982. Jurang yang luas tersebut adalah berpunca daripada sektor awam. Jurang tabungan-pelaburan bagi sektor awam telah meningkat daripada 4.6 peratus kepada 10.7 peratus dalam tempoh tersebut. Pelaburan sektor awam yang meningkat dengan pesatnya pada awal tempoh RME telah mewujudkan tanggungan pembiayaan yang besar. Keadaan ini menyebabkan lebih banyak pinjaman luar negeri diperlukan untuk membiayai tanggungan tersebut. Langkah-langkah yang dilaksanakan oleh sektor awam semenjak tahun 1983 untuk memperkukuhkan perbelanjaan telah berjaya mengurangkan jurang tabungan-pelaburan tersebut kepada 5.9 peratus pada tahun 1985. Sektor swasta telah mencatatkan jurang tabungan-pelaburan sebanyak \$544 juta dalam tempoh RME sungguhpun pertumbuhan pelaburannya adalah lebih perlahan disebabkan oleh tabungannya bertambah sedikit sahaja. Pada keseluruhannya, jurang tabungan-pelaburan negara yang berjumlah \$28,041 juta dalam tempoh RME telah dibiayai melalui pinjaman yang terus meningkat daripada luar negeri.

#### Imbangan pembayaran

Kedudukan imbangan pembayaran telah merosot terutamanya pada tahun-tahun awal RME. Akaun semasa telah mencatatkan kurangan sebanyak \$620 juta atau 1.2 peratus daripada KNK pada tahun 1980, setelah memperolehi lebih yang besar dalam tempoh empat tahun sebelumnya. Pada tahun 1982, kurangan ini terus meningkat ke paras yang belum pernah dialami sebanyak \$8,409 juta atau 14.1 peratus daripada KNK. Walau bagaimanapun, pemulihan dagangan semenjak tahun 1983 telah menyebabkan kedudukan akaun semasa pada tahun 1985 bertambah baik dan telah mengurangkan kurangan yang dialami kepada \$2,230 juta atau 3.1 peratus daripada KNK. Dalam tempoh tersebut, kurangan terkumpul akaun semasa berjumlah sebanyak \$28,041 juta, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-9.

Prestasi sektor eksport yang tidak memuaskan serta peningkatan kadar import yang terus tinggi telah melemahkan akaun barang dagangan yang lazimnya kukuh. Keadaan ini telah menyebabkan negara mengalami kurangan dalam akaun dagangan buat pertama kalinya pada tahun 1981 dan kurangan ini terus meningkat pada tahun 1982. Walau bagaimanapun, pada tahun 1983, akaun dagangan telah bertambah baik dengan adanya pemulihan permintaan luar negeri bagi barangan eksport serta pengurangan import



terutamanya hasil daripada langkah-langkah pengubahsuaian yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Pemulihan ini menjadi semakin kukuh pada tahun 1984 apabila lebih meningkat keparas \$6,913 juta. Pada tahun 1985, jumlah import telah berkurang dengan banyaknya berbanding dengan peningkatan jumlah eksport yang lebih besar. Keadaan ini telah menghasilkan lebih sebanyak \$8,628 juta. Pada keseluruhannya, barang dagangan telah mencatatkan lebih terkumpul sebanyak \$14,633 juta dalam tempoh RME.

Kurangan yang lazimnya terdapat dalam akaun perkhidmatan terus bertambah buruk dalam tempoh RME. Pada tahun 1985, kurangan ini telah meningkat hampir sekali ganda kepada \$10,728 juta berbanding dengan \$5,813 juta pada tahun 1980, menjadikan jumlah terkumpul sebanyak \$42,280 juta dalam tempoh tersebut. Kurangan tersebut sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh aliran keluar pendapatan pelaburan yang semakin besar terutamanya bagi bayaran faedah pinjaman serta bayaran pengangkutan dan insurans yang semakin bertambah. Bayaran kadar faedah yang lebih tinggi ini adalah disebabkan oleh jumlah pinjaman luar negeri yang besar oleh sektor awam dan swasta untuk membiayai perbelanjaan pelaburan, terutamanya dalam separuh masa pertama RME. Kadar kenaikan bayaran bersih bagi pengangkutan dan insurans, walaupun masih di tahap yang tinggi, telah semakin berkurang berikutan dengan bertambahnya keupayaan mengangkut oleh syarikat-syarikat perkapalan dalam negeri, terutamanya Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) dan Syarikat Perkapalan Perbadanan Nasional (PNSL). MISC telah memperolehi 13 buah kapal tambahan, yang mempunyai jumlah keupayaan mengangkut seberat 670,200 tan metrik, terutamanya terdiri daripada kapal-kapal tangki LNG, pengangkut barangan pukal dan pengangkut kontena. Dalam tempoh RML, PNSL memperolehi tujuh buah kapal dengan keupayaan mengangkut seberat 98,800 tan metrik terdiri daripada kapal-kapal pengangkut barangan pukal, kapal-kapal tangki dan sebuah kapal penumpang.

Memandangkan kedudukan kurangan akaun semasa yang besar, Malaysia terus menjadi pengimpot modal bersih dari luar negeri. Dalam tempoh RME, aliran masuk modal jangka panjang bersih terkumpul berjumlah \$34,811 juta yang terdiri daripada \$20,311 juta pinjaman pasaran rasmi, \$2,254 juta pinjaman projek rasmi dan \$13,111 juta pelaburan syarikat. Sebahagian daripada pinjaman pasaran rasmi yang besar itu adalah untuk membiayai pelaburan PABK-PABK yang semakin meningkat. Aliran masuk bersih bagi pelaburan syarikat telah merosot dalam tempoh tersebut disebabkan oleh keadaan pasaran modal antarabangsa yang semakin ketat serta berkurangnya aliran masuk modal dari negara-negara maju ke negara-negara sedang membangun.

Aliran masuk modal jangka panjang bersih yang besar telah berupaya mengimbangi kurangan akaun semasa dan aliran keluar modal jangka pendek bersih yang besar. Berikutan dengan ini, kedudukan keseluruhan imbalan pembayaran telah mencatatkan lebih terkumpul sebanyak \$1,759 juta dan seterusnya menambahkan pengumpulan cadangan luar negeri. Cadangan luar negeri Bank Negara pada akhir tahun 1985 berjumlah \$12,457 juta mencukupi untuk membiayai 4.9 bulan import tertangguh.

#### **IV. PROSPEK UNTUK PERTUMBUHAN, 1986-90 - EKONOMI ANTARABANGSA**

Perkembangan ekonomi antarabangsa dalam tempoh separuh masa kedua tahun-tahun lapan puluhan, masih belum pasti. Keadaan ini bergantung terutamanya kepada dasar dan strategi negara-negara maju di sepanjang tempoh peralihan dari tahun-tahun kemelesetan yang berlarutan kebelakangan ini hingga pertumbuhan ekonomi pulih semula dan kekal dalam tempoh jangka pertengahan. Selain daripada itu, masa depan pembangunan ekonomi negara-negara sedang membangun akan bergantung kepada prospek bagi pengurangan dasar perlindungan untuk membuka peluang yang lebih besar kepada eksport negara-negara tersebut memasuki pasaran negara-negara perindustrian. Dasar-dasar kewangan yang lebih baik di negara-negara maju bukan sahaja akan meningkatkan aliran modal yang besar tetapi juga meringankan syarat-syarat pinjaman terutamanya untuk negara-negara sedang membangun.

Ramalan semasa keatas perkembangan ekonomi jangka pertengahan oleh agensi-agensi antarabangsa adalah berbeza-beza iaitu daripada jangkaan yang rendah sebanyak 2.5 peratus setahun hingga ke jangkaan yang tinggi sebanyak 4.3 peratus setahun. Jangkaan yang rendah mengandaikan tiadanya dasar dan strategi baru yang dapat mengurangkan kurangan belanjawan, kadar pengangguran dan kadar faedah. Jangkaan yang tinggi pula bergantung kepada kejayaan dasar dan strategi negara-negara perindustrian bagi mengurangkan kurangan belanjawan mereka dan mewujudkan pasaran buruh yang sesuai dengan keadaan serta perdagangan luar yang bebas.

Sungguhpun terdapat keadaan yang tidak pasti ini, jangkaan pertumbuhan ekonomi Malaysia di sepanjang tempoh RML adalah berasaskan kepada kadar pertumbuhan sederhana bagi negara-negara perindustrian iaitu antara 3.0 hingga 3.5 peratus setahun. Pertumbuhan ekonomi negara-negara tersebut diramalkan mengalami pertumbuhan yang lebih perlahan dalam separuh masa pertama tempoh RML dan berkembang dengan lebih pesat pada akhir tempoh RML.

Pemulihan ekonomi dunia, terutamanya menjelang separuh masa kedua RML, dijangka akan disertai dengan beberapa pelonggaran amalan dasar perlindungan yang akan menghasilkan perkembangan perdagangan dunia yang lebih pesat. Dengan adanya perundingan perdagangan di peringkat antarabangsa pada masa hadapan di bawah anjuran Perjanjian Perdagangan dan Tariff Am (GATT), prospek menyelesaikan beberapa masalah utama perdagangan akan lebih cerah sejajar dengan matlamat utama GATT untuk menggalak dan mengembangkan perdagangan dunia melalui kerjasama perdagangan berbagai hala.

Pertumbuhan ekonomi dunia yang berkekalan dan sistem kewangan yang lebih stabil, disertai dengan pemulihan perdagangan antarabangsa akan mewujudkan suasana yang lebih baik bagi ekonomi dunia. Tambahan pula, dasar-dasar pengubahsuaian dan penstabilan yang berterusan di negara-negara sedang membangun, akan

mempercepatkan lagi pengurangan beban khidmat hutang dan kedudukan perdagangan luar yang tidak seimbang. Keadaan ini akan mewujudkan kemungkinan yang lebih besar untuk memulihkan semula hubungan yang lebih rapat antara peminjam swasta dengan negara-negara yang meminjam dan ini akan menggalakkan perkembangan aliran modal.

## **V. PROSPEK UNTUK PERTUMBUHAN, 1986-90 - EKONOMI MALAYSIA**

Prospek pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam tempoh RML perlu dilihat dari sudut jangkaan perkembangan ekonomi antarabangsa, di samping dasar dan strategi pengubahsuaian dalam negeri untuk terus membendung kurangan akaun Kerajaan dan akaun luar negeri serta tanggungan khidmat hutang yang meningkat. Prospek pertumbuhan ini juga bergantung kepada hasil perkembangan-perkembangan yang berlaku di pasaran timah dan petroleum yang kini masih tidak pasti. Memandangkan keadaan-keadaan ini, prospek bagi pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam jangka pertengahan dijangka berkembang dengan lebih perlahan berbanding dengan pencapaian dalam tempoh RME. Sungguhpun demikian, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha bagi memastikan supaya kadar pertumbuhan ekonomi dapat dikekalkan dalam jangka panjang. Langkah-langkah telah dan akan terus diambil untuk mengatasi kesan-kesan kemerosotan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi dan penggunaan sumber-sumber secara lebih cekap akan membolehkan negara mencapai matlamat jangka panjang untuk mewujudkan lebih banyak peluang pekerjaan, pengagihan pendapatan dengan lebih seimbang serta perpaduan negara.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia yang dijangka sebanyak 5.0 peratus setahun dalam tempoh RML akan lebih bergantung kepada perkembangan yang pesat kegiatan-kegiatan ekonomi dalam negeri. Perkembangan kegiatan-kegiatan tersebut beserta halaju urusan harta dalam negeri yang lebih tinggi akan mendorong pertumbuhan ekonomi bagi mengukuhkan lagi usaha-usaha mewujudkan sumber-sumber kekayaan baru. Disamping itu, pertumbuhan ekonomi akan memberi penekanan kepada usaha untuk mencapai kecekapan dan produktiviti yang lebih tinggi, terutamanya melalui penggunaan kemudahan-kemudahan yang sedia ada secara lebih berkesan dan penggunaan teknologi yang lebih maju. Selain daripada itu, peluang-peluang untuk menyatu dan memperkukuhkan rantai dalam ekonomi akan digunakan sepenuhnya bagi mencapai pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi.

Dasar kewangan akan terus ditumpukan kepada usaha-usaha mengekalkan kestabilan dan menggalakkan struktur kewangan yang teguh untuk menyediakan suasana yang baik bagi menyokong kegiatan-kegiatan sektor swasta dan pertumbuhan ekonomi. Berasaskan matlamat keseluruhan ini, Kerajaan akan menguruskan keadaan mudah-tunai dalam negeri bagi memastikan perkembangan kewangan dan kemudahan kredit akan menyokong pertumbuhan ekonomi sejajar dengan usaha mengekalkan kestabilan harga dalam negeri yang berterusan serta mencapai kedudukanimbangan pembayaran yang lebih baik dalam jangka panjang. Berhubung dengan kemudahan

kredit, Kerajaan akan terus memastikan terdapatnya sumber-sumber kewangan yang mencukupi pada kos yang berpatutan bagi membiayai projek-projek yang produktif di sektor swasta disamping mengekalkan kadar faedah pada paras yang dapat memberi pulangan tabungan yang berpatutan kepada penyimpan-penyimpan.

Dasar fiskal Kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pengurusan ekonomi terutamanya berhubung dengan keperluan untuk terus mengubahsuai perbelanjaan sektor awam, mengurangkan pinjaman luar negeri dan memperbaiki pengurusan hutang. Kerajaan akan terus menitikberatkan usaha bagi memperkukuhkan pertumbuhan sektor swasta melalui langkah-langkah memajukan keusahawanan, meningkatkan produktiviti, mengadakan pembaharuan dan menggalakkan daya usaha sektor swasta untuk meningkatkan perkembangan ekonomi dalam negeri.

Pertumbuhan kegiatan-kegiatan pelaburan swasta yang lebih tinggi dan pesat berbanding dengan kadar prestasinya dalam tempoh RME adalah merupakan faktor penting bagi menggalakkan pertumbuhan dalam tempoh RML. Bagi mencapai matlamat ini, sektor swasta perlu menumpukan seluruh tenaga dan sumber-sumber pembangunan yang ada padanya bagi menggunakan segala kesempatan yang ada untuk memaju dan meningkatkan kegiatannya supaya pertumbuhan yang dirancang dalam RML dapat dipenuhi. Peranan sektor swasta ini amatlah penting memandangkan sektor awam akan terus mengukuhkan lagi kedudukan kewangannya untuk mengurangkan secara beransur-ansur saiz dan peranannya dalam ekonomi. Dalam keadaan sumber-sumber yang terbatas yang dihadapi oleh sektor awam dan dengan adanya kecekapan dan produktiviti yang lebih baik, usaha-usaha yang lebih giat akan dijalankan untuk meningkatkan pengembelian dan produktiviti yang lebih baik bagi penggunaan sumber-sumber yang ada. Perbelanjaan sektor awam akan terhad oleh keperluan untuk menjamin kestabilan dan pengurusan kewangan jangka panjang yang lebih cekap dan cermat.

#### Keluaran mengikut sektor

Pertumbuhan KDNK dalam tempoh 1986-90 akan didorong oleh perkembangan sektor-sektor kedua dan ketiga. Sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar yang lebih tinggi daripada kadar pertumbuhannya dalam tempoh RME, manakala sektor pembinaan pula dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan. Perkembangan sektor pertama akan dipengaruhi oleh kadar pertumbuhan yang lebih perlahan dalam sektor pertanian dan perlombongan. Pertumbuhan sektor ketiga akan berpunca terutamanya daripada sektor-kecil kemudahan awam, manakala perkhidmatan Kerajaan pula akan dikurangkan dengan banyaknya berikutan daripada langkah-langkah pengukuhan yang akan terus dilaksanakan oleh sektor awam.

Berdasarkan kumpulan sektor, sumbangan sektor kedua kepada jumlah keluaran akan meningkat sedikit daripada 24.3 peratus pada tahun 1985 kepada 25.8 peratus pada tahun 1990. Bahagian sektor pertama dijangka merosot daripada 30.4 peratus kepada

27.4 peratus dalam tempoh yang sama, manakala bahagian sektor ketiga akan bertambah daripada 44.0 peratus kepada 46.3 peratus. Pertumbuhan KDNK mengikut industri asal dan bahagiannya adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-10 dan Carta 2-1.

SEKTOR PERTAMA. SEKTOR PERTANIAN pada masa ini menyumbang sebanyak 20.3 peratus kepada jumlah keluaran dalam ekonomi. Sebahagian besar keluaran sektor ini adalah berpunca daripada tanaman kekal iaitu getah dan kelapa sawit yang merupakan 48.3 peratus daripada jumlah pengeluaran sektor pertanian. Usaha-usaha semasa seperti yang terkandung dalam Dasar Pertanian Negara (DPN) untuk menggiatkan semula sektor ini akan ditumpu kearah meningkatkan pendapatan petani secara maksimum melalui peningkatan produktiviti tanaman eksport tradisional dan memajukan jenis tanaman baru, di samping tanaman untuk makanan dan industri. Tumpuan akan diberi kepada pembangunan tanah baru, pemulihan tanah terbiar, penanaman berkelompok yang tersusun manakala pembangunan institusi dan tenaga manusia akan diubahsuai dari segi keutamaan dan kandungannya.

Sungguhpun demikian, usaha-usaha untuk menggiatkan semula sektor tersebut adalah merupakan langkah-langkah jangka panjang yang hanya akan memberi kesan sepenuhnya kepada keluaran sektor tersebut dalam tahun-tahun sembilan puluhan. Oleh itu, sektor ini dijangka berkembang pada kadar 2.6 peratus setahun dalam tempoh RML berbanding dengan 3.4 peratus setahun dalam tempoh RME. Pertumbuhan sektor pertanian yang lebih rendah berbanding dengan pertumbuhan sektor-sektor lain dalam ekonomi akan menyebabkan bahagiannya akan merosot kepada 18.1 peratus daripada KDNK menjelang tahun 1990 dan seterusnya mengurangkan sumbangannya kepada pertambahan keluaran negara. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang perlahan yang dijangka berlaku bagi beberapa barangan utama seperti getah dan minyak kelapa sawit serta berkurangnya keluaran kayu balak dalam tempoh RML.

Pengeluaran getah akan meningkat hanya sebanyak 0.8 peratus setahun daripada 1,450,000 tan metrik pada tahun 1985 kepada 1,511,000 tan metrik pada tahun 1990, disebabkan terutamanya oleh pertambahan hasil. Dari segi keluasan, pada tahun 1990 kawasan tanaman getah dijangka berkurang kepada 1,908,000 hektar daripada 1,959,000 hektar pada tahun 1985. Keluasan kawasan pekebun kecil dijangka bertambah sebanyak 34,000 hektar dan sebahagian besarnya adalah kawasan penanaman baru yang diusahakan secara tersusun oleh kumpulan pekebun kecil dan pertambahan ini meningkatkan luasannya kepada kira-kira 1,537,000 hektar pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, keluasan sektor estet dijangka berkurang disebabkan oleh usaha-usaha yang berterusan menukar tanaman di kawasan tersebut dengan tanaman kelapa sawit. Adalah dijangka, kira-kira 95,000 hektar estet getah akan dialihguna kepada tanaman kelapa sawit dan kegunaan-kegunaan lain dalam tempoh RML. Sungguhpun demikian, adalah dianggarkan kira-kira 10,000 hektar kawasan di sektor estate akan ditanam semula dengan getah.

Keluaran minyak kelapa sawit dijangka bertambah sebanyak 6.7 peratus setahun dengan jumlahnya mencapai 5.7 juta tan metrik pada tahun 1990, berbanding dengan 9.9 peratus setahun dalam tempoh RME. Pertumbuhan yang lebih rendah ini adalah disebabkan oleh kadar penanaman yang lebih perlahan dalam tempoh RME. Dalam tempoh RML, jumlah keluasan tanaman kelapa sawit dijangka bertambah sebanyak 3.8 peratus setahun menjadi kira-kira 1.8 juta hektar pada tahun 1990 berbanding dengan kira-kira 1.5 juta hektar pada tahun 1985.

Keluaran kayu balak dijangka merosot sebanyak 2.0 peratus setahun dalam tempoh RML daripada 31.3 juta meter padu pada tahun 1985 kepada 28.3 juta meter padu pada tahun 1990. Kemosrotan ini adalah disebabkan terutamanya oleh keperluan untuk memastikan penggunaan sumber-sumber hutan dengan lebih cekap dalam jangka panjang di samping berkurangnya kawasan hutan yang mudah diterokai. Sarawak dijangka menyumbang kira-kira 40 peratus kepada jumlah keluaran manakala Sabah 33 peratus dan selebihnya daripada Semenanjung Malaysia.

Pengeluaran koko yang pada masa ini mencatatkan kira-kira 4.7 peratus daripada jumlah keluaran pertanian, dijangka berkembang dengan pesat pada kadar 11.5 peratus setahun, hasil daripada pertambahan yang besar dalam keluasan kawasan yang ditanam dan kepadatan tanaman dalam kawasan tanaman selingan. Sejalan dengan perkembangan ini, keluarannya dijangka meningkat daripada 103,000 tan metrik pada tahun 1985 kepada 117,200 tan metrik pada tahun 1990 dan akan meningkatkan bahagian koko dalam keluaran pertanian kepada 6.9 peratus. Jumlah keluasan tanaman koko dijangka bertambah sebanyak 85,000 hektar lagi.

Pengeluaran tanaman makanan akan digalakkan selaras dengan matlamat DPN. Usaha yang lebih giat akan dilaksanakan ke arah gantian import bagi beberapa pengeluaran tanaman makanan tertentu seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Penanaman tanaman makanan tersebut secara besar-besaran akan diusahakan di kawasan-kawasan bekas lombong yang sesuai dan di kawasan-kawasan lain yang mempunyai kesesuaian dari segi agronomi dan cuaca, bagi membolehkan pengeluaran tanaman makanan berkembang pada kadar 3.9 peratus setahun dalam tempoh RML berbanding dengan pertumbuhan yang negatif sebanyak 0.9 peratus setahun dalam tempoh RME. Pengeluaran padi yang merupakan 37.7 peratus daripada keluaran tanaman makanan, dijangka berkembang sebanyak 2.0 peratus setahun terutamanya melalui peningkatan produktiviti di kawasan-kawasan jelapang padi negara. Bagi perikanan pula, hasil tangkapan dijangka bertambah lagi memandangkan usaha-usaha yang lebih giat akan ditumpukan kepada perusahaan perikanan laut dalam dan juga pembangunan perusahaan ternakair, termasuklah pembangunan perusahaan ternakair yang boleh dilaksanakan secara ekonomi di lombong-lombong yang telah ditinggalkan.

Pertumbuhan SEKTOR PERLOMBONGAN DARI LUAR NEGERI dijangka merosot kepada 3.1 peratus setahun dalam tempoh RML daripada 6.0 peratus setahun dalam tempoh RME. Walaupun kadar pertumbuhannya adalah perlahan, bahagian sektor ini dalam

jumlah keluaran dijangka kekal pada paras kira-kira 9 peratus daripada KDNK. Sungguhpun pengeluaran minyak mentah dan LNG dijangka tidak bertambah dengan banyaknya sebagaimana yang dicapai dalam tempoh RME, sumber-sumber ini akan terus menjadi penyumbang terbesar kepada jumlah keluaran sektor ini iaitu sebanyak 85.8 peratus pada tahun 1990, berbanding dengan 81.7 peratus pada tahun 1985.

Pengeluaran minyak mentah akan meningkat sebanyak 3.9 peratus setahun dalam tempoh RML. Keluaran LNG daripada logi di Bintulu akan mencapai keupayaan maksimum sebanyak 6.1 juta tan metrik menjelang tahun 1987 berbanding dengan 4.5 juta tan metrik pada tahun 1985. Keluaran bijih timah pula dijangka berkurang dengan banyaknya iaitu kira-kira 50 peratus pada tahun 1986 dan meningkat sedikit kepada 28,000 tan metrik menjelang tahun 1990 apabila keadaan pasaran minyak lebih selaras dengan perkembangan-perkembangan yang berlaku dalam krisis bijih timah masa kini.

SEKTOR KEDUA. SEKTOR PEMBUATAN dijangka berkembang pada kadar 6.4 peratus setahun dalam tempoh RML iaitu lebih tinggi daripada kadar yang dicapai dalam tempoh RME sebanyak 4.9 peratus setahun. Kadar pertumbuhan sektor ini dijangka tidak sepesat kadar pertumbuhan yang dicapai dalam tahun-tahun tujuh puluhan memandangkan bahagian sektor ini dalam keluaran negara telah pun berada di paras yang tinggi. Bahagiannya dijangka meningkat daripada 19.1 peratus daripada KDNK pada tahun 1985 kepada 20.5 peratus pada tahun 1990. Sektor ini akan terus menjadi sektor terbesar dalam ekonomi di sepanjang tempoh RML. Pertumbuhan sektor ini dijangka berpunca daripada pertumbuhan industri dalam negeri dan industri untuk eksport. Antara industri-industri yang telah dikenalpasti untuk menjadi pendorong kepada pertumbuhan adalah industri-industri yang berasaskan sumber seperti industri getah, galian bukan logam dan juga industri-industri bukan berasaskan sumber seperti jentera elektrik, logam asas, alat kelengkapan pengangkutan, jentera bukan elektrik dan barang logam yang dibentuk.

Kerajaan akan melaksanakan beberapa langkah untuk mencapai kecekapan dan keupayaan bersaing yang lebih tinggi khususnya di pasaran antarabangsa bagi barangan buatan Malaysia. Langkah-langkah tersebut termasuklah dasar yang berkaitan dengan perlindungan tarif, galakan-galakan fiskal di samping kemudahan-kemudahan kewangan untuk menambah kemampuan negara menjadi pemasar utama di dunia bagi beberapa barang-barang pembuatannya yang terpilih. Usahawan-usahawan swasta pula mestilah berani menanggung risiko serta tekun dan tabah menghadapi cabaran persaingan di pasaran antarabangsa di samping menggiatkan usaha-usaha mereka untuk mencapai kecekapan yang lebih tinggi dan mengadakan pembaharuan untuk merebut peluang-peluang daripada perubahan-perubahan perdagangan dan cekat menghadapi persaingan pasaran. Usaha yang lebih bersungguh-sungguh perlulah dilaksanakan bagi memperkenalkan lagi keluaran dan meningkatkan usaha-usaha pemasaran dengan mengutamakan mutu, rekabentuk dan pembungkusan keluaran di samping penyelidikan dan pengumpulan maklumat pasaran.

Pertumbuhan SEKTOR PEMBINAAN dalam tempoh RML adalah jauh lebih rendah daripada yang telah dicapai dalam tempoh RME. Sektor ini dijangka berkembang sebanyak 5.6 peratus setahun berbanding dengan 8.1 peratus setahun dalam tempoh RME. Sejalan dengan perkembangan perbelanjaan sektor awam yang perlahan bagi program-program infrastruktur, pertumbuhan pesat pada masa lalu tidak akan dapat dikekalkan lagi. Seterusnya, kegiatan pembinaan yang diusahakan oleh sektor swasta dijangka berkembang dengan perlahan memandangkan bilangan ruang pejabat dan bilik hotel yang telah berlebihan. Walau bagaimanapun, adalah dijangka kepesatan kegiatan pembinaan rumah-rumah kediaman kos-rendah terutama kegiatan pembinaan yang diusahakan oleh sektor swasta terutamanya bagi tempoh 3 tahun pertama RML akan memberi sumbangan kepada pertumbuhan sektor ini.

SEKTOR KETIGA. Dalam tempoh RML, nilai ditambah sektor ketiga dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 6.0 peratus setahun berbanding dengan 7.9 peratus setahun dalam tempoh 1981-85. Sungguhpun demikian, sektor-sektor kecil dalam kumpulan sektor ini iaitu sektor kecil kemudahan-kemudahan awam, pengangkutan, perdagangan dan kewangan dijangka berkembang pada kadar yang lebih tinggi berbanding dengan kadar pertumbuhan keseluruhan sektor ini. Selain daripada menyediakan khidmat sokongan kepada sektor pembuatan yang berkembang, perkhidmatan baru dan tambahan bagi talikom dan pelancungan di samping langkah-langkah yang dilaksanakan bagi memperbaiki lagi perkhidmatan-perkhidmatan seperti kewangan dan insurans, akan membolehkan sektor-sektor kecil tersebut berkembang sebanyak 6.8 peratus setahun. Namun demikian, perkembangan perkhidmatan Kerajaan akan menjadi lebih perlahan selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk memperkemas dan mengubahsuaikan kedudukan sumbernya. Berikutan daripada langkah-langkah ini, sektor kecil perkhidmatan Kerajaan akan berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 4.0 peratus setahun berbanding dengan 9.8 peratus setahun dalam tempoh RME.

Teras utama perkembangan ekonomi dalam tempoh RML dijangka berpunca daripada pertumbuhan pesat pelaburan sektor swasta. Sektor awam yang menjadi daya penggerak kepada pertumbuhan ekonomi pada awal tempoh RME akan terus mengubahsuaikan perbelanjaannya supaya sesuai dengan kedudukan kewangannya. Setelah mengambilkira pelaburan awam yang lebih rendah di samping keperluan mengurangkan kecenderungan mengimport, terutamanya import barang-barang pengguna, pertumbuhan import akan dikurangkan dengan banyaknya. KDNK mengikut jenis perbelanjaan dan bahagiannya, bagi tahun-tahun 1985 dan 1990 adalah ditunjukkan dalam Jadual 2-11 dan Carta 2-2.

PERMINTAAN DALAM NEGERI. Jumlah PELABURAN yang dijangka berkembang sebanyak 4.5 peratus setahun mengikut harga semasa akan memerlukan jumlah pelaburan sebanyak \$133,055 juta dalam tempoh RML, berbanding dengan \$117,032 juta dalam tempoh RME. Sektor awam akan terus mengubahsuaikan perbelanjaan bagi memperbaiki lagi kedudukan sumbernya yang tidak seimbang. Berikutan dari itu,



pelaburan awam akan merosot sebanyak 1.0 peratus setahun mengikut nilai sebenar dan menyebabkan bahagiannya di dalam jumlah pelaburan merosot daripada 49.6 peratus pada tahun 1985 kepada 38.9 peratus pada tahun 1990.

Kekurangan sumber-sumber yang boleh dilabur oleh sektor awam serta besarnya tanggungan-tanggungan kontrak bagi program dan projek RME yang terpaksa diteruskan perlaksanaannya dalam RML, akan memerlukan tumpuan yang lebih diberikan kepada usaha-usaha untuk meninggikan kecekapan dan produktiviti kemudahan-kemudahan yang ada di samping meningkatkan pengembelian dan penggunaan sumber-sumber secara lebih cekap dan produktif. Langkah-langkah memperkemas dan menyelaraskan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang ada seperti pelaburan, lapangan terbang dan lebuh raya akan dilaksanakan supaya penggunaan kemudahan-kemudahan tersebut secara optimum dapat dicapai. Bagi program dan projek baru, mutu pelaburan akan diutamakan untuk memastikan pelaksanaan projek tersebut menghasilkan pulangan yang tinggi, memerlukan bahan import yang rendah, mempunyai jangka pulangan pelaburan Punca-punca pertumbuhan yang pendek serta mewujudkan peluang pekerjaan yang lebih banyak.

Kemerosotan pelaburan sektor awam, akan menyebabkan pencapaian keseluruhan matlamat pelaburan bergantung kepada pertumbuhan pesat sektor swasta. Sektor swasta dijangka menyumbang kira-kira 55.2 peratus daripada jumlah pelaburan dalam tempoh RML berbanding dengan 51.3 peratus dalam tempoh RME. Keadaan ini menunjukkan bahawa pelaburan swasta akan berkembang pada kadar 8.6 peratus setahun mengikut nilai semasa atau 7.0 peratus setahun mengikut nilai sebenar, berbanding dengan 2.7 peratus setahun mengikut nilai semasa atau 1.8 peratus setahun mengikut nilai sebenar dalam tempoh RME. Dalam tempoh RML, jumlah pelaburan swasta terkumpul menunjukkan pertambahan sebanyak 22.1 peratus, lebih tinggi daripada yang telah dicatatkan dalam tempoh RME.

Pencapaian matlamat pelaburan ini memerlukan dayausaha dan kesediaan yang lebih besar daripada sektor-sektor swasta untuk menanggung risiko dan merebut setiap peluang yang ada bagi meningkatkan lagi penyertaan mereka dalam pembangunan ekonomi, khususnya dalam mengusahakan perusahaan-perusahaan baru serta menggunakan teknologi dan kemahiran yang lebih tinggi. Di samping itu sektor swasta perlu juga melaksanakan dasar dan strategi pemasaran yang lebih berkesan terutamanya bagi menghadapi persaingan yang semakin hebat di pasaran perdagangan antarabangsa. Kerajaan akan bersikap pragmatik dan bertolak ansur dalam pelaksanaan dasar-dasar dan langkah-langkah untuk memajukan perusahaan sektor swasta, di samping menjamin bahawa program pembangunan akan terus dilaksanakan dalam suasana kewangan yang stabil. Kerajaan juga akan membantu mengenalpasti peluang-peluang pelaburan serta menyediakan khidmat sokongan yang perlu bagi membolehkan sektor swasta menjadi daya penggerak kepada pertumbuhan ekonomi.

PENGGUNAAN SWASTA dijangka berkembang sebanyak 5.2 peratus setahun mengikut nilai semasa dalam tempoh RML berbanding dengan 8.1 peratus setahun dalam tempoh RME. Pertumbuhan penggunaan swasta yang lebih perlahan ini adalah berikutan daripada usaha-usaha menggalakkan kecenderungan menabung sehingga telah menambahkan lagi jumlah tabungan yang boleh digunakan bagi tujuan pembangunan. Sungguhpun demikian, setelah mengambilkira pertambahan penduduk yang lebih perlahan iaitu sebanyak 2.5 peratus setahun, penggunaan swasta PER KAPITA mengikut nilai semasa akan meningkat sebanyak 2.6 peratus setahun. Pertambahan penggunaan swasta PER KAPITA ini akan meningkatkan lagi taraf hidup rakyat negara ini.

Pertumbuhan PENGGUNAAN AWAM dijangka berkembang pada kadar yang lebih rendah sebanyak 5.4 peratus setahun dalam tempoh RML berbanding dengan 5.9 peratus setahun dalam tempoh RME. Pertumbuhan yang perlahan ini adalah sejajar dengan langkah-langkah pengubahsuaian perbelanjaan yang dilaksanakan oleh Kerajaan serta pengurusan perbelanjaan sektor awam yang lebih baik.

PERMINTAAN LUAR NEGERI Pendapatan eksport dagangan dalam tempoh RML dijangka meningkat sebanyak 2.1 peratus setahun mengikut nilai semasa berbanding dengan 6.2 peratus setahun dalam tempoh RME. Kadar pertumbuhan eksport dagangan yang lebih perlahan ini akan menyebabkan bahagian EKSPORT BARANG-BARANG PERKHIDMATAN BUKAN-FAKTOR akan merosot daripada 58.9 peratus daripada KNK pada tahun 1985 kepada 54.2 peratus pada tahun 1990. Pertambahan eksport dijangka berpunca daripada eksport barang-barang pembuatan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-12. Eksport barang-barang pembuatan akan terus meningkat dengan banyaknya pada kadar 7.3 peratus setahun dan akan menyumbangkan 41.1 peratus kepada jumlah pendapatan eksport pada tahun 1990, berbanding dengan 32.1 peratus pada tahun 1985. Sektor-sektor kecil eksport yang utama adalah keluaran getah, jentera elektrik dan jentera bukan-elektrik serta keluaran logam asas. Pendapatan eksport minyak kelapa sawit akan terus meningkat disebabkan oleh pertambahan jumlah eksport yang tinggi dan ini akan meningkatkan sumbangannya kepada jumlah pendapatan eksport daripada 10.4 peratus kepada 11.5 peratus dalam tempoh RML.

Eksport barangan pertanian dijangka berkembang pada kadar yang agak tinggi iaitu sebanyak 3.6 peratus setahun dalam tempoh RML berbanding dengan 0.2 peratus setahun dalam tempoh RME, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 2-13. Selain daripada kenaikan paras harga secara keseluruhan, pertambahan eksport tersebut dijangka berpunca daripada peningkatan yang tinggi jumlah eksport minyak kelapa sawit dan koko. Eksport minyak kelapa sawit dijangka berkembang sebanyak 4.2 peratus setahun manakala eksport koko sebanyak 15.8 peratus setahun. Bahagian barangan-barangan dalam eksport kasar adalah ditunjukkan dalam Carta 2-3.

Sungguhpun pendapatan eksport daripada petroleum mentah dan LNG akan terus meningkat dengan banyaknya, sumbangannya kepada jumlah pendapatan eksport dijangka merosot daripada 29.6 peratus pada tahun 1985 kepada 23.3 peratus pada

tahun 1990. Eksport petroleum mentah akan merosot sebanyak 3.2 peratus setahun berbanding dengan pertambahan sebanyak 6.0 peratus setahun dalam tempoh RME disebabkan oleh kejatuhan harga-harga barangan yang dijangkakan berlaku dalam tempoh RML. Berasaskan kepada jangkakan kejatuhan harga-harga tersebut, pendapatan daripada petroleum mentah dijangka menyumbang sebanyak 18.0 peratus kepada jumlah eksport pada tahun 1990 berbanding dengan 23.5 peratus pada tahun 1985. Eksport LNG dijangka tidak meningkat dengan banyak dan pengeluarannya akan mencapai paras maksimum 6.1 juta tan metrik pada tahun 1987, manakala eksport bijih timah pula dijangka merosot sebanyak 13.7 peratus setahun. Pada keseluruhannya, pendapatan eksport bahan-bahan galian termasuk LNG akan merosot sebanyak 3.7 peratus setahun.

Penggunaan dalam negeri yang perlahan di samping pelaburan sektor awam yang berkurang akan dapat mengurangkan tekanan ke atas keperluan import yang tinggi bagi tempoh RML. Sungguhpun demikian, perkembangan pesat pelaburan sektor swasta akan meningkatkan import, terutamanya bagi barang-barang modal. Perkembangan ini akan menyebabkan jumlah IMPORT BARANG-BARANG DAN PERKHIDMATAN BUKAN-FAKTOR dijangka berkembang pada kadar yang lebih perlahan sebanyak 2.2 peratus setahun mengikut nilai sebenar dalam tempoh RML, berbanding dengan 5.5 peratus setahun dalam tempoh RME. Import dijangka meningkat sebanyak 3.7 peratus setahun mengikut nilai semasa berbanding dengan 6.0 peratus setahun dalam tempoh RME. Sungguhpun demikian, keanjalan import secara purata dijangka merosot daripada 0.9 dalam tempoh RME kepada 0.7 dalam tempoh RML.

#### Perkembangan harga

Dalam tempoh RME, tekanan inflasi telah dapat dikurangkan hasil daripada usaha-usaha gigih yang diambil oleh Kerajaan. Namun demikian tingkat harga dalam negeri di sepanjang tempoh RML akan terus dipengaruhi oleh perkembangan arahaliran harga di peringkat antarabangsa terutamanya di negara-negara OECD yang mengimport kira-kira 52 peratus daripada jumlah eksport negara dan eksportnya ke negara ini berjumlah kira-kira 64 peratus daripada import negara pada tahun 1985. Kadar inflasi antarabangsa diramalkan berada pada paras 3.5 peratus setahun dalam tempoh RML, berbanding dengan 7.7 peratus setahun dalam tempoh RME.

Sejajar dengan arah aliran inflasi antarabangsa, angkatunjuk harga dalam negeri keseluruhan yang diukur oleh jumlah deflator harga bagi penggunaan dan pelaburan dijangka meningkat sebanyak 1.5 peratus setahun dalam tempoh RML. Angkatunjuk harga pengguna (AHP) yang dijangka meningkat sebanyak 1.7 peratus setahun akan terus dikawal bagi mencapai pembangunan ekonomi yang lebih teratur. Angkatunjuk harga import dijangka meningkat sebanyak 1.6 peratus setahun berbanding dengan 0.5 peratus setahun dalam tempoh RME, sejajar dengan jangkakan kenaikan harga antarabangsa. Angkatunjuk harga eksport pula dijangka akan terus merosot sebanyak 1.5 peratus setahun dalam tempoh RML. Kemerosotan angkatunjuk harga eksport ini adalah

disebabkan oleh jangkaan harga yang lebih rendah bagi petroleum mentah, minyak kelapa sawit, LNG, bijih timah, kayu balak yang digergaji dan lada hitam.

Nisbah harga eksport-import dijangka terus merosot Nisbah harga eksport-import dalam tempoh RML, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-14. Nisbah harga eksport-import akan merosot sebanyak 2.9 peratus setahun dalam tempoh tersebut, berikutan daripada kemerosotan harga eksport sebanyak 1.5 peratus setahun dan kenaikan harga import sebanyak 1.5 peratus setahun. Oleh yang demikian, kuasa beli sebenar diramalkan meningkat pada kadar 3.3 peratus setahun, iaitu lebih rendah daripada pertumbuhan KDNK sebanyak 5.0 peratus setahun.

### Tabungan dan pelaburan

Jangkaan jurang tabungan-pelaburan bagi sektor awam dan sektor swasta adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-15 dan Carta 2-4. Setelah mengambilkira pertumbuhan hasil dan perbelanjaan semasa sektor awam serta pertumbuhan pendapatan boleh guna dan penggunaan swasta, tabungan negara kasar dijangka berjumlah \$106,839 juta dalam tempoh RML. Tabungan negara kasar dijangka merosot daripada 29.3 peratus daripada KNK pada tahun 1985 kepada 27.4 peratus pada tahun 1990. Tabungan sektor swasta pula dijangka meningkat daripada 19.1 peratus kepada 21.2 peratus. Jangkaan tersebut mengambilkira keperluan untuk mengurangkan pertumbuhan penggunaan swasta dan meningkatkan kecenderungan untuk menabung. Sungguhpun demikian, tabungan sektor awam dijangka merosot daripada 10.2 peratus kepada 6.2 peratus dalam tempoh RML disebabkan oleh kenaikan hasil yang lebih perlahan, terutamanya berikutan daripada pengurangan kadar cukai pendapatan dan jangkaan harga yang lebih rendah bagi petroleum dan bijih timah. Berasaskan jumlah pelaburan negara sebanyak \$133,055 juta, jurang tabungan-pelaburan keseluruhan bagi tempoh RML dijangka berjumlah \$26,216 juta berbanding dengan \$28,041 juta dalam tempoh RME.

Sumber sektor awam yang tidak seimbang akan menyebabkan wujudnya jurang tabungan-pelaburan. Sungguhpun pelaburan sektor awam telah berkurang, jurang tabungan-pelaburan bagi sektor ini dijangka masih besar disebabkan oleh kemerosotan keanjalan sistem cukai serta pengurangan dalam lebihan semasa PABK-PABK. Bagi mengekalkan nisbah khidmat hutang negara pada paras yang munasaba, jumlah pinjaman baru dalam tempoh RML tidak lagi sebanyak pinjaman pada tahun-tahun awal lapan puluhan. Oleh yang demikian, jurang tabungan-pelaburan yang besar dalam ekonomi akan dibiayai melalui aliran masuk yang lebih besar pelaburan syarikat. Sebahagian daripada jurang tabungan-pelaburan tersebut akan juga dibiayai melalui pinjaman-pinjaman projek, manakala usaha-usaha akan diambil bagi membolehkan negara kurang bergantung kepada pinjaman-pinjaman pasaran kerana kos pinjamannya adalah tinggi.

### Imbangan pembayaran

Pertumbuhan eksport yang lebih tinggi berbanding dengan perkembangan import yang terhad akan mengukuhkan kedudukan akaun dagangan dalam tempoh RML seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 2-16. Imbangan akaun dagangan akan mencatatkan lebih terkumpul berjumlah \$26,423 juta dalam tempoh 1986-90, berbanding dengan \$14,633 juta dalam tempoh RME. Sungguhpun demikian, akaun perkhidmatan akan terus mengalami kurangan di sepanjang tempoh RML, mencatatkan kurangan sebanyak \$10,527 juta pada tahun 1990 berbanding dengan \$10,728 juta pada tahun 1985. Bayaran pendapatan faktor bersih iaitu kadar bunga, dividen dan keuntungan akan merupakan bahagian yang besar daripada kurangan tersebut, mencatatkan 67.6 peratus daripada kurangan akaun perkhidmatan pada tahun 1990 berbanding dengan 53.1 peratus pada tahun 1985. Sungguhpun telah menjadi matlamat Kerajaan untuk mengurangkan pinjaman baru dalam tempoh RML, tanggungan khidmat hutang masih lagi mencatatkan 70.5 peratus daripada jumlah bayaran faktor, setelah mengambilkira jumlah hutang dan kadar faedah yang lebih besar ke atas pinjaman-pinjaman terdahulu. Walaupun bayaran bersih untuk pengangkutan dan insurans akan terus kekal pada paras yang agak besar, bayaran tersebut dijangka tidak bertambah dengan banyaknya sepanjang tempoh RML memandangkan kepada langkah-langkah yang sedang dijalankan oleh Kerajaan bagi mengurangkan pembayaran ke atas akaun tak ketara.

Lebih akaun dagangan tidak dapat mengimbangi kurangan pembayaran akaun perkhidmatan bersih yang besar. Dalam tempoh RML, imbangan akaun semasa akan mencatatkan jumlah kurangan terkumpul sebanyak \$26,216 juta berbanding dengan \$28,041 juta dalam tempoh RME. Walau bagaimanapun kurangan ini akan meningkat daripada 3.1 peratus daripada KNK pada tahun 1985 kepada 4.4 peratus pada tahun 1990.

Bagi membiayai kurangan akaun semasa dalam imbangan pembayaran ini, negara akan lebih bergantung kepada aliran masuk pelaburan luar negeri. Aliran masuk pelaburan luar negeri yang besar ini adalah sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan pelaburan sektor swasta. Bagi mencapai matlamat ini, Kerajaan melalui dasarnya akan memastikan iklim pelaburan yang sesuai wujud untuk menarik lebih banyak pelaburan luar negeri. Berhubung dengan ini Kerajaan akan mengamalkan sikap yang lebih bertolak ansur dan pragmatik terhadap pelaburan langsung daripada luar negeri di negara ini.

Di sepanjang tempoh RML, pinjaman luar negeri bersih akan dikurangkan dengan banyaknya daripada parasnya yang tinggi dalam tempoh RME. Langkah ini adalah bertujuan untuk memastikan supaya tanggungan khidmat hutang bagi pinjaman yang sedia ada dan yang baru, tidak melebihi paras nisbah khidmat hutang yang dapat ditanggung oleh negara. Sungguhpun pinjaman pasaran dijangka terus meningkat dengan banyaknya, Kerajaan akan terus berusaha untuk mendapatkan jumlah yang lebih besar daripada pinjaman projek jangka panjang. Pada masa yang sama, Kerajaan akan memastikan matawang yang digunakan bagi pinjaman-pinjaman pasaran dipelbagaikan untuk mengambil faedah daripada turun naik nilai matawang negara-negara utama yang memberi pinjaman kepada negara ini.

## VI. PENUTUP

Pertumbuhan ekonomi Malaysia dalam tempoh RME adalah memuaskan walaupun wujudnya keadaan ekonomi dunia yang tidak menggalakkan, batasan-batasan struktur ekonomi dalam negeri di samping sektor swasta tidak dapat menjadi daya penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi seperti yang dijangkakan. Langkah-langkah pengubahsuaian dan penstabilan yang dijalankan oleh Kerajaan telah menggerakkan ekonomi ke arah pertumbuhan yang lebih stabil dan berkekalan serta membolehkan ekonomi negara mencapai kadar pertumbuhan ekonomi yang memuaskan iaitu sebanyak 5.8 peratus setahun.

Prospek pertumbuhan ekonomi dalam tempoh RML perlulah mengambilkira perubahan suasana perkembangan ekonomi dunia, batasan-batasan struktur dan kelemahan-kelemahan yang masih wujud dalam ekonomi negara. Oleh yang demikian, usaha-usaha perlulah dipertingkatkan bagi memastikan pertumbuhan ekonomi keseluruhan terus stabil dan dapat dikekalkan dalam jangka masa panjang. Bagi mencapai matlamat ini, sokongan dan kesungguhan yang sepenuhnya daripada setiap rakyat Malaysia amatlah diperlukan untuk bersama-sama dengan Kerajaan dalam usaha-usaha melaksanakan program pengubahsuaian yang berkesan. Sektor swasta perlu bertindak secara positif terhadap peranannya sebagai penggerak utama kepada pertumbuhan ekonomi bagi membolehkan ekonomi negara mencapai perkembangan yang berkekalan dalam jangka masa panjang.

## **BAB 3 : DASAR EKONOMI BARU: KEMAJUAN DAN PROSPEK**

### **I. PENDAHULUAN**

Kemajuan dalam usaha mencapai matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah memuaskan, walaupun pada tahun-tahun yang sukar akibat kemelesetan ekonomi. Dalam tempoh 1981-85, negara bukan sahaja telah mencapai pertumbuhan ekonomi yang memuaskan tetapi pertumbuhan ini juga telah disertai oleh corak pembahagian yang lebih saksama dan peluang-peluang ekonomi yang bertambah bagi semua rakyat Malaysia. Pendapatan purata rakyat Malaysia telah bertambah, kadar kemiskinan telah berkurang dan penyusunan semula corak gunatenaga dan hakmilik harta telah mencapai kejayaan yang memuaskan. Di samping itu, Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera telah bertambah besar dan penglibatan mereka dalam berbagai kegiatan ekonomi juga telah meningkat. Perkhidmatan-perkhidmatan awam yang telah berkembang dengan pesat khususnya pelajaran, kesihatan serta bekalan air dan elektrik telah memperluaskan lagi liputan perkhidmatan tersebut, terutamanya di kalangan penduduk luar bandar. Perkembangan ini bukan sahaja telah memperbaiki mutu kehidupan rakyat Malaysia tetapi telah juga meningkatkan lagi jangka hayat semua rakyat.

Walaupun kejayaan telah banyak dicapai dari segi DEB dalam tempoh lima tahun yang lalu, masih banyak lagi yang perlu diusahakan pada tahun-tahun seterusnya dalam Rangka Rancangan Jangka Panjang (RRJP), 1971-90. Oleh yang demikian, usaha-usaha yang lebih giat adalah perlu bagi mempercepatkan kemajuan ke arah mencapai objektif-objektif DEB, terutamanya memandangkan bahawa masa depan adalah diramalkan lebih sukar. Walaupun matlamat-matlamat DEB mungkin tidak dapat dicapai sepenuhnya, namun demikian menjelang akhir dekad ini, kemajuan seterusnya akan dicapai dalam usaha mengurangkan keadaan ketidakseimbangan ekonomi yang jelas dan meruncing yang telah menimbulkan banyak kesulitan kepada negara pada awal tempoh pelaksanaan DEB.

## II. PEMBASMIAN KEMISKINAN

### Konsep dan Ukuran

Kemiskinan adalah suatu konsep yang mengandung berbagai pengertian dan tanggapan serta mudah pula dipengaruhi oleh perasaan. Penggunaan dan pemahaman yang kurang tepat mengenai konsep ini akan memberi gambaran yang mengelirukan mengenai keadaan sebenar taraf hidup sesebuah negara. Kemiskinan sering digambarkan sebagai keadaan kekurangan yang keterlaluan bagi zat makanan serta keperluan-keperluan asas untuk hidup seperti makanan, tempat tinggal dan pakaian di samping kebuluran, kelaparan yang meluas dan kerendahan maruah seseorang apabila ia terpaksa meminta sedekah untuk hidup. Kemiskinan boleh ditakrif dengan memuaskan hanya secara relatif dengan mengambilkira keadaan sesebuah masyarakat atau negara berkenaan. Tidak terdapat satu takrif kemiskinan yang khusus yang boleh digunakan untuk semua negara pada setiap masa tanpa mengambilkira struktur masyarakat dan tahap pembangunan di negara berkenaan. Terdapat negara-negara yang mengalami kemiskinan tetapi keadaannya adalah berbeza, iaitu daripada keadaan kemiskinan yang dialami oleh negara-negara maju hingga yang terdapat di negara-negara membangun yang telah mencapai kejayaan ekonomi serta mempunyai pendapatan dan taraf hidup yang lebih tinggi. Walaupun istilah kemiskinan sering digunakan di negara-negara ini tetapi keadaan dan tingkat keterlaluannya agak berbeza daripada yang terdapat di negara-negara yang kurang bernasib baik yang sentiasa mengalami kelaparan dan kebuluran. Oleh yang demikian, kemiskinan menggambarkan serta merangkumi berbagai keadaan sosio-ekonomi dan dengan itu, istilah kemiskinan perlu diberi perhatian yang teliti dan berhati-hati oleh tiap-tiap buah negara secara berasingan.

Berbagai konsep kemiskinan telah dikemukakan. Dua konsep kemiskinan yang biasa digunakan ialah kemiskinan mutlak, iaitu kemiskinan yang berasaskan konsep secukup hidup, dan kemiskinan relatif, yang merupakan keadaan yang tidak seimbang di kalangan berbagai golongan pendapatan. Konsep kemiskinan mutlak telah diterima dengan meluas kerana ianya bertujuan menjelaskan kemiskinan sebagai kekurangan pendapatan yang diperlukan untuk memenuhi keperluan-keperluan sara hidup yang minimum. Ukuran kemiskinan mutlak yang kerap digunakan ialah kadar kemiskinan, iaitu peratusan penduduk atau isirumah yang mempunyai taraf hidup yang lebih rendah daripada garis kemiskinan yang ditentukan. Pendapatan garis kemiskinan ialah satu tingkat pendapatan sesebuah isirumah untuk membolehkannya, secara purata, menikmati makanan berzat yang mencukupi, yang biasanya ditakrif mengikut kiraan kalori. Garis kemiskinan ini boleh juga mengambilkira jenis-jenis perbelanjaan yang lain untuk mengekalkan suatu taraf hidup yang memuaskan berdasarkan norma-norma yang sedia ada. Satu lagi ukuran yang biasa digunakan ialah kejadian kemiskinan, iaitu bilangan isirumah miskin dalam sesebuah kawasan sama ada negeri atau daerah berbanding dengan jumlah isirumah miskin keseluruhannya.



Beberapa kekurangan atau kelemahan dalam penggunaan garis kemiskinan telah jelas diketahui. Ukuran tersebut tidak mengambilkira sejauhmana sesebuah isirumah itu berada di bawah garis kemiskinan dan oleh yang demikian, tidak dapat menunjukkan kemiskinan yang keterlaluan bagi sebilangan isirumah. Garis ini juga tidak mengambilkira masalah penting berhubung dengan agihan makanan dan kemudahan lain dalam sesebuah isirumah. Memandangkan pendekatan ini berasaskan pendapatan, ianya tidak dapat menggambarkan kebajikan atau taraf hidup yang sebenar bagi orang perseorangan atau sesebuah isirumah.

Kemiskinan relatif merangkumi kedua-dua konsep kemiskinan mutlak dan pendapatan yang tidak seimbang kerana ianya mengandungi beberapa aspek daripada konsep tersebut. Beberapa masalah juga timbul dalam usaha menentukan bagaimana kemiskinan relatif patut diukur. Sesuatu kumpulan itu ditakrifkan sebagai miskin berbanding dengan kedudukan kumpulan lain dalam masyarakat. Sebagaimana ukuran kemiskinan mutlak, ukuran kemiskinan relatif juga mempunyai beberapa batasan tertentu. Berasaskan pendapatan kumpulan 40 peratus terendah sebagai ukuran, pertumbuhan ekonomi dianggap dapat mengurangkan kemiskinan relatif dan meningkatkan kebajikan masyarakat apabila pendapatan purata kumpulan tersebut meningkat. Satu lagi cara mengukur kemiskinan relatif ialah dengan menganggarkan peratusan isirumah atau orang perseorangan yang mempunyai pendapatan, misalnya kurang daripada separuh pendapatan penengah negara. Cara ini lebih merupakan pengukuran pendapatan yang tidak seimbang daripada pengukuran kemiskinan. Satu kekurangan dalam pengukuran cara ini ialah ianya tidak dapat mengambilkira kesan terhadap paras kemiskinan sekiranya pendapatan setiap orang perseorangan meningkat dengan kadar yang sama.

Di Malaysia, bilangan isirumah miskin dan kadar kemiskinan dikira berasaskan satu pendapatan garis kemiskinan. Kemiskinan telah ditakrif dan diukur berasaskan taraf hidup yang terdapat di dalam negara selaras dengan keadaan negara ini dan tidak boleh dibandingkan dengan negara-negara lain. Kemiskinan telah dianggarkan sebagai keupayaan purata sesebuah isirumah untuk mendapatkan barang-barang dan perkhidmatan yang mencukupi. Pendapatan garis kemiskinan ditakrifkan sebagai pendapatan yang mencukupi untuk membeli keperluan makanan yang minimum bagi mengekalkan sesebuah isirumah dalam keadaan yang sihat dari segi pemakanan dan keperluan-keperluan lain seperti pakaian dan alas kaki, sewa tempat kediaman, bahanapi dan tenaga, pengangkutan dan perhubungan, kesihatan, pelajaran dan rekreasi. Garis kemiskinan ini mengambilkira bukan sahaja keperluan makanan tetapi keperluan-keperluan lain. Oleh yang demikian, garis ini ditakrifkan dengan mengambilkira taraf hidup di Malaysia yang jauh lebih tinggi daripada setengah-setengah negara lain.

Perlu dijelaskan di sini berhubung dengan perbezaan antara dua konsep pendapatan yang selalu digunakan. Satu daripada konsep tersebut mengambilkira pendapatan berupa wang tunai sahaja sementara konsep yang satu lagi adalah lebih menyeluruh iaitu mengambilkira nilai hasil keluaran sendiri yang digunakan oleh isirumah dan nilai rumah

yang diduduki sendiri. Seperti yang telah dijelaskan sebelum ini, pendekatan yang berasaskan pendapatan bagi mengukur kemiskinan tidak dapat menggambarkan kebajikan atau taraf hidup sebenar isirumah. Bagi mendapatkan gambaran yang lebih tepat mengenai taraf hidup isirumah, anggaran pendapatan perlu mengambilkira sepenuhnya nilai perkhidmatan-perkhidmatan awam yang dinikmati oleh isirumah sama ada secara percuma atau dalam bentuk subsidi. Perkhidmatan-perkhidmatan awam ini termasuk kesihatan, pelajaran, pengangkutan dan kemudahan-kemudahan awam serta berbagai bentuk subsidi yang diberikan oleh Kerajaan. Kegagalan mengambilkira nilai perkhidmatan-perkhidmatan awam yang dinikmati oleh isirumah miskin ini sebagai pendapatan mereka akan menyebabkan anggaran paras kemiskinan di negara ini lebih tinggi daripada yang sebenarnya. Perkara-perkara ini perlu diambil ingatan semasa membuat kesimpulan mengenai keadaan dan tingkat kemiskinan yang wujud di negara ini.

Terdapat beberapa faktor yang boleh dikaitkan dengan kemiskinan dan sebahagian daripadanya adalah di luar kawalan orang-orang perseorangan. Faktor-faktor ini termasuk berbagai bentuk kecacatan yang menghalang seseorang itu daripada memperolehi pendapatan untuk menyara hidupnya. Bencana alam seperti banjir dan penyakit yang memusnahkan tanaman-tanaman adalah juga di luar kawalan petani-petani dan Kerajaan. Pengaruh faktor-faktor ekonomi luar negeri seperti kemelesetan yang mengakibatkan kejatuhan harga-harga barangan adalah juga di luar kawalan isirumah yang bergantung sepenuh atau sebahagian besarnya kepada barangan ini untuk menyara kehidupan mereka. Tambahan pula, terdapat berbagai keadaan sosio-ekonomi yang memberi kesan ke atas keupayaan isirumah memperolehi pendapatan dan ini termasuk saiz isirumah yang besar di kalangan isirumah yang berpendapatan rendah, batasan-batasan berkaitan dengan pemilikan saiz kebun yang kecil serta kekurangan input-input yang dapat meningkatkan pengeluaran seperti baja, amalan pertanian moden dan sistem perparitan dan taliair yang sempurna.

Sikap serta faktor-faktor kebudayaan dan sosial juga mempunyai pengaruh ke atas kehidupan orang-orang perseorangan. Sekiranya dorongan untuk bekerja kuat adalah lemah serta faktor-faktor sosial dan kebudayaan menjadi penghalang untuk menerima amalan-amalan moden, misalnya penggunaan tanah yang tidak sepenuhnya, dan sekiranya kurang dorongan untuk menerima perubahan dan bertindakbalas terhadap peluang-peluang baru, kemajuan sepenuhnya tidak akan diperolehi dan isirumah-isirumah yang mempunyai nilai dan sikap tersebut akan terus ketinggalan. Oleh yang demikian, usaha Kerajaan untuk meningkatkan keadaan sosio-ekonomi kumpulan berpendapatan rendah adalah terhad. Faktor-faktor utama berkaitan dengan kemiskinan jelas menunjukkan perlunya Kerajaan dan orang perseorangan bersama-sama berusaha mengatasi berbagai halangan ke arah kemajuan ekonomi.

## Mengurangkan kemiskinan-kajian semula kemajuan, 1970-85

Dalam usaha mengkaji dan menilai kadar kemiskinan di negara ini, beberapa sumber perangkaan dan maklumat lain yang berkaitan telah digunakan. Pada kebiasaannya, anggaran kadar kemiskinan seberapa yang boleh perlu disemak apabila perangkaan dan maklumat lain yang lebih tepat diperolehi. Walau apapun sumber perangkaan yang digunakan, terdapat beberapa kelemahan yang tertentu tetapi sebahagian daripada sumber-sumber tersebut boleh diterima daripada yang lain.

Perangkaan mengenai pendapatan adalah perlu untuk menganggar kadar kemiskinan dan ianya boleh diperolehi daripada dua sumber - secara langsung dan tidak langsung. Anggaran-anggaran secara langsung diperolehi daripada penyiasatan-penyiasatan atau banci-banci yang sistematik dan perangkaan yang diperolehi adalah berasaskan isirumah. Penyiasatan adalah dijalankan mengikut teknik-teknik sampel serta peraturan-peraturan dan amalan perangkaan yang tertentu. Semakan yang teliti dan kesahihan adalah sebahagian daripada peraturan penyiasatan dan banci bagi menentukan supaya seberapa yang boleh, maklumat yang diperolehi adalah tepat. Sebaliknya, anggaran pendapatan secara tidak langsung adalah diperolehi daripada beberapa sumber seperti kajian-kajian yang berkenaan, penyiasatan yang meliputi beberapa kawasan sahaja serta perangkaan mengenai hasil dan harga yang diperolehi dari berbagai agensi. Kadar-kadar kemiskinan yang terdapat dalam rancangan-rancangan pembangunan lima tahun dan dalam kajian-kajian semulanya sebahagian besarnya adalah berdasarkan anggaran pendapatan yang diperolehi secara tidak langsung dan perangkaan-perangkaan lain.

Dalam penyediaan RML, satu penilaian semula keadaan kemiskinan telah dibuat dengan adanya data-data yang lebih menyeluruh dan kemaskini. Penyiasatan Pendapatan Isirumah (HIS), 1984, bagi Malaysia, oleh Jabatan Perangkaan yang baru sahaja disiapkan adalah merupakan satu penyiasatan sampel yang besar mengenai pendapatan. Penyiasatan ini memberikan perangkaan penting mengenai pendapatan dan perangkaan lain yang perlu untuk menganggarkan kadar kemiskinan. Berikutan dengan adanya HIS 1984, kajian semula anggaran kadar kemiskinan bagi tahun-tahun 1980 dan 1983 dapat dibuat. Perbandingan juga boleh dibuat dengan kadar kemiskinan bagi tahun-tahun 1970 dan 1976 yang diperolehi daripada Penyiasatan Selepas Banci (PES), 1970, dan Banci Pertanian, 1977 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan.

Penilaian semula kemajuan dalam usaha mengurangkan kemiskinan telah mengemukakan beberapa perkara penting yang perlu diberi perhatian. Walau bagaimanapun, batasan-batasan data tidak mengizinkan satu analisa terperinci dibuat mengenai kemajuan dalam usaha mengurangkan kemiskinan bagi beberapa kumpulan miskin utama dan dalam membuat perbandingan yang tepat antara tahun 1970 dengan tahun-tahun 1976 dan 1984. Dalam Jadual 3-1 dan Carta 3-1 ditunjukkan anggaran-anggaran kemiskinan yang telah disemak semula bagi tahun-tahun 1976 dan 1984 manakala kadar kemiskinan bagi negeri-negeri diringkaskan dalam Jadual 3-2. Jadual-jadual tersebut menunjukkan penemuan-penemuan yang berikut. Pertama, kadar

kemiskinan yang telah diperolehi daripada anggaran pendapatan secara langsung berasaskan penyiasatan-penyiasatan isirumah adalah lebih rendah daripada yang diperolehi berasaskan anggaran pendapatan secara tidak langsung dan perangkaan-perangkaan lain. Oleh yang demikian, anggaran kemiskinan seperti yang ditunjukkan dalam rancangan-rancangan pembangunan dan kajian-kajian separuh penggal adalah didapati tinggi. Kedua, anggaran kemiskinan secara langsung menunjukkan bahawa di Semenanjung Malaysia, kadar kemiskinan telah berkurang dengan banyak dalam tempoh 1970-84 daripada 49.3 peratus pada tahun 1970 kepada 39.6 peratus pada tahun 1976 dan seterusnya kepada 18.4 peratus pada tahun 1984. Ketiga, kadar kemiskinan bagi semua kumpulan miskin utama, kecuali pekebun kecil kelapa bagi tempoh 1970-76, telah berkurang di sepanjang tempoh 1970-84. Keempat, kemiskinan luar bandar dan bandar juga telah mencatatkan arah aliran yang berkurang. Kadar kemiskinan di kawasan luar bandar telah berkurang daripada 58.7 peratus pada tahun 1970 kepada 47.8 peratus pada tahun 1976 dan seterusnya kepada 24.7 peratus pada tahun 1984, manakala kadar kemiskinan di bandar telah berkurang daripada 21.3 peratus pada tahun 1970 kepada 17.9 peratus pada tahun 1976 dan 8.2 peratus pada tahun 1984. Kelima, semua negeri termasuk Sabah dan Sarawak juga mengalami pengurangan dalam kadar kemiskinan.

Dalam membuat perbandingan antara anggaran-anggaran kadar kemiskinan seperti yang telah dilaporkan dalam rancangan-rancangan pembangunan lima tahun serta kajian-kajian separuh penggal yang lalu, batasan-batasan yang terdapat daripada anggaran secara tidak langsung perlu diberi perhatian. Pada umumnya, pendekatan secara tidak langsung bagi anggaran kemiskinan menggunakan beberapa konsep yang tidak selaras antara satu sumber dengan sumber yang lain terutamanya mengenai konsep pendapatan. Kebanyakan daripada sumber perangkaan secara tidak langsung adalah berasaskan penyiasatan-penyiasatan yang meliputi beberapa kawasan sahaja iaitu tidak merangkumi seluruh negara. Perangkaan daripada sumber-sumber secara tidak langsung ini juga didapati tidak kemaskini. Sebaliknya, perangkaan mengenai pendapatan daripada banci dan penyiasatan-penyiasatan, iaitu sumber secara langsung, adalah diperolehi berdasarkan liputan seluruh negara. Konsep pendapatan yang lebih menyeluruh yang digunakan dalam banci dan penyiasatan bukan sahaja mengambilkira jumlah upah dan gaji yang diterima oleh isirumah tetapi juga pendapatan yang diperolehi daripada pekerjaan sendiri, hakmilik harta termasuk sewa tempat kediaman, faedah dan dividen, dan penerimaan bersih daripada bayaran-bayaran pindahan termasuk biasiswa dan pencen. Nilai rumah yang didiami sendiri, bantuan sewa kediaman serta penggunaan barang-barang yang dikeluarkan sendiri oleh isirumah juga diambilkira dalam banci dan penyiasatan-penyiasatan. Sungguhpun terdapat kesilapan yang biasa berlaku, anggaran pendapatan dan kemiskinan yang diperolehi daripada banci dan penyiasatan-penyiasatan adalah lebih tepat dan boleh diterima.

Anggaran kadar kemiskinan bagi tempoh tujuh puluhan yang diperolehi berasaskan sumber perangkaan secara tidak langsung pada umumnya adalah selaras dengan yang berasaskan banci dan penyiasatan-penyiasatan isirumah. Walau bagaimanapun, bagi awal tahun-tahun lapan puluhan, terdapat perbezaan arah aliran dan kadar kemiskinan

antara yang diperolehi berasaskan sumber secara langsung dengan yang berasaskan sumber secara tidak langsung. Dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Keempat (KSP), kadar kemiskinan telah dianggarkan kira-kira 30 peratus bagi tahun 1983. Anggaran ini diperolehi daripada beberapa sumber perangkaan secara tidak langsung dan maklumat-maklumat lain. Pada tahun 1984, seperti yang telah ditunjukkan dalam Jadual 3-1, kadar kemiskinan yang telah diperolehi daripada HIS 1984 ialah kira-kira 18 peratus.

Terdapat dua sebab utama berlakunya perbezaan dalam anggaran kemiskinan bagi dua tahun yang hampir tersebut. Pertama, seperti yang telah dinyatakan dalam perenggan yang terdahulu, pada awal tahun lapanpuluhan, anggaran secara tidak langsung telah tidak mengambilkira sepenuhnya pendapatan kumpulan miskin utama. Oleh kerana kekurangan data, perangkaan mengenai pendapatan kumpulan ini diperolehi daripada kajian-kajian dan penyiasatan yang meliputi beberapa kawasan sahaja dan tidak meliputi seluruh negara dan oleh itu tidak menggambarkan keadaan sebenarnya. Kedua, anggaran secara tidak langsung juga tidak mengambilkira kesan sepenuhnya berbagai program yang dijalankan oleh Kerajaan. Oleh kerana kesukaran mengambilkira kesan sepenuhnya pemberian subsidi dan penyediaan perkhidmatan lain oleh Kerajaan ke atas pendapatan kumpulan berpendapatan rendah, anggaran pendapatan isirumah adalah lebih rendah daripada yang sebenarnya. Adalah perlu diambil perhatian bahawa kadar-kadar kemiskinan bagi tahun-tahun 1970, 1976 dan 1984 telah dianggar berdasarkan pendapatan garis kemiskinan yang tertentu bagi tahun-tahun yang berkenaan. Pendapatan garis kemiskinan ini telah diubahsuai bagi mencerminkan perubahan-perubahan dalam kos hidup seperti yang digambarkan oleh Angkatunjuk Harga Pengguna.

Berdasarkan data yang diperolehi daripada HIS 1984, kadar kemiskinan bagi tahun 1984 telah dianggarkan kira-kira 18 peratus. Tidak ada anggaran secara langsung bagi kadar kemiskinan keseluruhannya dan mengikut kumpulan miskin utama bagi tahun 1985. Walau bagaimanapun, berikutan daripada kemelesetan dan penurunan harga-harga barangan utama pada tahun 1985, pendapatan kumpulan miskin utama di luar bandar mungkin akan terjejas. Kesan buruk akibat daripada kemerosotan ekonomi terhadap kumpulan miskin utama adalah dijangka menjadi lebih besar tanpa faedah yang dinikmati daripada subsidi dan perkhidmatan yang disediakan oleh Kerajaan. Dalam tempoh 1981-85, pelaburan yang besar telah dibuat oleh Kerajaan untuk meningkatkan daya pengeluaran petani dan nelayan serta meningkatkan taraf hidup rakyat melalui penyediaan perkhidmatan dan kemudahan awam bagi memenuhi keperluan asas seperti pelajaran, kesihatan dan kebersihan, bekalan air, elektrik dan jalan-jalan.

PEKEBUN KECIL GETAH. Kadar kemiskinan di kalangan pekebun kecil getah telah berkurang daripada 58.2 peratus pada tahun 1976 kepada 43.4 peratus pada tahun 1984. Daya pengeluaran kebun-kebun kecil getah telah meningkat sedikit dalam tempoh 1981-84. Pengeluaran sehektar sebanyak 964 kilogram pada tahun 1980 telah meningkat sedikit kepada 974 kilogram pada tahun 1984 berikutan daripada penggunaan benih

getah berhasil tinggi, amalan-amalan pengurusan pertanian yang lebih baik dan pelaksanaan program penanaman semula getah.

Seluas 92,600 hektar atau kira-kira 62 peratus daripada matlamat RME telah ditanam semula dengan getah berhasil tinggi. Seramai 77,000 pekebun kecil telah mendapat faedah daripada rancangan ini dalam tempoh 1981-85. Kerajaan, melalui Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Getah (RISDA), terus memberikan bantuan kredit sara hidup dalam tempoh sebelum matang sebagai usaha menggalakkan seterusnya penanaman semula kebun-kebun kecil getah yang tua. Di samping itu, bantuan dalam bentuk racun serangga, baja dan tanaman penutup bumi juga telah diberikan.

**PENANAM PADI.** Kadar kemiskinan di kalangan penanam padi telah berkurang daripada 80.3 peratus pada tahun 1976 kepada 57.7 peratus pada tahun 1984. Kerajaan telah melaksanakan beberapa projek parit dan taliair untuk meningkatkan daya pengeluaran bagi penanaman satu musim dan dua musim setahun. Hasil daripada pelaksanaan projek-projek ini telah dapat memenuhi dua pertiga daripada keperluan beras negara menjelang tahun 1985. Dalam tempoh 1981-85, sebanyak 274 projek taliair telah dilaksanakan untuk menyediakan kemudahan baru atau yang lebih baik bagi penanaman padi satu musim setahun yang meliputi kawasan seluas 22,800 hektar dan penanaman padi dua musim setahun di kawasan seluas 92,100 hektar. Kemudahan perparitan telah juga disediakan bagi penanaman padi di kawasan seluas 85,000 hektar. Selain daripada menyediakan kemudahan parit dan taliair, subsidi baja berjumlah \$430 juta juga telah diberikan bagi meninggikan daya pengeluaran padi serta meringankan beban kewangan penanam-penanam padi. Secara purata, seramai 314,600 penanam padi setahun telah dapat menikmati faedah daripada skim ini.

Hasil purata padi di Semenanjung Malaysia dianggarkan sebanyak 3.0 tan metrik sehektar pada tahun 1984. Walau bagaimanapun, di kawasan-kawasan tertentu seperti Muda di Kedah, hasil purata padi adalah sebanyak 3.2 tan metrik sehektar. Pendapatan bersih tahunan purata daripada penanaman padi di Semenanjung Malaysia pada tahun 1984 dianggarkan sebanyak \$1,780. Kira-kira 69 peratus atau \$1,230 daripada pendapatan ini merupakan subsidi harga yang diberikan oleh Kerajaan. Pendapatan penanam padi antara kawasan adalah berbeza. Pendapatan penanam padi di Kemasin-Semerak, di Kelantan misalnya, adalah sebanyak \$1,160 pada tahun 1984 berbanding dengan \$4,100 yang diperolehi oleh penanam padi di Muda, Kedah dan \$5,070 di Sekinchan, Selangor.

**PEKERJA ESTET.** Kadar kemiskinan di kalangan pekerja estet telah dianggarkan sebanyak 19.7 peratus pada tahun 1984. Pendapatan bulanan purata pekerja estet seperti yang ditunjukkan oleh HIS 1984 adalah sebanyak \$632. Pekerja estet terus dapat menikmati kemudahan yang disediakan oleh estet dan ini telah meningkatkan kedudukan sosio-ekonomi mereka.

**NELAYAN.** Nelayan terus mendapat faedah daripada berbagai program yang dijalankan oleh Jabatan Perikanan dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). Skim Pemilikan

Bot telah memberi peluang kepada nelayan untuk memiliki bot-bot yang lebih besar dan lebih baik secara sewa-beli bagi membolehkan mereka menangkap ikan di laut dalam. Dalam tempoh 1981-85, sejumlah 765 buah bot telah diperuntukkan di bawah skim ini dan dapat memberi faedah kepada kira-kira 1,000 orang nelayan. Di bawah Skim Peningkatan Bot, nelayan-nelayan telah dapat mempertingkatkan penggunaan bot menerusi pemasangan alat-alat menangkap ikan yang moden untuk meninggikan daya pengeluaran. Alat-alat moden seperti sistem hubungan radio dan alat mengesan ikan telah disediakan dan seramai 1,600 orang nelayan telah mendapat faedah daripada skim ini. Projek-projek ternakair telah juga digalakkan untuk memberi pendapatan sampingan kepada nelayan. Kira-kira 740 orang nelayan telah terlibat di dalam projek ini yang telah memberi pendapatan tambahan antara \$200 hingga \$600 sebulan seisirumah.

**PEKEBUN KECIL KELAPA.** Usaha-usaha yang telah dibuat oleh Kerajaan untuk menanam semula dan memulihkan kebun-kebun kecil kelapa dengan tujuan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan terus memberi faedah kepada pekebun-pekebun kecil kelapa. Di bawah Rancangan Pembangunan Semula Kawasan Kelapa, seramai 4,060 pekebun kecil kelapa telah menanam semula, sementara 11,160 lagi telah memulihkan kebun-kebun kelapa mereka semenjak projek ini dimulakan pada tahun 1979. Selaras dengan objektif Dasar Pertanian Negara untuk mengurangkan penanaman kelapa sebagai tanaman tunggal, sebanyak 51.1 peratus kebun-kebun kelapa telah ditanam dengan tanaman selingan yang menguntungkan seperti koko, kopi, buah-buahan dan tanaman kontan di bawah projek ini. Walau bagaimanapun, sebanyak 48.9 peratus lagi telah ditanam semula dan dipulih dengan kelapa sahaja, kebanyakannya di pantai timur Semenanjung Malaysia, oleh kerana tanah bris tidak membolehkan penanaman tanaman-tanaman selingan yang lain.

**KUMPULAN MISKIN DI BANDAR.** Kadar kemiskinan di sektor bandar dianggarkan telah berkurang daripada 17.9 peratus pada tahun 1976 kepada 8.2 peratus pada tahun 1984. Peluang-peluang pekerjaan yang kian bertambah di sektor bandar hasil daripada pertumbuhan sektor-sektor kedua dan ketiga terutamanya sektor-sektor pembuatan, pembinaan, perdagangan dan perkhidmatan telah memberi faedah kepada kumpulan berpendapatan rendah. Dalam tempoh 1981-85, sejumlah 500,000 pekerjaan telah diwujudkan di sektor-sektor kedua dan ketiga di Semenanjung Malaysia dengan kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 3.6 peratus. Perhatian perlu diberi kepada perbezaan keadaan hidup antara kawasan bandar dan luar bandar apabila membuat perbandingan mengenai paras kemiskinan antara kedua-dua kawasan tersebut. Paras harga dan kos hidup adalah berbeza antara kawasan bandar dan luar bandar. Perbezaan Angkatunjuk Harga Pengguna antara kawasan bandar dan luar bandar dianggarkan kira-kira 10 hingga 12 peratus. Ini menunjukkan bahawa kos hidup di bandar adalah lebih tinggi daripada di luar bandar. Kawasan tempat tinggal di bandar juga didapati lebih terhad dan sesak berbanding dengan kawasan luar bandar.

**PENDUDUK KAMPUNG-KAMPUNG BARU.** Seramai 1.8 juta orang tinggal di Kampung-kampung Baru pada tahun 1985. Sebahagian besar daripada penduduk Kampung-

kampung Baru ini terlibat dalam kegiatan-kegiatan yang berasaskan pertanian sementara yang lainnya menjalankan kegiatan-kegiatan perdagangan atau perniagaan. Satu penyiasatan ke atas isirumah di Kampung-kampung Baru yang dijalankan pada tahun 1983 menunjukkan bahawa 37 peratus daripada isirumah tersebut memperolehi pendapatan tunai purata lebih daripada \$400 sebulan sementara 38 peratus lagi memperolehi pendapatan antara \$200 hingga \$400 sebulan.

PETANI-PETANI LAIN. Kedudukan sosio-ekonomi petani-petani lain yang terdiri daripada penanam tembakau, petani tanaman campuran, pekebun sayur dan buah-buahan, pekebun kecil lada hitam, pekebun kecil nanas serta penternak ayam itik dan ternakan lain didapati bertambah baik. Beberapa program dan projek pertanian telah dilaksanakan dalam tempoh 1981-85 yang telah memberi faedah kepada petani-petani ini. Satu daripada program utama yang telah dilaksanakan ialah Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADP). Projek ini telah menyediakan infrastruktur pertanian, input-input dan perkhidmatan-perkhidmatan yang perlu kepada petani-petani menerusi satu pendekatan yang bersepadu yang telah meningkatkan daya pengeluaran dan pendapatan mereka. Jenis-jenis bantuan lain yang telah diberikan kepada petani-petani termasuk kemudahan pengembangan, pemerosesan dan pemasaran, bantuan kredit dan perkhidmatan sokongan yang lain. Pemberian berbagai jenis subsidi bagi memajukan tanaman-tanaman jangka pendek di bawah Program Input dan Pelbagaian Pertanian (AIDP) telah dikurangkan secara berperingkat dalam tempoh tersebut selaras dengan strategi baru untuk mengurangkan pemberian subsidi kepada petani-petani.

Dalam tempoh 1981-85, seluas 51,800 hektar telah ditanam dengan tembakau, sementara 2,100 hektar lagi telah ditanam dengan buah-buahan dengan menggunakan benih-benih baru dan berhasil tinggi. Berasaskan sistem penanaman tembakau secara penanam-pengawit di Alor Ketitir, Terengganu yang telah dilaksanakan pada tahun 1982, pendapatan purata penanam-pengawit yang mengusahakan tembakau di kawasan seluas 1.6 hektar ialah \$31,900 setahun atau \$2,660 sebulan. Oleh yang demikian, potensi pendapatan daripada penanaman tembakau berdasarkan model ini didapati tinggi. Bantuan juga telah diberikan kepada pekebun kecil nanas untuk menanam semula nanas sama ada secara tunggal atau dengan kelapa sebagai tanaman selingan. Dalam tempoh yang sama, sejumlah 48,600 ekor lembu telah juga diberikan kepada 35,700 orang petani untuk meningkatkan pendapatan mereka.

ORANG ASLI. Kerajaan terus menyediakan lebih banyak kemudahan dan perkhidmatan kepada Orang Asli untuk meningkatkan lagi penglibatan mereka dalam pembangunan ekonomi. Beberapa projek telah dilaksanakan untuk faedah Orang Asli. Kira-kira 5,570 hektar tanah telahpun ditanam dan dipulihkan dengan getah, kelapa sawit, buah-buahan, kelapa, teh dan lada hitam dalam tempoh 1981-85. Seluas 1,000 hektar lagi telahpun dimajukan dengan tanaman jangka pendek seperti pisang, nanas dan betik di bawah projek Bumi Hijau. Pemeliharaan ikan dan ternakan telah digalakkan untuk memberi pendapatan sampingan kepada Orang Asli. Mereka juga telah digalakkan untuk menyertai kegiatan-kegiatan perniagaan dan industri kecil. Bagi tujuan ini, 11 buah kedai



koperasi dan 22 buah pusat pemerosesan rotan telah ditubuhkan. Satu program yang menyeluruh melibatkan lima buah projek pengumpulan semula telah dilaksanakan bagi kira-kira 23,000 Orang Asli di sepanjang Banjaran Titiwangsa. Di bawah program ini, seluas 13,600 hektar tanah telah dibahagikan sementara 2,000 hektar lagi telah ditanam dengan getah dan 1,300 hektar dengan buah-buahan. Sementara itu, sejumlah 270 buah rumah telah dibina untuk mereka.

#### Pembasmian kemiskinan di Sabah dan Sarawak

Keadaan kemiskinan keseluruhannya di Sabah dan Sarawak pada tahun 1976 dan 1984 adalah ditunjukkan dalam Jadual 3-2. Kadar kemiskinan di Sabah telah berkurang daripada 58.3 peratus pada tahun 1976 kepada 33.1 peratus pada tahun 1984 manakala di Sarawak telah berkurang daripada 56.5 Termasuk Wilayah Persekutuan Labuan. peratus kepada 31.9 peratus dalam tempoh yang sama. Kadar kemiskinan di kawasan bandar dan luar bandar di Sabah dan Sarawak juga telah berkurang. Keadaan kemiskinan yang bertambah baik di Sabah dan Sarawak adalah disebabkan oleh kadar pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi di kedua-dua negeri tersebut berbanding dengan negeri-negeri lain. Kadar pertumbuhan KDNK bagi tempoh 1976-84 di Sabah dan Sarawak masing-masing ialah sebanyak 7.3 dan 6.2 peratus setahun.

#### Keperluan asas dan mutu kehidupan

Keperluan asas telah ditakrifkan merangkumi dua perkara. Pertama, ia termasuk keperluan penggunaan di peringkat yang minimum bagi sesebuah isirumah seperti makanan yang cukup, tempat tinggal dan pakaian termasuk peralatan dan perabot rumah yang tertentu. Kedua, ia termasuk perkhidmatan asas tertentu yang disediakan oleh dan untuk seluruh masyarakat seperti air minuman yang selamat, kebersihan, pengangkutan awam dan kemudahan kesihatan dan pelajaran. Ukuran-ukuran kemiskinan seperti kadar kemiskinan tidak menggambarkan keadaan yang sebenar tentang taraf hidup berbagai kumpulan sosio-ekonomi. Bagi tujuan mendapatkan gambaran yang lebih jelas dan seimbang mengenai taraf hidup sesebuah isirumah, ukuran kemiskinan perlu disertakan dengan petunjuk-petunjuk keperluan asas yang lain. Petunjuk-petunjuk umum mengenai keperluan asas atau mutu kehidupan seperti dalam Jadual 3-3 menunjukkan kemajuan yang berterusan dalam taraf hidup rakyat Malaysia.

Perkhidmatan kesihatan terus diperluaskan di Malaysia dengan lebih menumpukan kepada pendekatan bersepadu yang meliputi aspek-aspek penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan. Kemudahan tambahan telah diberikan dan kemudahan-kemudahan yang sedia ada telah dipertingkatkan untuk memperluaskan liputan perkhidmatan tersebut, terutamanya ke kawasan-kawasan luar bandar. Bagi kawasan-kawasan terpencil, perkhidmatan kesihatan telah diberikan menerusi klinik-klinik bergerak. Taraf kesihatan penduduk yang bertambah baik dapat dilihat melalui jangka hayat yang lebih panjang dan kadar-kadar kematian yang kian berkurang. Jangka hayat semasa lahir di Semenanjung Malaysia telah bertambah daripada 66.7 tahun pada tahun

1980 kepada 67.6 tahun pada tahun 1984 bagi lelaki dan daripada 71.6 tahun kepada 72.7 tahun bagi perempuan. Kadar kematian bayi juga telah berkurang daripada 24.0 bagi tiap-tiap seribu kelahiran hidup pada tahun 1980 kepada 17.5 bagi tiap-tiap seribu pada tahun 1984. Kejadian penyakit-penyakit berjangkit yang utama juga telah berkurang dalam tempoh tersebut.

Berhubung dengan pelajaran, pelaburan yang besar telah dibuat untuk memberi peluang mendapatkan pelajaran yang lebih luas kepada semua rakyat, terutamanya kumpulan berpendapatan rendah dan yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar. Kemudahan-kemudahan pelajaran yang lebih banyak telah disediakan dengan bertambahnya bilangan sekolah-sekolah rendah dan menengah yang didirikan. Lebih banyak lagi sekolah-sekolah sains berasrama penuh telah ditubuhkan sementara kemudahan-kemudahan pelajaran sains di sekolah-sekolah menengah luar bandar telah diperluaskan bagi memberi peluang yang lebih kepada kanak-kanak di luar bandar untuk mendapatkan pelajaran sains. Mutu pengajaran guru-guru juga telah dipertingkatkan untuk meninggikan lagi taraf dan mutu pelajaran pelajar-pelajar.

Pertalian antara perkhidmatan-perkhidmatan asas seperti pemakanan, kesihatan dan pelajaran adalah penting dari segi ekonomi dan perlu diberi perhatian. Tanpa makanan berzat yang mencukupi, keupayaan melawan penyakit menjadi rendah dan keadaan ini akan mendatangkan penyakit, mengurangkan keupayaan untuk bekerja dan seterusnya mengakibatkan kehilangan punca pendapatan. Berhubung dengan masalah kekurangan makanan yang berzat, tidak semua kumpulan berpendapatan rendah mengalami kekurangan tersebut. Isirumah berpendapatan tinggi juga didapati mengalami masalah yang sama. Faktor-faktor sosial dan kebudayaan juga boleh mempengaruhi banyaknya makanan dan taraf pemakanan ahli-ahli isirumah, misalnya pembahagian makanan di kalangan ahli-ahli isirumah boleh memberi kesan terhadap banyaknya makanan mereka. Sebaliknya, pemakanan dan kesihatan yang baik membolehkan rakyat terutamanya kanak-kanak menikmati lebih banyak faedah daripada pelajaran. Di samping itu, pelajaran juga mempengaruhi taraf kesihatan. Pengetahuan mengenai amalan kebersihan dan pemakanan yang baik akan menjamin kesihatan. Ibu-ibu yang lebih berpelajaran terutamanya, akan mempunyai anak-anak yang lebih sihat. Pelajaran dapat meningkatkan daya pengeluaran dan boleh menambahkan sumber ekonomi bagi memenuhi keperluan asas dan memperbaiki taraf kesihatan.

Program-program pemakanan, kesihatan dan pelajaran jika disediakan berasingan adalah kurang berkesan berbanding dengan penyediaan secara bersepadu. Oleh yang demikian, Kerajaan seberapa yang boleh, telah menyediakan perkhidmatan tersebut secara bersepadu bagi mendapatkan faedah yang maksimum. Pada masa yang sama, isirumah-isirumah juga perlu menerima dan menggunakan sepenuhnya perkhidmatan yang disediakan bagi memperbaiki taraf hidup mereka. Penyediaan perkhidmatan-perkhidmatan ini akan menjadi sia-sia sekiranya tidak digunakan dengan sepenuhnya oleh isirumah-isirumah.

Program untuk menyediakan keperluan asas kepada isirumah berpendapatan rendah terus dilaksanakan dalam tempoh 1981-85. Kebanyakan kampung nelayan di Semenanjung Malaysia telah disediakan dengan kemudahan-kemudahan asas. Banci Isirumah Nelayan yang telah dijalankan bersama oleh Kementerian Pertanian, Jabatan Perikanan dan LKIM pada tahun 1982 telah menunjukkan bahawa secara purata sebanyak 70 peratus daripada isirumah nelayan di kawasan-kawasan perikanan utama telah dibekalkan dengan elektrik sama ada oleh Lembaga Letrik Negara (LLN) atau sektor swasta, misalnya kira-kira 90 peratus daripada isirumah di Kota Bharu, Kelantan dan Pekan, Pahang telah dibekalkan dengan elektrik. Walau bagaimanapun, di beberapa kawasan perikanan seperti di Kota Tinggi, Johor dan Langkawi, Kedah, kira-kira 35 peratus sahaja daripada isirumah mendapat bekalan elektrik. Peratusan isirumah nelayan yang mendapat bekalan air paip didapati lebih kecil iaitu kira-kira 41 peratus daripada isirumah di Semenanjung Malaysia. Di pantai timur Semenanjung Malaysia, peratusannya adalah lebih rendah. Sebaliknya, liputan di pantai barat Semenanjung Malaysia adalah lebih luas. Sebanyak 78 peratus daripada isirumah di Pulau Pinang, 75 peratus di Kuala Kedah dan 73 peratus di Kuala Muda telah mendapat bekalan air paip.

Kemudahan-kemudahan sosial terus disediakan di estet-estet. Mengikut Kementerian Buruh, kira-kira 72 hingga 95 peratus daripada semua kategori pekerja estet pada tahun 1983 tinggal di rumah-rumah yang disediakan secara percuma oleh pihak pengurusan estet. Maklumat yang ada juga menunjukkan bahawa pada tahun 1983, lebih daripada 95 peratus daripada pekerja estet, kecuali estet teh, telah dibekalkan dengan elektrik secara percuma, manakala hampir kesemua pekerja estet telah mendapat bekalan air paip dengan percuma. Berhubung dengan kemudahan perubatan, kira-kira 40 hingga 50 peratus daripada pekerja-pekerja di estet-estet getah dan kelapa sawit telah menerima kemudahan perubatan percuma sama ada daripada hospital-hospital estet atau klinik-klinik desa yang berhampiran. Pada masa yang sama, lebih daripada 80 peratus pekerja-pekerja estet juga telah menerima kemudahan perubatan percuma daripada doktor-doktor pelawat. Hanya 46 hingga 55 peratus sahaja daripada estet-estet getah, kelapa sawit, kelapa dan teh telah disediakan kemudahan pelajaran rendah.

Kumpulan berpendapatan rendah di kawasan bandar telah mendapat faedah daripada kemudahan-kemudahan sosial yang disediakan oleh Kerajaan. Maklumat mengenai empat buah bandar besar iaitu Johor Bahru, Kota Bharu, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang menunjukkan bahawa pada tahun 1984 kumpulan berpendapatan rendah di empat buah bandar tersebut telah mendapat kemudahan-kemudahan awam. Kira-kira 82 peratus daripada isirumah telah mendapat bekalan elektrik sama ada dari LLN atau janakuasa swasta, dan kira-kira 55 peratus isirumah dilaporkan mendapat bekalan air paip terus ke rumah masing-masing atau telah disediakan paip-paip air awam. Walau bagaimanapun, dari segi kemudahan pembentungan, hanya 21 peratus sahaja daripada isirumah mempunyai kemudahan tandas tarik.

Penduduk di Kampung-kampung Baru telah mendapat faedah daripada pelaksanaan program dan projek yang bertujuan untuk meningkatkan mutu kehidupan mereka.

Penyediaan infrastruktur fizikal dan sosial seperti bekalan elektrik dan air, jalan-jalan, sekolah, pusat-pusat kesihatan, kemudahan rekreasi dan dewan orang ramai telah diperluaskan dalam tempoh 1981-85. Pada tahun 1983, kira-kira 93 peratus daripada penduduk Kampung-kampung Baru telah dibekalkan dengan elektrik sementara 87 peratus daripada mereka telah dibekalkan dengan air paip. Kira-kira 77 peratus daripada Kampung-kampung Baru sudah mempunyai dewan-dewan orang ramai manakala 92 peratus daripadanya mempunyai sekolah rendah.

Orang Asli juga telah mendapat faedah daripada perkhidmatan-perkhidmatan asas yang disediakan. Dalam tempoh 1981-85, sebanyak 330 buah rumah, tiga blok rumah pangsa yang mengandungi 57 unit kediaman, sebuah sekolah, empat buah dewan makan, lima buah asrama sekolah dan lima buah klinik telah didirikan. Kira-kira 600 buah rumah telah dibekalkan dengan air bersih sementara 640 buah rumah telah dibekalkan dengan elektrik.

RRJP yang telah dirangka pada awal tahun tujuh Prospek, 1986-90 puluhan telah menetapkan matlamat bahawa kadar kemiskinan di Semenanjung Malaysia akan dikurangkan kepada 16.7 peratus menjelang tahun 1990. Pada tahun 1984, maklumat yang ada menunjukkan bahawa kadar kemiskinan adalah kira-kira 18 peratus. Sungguhpun sukar untuk membuat anggaran yang tepat mengenai paras kemiskinan menjelang tahun 1990, pada umumnya matlamat RRJP untuk mengurangkan kadar kemiskinan ke paras 17 peratus menjelang tahun 1990 boleh dicapai.

Pengurangan kadar kemiskinan yang dijangkakan menjelang tahun 1990 adalah berikutan daripada pengeluaran dan daya pengeluaran yang bertambah dan dengan itu pendapatan juga meningkat berikutan daripada pelaksanaan strategi-strategi baru untuk membasmi kemiskinan iaitu perkebunan berkelompok dan pembedaan kawasan luar bandar serta penambahan peluang-peluang pekerjaan. Di bawah sistem perkebunan koperatif atau berkelompok, kebun-kebun kecil yang tidak ekonomi akan disatukan dan diurus secara estet bagi mendapatkan faedah ekonomi bidangan. Dalam tempoh 1986-90, beberapa projek perkebunan berkelompok akan dilaksanakan. Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Persekutuan (FELCRA) akan memajukan seluas 110,000 hektar tanah bukan padi yang terbiar di bawah program pembangunan di kawasan sedia ada, manakala seluas 51,000 hektar tanah padi yang terbiar juga akan dimajukan secara berkelompok dengan tanaman padi, koko, kelapa dan tanaman-tanaman lain oleh Kementerian Pertanian. Kira-kira 43,500 hektar akan dimajukan oleh RISDA sebagai miniestet. Projek-projek perkebunan berkelompok yang lain termasuk penanaman koko oleh Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH), penanaman tembakau oleh Lembaga Tembakau Negara (LTN) dan berbagai tanaman lain oleh Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP). Dalam tempoh tersebut, pengeluaran tanaman-tanaman berkenaan dijangka bertambah dan ini akan meningkatkan lagi pendapatan petani-petani.

Tumpuan akan terus diberi terhadap strategi pembedaan kawasan luar bandar. Kampung-kampung yang berselerak akan dikumpul untuk dijadikan penempatan-

penempatan yang lebih teratur supaya membolehkan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik dan dengan itu akan meningkatkan lagi taraf hidup isirumah di luar bandar. Dalam tempoh 1986-90 misalnya, Lembaga Kemajuan Pembangunan Wilayah Kedah (KEDA) akan menaikkan taraf lima buah bandar dan menubuhkan tujuh buah pusat pertumbuhan luar bandar yang akan membantu menggalakkan kegiatan-kegiatan bandar supaya dapat menyediakan peluang-peluang pekerjaan bukan pertanian kepada isirumah berpendapatan rendah di kawasan luar bandar.

Selain daripada strategi-strategi perkebunan berkelompok dan pembandaran kawasan luar bandar, Kerajaan juga akan terus menempatkan isirumah yang tidak mempunyai tanah atau yang mempunyai kebun-kebun kecil yang tidak ekonomi di rancangan-rancangan pembangunan tanah. Seluas 175,500 hektar tanah baru akan dibuka oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan 101,200 hektar lagi oleh agensi-agensi Kerajaan negeri dan lembaga-lembaga kemajuan wilayah. Sejumlah 38,700 keluarga dijangka mendapat faedah daripada program tersebut.

Kerajaan juga akan terus melaksanakan program-program bagi meningkatkan mutu kehidupan rakyat terutama isirumah berpendapatan rendah. Kerajaan, seberapa yang boleh, akan menyedia dan memastikan bahawa perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan dapat memenuhi keperluan asas rakyat terutamanya penduduk di kawasan-kawasan yang terpencil dan jauh di pedalaman bagi tujuan mempertingkatkan dan memperbaiki taraf hidup mereka. Strategi pengumpulan semula kampung-kampung yang berselerak untuk dijadikan penempatan yang teratur akan terus dilaksanakan untuk memudahkan penyediaan perkhidmatan dan kemudahan tersebut. Kemudahan pelajaran akan terus diperluaskan dengan menyediakan lebih banyak lagi sekolah-sekolah rendah dan menengah. Berikutan dengan ini, bilangan bilik darjah di sekolah-sekolah rendah akan ditambah kepada 55,200 unit dan sekolah menengah kepada 25,500 unit menjelang tahun 1990. Sebanyak 76 buah lagi pusat kesihatan luar bandar dan pusat kesihatan kecil serta 322 buah klinik desa akan didirikan bagi tujuan mempertingkatkan dan memperluaskan perkhidmatan kesihatan. Kadar-kadar kematian dijangka terus berkurang menjelang tahun 1990. Kerajaan juga akan terus menyediakan lebih banyak kemudahan perumahan terutamanya kepada isirumah berpendapatan rendah. Dalam tempoh 1986-90, sebanyak 45,800 buah rumah awam kos rendah akan dibina. Sementara itu, program perumahan kos rendah oleh sektor swasta akan diperluaskan untuk memberi faedah kepada isirumah berpendapatan rendah. Liputan bekalan air dan elektrik akan diperluaskan lagi ke kawasan-kawasan luar bandar. Liputan kawasan luar bandar yang dibekalkan dengan air bersih dan air paip akan bertambah daripada 58 peratus pada tahun 1985 kepada 73 peratus pada tahun 1990 manakala bekalan elektrik pula akan bertambah daripada 68 peratus kepada 77 peratus dalam tempoh yang sama.

### III. PENYUSUNAN SEMULA MASYARAKAT

Teras utama dalam usaha melaksanakan strategi dan program untuk menyusun semula masyarakat Malaysia di bawah DEB telah pun digariskan dalam RRJP. Tujuan penyusunan semula ialah untuk mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan di kalangan kumpulan-kumpulan ethnik utama dan antara kawasan bandar dan luar bandar; untuk menyusun semula corak gunatenaga di semua peringkat dan kategori; dan untuk menyusun semula corak pemilikan dan penguasaan dalam sektor syarikat. Matlamatnya ialah supaya menjelang tahun 1990 corak gunatenaga menggambarkan susunan penduduk mengikut ethnik di semua peringkat, dan rakyat Malaysia memiliki serta menguasai 70 peratus daripada jumlah modal saham, dengan sekurang-kurangnya 30 peratus dimiliki oleh Bumiputera, dan 30 peratus lagi oleh rakyat asing. DEB juga bertujuan mewujudkan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera yang berdaya maju melalui penyertaan mereka dalam kegiatan perdagangan dan perindustrian moden.

Semenjak pelaksanaan DEB, kemajuan penting ke arah matlamat-matlamat penyusunan semula telah dicapai. Kajian semasa mengenai prestasi penyusunan semula masyarakat dalam tempoh 1981-85 menunjukkan bahawa secara amnya kemajuan telah terus dicapai walaupun pada kadar yang lebih perlahan daripada yang diperolehi dalam dekad pertama pelaksanaan DEB. Pada keseluruhannya, walaupun pencapaian Bumiputera tidak memenuhi matlamat DEB, asas untuk pertumbuhan seterusnya oleh masyarakat Bumiputera telah dapat disediakan. Kemajuan, 1981-85

Anggaran mengenai kemajuan dalam penyusunan semula masyarakat seperti terkandung dalam KSP telah disemak semula. Semakan ini mengambilkira kedudukan ekonomi-makro yang kemaskini, terutamanya mengenai pertumbuhan pelaburan dalam sektor syarikat dan perkembangan gunatenaga serta hasil daripada penyiasatan-penyiasatan yang berkenaan.

Kemajuan dalam aspek-aspek penyusunan semula masyarakat juga perlu dikemukakan dalam perspektif yang lebih luas oleh kerana cara yang diamalkan sekarang untuk mengemukakan kemajuan DEB memberi tumpuan yang berlebihan kepada aspek penyusunan semula hakmilik modal saham dan dengan itu tidak memberi gambaran yang tepat kepada rakyat Malaysia mengenai kemajuan yang telah dicapai dalam aspek-aspek penyusunan semula yang lain. Pertumbuhan ekonomi telah membuka peluang untuk semua rakyat Malaysia melibatkan diri dalam kegiatan ekonomi, bukan sahaja menerusi sektor syarikat, iaitu syarikat-syarikat sendirian dan awam berhad, tetapi juga melalui sektor bukan syarikat dan perniagaan kecil.

Kemajuan, 1981-85

**KETIDAKSEIMBANGAN PENDAPATAN** Pendapatan yang tidak seimbang di kalangan kumpulan-kumpulan ethnik dan antara kawasan bandar dan luar bandar masih lagi luas dan terus mendapat perhatian utama. KSP telah memberikan secara kasar arah aliran dalam pertumbuhan pendapatan bagi Semenanjung Malaysia dan bagi kumpulan-kumpulan ethnik utama dalam dekad pertama DEB. Anggaran-anggaran terbaru mengenai pendapatan yang tidak seimbang adalah dibuat berasaskan kepada keputusan HIS 1984.

Semua kumpulan ethnik telah menikmati pendapatan yang meningkat dalam tempoh 1979-84, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3-4. Mengikut nilai sebenar, pendapatan purata isirumah Bumiputera telah meningkat sebanyak kira-kira 30 peratus dalam tempoh tersebut berbanding dengan 20 peratus bagi Cina dan sembilan peratus bagi India. Pendapatan yang tidak seimbang antara Bumiputera dan bukan Bumiputera telah bertambah baik sedikit. Pendapatan purata isirumah Bumiputera pada tahun 1979 merupakan 52 peratus daripada pendapatan purata isirumah Cina tetapi telah meningkat kepada 57 peratus pada tahun 1984. Pendapatan purata isirumah Bumiputera yang merupakan 65 peratus daripada pendapatan purata isirumah India pada tahun 1979 telah meningkat kepada 78 peratus pada tahun 1984. Perbezaan pendapatan kawasan bandar dan luar bandar telah meluas sedikit. Pendapatan purata luar bandar berbanding dengan pendapatan purata bandar telah berkurang daripada 56 peratus kepada 53 peratus dalam tempoh yang sama.

Dalam kumpulan-kumpulan pendapatan juga terdapat maklumat yang menunjukkan pendapatan yang tidak seimbang antara kumpulan ethnik. Dari segi bahagian pendapatan, kumpulan tertinggi 20 peratus daripada isirumah Bumiputera di bandar mempunyai pendapatan kira-kira \$2,200 sebulan pada tahun 1979 berbanding dengan \$2,710 bagi Cina dan \$2,690 bagi India. Pada tahun 1984, pendapatan isirumah Bumiputera dianggarkan sebanyak \$3,280 sebulan. Cina \$4,440 dan India \$3,560. Bagi kumpulan 40 peratus terendah, isirumah Bumiputera di bandar menerima kira-kira \$250 sebulan pada tahun 1979 berbanding dengan \$333 bagi Cina dan \$296 bagi India. Pada tahun 1984, isirumah Bumiputera dianggarkan menerima sebanyak \$438 sebulan berbanding dengan \$587 bagi Cina dan \$513 bagi India. Pada keseluruhannya, anggaran-anggaran menunjukkan bahawa ketidakseimbangan pendapatan di Semenanjung Malaysia masih lagi luas. Walau bagaimanapun, berdasarkan Angkali Giniz, nisbah ketidakseimbangan telah menurun daripada 0.513 kepada 0.480 dalam tempoh 1970-84 yang menunjukkan bahawa ketidaksamaan pendapatan pada keseluruhannya telah bertambah baik.

**PENYUSUNAN SEMULA GUNATENAGA** Pertumbuhan gunatenaga dalam sektor-sektor moden terus merupakan faktor penting dalam strategi menyusun semula corak gunatenaga di semua peringkat dan kategori untuk menggambarkan susunan ethnik dalam jumlah penduduk negara. Gunatenaga meliputi majikan, pekerja, pekerja sendiri

dan pekerja keluarga yang tidak bergaji. Selaras dengan pertumbuhan ekonomi pada keseluruhannya sebanyak 5.8 peratus setahun dalam tempoh 1981-85, jumlah gunatenaga telah bertambah sebanyak 2.6 peratus setahun seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3-5 dan Jadual 3-6. Dalam tempoh RME, gunatenaga Bumiputera telah meningkat pada kadar 2.6 peratus setahun, manakala Cina dan India masing-masing pada kadar 2.5 peratus. Pada tahun 1985, pengangguran di kalangan Bumiputera didapati paling tinggi sekali, iaitu 8.7 peratus. Corak gunatenaga bagi setiap kumpulan ethnik pada keseluruhannya tidak menunjukkan perubahan yang begitu ketara dalam tempoh tersebut. Bahagian gunatenaga Bumiputera pada keseluruhannya ialah 56.7 peratus, Cina 33.4 peratus dan India 9.1 peratus.

Angkali Gini menunjukkan satu nisbah corak agihan pendapatan di kalangan isirumah. Angkali ini mempunyai nilai antara 0 hingga 1, iaitu 0 menunjukkan corak agihan yang sama rata manakala 1 adalah agihan yang paling tidak sama rata.

Sungguhpun bahagian gunatenaga Bumiputera dalam sektor pertanian kekal pada paras yang sama dalam tempoh 1981-85, penglibatan mereka dalam sektor tersebut telah berubah ke arah kegiatan-kegiatan yang lebih produktif. Sebahagian besar daripada gunatenaga Bumiputera dalam sektor ini adalah hasil daripada kegiatan-kegiatan rancangan pembangunan tanah baru dan pemulihan tanah yang dijalankan oleh FELDA, FELCRA, RISDA dan lembaga-lembaga kemajuan wilayah. Bumiputera juga telah mendapat faedah daripada kegiatan-kegiatan pertanian moden melalui program-program seperti IADP. Dalam sektor-sektor lain, terutamanya sektor perindustrian moden, corak gunatenaga Bumiputera juga telah bertambah baik.

Dari segi kategori pekerjaan, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3-6, bilangan Bumiputera dalam kumpulan ikhtisas dan teknik telah meningkat daripada kira-kira 155,000 orang pada tahun 1980 kepada 194,000 pada tahun 1985 tetapi jumlah ini mengandungi ramai jururawat dan guru. Data-data yang ada menunjukkan bahawa pada tahun 1985, terdapat kira-kira 111,300 orang guru dan jururawat Bumiputera berbanding dengan 61,300 orang bukan Bumiputera. Tanpa mengambilkira bilangan guru dan jururawat, bahagian gunatenaga Bumiputera dalam kategori ikhtisas dan teknik pada tahun 1985 ialah kira-kira 45 peratus manakala bukan Bumiputera ialah 55 peratus. Jika diambilkira pemegang-pemegang ijazah ikhtisas sahaja, bahagian Bumiputera dianggarkan sebanyak 32 peratus. Pembahagian gunatenaga mengikut kumpulan ethnik dalam kategori-kategori pekerjaan yang lain menunjukkan bahawa sungguhpun bahagian Bumiputera telah meningkat dalam tahun-tahun berkenaan, sebilangan besar daripada mereka adalah dalam kumpulan pekerjaan yang berpendapatan rendah.

Bahagian gunatenaga Bumiputera dalam kumpulan ikhtisas dan teknik yang berpendapatan tinggi masih lagi rendah dan tidak menggambarkan bahagian mereka dalam jumlah penduduk negara. Sebaliknya, bahagian Cina dan India melebihi bahagian penduduk mereka dalam beberapa pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Jadual 3-7 menunjukkan maklumat terakhir yang ada mengenai lapan kumpulan ikhtisas terpilih



yang berdaftar dengan badan-badan berkenaan. Sehingga tahun 1984, bahagian Bumiputera dalam kesemua lapan kumpulan tersebut ialah kira-kira 21 peratus berbanding dengan 62 peratus bagi Cina dan 15 peratus bagi India. Pada tahun 1980, bahagian masing-masing ialah kira-kira 15 peratus, 64 peratus dan 17 peratus. Bagi Bumiputera, walaupun bahagian mereka dalam jenis-jenis pekerjaan sebagai jurukur, doktor veterinar dan jurutera yang berdaftar adalah agak tinggi, bahagian tersebut sebenarnya masih lagi rendah jika dibandingkan dengan pencapaian kumpulan ethnik lain dalam jenis-jenis pekerjaan yang sama. Kumpulan ethnik Cina mempunyai bahagian yang besar dalam jenis pekerjaan arkitek, akauntan dan jurutera yang berdaftar manakala bahagian India dalam bidang-bidang pekerjaan ikhtisas undang-undang, perubatan dan veterinar pula melebihi bahagian mereka dalam penduduk.

Proses penyusunan semula gunatenaga memerlukan usaha-usaha yang lebih untuk mengeluarkan siswazah-siswazah yang berkelayakan serta tenaga kerja mahir yang mencukupi. Perkembangan pelajaran dan program-program latihan telah menyebabkan bilangan pelajar-pelajar dari semua kumpulan ethnik di peringkat pelajaran tinggi terus meningkat dalam tempoh 1981-85. Pada tahun 1980, di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri, terdapat kira-kira 76,600 pelajar yang berdaftar dalam berbagai bidang kursus di peringkat sijil, diploma dan ijazah. Daripada jumlah ini, bahagian pelajar Bumiputera ialah kira-kira 45 peratus, Cina 45 peratus, India 9 peratus dan kumpulan-kumpulan ethnik yang lain 1 peratus. Di peringkat ijazah, pelajar Bumiputera merupakan kira-kira 45 peratus manakala di peringkat diploma, bahagian mereka ialah 59 peratus. Pada tahun 1985, jumlah pendaftaran di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan dan luar negeri ini telah dianggarkan meningkat kepada kira-kira 136,300 orang dengan bahagian pelajar Bumiputera sebanyak kira-kira 52 peratus, Cina 39 peratus dan India 9 peratus. Di peringkat ijazah, bahagian Bumiputera ialah kira-kira 49 peratus manakala di peringkat diploma, bahagian mereka ialah 66 peratus. Di institusi-institusi pengajian tinggi tempatan, pengeluaran graduan Bumiputera di peringkat diploma dan ijazah dalam lapan kursus ikhtisas yang terpilih, seperti kejuruteraan, arkitek dan perakaunan, telah meningkat daripada kira-kira 1,200 orang atau 64 peratus daripada jumlah graduan dalam kursus-kursus tersebut pada tahun 1980 kepada 2,400 atau 77 peratus pada tahun 1984. Walau bagaimanapun, di peringkat ijazah sahaja, bahagian Bumiputera ialah kira-kira 47 peratus pada tahun 1980 dan 68 peratus pada tahun 1984 berbanding dengan sebanyak 53 peratus pada tahun 1980 dan 32 peratus pada tahun 1984 bagi bukan Bumiputera. Di peringkat diploma, Bumiputera merupakan kira-kira 73 peratus pada tahun 1980 dan 81 peratus pada tahun 1984. Penyusunan semula hakmilik syarikat-syarikat berhad

Kedudukan hakmilik modal saham dalam syarikat-syarikat berhad dan anggaran mengenai hakmilik modal saham telah diperolehi daripada beberapa sumber. Sumber-sumber perangkaan yang utama ialah daripada Penyiasatan Hakmilik Syarikat-syarikat Berhad yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan, Pendaftar Syarikat dan maklumat berkaitan daripada berbagai agensi amanah. Untuk mendapatkan anggaran bagi tahun

1985 dan 1990, misalnya, satu penilaian yang teliti telah dibuat mengenai arah aliran pertumbuhan hakmilik modal saham pada masa lalu mengikut kumpulan-kumpulan hakmilik yang utama berasaskan sumber-sumber perangkaan tersebut. Berbagai faktor seperti pertumbuhan ekonomi keseluruhannya dan mengikut sektor, pertumbuhan pelaburan swasta, aliran masuk modal asing ke dalam ekonomi, program penyusunan semula syarikat-syarikat berhad, dan kemungkinan kesan dasar-dasar Kerajaan terhadap pelaburan swasta telah diambilkira dalam membuat anggaran mengenai hakmilik modal saham bagi setiap kumpulan hakmilik yang utama. Analisa perangkaan mengenai hubungan antara pertumbuhan KDNK dan modal saham syarikat-syarikat berhad dalam negara telah juga dibuat sebagai tambahan kepada analisa mengenai hakmilik modal saham.

### Penyusunan Semula Hakmilik Syarikat-Syarikat Berhad

Sungguhpun angka-angka mengenai hakmilik modal saham mengikut setiap kumpulan bagi tahun 1985 dan 1990 adalah merupakan anggaran, ianya adalah berasaskan kepada penelitian terhadap sumber-sumber kemaskini yang ada. Kajian semula mengenai kedudukan hakmilik modal saham syarikat-syarikat berhad mengikut setiap kumpulan telah dan akan terus dijalankan secara berterusan. Data-data yang lebih kemaskini akan digunakan apabila diperolehi untuk meneliti semula dan, jika perlu, menyemak semula anggaran yang telah dibuat dalam RML. Semakan semula anggaran mengenai hakmilik modal saham telah dibuat dalam rancangan-rancangan pembangunan yang lalu dan dalam kajian-kajian separuh penggal rancangan tersebut.

Walaupun pertumbuhan ekonomi adalah perlahan, sektor syarikat terus menunjukkan perkembangan yang memuaskan ke arah menyusun semula hakmilik modal saham. Bagi tujuan menyusun semula hakmilik modal saham, sektor syarikat meliputi syarikat-syarikat awam dan sendirian berhad yang berdaftar di bawah Akta Syarikat, 1965 dan cawangan di Malaysia bagi syarikat-syarikat yang didaftarkan di luar negeri. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 3-8 dan Carta 3-2, anggaran mengenai hakmilik modal saham pada nilai par menunjukkan bahawa stok modal saham syarikat-syarikat berhad telah meningkat lebih sekali ganda daripada kira-kira \$32,000 juta pada tahun 1980 kepada \$76,000 juta pada tahun 1985. Hakmilik modal saham rakyat Malaysia dianggarkan telah meningkat kepada kira-kira 74 peratus daripada jumlah modal berbayar pada tahun 1985 berbanding dengan 57 peratus pada tahun 1980. Hakmilik Bumiputera pada tahun 1985 dianggarkan kira-kira 18 peratus. Hakmilik Bumiputera perseorangan telah meningkat pada kadar yang tinggi sebanyak 32 peratus setahun dan adalah dianggarkan bahawa menjelang pertengahan tahun-tahun lapan puluhan, bahagian hakmilik mereka melebihi hakmilik yang dipegang oleh agensi-agensi amanah dalam jumlah modal saham Bumiputera keseluruhannya. Perkembangan ini sebahagian besarnya adalah berpunca dari sumbangan syarikat-syarikat Bumiputera swasta di samping Skim Amanah Saham Nasional (ASN) yang dilaksanakan oleh Permodalan Nasional Berhad (PNB).

Bahagian hakmilik Rakyat Malaysia yang lain telah meningkat lagi daripada kira-kira 45 peratus daripada jumlah modal saham pada tahun 1980 kepada 57 peratus pada tahun 1985. Dalam tempoh tersebut, dari segi jumlahnya, hakmilik mereka telah meningkat daripada kira-kira \$14,400 juta kepada \$43,000 juta. Bahagian hakmilik kepentingan asing telah berkurang daripada kira-kira 43 peratus pada tahun 1980 kepada 26 peratus pada tahun 1985 tetapi jumlah pemilikan mereka telah meningkat sebanyak kira-kira 40 peratus. Penyusunan semula syarikat-syarikat milik asing serta pertumbuhan syarikat-syarikat milik Rakyat Malaysia, terutamanya Rakyat Malaysia yang lain, telah menyebabkan bahagian kepentingan asing dalam syarikat-syarikat berhad berkurang secara berterusan.

Anggaran bagi tahun 1985 telah dibuat berasaskan kepada maklumat yang ada dan pendekatan yang disebutkan dalam perenggan terdahulu kerana hasil keputusan Penyiasatan Hakmilik Syarikat-syarikat Berhad bagi tempoh 1983-85 masih belum diperolehi. Keputusan Penyiasatan Hakmilik Syarikat-syarikat Berhad bagi tahun 1980 dan 1982 menunjukkan bahawa kira-kira \$16,500 juta modal saham telah dihasilkan antara tahun 1980-82. Pertumbuhan modal saham tahunan bagi kepentingan Bumiputera, Rakyat Malaysia yang lain dan Rakyat asing masing-masing berjumlah kira-kira \$1,800 juta, \$4,950 juta dan \$1,500 juta dalam tempoh dua tahun tersebut. Dalam tempoh tiga tahun 1983-85, adalah dianggarkan bahawa pertambahan modal saham berjumlah kira-kira \$27,270 juta. Pertumbuhan bersih tahunan bagi kepentingan Bumiputera, Rakyat Malaysia yang lain dan kepentingan asing masing-masing berjumlah kira-kira \$2,000 juta, \$6,280 juta dan \$810 juta. Oleh yang demikian, berasaskan keputusan sebenar Penyiasatan tersebut, anggaran modal saham bagi tahun 1985, terutamanya bagi Rakyat Malaysia yang lain, tidak begitu tinggi. Antara tahun 1980-82, bahagian Rakyat Malaysia yang lain sebenarnya merupakan kira-kira 60 peratus daripada pertambahan bersih dalam modal saham manakala dalam tempoh 1983-85 bahagian mereka dianggarkan sebanyak 69 peratus daripada jumlah pertambahan dalam modal saham.

Pecahan hakmilik modal saham mengikut kumpulan-kumpulan ethnik utama bagi tahun 1982 adalah ditunjukkan dalam Jadual 3-9. Perangkaan yang berkenaan diperolehi daripada Penyiasatan Hakmilik Syarikat-syarikat Berhad, 1982, iaitu yang terakhir dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan. Kepentingan Bumiputera merupakan 15.5 peratus daripada jumlah modal saham. Di kalangan kumpulan Rakyat Malaysia yang lain, kumpulan ethnik Cina mempunyai hakmilik yang terbesar, iaitu kira-kira satu pertiga daripada jumlah modal saham syarikat-syarikat berhad. Kumpulan ethnik India memiliki kira-kira 1 peratus dan kumpulan ethnik lain 1.6 peratus. Pecahan syarikat-syarikat calun dan syarikat-syarikat kawalan tempatan mengikut kumpulan ethnik utama tidak mungkin dapat dibuat. Kedua-dua kumpulan ini memiliki 13.8 peratus daripada jumlah modal saham syarikat-syarikat berhad.

Tingkat hakmilik modal saham dalam syarikat-syarikat berhad secara keseluruhannya, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3-9, tidak menggambarkan sepenuhnya kedudukan sebenar penyertaan dan penguasaan kumpulan ethnik utama dalam syarikat-

syarikat berhad. Perangkaan mengenai hakmilik modal saham syarikat-syarikat berhad oleh Bumiputera perlu disokong oleh maklumat-maklumat mengenai hakmilik beberapa buah syarikat besar dalam sektor-sektor utama yang telah dikenalpasti dan oleh maklumat mengenai kepentingan hakmilik agensi-agensi amanah yang tertentu. Pembelian saham beberapa buah bank, syarikat perladangan dan syarikat perlombongan, misalnya, telah memberi sumbangan ke arah peningkatan hakmilik modal saham Bumiputera dalam syarikat-syarikat berhad. Dalam sektor bank tempatan, kepentingan Bumiputera, termasuk agensi-agensi amanah, memiliki dan menguasai lebih daripada 50 peratus modal saham dalam sembilan buah bank dan antara 30 hingga 50 peratus dalam enam buah bank. Dalam syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank saudagar, kepentingan Bumiputera telah memiliki lebih 50 peratus modal saham dalam 19 buah syarikat kewangan dan 10 buah bank saudagar. Dari segi pemilikan modal saham dalam bank-bank tempatan dan syarikat-syarikat kewangan keseluruhannya, bahagian hakmilik kepentingan Bumiputera, termasuk agensi-agensi amanah, telah meningkat daripada 60 peratus pada tahun 1980 kepada 69 peratus pada bulan Jun, 1985.

Dalam sektor perladangan, Bumiputera telah memiliki dan menguasai beberapa buah syarikat besar seperti Harrisons Malaysian Plantations Berhad, Kumpulan Guthrie Sendirian Berhad dan United Plantation Berhad. Keluasan ladang yang dimiliki oleh syarikat-syarikat ini bersama dengan keluasan yang dimiliki oleh beberapa agensi lain, seperti perbadanan-perbadanan kemajuan ekonomi negeri (PKEN-PKEN) dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH), merupakan kira-kira 32 peratus daripada jumlah keluasan dalam sektor syarikat pada tahun 1984. Di sektor perlombongan, menjelang tahun 1981, kepentingan Bumiputera melalui PNB telah menguasai sebahagian besar Malaysia Mining Corporation (MMC). MMC telah juga menguasai dan memiliki kepentingan dalam 11 buah syarikat perlombongan timah lain yang disenaraikan di Pasaran Saham Kuala Lumpur.

Di samping pemilikan, Bumiputera juga melibatkan diri dalam pengurusan syarikat-syarikat yang dikuasai. Bagi syarikat-syarikat dan kepentingan yang dimiliki oleh PNB, penyertaan dari segi pengurusan bukan hanya dilaksanakan di peringkat eksekutif tetapi juga di peringkat membuat dasar. Dalam hal ini, PNB juga telah melantik pengarah-pengarah penama, terutamanya daripada sektor swasta, untuk mewakili kepentingannya dalam berbagai lembaga pengarah syarikat yang ia memiliki kepentingan. Bagi agensi-agensi amanah dan syarikat-syarikat lain yang mempunyai kepentingan Kerajaan, seperti Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Kompleks Kewangan Malaysia Berhad (KKMB), penyertaan Bumiputera dari segi pengurusan telah dilaksanakan, terutamanya menerusi kemajuan kerjaya secara berterusan di kalangan kakitangan di samping peluang-peluang latihan.

Sebagai sebuah agensi amanah utama, PNB telah memberi sumbangan yang besar ke arah meningkatkan penyertaan ekuiti dan penglibatan pengurusan Bumiputera dalam sektor syarikat. Fungsi utamanya ialah untuk menilai, memilih dan membeli saham-saham

yang kukuh dalam syarikat-syarikat yang dijangka mempunyai pertumbuhan yang cerah masa hadapan. Saham-saham tersebut adalah dipegang secara amanah untuk dipindahkan kemudiannya kepada Bumiputera perseorangan menerusi Skim ASN. Perolehan saham-saham telah dibuat menerusi pembelian di pasaran saham dan institusi-institusi, peruntukan saham-saham melalui penyusunan semula syarikat daripada Kementerian Perdagangan dan Perindustrian serta Skim Pemindahan Ekuiti Kerajaan kepada Bumiputera. Sehingga bulan Disember, 1985, Kumpulan PNB mempunyai kepentingan sebanyak \$6,163 juta pada nilai kos dalam 159 buah syarikat dan daripadanya 103 merupakan syarikat-syarikat tercatat. Pembahagian pelaburan PNB mengikut sektor adalah ditunjukkan dalam Jadual 3-10.

Skim ASN telah berjaya memindahkan potensi kekayaan Bumiputera yang disimpan secara amanah oleh Kerajaan menerusi agensi-agensi amanah kepada segolongan besar masyarakat Bumiputera. Sehingga akhir bulan Disember 1985, Skim tersebut telah berjaya menarik seramai dua juta pelabur Bumiputera atau kira-kira 43 peratus daripada jumlah yang layak melabur, dengan jumlah pelaburan bersih sebanyak kira-kira \$1,900 juta. Daripada jumlah pelabur tersebut, seramai 1.7 juta orang atau 85 peratus melabur sebanyak 500 unit atau kurang dan kebanyakan daripada mereka terdiri daripada petani-petani, kumpulan bergaji rendah, buruh-buruh dan surirumah-surirumah. Bayaran bonus dan dividen sejumlah \$935.5 juta telah dikeluarkan kepada ahli-ahli Skim sehingga Disember, 1985.

Usaha-usaha Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) mengatur perolehan, penyatuan dan pengambilalihan syarikat-syarikat selaras dengan matlamat DEB juga telah memberi sumbangan dalam meningkatkan lagi hakmilik Bumiputera. Antara tahun 1981 dan 1985, FIC telah meluluskan cadangan-cadangan yang dikemukakan oleh 1,721 buah syarikat. Kelulusan yang telah diberi kepada cadangan tersebut, berserta dengan syarat-syarat yang dikenakan mengenai penyertaan modal saham Bumiputera, telah meningkatkan lagi hakmilik syarikat-syarikat dan institusi-institusi Bumiputera.

**PEMBENTUKAN SEBUAH MASYARAKAT PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN BUMIPUTERA** Dalam tempoh 1981-85, pelaksanaan usaha-usaha bagi meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan perdagangan dan perindustrian serta sektor bukan syarikat adalah agak perlahan. Perusahaan-perusahaan Kerajaan telah mengalami pengurangan peruntukan kewangan bagi melaksanakan berbagai program yang bertujuan membantu usahawan-usahawan Bumiputera. Peluang-peluang yang terhad untuk mendapatkan bantuan dan peluang perniagaan daripada Kerajaan menyebabkan syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan Bumiputera terpaksa mencari dan bersaing bagi mendapatkan peluang-peluang di sektor swasta.

Hakmilik dan penyertaan Bumiputera dalam kegiatan-kegiatan sektor bukan syarikat, terutamanya dalam sektor perniagaan dan perkhidmatan kecil, telah mencapai kemajuan menerusi perniagaan perseorangan dan perkongsian. Pemilikan dan penyertaan Bumiputera dalam sektor-sektor ini menyediakan asas yang penting untuk menggalak

dan melengkapkan usahawan-usahawan Bumiputera dalam kegiatan-kegiatan perdagangan. Data-data yang terdapat dalam Jadual 3-11, menunjukkan bahawa perniagaan Bumiputera telah mencapai kemajuan penting dalam meningkatkan hakmilik dan penyertaan mereka dalam bidang perdagangan dan perkhidmatan kecil dalam sektor bukan syarikat dalam tempoh 1971-81. Sebagai contoh, dalam sektor perdagangan borong dan runcit, bilangan pertubuhan yang dimiliki oleh Bumiputera telah meningkat kira-kira 10 kali ganda dalam tempoh tersebut sementara jumlah perolehan mereka pula telah bertambah sebanyak 40 kali ganda. Dalam sektor-sektor perkhidmatan seperti pengangkutan, pelancungan dan pengembaraan serta perkhidmatan ikhtisas, Bumiputera juga mencapai kemajuan yang memuaskan. Dalam sektor pengangkutan khususnya, pemilikan dan penyertaan mereka telah meningkat dengan lebih cepat lagi dan dalam beberapa perkhidmatan, telah melebihi pemilikan dan penyertaan bukan Bumiputera.

Hakmilik dan penyertaan Bumiputera dalam perniagaan-perniagaan kecil masih lagi rendah berbanding dengan bukan Bumiputera. Oleh yang demikian, mereka mempunyai peluang yang besar untuk meningkatkan lagi hakmilik dan penyertaan mereka dalam perniagaan-perniagaan kecil. mereka menghadapi masalah-masalah bukan sahaja dari segi stok hakmilik, sumber-sumber pengurusan dan perniagaan yang terhad ketika memulakan perniagaan, tetapi juga dari segi proses pembelajaran yang perlu mereka lalui dalam usaha mencapai matlamat penyusunan semula.

Walaupun mempunyai sumber-sumber kewangan yang kurang, agensi-agensi Kerajaan, terutamanya agensi-agensi amanah, terus membantu syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan Bumiputera dalam berbagai bidang. Beberapa langkah pentadbiran telah juga dilaksanakan untuk terus membantu perniagaan-perniagaan Bumiputera. Jadual 3-12 menunjukkan beberapa petunjuk utama terpilih mengenai prestasi syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan Bumiputera berhubung dengan program dan jenis bantuan Kerajaan yang khusus. Petunjuk-petunjuk tersebut menunjukkan bahawa usahawan-usahawan Bumiputera telah mencapai kemajuan penting dalam tahun-tahun kebelakangan ini meskipun menghadapi suasana perniagaan dan perdagangan yang lebih sukar. Di bawah program bantuan kredit, sehingga hujung tahun 1985, sejumlah kira-kira \$17,000 juta atau 28 peratus daripada semua pinjaman yang belum dijelaskan di bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan telah diberi kepada Bumiputera. Kemudahan ini telah dapat dilaksanakan, terutamanya dengan adanya garis panduan mengenai pinjaman kepada sektor-sektor yang diberi keutamaan.

Walaupun Bumiputera telah mencapai kejayaan dalam beberapa bidang perdagangan dan perindustrian, mereka lebih tertumpu dalam sebilangan kecil bidang-bidang tertentu seperti penyediaan perkhidmatan keselamatan, restoran, pembinaan dan pengedaran kenderaan bermotor. Bidang-bidang ini pada umumnya sudahpun diceburi sepenuhnya oleh Bumiputera. Oleh yang demikian, pelaburan dan penyertaan Bumiputera dalam sektor perindustrian dan perdagangan masih belum memadai dan meluas.

Berhubung dengan program-program latihan pengurusan dan perniagaan, Kerajaan telah memperkenalkan dua skim latihan pada tahun 1983. Skim Latihan Khas Seberang Laut untuk Bumiputera telah memberi faedah kepada seramai 800 peserta. Skim ini bertujuan mendedahkan usahawan-usahawan Bumiputera kepada kemahiran pengurusan di peringkat antarabangsa. Satu lagi skim latihan yang menyediakan kemahiran perniagaan kepada kakitangan-kakitangan Kerajaan dalam kumpulan-kumpulan C dan D adalah bertujuan menggalakkan kakitangan Kerajaan menceburkan diri dalam perniagaan kecil. Seramai 323 orang kakitangan Kerajaan dalam kumpulan-kumpulan tersebut telah menyertai program latihan ini. Daripada jumlah tersebut, seramai 108 orang telah meletakkan jawatan untuk memulakan perniagaan mereka sendiri.

Prospek, 1986-90

Mengikut jangkaan semasa bagi tempoh RML, ekonomi negara akan melalui satu tempoh yang sukar. Matlamat pertumbuhan sebanyak 5.0 peratus setahun memerlukan keupayaan yang lebih tinggi di kedua-dua sektor awam dan swasta untuk mempercepatkan kegiatan-kegiatan ekonomi. Walaupun Kerajaan akan terus berusaha merancang dan melaksanakan berbagai strategi dan program untuk mempercepatkan lagi proses penyusunan semula masyarakat, adalah jelas bahawa usaha-usaha dan sumbangan yang lebih besar diperlukan dari sektor swasta.

**KETIDAKSEIMBANGAN PENDAPATAN.** Berasaskan arah aliran di akhir-akhir ini, terdapat kemungkinan bahawa dalam tempoh 1986-90 jurang perbezaan pendapatan antara kumpulan-kumpulan ethnik utama dan antara kawasan bandar dan luar bandar akan terus berkurang. Kerajaan akan terus mengekalkan suasana yang akan menggalakkan pertumbuhan yang maksimum tercapai dalam seluruh sektor dan kegiatan. Hanya melalui pertumbuhan yang mencukupi sahaja peluang-peluang dapat diwujudkan untuk memberi faedah kepada semua peringkat masyarakat, terutamanya golongan yang berpendapatan rendah. Peluang-peluang baru untuk memperolehi pendapatan perlu diterokai dan diberi tumpuan pada tahun-tahun akan datang. Rakyat Malaysia hendaklah mengelakkan daripada memberi tumpuan yang berlebihan dalam bidang-bidang yang sama. Pelaburan yang berlebihan dalam bidang-bidang tersebut tidak akan menghasilkan pulangan yang tinggi. Peluang-peluang pekerjaan yang bertambah akan terus menjadi punca utama dalam usaha mengurangkan ketidakseimbangan pendapatan oleh kerana upah dan gaji merupakan sebahagian besar daripada jumlah pendapatan.

**PENYUSUNAN SEMULA GUNATENAGA** Anggaran bagi corak gunatenaga mengikut kumpulan ethnik menjelang tahun 1990 adalah ditunjukkan dalam Jadual 3-13 dan Jadual 3-14. Dari segi pecahan sektor keseluruhannya, bahagian gunatenaga Bumiputera dalam jumlah gunatenaga dianggarkan 56.4 peratus menjelang tahun 1990, manakala bahagian gunatenaga Cina adalah 33.8 peratus dan India 9 peratus. Menjelang tahun 1990, gunatenaga Bumiputera secara purata dijangka merupakan kira-kira 57 peratus daripada

jumlah pekerja-pekerja dalam kumpulan ikhtisas dan teknik, perkeranian, dan perkhidmatan.

Bahagian gunatenaga Bumiputera dalam kumpulan pentadbiran dan pengurusan dianggarkan mencapai kira-kira 28 peratus dan ini adalah merupakan peratusan yang terendah sekali berbanding dengan bahagian mereka dalam kategori pekerjaan yang lain. Bahagian gunatenaga Cina dalam kumpulan yang sama dianggarkan yang tertinggi manakala India pula yang terendah. Keadaan yang tidak seimbang mengikut kumpulan ethnik dalam kumpulan jawatan-jawatan ikhtisas yang bergaji tinggi dijangka akan terus wujud.

Berasaskan kepada kadar pendaftaran semasa bagi golongan ikhtisas dalam laman kumpulan ikhtisas yang terpilih yang berpendapatan tinggi, bahagian Bumiputera dianggarkan mencapaisatu perempat daripada jumlah gunatenaga ikhtisas yang yang berdaftar menjelang tahun 1990. Usaha untuk terus memperbaiki keadaan ketidakseimbangan ini adalah penting dan memerlukan bukan sahaja usaha-usaha yang lebih dari pihak Kerajaan tetapi lebih penting lagi usaha-usaha sektor swasta dalam merangka program-program khusus untuk melatih dan mengambil kakitangan ikhtisas. Bagi tujuan ini, Kerajaan akan memperbaiki lagi jentera pengawasan bagi penyusunan semula corak gunatenaga di samping mengadakan siri-siri perundingan yang lebih kerap dengan wakil-wakil sektor swasta. Di samping itu, Kerajaan akan mempertimbangkan untuk menjalankan satu penyiasatan khas di kalangan syarikat-syarikat besar dalam berbagai sektor sebagai satu langkah untuk menilai kedudukan yang kemaskini dalam usaha mencapai matlamat penyusunan semula gunatenaga di bawah DEB.

#### Penyusunan Semula Hakmilik Syarikat Berhad

PENYUSUNAN SEMULA HAKMILIK SYARIKAT BERHAD Memandangkan pertumbuhan ekonomi 5.0 peratus setahun dalam tempoh RML, sektor syarikat dijangka berkembang pada kadar yang perlahan berbanding dengan pencapaiannya dalam tempoh RME. Jumlah modal saham syarikat-syarikat berhad pada keseluruhannya dijangka berkembang kira-kira 9 peratus setahun. Berdasarkan keupayaan yang dijangka terdapat di kalangan pelabur-pelabur swasta dalam negeri, ramalan pada masa kini menunjukkan bahawa sejumlah besar pembiayaan modal saham akan disediakan oleh sektor asing. Memandangkan bahagian kepentingan asing telah berkurang di bawah paras 30 peratus daripada jumlah modal saham sebelum tahun 1990, Kerajaan akan menggalakkan lebih banyak aliran masuk pelaburan asing ke negara ini. Berhubung dengan ini, Kerajaan telah mengambil langkah-langkah positif dengan tujuan membolehkan syarikat-syarikat asing yang melabur dalam sektor perkilangan mempunyai hakmilik dan penguasaan yang lebih besar. Garis panduan baru mengenai hakmilik pelaburan asing akan menyediakan lebih banyak peluang bagi membolehkan kepentingan asing memiliki modal saham terbesar, bergantung, antara lainnya, kepada kandungan eksport bagi keluaran perkilangan syarikat-syarikat yang berkenaan.



Pelabur-pelabur Bumiputera swasta dijangka akan mengambil bahagian yang lebih besar dalam penyusunan semula hakmilik oleh kerana Kerajaan akan terus menghadapi sumber-sumber kewangan yang terhad. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan terus memberi sokongan yang diperlukan, terutamanya menerusi berbagai langkah pentadbiran, bagi menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat Bumiputera dengan lebih giat dari segi hakmilik dan pengurusan dalam syarikat-syarikat berhad. Usaha-usaha akan juga diteruskan untuk mengawasi kemajuan dalam membahagikan keuntungan pelaburan PNB kepada segolongan besar masyarakat Bumiputera menerusi Skim ASN. Strategi-strategi baru untuk menarik pelabur-pelabur baru Bumiputera supaya menyertai Skim tersebut akan juga dilaksanakan oleh PNB.

Berasaskan kepada prospek pertumbuhan ekonomi lima tahun akan datang, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 3-15, anggaran-anggaran pada masa ini menunjukkan bahawa Rakyat Malaysia akan memiliki 75 peratus daripada jumlah modal saham sebanyak kira-kira \$118,000 juta pada tahun 1990. Berasaskan arah aliran pertumbuhan dalam tempoh 1981-85, bahagian hakmilik Bumiputera dijangka mencapai kira-kira 22 peratus atau \$26,000 juta manakala Rakyat Malaysia yang lain akan memiliki 53 peratus. Walau bagaimanapun, jumlah hakmilik Rakyat Malaysia yang lain akan meningkat kepada \$63,000 juta pada tahun 1990. Bahagian hakmilik kepentingan asing dijangka berkurang kepada kira-kira 25 peratus tetapi dari segi jumlah, modal saham mereka akan meningkat menjadi kira-kira \$29,000 juta pada tahun 1990. Pertambahan ini telah mengambilkira potensi aliran masuk pelaburan asing ke negara ini. Oleh yang demikian, modal saham asing dalam syarikat-syarikat Malaysia adalah dianggarkan meningkat kepada kira-kira 16 peratus daripada modal saham atau sebanyak \$1,600 juta setahun. Berbagai langkah yang telah diperkenalkan baru-baru ini untuk menggalakkan aliran masuk pelaburan asing dijangka menambahkan lagi peluang bagi pelaburan asing dalam ekonomi negara. Adalah dijangka bahawa tanpa langkah-langkah tersebut, bahagian hakmilik asing akan terus berkurang di bawah paras 25 peratus yang dianggarkan menjelang tahun 1990.

#### Pembentukan sebuah Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera

Walaupun tahap pelaksanaan program-program dan bantuan Kerajaan dalam tahun-tahun kebelakangan ini telah mempengaruhi kemajuan ke arah mencapai matlamat ini, syarikat-syarikat dan usahawan-usahawan Bumiputera pada umumnya telah memperolehi satu asas bagi mengambil daya usaha sendiri dan lebih bersedia untuk bersaing. Dalam tempoh RML, Kerajaan akan mengkaji semula kekesanannya berbagai program dan bantuan sektor awam dengan tujuan memberi keutamaan yang lebih kepada bidang-bidang yang amat penting terhadap pencapaian keseluruhan usahawan-usahawan Bumiputera, seperti bidang latihan pengurusan dan bidang khidmat nasihat. Di samping itu, agensi-agensi yang berkaitan akan juga mengkaji semula kemungkinan menambah dan memberi lebih banyak peluang perniagaan kepada syarikat-syarikat Bumiputera, terutamanya dalam penawaran kontrak kerja dan bekalan serta dalam pengedaran dan pemasaran barang-barang dan perkhidmatan.

Kerajaan akan terus memberi penekanan kepada pentingnya dayausaha perseorangan dan tidak kepada sikap yang terlalu berharap kepada bantuan Kerajaan sebagai satu syarat untuk mencapai kejayaan dalam jangka panjang. Walau bagaimanapun, bantuan akan disediakan secara terpilih manakala suatu cara yang lebih berkesan bagi mengawasi penggunaan berbagai jenis bantuan akan juga dilaksanakan. Untuk mencapai tujuan ini, peranan agensi-agensi amanah dan perusahaan-perusahaan awam yang lain akan dikaji semula bagi membolehkan usahawan-usahawan swasta sendiri mengambil lebih banyak daya usaha. Selanjutnya, selaras dengan keutamaan yang ditetapkan dalam dasar penswastaan, perusahaan-perusahaan Bumiputera swasta yang mempunyai keupayaan dan kepakaran yang setaraf dengan perusahaan-perusahaan yang lain akan digalakkan untuk mengambilalih atau membeli perusahaan-perusahaan atau perkhidmatan-perkhidmatan tertentu yang dahulunya di bawah penguasaan dan pengurusan Kerajaan.

Bumiputera juga perlu mengambil peluang-peluang yang semakin bertambah yang akan terus dihasilkan dalam perusahaan-perusahaan kecil dan kegiatan-kegiatan bukan syarikat yang lain. Dalam tempoh RML, masih banyak lagi bidang yang boleh disertai oleh Bumiputera dalam perniagaan, termasuk perusahaan-perusahaan perkhidmatan yang kecil. Kerajaan akan terus menyediakan sokongan yang perlu, terutamanya dari segi kemudahan khidmat nasihat, latihan dan kredit, bagi mencapai matlamat penyusunan semula DEB.

Usahawan-usahawan Bumiputera mesti memberi perhatian yang lebih kepada faktor yang mempengaruhi mutu pelaburan di samping pentingnya tempat perniagaan serta daya pemasaran barang-barang dan perkhidmatan. Peluang-peluang pelaburan yang baru mesti diterokai dan mereka mesti sanggup menghadapi risiko-risiko yang biasa terdapat apabila memulakan bidang-bidang perniagaan yang baru. Walaupun modal yang mencukupi dan pengetahuan teknikal merupakan keperluan utama bagi kejayaan sesebuah perniagaan, pengurusan yang baik adalah sama pentingnya. Pengurusan yang tidak cekap telah menyebabkan kegagalan banyak perusahaan Bumiputera dan mengakibatkan pembaziran sumber-sumber yang terhad. Perusahaan-perusahaan Bumiputera mesti melabur bagi meningkatkan tahap kemahiran pengurusan mereka jika mereka ingin berjaya dalam dunia perniagaan yang penuh dengan persaingan dan yang semakin bertambah rumit dan dinamik. Mereka tidak akan maju jika mereka gagal berbuat demikian. Penyusunan semula masyarakat bagi tahun-tahun akan datang perlu juga menumpukan kepada bidang-bidang pertumbuhan yang baru dan bukan penumpuan yang berlebihan kepada bidang-bidang kegiatan ekonomi yang sedia ada. Usaha-usaha untuk mengurangkan seterusnya ketidakseimbangan ekonomi bergantung kepada kejayaan Bumiputera dalam memasuki bidang-bidang perdagangan dan perindustrian yang baru.

#### **IV. TINJAUAN JANGKA PANJANG**

Adalah jelas bahawa walaupun kemajuan besar telah diperolehi dalam tempoh 15 tahun yang lalu ke arah menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat yang merupakan matlamat DEB, kegagalan mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi dalam tempoh 1981-85 telah mengakibatkan kemajuan yang dicapai adalah kurang daripada matlamat yang dijangka. Memandangkan matlamat DEB dirangka untuk mempercepatkan pencapaian perpaduan negara, dan perpaduan pula adalah penting untuk kehidupan dan kesejahteraan negara, usaha-usaha mestilah diteruskan untuk menghapuskan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat.

Strategi dan dasar yang diperlukan untuk mencapai matlamat ini amat bergantung kepada kejayaan atau kegagalan RML dalam usaha meningkatkan lagi tahap pencapaian matlamat DEB. Kemudiannya, strategi, rancangan dan dasar-dasar ekonomi yang baru akan dirangka untuk meneruskan lagi usaha-usaha menghapuskan kemiskinan; mengatasi mana-mana ketidakseimbangan yang wujud; dan seterusnya memimpin negara seluruhnya ke arah kemajuan dan kemakmuran ekonomi.

#### **V. PENUTUP**

Kemajuan yang dicapai ke arah matlamat DEB dalam lima tahun yang lalu adalah memuaskan meskipun berlakunya kemelesetan ekonomi. Pendapatan semua rakyat Malaysia telah meningkat, paras kemiskinan telah berkurang manakala kemajuan telah diperolehi dalam menyusun semula masyarakat. Peluang-peluang yang lebih untuk menikmati perkhidmatan-perkhidmatan awam telah berjaya memperbaiki taraf hidup rakyat, terutamanya mereka di luar bandar. Walaupun kejayaan-kejayaan ini telah dicapai, ketidakseimbangan ekonomi di kalangan kumpulan-kumpulan etnik dan antara kawasan bandar dan luar bandar akan terus wujud dan ini perlu dikurangkan lagi. Usaha-usaha bagi mengurangkan kemiskinan dan menyusun semula masyarakat perlu diteruskan dan dikekalkan untuk mencapai perpaduan negara.

## **BAB 4 : PEMBANGUNAN SUMBER MANUSIA**

### **I. PENDAHULUAN**

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME), 1981-85, arah aliran penduduk terus menunjukkan kadar pertumbuhan yang tinggi. Pertumbuhan tenaga buruh adalah lebih cepat daripada pertumbuhan penduduk disebabkan oleh struktur umur yang menghasilkan pertambahan bilangan penduduk dalam kumpulan umur bekerja. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi yang lembab dalam tempoh tersebut telah menjejaskan pertumbuhan gunatenaga dan menyebabkan pengangguran semakin meningkat. Walaupun demikian, kekurangan buruh di sektor-sektor tertentu, khususnya dalam sektor perladangan, terus wujud seiring dengan bertambahnya penggunaan sumber-sumber tenaga buruh yang tidak penuh. Sungguhpun pekerjaan baru wujud dengan kadar yang perlahan, permintaan terhadap kemahiran peringkat tinggi dan yang khusus masih kukuh berikutan dengan adanya usaha mengembang dan mempelbagaikan asas ekonomi ke arah memperbanyakkan lagi industri yang berteknologi tinggi serta memperluas dan memperbaiki perkhidmatan-perkhidmatan sosial. Kekurangan kemahiran yang khusus juga dialami dalam tempoh ini. Usaha yang berterusan telah ditumpukan ke arah mengembang dan menyusun semula sistem pendidikan dan latihan bagi memenuhi keperluan tenaga manusia dengan lebih berkesan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), tenaga buruh akan terus berkembang pada kadar yang lebih cepat daripada penduduk. Pertumbuhan gunatenaga akan terjejas berikutan daripada pertumbuhan ekonomi yang dijangka kurang memuaskan berbanding dengan lima tahun sebelumnya. Oleh yang demikian, kadar pengangguran dijangka terus meningkat dan kadarnya adalah paling tinggi di kalangan golongan muda. Di samping itu, sektor-sektor yang pada lazimnya merupakan sektor utama yang mewujudkan pekerjaan, dijangka kurang mewujudkan pekerjaan baru. Penyesuaian dalam pasaran buruh perlu dilakukan untuk memudahkan pergerakan buruh antara sektor-sektor yang merosot dan yang berkembang. Pada masa akan datang, sektor swasta dijangka memberi sumbangan yang besar terhadap pertumbuhan gunatenaga, apabila sektor awam menghadapi masalah menyediakan pekerjaan.

Memandangkan pertumbuhan ekonomi yang perlahan, teras pembangunan tenaga manusia dalam tempoh ini adalah ke arah meningkatkan produktiviti tenaga kerja menerusi peningkatan kemahiran khususnya kemahiran pengurusan, saintifik dan teknik serta memaju dan meningkatkan daya kepimpinan dan keusahawanan. Usaha-usaha yang lebih akan dijalankan bagi menambah bilangan tenaga manusia terlatih dan mahir di semua peringkat untuk memastikan mereka ditempatkan secara berkesan untuk memenuhi keperluan tenaga manusia. Di samping sektor awam terus mengembangkan program-program latihannya, perhatian yang lebih akan diberi bagi meningkatkan

penyertaan sektor swasta dalam bidang latihan sesuai dengan usaha meningkatkan keberkesanan program-program pembangunan kemahiran bagi memenuhi keperluan negara.

## II. KEPENDUDUKAN

Perkembangan, 1981-85

**PERTUMBUHAN PENDUDUK.** Penduduk Malaysia bertambah pada kadar 2.6 peratus setahun daripada 13.9 juta pada tahun 1980 kepada 15.8 juta pada tahun 1985. Walau bagaimanapun, kadar tahunan pertumbuhan penduduk bagi Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak adalah berbeza. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-1, kadar pertumbuhan adalah paling rendah di Semenanjung Malaysia iaitu 2.5 peratus dan paling tinggi di Sabah iaitu 3.9 peratus. Kadar tahunan pertumbuhan penduduk di Sarawak adalah 2.7 peratus. Kadar pertumbuhan yang berbeza ini disebabkan sebahagiannya oleh perbezaan dalam tingkat kesuburan. Kadar kesuburan adalah paling rendah di Semenanjung Malaysia dan paling tinggi di Sabah. Kadar pertumbuhan yang tinggi di Sabah adalah juga disebabkan oleh penghijrahan antarabangsa berikutan daripada terdapatnya peluang-peluang ekonomi di negeri tersebut. Faktor ini telah menyebabkan taburan geografi penduduk berubah. Bahagian penduduk di Semenanjung Malaysia berkurangan sedikit iaitu daripada 82.7 peratus pada tahun 1980 kepada 82.1 peratus pada tahun 1985. Bahagian penduduk di Sabah bertambah daripada 7.6 peratus pada tahun 1980 kepada 8.1 peratus pada tahun 1985 dan di Sarawak daripada 9.7 peratus kepada 9.8 peratus.

Sebagaimana yang terdapat dalam tempoh-tempoh yang lalu, kadar tahunan pertumbuhan penduduk adalah sangat berbeza antara kumpulan ethnik. Di Semenanjung Malaysia dalam tempoh 1981-85, penduduk Melayu dan lain-lain Bumiputera bertambah pada kadar purata tahunan sebanyak 2.9 peratus berbanding dengan 1.7 peratus bagi kaum Cina dan 2.1 peratus bagi kaum India. Perbezaan ini terutamanya mencerminkan perbezaan dalam kadar kesuburan di kalangan kaum-kaum dan seterusnya menyebabkan bahagian penduduk mengikut kumpulan ethnik terus berubah, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-1. Pada tahun 1985, kaum Melayu dan lain-lain Bumiputera merupakan kira-kira 56.5 peratus daripada penduduk Semenanjung Malaysia, kaum Cina 32.8 peratus manakala kaum India 10.1 peratus berbanding dengan 55.1 peratus bagi kaum Melayu, 33.9 peratus bagi kaum Cina dan 10.3 peratus bagi kaum India pada tahun 1980. Pada tahun 1985, kaum Bumiputera merupakan 84.2 peratus daripada jumlah penduduk Sabah sementara kaum Cina merupakan 14.9 peratus berbanding dengan 82.9 peratus kaum Bumiputera dan 16.2 peratus kaum Cina pada tahun 1980. Di Sarawak, 70.1 peratus daripada penduduknya adalah kaum Bumiputera, sementara 28.7 peratus adalah kaum Cina pada tahun 1985 berbanding dengan 69.6 peratus kaum Bumiputera dan 29.2 peratus kaum Cina pada tahun 1980.

STRUKTUR UMUR. Kadar pertumbuhan penduduk mengikut kumpulan umur di Malaysia adalah berbeza, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-2. Dalam tempoh 1981-85, penduduk kanak-kanak yang berumur di bawah 15 tahun bertambah pada kadar purata 1.7 peratus setahun. Kadar ini didapati lebih rendah daripada kadar pertumbuhan golongan remaja dan muda iaitu 2.3 peratus. Golongan remaja dan muda ditakrifkan sebagai mereka yang berumur antara 15 hingga 24 tahun. Kadar tersebut adalah lebih rendah daripada 3.6 peratus bagi mereka yang berumur antara 25 hingga 64 tahun. Golongan tua, iaitu mereka yang berumur 65 tahun dan ke atas, bertambah pada kadar 2.5 peratus setahun. Perbezaan kadar pertumbuhan ini menyebabkan komposisi penduduk mengikut umur turut berubah. Bahagian penduduk yang berumur di bawah 15 tahun menjadi lebih kecil manakala bahagian kumpulan umur bekerja iaitu yang berumur 15 hingga 64 tahun, serta yang berumur 65 tahun ke atas telah meningkat. Oleh yang demikian, nisbah tanggungan umur, iaitu tanggungan bagi setiap 100 orang yang bekerja, berkurang daripada 76.9 pada tahun 1980 kepada 71.9 pada tahun 1985. Nisbah tanggungan ekonomi juga berkurang daripada 1:1.88 pada tahun 1980 kepada 1:1.83 pada tahun 1985. Ini bermakna bahawa pada tahun 1985, setiap orang yang bekerja menanggung 1.83 orang lain. Carta 4-1 menggambarkan nisbah tanggungan umur dan nisbah tanggungan ekonomi. insert Chart 4-1

KESUBURAN. Di Malaysia, arah aliran kesuburan terus berkurangan dalam tempoh 1980-83. Walau bagaimanapun, bukan semua kumpulan ethnik mengalami arah aliran ini. Di kalangan kaum Melayu dan lain-lain Bumiputera di Semenanjung Malaysia, arah aliran kesuburan meningkat pada awal tahun lapan puluhan disebabkan terutamanya oleh bertambahnya kelahiran yang ketiga, keempat dan kelima. Pada tahun 1983, kadar kesuburan keseluruhan (KKK) bagi kaum Melayu dan lain-lain Bumiputera adalah 4.53 berbanding dengan 4.47 pada tahun 1980. Ini bermakna bahawa wanita Melayu dan lain-lain Bumiputera pada puratanya mempunyai 4.53 orang anak pada tahun 1983. Sebaliknya, kadar kesuburan kaum Cina dan India terus berkurangan dengan pesatnya. Pada tahun 1983, KKK bagi kaum Cina adalah 2.72 berbanding dengan 3.14 pada tahun 1980 sementara KKK kaum India adalah 3.00 pada tahun 1983 berbanding dengan 3.38 pada tahun 1980.

Arah aliran kesuburan kaum Melayu dan lain-lain Bumiputera meningkat sejak kebelakangan ini antaranya disebabkan oleh pasangan yang berkahwin lewat masih mengekalkan saiz keluarga yang besar. Faktor lain ialah berkurangnya amalan perancang keluarga di kalangan pasangan kaum Melayu dan lain-lain Bumiputera. Kesuburan yang berkurang di kalangan kaum Cina dan India antaranya disebabkan oleh kelewatan umur perkahwinan kali pertama dan pertambahan penggunaan alat mencegah hamil. Arah aliran kesuburan bagi kaum Cina dan India menunjukkan keinginan untuk mempunyai saiz keluarga yang lebih kecil daripada masa lalu. Kesuburan di kalangan semua kaum di Sabah dan Sarawak juga didapati berkurang walaupun paras kesuburan suku kaum jauh lebih tinggi daripada paras kesuburan kaum Melayu dan lain-lain Bumiputera di Semenanjung Malaysia. Secara purata, suku-suku kaum di Sabah mempunyai enam orang anak, manakala di Sarawak, lima orang.

**KEMATIAN.** Kadar kematian terus berkurangan dalam tahun lapan puluhan. Di Semenanjung Malaysia pada tahun 1984, kematian bayi bagi tiap-tiap seribu kelahiran hidup adalah 17.5 berbanding dengan 23.9 pada tahun 1980. Kadar kematian bayi didapati berbeza antara kumpulan ethnik. Di kalangan kaum Melayu dan lain-lain Bumiputera, kadarnya adalah paling tinggi iaitu sebanyak 20.1 dan di kalangan kaum Cina kadarnya paling rendah iaitu 10.5 pada tahun 1984. Kadar kematian bayi yang berbeza ini menunjukkan perbezaan jangka hayat pada masa kelahiran. Di Semenanjung Malaysia, jangka hayat adalah 70.1 tahun; bagi kaum Melayu dan lain-lain Bumiputera 69.6 tahun berbanding dengan 72.6 tahun bagi kaum Cina dan 65.4 tahun bagi kaum India. Jangka hayat di Sabah dan Sarawak bertambah baik walaupun parasnya adalah lebih rendah daripada di Semenanjung Malaysia. Kemajuan ini disebabkan oleh pemakanan dan kesihatan keluarga yang lebih baik dan berkurangnya penyakit hasil daripada perkembangan dan peningkatan taraf perkhidmatan perubatan dan kesihatan serta kemajuan sosioekonomi di negeri-negeri tersebut. Pada tahun 1980, jangka hayat pada masa kelahiran adalah 63 tahun di Sabah dan 66 tahun di Sarawak.

**PENDUDUK MENGIKUT BANDAR DAN LUAR BANDAR.** Dalam tempoh 1981-85, kadar pembandaran meningkat dengan lebih cepat. Faktor-faktor yang menyebabkan keadaan ini termasuklah penghijrahan luar bandar ke bandar, kadar pertambahan semulajadi yang tinggi di bandar, pertumbuhan bandar-bandar baru dan perluasan kawasan pusat pentadbiran bandar. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-3, bahagian penduduk di kawasan bandar bertambah daripada 34.2 peratus pada tahun 1980 kepada 37.4 peratus pada tahun 1985. Pada tahun 1985, bahagian penduduk kawasan bandar di Semenanjung Malaysia adalah 41.1 peratus iaitu jauh lebih besar berbanding dengan 22.6 peratus di Sabah dan 19.2 peratus di Sarawak. Di Semenanjung Malaysia, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-4, penduduk Melayu dan lain-lain Bumiputera di bandar bertambah paling cepat. Bahagiannya telah meningkat daripada 37.4 peratus pada tahun 1980 kepada 41.3 peratus pada tahun 1985. Daripada jumlah penduduk bandar pada tahun 1985, kaum Cina merupakan 47.2 peratus dan kaum India 10.7 peratus.

Tinjauan, 1986-90

**PERTUMBUHAN PENDUDUK.** Penduduk Malaysia dijangka bertambah pada kadar 2.5 peratus setahun daripada 15.8 juta pada tahun 1985 kepada 17.9 juta pada tahun 1990. Perbezaan kadar pertumbuhan tahunan antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan berterusan dengan peratusan penduduk di Semenanjung Malaysia terus berkurang.

Perbezaan kadar pertumbuhan penduduk mengikut kumpulan ethnik pada masa sekarang dijangka berterusan dan bertambah luas pada masa akan datang. Di Semenanjung Malaysia, kadar kesuburan yang lebih tinggi bagi kaum Melayu dan lain-lain Bumiputera akan meningkatkan bahagiannya daripada 56.5 peratus pada tahun 1985

kepada 58.1 peratus pada tahun 1990. Peratusan kaum bukan Bumiputera akan berkurang selaras dengan kadar kesuburan mereka yang berkurang.

Kadar pertumbuhan penduduk bagi kumpulan-kumpulan umur yang berlainan dijangka terus berbeza dalam tempoh 1986-90, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-2. Berikutan daripada perbezaan ini, bahagian penduduk di bawah umur 15 tahun dijangka berkurang daripada 38.3 peratus pada tahun 1985 kepada 37.0 peratus pada tahun 1990. Bahagian kumpulan umur 15 hingga 64 tahun bertambah daripada 58.2 peratus pada tahun 1985 kepada 59.3 peratus pada tahun 1990. Walaupun bahagian kumpulan umur 65 tahun dan ke atas bertambah, kumpulan ini merupakan hanya 3.7 peratus daripada jumlah penduduk Malaysia pada tahun 1990 berbanding dengan 3.5 peratus pada tahun 1985. Hasil daripada perubahan ini, nisbah tanggungan umur keseluruhannya akan berkurang daripada 71.9 pada tahun 1985 kepada 68.6 pada tahun 1990 dan dengan ini meningkatkan potensi tabungan dalam ekonomi.

KKK dijangka berkurang dengan sederhana daripada 3.8 pada tahun 1985 kepada 3.5 pada tahun 1990. Walau bagaimanapun, perbezaan kesuburan mengikut kumpulan ethnik akan berterusan. Di Semenanjung Malaysia, kesuburan kaum Melayu dan lain-lain Bumiputera dijangka berkurang kepada 4.0 menjelang tahun 1990, sementara kesuburan kaum Cina dan India adalah setengah daripada kadar tersebut. Kesuburan bagi suku-suku kaum di Sabah dan Sarawak dijangka masih tinggi pada kadar 5.4 di Sabah dan 4.5 di Sarawak.

PEMBANDARAN. Kadar pertumbuhan penduduk bandar dijangka kekal pada paras yang tinggi dalam tempoh RML hasil daripada perkembangan sektor moden dan bandar-bandar yang sedia ada ertapeningkatan penghijrahan luar bandar ke bandar. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-3, penduduk bandar dijangka bertambah pada kadar 4.2 peratus setahun iaitu daripada 5.9 juta pada tahun 1985 kepada kira-kira 7.3 juta menjelang tahun 1990. Oleh yang demikian, bahagian penduduk bandar daripada jumlah penduduk dijangka bertambah daripada 37.4 peratus kepada 40.7 peratus dalam tempoh 1986-90.

Dengan meningkatnya penghijrahan kaum Melayu dan lain-lain Bumiputera ke kawasan bandar, adalah dijangka bahawa mereka akan terus mencatatkan kadar pertumbuhan yang tertinggi iaitu 6.0 peratus setahun. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-4, penduduk Melayu dan lain-lain Bumiputera di bandar dijangka bertambah daripada 2.2 juta kepada 3.0 juta, sementara bahagian mereka daripada jumlah penduduk bandar akan bertambah daripada 41.3 peratus kepada 45.6 peratus dalam tempoh tersebut. Menjelang tahun 1990, kaum Melayu dan lain-lain Bumiputera merupakan golongan yang terbesar daripada jumlah penduduk bandar di Semenanjung Malaysia. Kadar pertumbuhan penduduk Cina di bandar ialah 2.5 peratus setahun sementara kaum India 3.0 peratus setahun. Pada tahun 1990, kaum Cina merupakan 43.7 peratus daripada jumlah penduduk bandar berbanding dengan kaum India sebanyak 10.1 peratus.



DASAR BARU KEPENDUDUKAN. Arah aliran kesuburan dalam jangkamasa sederhana adalah selaras dengan pencapaian matlamat penduduk 70 juta menjelang tahun 2100. Kerajaan akan terus mengawasi arah aliran penduduk semasa bagi memastikan matlamat tersebut dicapai. Dengan pengumuman dasar baru kependudukan, usaha-usaha akan dijalankan bagi menambah kesedaran rakyat mengenai corak pembentukan dan hubungan keluarga serta cara-cara menjarakkan kelahiran dengan tumpuan khusus ke atas pembangunan dan kebajikan keluarga. Usaha-usaha juga sedang dijalankan bagi membentuk model pertumbuhan ekonomi-demografi yang lengkap untuk menilai kesan sosioekonomi daripada berbagai-bagai corak arah aliran pertumbuhan penduduk serta kesan pertumbuhan ke atas penduduk. Hasil kajian ini akan diambilkira dalam perancangan kependudukan akan datang.

### **III. TENAGA BURUH DAN GUNATENAGA**

Kemajuan, 1981-85

TENAGA BURUH. Tenaga buruh bertambah pada kadar purata 3.0 peratus setahun daripada 5.1 juta pada tahun 1980 kepada kira-kira 5.9 juta pada tahun 1985. Tenaga buruh bertambah lebih cepat daripada bilangan penduduk disebabkan oleh pertambahan penduduk dalam kumpulan umur bekerja serta meningkatnya keseluruhan kadar penyertaan tenaga buruh bagi kaum perempuan. Penduduk dalam kumpulan umur bekerja ditakrifkan sebagai mereka yang berumur di antara 15 hingga 64 tahun. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-5, pertumbuhan tenaga buruh adalah paling tinggi di Sabah iaitu 3.7 peratus berbanding dengan 2.9 peratus di Semenanjung Malaysia dan 3.4 peratus di Sarawak. Pertumbuhan yang tinggi di Sabah antara lain disebabkan oleh kemasukan pekerja-pekerja dari luar.

Dalam tempoh 1981-85, tenaga buruh muda yang terdiri daripada kumpulan umur antara 15 hingga 34 tahun merupakan kira-kira 61 peratus daripada jumlah tenaga buruh. Walau bagaimanapun, bilangan kemasukan buruh-buruh baru yang berumur di antara 15 hingga 19 tahun ke dalam pasaran buruh berkurang pada kadar 0.3 peratus setahun disebabkan terutamanya oleh pertambahan bilangan belia-belia yang masih bersekolah hingga ke peringkat menengah atas. Bahagian mereka yang berumur di antara 15 hingga 19 tahun dalam tenaga buruh telah berkurang daripada 13.1 peratus pada tahun 1980 kepada 11.1 peratus pada tahun 1985.

PERTUMBUHAN GUNATENAGA. Jumlah gunatenaga bertambah pada kadar 2.6 peratus setahun dalam tempoh 1981-85, berbanding dengan 3.6 peratus dalam tempoh 1976-80, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-6. Pertumbuhan keluaran yang perlahan dalam tempoh RME terutamanya dalam sektor pembuatan, perlombongan dan pertanian telah menjejaskan perwujudan pekerjaan. Ekonomi negara hanya mampu menyediakan kira-kira 651,600 pekerjaan baru berbanding dengan 808,200 orang yang memasuki tenaga buruh dalam tempoh ini. Oleh yang demikian, kadar pengangguran meningkat daripada

5.7 peratus pada tahun 1980 kepada 7.6 peratus pada tahun 1985, seperti yang ditunjukkan dalam Carta 4-2.

Satu perempat daripada jumlah bilangan pekerjaan yang diwujudkan dalam tempoh 1981-85 adalah dalam sektor PERKHIDMATAN KERAJAAN yang merupakan sektor kedua terbesar yang mewujudkan pekerjaan. Kebanyakan daripada perkembangan gunatenaga dalam sektor ini berlaku pada awal tempoh tersebut berikutan daripada operasi Isi Penuh. Dalam operasi ini, Kerajaan mengisi kekosongan-kekosongan dalam sektor Kerajaan supaya keupayaan pelaksanaannya diperkukuhkan. Sejak dari pertengahan tahun 1983, perkembangan gunatenaga dalam sektor ini adalah sederhana berikutan daripada pembekuan sebahagian daripada perwujudan jawatan baru dan pengambilan pekerja.

Gunatenaga dalam sektor PEMBINAAN mencatatkan kadar pertumbuhan yang paling pesat iaitu 7.0 peratus setahun. Ini adalah terutamanya disebabkan oleh kegiatan pembinaan yang berkembang pesat pada awal tempoh 1981-85 berikutan daripada pelaburan awam yang besar dalam infrastruktur fizikal serta kegiatan pembinaan sektor swasta. Sejumlah 108,500 pekerjaan baru diwujudkan, sebahagian besarnya pekerjaan di tapak binaan.

Pertumbuhan sektor PEMBUATAN yang perlahan dalam tempoh RME menyebabkan berkurangnya kadar pertumbuhan gunatenaga. Sektor pembuatan yang merupakan sektor utama mewujudkan pekerjaan dalam tahun tujuh puluhan hanya mampu menyediakan kira-kira 72,900 pekerjaan baru dalam tempoh 1981-85 berbanding dengan matlamat sebanyak 125,800 pekerjaan dalam RME. Kadar pertumbuhan gunatenaga dalam sektor pembuatan adalah sebanyak 1.9 peratus setahun dalam tempoh 1981-85 berbanding dengan 3.2 peratus yang dijangka dalam RME. Penyiasatan Perusahaan-Perusahaan Perkilangan Bulanan di Semenanjung Malaysia menunjukkan bahawa kebanyakan daripada pekerjaan baru yang diwujudkan adalah dalam industri pakaian, jentera elektrik termasuk elektronik, keluaran plastik, percetakan dan penerbitan serta logam asas dan keluaran-keluaran lain bukan logam. Industri-industri seperti tekstil, kayu dan perabut, bahan kimia, keluaran getah dan kasut kulit telah terjejas oleh pertumbuhan ekonomi yang perlahan dan mengalami masalah kekurangan gunatenaga.

Dalam tempoh 1981-85, anggaran semasa menunjukkan sejumlah kira-kira 42,300 pekerjaan baru diwujudkan dalam sektor PERTANIAN, berbanding dengan 70,000 yang dijangka dalam RME. Perwujudan pekerjaan yang kurang daripada matlamat ini disebabkan terutamanya oleh prestasi pertumbuhan yang lebih perlahan, penawaran buruh yang terbatas di luar bandar dan pelaburan yang rendah dalam sektor ini. Kekurangan buruh yang dialami pada akhir tahun-tahun tujuh puluhan berterusan ke awal tahun-tahun lapan puluhan, terutamanya dalam sektor perladangan. Bahagian gunatenaga sektor pertanian daripada keseluruhan gunatenaga berkurang daripada kira-kira 40 peratus kepada 36 peratus dalam tempoh RME.

Gunatenaga dalam sektor PERLOMBONGAN berkurang daripada 80,100 pada tahun 1980 kepada 60,500 pada tahun 1985 disebabkan terutamanya oleh berkurangnya gunatenaga dalam kegiatan perlombongan bijih timah yang merupakan komponen gunatenaga perlombongan yang utama akibat daripada penutupan lombong-lombong bijih yang kecil dan beberapa kapal korek berikutan daripada krisis pasaran timah antarabangsa baru-baru ini. Dalam tempoh ini, gunatenaga bagi kegiatan perlombongan yang lain khususnya petroleum dan gas didapati tidak berubah.

**PENGANGGURAN.** Kadar pengangguran yang lebih tinggi mencerminkan penggunaan buruh yang lebih rendah. Kadar pengangguran meningkat daripada 5.7 peratus pada tahun 1980 kepada 7.6 peratus pada tahun 1985. Jumlah penganggur pada tahun 1985 adalah 448,600 berbanding dengan 292,000 pada tahun 1980. Penyiasatan tenaga buruh yang terbaru menunjukkan bahawa kadar pengangguran adalah sangat tinggi di kalangan golongan muda, khususnya di kalangan mereka yang berumur di antara 15 hingga 19 dan 20 hingga 24 tahun. Kadar pengangguran di kalangan kumpulan-kumpulan umur ini adalah kira-kira tiga kali lebih tinggi daripada kadar pengangguran keseluruhannya. Kadar pengangguran bagi kumpulan umur 25 tahun ke atas berkurang dengan pesatnya. Jumlah penganggur yang berpendidikan formal semakin meningkat dan kadar pengangguran adalah paling tinggi di kalangan mereka yang berpendidikan peringkat menengah. Kadar pengangguran bagi kaum wanita terus lebih tinggi daripada kaum lelaki. Kadar pengangguran adalah lebih tinggi di kalangan wanita yang berpendidikan, khususnya pendidikan menengah.

Sebahagian besar penganggur adalah pencari kerja kali pertama. Data terbaru menunjukkan bahawa kira-kira 50 peratus daripada penganggur di Semenanjung Malaysia, 70 peratus di Sabah dan 50 peratus di Sarawak adalah pencari kerja kali pertama. Tempoh menganggur yang lama juga membuktikan kesulitan mendapat pekerjaan. Sebanyak kira-kira 25 peratus daripada penganggur menunggu setahun atau lebih sebelum mendapat pekerjaan. Jangkamasa mendapat kerja adalah lebih lama bagi kaum wanita berbanding dengan kaum lelaki.

Penyiasatan tahun 1985 yang dijalankan oleh Pertubuhan Perladangan Bersatu Malaysia (UPAM) menunjukkan bahawa ladang-ladang mereka kekurangan 10,000 pekerja pada tahun 1985. Penyiasatan ini meliputi 471 ladang yang keluasan puratanya 1,448 hektar. Ladang-ladang ini menggunakan seramai 114,195 pekerja. Sebahagian besar ladang-ladang yang diliputi oleh penyiasatan ini adalah di Johor, Negeri Sembilan, Perak dan Selangor.

**PRODUKTIVITI DAN UPAH.** Taraf pendidikan dan tahap kemahiran tenaga buruh yang bertambah baik serta penggunaan teknologi dan peralatan yang lebih meluas telah meningkatkan produktiviti tenaga buruh. Produktiviti ini diukur dengan nilai ditambah bagi setiap pekerja. Pada keseluruhannya, nilai ditambah bagi setiap pekerja meningkat daripada \$9,280 pada tahun 1980 kepada \$10,850 pada tahun 1985. Pertambahan keluaran bagi setiap pekerja adalah ketara dalam semua sektor. Produktiviti buruh bagi

sektor pembuatan dan pertanian mencatatkan tambahan sebanyak 3.0 peratus setahun. Bagi sektor perkhidmatan, produktiviti bertambah sebanyak 3.2 peratus setahun.

Upah telah meningkat di kebanyakan sektor ekonomi. Bagi sektor pertanian, data daripada Kementerian Buruh menunjukkan bahawa pendapatan bulanan purata bagi pemungut kelapa sawit meningkat daripada \$344 sebulan pada tahun 1980 kepada \$421 sebulan pada tahun 1984 berikutan daripada kenaikan harga kelapa sawit. Walau bagaimanapun, pendapatan penoreh ladang getah berkurang daripada \$259 kepada \$216 sebulan disebabkan sebahagian besarnya oleh harga getah yang lebih rendah. Bagi sektor pembuatan, data yang meliputi industri-industri terpilih menunjukkan bahawa upah meningkat dengan stabil sungguhpun kadar pertumbuhannya berbeza antara pekerjaan. Dalam sektor elektronik, pendapatan bulanan operator pengeluaran wanita meningkat daripada \$222 pada tahun 1980 kepada \$517 pada tahun 1983, sementara pendapatan bagi penyelia pengeluaran meningkat daripada \$484 kepada \$1,473 bagi tempoh yang sama. Pendapatan yang berbeza terus wujud bagi pekerja yang menjalankan kerja yang sama dalam industri-industri yang berlainan. Pada umumnya, industri yang mengeluarkan bahan-bahan tembakau, alat kenderaan motor, bahan-bahan kimia, alat dan jentera perindustrian, membayar upah yang lebih tinggi daripada industri-industri lain. Upah didapati berbeza mengikut lokasi perusahaan iaitu lebih tinggi di kawasan yang lebih maju di mana persaingan mendapatkan buruh adalah lebih tinggi. Bagi pekerjaan yang serupa, perbezaan upah antara lelaki dan perempuan terus wujud di kebanyakan industri walaupun jurang perbezaannya berkurangan.

**STRUKTUR PEKERJAAN.** Jadual 4-7 menunjukkan gunatenaga mengikut struktur pekerjaan dalam tempoh 1981-85. Semua kumpulan pekerjaan mencapai kadar pertumbuhan yang lebih tinggi daripada kadar pertumbuhan keseluruhan gunatenaga kecuali bagi pekerja-pekerja pertanian. Kumpulan pekerja pertanian bertambah dengan perlahan iaitu pada kadar 0.5 peratus setahun dan bahagian gunatenaganya berkurang daripada 38.7 peratus pada tahun 1980 kepada 34.9 peratus pada tahun 1985. Pekerja perkhidmatan mencatatkan kadar pertumbuhan yang paling tinggi iaitu 4.7 peratus setahun disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan industri perkhidmatan. Ini diikuti oleh kumpulan pekerja ikhtisas dan teknik yang bertambah pada kadar 4.4 peratus setahun. Bahagian gunatenaga dalam kumpulan ini telah bertambah daripada 6.0 peratus pada tahun 1980 kepada 6.5 peratus pada tahun 1985. Pertambahan ini disebabkan sebahagian besarnya oleh permintaan yang tinggi terhadap guru-guru dan kakitangan kesihatan selaras dengan usaha untuk menyediakan lebih banyak lagi perkhidmatan sosial. Bilangan pekerja pengeluaran bertambah paling banyak iaitu daripada 1.4 juta pada tahun 1980 kepada 1.6 juta pada tahun 1985. Kebanyakan daripada pertambahan ini adalah dalam sektor pembinaan, pembuatan dan pengangkutan. Jadual 4-8 menunjukkan pertumbuhan gunatenaga mengikut kumpulan pekerjaan dan sektor.

Prospek, 1986-90

**TENAGA BURUH.** Penduduk dalam kumpulan umur bekerja dijangka bertambah pada kadar 2.8 peratus setahun dalam tempoh 1986-90. Bagi kumpulan ini, bilangan yang memasuki pasaran buruh bergantung pada kadar penyertaan tenaga buruh (KPTB)■. Berdasarkan arah aliran keseluruhan KPTB yang terbaru, adalah dianggarkan bahawa tenaga buruh dalam tempoh 1986-90 akan mencapai 6.8 juta, atau pada kadar pertumbuhan sebanyak 2.8 peratus setahun. Seramai kira-kira 880,800 orang akan memasuki pasaran buruh dalam tempoh RML. Tenaga buruh wanita merupakan kira-kira 35 peratus daripada jumlah tenaga buruh.

**PERTUMBUHAN GUNATENAGA.** Dalam tempoh RML, prospek pertumbuhan gunatenaga berkurang berikutan daripada pertumbuhan ekonomi yang dijangka lebih perlahan. Kejatuhan harga barangan dan permintaan bagi barang-barang dan perkhidmatan yang dikeluarkan dalam negara akan menjejaskan pertumbuhan keluaran, dan mengakibatkan meningkatnya penggunaan sumber tenaga buruh tidak penuh. Oleh yang demikian, adalah dijangka bahawa pemberhentian dan pemindahan pekerja-pekerja yang sedia ada akan berterusan. Di samping itu, sektor-sektor yang lazimnya merupakan sektor utama menyediakan pekerjaan seperti perkhidmatan Kerajaan dijangka menyediakan pekerjaan baru yang berkurangan. Sektor-sektor pembuatan, perdagangan dan perniagaan serta pelancongan dijangka menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru kepada lebih ramai golongan muda dan berpelajaran yang memasuki tenaga buruh. Permintaan buruh dijangka bertambah sebanyak 2.3 peratus setahun dalam tempoh 1986-90. Sejumlah 645,200 pekerjaan baru dijangka diwujudkan dalam tempoh tersebut. Berikutan daripada kadar pertumbuhan gunatenaga yang lebih rendah ini, kadar pengangguran dijangka terus meningkat daripada 7.6 peratus pada tahun 1985 kepada 10.1 peratus pada tahun 1990, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-6.

Perkembangan pesat yang dicapai oleh sektor PERKHIDMATAN KERAJAAN pada masa lalu dijangka tidak berterusan dalam tempoh RML memandangkan batasan belanjawan yang dihadapi oleh Kerajaan serta matlamatnya untuk menghadkan perkembangan gunatenaga dalam sektor ini. Oleh yang demikian, sektor perkhidmatan Kerajaan dijangka menyediakan hanya kira-kira 14 peratus daripada jumlah pekerjaan baru dalam tempoh 1986-90 berbanding dengan 25 peratus dalam tempoh 1981-85.

Dalam tempoh ini, peranan sektor PERTANIAN dalam usaha mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru dijangka terus berkurangan, disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan keluaran yang lebih perlahan bagi beberapa barangan utama. Dalam tempoh 1986-90, gunatenaga pertanian akan berkembang pada kadar 0.5 peratus setahun. Kebanyakan daripada pekerjaan baru akan diwujudkan di rancangan pembangunan tanah baru yang dijalankan oleh agensi-agensi pembangunan tanah. Pengubahsuaian tanah lombong untuk tujuan pertanian, jika sesuai, dijangka turut menambah peluang-peluang pekerjaan khususnya bagi pekerja-pekerja lombong yang diberhentikan.

Sektor PEMBINAAN, sektor yang paling cepat berkembang pada tahun 1981-85 dijangka mewujudkan bilangan pekerjaan yang berkurangan berikutan daripada kemerosotan kegiatan pembinaan dalam tempoh 1986-90. Kemerosotan ini adalah disebabkan oleh berkurangnya perbelanjaan sektor awam untuk infrastruktur dan berkurangnya kegiatan pembinaan sektor swasta. Program khusus untuk membina 80,000 unit lagi rumah kos rendah setahun dalam tempoh 1986-88 sebagai sebahagian daripada langkah-langkah untuk meningkatkan pertumbuhan dan gunatenaga dijangka menjadi pendorong kepada pembentukan pekerjaan di sektor ini. Dalam tempoh RML, kegiatan pembinaan khususnya dalam pembinaan rumah kos rendah dan sederhana dijangka mewujudkan 98,000 pekerjaan baru. Ini menunjukkan pertumbuhan purata sebanyak 4.7 peratus setahun.

SEKTOR PERDAGANGAN BORONG DAN RUNCIT, HOTEL DAN RESTORAN dijangka menyediakan 198,100 pekerjaan baru dalam tempoh 1986-90. Ini merupakan 30.7 peratus daripada jumlah pekerjaan baru yang diwujudkan. Penyediaan pekerjaan yang lebih banyak adalah diperlukan dengan meningkatnya pemandaran. Gunatenaga dalam sektor borong dan runcit dijangka bertambah dengan banyaknya memandangkan kurangnya keupayaan ekonomi menyediakan pekerjaan serta kadar pertumbuhan gunatenaga yang perlahan dalam sektor perkhidmatan Kerajaan. Ini adalah memandangkan bahawa perdagangan runcit mudah diceburi kerana tidak banyak modal dan kemahiran yang diperlukan. Berikutan dengan galakan yang cergas diberi kepada sektor pelancongan pada masa ini, terdapat lebih banyak peluang untuk menambah gunatenaga dalam perniagaan hotel dan restoran.

Seiring dengan pertumbuhan keluaran yang dijangka lebih tinggi dalam tempoh 1986-90, gunatenaga dalam sektor PEMBUATAN dijangka berkembang pada kadar 2.6 peratus setahun dan merupakan 17.5 peratus daripada jumlah pekerjaan baru. Sektor-sektor kecil yang dijangka banyak mengeluarkan keluaran dan mewujudkan pekerjaan yang banyak adalah sektor kecil barang-barang logam, barang-barang galian bukan logam, jentera bukan elektrik dan alat pengangkutan. Berikutan dengan meningkatnya tumpuan sektor pembuatan terhadap perkembangan eksport dan kecekapan dalam keluaran, teknik-teknik pengeluaran akan menjadi lebih maju. Seterusnya, permintaan bagi tenaga buruh mahir akan meningkat.

Sektor KEWANGAN, INSURAN, HARTA RUMAH-TANAH DAN PERKHIDMATAN PERNIAGAAN dijangka menyediakan 19,300 pekerjaan baru dalam tempoh 1986-90 berbanding dengan 23,300 dalam tempoh 1981-85. Kadar pertumbuhan gunatenaga yang lebih rendah sebahagian besarnya dijangka disebabkan bilangan institusi kewangan dijangka tidak banyak bertambah bagi beberapa tahun akan datang. Di samping itu, bertambahnya penggunaan automasi dalam perkhidmatan bank dan institusi kewangan bagi meningkatkan kecekapan dan produktiviti akan mengurangkan keupayaan sektor ini menyediakan pekerjaan.

PENGANGGURAN. Anggaran semasa menunjukkan kira-kira 684,200 orang akan menganggur pada tahun 1990. Ini bermakna kadar pengangguran adalah 10.1 peratus pada tahun 1990 berbanding dengan 7.6 peratus pada tahun 1985. Kebanyakan daripada mereka yang menganggur adalah dijangka terdiri daripada lepasan sekolah menengah dan siswazah dalam kumpulan umur 15 hingga 24 tahun. Golongan yang baru memasuki tenaga buruh ini lebih berpelajaran akademik daripada kemahiran yang berkaitan dengan kerja. Oleh yang demikian, usaha-usaha yang lebih giat akan dijalankan bagi melengkapkan mereka dengan kemahiran-kemahiran yang sesuai untuk memudahkan mereka memperolehi pekerjaan. Kerajaan akan terus menyediakan perkhidmatan dan maklumat pasaran buruh yang baik dan akan mengawasi arah aliran pasaran buruh dengan teliti. Tumpuan atau kecenderungan pencari kerja kepada pekerjaan kolar putih, walau bagaimanapun, perlu diubah supaya selaras dengan bertambahnya keperluan terhadap pekerja mahir. Di samping itu, bekerja sendiri perlu diberi penekanan memandangkan keadaan ekonomi yang lembab khususnya di sektor perlombongan. Perubahan sikap adalah juga perlu. Tenaga buruh yang baru memasuki pasaran buruh perlu lebih berdikari, berdaya usaha dan mempunyai sikap bersaing.

Kerajaan akan terus mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk mengurangkan kadar pengangguran di negara ini. Selain daripada langkah-langkah yang disebutkan sebelum ini seperti pembinaan 80,000 unit lagi rumah kos rendah setahun dalam tempoh 1986-88 dan pengubahsuaian tanah lombong untuk kegunaan pertanian, Kerajaan akan membina jalanraya dan menjalankan kerja-kerja pembinaan jalan yang kecil yang banyak menggunakan tenaga buruh di kawasan luar bandar dan di kawasan bandar yang mundur. Ini termasuk pembinaan jalan kecil dan jalan penyambung untuk menyokong kegiatan pertanian dan industri kecil di kawasan-kawasan tersebut. Pelaksanaan segera program pembinaan lebuh raya, termasuk kerja-kerja membaiki dan menyelenggara, akan juga diberi tumpuan. Pertambahan penggunaan bahan-bahan tempatan seperti simen, keluli dan bahan-bahan binaan yang lain turut menambah peluang-peluang pekerjaan.

Bagi tujuan menyediakan gunatenaga tambahan dalam sektor pertanian, tanah-tanah akan disediakan kepada sektor swasta untuk menanam tanaman ladang yang berpotensi dan tanaman kontan dan ternak air. Pada masa yang sama, industri kecil dan industri kampung di luar bandar akan digiatkan semula untuk tujuan menyediakan peluang-peluang pekerjaan baru serta menjadi sumber pendapatan sampingan bagi isirumah di luar bandar.

Langkah-langkah juga akan diambil untuk melahirkan lebih ramai golongan yang bekerja sendiri khususnya di kawasan bandar dengan menyusun semula peraturan-peraturan yang berkaitan dengan industri penjaja kecil. Pihak-pihak berkuasa tempatan akan menimbang untuk melonggarkan atau menghapuskan peraturan melesen penjaja keculi untuk beberapa perniagaan yang khusus. Langkah-langkah ini akan menjadi lebih sempurna dengan penubuhan lebih banyak pasar malam dan pasar tani.

Satu program yang padat dan mengambil masa yang pendek bagi melatih dan memberi latihan semula kepada penganggur dalam bidang-bidang pertukangan yang mempunyai peluang pekerjaan akan dijalankan dan satu pasukan sukarela yang terdiri daripada para ikhtisas dan siswazah akan ditubuhkan untuk bekerja dalam projek-projek tertentu memandangkan pengangguran siswazah yang semakin meningkat. Langkah-langkah yang berkesan akan diambil untuk menyekat kemasukan baru pekerja-pekerja asing, sementara pendatang-pendatang haram khususnya yang menganggur dan bekerja sendiri dalam sektor perkhidmatan akan dihantar pulang ke negara asal.

**STRUKTUR PEKERJAAN.** Dengan jangkaan kejatuhan dalam pertumbuhan gunatenaga keseluruhannya, kebanyakan kumpulan pekerjaan dijangka bertambah pada kadar yang lebih perlahan berbanding dengan kadar dalam tempoh 1981-85, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-7. Walaupun demikian, semua kumpulan pekerjaan, kecuali bagi kumpulan pertanian, dijangka berkembang pada kadar yang lebih tinggi daripada pertumbuhan gunatenaga keseluruhannya. Kumpulan pekerja-pekerja ikhtisas dan teknik dijangka berkembang pada kadar 2.6 peratus setahun. Kebanyakan daripada perkembangan ini adalah disebabkan oleh permintaan yang tinggi terhadap guru-guru sekolah rendah dan menengah, diikuti oleh permintaan terhadap kakitangan perubatan dan kesihatan seperti doktor dan jururawat. Permintaan terhadap jurutera dan pembantu-pembantu jurutera juga dijangka bertambah bagi memenuhi keperluan sektor pembuatan yang memerlukan tenaga manusia mahir di peringkat tinggi dan khusus. Bilangan pekerja jualan dijangka berkembang pada kadar 3.6 peratus setahun, manakala bagi pekerja perkhidmatan adalah pada kadar 3.5 peratus setahun. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan industri-industri perkhidmatan, khususnya sektor perdagangan borong dan runcit, industri pelancongan, hotel dan restoran. Kebanyakan pertambahan gunatenaga, walau bagaimanapun, adalah dalam kategori pekerja-pekerja pengeluaran selaras dengan pertumbuhan yang dijangka bagi sektor-sektor pembuatan dan pembinaan.



#### IV. PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA

Kemajuan, 1981-85

Pertumbuhan ekonomi yang lebih perlahan dalam tempoh ini telah menyebabkan berkurangnya permintaan terhadap berbagai jenis tenaga manusia. Maklumat pasaran buruh menunjukkan bilangan kekosongan jawatan dan penempatan dalam pasaran pekerjaan berkurangan, khususnya bagi jenis pekerjaan pertanian dan pengeluaran. Kajian Perubahan Pekerjaan (ETS) yang dijalankan tiap-tiap suku tahun juga menunjukkan berkurangnya kadar perubahan jawatan mengikut pekerjaan. Mengikut kajian ini, sebilangan besar daripada pekerjaan mahir mengalami kadar perubahan pekerjaan kurang daripada 5 peratus menjelang pertengahan tahun 1983. Di peringkat ikhtisas, Biro Pekerjaan Ikhtisas, Kementerian Buruh telah mencatatkan bilangan pendaftar pekerjaan yang bertambah pada penghujung tahun 1984 dan ini menunjukkan bahawa pemegang-pemegang ijazah dan diploma lebih sukar memperolehi pekerjaan yang sesuai. Keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh pembekuan sebahagian daripada perwujudan jawatan dan pengambilan pekerja baru oleh sektor awam.

Walaupun pada keseluruhannya permintaan tenaga manusia adalah lembab, kekurangan tenaga mahir dalam bidang-bidang tertentu terus dialami dalam tempoh ini. Di peringkat mahir dan separuh mahir, ETS menunjukkan terdapatnya kekurangan tenaga mahir seperti operator mesin, juruteknik elektronik, pemasang mesin, tukang besi, pekerja pembentukan logam dan pembuat kabinet. Kajian yang dijalankan oleh Kementerian Buruh mengenai skim latihan perindustrian di sektor pembuatan pada tahun 1984 juga mengesahkan terdapatnya kekurangan tersebut. Walau bagaimanapun, hanya terdapat beberapa kekurangan kemahiran yang memerlukan jangkamasa latihan yang panjang.

Kekurangan tenaga manusia dalam bidang-bidang tertentu masih dialami di sektor awam. Berdasarkan kepada data Pusat Rekod Kakitangan, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA), terdapat kadar kekosongan yang tinggi iaitu kira-kira 30 peratus bagi jawatan pegawai undang-undang, perubatan dan veterina serta jurutera laut, elektronik dan kesihatan awam. Keperluan tenaga manusia dalam sektor pendidikan dan kesihatan terus meningkat selaras dengan tanggungjawab Kerajaan menyediakan kemudahan pelajaran serta perkhidmatan perubatan dan kesihatan. Permintaan yang tinggi terhadap guru terus bertambah berikutan dengan bertambahnya bilangan penduduk dalam lingkungan umur persekolahan serta pelaksanaan kurikulum baru sekolah rendah (KBSR) yang memerlukan nisbah kelas-guru ditingkatkan daripada 1:1.2 kepada 1:1.5. Sektor kesihatan menghadapi masalah kekurangan tenaga manusia yang mendesak, khususnya di peringkat pakar disebabkan perletakan jawatan oleh doktor dan pakar perubatan untuk memasuki sektor swasta serta berkembangnya perkhidmatan kesihatan dan perubatan. Kadar kekosongan yang tinggi dicatatkan bagi pakar-pakar, terutamanya dalam bidang pembedahan, bius, otodidak, x-ray, kaji penyakit, mata, HYPERSPECIALITIES serta telinga, hidung dan kerongkong (ENT).

Perancangan dan pembangunan tenaga manusia bertujuan untuk memastikan kekurangan tenaga manusia tidak akan menghalang pembangunan. Keutamaan yang tinggi terus ditumpukan kepada perkembangan dan penyemakan semula sistem pelajaran dan latihan bagi memenuhi keperluan tenaga manusia terlatih serta meningkatkan produktiviti tenaga kerja. Institusi-institusi perancangan dan latihan tenaga manusia telah meningkatkan usaha bagi mengawasi dan menilai keperluan kemahiran yang sentiasa berubah bagi melengkapkan tenaga kerja dengan kemahiran yang sesuai dengan jenis pekerjaan.

Berikutan dengan itu, langkah-langkah telah diambil untuk mengubahsuai dan mengemaskini kandungan kursus bagi memastikan kemahiran yang diperolehi adalah bersesuaian dengan kemahiran yang diperlukan oleh ekonomi. Usaha telah dijalankan bagi meningkatkan keupayaan mengurus di semua peringkat selaras dengan perkembangan dan bertambah rumitnya perusahaan perniagaan dan pengeluaran. Tumpuan juga diberi ke arah meningkatkan unsur-unsur teknologi dalam program latihan bagi menyokong proses perindustrian. Produktiviti dan kecekapan tenaga kerja telah ditingkatkan melalui perkembangan latihan dalam perkhidmatan dan program meningkatkan kemahiran di semua peringkat.

TENAGA MANUSIA PERINGKAT ATAS DAN PERTENGAHAN. Dalam tempoh ini, pelajaran peringkat tinggi dalam negeri terus berkembang dengan tertubuhnya dua buah lagi universiti iaitu Universiti Islam Antarabangsa (UIA) dan Universiti Utara Malaysia (UUM), sebagai tambahan kepada lima buah universiti dan dua buah kolej yang sedia ada. Lima buah kampus cawangan juga ditubuhkan dalam tempoh ini. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-9, bilangan pelajar di peringkat ijazah dan diploma di institusi-institusi ini meningkat pada kadar 83.8 peratus iaitu daripada 32,300 pelajar pada tahun 1980 kepada 59,300 pelajar pada tahun 1985. Bilangan pelajar bagi kursus diploma meningkat sebanyak 104.3 peratus berbanding dengan 71.3 peratus bagi kursus ijazah. Walaupun terdapat pertambahan bilangan pelajar yang ramai di peringkat pelajaran tinggi, bilangan pelajar di peringkat ijazah dan diploma hanya merupakan 1.7 peratus daripada jumlah pelajar di semua peringkat pengajian pada tahun 1985.

Kadar bilangan pelajar yang tinggi dalam bidang sains dan teknik terus dikekalkan selaras dengan usaha untuk menambah keluaran tenaga manusia peringkat atas dan pertengahan dalam bidang sains dan teknik. Nisbah siswazah sastera berbanding dengan sains dan teknik telah bertambah baik daripada 52:48 pada tahun 1980 kepada 50:50 pada tahun 1985. Bilangan pelajar dalam bidang sains gunaan dan kejuruteraan bertambah, khususnya dalam bidang elektronik, sains komputer dan kejuruteraan perindustrian. Keadaan ini adalah selaras dengan pertambahan permintaan tenaga manusia dalam bidang-bidang tersebut untuk menyokong proses perindustrian.

Di peringkat pertengahan, bilangan pemegang diploma dalam bidang kejuruteraan bertambah bagi memenuhi permintaan kakitangan kejuruteraan separa ikhtisas dalam

sektor perindustrian. Sejumlah 4,760 pemegang diploma kejuruteraan telah dikeluarkan oleh institusi-institusi berkenaan berbanding dengan 1,780 pemegang ijazah. Carta 4-3 menunjukkan pemegang ijazah dan diploma mengikut jenis pelajaran daripada institusi-institusi tempatan.

Keluaran siswazah sastera dan kemanusiaan di peringkat ijazah dan diploma terus kekal pada paras yang tinggi bagi memenuhi keperluan terhadap guru-guru sekolah menengah serta kakitangan pentadbiran dan pengurusan. Tumpuan telah diberi bagi menambah bilangan pelajar dalam bidang ekonomi dan perniagaan di peringkat ijazah. Di peringkat diploma, kursus-kursus seperti pengajian kesetiausahaan, sebaran am serta undang-undang dan pentadbiran diperbanyakkan lagi untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dalam bidang-bidang tersebut. Langkah-langkah telah juga diambil oleh institusi-institusi pengajian tinggi untuk mengubahsuai program untuk kursus-kursus dengan menyediakan lebih banyak lagi aspek pengurusan serta latihan yang lebih bercorak amali bagi memudahkan siswazah mendapat pekerjaan.

Sejumlah 26,800 siswazah di peringkat ijazah telah dikeluarkan dalam tempoh 1981-85. Daripada jumlah ini, 14,800 adalah dalam bidang sastera dan 12,000 dalam bidang sains dan teknik. Di peringkat diploma, sejumlah 22,800 pelajar telah dilatih. Daripada jumlah ini, 9,810 adalah dalam bidang sastera dan 13,000 dalam bidang sains dan teknik. Sebilangan besar pelajar-pelajar Malaysia juga dilatih di luar negeri. Pada tahun 1985, kira-kira 26,500 pelajar mengikuti kursus di institusi pelajaran tinggi luar negeri. Daripada jumlah ini, 20,000 mengikuti kursus peringkat ijazah dan kira-kira 6,500 di peringkat diploma.

**TENAGA MANUSIA MAHIR DAN SEPARUH MAHIR.** Dalam tempoh ini, program latihan kemahiran terus berkembang dengan pesatnya bagi memenuhi permintaan terhadap tenaga mahir dan separuh mahir yang bertambah berikutan daripada pertumbuhan industri pembuatan dan pembinaan. Bagi memenuhi permintaan ini, tiga sekolah menengah vokasional, tiga politeknik, tiga Institut Latihan Perindustrian (ILP) dan sebuah Institut Kemahiran Mara (IKM) telah ditubuhkan. Dengan tertubuhnya institusi-institusi ini serta bertambahnya kemudahan yang sedia ada, keluaran tenaga manusia mahir dan separuh mahir bertambah sebanyak 38.4 peratus dalam tempoh ini. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 4-10 dan Jadual 4-11, sejumlah 79,600 tenaga manusia mahir dan separuh mahir telah menerima latihan. Daripada jumlah ini, kira-kira 59 peratus adalah dalam bidang ketukangan kejuruteraan. Tumpuan yang khusus telah diberi kepada latihan ketukangan mekanik dan elektrik, selaras dengan bertambahnya permintaan bagi pekerja-pekerja terlatih dalam bidang tersebut.

Walaupun kadar keluaran dari institusi-institusi latihan kemahiran telah meningkat, kekurangan kemahiran dalam bidang tertentu dan ketidaksesuaian kemahiran terus menjadi masalah. Oleh yang demikian, usaha telah dijalankan oleh institusi latihan kemahiran untuk menyemak kurikulum dan mengubahsuai kursus-kursus bagi memastikan latihan yang diberi adalah selaras dengan kemahiran yang diperlukan oleh

industri. Kursus-kursus baru telah diperkenalkan bagi memenuhi keperluan majikan terhadap kemahiran-kemahiran baru serta mengambilkira teknologi yang sentiasa berubah. Perhatian yang khusus juga ditumpukan kepada perkembangan keupayaan pengurusan dan keusahawanan supaya peluang-peluang pekerjaan dalam pasaran buruh dapat ditambah.

Selain daripada latihan di institusi, latihan di tapak projek dan latihan dalam perkhidmatan turut menambah bilangan pekerja mahir. Dalam tempoh ini, program latihan di tapak projek bagi pekerja-pekerja binaan yang ditadbirkan oleh Jabatan Tenaga Rakyat telah melatih sejumlah 1,240 orang pekerja. Latihan di tapak projek bagi pekerja binaan juga dikelolakan oleh agensi-agensi lain seperti Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan Jabatan Kerja Raya (JKR). Program latihan dalam perkhidmatan terus dijalankan oleh agensi-agensi sektor awam seperti Lembaga Letrik Negara (LLN), JKR, Jabatan Perkhidmatan Pos dan Jabatan Telekom bagi memenuhi keperluan sendiri terhadap tenaga manusia yang khusus.

Usaha meningkatkan mutu dan tahap kemahiran menjadi lebih penting dengan penubuhan industri berat dan industri yang berasaskan teknologi tinggi. Pusat Latihan Pengajar dan Ketukangan Lanjutan (CIAST) yang mula beroperasi pada tahun 1984 menyediakan latihan meningkatkan kemahiran dan latihan lanjutan kepada sejumlah 406 orang tenaga mahir dalam jenis-jenis kemahiran berkaitan dengan kegiatan automotif, operasi mesin, membuat acuan, melebur logam, membentuk barang-barang logam, elektrik, elektronik dan peralatan. Dalam tempoh ini, sejumlah 390 orang pengajar dan penyelia telah dilatih. Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) menjalankan latihan bagi pekerja-pekerja dalam penggunaan teknologi, jentera dan peralatan yang lebih moden. Latihan bagi meningkatkan dan melanjutkan kemahiran di peringkat pertengahan dan lanjutan juga dijalankan oleh ILP dan IKM. Usaha-usaha lain untuk meningkatkan kemahiran pekerja tempatan dijalankan di bawah program latihan Dasar Pandang Ke Timur anjuran JPA. Sejumlah 920 pekerja telah dilatih di bawah program ini.

Di samping sektor awam, sektor swasta juga menyediakan latihan dalam perkhidmatan dan latihan sambil kerja bagi memenuhi keperluan kemahirannya sendiri. Sektor swasta juga turut menyertai kegiatan latihan menerusi penglibatan mereka dalam Lembaga Kemajuan Tenaga Manusia dan Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK) dalam usaha memajukan piawaian ketukangan dan sukatan latihan bagi latihan perindustrian.

Prospek, 1986-90

Teras utama pembangunan tenaga manusia dalam tempoh ini akan ditumpukan ke arah memastikan supaya sistem pendidikan dan latihan dapat memenuhi sepenuhnya keperluan tenaga manusia terlatih yang berpunca daripada pertumbuhan ekonomi. Langkah-langkah tegas akan diambil bagi memastikan supaya program-program

pendidikan dan latihan dibentuk dan diubahsuai supaya dapat memenuhi keperluan kemahiran yang sentiasa berubah dalam ekonomi dengan cara yang wajar dan pada masa yang sesuai berikutan daripada perubahan struktur dalam sektor pembuatan, pertanian dan perkhidmatan. Oleh yang demikian, usaha akan dibuat bagi mengurangkan program akademik dan meningkatkan unsur-unsur kemahiran dalam program pendidikan dan latihan. Di samping memperolehi kemahiran yang berkaitan dengan kerja, tumpuan juga diberi ke arah menanam dan membentuk nilai-nilai dan sikap yang positif seperti keupayaan memimpin dan keusahawanan di semua peringkat untuk menambah peluang pekerjaan di pasaran buruh. Pendidikan di peringkat tinggi dalam negeri akan dipertingkatkan, iaitu di peringkat tinggi dan pertengahan, untuk memenuhi keperluan yang bertambah terhadap tenaga manusia ikhtisas dan teknik bagi menyokong kegiatan perindustrian. Keutamaan akan ditumpukan kepada usaha menambah kursus dalam bidang-bidang sastera gunaan, sains gunaan dan teknik untuk memenuhi permintaan terhadap kemahiran pengurusan, saintifik dan teknik.

Penglibatan dan tanggungjawab sektor swasta yang bertambah dalam pembangunan kemahiran adalah penting bagi memastikan program-program latihan perindustrian adalah sesuai dengan kemahiran yang diperlukan oleh industri. Dalam tempoh RML, sektor swasta dijangka memainkan peranan utama dalam menentukan arah masa hadapan dan kemajuan latihan serta menambah peluang-peluang latihan. Di samping keperluan untuk menggunakan sumber tenaga manusia dengan sepenuhnya dan berkesan, usaha akan terus dijalankan bagi menambah produktiviti dan kecekapan tenaga kerja menerusi latihan, peningkatan kemahiran dan program-program latihan semula.

**TENAGA MANUSIA PERINGKAT ATAS DAN PERTENGAHAN.** Perubahan yang dijangka dalam ekonomi ke arah industri yang berteknologi tinggi, kegiatan penyelidikan dan pembangunan yang semakin penting serta usaha Kerajaan mengurangkan perbelanjaan bagi pendidikan di luar negeri untuk menjimatkan tukaran asing adalah dijangka memberi kesan terhadap arah, perkembangan dan kemajuan program pendidikan dan latihan di peringkat atas dan pertengahan. Sehubungan dengan ini, rancangan jangka pertengahan bagi pelajaran tinggi telah digubal bagi menyediakan panduan mengenai arah masa hadapan dan perkembangan pelajaran tinggi.

Keutamaan akan diberi ke arah menambah keluaran tenaga manusia ikhtisas dan teknik. Tumpuan akan diberi kepada pertambahan bilangan pelajar dalam bidang sastera gunaan, sains gunaan dan teknik bagi memenuhi permintaan yang bertambah terhadap kepakaran pengurusan, saintifik dan teknik. Bilangan pelajar dalam bidang sastera tulin akan dikekalkan bagi memenuhi permintaan yang berterusan terhadap guru-guru sekolah menengah. Bilangan pelajar dalam bidang sastera gunaan akan ditambah khususnya bagi kursus pengurusan selaras dengan keperluan yang bertambah bagi jawatan pengurus dan kemampuan mengurus sejajar dengan pemodenan ekonomi. Dalam bidang teknik, keutamaan akan diberi untuk memperluas kursus-kursus kejuruteraan di peringkat ijazah dan diploma khususnya dalam kejuruteraan elektrik dan

elektronik, kejuruteraan jentera dan kimia, selaras dengan pertumbuhan yang dijangka dalam sektor kecil elektrik dan elektronik, kejuruteraan dan kejuruteraan serta kimia dan plastik, seperti yang digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian. Bilangan pelajar yang mengikuti kursus sains tulen akan dikekalkan untuk memenuhi keperluan kakitangan penyelidikan saintifik bagi meningkatkan keupayaan penyelidikan dan pembangunan.

Program untuk kursus akan sentiasa diawasi dan dinilai selaras dengan keperluan kemahiran dalam ekonomi bagi memastikan terdapatnya keseimbangan di antara permintaan dan penawaran tenaga manusia di peringkat atas dan pertengahan. Usaha akan terus dijalankan oleh institusi-institusi pengajian tinggi tempatan untuk menilai, menyemak dan menyesuaikan kursus-kursus yang disediakan selaras dengan keperluan ekonomi. Program juga akan diubahsuai bagi memasukkan lebih banyak unsur-unsur kemahiran yang lebih bercorak pengurusan untuk memudahkan siswazah-siswazah mendapat pekerjaan.

**TENAGA MANUSIA MAHIR DAN SEPARUH MAHIR.** Pembangunan tenaga manusia mahir akan terus diberi keutamaan bagi memenuhi keperluan kemahiran dalam ekonomi khususnya di sektor perindustrian. Usaha membentuk kemahiran di peringkat pertengahan dan lanjutan akan menjadi bertambah penting bagi memenuhi keperluan kemahiran oleh industri yang berteknologi tinggi dan industri berat. Di samping itu, keupayaan memimpin dan keusahawanan akan diberi keutamaan bagi menambah peluang-peluang pekerjaan. Di sektor awam, kemudahan latihan perindustrian akan bertambah dengan siapnya lima ILP, 18

sekolah menengah vokasional dan lima politeknik. Dalam tempoh ini, sejumlah kira-kira 144,100 pekerja mahir dan separuh mahir akan dilatih, kebanyakannya dalam ketukangan jentera dan elektrik.

Di samping latihan di institusi-institusi awam, latihan dalam perkhidmatan bagi memenuhi keperluan jabatan masing-masing akan juga dijalankan oleh agensi-agensi sektor awam seperti Jabatan Perkhidmatan Pos, Jabatan Telekom, LLN dan JKR. Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS) akan terus menjalankan program latihannya sendiri bagi memenuhi keperluan kemahiran tertentu. Tumpuan akan terus diberi bagi menyediakan latihan untuk membentuk kemahiran di dalam teknologi penggerudian, penyenggaraan elektrik dan mekanik, pemprosesan petrokimia dan peralatan. Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) juga merancang untuk mendirikan institut latihannya sendiri untuk menyediakan latihan khusus yang bertujuan memenuhi keperluan tenaga manusia dalam industri berat. Peluang-peluang latihan sambil kerja dalam industri akan diutamakan bagi memastikan bidang kemahiran yang disediakan adalah bersesuaian dengan keperluan industri.

Peningkatan kemahiran dan latihan lanjutan akan memainkan peranan yang penting bagi meningkatkan keupayaan pengeluaran dan tahap kepakaran teknik tenaga kerja untuk memenuhi keperluan teknologi yang pesat berubah. Selaras dengan keperluan ini, CIAST akan memainkan peranan utama untuk menyediakan latihan bagi pengajar dan penyelia

ketukangan. Sejumlah kira-kira 8,960 pekerja mahir akan diberi latihan dalam bidang automotif, operasi mesin, membuat acuan, melebur logam, membentuk barang-barang logam dan peralatan. Dalam tempoh ini, ILP dan IKM akan memperluaskan program peningkatan kemahiran dan latihan kemahiran lanjutan.

Perkara yang diberi perhatian utama dalam pembangunan kemahiran ialah memastikan perkembangan serta kemajuan latihan memenuhi keperluan kemahiran pasaran buruh dengan berkesan dan masalah kemahiran yang khusus serta ketidaksesuaian kemahiran dikurangkan ke tahap yang minimum. Oleh yang demikian, usaha akan diambil bagi memastikan supaya institusi latihan kemahiran awam lebih bertanggungjawab menilai program-program untuk kursus dan lulusan-lulusan dari institusi berkenaan supaya mereka mudah mendapat pekerjaan dan program latihan yang sesuai untuk memenuhi keperluan pasaran buruh. Langkah-langkah ini termasuk menilai program latihan dari segi keberkesanan kosnya, mengawas pasaran buruh secara berterusan serta menjalankan kajian-kajian pengesanan.

Penilaian program latihan dari segi keberkesanan kosnya merupakan satu cara untuk menentukan kecekapan berbagai-bagai bentuk latihan yang digunakan dalam pembangunan tenaga manusia. Pengawasan pasaran buruh secara berterusan akan dijalankan oleh agensi-agensi latihan kemahiran untuk menilai perubahan permintaan jangka pendek dan sederhana bagi jenis-jenis kemahiran yang khusus. Perubahan permintaan tersebut menentukan jenis-jenis program latihan yang akan dikendalikan. Kajian pengesanan akan dijalankan dari semasa ke semasa untuk menilai keupayaan mendapat pekerjaan dan prestasi lulusan institusi latihan kemahiran. Kajian ini adalah bertujuan meningkatkan mutu latihan dan menyesuaikan program latihan. Di samping itu, penilaian dan kajian semula kurikulum dan kandungan kursus yang sedia ada akan dijalankan untuk mengambil kira perubahan-perubahan baru teknologi.

Perubahan dan pembangunan teknologi akan mengakibatkan sebilangan pekerja kehilangan pekerjaan. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian Buruh akan mengawasi keperluan mengadakan program latihan semula untuk memberi kemahiran baru kepada pekerja-pekerja yang hilang pekerjaan dengan kemahiran baru bagi membolehkan mereka bekerja di sektor-sektor lain yang berkembang pesat.

**TENAGA MANUSIA BAGI SEKTOR PERINDUSTRIAN.** Teras Pelan Induk Perindustrian ke arah pertumbuhan yang berasaskan eksport melalui pertambahan besar nilai ditambah bagi sektor pembuatan dalam negeri memerlukan kemahiran yang lebih tinggi dan khusus. Kemahiran tersebut adalah perlu memandangkan sektor pembuatan dijangka berubah daripada industri berbentuk pemasangan dan pemprosesan yang berteknologi rendah kepada pembuatan barang-barang dan komponen yang berteknologi tinggi. Nisbah antara jurutera dan juruteknik dengan pekerja pengeluaran dan pemprosesan yang rendah pada masa sekarang iaitu 1:35 berbanding dengan kira-kira 1:8 di setengah negara perindustrian perlu dipertingkatkan untuk mencapai produktiviti dan teknologi yang tinggi.

Usaha akan dijalankan untuk mengubahsuai dan memperluaskan program-program di institusi pendidikan dan latihan bagi memenuhi permintaan yang bertambah terhadap jurutera dan juruteknik, kakitangan penyelidikan dan pembangunan serta pegawai pemasaran. Tumpuan akan diberi untuk meningkatkan penggunaan buruh ke arah pencapaian imbangan antara produktiviti dan kos buruh yang boleh meninggikan daya saingan barang-barang keluaran Malaysia di pasaran luar negeri.

Perancangan dan pelaksanaan latihan perindustrian yang berkesan adalah penting untuk memenuhi keperluan tenaga mahir di sektor perindustrian. Menyedari hakikat ini, kajian telah dijalankan oleh Kementerian Buruh untuk menilai sistem latihan perindustrian dengan tujuan membentuk strategi latihan yang lebih berkesan. Kajian ini mendapati bahawa sebahagian besar daripada latihan yang diperlukan oleh industri boleh diadakan menerusi latihan sambil kerja dan hanya 3 hingga 5 peratus daripada tenaga kerja menerima latihan di institusi latihan. Permintaan yang rendah oleh industri terhadap lulusan dari institusi-institusi latihan adalah kerana industri tersebut pada masa ini hanya memerlukan kemahiran peringkat rendah bagi operasi pemasangan dan pemprosesan yang boleh dipelajari semasa bekerja. Walau bagaimanapun, latihan institusi menjadi lebih penting apabila sektor pembuatan berubah kepada industri yang menggunakan teknologi secara intensif yang memerlukan kemahiran lebih tinggi. Penubuhan sebuah lembaga latihan vokasional kebangsaan untuk merancang, menyelaras dan mengawasi latihan perindustrian akan dipertimbangkan. Sektor swasta dijangka memainkan peranan utama bagi menentukan arah dan memajukan latihan pada masa hadapan.

TENAGA MANUSIA BAGI SEKTOR AWAM. Usaha-usaha memperkemas dan memperkukuhkan struktur gunatenaga di sektor awam akan diteruskan bagi meningkatkan produktiviti dan kecekapan sektor ini. Kajian semula serta penilaian fungsi dan tanggungjawab jabatan-jabatan sektor awam akan dijalankan untuk mengurangkan pertindihan fungsi antara agensi bagi memastikan sumber-sumber tenaga manusia diurus dan digunakan dengan berkesan. Satu penelitian semula terhadap profil dan komposisi kemahiran yang sedia ada di sektor awam akan dijalankan bagi mewujudkan jentera yang lebih kemas dan cekap serta menggunakan berbagai jenis kemahiran dengan lebih sesuai. Dalam hubungan ini, JPA telah menerbitkan buku garis panduan perancangan tenaga manusia untuk dijadikan sebagai panduan kepada agensi-agensi di sektor awam dan meningkatkan kesedaran mereka terhadap pentingnya organisasi perancangan tenaga manusia yang berkesan. Langkah-langkah akan terus diambil untuk menyemai etika kerja dan nilai-nilai yang positif di kalangan kakitangan Kerajaan.

Walaupun pertumbuhan gunatenaga dalam sektor awam lebih perlahan berikutan daripada usaha-usaha memperkemas dan memperkukuhkan struktur gunatenaga dan batasan belanjawan, permintaannya terhadap tenaga manusia tertentu dalam sektor tersebut akan terus meningkat. Bilangan yang diperlukan bagi guru sekolah rendah dan menengah serta kakitangan perubatan dan kesihatan seperti doktor dan jururawat akan terus bertambah. Ini adalah selaras dengan tanggungjawab Kerajaan untuk menyediakan



pendidikan yang lebih meluas serta meninggikan mutu perkhidmatan kesihatan. Lebih ramai tenaga pakar diperlukan memandangkan bertambahnya penyediaan perkhidmatan pakar kesihatan. Oleh yang demikian, lebih banyak lagi program-program lepasan ijazah akan diadakan di dalam dan di luar negeri untuk melatih tenaga pakar di bawah anjuran bersama Kementerian Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan JPA.

Selaras dengan tumpuan yang diberi terhadap pembangunan sains dan teknologi, agensi-agensi penyelidikan sektor awam seperti SIRIM, Pusat Penyelidikan Atom Tun Dr. Ismail (PUSPATI), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI), Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM), Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) dan institusi-institusi pengajian tinggi akan memainkan peranan penting dalam menggalakkan penyelidikan dan pembangunan. Oleh yang demikian, usaha-usaha akan diambil untuk mengembang dan mempertingkatkan tahap kepakaran penyelidikan dan keupayaan agensi-agensi berkenaan.

**TENAGA MANUSIA BAGI SEKTOR PERTANIAN.** Usaha menggiatkan semula sektor pertanian di bawah Dasar Pertanian Negara (DPN) mempunyai implikasi terhadap jenis-jenis tenaga manusia yang akan diperlukan. Bagi memenuhi permintaan terhadap kemahiran teknik, pengurusan dan keusahawanan, langkah-langkah akan diambil bagi mengubahsuai kursus-kursus yang dijalankan oleh Universiti Pertanian Malaysia (UPM) untuk mempertingkatkan latihan amali dan pengajaran perniagaan tani serta kemahiran keusahawanan. Program-program latihan yang dijalankan oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA) dan institut-institut pertanian akan disusun semula untuk menyebarkan kemahiran dalam bidang pengurusan perniagaan dan kewangan. Kemahiran ini akan menjadi lebih penting selaras dengan penumpuan kepada pertanian bercorak perdagangan dan pengurusan ladang. Kemahiran petani yang sedia ada akan dipertingkatkan dari segi kemahiran perdagangan dan keusahawanan, pengurusan ladang dan pengurusan koperasi.

**TENAGA MANUSIA BAGI INDUSTRI PELANCONGAN.** Berdasarkan pertumbuhan industri pelancongan yang dijangka, langkah-langkah akan diambil bagi memenuhi keperluan tenaga manusia terlatih dan berpengalaman yang bertambah di peringkat pengurusan dan penyeliaan serta di peringkat mahir dan separuh mahir. Adalah dianggarkan sejumlah 29,600 pekerja diperlukan oleh industri perhotelan bagi tempoh RML. Usaha-usaha latihan akan dipertingkatkan terutamanya melalui perkembangan program yang dijalankan oleh Institut Teknologi Mara (ITM), program latihan penyeliaan di bawah Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) dan program-program latihan yang dikendalikan sendiri oleh hotel-hotel. ITM akan mengubahsuai program latihannya untuk meningkatkan kegunaan dan kesesuaian program-programnya supaya selaras dengan keperluan-keperluan industri perhotelan.

Program-program latihan yang dijalankan dalam negeri belum mencukupi untuk memenuhi keperluan tenaga manusia industri perhotelan khususnya di peringkat

pengurusan. Oleh itu, tenaga manusia yang dilatih di luar negeri dijangka dapat menambahkan lagi bilangan tenaga manusia yang dilatih dalam negeri, khususnya di peringkat pengurusan dan penyeliaan. Hubungan di kalangan Perbadanan Pembangunan Pelancongan (TDC), institusi-institusi latihan seperti ITM dan PDPN, Persatuan Hotel-hotel Malaysia dan lain-lain agensi berkaitan akan diperkukuhkan bagi memastikan usaha-usaha latihan diselaraskan dengan baik.

**SUSUNAN INSTITUSI BAGI PERANCANGAN DAN PEMBANGUNAN TENAGA MANUSIA.** Usaha-usaha sedang dijalankan bagi memperkukuh dan melicinkan perjalanan jentera perancangan tenaga manusia di sektor awam dengan tujuan melaksanakan pendekatan perancangan pembangunan tenaga manusia yang lebih selaras dan berkesan. Antara langkah-langkah utama yang telah diambil oleh Kerajaan ialah penubuhan sebuah jawatankuasa kecil perancangan tenaga manusia di bawah Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Negara. Jawatankuasa kecil ini yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Negara akan bertindak sebagai sebuah badan penyelarasan dasar tenaga manusia untuk menyediakan dasar-dasar mengenai isu-isu tenaga manusia. Di samping menjalankan perancangan tenaga manusia di peringkat makro, Unit Perancang Ekonomi akan memainkan peranan sebagai agensi pusat yang bertanggungjawab bagi merancang, menyelaraskan dan mengawasi pembangunan tenaga manusia menerusi proses saling bertindak dan maklumbalas dari agensi-agensi sokongan. Dua buah agensi sokongan yang utama ialah JPA yang akan bertanggungjawab ke atas perancangan tenaga manusia sektor awam dan Kementerian Buruh yang bertanggungjawab ke atas penyelarasan perancangan tenaga manusia sektor swasta, pengawasan pasaran buruh dan penyelarasan latihan perindustrian.

Satu kajian mendalam yang bertujuan untuk mengukuhkan penggunaan dan pembangunan sumber tenaga manusia bagi memenuhi matlamat pembangunan negara akan dipertimbangkan. Kajian tersebut antara lain akan mengenalpasti keperluan tenaga manusia di peringkat sektor, pekerjaan dan kemahiran bagi menyediakan panduan ke arah pembangunan sumber tenaga manusia yang berkesan.

## V. PENUTUP

Berdasarkan pada pertumbuhan ekonomi yang semakin perlahan dalam tempoh RML, kadar pertumbuhan gunatenaga dijangka menjadi perlahan. Walau bagaimanapun, tenaga buruh akan tetap berkembang pada kadar yang agak tinggi. Oleh yang demikian, kadar pengangguran dijangka terus meningkat bagi tempoh ini. Sektor swasta terpaksa memikul beban mewujudkan peluang-peluang pekerjaan baru dalam beberapa tahun akan datang. Kerajaan akan terus menyediakan maklumat dan perkhidmatan pasaran buruh yang lebih baik bagi memudahkan pergerakan pekerja-pekerja antara pekerjaan, sektor dan wilayah. Pencari-pencari kerja seterusnya perlu mengubahsuai pilihan mereka yang lazim daripada pekerjaan kolar putih, terutamanya di sektor awam, kepada pekerjaan mahir di sektor swasta.

Selaras dengan permintaan yang dijangka bertambah terhadap tenaga manusia teknik dan mahir dalam RML, kemajuan kemahiran akan menjadi lebih penting dalam pembangunan sumber tenaga manusia. Oleh itu, usaha-usaha pembangunan kemahiran akan diubahsuai khusus untuk memenuhi kemahiran yang diperlukan oleh ekonomi. Selaras dengan ini, penglibatan sektor swasta dalam latihan kemahiran akan menjadi bertambah penting. Tumpuan yang lebih akan diberi ke arah pendekatan perancangan pembangunan tenaga manusia yang lebih selaras dan berkesan.

## **BAB 5 : PEMBANGUNAN WILAYAH BANDAR**

### **I. PENDAHULUAN**

Pembangunan wilayah mempunyai tujuan mengurangkan jurang pembangunan ekonomi antara wilayah. Beberapa matlamat negara seperti penyediaan, penambahan dan pemodenan kemudahan awam bagi tujuan memperbaiki lagi taraf hidup penduduk di wilayah kurang maju, dapat dicapai menerusi pembangunan wilayah. Matlamat-matlamat pembangunan wilayah ini dicapai menerusi penggunaan sepenuhnya sumber-sumber alam semulajadi, tenaga manusia dan kewangan di samping pempandaran yang dirancang bagi kawasan terpilih. Penghijrahan buruh dari kawasan-kawasan yang kurang sumber ekonomi ke kawasan-kawasan yang berkeupayaan besar untuk berkembang boleh membantu pencapaian matlamat pembangunan wilayah. Proses pempandaran juga membolehkan penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang lebih baik kepada penduduk luar bandar yang tinggal di sekitar bandar dan dengan demikian memberi peluang untuk mereka menikmati mutu kehidupan yang lebih baik.

Batasan-batasan sumber pembangunan yang dialami oleh negara berikutan daripada kemelesetan ekonomi yang berterusan sejak beberapa tahun kebelakangan ini memerlukan Kerajaan menjadual semula atau menangguhkan beberapa projek utama di bawah Rancangan Malaysia Keempat (RME) yang bertujuan menggerakkan lagi usaha-usaha pembangunan wilayah. Tindakan menjadual semula atau menangguhkan projek-projek tersebut telah menjejaskan usaha pembangunan, khususnya di wilayah-wilayah kurang maju. Walau bagaimanapun, secara keseluruhannya pembangunan wilayah telah berjaya meningkatkan pendapatan dan memperbaiki taraf hidup serta menyediakan kemudahan awam dengan lebih seimbang. Program-program pembangunan wilayah, khususnya yang telah dilaksanakan oleh lembaga-lembaga kemajuan wilayah (LKW), telah memberi faedah kepada Bumiputera yang merupakan kumpulan sasaran utama dan kumpulan-kumpulan ethnik lain. Faedah ini diperolehi melalui penyertaan mereka dalam pelbagai program dan perwujudan kegiatan serta peluang ekonomi menerusi rangkaian ke hadapan atau ke belakang bagi program-program wilayah.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), negara akan terus mengalami kekurangan sumber dan selaras dengan keadaan ini pembangunan ekonomi wilayah akan ditujukan ke arah memperkukuhkan usaha-usaha untuk memastikan penggunaan sumber-sumber secara lebih cekap. Selanjutnya, pembangunan industri dan bandar akan mengambilkira keadaan pasaran semasa dan kesesuaian ekonomi sesuatu kawasan, sementara usaha-usaha akan diteruskan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk luar bandar, antara lain, dengan mempergiatkan semula sektor pertanian dan melaksanakan program-program pempandaran luar bandar.

## II. RANGKA DASAR PEMBANGUNAN WILAYAH

Kebanyakan perancangan dan pelaksanaan program pembangunan di peringkat subnasional dibuat berasaskan negeri. Berbeza dengan konsep wilayah, negeri merupakan unit politik yang tersendiri. Walau bagaimanapun, perancangan dan pembentukan program berasaskan negeri mempunyai beberapa kelemahan kerana pendekatan ini gagal mengambilkira faedah projek besar di sesebuah negeri yang juga dapat dinikmati oleh negeri-negeri jirannya. Pendekatan ini juga tidak mempertimbangkan bahawa pusat-pusat bandar besar boleh menyediakan perkhidmatan khusus untuk kawasan yang lebih luas, melampaui sempadan sesebuah negeri. Projek pembangunan tertentu yang dilaksanakan di sesebuah negeri menggunakan tenaga kerja dan modal dari negeri lain. Pendapatan dan simpanan yang dihasilkan oleh projek ini serta kegiatan-kegiatan ekonomi lain, bukan sahaja telah membangunkan negeri berkenaan melalui penggunaan atau pelaburan lanjutan tetapi juga kepada negeri-negeri jiran di wilayah tertentu yang turut membekalkan sumber-sumber. Perancangan program-program yang berasaskan pelbagai negeri dapat mengurangkan pertindihan dalam pelaburan serta projek-projek infrastruktur. Selain daripada itu, perancangan tersebut membolehkan negeri-negeri menikmati bersama sumber pembangunan serta mengeratkan kerjasama di antara negeri bagi menjalankan projek-projek untuk faedah bersama.

Pendekatan berdasarkan wilayah yang mengambilkira kawasan yang lebih luas sebagai asas perancangan, membolehkan negeri yang kurang sumber dan mengalami masalah pertumbuhan, mendapat faedah daripada usaha-usaha pembangunan yang dijalankan secara lebih menyeluruh di peringkat wilayah. Oleh itu, pendekatan asas bagi perancangan dan pelaksanaan di pelbagai agensi perlu disesuaikan semula bagi merangkumi perspektif wilayah yang lebih luas. Di samping itu, jentera perancangan dan pelaksanaan negara perlu disesuaikan supaya pendekatan berdasarkan wilayah dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Selaras dengan pendekatan berasaskan wilayah, huraian berikut akan ditumpukan kepada konsep wilayah sebagai rangka analisa di dalam dan di antara wilayah dan bukannya berasaskan negeri seperti yang telah diamalkan dalam Rancangan-rancangan yang lalu. Berikutan dengan itu, Malaysia boleh dibahagikan kepada enam wilayah iaitu Utara, Tengah, Timur, Selatan, Sabah dan Sarawak, seperti ditunjukkan dalam Peta 5-1. Setiap wilayah tersebut terdiri daripada sekumpulan negeri yang berjiran atau sebuah negeri sahaja dan kegiatannya berpusat sekurang-kurangnya di sebuah bandar besar. Bagi wilayah yang terdiri daripada beberapa negeri, kumpulan negeri tersebut adalah berasaskan tahap pembangunannya yang seragam atau hampir seragam, di samping mempunyai sumber dan kegiatan ekonomi yang sama. Bagi wilayah yang terdiri daripada satu negeri pula, Sabah dan Sarawak dianggap sebagai wilayah yang berasingan berasaskan keluasan, kedudukan dan ciri-ciri sosioekonominya yang tersendiri. Walaupun Johor iaitu Wilayah Selatan mempunyai ciri-ciri sosioekonomi yang serupa dengan negeri-

negeri lain di Semenanjung Malaysia, kadar pembangunan dan corak aliran sumber dipengaruhi sebahagian besar oleh kedudukannya yang berdekatan dengan Singapura.

### **III. KEMAJUAN, 1981-85**

Tinjauan terhadap pembangunan wilayah

Berbagai faktor sosioekonomi yang saling berkaitan bukan sahaja telah menyebabkan tahap pembangunan yang berbeza antara wilayah, tetapi juga mewujudkan ciri-ciri pembangunan yang tersendiri bagi wilayah-wilayah tertentu. Wilayah Utara mempunyai penduduk yang mudah berhijrah, sektor pembuatan yang besar tetapi mempunyai asas yang terhad dan sumber alam semulajadi yang merosot dengan cepatnya. Wilayah Tengah pula menerima penghijrah dalam negeri paling ramai berpunca daripada peluang-peluang pekerjaan yang terdapat dalam berbagai sektor ekonominya. Peluang-peluang pengusahaan sumber alam semulajadi di Wilayah Tengah terus terhad. Sebaliknya, pengusahaan sumber di Wilayah Timur adalah pesat. Walaupun demikian, kegiatannya dalam pengeluaran hidrokarbon dan pembangunan tanah belum lagi memberi faedah sepenuhnya kepada sektor pembuatan. Wilayah Timur juga menerima penghijrahan masuk bersih penduduk, sebahagian besarnya bertujuan menyertai rancangan pembangunan tanah. Wilayah Selatan mempunyai struktur ekonomi yang lebih seimbang tetapi wilayah ini mengalami penghijrahan keluar penduduk dan sumber alam semulajadinya pula telah berkurangan dengan cepat. Di Wilayah-wilayah Sabah dan Sarawak, sumber alam semulajadi masih banyak dan pengusahaannya merupakan kegiatan ekonomi yang utama di kedua-dua wilayah ini. Kemasukan secara besar-besaran penghijrah dari negara-negara jiran telah mempengaruhi struktur penduduk Wilayah Sabah.

Wilayah-wilayah Utara dan Tengah mempunyai jumlah penduduk yang paling ramai di negara ini pada tahun 1985. Penduduk di kedua-dua wilayah tersebut berjumlah kira-kira lapan juta orang ataupun lebih 50 peratus daripada penduduk negara dengan Wilayah Utara mempunyai bahagian yang lebih besar iaitu sebanyak 28 peratus, seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-1. Jumlah penduduk di wilayah-wilayah lain adalah jauh lebih rendah dan Wilayah Sabah mempunyai bahagian yang paling kecil iaitu sebanyak tujuh peratus.

Dari segi tanah yang sesuai untuk pertanian, Wilayah Sabah mempunyai bahagian yang paling besar iaitu 38 peratus, diikuti oleh Wilayah Timur. Kedua-dua wilayah ini, jika digabungkan, mempunyai lebih daripada tiga juta hektar atau lebih 70 peratus daripada keseluruhan tanah yang sesuai untuk pertanian yang belum dimajukan di negara ini, sementara Wilayah-wilayah Utara dan Tengah secara gabungan hanya mempunyai kurang daripada 10 peratus.

Di samping kekurangan tanah yang sesuai untuk pertanian, tanah terbiar yang terdapat secara meluas juga merupakan batasan utama terhadap pengusahaan sepenuhnya sumber alam semulajadi. Sejumlah 595,000 hektar atau 80 peratus daripada tanah terbiar di Semenanjung Malaysia adalah terbahagi hampir sama rata di Wilayah-wilayah Timur dan Utara. Walau bagaimanapun, Wilayah Sarawak mempunyai kawasan tanah terbiar paling luas melebihi 2.2 juta hektar, sebahagian besarnya disebabkan amalan pertanian tradisional oleh penduduk tempatan.

Pertumbuhan sektor pertanian di semua wilayah adalah perlahan. Walau bagaimanapun, sektor ini terus memberi sumbangan utama kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) di kebanyakan wilayah, seperti ditunjukkan dalam Jadual-jadual 5-2 dan 5-3. Pada tahun 1985, sektor ini telah menyumbangkan sekurang-kurangnya 20 peratus daripada jumlah KDNK di semua wilayah, kecuali Wilayah Tengah. Keluaran sektor pertanian adalah paling tinggi di Wilayah Utara tetapi kadar pertumbuhan keluaran dan produktiviti sektor ini adalah kurang menggalakkan berbanding dengan prestasi di wilayah-wilayah lain. Pertumbuhan keluaran dan produktiviti sektor pertanian adalah tertinggi di Wilayah Timur.

Berbanding dengan sektor pertanian, pertumbuhan sektor perlombongan di peringkat wilayah berkisar antara yang paling rendah dengan di antara yang paling tinggi, bergantung kepada jenis kegiatan perlombongan di sesuatu wilayah. Kegiatan perlombongan bijih timah di Wilayah-wilayah Tengah dan Utara telah merosot, manakala kegiatan pengeluaran petroleum dan gas di Wilayah-wilayah Timur, Sabah dan Sarawak mencatatkan pertumbuhan yang amat menggalakkan. Pertumbuhan yang pesat bagi sektor perlombongan di Wilayah Selatan adalah hasil daripada pengusahaan simpanan bauksit dan bijih besi.

Sektor pembuatan adalah penting di Wilayah-wilayah Tengah, Utara dan Selatan. Sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK mengikut wilayah ialah sebanyak 21 peratus bagi Wilayah Utara, 26 peratus bagi Wilayah Tengah dan 22 peratus bagi Wilayah Selatan berbanding dengan sebanyak 19 peratus di peringkat negara. Jumlah keluaran sektor pembuatan di ketiga-tiga wilayah ini adalah 88 peratus daripada keluaran negara. Keluaran sektor pembuatan di Wilayah Tengah adalah sekali ganda melebihi keluaran Wilayah Utara yang merupakan pengeluar kedua terbesar dalam sektor pembuatan. Prestasi pembangunan wilayah

Pembangunan sesebuah wilayah dapat dinilai dengan menggunakan petunjuk pertumbuhan secara kuantitatif dan perubahan dalam struktur ekonomi wilayah. Input fizikal dari segi sumber-sumber alam semulajadi dan tenaga manusia juga penting bagi pembangunan sesebuah wilayah kerana terdapatnya sumber-sumber tersebut serta pengusahaannya merupakan sebahagian daripada faktor yang menentukan tingkat pembangunan di berbagai wilayah.

WILAYAH UTARA. Pada tahun 1985, 27.6 peratus daripada penduduk negara tinggal di wilayah ini berbanding dengan 29.1 peratus pada tahun 1980. Pengurangan sebanyak 1.5 unit peratus tersebut disebabkan oleh penghijrahan secara besar-besaran ke Wilayah-wilayah Tengah dan Timur serta kadar pertumbuhan semulajadi yang agak rendah di Wilayah Utara. Jika dibandingkan dengan kadar pertumbuhan penduduk negara tahunan sebanyak 2.6 peratus, keempat-empat buah negeri di wilayah ini mengalami kadar pertumbuhan yang lebih rendah, antara 1.3 dan 2.0 peratus dalam tempoh tersebut.

Dari segi penawaran sumber alam semulajadi, Wilayah Utara mempunyai potensi yang sangat terhad. Hanya 5 peratus daripada jumlah tanah baru pertanian bagi negara terdapat di wilayah tersebut. Wilayah ini hanya mengeluarkan kira-kira 5 peratus daripada pengeluaran kayu balak negara yang sebahagian besarnya dihasilkan di Perak dan Kedah. Negeri Perak terus merupakan pengeluar utama bijih timah di wilayah ini dan juga negara tetapi pengeluarannya mengalami arah aliran jangka panjang yang semakin merosot.

Dari segi pembangunan ekonomi, Wilayah Utara mempunyai KDNK per kapita sebanyak \$3,162 atau 84 peratus daripada purata negara pada tahun 1985. KDNK per kapita wilayah ini berkembang pada kadar 2.4 peratus setahun dalam tempoh RME. Di antara empat buah negeri di wilayah ini, Pulau Pinang merupakan negeri termaju dengan KDNK per kapitanya 10 peratus melebihi purata negara, sementara KDNK per kapita negeri-negeri lain adalah di bawah purata negara iaitu dalam lingkungan 63 peratus bagi Kedah dan 85 peratus bagi Perak. Nisbah KDNK per kapita negeri kepada purata negara bagi semua negeri di wilayah ini adalah lebih rendah pada tahun 1985 berbanding dengan nisbah-nisbahnya pada tahun 1980. Nisbah-nisbah ini menunjukkan bahawa negeri-negeri tersebut telah berkembang secara perlahan dalam tempoh berkenaan.

#### Prestasi Pembangunan Wilayah

Dua daripada sektor-sektor utama wilayah ini iaitu pertanian dan perlombongan mengalami masalah pertumbuhan. Sektor pertanian berkembang pada kadar 2.2 peratus setahun, manakala sektor perlombongan mengalami pertumbuhan negatif sebanyak 1.5 peratus, berbanding dengan 3.4 peratus dan 6.0 peratus bagi kedua-dua sektor tersebut di peringkat negara. Dua tanaman utama di wilayah ini iaitu padi dan getah yang menyumbang lebih 55 peratus daripada jumlah pengeluaran pertanian telah hampir mencapai had perkembangan fizikalnya dari segi keluasan tanaman.

Dalam tempoh RME, sektor pembuatan berkembang pada kadar 4.0 peratus setahun. Negeri-negeri Perak dan Pulau Pinang menghasilkan sebahagian besar pertumbuhan keluaran sektor pembuatan di wilayah ini dan kedua-duanya menyumbang lebih 90 peratus daripada pertumbuhan tersebut. Penyediaan peluang-peluang pekerjaan juga lebih banyak terdapat dalam sektor pembuatan. Lebih kurang 13,000 daripada 15,000 pekerjaan dalam sektor ini terdapat di Perak dan Pulau Pinang. Usaha untuk menyebarkan industri ke Kedah dan Perlis di bawah dasar penyebaran industri



mencatatkan pencapaian yang rendah. Kawasan-kawasan perindustrian di Kedah dan Perlis, selain daripada kawasan-kawasan di Kulim dan Sungai Petani, mencapai kadar penempatan yang rendah.

Walaupun gunatenaga dan keluaran sektor pembuatan di Perak dan Pulau Pinang telah mencatatkan pertumbuhan, asas perindustrian di kedua-dua negeri tersebut masih terhad. Di Negeri Perak, lebih 40 peratus daripada gunatenaga sektor pembuatan terlibat dalam pengeluaran tekstil. Di Pulau Pinang pula, lebih 60 peratus daripada gunatenaga sektor pembuatan tertumpu dalam sektor kecil peralatan dan kejenteraan elektrik terutamanya elektronik. Industri elektronik yang mencapai perkembangan pesat pada tahun-tahun akhir tujuh puluhan dan tahun-tahun awal lapan puluhan di Pulau Pinang, telah menarik ramai pekerja wanita terutamanya dari Kedah dan Perak. Walaupun terdapat pengaliran masuk penghijrah, bilangan penduduk yang berhijrah keluar dari Pulau Pinang adalah lebih besar dan negeri tersebut mencatatkan penghijrahan keluar bersih penduduk. Sebilangan besar penghijrah dari Pulau Pinang, yang kebanyakannya terdiri daripada kaum lelaki dan lebih terpelajar jika dibandingkan dengan penghijrah masuk, telah berpindah ke Lembah Klang untuk mencari pekerjaan dalam kegiatan sektor moden.

Memandangkan pertumbuhan bilangan tenaga buruh yang semakin meningkat di wilayah tersebut serta jumlah pekerjaan yang terhad dalam tempoh RME, negeri-negeri pertanian seperti Kedah telah mengalami kadar pengangguran tertinggi di samping penghijrahan keluar penduduk yang berterusan. Keupayaan yang agak tinggi untuk mewujudkan peluang pekerjaan dalam sektor kedua di Pulau Pinang, telah menghasilkan kadar pengangguran yang rendah di negeri ini pada tahun 1985.

Bagi Negeri Perak, pertumbuhan ekonominya yang perlahan serta bilangan tenaga buruhnya yang besar dan berkembang pada kadar 1.6 peratus setahun merupakan faktor-faktor yang menyebabkan pengaliran keluar penduduk seramai kira-kira 90,000 dalam tempoh 1981-85. Penghijrahan keluar ini, kebanyakannya ke Lembah Klang dan Pahang, merupakan pengaliran keluar yang terbesar dari sesebuah negeri.

Dari segi petunjuk sosioekonomi, kadar-kadar kematian bayi bagi Kedah, Perak dan Perlis adalah lebih tinggi daripada purata negara, terutamanya pada tahun-tahun awal lapan puluhan. Kadar kematian bayi yang agak tinggi ini mempunyai kaitan dengan kejadian kemiskinan yang agak tinggi serta peluang-peluang yang terhad bagi penduduk luar bandar menikmati perkhidmatan dan kemudahan sosial. Negeri-negeri Kedah dan Perlis mempunyai purata pendapatan per kapita isirumah yang terendah di negara ini. Sementara itu, sebahagian kecil sahaja daripada penduduk di Kedah dan Perak menikmati kemudahan awam.

**WILAYAH TENGAH.** Wilayah ini menampung kira-kira satu perempat daripada penduduk negara dalam tempoh RME dan pertumbuhan penduduknya pada kadar 2.9 peratus setahun adalah lebih pesat daripada purata negara. Sebagai sebuah wilayah paling maju

serta paling pesat perindustrian dan pembandarannya, Wilayah Tengah menarik sebilangan besar penghijrah arah-bandar dari wilayah-wilayah lain. Penghijrahan masuk penduduk ini merupakan faktor utama yang menyebabkan bahagian penduduk wilayah tersebut meningkat sejak tahun-tahun enam puluhan. Dari segi penduduk mengikut negeri, Melaka dan Negeri Sembilan tergolong di antara negeri yang mencatatkan kadar pertumbuhan terendah di negara ini. Keadaan ini berlaku terutamanya disebabkan oleh kadar penghijrahan keluar penduduk ke negeri-negeri lain di wilayah tersebut iaitu Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kadar pertumbuhan yang perlahan yang dialami oleh Melaka dan Negeri Sembilan tidak begitu memberi kesan yang ketara kepada pertumbuhan penduduk wilayah ini disebabkan oleh pertumbuhan penduduk yang pesat di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang berkembang pada kadar pertumbuhan purata melebihi 3 peratus setahun.

Tanah hutan dan tanah baru yang sesuai untuk tanaman di Wilayah Tengah adalah terhad iaitu kurang 5 peratus daripada jumlah tanah hutan dan tanah baru di seluruh negara. Sumber-sumber yang terhad ini bermakna bahawa pertumbuhan ekonomi wilayah tersebut pada masa kini dan akan datang hendaklah dihasilkan menerusi kegiatan sektor-sektor kedua dan ketiga. Sektor pertanian yang agak kurang penting di Wilayah Tengah merupakan sektor keempat terbesar dari segi sumbangan kepada keluaran wilayah ini pada tahun 1980 dan telah merosot menjadi kelima terbesar pada tahun 1985.

Dari segi pembangunan ekonomi, wilayah ini adalah yang paling maju di negara ini dengan KDNK per kapita sebanyak \$5,322 atau 42 peratus lebih tinggi daripada purata negara pada tahun 1985. Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur merupakan penyumbang utama KDNK per kapita purata yang tinggi di wilayah ini. Pada masa lalu, kegiatan-kegiatan perlombongan bijih timah dan perladangan telah merupakan pendorong utama pembangunan Negeri Selangor tetapi sejak akhir-akhir ini kegiatan perindustrian di Lembah Klang menjadi daya penggerak utama. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan dan pusat perniagaan, kewangan serta kegiatan-kegiatan khusus negara ini telah mencatatkan KDNK per kapita paling tinggi iaitu lebih sekali ganda purata negara pada tahun 1985.

Jumlah tenaga kerja yang besar serta lengkap dengan pelbagai kemahiran dan pengkhususan telah membantu wilayah ini mengekalkan pertumbuhannya, terutamanya dalam kegiatan sektor-sektor kedua dan ketiga. Sektor-sektor yang berkembang lebih pesat daripada purata negara di wilayah ini ialah pembuatan; perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran; dan kewangan, insurans, harta rumah-tanah dan perkhidmatan perniagaan. Sektor perlombongan pula mengalami kekurangan keluaran. Sumbangan sektor pembuatan terhadap gunatena dan keluaran sektor pembuatan bagi negara keseluruhannya menunjukkan betapa pentingnya sektor ini di wilayah tersebut. Dalam tempoh 1981-85, kegiatan sektor pembuatan yang dinamik ini menyumbangkan lebih kurang 50 peratus daripada jumlah pertambahan keluaran sektor pembuatan dan 35 peratus daripada jumlah pekerjaan baru yang diwujudkan di negara

ini. Negeri Selangor menghasilkan 71 peratus sementara Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 20 peratus daripada pertambahan keluaran sektor pembuatan di wilayah ini.

Dalam tempoh RME, sebilangan besar pekerjaan telah diwujudkan dalam sektor-sektor kedua dan ketiga, terutamanya sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran. Di Negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, pertambahan pekerjaan dalam sektor perkhidmatan Kerajaan juga penting, terutamanya pada tahun-tahun awal lapan puluhan apabila Operasi Isi Penuh mula dilaksanakan.

Penduduk Wilayah Tengah menikmati mutu kehidupan yang terbaik di negara ini seperti yang digambarkan oleh petunjuk sosioekonomi bagi negeri-negeri di wilayah tersebut. Petunjuk-petunjuk ini memperlihatkan bahawa keempat-empat negeri di wilayah tersebut mempunyai bahagian penduduk yang paling ramai mendapat perkhidmatan dan kemudahan sosial. Negeri-negeri ini juga mempunyai kadar kematian bayi yang terendah serta pemilikan motokar dan motosikal yang terbanyak di negara ini. Dalam tempoh RME, pengurangan kadar kematian bayi di wilayah ini adalah amat menggalakkan terutamanya di Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Di kedua-dua negeri ini, kadar kematian bayi telah berkurang daripada 21 bagi tiap-tiap seribu bayi yang dilahirkan hidup pada tahun 1980 kepada 13 pada tahun 1985.

**WILAYAH TIMUR.** Pada tahun 1985, jumlah penduduk di wilayah ini merupakan 17 peratus daripada penduduk negara dan pertumbuhannya adalah lebih cepat daripada purata negara. Keadaan ini terjadi disebabkan terutamanya oleh dua faktor. Pertama, Pahang merupakan negeri penerima penghijrah yang paling ramai, sebahagian besar daripadanya menjadi peneroka rancangan-rancangan pembangunan tanah. Peneroka-peneroka ini mempunyai keluarga yang besar, tidak seperti penghijrah-penghijrah arah-bandar. Kedua, penghijrah luar bandar dan juga penduduk setempat mempunyai kadar kesuburan yang tinggi berbanding dengan kadar purata negara.

Kedudukan wilayah ini yang kaya dengan sumber alam semulajadi telah mempengaruhi corak pembangunan ekonominya. Wilayah ini mempunyai keluasan tanah baru terbesar yang sesuai untuk pertanian tetapi belum diusahakan sepenuhnya berbanding dengan keluasan tanah yang ada keseluruhannya. Wilayah Timur juga menghadapi masalah terdapatnya tanah-tanah pertanian yang diberi milik telah menjadi terbiar. Keadaan ini, antara lain, disebabkan oleh tenaga kerja yang semakin berumur yang tinggal di wilayah tersebut berikutan penghijrahan keluar tenaga buruh muda untuk mencari peluang-peluang pekerjaan yang lebih baik dan pemilikan tanah yang bukan sahaja tidak ekonomik malahan mengalami masalah tuan-tuan tanah yang tidak dapat dikesan.

Pada tahun 1985, Kelantan mempunyai KDNK per kapita terendah iaitu \$1,740 atau 46 peratus daripada purata negara sebanyak \$3,758. Walau bagaimanapun, pada tahun tersebut, KDNK per kapita Wilayah Timur bukan yang terendah disebabkan oleh KDNK per kapita yang tinggi bagi dua negeri lain dalam wilayah ini. Negeri Terengganu,

misalnya, mempunyai KDNK per kapita sebanyak \$4,719 dan tergolong dalam sebilangan kecil negeri yang mempunyai KDNK per kapita melebihi purata negara.

Ekonomi wilayah ini masih berasaskan kepada kegiatan sektor-sektor pertanian dan perlombongan. Sektor pertanian telah menyumbang sebanyak 34 peratus daripada KDNK wilayah ini pada tahun 1985. Kadar pertumbuhan sektor pertanian di wilayah ini sebanyak 5.3 peratus setahun adalah lebih pesat daripada purata negara. Pertumbuhan pesat ini adalah disebabkan oleh bertambahnya bilangan rancangan pembangunan tanah yang mula mengeluarkan hasil terutamanya di Pahang dan Terengganu di samping meningkatnya pengusahaan sumber hutan. Pertanian di Kelantan pula lebih banyak bergantung kepada pengusahaan hutan, penanaman padi dan penternakan haiwan dan kurang kepada pembangunan tanah secara besar-besaran.

Perlombongan merupakan sektor yang kedua terbesar di wilayah ini. Lebih 90 peratus daripada keluaran perlombongan di wilayah ini berpunca daripada pengusahaan minyak mentah dan gas asli di Terengganu. Kegiatan pengusahaan minyak mentah ini menghasilkan 43 peratus sementara kegiatan pengusahaan gas asli pula 26 peratus daripada pengeluaran negara. Hampir separuh daripada KDNK Terengganu adalah sumbangan daripada sektor perlombongan yang lebih banyak berasaskan petroleum. Galian-galian lain seperti bijih besi dan emas juga dihasilkan di wilayah ini. Kira-kira 60 peratus daripada pengeluaran emas mentah negara dikeluarkan dari Kawasan Tengah di Pahang.

Usaha-usaha untuk memajukan potensi yang berpunca daripada kegiatan petroleum di Terengganu telah berjaya mewujudkan beberapa industri intensif modal seperti sebuah loji penapis petroleum dan sebuah loji besi berongga serta billet di kawasan pantai Paka-Chukai. Walau bagaimanapun, rantai antara industri tersebut dengan ekonomi wilayah ini keseluruhannya masih belum wujud dan pelaburan swasta yang dijangkakan belum menjadi kenyataan.

Kegiatan-kegiatan sektor pembuatan masih memainkan peranan kecil di Kelantan dan Pahang walaupun berbagai-bagai program untuk menarik pelabur luar telah dijalankan. Hanya beberapa industri yang berasaskan sumber terutamanya pemprosesan minyak kelapa sawit dan kilang papan telah ditubuhkan. Kelewatan untuk menyiapkan kemudahan-kemudahan di Pelabuhan Kuantan adalah sebahagian daripada faktor-faktor yang telah menjejaskan penubuhan industri di kawasan-kawasan perindustrian terutamanya di Pahang.

Pengaliran masuk industri yang dijangkakan berikutan daripada usaha-usaha memperbaiki infrastruktur di wilayah ini secara besar-besaran tidak berlaku. Kekurangan tenaga buruh mahir juga menyebabkan keengganan pengusaha untuk melabur di wilayah ini. Sebahagian besar daripada penghijrah yang masuk merupakan pekerja tidak mahir.

Petunjuk-petunjuk sosioekonomi menggambarkan bahawa peningkatan mutu hidup di Wilayah Timur telah meningkat sedikit. Kadar kematian bayi telah turun daripada 29.7 bagi tiap-tiap seribu yang dilahirkan hidup pada tahun 1980 kepada 21.6 pada tahun 1985. Dalam tempoh ini, penyediaan perkhidmatan perubatan telah meningkat dan kemudahan awam telah bertambah baik. Sungguhpun demikian, penyediaan perkhidmatan dan kemudahan tersebut masih rendah jika dibandingkan dengan purata negara.

**WILAYAH SELATAN.** Walaupun Wilayah Selatan mengalami penghijrahan keluar penduduk, terutamanya buruh berkemahiran tinggi atau yang bercorak arah-bandar, wilayah ini telah berjaya menarik ramai peneroka ke rancangan-rancangan pembangunan tanah. Walau bagaimanapun, hampir semua tanah yang sesuai untuk pertanian telah diusahakan dan untuk mengubah struktur ekonomi, lebih banyak perhatian telah diberi bagi menggalakkan kegiatan-kegiatan pembuatan. Peralihan struktur ekonomi wilayah ini kepada kegiatan moden dapat dilihat menerusi sumbangan yang lebih besar dari segi keluaran oleh sektor-sektor kedua dan ketiga. Bahagian sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan meningkat daripada 4.7 peratus kepada 6.4 peratus, manakala bahagian sektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran meningkat daripada 9.9 peratus kepada 11.3 peratus. Walaupun bahagian sektor pembuatan telah berkurang, sumbangannya kepada pertambahan jumlah keluaran wilayah adalah paling besar.

Secara keseluruhannya, semua sektor mencapai prestasi yang agak memuaskan. Kebanyakan sektor, khususnya perlombongan; pembinaan; elektrik, gas dan air serta pengangkutan telah mencapai pertumbuhan pesat melebihi kadar purata negara kecuali sektor pertanian yang mengalami pertumbuhan sangat perlahan. Pertumbuhan industri pembinaan adalah hasil daripada pelaksanaan projek-projek sektor awam di samping perkembangan kegiatan untuk membina bangunan-bangunan kediaman. Pelaburan besar yang dibuat oleh sektor awam yang membekalkan kemudahan elektrik dan air paip kepada penduduk telah memberi sumbangan tinggi kepada pertumbuhan sektor elektrik, gas dan air. Bahagian penduduk yang mendapat bekalan air paip telah meningkat sebanyak 20 unit peratus iaitu daripada 49 peratus pada tahun 1980 kepada 69 peratus pada tahun 1985. Pembukaan Pelabuhan Pasir Gudang dan Lapangan Terbang Sultan Ismail di Senai telah memesatkan lagi pertumbuhan sektor pengangkutan di wilayah ini.

**WILAYAH SABAH.** Dalam tempoh RME, penduduk di wilayah ini telah bertambah dengan pesat menjadi 1.3 juta orang disebabkan oleh dua faktor iaitu kadar pertumbuhan semulajadi penduduk yang tinggi dan kemasukan penghijrah secara besar-besaran dari negara-negara jiran, terutamanya pada tahun-tahun tujuh puluhan. Berikutan daripada kadar pertumbuhan semulajadi ini dan kesan kesuburan yang tinggi di kalangan penghijrah wanita dalam lingkungan umur tertentu yang boleh melahirkan anak, wilayah ini mempunyai lebih ramai penduduk dalam kumpulan umur kurang daripada satu tahun hingga 14 tahun dalam tempoh RME.

Sumber-sumber alam semulajadi telah diusahakan secara berterusan untuk menghasilkan kegiatan-kegiatan produktif bagi tujuan mempercepat pembangunan sosioekonomi di wilayah ini. Kegiatan membalak telah dijalankan di kawasan seluas 1.3 juta hektar tanah hutan dan usaha ini telah menghasilkan sebanyak \$3,775 juta. Seluas 37,200 hektar tanah baru pula telah ditanam kelapa sawit dan koko oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Di samping itu, sektor perlombongan telah memberi sumbangan besar kepada jumlah KDNK wilayah ini menerusi pengusahaan lebih giat terhadap simpanan hidrokarbon dan tembaga.

Ekonomi Wilayah Sabah telah berkembang pada kadar yang tinggi sebanyak 7.2 peratus setahun sementara KDNK per kapitanya meningkat sebanyak 3.1 peratus setahun. Semua sektor, kecuali sektor-sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan; perkhidmatan Kerajaan dan perkhidmatan lain mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan yang jauh lebih tinggi daripada purata negara. Sektor pertanian yang menyumbang kira-kira 39 peratus keluaran wilayah ini pada tahun 1980 telah berkurang kepada 34 peratus pada tahun 1985. Permintaan buruh dalam sektor-sektor pertanian, pembinaan, pembuatan, serta perlombongan dan kuari tidak mendapat sambutan daripada buruh tempatan dan keadaan ini telah menyebabkan pengaliran masuk buruh yang lebih ramai dari negara-negara jiran. Oleh itu, kadar pengangguran telah meningkat di wilayah ini dan sebahagiannya disebabkan oleh pertumbuhan pesat tenaga buruh.

Penyediaan kemudahan awam yang lebih meluas telah berjaya memperbaiki taraf hidup penduduk dalam tempoh RME. Pengurangan kadar kematian bayi menunjukkan taraf kesihatan terus bertambah baik. Di samping itu, kemudahan kesihatan dan mutu pelajaran telah meningkat sedikit. Petunjuk-petunjuk sosioekonomi yang lain menggambarkan semakin ramai penduduk mendapat bekalan air paip dan elektrik. Bilangan motokar dan motosikal berdaftar bagi tiap-tiap seribu penduduk juga telah bertambah.

**WILAYAH SARAWAK.** Sarawak merupakan wilayah yang terbesar dari segi keluasan tanah tetapi mempunyai taburan penduduk yang rendah. Penduduknya berjumlah seramai 1.5 juta orang pada akhir tahun 1985. Dalam tempoh RME, kadar pertumbuhan penduduknya sebanyak 2.7 peratus setahun adalah lebih tinggi daripada kadar purata negara.

Dalam tempoh RME, peningkatan kegiatan mengusahakan sumber hutan telah menambahkan keluaran balak daripada 8.7 juta meter padu kepada 10.6 juta meter padu. Kegiatan ini berjaya menghasilkan sebanyak \$1,600 juta serta memberi pekerjaan kepada 96,000 orang dalam industri pembalakan dan perkayuan. Kira-kira 75 peratus daripada tanah yang sesuai untuk pertanian telah diusahakan melalui amalan pertanian pindah. Pengeluaran hidrokarbon juga membantu memperluaskan lagi asas ekonomi wilayah ini.

Dalam tempoh ini, pemprosesan gas asli cecair (LNG) di Bintulu telah bermula dan semua pengeluarannya dieksport ke Jepun di bawah kontrak jangka panjang.

Jumlah penduduk yang kecil di wilayah ini dan pertumbuhan ekonominya yang tertinggi iaitu 9.0 peratus setahun telah membolehkan KDNK per kapita wilayah ini berkembang pesat pada kadar 6.1 peratus setahun. Sektor perlombongan dan kuari telah berkembang pesat pada kadar 14.9 peratus setahun iaitu kadar yang paling tinggi berbanding dengan wilayah-wilayah lain. Pertumbuhan yang agak tinggi juga dicapai dalam sektor-sektor pengangkutan; elektrik, gas dan air serta perkhidmatan Kerajaan. Walaupun peranan sektor pertanian semakin berkurangan, sektor ini memberi peluang pekerjaan kepada lebih kurang 50 peratus daripada tenaga buruh yang bekerja dan juga golongan penganggur yang aktif mencari kerja.

Wilayah Sarawak bukan sahaja mencapai prestasi ekonomi yang baik, malah telah juga berjaya meningkatkan mutu kehidupan penduduknya. Kadar kematian bayi telah berkurang sebanyak 4.3 bagi tiap-tiap seribu bayi yang dilahirkan hidup, daripada 23.8 tiap-tiap seribu pada tahun 1980 kepada 19.5 pada tahun 1985. Jumlah penduduk yang menikmati bekalan air paip dan elektrik telah bertambah sebanyak 12 hingga 15 peratus lagi pada tahun 1985 berbanding dengan tahun 1980 walaupun penyediaan kemudahan awam di wilayah ini masih rendah daripada paras negara, antara lain, disebabkan oleh corak penduduk yang bertaburan.

#### Pembangunan bandar

Pembangunan bandar melengkapkan strategi mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah dan kawasan. Usaha mengukuhkan pusat-pusat bandar[ di negeri dan wilayah kurang maju, serta mewujudkan suatu sistem rangkaian bandar dalam wilayah tersebut mempunyai tujuan meluaskan lagi pembangunan bandar. Kedua-dua pendekatan ini dicapai menerusi pembinaan bandar di kawasan-kawasan LKW dan pelaksanaan projek-projek pembandaran di kawasan luar bandar. Langkah-langkah telah diambil bagi menggubal Dasar Pembandaran Negara (DBN) untuk dijadikan garis panduan kepada usaha-usaha pembangunan bandar.

Penduduk bandar telah bertambah sebanyak 23 peratus iaitu lebih cepat daripada penduduk luar bandar disebabkan oleh pertumbuhan pesat sektor industri, penghijrahan dari luar bandar ke bandar dan perluasan sempadan pentadbiran pusat bandar saiz sederhana seperti Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Taiping. Di samping itu, walaupun terdapat kekurangan buruh di kawasan-kawasan tertentu dalam sektor perladangan, daya serap buruh yang berkurangan dalam sektor pertanian menyebabkan lebih ramai penduduk bertumpu ke kawasan bandar untuk mencari pekerjaan. Pada tahun 1985, sejumlah 5.9 juta orang atau 38 peratus daripada jumlah penduduk negara tinggal di kawasan bandar, seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-4.

Dalam tempoh RME, enam buah pusat pertumbuhan wilayah iaitu Kuala Lumpur, Georgetown, Johor Bahru, Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu telah memainkan peranan penting bagi meningkatkan lagi kegiatan pambandaran di wilayah masing-masing. Pusat-pusat pertumbuhan bandar ini telah mempercepatkan lagi dan seterusnya membantu pertumbuhan bandar-bandar saiz sederhana di wilayah tersebut. Wilayah Utara mengalami kadar pertumbuhan bandar yang lebih rendah berbanding dengan wilayah-wilayah lain, sebahagiannya disebabkan oleh penghijrahan keluar penduduk. Wilayah Utara berbeza dengan wilayah-wilayah lain kerana terdapatnya perbezaan yang besar dalam tingkat pambandaran antara negeri-negeri di wilayah tersebut di mana Perlis mengalami tingkat pambandaran yang paling rendah. Wilayah ini juga dipengaruhi oleh pembangunan pusat-pusat bandar utama iaitu Georgetown dan Ipoh yang menyediakan perkhidmatan bertaraf tinggi. Sebagai sebahagian daripada strategi pembangunan bandar, pusat-pusat seperti Alor Setar, Kulim dan Sungai Petani telah memainkan peranan yang sewajarnya sebagai bandar-bandar saiz sederhana.

Penduduk bandar tertumpu di Wilayah Tengah yang mempunyai 40 peratus daripada jumlah penduduk bandar negara. Penumpuan penduduk ini telah menggalakkan perkembangan kegiatan-kegiatan perindustrian, perdagangan, kewangan dan pentadbiran di kawasan-kawasan sekitar Kuala Lumpur. Usaha meluaskan pembangunan bandar di dalam serta di luar Lembah Klang telah membantu memajukan bandar-bandar seperti Shah Alam, Bangi, Seremban dan Port Dickson. Walau bagaimanapun, bandar-bandar ini tidak mencapai matlamat jumlah penduduk masing-masing dengan sepenuhnya seperti yang diunjurkan dalam pelan struktur. Di Wilayah Timur, pertumbuhan pesat telah dicapai di sekitar pusat-pusat bandar utama iaitu Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuantan. Pertumbuhan bandar adalah ketara di kawasan pantai Terengganu, terutamanya di ibu negeri dan di bandar-bandar kecil seperti Chukai, Dungun dan Kerteh yang telah memainkan peranan sebagai pusat-pusat perkhidmatan bagi kegiatan petroleum dan gas asli.

Proses pambandaran semakin meningkat di Wilayah Selatan. Bandar Johor Bahru merupakan pusat pertumbuhan yang utama manakala kawasan antara Johor Bahru-Pasir Gudang pula berkembang sejajar dengan strategi pembangunan Johor Bahru metropolitan. Bandar-bandar lain iaitu Batu Pahat, Keluang dan Segamat juga berkembang. Sebaliknya, Wilayah-wilayah Sabah dan Sarawak mencatatkan kadar pambandaran yang rendah. Kadar pambandaran tersebut ada hubungannya dengan keadaan ekonomi yang banyak bergantung kepada kegiatan-kegiatan pertanian serta asas perindustrian yang terhad. Pembangunan bandar di wilayah-wilayah ini juga tidak tersebar secara meluas dan pembangunannya hanya tertumpu di beberapa pusat pertumbuhan yang besar iaitu Kota Kinabalu, Sandakan dan Tawau di Sabah serta Kuching, Miri dan Sibu di Sarawak.

Kawasan-kawasan bandar telah mendapat bekalan air paip dan elektrik dengan memuaskan. Pada tahun 1985, 93 peratus daripada penduduk bandar telah mendapat bekalan air paip dan 92 peratus mendapat bekalan elektrik. Selanjutnya, sistem



pembetulan najis yang dipusatkan telah dilaksanakan di Georgetown, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur dan Shah Alam.

Perkhidmatan bertaraf tinggi adalah perkhidmatan khusus yang hanya tersedia di pusat-pusat bandar besar. Perkhidmatan ini termasuklah perkhidmatan perubatan pakar, maktab dan universiti, bank saudagar dan perkhidmatan perniagaan khusus.

Meskipun kemajuan telah dicapai dalam pembangunan bandar, masalah-masalah dalam bandar seperti kesesakan lalulintas, sistem pengangkutan awam yang tidak cekap, kurangnya kemudahan perumahan bagi kumpulan berpendapatan rendah yang menimbulkan masalah penempatan setinggian serta pencemaran alam sekitar masih wujud. Daya serap yang lemah pusat-pusat bandar ini menunjukkan betapa pentingnya satu dasar pemandaran yang menyeluruh bagi mengawal pertumbuhan bandar. Berikutan dengan ini, DBN telah dimulakan pada tahun-tahun awal lapan puluhan. Fasa I kajian tersebut telah pun siap dan menghasilkan banyak maklumat mengenai sektor bandar. Fasa II kajian ini akan bermula pada awal tahun 1986 dan dijangka siap pada tahun tersebut. Seajar dengan matlamat untuk memastikan pusat-pusat bandar membangun secara teratur, pelan-pelan struktur yang bertujuan menyediakan cadangan-cadangan terperinci untuk pelaksanaan program bandar dan juga garis panduan telah disediakan bagi mengawasi pembangunan. Sehingga akhir tahun 1985, pelan-pelan struktur bagi Kuala Lumpur dan Johor Bahru telah siap. Dua belas lagi pelan struktur, antaranya ialah pelan-pelan struktur Seberang Perai di Wilayah Utara, Seremban di Wilayah Tengah dan Kuala Terengganu di Wilayah Timur, masih dalam berbagai-bagai peringkat penyediaan.

Dalam tempoh RME, program-program bandar baru yang dimulakan pada tahun-tahun tujuh puluhan telah terus dilaksanakan sebagai sebahagian daripada usaha menyebarkan pembangunan bandar. Bandar baru di kawasan-kawasan LKW mengalami pertumbuhan yang terhad. Sehingga akhir tahun 1985, seramai 188,000 keluarga atau 23.6 peratus daripada jumlah penduduk LKW yang mempunyai bandar baru telah ditempatkan di bandar-bandar baru, seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-5. Peneroka-peneroka yang berasal dari luar bandar ini, telah ditempatkan di bandar baru dan kawasan penempatan di Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Lembaga Kemajuan Wilayah Jengka (JENGKA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH) untuk membolehkan mereka menikmati berbagai-bagai perkhidmatan dan kemudahan bandar dengan lebih sempurna. Program-program bandar baru telah juga melibatkan penduduk luar bandar ke dalam kegiatan-kegiatan sektor moden yang produktif. Walaupun pembangunan industri besar mencapai kejayaan terhad, LKW telah berjaya membentuk infrastruktur asas dan memulakan daya usaha untuk mengusahakan sumber-sumber tempatan yang sedia ada. Beberapa industri kecil dan sederhana telah juga ditubuhkan di kawasan-kawasan LKW. Sebilangan besar industri-industri ini tertumpu di kawasan-kawasan DARA, KETENGAH dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA).

Walaupun terdapat kemajuan dalam program pembangunan LKW, ianya masih terhad dan penyediaan peluang pekerjaan yang bercorak bukan pertanian adalah perlahan serta tidak mencukupi. Di kawasan-kawasan DARA dan KETENGAH, misalnya, 80 peratus atau lebih daripada penduduk yang bekerja masih terlibat dalam sektor pertanian menjelang akhir tahun 1984. Bilangan penduduk yang tinggal di bandar-bandar baru LKW adalah kecil jika dibandingkan dengan jumlah yang tinggal di kawasan-kawasan sekelilingnya. Jika disatukan jumlah penduduk yang tinggal di kawasan-kawasan DARA, KEJORA, KETENGAH dan JENGKA, kurang satu pertiga daripadanya tinggal di bandar-bandar. Oleh itu, pembangunan bandar baru hanya memberi kesan yang terhad dalam usaha meningkatkan mutu kehidupan dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan kepada penduduk di kawasan-kawasan berhampiran bandar baru tersebut.

Strategi pembandaran kawasan luar bandar yang menyusun semula kampung-kampung yang sedia ada bagi membentuk pusat bandar telah mula dilaksanakan bagi mengukuhkan program LKW untuk meningkatkan lagi mutu kehidupan penduduk luar bandar menerusi penyediaan perkhidmatan dan kemudahan bandar. Setiap kampung akan mempunyai jumlah penduduk minimum seramai 2,500 orang. Kampung-kampung yang terlibat dengan program ini akan mendapat faedah daripada kegiatan-kegiatan industri kecil dan perkebunan secara koperatif di samping penyediaan infrastruktur asas dan perkhidmatan sosial dengan perbelanjaan minimum. Dua puluh tujuh projek perintis telah dikenalpasti dan sedang dirancang dan dilaksanakan dalam berbagai-bagai peringkat. Negeri-negeri yang telah mula melaksanakan semua projek di kawasan masing-masing ialah Johor, Kelantan, Melaka, Pahang, Perlis dan Pulau Pinang.

#### **IV. PROSPEK, 1986-90**

Tinjauan terhadap pembangunan wilayah

Dalam tempoh lima tahun yang akan datang, pembangunan wilayah akan disokong oleh pembentukan beberapa dasar. Dasar-dasar tersebut akan menjadi panduan bagi perancangan dan pelaksanaan program serta projek untuk mengambil faedah daripada sistem penempatan, agihan sumber-sumber mengikut kawasan dan keupayaan yang produktif serta rangkaian ekonomi di dalam dan di antara wilayah. Dasar-dasar ini akan dibentangkan dalam kajian-kajian Pelan Pengagihan Pertumbuhan Mengikut Kawasan dan DBN yang dijangka siap pada awal tempoh RML. Kedua-dua kajian tersebut yang akan menjadi asas untuk menyatukan perancangan pengagihan mengikut kawasan dengan perancangan dan pelaksanaan di peringkat makro, sektor dan projek, akan juga mengambilkira pelan-pelan dan dasar-dasar yang sedia ada di peringkat negara, termasuk Pelan Induk Perindustrian (IMP) dan Dasar Pertanian Negara (DPN).

Prospek pembangunan pada tahun-tahun akhir lapan puluhan akan diteliti berasaskan kepada arah aliran pembangunan masa lalu dan juga prestasi ekonomi negara yang dijangkakan. Wilayah-wilayah Utara dan Tengah dijangka terus mempunyai penduduk

paling ramai di negara ini, seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-6. Walau bagaimanapun, pada tahun 1990, peratusan penduduk di kedua-dua wilayah ini akan berkurang sedikit berbanding dengan peratusannya pada tahun 1985. Kadar kesuburan yang agak tinggi serta kemasukan penghijrah yang berterusan ke Wilayah-wilayah Timur dan Sabah akan menambahkan lagi jumlah dan peratusan penduduknya berbanding dengan keadaan di Wilayah-wilayah Tengah dan Utara. Wilayah Tengah terus menjadi tumpuan utama penghijrah dari wilayah-wilayah lain dan menjelang tahun 1990, wilayah ini akan mempunyai penduduk paling ramai di negara.

Struktur ekonomi wilayah secara keseluruhannya akan menempuh beberapa perubahan. Peranan utama yang dimainkan oleh sektor pertanian dijangka berkurang sedikit kecuali di Wilayah-wilayah Timur dan Sabah. Di kedua-dua wilayah tersebut, sektor pertanian akan memberi sumbangan terbesar kepada KDNK wilayah, seperti ditunjukkan dalam Jadual 5-7. Menjelang tahun 1990, sektor pembuatan akan menjadi sektor terbesar di Wilayah-wilayah Utara, Tengah dan Selatan, manakala sektor perlombongan akan terus menjadi sektor utama di Sarawak.

Usaha-usaha pembangunan pertanian di Wilayah Timur akan diperkukuh untuk mengusahakan sepenuhnya tanah yang luas. Rancangan-rancangan pembangunan tanah di wilayah ini terpaksa bersaing dengan rancangan-rancangan di wilayah lain bagi mendapatkan peneroka dari negeri-negeri yang biasanya mengalami penghijrahan keluar penduduk seperti Kedah dan Kelantan. Di samping itu, produktiviti sektor pertanian moden di wilayah ini lebih rendah berbanding dengan Wilayah-wilayah Tengah dan Selatan. Pertumbuhan yang pesat dalam sektor perlombongan yang lebih banyak berasaskan petroleum di Wilayah-wilayah Timur dan Sarawak pada tahun-tahun awal lapan puluhan dijangka berterusan.

#### Prospek pembangunan wilayah

**WILAYAH UTARA.** Dari segi sumber alam semulajadi, tanah baru yang sesuai untuk pertanian di wilayah ini adalah terhad iaitu hanya kira-kira 159,000 hektar atau 4 peratus daripada jumlah tanah baru yang sesuai untuk pertanian di negara ini dalam tempoh RML. Walau bagaimanapun, tanah terbiar yang ada adalah seluas 291,000 hektar. Oleh itu, satu strategi utama untuk meningkatkan keluaran sektor pertanian di wilayah ini ialah meninggikan lagi produktiviti dan memulihkan semula tanah terbiar tersebut supaya dapat digunakan secara produktif di samping memajukan tanah baru pertanian yang terhad. Sebagai satu langkah untuk mengelakkan sumber hutan daripada terus berkurangan, kegiatan-kegiatan penanaman semula di wilayah ini akan meliputi kawasan seluas 96,000 hektar atau satu perlima daripada keluasan kawasan yang akan ditanam semula di peringkat negara.

Di peringkat wilayah, KDNK per kapita bagi Wilayah Utara dijangka berkembang pada kadar 2.3 peratus setahun, lebih rendah daripada kadar pertumbuhan KDNK per kapita

negara. Pertumbuhan KDNK per kapita Perlis dan Pulau Pinang dijangka berkembang lebih pesat daripada pertumbuhan di peringkat negara dan mencapai kadar yang lebih tinggi daripada kadar yang dicapai oleh Kedah dan Perak.

Pertanian yang merupakan sektor terbesar di Kedah, Perak dan Perlis pada tahun 1985, akan terus menjadi sektor utama ekonomi negeri-negeri tersebut sehingga tahun 1990. Walau bagaimanapun, usaha-usaha pembaikan bidang pertanian pada masa hadapan akan dilaksanakan, terutama menerusi peningkatan produktiviti. Satu faktor penting yang menghalang tahap kemajuan sektor luar bandar di Wilayah Utara ialah keluasan kebun yang kecil, terutamanya di Kedah dan Perlis. Di kedua-dua negeri ini, tiap-tiap petani hanya memiliki tanah seluas 0.9 hektar berbanding dengan purata negara seluas 2.5 hektar. Pulangan yang rendah daripada kegiatan perkebunan berbanding dengan pulangan kegiatan sektor pembuatan di wilayah ini dan juga kawasan-kawasan lain mempercepatkan pengaliran keluar buruh dari kawasan luar bandar. Objektif utama pembangunan pertanian di wilayah ini ialah merapatkan jurang pendapatan antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar menerusi peningkatan pendapatan daripada kegiatan perkebunan ke tahap yang maksimum, perluasan saiz pemilikan kebun serta pengamalan cara baru dalam pengurusan dan struktur kebun.

Walaupun sektor pertanian merupakan sektor utama di tiga daripada empat buah negeri di Wilayah Utara, tetapi di peringkat wilayah sektor pembuatan akan menjadi sektor terbesar menjelang tahun 1990. Keluaran sektor pembuatan yang tertumpu di Pulau Pinang akan berkembang pada kadar 6.2 peratus setahun dan di Perak pada kadar 5.3 peratus setahun. Kedua-dua negeri ini akan menghasilkan lebih kurang 90 peratus daripada jumlah keluaran sektor pembuatan di wilayah tersebut pada tahun 1990. Asas perindustrian di kedua-dua negeri ini akan dipelbagaikan menerusi perkembangan dalam sektor pembuatan. Industri tekstil, kejuruteraan ringan dan pemprosesan makanan dijangka memberi sumbangan yang lebih besar kepada keluaran sektor ini. Menerusi langkah pelbagaian ini, sektor tersebut akan menjadi lebih stabil dan mewujudkan jenis pekerjaan yang memerlukan kemahiran dalam berbagai bidang. Pelaburan besar untuk menyediakan kemudahan infrastruktur serta perhubungan yang telah dimulakan pada tahun-tahun tujuh puluhan dan tahun-tahun awal lapan puluhan telah memperbaiki rantai di antara pusat-pusat pertumbuhan dan dijangka dapat memudahkan lagi proses pelbagaian sektor ini.

Sektor pembuatan yang agak kecil di Kedah dijangka meningkatkan kadar pertumbuhan tahunannya daripada 4.1 peratus kepada 5.1 peratus. Sebahagian besar kegiatan perindustrian negeri ini berpunca dari Kulim dan Sungai Petani. Pada tahun-tahun akhir lapan puluhan, keluaran sektor pembuatan di Perlis, terutamanya dalam industri-industri berasaskan sumber akan berkembang sedikit. Dalam tempoh tersebut, perluasan kegiatan sektor pembuatan di kedua-dua negeri ini akan mewujudkan banyak pekerjaan baru.

Sektor pembuatan yang besar di Perak dan Pulau Pinang akan menjadi sektor terpenting bagi menyediakan 19,000 peluang pekerjaan dalam tempoh 1986-90. Meskipun pertumbuhan kegiatan sektor pembuatan di kedua-dua negeri ini adalah memuaskan, negeri-negeri tersebut perlu mempelbagaikan asas perindustriannya untuk meningkatkan lagi peranan sektor ini. Perkhidmatan-perkhidmatan sokongan dan perniagaan yang terdapat di negeri-negeri tersebut akan memudahkan proses pelbagaian di samping mengurangkan pengkhususan yang berlebihan dalam industri tertentu. Di Pulau Pinang, pembukaan Jambatan Pulau Pinang dijangka dapat menggalakkan pelancongan dan membolehkan Georgetown memainkan peranannya dengan lebih berkesan sebagai pusat pertumbuhan Wilayah Utara.

**WILAYAH TENGAH.** Wilayah ini yang menghasilkan keluaran paling banyak dan asas perindustrian yang paling tinggi tingkat pelbagaiannya akan terus menjadi daya penggerak utama pertumbuhan di samping membuka jalan bagi mengukuhkan lagi kegiatan ekonomi moden dalam negara. KDNK per kapita di Wilayah Tengah dijangka berkembang pada kadar 2.3 peratus setahun. Dua sektor paling dinamik di wilayah ini ialah elektrik, gas dan air serta kewangan dan perkhidmatan perniagaan. Sebahagian besar keluaran kedua sektor ini akan berpunca dari Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Kadar pertumbuhan tahunan sektor pembuatan wilayah ini dijangka lebih rendah daripada purata negara. Walaupun demikian, keluarannya merupakan hampir setengah daripada keluaran sektor ini di peringkat negara dari segi nilai mutlak. Sebahagian besar keluaran sektor ini dihasilkan oleh Selangor yang mengeluarkan 39 peratus lebih tinggi daripada jumlah keluaran yang disatukan bagi Melaka, Negeri Sembilan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

Prestasi sektor pertanian berbeza dengan prestasi yang menggalakkan dalam sektor-sektor kedua dan ketiga. Dari segi sumbangannya kepada KDNK, sektor pertanian yang merupakan sektor kelima terbesar pada tahun 1985 akan menjadi sektor keenam terbesar menjelang akhir dekad ini. Dalam tempoh 1986-90, Wilayah Tengah akan mempunyai tanah baru yang sesuai untuk pertanian paling sedikit iaitu 3 peratus daripada jumlahnya di peringkat negara. Menjelang akhir tempoh RML, kira-kira satu pertiga daripada 86,000 hektar tanah pertanian yang terbiar akan dipulihkan.

Pertumbuhan keluaran sektor dalam lima tahun kedua dekad ini akan memberi sumbangan kepada perwujudan pekerjaan di wilayah ini. Sektor pembuatan akan mewujudkan 37,000 pekerjaan, 73 peratus daripadanya di Selangor. Industri elektronik dan kejenteraan elektrik di Melaka dan Negeri Sembilan mencatatkan pertumbuhan yang pesat pada tahun-tahun kebelakangan ini. Strategi perindustrian di kedua-dua negeri ini akan mengambil faedah daripada pemusatan industri-industri di Lembah Klang, dan pelaksanaan strategi ini akan membantu mengukuhkan penyatuan industri-industri secara mendatar mahupun menegak di wilayah ini. Bagi pembangunan perindustrian di Wilayah Tengah, industri-industri sokongan yang sesuai akan dimajukan untuk membantu pembangunan industri-industri berat yang sedang dilaksanakan di negara ini.

Di samping sektor pembuatan, sektor-sektor perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran serta perkhidmatan Kerajaan akan terus mewujudkan peluang pekerjaan di wilayah ini. Di Negeri Melaka, strategi dan program yang telah dilaksanakan untuk memajukan sumber-sumber pelancongan akan juga menggalakkan kegiatan sektor ketiga. Negeri ini juga mempunyai potensi yang besar untuk bekerjasama dengan negeri-negeri jiran bagi menarik pelancong-pelancong tempatan dan luar negeri.

Di wilayah ini, Lembah Klang akan menarik tenaga buruh muda dan berpelajaran dari Melaka dan Negeri Sembilan. Pada masa yang sama, pertumbuhan yang dicapai di selatan Johor akan menjadikan kawasan ini sebagai tempat tumpuan yang semakin penting bagi ramai penghijrah dari Melaka. Sebahagian besar daripada penghijrah dari luar wilayah ini yang masuk ke Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah dari Johor dan Perak. Pada masa lalu, Wilayah Tengah telah berjaya menarik ramai tenaga ikhtisas, pengurusan, teknik dan mahir serta menjadi tumpuan sebahagian besar kegiatan ekonomi dan infrastruktur untuk pembangunan perindustrian. Faktor-faktor ini beserta dengan kedudukan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang mempunyai hubungan rapat dengan tempat-tempat lain di negara ini serta negara-negara lain akan mewujudkan suasana yang menggalakkan untuk mengembangkan kegiatan perindustrian dengan lebih meluas di Wilayah Tengah.

**WILAYAH TIMUR.** Dalam tempoh RML, teras pembangunan Wilayah Timur akan terus berasaskan pengusahaan sumber-sumber alam semulajadi. Walaupun keluaran sektor pertanian masih merupakan bahagian terbesar daripada jumlah keluaran wilayah ini, bahagiannya akan berkurangan berikutan perkembangan yang dijangkakan dalam sektor petroleum dan gas. Tanah pertanian di wilayah ini masih belum diusahakan sepenuhnya. Oleh itu, dalam tempoh lima tahun akan datang lebih luas tanah akan dimajukan. Seluas 71,000 hektar akan dimajukan di Pahang, 14,000 hektar di Kelantan dan 5,000 hektar di Terengganu. Usaha-usaha akan juga ditumpukan untuk memulihkan semula 300,000 hektar tanah terbiar bagi meningkatkan lagi kegiatan pembangunan pertanian. Peranan kegiatan pertanian moden akan dapat ditingkatkan apabila ladang-ladang kelapa sawit di kawasan KESEDAR mula mengeluarkan hasil dan peningkatan tersebut memudahkan usaha-usaha penubuhan industri-industri pemprosesan selepas pengeluaran di Kelantan. Selaras dengan Dasar Perhutanan Negara, keluasan kawasan untuk pembalakan akan dikurangkan ke paras yang ditetapkan iaitu 33,000 hektar setahun sepanjang tempoh RML.

Bahagian keluaran sektor-sektor perlombongan dan pembuatan dalam jumlah keluaran wilayah ini dijangka bertambah. Keluaran daripada kegiatan-kegiatan pengusahaan petroleum dan gas yang berterusan akan meningkatkan lagi bahagian sektor perlombongan dalam KDNK Terengganu. Penggunaan sepenuhnya kemudahan loji penapis petroleum dan gas serta loji besi berongga dan billet di negeri tersebut dijangka dapat menarik pelaburan ke kawasan berhampiran loji-loji tersebut, terutamanya menerusi usaha mewujudkan kegiatan-kegiatan di peringkat selepas pengeluaran bagi industri-industri yang berkaitan dengan petroleum dan gas. Pelaburan dalam industri

berasaskan sumber seperti pembalakan dan pemprosesan minyak kelapa sawit akan diteruskan.

Bandar Kuantan akan menjadi lebih menarik sebagai pusat perdagangan antara wilayah serta sebagai pintu keluar hasil pertanian dan barang-barang pembuatan dari wilayah ini apabila peranan bandar tersebut sebagai pusat pertumbuhan wilayah ditingkatkan, terutama menerusi penggunaan sepenuh pelabuhannya. Perkembangan ini akan juga menggalakkan pertumbuhan sektor perkhidmatan perniagaan di Pahang. Pembesaran Lapangan Terbang Kuantan bagi menampung pendaratan pesawat yang lebih besar akan memperkukuhkan kedudukan Kuantan sebagai pintu masuk pelancong-pelancong.

WILAYAH SELATAN. Sumbangan sektor pembuatan kepada KDNK wilayah ini akan melebihi sumbangan sektor pertanian menjelang akhir tempoh RML. Menjelang tahun 1990, keluaran sektor pembuatan dijangka menyumbangkan sebanyak 24 peratus kepada keseluruhan keluaran wilayah ini berbanding dengan sumbangan daripada sektor pertanian sebanyak 23 peratus. Penggunaan sepenuhnya kemudahan pelabuhan Pasir Gudang dan siapnya pembinaan Lebuhraya Utara-Selatan dijangka mengukuhkan pertalian wilayah ini dengan wilayah-wilayah lain. Kemudahan-kemudahan tersebut seterusnya akan meluaskan pasaran dan menambahkan punca-punca tenaga buruh untuk kegiatan perindustrian wilayah ini. Usaha-usaha untuk meningkatkan penggunaan perkhidmatan di pelabuhan-pelabuhan tempatan akan menggalakkan pengendalian lebih banyak barang-barang eksport negara melalui Pelabuhan Pasir Gudang dan tidak menerusi negara ketiga lagi.

Menjelang tahun 1990, satu lagi sektor yang dijangka menjadi sektor penting di Wilayah Selatan ialah perdagangan borong dan runcit, hotel dan restoran. Kegiatan perdagangan borong dan runcit akan berkembang untuk memenuhi permintaan yang semakin meningkat di wilayah ini, sementara pertumbuhan perkhidmatan hotel dan restoran, sebahagiannya adalah berpunca daripada perkembangan pelancongan untuk memenuhi keperluan pelancong-pelancong asing. Selaras dengan ini, usaha-usaha memajukan Kompleks Desaru-Mersing dan mengadakan perkhidmatan feri dari Pengkalan Tanjung Belungkor ke Changi Point merupakan faktor-faktor yang akan memberi sumbangan utama kepada pertumbuhan pelancongan di wilayah ini.

WILAYAH SABAH. Ekonomi Wilayah Sabah dijangka berkembang pada kadar 5.6 peratus setahun tetapi kadar pertumbuhan penduduk yang tinggi akan menyebabkan KDNK per kapitanya berkembang pada kadar 2.1 peratus setahun. Sektor pertanian akan terus memberi sumbangan utama kepada KDNK. Dalam tempoh lima tahun akan datang, seluas 64,000 hektar tanah akan dimajukan dan seramai 3,900 peneroka akan ditempatkan di kawasan-kawasan pembangunan tanah. Memandangkan pengeluaran kayu balak dijangka berkurangan, tumpuan akan diberi untuk mempelbagaikan lagi industri perkayuan supaya merangkumi kegiatan-kegiatan seperti pengeluaran kertas dan pulpa.

Sektor perlombongan yang memberi sumbangan kedua terbesar kepada KDNK wilayah ini akan mencapai pertumbuhan paling pesat. Dalam tempoh RML, penyiasatan lanjut akan dijalankan menerusi bantuan teknik untuk mengkaji kemungkinan terdapatnya bahan-bahan galian di sekitar kawasan Kinabalu dan Ulu Segama.

Pembangunan perindustrian akan terus digalakkan dan kegiatannya yang utama termasuk pemprosesan keluaran perkayuan dan industri ringan. Pelabuhan-pelabuhan di Kota Kinabalu, Labuan, Lahad Datu, Sandakan dan Tawau dijangka digunakan secara lebih meluas lagi untuk mengeksport bahan-bahan keluaran tempatan selaras dengan perkembangan kegiatan-kegiatan ekonomi di wilayah tersebut.

Penghijrahan masuk penduduk dari negara-negara luar akan terus memberi kesan dalam tempoh RML. Menjelang tahun 1990, bilangan tenaga buruh akan melebihi setengah juta orang dan pertumbuhannya adalah lebih cepat daripada perwujudan jumlah pekerjaan baru yang diunjurkan bagi wilayah ini. Akibatnya, kadar pengangguran di wilayah tersebut akan meningkat kepada 11.4 peratus.

**WILAYAH SARAWAK.** Pertumbuhan KDNK per kapita wilayah ini dijangka berkembang pada kadar 2.7 peratus setahun, melebihi purata negara iaitu 2.4 peratus. Perlombongan akan terus menjadi sektor utama yang menyumbangkan lebih kurang satu pertiga daripada KDNK wilayah ini. Pengeluaran gas asli akan meningkat berikutan dengan bertambahnya penggunaan gas oleh loji-loji gas asli cecair (LNG) dan ASEAN Ammonia-Urea di Bintulu sementara jumlah pengeluaran petroleum mentah akan dikurangkan ke paras yang lebih rendah.

Sektor pertanian akan memainkan peranan yang kedua penting dalam ekonomi Wilayah Sarawak. Dalam tempoh RML, wilayah ini dijangka menjadi pengeluar utama kayu balak dan akan menghasilkan sebanyak 37 peratus daripada jumlah pengeluaran negara. Tanah terbiar yang luas dan sesuai untuk pertanian akan dipulihkan menerusi program-program seperti projek pembangunan pertanian bersepadu dan pembangunan luar bandar. Program-program ini akan memperkenalkan amalan pertanian moden dan mempunyai produktiviti tinggi kepada penduduk tempatan.

Walaupun sektor pembuatan masih lagi kecil dari segi keluarannya, sektor ini dijangka berkembang pada kadar 9.8 peratus setahun. Perkembangan ini berpunca daripada kegiatan-kegiatan perindustrian di wilayah tersebut, terutama dengan adanya kawasan-kawasan perindustrian di Miri dan Sarikei serta perluasan kawasan perindustrian di Petra Jaya.

#### Pembangunan Bandar

Pembangunan bandar akan terus menjadi sebahagian daripada rangka dasar pembangunan wilayah. Strategi pembangunan bandar akan melibatkan penggabungan usaha-usaha, pemusatan pembangunan dan pemodenan kawasan luar bandar. Program



pembangunan bandar-bandar satelit, infrastruktur dan pembaharuan bandar-bandar yang akan dilaksanakan di keenam-enam pusat pertumbuhan wilayah dijangka meningkatkan peranan pusat-pusat tersebut di wilayah masing-masing. Perkembangan pusat-pusat pertumbuhan di peringkat kedua akan juga digalakkan menerusi pelaksanaan program yang bertujuan menampung pertumbuhan yang meningkat dan mengurangkan masalah-masalah ekonomi yang wujud di bandar. Pendekatan ini akan menyediakan asas bagi perkembangan sistem pemandaran negara dalam dua peringkat secara teratur dan bersepadu. Menjelang tahun 1990, kira-kira 41 peratus daripada jumlah penduduk negara akan tinggal di kawasan-kawasan bandar. Strategi yang menumpukan pertumbuhan perindustrian di pusat-pusat bandar terpilih akan mengambil faedah daripada pemusatan kegiatan ekonomi di sesuatu kawasan untuk membuka peluang pekerjaan kepada penghijrah-penghijrah arah-bandar. Penghijrah-penghijrah ini merupakan bahagian terbesar daripada pertumbuhan penduduk bandar.

Wilayah Utara dijangka terus mencapai kadar pertumbuhan bandar yang lebih rendah jika dibandingkan dengan kadar di wilayah-wilayah lain, antaranya disebabkan oleh penghijrahan keluar penduduk yang berterusan. Sebagai pusat pertumbuhan wilayah, Georgetown akan memainkan peranan yang lebih penting dengan meningkatnya penggunaan kemudahan pelabuhannya berikutan dengan siapnya Lebuhraya Timur-Barat dan Jambatan Pulau Pinang. Di samping itu, usaha-usaha giat sedang dilaksanakan untuk mempelbagai dan meningkatkan perkhidmatan-perkhidmatan di Ipoh bagi melengkapkan peranan Georgetown.

Wilayah Tengah masih mencatatkan kadar pemandaran yang tertinggi dengan 63 peratus daripada penduduknya tinggal di kawasan bandar. Lembah Klang akan menjadi tumpuan pembangunan bandar di wilayah ini di mana bandaraya Kuala Lumpur dijangka mencatatkan pertumbuhan sederhana dan Bangi, Klang serta Shah Alam pula mencapai pertumbuhan yang semakin pesat. Arah aliran pembangunan yang lebih tersebar ini adalah selaras dengan matlamat negara untuk mencapai satu corak pembangunan bandar yang tersusun dan teratur. Berasaskan corak pembangunan ini, setiap peringkat bandar akan memainkan peranan dan menjalankan fungsi yang ditentukan.

Pertumbuhan penduduk bandar di Wilayah Timur dijangka lebih pesat daripada tingkat pertumbuhan penduduk bandar di peringkat negara. Arah aliran ini akan dipengaruhi oleh pertumbuhan dalam kegiatan-kegiatan perindustrian dan perdagangan di sepanjang kawasan Paka-Chukai serta pertumbuhan yang memuaskan bagi pusat-pusat bandar seperti Kota Bharu dan Kuala Terengganu. Di Wilayah Timur, menjelang tahun 1990, Terengganu akan kekal sebagai negeri paling pesat proses pemandarannya dan dijangka hampir separuh daripada penduduknya akan tinggal di kawasan-kawasan bandar. Di Negeri Kelantan lebih ramai penduduk akan tinggal di kawasan-kawasan bandar berikutan daripada pertumbuhan kawasan-kawasan di sekitar Gua Musang, Jeli, Kuala Kerai dan Tanah Merah.

Di Wilayah Selatan, hampir setengah daripada penduduknya akan tinggal di kawasan bandar menjelang tahun 1990. Pertumbuhan penduduk bandar dijangka berlaku di sekeliling dan di dalam kawasan sekitar Johor Bahru yang menghala ke utara dan ke timur bandar tersebut. Melalui Lebuhraya Kuantan-Segamat, lebih banyak kegiatan akan dapat disalurkan ke kawasan ini untuk mengambil faedah daripada kemudahan-kemudahan pelabuhan dan Johor Bahru akan diperlengkapkan dengan kemudahan-kemudahan untuk menampung semua permintaan yang baru diwujudkan ini. Dengan siapnya Pelan Struktur Johor Bahru, pelan ini akan menyediakan garis panduan sewajarnya untuk mengubah bandar ini menjadi sebuah bandaraya yang terancang dan berupaya menampung lebih banyak kegiatan bandar serta menghasilkan pertumbuhan ekonomi yang lebih tinggi bagi wilayah ini.

Corak pembangunan bandar yang tersusun akan meningkatkan lagi rangkaian ekonomi di antara pusat bandar yang bertaburan. Keadaan ini akan menjadi kenyataan di Wilayah Sabah dan Sarawak. Pembangunan bandar di Wilayah Sabah akan membolehkan Sandakan dan Tawau menyediakan saluran yang sesuai untuk kegiatan-kegiatan pertanian dan pembalakan yang dijalankan di kawasan pedalaman.

Perkhidmatan-perkhidmatan sokongan serta kemudahan pelabuhan akan dipertingkatkan lagi dan pertalian dengan Kota Kinabalu diperkukuhkan untuk mendapat faedah daripada perkhidmatan-perkhidmatan bertaraf tinggi di bandar tersebut. Lebuhraya Pan Borneo yang menghubungkan bandar Kuching di Sarawak dengan Kota Kinabalu di Sabah akan membantu merapatkan lagi perhubungan kedua-dua wilayah ini di samping memajukan kawasan-kawasan berhampiran di sepanjang lebuhraya tersebut. Bandar Bintulu yang akan dilengkapi dengan perkhidmatan bertaraf tinggi akan menjadi tumpuan pertumbuhan di samping memberi perkhidmatan sebagai pusat kegiatan perindustrian seperti pemprosesan gas dan petroleum. Pembangunan bandar Bintulu akan merupakan sebahagian penting daripada usaha-usaha memperluaskan asas perindustrian di Sarawak. Berikutan daripada perkembangan bandar yang dijangka berlaku di kedua-dua wilayah ini, Kota Kinabalu dan Kuching akan dilengkapi bukan sahaja sebagai pusat-pusat pertumbuhan di wilayah masing-masing tetapi juga menyertai sepenuhnya dalam perdagangan antara wilayah tersebut dengan Semenanjung Malaysia.

Kawasan bandar akan disediakan dengan kemudahan-kemudahan awam secara lebih meluas menjelang tahun 1990. Penyediaan kemudahan-kemudahan ini akan membolehkan 97 peratus penduduk bandar menikmati bekalan air dan 95 peratus pula menikmati bekalan elektrik. Sistem pambetungan moden akan diperluaskan di kebanyakan bandar utama di negara ini menjelang tahun 1990. Sementara itu, masalah-masalah yang berkaitan dengan perumahan kos rendah dan penempatan setinggan akan dapat diatasi dengan adanya langkah-langkah yang akan diambil untuk menentukan supaya berbagai-bagai jenis rumah kos rendah, rumah pangsa kos rendah dan sederhana disediakan selaras dengan keperluan dan taraf kemampuan penduduk. Pengangkutan dalam bandar akan diperbaiki. Sistem menetapkan kawasan untuk kegunaan tertentu

akan membantu mengurangkan pencemaran alam sekitar dalam proses pembangunan bandar.

Untuk meningkatkan lagi peranan pembangunan bandar dalam ekonomi negara, DBN akan menyediakan perancangan pembangunan bandar secara lebih menyeluruh. Peranan dan fungsi pusat-pusat bandar akan ditakrifkan lebih jelas lagi mengikut kategori-kategori berasaskan saiz bandar. Fungsi pusat-pusat bandar dan rantaian ekonominya dengan bandar-bandar metropolitan yang mempunyai perbezaan hirarki akan dikenalpasti. Di peringkat mikro, pelan-pelan struktur bagi bandar akan terus disediakan. Menjelang tahun 1990, pelan struktur bagi semua ibu negeri di Semenanjung Malaysia akan siap. Pelan-pelan tempatan bagi beberapa buah bandar akan disediakan untuk melaksanakan dasar dan program yang telah digariskan dalam pelan-pelan struktur.

Semua usaha pembangunan LKW akan disesuaikan untuk memberi perkhidmatan kepada lebih ramai penduduk supaya memberi kesan pembangunan sosioekonomi lebih seimbang di antara bandar baru LKW dengan kawasan-kawasan di sekitarnya. Bandar-bandar baru di LKW akan dibangunkan sebagai pusat-pusat penempatan dan dibenarkan berkembang mengikut proses semulajadi dan bukannya sebagai pusat bandar kecil yang mempunyai ciri-ciri bandar besar. Oleh itu, kemudahan-kemudahan seperti infrastruktur bandar dan bangunan akan dibina dengan kos yang minimum dan mempunyai ruang yang mencukupi untuk diperbesarkan pada masa hadapan. Semua kemudahan ini akan dinaikkan taraf mengikut permintaan berkesan dan taraf hidup penduduk. Kemudahan-kemudahan utama yang telah pun diwujudkan di bandar-bandar baru tersebut akan digunakan sepenuhnya dengan menarik lebih ramai penduduk menerusi program bersepadu beserta dengan penekanan yang diberi kepada kegiatan-kegiatan bukan pertanian yang dapat menghasilkan peluang-peluang pekerjaan. Bagi projek-projek yang sedang dilaksanakan mengikut fasa, fasa yang belum dilaksanakan akan dikaji semula bagi tujuan memendekkan tempoh pelaksanaan untuk mengurangkan kos ke tahap minimum, sekiranya sesuai.

Dalam sektor perniagaan, kegiatan-kegiatan bandar yang melibatkan bidang-bidang lebih luas seperti perkhidmatan kepada pengguna dan perniagaan-perniagaan kecil yang lain akan digalakkan di bandar-bandar baru tersebut. Piawaian dalam menyediakan kemudahan-kemudahan bandar tidak akan terlalu menekankan kepada keperluan memenuhi peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa tempatan dan piawaian serta tatacara pihak berkuasa kerja awam. Pelonggaran ke atas syarat dalam penyediaan kemudahan-kemudahan bandar akan membuka lebih banyak peluang kepada golongan yang mempunyai sumber-sumber terhad untuk menyertai kegiatan perniagaan. Pembangunan bandar-bandar baru akan lebih menumpukan kepada pelaksanaan program pembangunan tenaga manusia secara menyeluruh bagi membolehkan penduduk yang baru berpindah melibatkan diri sepenuhnya dalam kegiatan-kegiatan baru di bandar tersebut. Selanjutnya, perhatian yang besar akan diberi kepada penyediaan kemudahan sosial bagi peneroka-peneroka dan keluarga mereka

melalui perbaikan suasana yang boleh membantu memperkukuh hubungan kekeluargaan, mewujudkan kejiranan yang baik di samping memelihara perhubungan yang rapat di kalangan masyarakat.

Usaha-usaha akan dibuat untuk meningkatkan penglibatan peneroka dalam kegiatan-kegiatan luar kebun, sebagai tambahan kepada pengusahaan tanaman jangka panjang. Usaha-usaha ini akan disertai dengan langkah-langkah untuk menambahkan kesedaran mereka mengenai peluang penyertaan dalam kegiatan-kegiatan pelaburan dan perdagangan seperti membeli saham, menubuh syarikat kerjasama dan melibatkan diri dalam projek-projek perdagangan serta perindustrian luar bandar. Amalan menabung di kalangan peneroka akan digalakkan untuk memperbaiki kesejahteraan ekonomi mereka, sementara penggunaan yang berlebihan akan dikurangkan. Anak-anak peneroka pula akan dilatih untuk melengkapkan diri mereka supaya boleh menyertai kegiatan-kegiatan perdagangan dan perindustrian.

Di peringkat penempatan yang lebih rendah, pembangunan bandar-bandar baru di kawasan LKW dijangka dapat memberi kesan kepada pembangunan bandar keseluruhannya. Kampung-kampung yang sedia ada dan pusat-pusat penempatan akan dimajukan menerusi konsep pembandaran luar bandar dengan menyusun semula kampung-kampung tersebut bagi mewujudkan pusat-pusat bandar. Konsep ini akan diserapkan dalam semua projek pembangunan luar bandar dengan memasukkan unsur-unsur perkebunan secara koperatif dan kegiatan industri kecil. Selaras dengan usaha ini, program-program pertanian akan mengandungi unsur memodenkan kampung-kampung tradisional yang bertujuan meningkatkan produktiviti berasaskan strategi pembandaran luar bandar. Tanah-tanah terbiar akan juga dimajukan mengikut konsep ini. Penilaian ke atas projek-projek perintis yang dijalankan oleh negeri-negeri akan dibuat apabila projek-projek tersebut dilaksanakan sepenuhnya.

## **V. PENYESUAIAN SEMULA STRATEGI PEMBANGUNAN WILAYAH DAN BANDAR**

Berdasarkan penilaian ke atas pengalaman pada masa lepas dalam pembangunan wilayah, strategi pembangunan wilayah dan bandar akan disesuaikan semula dalam tempoh RML. Pendekatan pembangunan wilayah ini bertujuan mencapai pembangunan sumber-sumber alam semulajadi, tenaga manusia dan kewangan di wilayah-wilayah secara lebih berkesan. Pendekatan ini juga menyelaraskan usaha pembangunan secara lebih berkesan. Dalam usaha menyesuaikan semula strategi-strategi pembangunan wilayah dan bandar yang sedia ada, tiga isu perlu dipertimbangkan dalam rangka dasar pembangunan wilayah.

Isu pertama ialah penumpuan dalam pembangunan industri dan pusat pertumbuhan bandar. Usaha-usaha untuk mengurangkan penekanan perancangan mengikut negeri

dan menumpukan perhatian kepada perancangan berasaskan wilayah memberi kesan langsung terhadap penempatan industri-industri serta pemilihan pusat-pusat pertumbuhan yang perlu diberi keutamaan dalam proses pembangunan. Pada masa lalu, pembangunan kawasan-kawasan perindustrian berlaku di merata-rata tempat dan sumber-sumber diagihkan secara meluas sehingga tidak memberikan hasil yang berkesan. Bandar-bandar baru pula mengalami masalah menarik peneroka ke dalam rancangan-rancangan pembangunan tanah di samping mewujudkan kegiatan-kegiatan selepas pengeluaran.

Pengalaman-pengalaman dalam melaksanakan program-program penyebaran industri dan pembangunan bandar baru menunjukkan betapa pentingnya usaha memperkukuh dan menumpukan kegiatan pembangunan wilayah. Tumpuan pembangunan ke atas pusat bandar terpilih di wilayah-wilayah kurang maju akan membolehkan kawasan-kawasan perindustrian menikmati faedah daripada pemusatan kegiatan ekonomi di sesuatu kawasan dan menarik penglibatan yang lebih besar daripada sektor swasta. Kerjasama antara negeri bagi melaksanakan program bersama sebagai satu cara untuk meluaskan keupayaan pembangunan perindustrian di sesuatu wilayah akan juga mendatangkan banyak faedah. Dalam usaha memusatkan pembangunan perindustrian dalam tempoh RML, perhatian akan diberi untuk memaju industri-industri terpilih dan yang lebih penting lagi, memberi pertimbangan kepada kesesuaian ekonomi sesuatu kawasan bagi menentukan penempatan industri.

Penggunaan garis panduan baru dalam usaha membangunkan bandar-bandar yang sedia ada dan bandar baru akan membolehkan perancangan dan pelaksanaan program-program dijalankan dengan lebih pragmatik. Pembangunan bandar akan menjadi lebih lengkap dengan adanya program pembandaran luar bandar yang bertujuan memodenkan kawasan-kawasan luar bandar. Selanjutnya, bandar-bandar yang sedia ada akan dipilih untuk dibangun sebagai pusat pertumbuhan peringkat kedua bagi melengkapi peranan pusat-pusat pertumbuhan wilayah.

Isu kedua ialah keperluan menyeimbangkan strategi "kemakmuran penduduk" dan "kemakmuran tempat". Salah satu strategi untuk mengurangkan jurang pembangunan ekonomi antara wilayah ialah memindahkan penduduk ke tempat terdapatnya pekerjaan. Strategi ini dikenali sebagai strategi "kemakmuran penduduk" dan dilaksanakan dengan mempercepatkan pertumbuhan di kawasan-kawasan pertumbuhan utama, sama ada di dalam atau di luar wilayah, untuk menikmati faedah berbanding dan ekonomi bidangan. Di samping itu, strategi ini juga membantu melicinkan perjalanan pasaran buruh bagi menggalakkan pekerja-pekerja berpindah supaya mereka dapat menikmati pulangan yang tinggi daripada sumbangan tenaga mereka. Satu lagi strategi ialah memindahkan pekerjaan ke tempat terdapatnya penduduk dan strategi ini dikenali sebagai strategi "kemakmuran tempat". Program-program yang dilaksanakan di bawah strategi ini bertujuan menyediakan pekerjaan kepada penduduk yang tinggal di sesuatu kawasan tertentu dan pengaliran masuk penduduk ke kawasan ini, sekiranya berlaku, merupakan satu unsur yang kurang penting. Kedua-dua pendekatan ini mempunyai

kebaikan masing-masing di samping mempunyai unsur tukar ganti. Pada masa lalu, program-program untuk mengurangkan jurang pembangunan antara negeri telah memberi lebih penekanan terhadap strategi "kemakmuran tempat" sehingga terlalu banyak kawasan yang mempunyai sumber-sumber terhad dimajukan. Akibatnya, pertumbuhan telah tersebar ke terlalu banyak pusat sehingga tidak dapat menikmati faedah ekonomi bidangan.

Dalam tempoh RML, kedua-dua strategi ini akan diseimbangkan. Di setiap wilayah, langkah-langkah akan diambil untuk menyusun semula sektor pertanian bagi membolehkan unsur-unsur baru diperkenalkan ke sektor ini dan memodenkan kawasan luar bandar menerusi program-program pembedaran luar bandar. Selaras dengan langkah-langkah tersebut, dasar-dasar dan program-program akan dilaksanakan untuk menggalak penyertaan dan penglibatan sektor swasta dengan lebih meluas di pusat-pusat bandar yang terpilih. Di samping itu, langkah-langkah akan juga diambil untuk menghapuskan halangan-halangan terhadap pelaburan sektor swasta supaya daya serap semua pusat bandar tersebut boleh ditingkatkan bagi memenuhi keperluan tenaga buruh yang kian meningkat.

Isu ketiga ialah peranan penghijrahan penduduk dalam usaha mengurangkan jurang pembangunan antara wilayah. Berdasarkan pendekatan yang menggunakan wilayah sebagai unit perancangan, pusat-pusat terpilih yang mempunyai kemampuan untuk berkembang akan dimajukan bagi menampung penghijrah-penghijrah arah-bandar yang datang dari wilayah berkenaan, sementara kegiatan-kegiatan di kawasan luar bandar terutamanya pertanian, akan dipergiatkan semula supaya pendapatan tenaga buruh yang tidak berpindah dapat ditingkatkan. Di samping itu, pendekatan perancangan sedemikian akan menggalakkan penghijrahan penduduk antara wilayah ke pusat-pusat yang mempunyai peluang pembangunan.

Pada masa ini, corak penghijrahan penduduk dalam negara mempunyai aliran arah-bandar yang berterusan dari wilayah kurang maju ke Lembah Klang di Wilayah Tengah. Penghijrah-penghijrah ini, kebanyakannya masih muda, lebih berpendidikan dan lebih produktif, merupakan sumber penting yang boleh digunakan dalam proses pembangunan di wilayah asal mereka dan seterusnya membantu mengurangkan ketidakseimbangan antara wilayah. Oleh itu, satu corak penghijrahan yang diinginkan antara negeri di wilayah perlulah diwujudkan dan untuk mencapai matlamat ini, langkah-langkah yang membina akan dirangka untuk menggalak corak penghijrahan tersebut. Satu ataupun beberapa pusat bandar di setiap wilayah akan dibangunkan untuk menarik masuk penghijrah dari kawasan luar bandar dan penghijrah dari bandar kecil ke bandar besar supaya dapat mengurangkan aliran penghijrahan antara wilayah iaitu daripada wilayah-wilayah kurang maju ke wilayah-wilayah lebih maju. Pengumpulan dan penyebaran maklumat mengenai pasaran buruh akan diperkemas untuk memudahkan permintaan buruh disesuaikan dengan penawarannya di samping membolehkan agensi-agensi berkaitan merancang dan melatih gunatenaga. Selanjutnya, perjalanan pasaran buruh yang lancar akan diteruskan. Program-program ini akan menggalakkan

penghijrahan keluar buruh-buruh daripada sektor cukup hidup tradisional luar bandar ke sektor perindustrian yang mempunyai produktiviti tinggi di bandar di samping menentukan agar ciri-ciri sosioekonomi dan kependudukan kawasan-kawasan yang mengalami penghijrahan masuk dan penghijrahan keluar tidak terjejas.

## **VI. PENUTUP**

Peranan penting pembangunan wilayah dan bandar dalam usaha mengurangkan jurang pembangunan ekonomi antara wilayah telah diakui. Usaha pembangunan ini juga memberi peluang kepada penduduk di wilayah kurang maju menikmati mutu kehidupan yang serupa dan peluang-peluang yang sama sebagaimana yang dinikmati oleh penduduk di wilayah lebih maju. Walau bagaimanapun, bagi mencapai matlamat tersebut secara lebih berkesan, strategi pembangunan wilayah dan bandar akan terus dikaji semula. Dalam tempoh RML, usaha penyesuaian semula strategi pembangunan wilayah hendaklah dirangka dalam bentuk rancangan-rancangan dan program-program supaya menjadi lebih kemas dan jelas serta sesuai dilaksanakan di peringkat kawasan. Akhirnya, pelaksanaan sedemikian memerlukan sokongan daripada agensi Kerajaan yang terlibat dalam pembangunan dan juga rakyat.

## **BAB 6 : PERANAN SEKTOR SWASTA**

### **I. PENDAHULUAN**

Peranan sektor swasta adalah bertujuan untuk melengkapi usaha-usaha sektor awam dalam pembangunan dan perubahan struktur ekonomi Malaysia. Dalam Rancangan Malaysia Keempat (RME), sektor swasta telah dijangka memainkan peranan utama dalam menggerakkan pertumbuhan ekonomi negara dan dalam usaha mempercepatkan proses perindustrian. Walau bagaimanapun, dalam tempoh tersebut prestasinya tidak begitu memuaskan dan pencapaiannya ke atas beberapa matlamat penting ekonomi-makro dan sektor juga telah berkurang.

Rancangan Malaysia Kelima (RML) memberi tanggungjawab yang lebih mencabar kepada sektor swasta dalam usaha negara mencapai pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan memperkukuhkan lagi asas perindustrian. Memandangkan terdapatnya batasan-batasan sumber dan berikutan dengan langkah-langkah memperkukuhkan kedudukan kewangan oleh sektor awam yang dijangka pertumbuhan perbelanjaan meningkat dengan kadar yang rendah, pertumbuhan permintaan dalam negeri terpaksa bergantung kepada sektor swasta. Sektor swasta, dari dalam dan luar negeri juga dijangka memainkan peranan utama dalam usaha pelaburan dan bahagiannya daripada jumlah pelaburan meningkat daripada 50.4 peratus pada tahun 1985 kepada 61.7 peratus pada tahun 1990.

Dasar-dasar dan peraturan-peraturan berkaitan dengan hakmilik modal saham, pelesenan kegiatan-kegiatan industri dan pembangunan institusi-institusi secara keseluruhannya akan dikajisemula dan perubahan-perubahan yang sesuai dibuat bagi mewujudkan suasana yang menggalakkan untuk mencapai matlamat pelaburan sektor swasta. Di samping itu, kemudahan-kemudahan sokongan dan peluang-peluang pelaburan yang menarik dan mencukupi akan terus disediakan oleh Kerajaan.

### **II. KEMAJUAN, 1981-85**

#### Pembangunan Keseluruhan

494. Perbelanjaan sektor swasta yang terdiri daripada perbelanjaan penggunaan dan perbelanjaan pelaburan merupakan bahagian yang besar dalam Keluaran Negara Kasar (KNK). Dalam tempoh RME, perbelanjaan tersebut berkembang pada kadar 3.2 peratus setahun, iaitu lebih rendah daripada kadar pertumbuhan KNK sebanyak 4.9 peratus setahun dan kadar pertumbuhan perbelanjaan sektor awam sebanyak 7.8 peratus setahun.



Pelaburan sektor swasta tertumpu dalam sektor-sektor pembuatan dan juga sektor-sektor kecil minyak dan gas serta pertanian selain daripada getah. Dalam tempoh RME, pelaburan swasta mencatat pertumbuhan hanya sebanyak 1.8 peratus setahun berbanding dengan matlamat sebanyak 10.7 peratus[ setahun. Keadaan ini adalah disebabkan oleh pertumbuhan permintaan luar negeri yang lembab berikutan daripada kemelesetan ekonomi dunia yang berlarutan serta kesukaran memperolehi pasaran luar negeri. Di samping itu, usaha-usaha Kerajaan sejak akhir tahun 1983 untuk memperkukuhkan kedudukan kewangannya dan beberapa kelemahan yang sedia terdapat dalam sektor swasta sendiri juga menyebabkan pelaburan sektor swasta berkembang dengan perlahan. Arah aliran pelaburan swasta yang lembab telah menyebabkan bahagiannya dalam jumlah pelaburan berkurang daripada 62.6 peratus pada tahun 1980 kepada 50.4 peratus pada tahun 1985. Jumlah terkumpul bagi aliran masuk modal jangka panjang swasta adalah jauh lebih rendah daripada paras yang dijangka dalam tempoh RME.

Penggunaan swasta yang merupakan lebih 50 peratus dari KNK telah berkembang pada kadar 3.6 peratus setahun. Penyiasatan Perbelanjaan Isirumah, 1982 menunjukkan bahawa sebahagian besar daripada perbelanjaan isirumah adalah untuk makanan, sewa, pengangkutan dan perhubungan. Penggunaan PER KAPITA swasta bertambah pada kadar 1.0 peratus setahun dalam tempoh RME dan ini menggambarkan bahawa taraf hidup telah meningkat.

Pertumbuhan penggunaan swasta adalah berkait rapat dengan pertumbuhan KNK dan turut terjejas akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia. Pada awal tahun-tahun RME, penggunaan telah berkurang berikutan daripada kemelesetan ekonomi dunia yang berlarutan tetapi sejak akhir tahun 1983 ia telah meningkat. Walau bagaimanapun, penggunaan tersebut banyak mengandungi perbelanjaan di atas bahan-bahan yang di import. Import barang-barang pengguna tahan lama berkembang pada kadar yang tinggi pada awal tahun-tahun RME dan menjadi sederhana pada tahun 1985.

Angka-angka ini tidak boleh dibandingkan secara langsung oleh kerana kadar 10.7 peratus merangkumi beberapa Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK).

Pelaburan swasta dalam sektor pembuatan didapati lembab seperti yang dapat dilihat daripada beberapa petunjuk. Maklumat-maklumat berasaskan penyiasatan sampel mengenai sektor syarikat menunjukkan bahawa perbelanjaan modal di sektor tersebut dianggarkan berkembang pada kadar 2.3 peratus setahun dalam tempoh RME. Dua punca utama bagi pertumbuhan sektor pembuatan, iaitu perkembangan permintaan dalam negeri dan eksport, didapati tidak mencapai tingkat yang dapat menggalakkan pertumbuhan ekonomi sebagaimana dijangkakan dalam RME. Keadaan ini adalah disebabkan oleh batasan-batasan struktur yang tertentu seperti struktur tarif dan galakan-galakan yang tidak mencukupi, tingkat teknologi yang rendah dan kegiatan-kegiatan sektor yang tidak bersepadu serta pertumbuhan yang lembab bagi permintaan dalam dan luar negeri. Maklumat mengenai projek-projek yang diluluskan dalam tempoh

1981-1984 pula menunjukkan bahawa sejumlah besar pelaburan terus tertumpu dalam industri-industri ringan seperti keluaran-keluaran elektrik dan elektronik, tekstil dan barang-barang makanan. Keadaan ini menggambarkan kecenderungan pelabur-pelabur yang lazimnya melabur dalam kegiatan-kegiatan eksport yang mempunyai nilai ditambah yang rendah. Sistem galakan yang dahulunya berkesan kini didapati kurang berjaya untuk menggalakkan pembangunan struktur industri yang lebih cekap, mempunyai daya saingan tinggi serta asas yang luas.

Pembangunan sektor pembuatan khususnya didapati terus bergantung kuat kepada import barang-barang perantaraan dan barang-barang pelaburan. Keadaan ini telah mengakibatkan pertumbuhan import dengan cepat dan berterusan. Sungguhpun eksport barang-barang pembuatan telah sedikit sebanyak menggalakkan pelaburan dan menambahkan gunatenaga dalam sektor ini, penggunaan bahan-bahan import yang tinggi dalam keluaran eksport, terutamanya barang-barang elektrik dan elektronik telah menyebabkan sektor ini memberi sumbangan kecil sahaja kepada pendapatan tukaran asing bersih dan nilai ditambah dalam negeri.

Pelaburan dalam sektor bukan petroleum terutamanya perlombongan bijih timah terus mengalami kemerosotan yang berlarutan disebabkan oleh tekanan dan kejatuhan harga bijih timah, kos pengeluaran yang semakin meningkat serta sekatan kuota eksport yang dikenakan oleh Majlis Timah Antarabangsa (ITC). Bilangan lombong bijih timah yang giat diusahakan telah berkurang daripada 852 buah pada tahun 1980 kepada 279 buah pada penghujung tahun 1985. Sebaliknya, perbelanjaan modal yang banyak yang telah dibuat bagi pembangunan projek-projek petroleum dan gas pada awal tempoh RME telah meningkatkan prestasi keseluruhan sektor perlombongan. Berikutan daripada itu, nilai ditambah sektor ini telah meningkat pada kadar 6.0 peratus setahun. Walau bagaimanapun, maklumat-maklumat yang ada menunjukkan bahawa perbelanjaan modal telah berkembang dengan perlahan menjelang penghujung tempoh RME. Keadaan ini disebabkan terutamanya oleh kejatuhan harga serta penawaran minyak mentah yang berlebihan dan berterusan di pasaran antarabangsa.

Perbelanjaan modal di sektor pertanian oleh syarikat-syarikat swasta didapati tidak begitu menggalakkan. Kebanyakan pelaburan adalah penanaman semula getah, penanamam baru kelapa sawit serta tanaman-tanaman lain seperti koko. Di samping itu, pembangunan tanah baru yang diusahakan olehsektor swasta, samada secara sendiri atau secara usahasama dengan agensi-agensi Kerajaan negeri telah mencapai prestasi yang rendah daripada matlamat RME seluas 20,000 hektar setahun. Kekurangan pencapaian ini disebabkan sebahagian besar oleh harga barang-barang utama yang terus tidak pasti, masalah yang berkaitan dengan tanah dan tenaga kerja serta pulangan yang lebih tinggi di sektor kedua.

Pelaburan swasta dalam industri getah telah merosot dengan banyaknya berikutan daripada kejatuhan harga getah dan terdapatnya tanaman-tanaman lain yang lebih menguntungkan. Walau bagaimanapun, pelaburan dalam penanaman kelapa sawit telah

berkembang disebabkan terutamanya oleh pulangnya yang lebih tinggi. Keluasan tanah yang ditanam dengan kelapa sawit telah bertambah dengan banyaknya daripada 1.02 juta hektar pada tahun 1980 kepada 1.46 juta hektar pada tahun 1985. Sebahagian besar adalah dimajukan oleh sektor swasta.

Peluang-peluang tambahan bagi pelaburan dalam sektor perdagangan, khususnya pada awal tempoh RME adalah hasil daripada perkembangan industri-industri dalam sektor pembinaan dan bangunan, sektor pertanian dan sektor pembuatan serta keseluruhan kegiatan import dan eksport. Perniagaan borong bagi bahan-bahan binaan bangunan dan barang-barang besi untuk memenuhi keperluan sektor pembinaan telah berkembang dengan pesat. Dalam bidang perniagaan runcit pula, perubahan citarasa dan taraf hidup yang lebih mewah serta pertumbuhan ekonomi keseluruhannya telah menggiatkan lagi pelaburan dalam kegiatan-kegiatan perniagaan runcit yang timbul berikutan dari perkembangan pasar-pasar raya, rangkaian gedung-gedung perniagaan dan kedai-kedai makanan segera serta kedai-kedai yang menjual barang-barang pengguna tahan lama. Walau bagaimanapun, perbelanjaan modal dalam sektor ini telah mulai berkembang dengan perlahan sejak dua tahun terakhir RME.

Pelaburan swasta dalam industri pembinaan pada awal tahun-tahun RME telah berkembang dengan pesatnya berikutan dari kegiatan-kegiatan pembinaan bangunan untuk perdagangan dan kediaman termasuk program-program pembinaan dan bangunan oleh sektor awam. Sektor pembinaan adalah di antara sektor-sektor yang pesat berkembang dengan nilai ditambahkan meningkat pada kadar 8.1 peratus setahun dalam tempoh RME dan perkembangan ini menggambarkan keadaan sektor yang dinamik serta sumbangan sektor ini yang besar kepada kegiatan ekonomi negara.

Pelaburan swasta dalam sektor perkhidmatan sebahagian besarnya adalah tertumpu dalam kegiatan-kegiatan membina dan memperluaskan tempat-tempat dan kemudahan-kemudahan pelancongan yang sedia ada. Keadaan ini adalah selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menjadikan negara ini tumpuan pelancongan di kalangan pelawat-pelawat asing di samping memberi maklumat kepada masyarakat Malaysia mengenai kemudahan-kemudahan pelancongan yang terdapat di negara ini. Jumlah bilik di hotel dan kompleks pelancongan yang disediakan untuk pelancong dari dalam dan luar negeri juga telah bertambah dengan banyaknya, terutamanya pada tahun-tahun 1984 dan 1985.

Menerusi pelaburan asing Malaysia telah memperolehi modal, teknologi dan proses-proses baru, hubungan pemasaran antarabangsa dan kepakaran pengurusan. Pelaburan asing juga telah memberi sumbangan kepada pertumbuhan dan perubahan struktur ekonomi, melalui usaha memperluas dan mempelbagaikan asas sektor pembuatan menerusi pelaburan semula serta menerusi pelaburan baru dengan memperkenalkan barang-barang baru dan memperluaskan lagi keupayaan sektor tersebut. Dalam sektor syarikat, hakmilik modal saham rakyat asing telah meningkat pada kadar 6.9 peratus setahun, iaitu daripada \$13,927.0 juta pada tahun 1980 kepada \$19,410.5 juta pada tahun 1985. Walau bagaimanapun, bahagian hakmilik modal saham mereka telah berkurang

daripada 42.9 peratus pada tahun 1980 kepada 25.5 peratus pada tahun 1985 disebabkan oleh kadar perkembangan yang lebih tinggi dicapai oleh permastautin tempatan dan langkah-langkah untuk menyusun semula modal saham di bawah DEB.

Pelaburan asing dalam bidang pertanian ladang telah berkurang dan dalam industri-industri pembuatan untuk eksport seperti elektronik dan tekstil pula telah bertambah. Dari segi modal dibayar, pelabur-pelabur asing terus menguasai industri-industri seperti industri-industri minuman dan tembakau, petroleum, barang-barang elektrik dan elektronik serta industri-industri yang mengeluarkan peralatan kelengkapan saintifik dan professional serta alat-alat untuk mengukur. Pelabur-pelabur asing juga mempunyai kepentingan hakmilik yang besar dalam industri-industri tekstil dan barang-barang tekstil, kulit dan barang-barang kulit, kimia dan barang-barang kimia. Kira-kira 23 peratus daripada jumlah modal saham asing dalam syarikat-syarikat pembuatan yang menjalankan pengeluaran pada akhir tahun 1983 adalah terdapat dalam industri-industri elektronik dan tekstil untuk eksport. Walau bagaimanapun, industri-industri tersebut memberi sumbangan nilai ditambah yang kecil kepada ekonomi dalam negeri dan mempunyai rantai ekonomi yang minima dengan industri-industri lain.

#### Pembiayaan pelaburan swasta

Punca-punca pembiayaan pelaburan swasta adalah termasuk modal dalam negeri dan modal jangka panjang swasta luar negeri, seperti yang ditunjukkan dalam jadual 6-1. Dalam tempoh RME, sumber-sumber dalam negeri membiayai 78.9 peratus daripada pelaburan sektor swasta. Sebanyak 79.5 peratus daripada jumlah pembiayaan dalam negeri adalah berpunca daripada sektor swasta. Sistem kewangan yang terdiri daripada bank-bank perdagangan, syarikat-syarikat kewangan dan bank-bank saudagar merupakan punca penting modal dalam negeri, terutamanya bagi membiayai kegiatan sektor-sektor pembuatan dan pembinaan. Pembiayaan pelaburan swasta oleh sektor awam berjumlah \$10,060 juta, yang merupakan 16.2 peratus daripada jumlah pelaburan swasta dalam tempoh RME.

Selain daripada membiayai pelaburannya sendiri, sektor swasta juga memberi sumbangan terhadap pembiayaan pelaburan sektor awam. Pembelian sekuriti-sekuriti Kerajaan merupakan sebanyak 42.7 peratus daripada jumlah tabungan swasta. Modal asing jangka panjang swasta pula membiayai sebanyak 21.1 peratus daripada pelaburan swasta dalam tempoh RME. Aliran masuk modal ini terutamanya tertumpu dalam sektor pembuatan dan sektor kecil petroleum. Walau bagaimanapun, jumlah pembiayaan daripada punca ini lebih rendah daripada jumlah yang dijangkakan dan keadaan ini menunjukkan kos yang semakin meningkat serta kesukaran yang semakin bertambah bagi mendapatkan pinjaman.

## Sumbangan Sektor Swasta Kepada DEB

Perkembangan dan pertumbuhan kegiatan sektor swasta telah memudahkan penyertaan Bumiputera dalam ekonomi negara. Pelaburan dalam industri-industri baru dan yang sedia ada memberi peluang-peluang tambahan bagi menyusun semula gunatenaga dan penyertaan dalam modal saham. Di samping itu, penyertaan Bumiputera dalam industri-industri ini telah berjaya mendedahkan mereka kepada kaedah-kaedah dan amalan-amalan pengurusan perniagaan yang baru.

Perkembangan sektor-sektor kedua dan ketiga, iaitu sektor yang banyak melibatkan kegiatan sektor swasta terus menyediakan peluang-peluang pekerjaan yang bertambah kepada Bumiputera serta memudahkan penyertaan mereka dalam jenis-jenis pekerjaan yang memerlukan kemahiran yang khusus dan jenis-jenis pekerjaan di peringkat pengurusan dan di peringkat membuat keputusan. Kebanyakan daripada peluang-peluang pekerjaan tersebut terdapat di kawasan-kawasan bandar dan di kawasan-kawasan pertumbuhan yang sudah pun maju dan ini telah dapat mengurangkan kemiskinan di bandar-bandar. Walau bagaimanapun, bahagian Bumiputera masih lagi rendah terutamanya dalam sektor kedua, iaitu sektor yang sangat produktif dan dalam jenis-jenis pekerjaan yang berpendapatan tinggi. Di antara faktor-faktor utama yang memperlambatkan penyusunan semula gunatenaga ialah berterusannya masalah penawaran Bumiputera terlatih dan mahir serta pertumbuhan ekonomi yang perlahan.

Perkembangan pesat dalam pertumbuhan stok modal saham sektor syarikat pada kadar 18.6 peratus setahun telah membolehkan hakmilik modal saham Bumiputera terus meningkat. Bahagian hakmilik modal saham Bumiputera perseorangan dan agensi-agensi amanah telah meningkat daripada 12.5 peratus pada tahun 1980 kepada 17.8 peratus pada tahun 1985 dan mereka juga telah memiliki dan menguasai beberapa syarikat perladangan dan perlombongan dan bank. Bahagian hakmilik modal saham Bumiputera perseorangan adalah didapati melebihi bahagian yang dimiliki oleh agensi-agensi amanah yang telah memainkan peranan utama dalam meningkatkan modal saham Bumiputera pada tahun-tahun 1970an. Bertambahnya bilangan Bumiputera perseorangan dalam pemilikan modal saham ini adalah berikutan daripada usaha-usaha yang luas mengembelikan tabungan Bumiputera perseorangan untuk pelaburan dalam sektor syarikat di bawah skim-skim seperti Amanah Saham Nasional (ASN) dan Amanah Saham MARA.

Masyarakat Perindustrian dan Perdagangan Bumiputera terus berkembang dalam tempoh tersebut berikutan daripada usaha seterusnya oleh Majlis Amanah Rakyat (MARA), Pusat Daya Pengeluaran Negara (NPC), Bank Pembangunan Malaysia (BPMB) dan institusi-institusi lain yang terlibat dalam rancangan melatih, memaju dan menggalakkan keusahawanan Bumiputera. Dalam sektor syarikat, lebih ramai Bumiputera telah melibatkan diri di peringkat pengurusan dan terus melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran pengurusan. Kegiatan agensi-agensi amanah terutamanya Permodalan Nasional Berhad (PNB) telah memudahkan pencapaian ini menerusi usaha-

usaha memperoleh syarikat-syarikat dan membesarkan syarikat-syarikat yang ada. Langkah ini telah menambah bilangan pengurus-pengurus Bumiputera yang terlatih dan mereka ini terus mencapai kemajuan dalam sektor industri. Dalam sektor bukan-syarikat, Bumiputera juga terus mencapai kemajuan besar dalam hakmilik dan penyertaan terutamanya dalam sektor-sektor perdagangan dan perkhidmatan yang bersaiz kecil. Penglibatan mereka ini merupakan satu asas bagi membolehkan meningkatnya penyertaan Bumiputera secara berterusan berdasarkan sumber-sumber dan kemahiran keusahawanan yang dimiliki.

### **III. PROSPEK, 1985-90**

#### Pembangunan Keseluruhan

Dalam tempoh RML, sektor swasta dijangka memainkan peranan yang utama untuk mencapai pertumbuhan ekonomi negara. Sumbangan sektor tersebut ke arah mencapai matlamat pertumbuhan dari segi keluaran, peningkatan produktiviti dan penyediaan peluang-peluang pekerjaan adalah sangat penting. Sektor ini juga perlu memainkan peranan penting, terutamanya dalam sektor pembuatan dan pertanian untuk mencapai matlamat-matlamat keluaran dan eksport di samping memperteguhkan lagi asas ekonomi negara bagi menghasilkan dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi.

Untuk memberi sumbangan ke arah pencapaian matlamat pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) sebanyak 5.0 peratus setahun, RML memerlukan jumlah permintaan dalam negeri berkembang pada kadar 3.4 peratus setahun. Sebahagian besar dari pertumbuhan permintaan dalam negeri dijangka akan dihasilkan oleh sektor swasta oleh kerana perbelanjaan awam dijangka bertambah pada kadar 1.1 peratus setahun selaras dengan langkah-langkah untuk memperkukuhkan dan memperkemaskan peranan sektor awam. Bahagian pelaburan swasta dijangka mencapai sebanyak 37.1 peratus daripada pertambahan jumlah permintaan dalam negeri dan dijangka berkembang pada kadar 7.0 peratus setahun. Ini dijangka akan menambahkan bahagiannya daripada jumlah pelaburan daripada 50.4 peratus pada tahun 1985 kepada 61.7 peratus pada tahun 1990.

Untuk mencapai matlamat pelaburan swasta sebanyak \$72,990 juta, usaha yang bersungguh-sungguh daripada sektor awam dan sektor swasta adalah diperlukan. Kerajaan akan mengambil langkah-langkah untuk mewujudkan suatu suasana pelaburan yang lebih menarik dengan memperkenalkan galakan-galakan dan langkah-langkah tambahan. Peraturan dan tindakan-tindakan pentadbiran yang sedia ada akan terus dikajisemula dan diubahsuai bagi mewujudkan satu suasana yang boleh menggalakkan lebih banyak pelaburan swasta.

Memandangkan keperluan kewangan yang besar untuk membiayai pelaburan, Kerajaan akan mempergiatkan lagi usaha-usaha untuk menggalakkan tabungan yang lebih tinggi

menerusi pengembelian sumber dan langkah-langkah berjimat cermat. Selain daripada itu, usaha-usaha akan diambil bagi meningkatkan eksport dan mengurangkan import dengan tujuan menambah dan menjimatkan tukaran wang asing. Pelaburan daripada punca dalam dan luar negeri akan terus digerakkan menerusi usaha-usaha mengurangkan batasan-batasan struktur ekonomi yang terdapat dalam negeri serta memperbaiki kemudahan infrastruktur asas.

Teras pembangunan secara keseluruhannya tidak akan memberi penekanan yang begitu besar kepada perbelanjaan penggunaan memandangkan keperluan untuk pembiayaan pelaburan serta keperluan mengurangkan kesan perbelanjaan penggunaan ke atas imbalan pembayaran. Pertumbuhan penggunaan swasta dijangka tidak berubah iaitu pada kadar 3.5 peratus setahun berbanding dengan 3.6 peratus setahun dalam tempoh RME. Walau bagaimanapun, bahagiannya daripada jumlah perbelanjaan swasta dijangka berkurang daripada 75.4 peratus pada tahun 1985 kepada 72.1 peratus pada tahun 1990 dan keadaan ini menggambarkan peralihan yang diperlukan dalam penggunaan sumber-sumber untuk mencapai pertumbuhan pelaburan yang lebih tinggi sebanyak 7.0 peratus setahun dalam tempoh RML.

Pelaburan swasta dalam sektor pertanian akan terus tertumpu kepada tanaman kekal yang lazim diusahakan. Kadar pelaburan di dalam sektor perladangan dijangka berkurangan terutamanya untuk getah, tetapi ini akan dapat diimbangi sebahagiannya oleh kegiatan penanaman baru dan penanaman semula, terutamanya kelapa sawit oleh pekebun-pekebun kecil. Pelaburan dalam sektor pertanian dijangka berkembang pada kadar yang perlahan disebabkan harga-harga barangan utama yang terus rendah dalam tempoh RML. Peluang-peluang baru dijangka wujud di dalam penanaman jenis tanaman-tanaman lain secara perdagangan terutamanya untuk barang-barang makanan di samping perluasan kegiatan-kegiatan perikanan termasuk ternak air.

Pelaburan dalam sektor pembuatan akan memberi lebih tumpuan kepada usaha-usaha mempelbagai dan memperluaskan asas perindustrian di samping memberi penekanan kepada industri-industri yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi. Sektor-sektor kecil yang mempunyai potensi besar bagi menambah peluang-peluang pelaburan di antara lain termasuk pemeroses getah dan barang-barang getah, barang-barang logam asas, alat-alat pengangkutan dan alat-alat jentera elektrik dan bukan elektrik. Industri-industri sampingan dan sokongan akan juga digalakan berikutan daripada pelaksanaan sepenuhnya beberapa projek berat seperti projek kereta nasional dan kilang-kilang besi waja di Terengganu dan Sabah. Industri-industri baru juga dijangka dapat dimajukan berikutan daripada pasaran yang semakin meluas hasil daripada bertambahnya pendapatan sebenar.

Pelaburan swasta dalam sektor perlombongan adalah tertumpu dalam sektor kecil petroleum, walaupun kadarnya akan menjadi lebih rendah disebabkan kejatuhan harga barang-barang eksport yang berterusan. Dalam sektor pembinaan, pertumbuhan keluaran tidak akan berkembang dengan pesat seperti yang telah dicapai dalam tempoh

RME. Pelaburan swasta dalam sektor ini terutamanya adalah dalam kegiatan pembinaan perumahan dan kemudahan-kemudahan industri. Pembiayaan Pelaburan Swasta

Pembiayaan pelaburan swasta dalam tempoh RML akan lebih banyak dibiayai oleh sumber-sumber dalam negeri, seperti di tunjukkan dalam jadual 6-1. Sumbangan sumber-sumber dalam negeri dijangka meningkat daripada 78.9 peratus dalam tempoh RME kepada 81.2 peratus dalam tempoh RML. Sebanyak 96.6 peratus daripada jumlah pembiayaan dalam negeri dijangka dibiayai sendiri oleh sektor swasta. Pembiayaan sendiri sektor swasta daripada sumber-sumbernya dijangka mencapai 78.4 peratus daripada pelaburan swasta.

Sektor awam akan membiayai hanya 2.7 peratus daripada jumlah pelaburan swasta yang dijangkakan dalam tempoh RML. Lebih banyak sumber-sumber kewangan dijangka dapat digunakan oleh sektor swasta berikutan dari langkah-langkah Kerajaan mengurangkan penggunaan sumber tabungan swasta. Penjualan sekuriti-sekuriti Kerajaan dijangka terdiri sebanyak 33.4 peratus daripada tabungan swasta dalam tempoh RML.

524. Aliran masuk modal jangka panjang swasta dijangka bertambah sebanyak 15.8 peratus setahun dalam tempoh RML. Walau bagaimanapun, ianya dijangka membiayai hanya sebanyak 18.8 peratus daripada jumlah pelaburan swasta. Bahagian yang semakin berkurang ini menggambarkan kesukaran menarik modal asing berikutan daripada kemelesetan ekonomi dunia, kadar faedah yang tinggi di pasaran modal antarabangsa, bertambahnya persaingan dan pengurangan dalam jumlah pinjaman dari luar negeri.

#### Sumbangan Sektor Swasta Kepada DEB

Sektor swasta akan terus memberi sumbangan ke arah pencapaian matlamat DEB. Pencapaian matlamat pertumbuhan ekonomi dalam tempoh RML yang memberikan peranan utama kepada sektor swasta akan bergantung kepada pertumbuhan pelaburan sektor swasta. Adalah dijangka kemajuan selanjutnya akan dibuat ke arah mencapai matlamat-matlamat DEB. Di samping itu, penekanan yang lebih akan diberi kepada daya usaha Bumiputera perseorangan untuk menggalak dan meningkatkan penyertaan mereka dalam kedua-dua sektor syarikat dan bukan-syarikat. Agensi-agensi amanah dijangka tidak dapat memberi sumbangan besar kepada DEB disebabkan terdapatnya batasan-batasan kewangan.

Kemajuan ke arah pencapaian matlamat penyusunan semula gunatenaga akan lebih banyak bergantung kepada pertumbuhan kegiatan-kegiatan sektor swasta serta usaha di kalangan Bumiputera perseorangan. Sektor swasta dijangka menyediakan banyak peluang-peluang pekerjaan, meningkatkan kemahiran serta memberi sumbangan ke arah pembangunan dan penyertaan Bumiputera dengan lebih giat di peringkat pengawasan dan teknik. Bumiputera perseorangan dijangka terus meningkatkan penyertaan dan penglibatan mereka dalam sektor-sektor moden dan yang berproduktiviti tinggi, terutamanya sektor pembuatan.



Dalam sektor syarikat, jumlah modal saham dijangka berkembang pada kadar yang lebih rendah, iaitu 9.3 peratus setahun berbanding dengan 18.6 peratus setahun dalam tempoh 1981-1985 daripada \$76,112 juta pada tahun 1985 kepada \$126,852 juta pada tahun 1990. Meskipun kadar pertumbuhan tersebut adalah perlahan, peluang penyusunan semula modal saham dijangka masih wujud dan terus terbuka dengan luasnya. Modal saham Bumiputera dijangka meningkat pada kadar 14.2 peratus setahun dan bahagiannya bertambah daripada 17.8 peratus pada tahun 1985 kepada 22.2 peratus menjelang tahun 1990. Sejumlah besar hakmilik modal saham Bumiputera akan terus dimiliki oleh Bumiputera perseorangan. Lebih banyak peluang-peluang akan terbuka untuk penyertaan oleh Bumiputera berikutan dari perubahan-perubahan struktur dan kesan daripada peningkatan kegiatan-kegiatan sektor ketiga.

### Kajian Semula Dan Penyesuaian Dasar

Sektor swasta diberi peranan utama di bawah tempoh RML. Sejalan dengan matlamat ini, langkah-langkah dasar dan pentadbiran berhubung dengan hakmilik modal saham, peraturan-peraturan dan sistem pelesenan dalam sektor industri serta pembangunan institusi akan terus dikajisemula bagi menarik pelaburan di samping menggalakkan pelaburan semula daripada punca-punca dalam dan luar negeri untuk mencapai pertumbuhan pesat dalam sektor swasta. Bagi menarik pelaburan swasta dengan kadar yang lebih cepat lagi, strategi-strategi tertentu yang telah dipilih termasuk menggalakkan pelbagaian barang-barang pembuatan untuk eksport yang mempunyai hubungan ekonomi yang lebih rapat dengan sektor perindustrian dalam negeri. Strategi-strategi lain ialah menggiatkan semula peranan sektor pertanian, memajukan industri-industri kecil serta memperluaskan sektor pelancongan. Bagi tujuan menggalakkan eksport, kemudahan-kemudahan untuk membiayai eksport dan insurans akan diperluaskan kepada lebih ramai pengeksport dan merangkumi lebih banyak keluaran-keluaran eksport. Selain daripada itu, peraturan-peraturan baru mengenai pembayaran juga akan diadakan supaya kemudahan-kemudahan ini menjadi lebih berkesan. Langkah-langkah ini dijangka dapat meningkat dan menggalakkan lagi eksport di samping eksport-eksport yang berpunca daripada industri-industri yang sedia ada di Kawasan Perdagangan Bebas (FTZ). Galakan-galakan eksport adalah berasaskan kepada prestasi sebenar, sumbangan kepada nilai ditambah dan pembangunan industri-industri sampingan.

Galakan-galakan eksport akan juga diberi kepada pengeksport-pengeksport tak langsung dan ini meliputi jualan bahan-bahan pengeluaran oleh syarikat-syarikat tempatan kepada firma-firma dalam FTZ atau Gudang-gudang Pembuatan Berlesen (LMW) serta jualan keluaran oleh syarikat-syarikat yang berada di Kawasan-kawasan Kastam Utama (PCA) kepada syarikat-syarikat perniagaan am. Galakan-galakan baru ini juga akan memberi peluang kepada pengilang-pengilang yang sedia ada terutamanya syarikat-syarikat antarabangsa untuk menubuhkan usahasama dalam industri-industri selepas keluaran bagi mendapatkan faedah pelepasan cukai dengan sepenuhnya.

Sistem tarif yang merupakan unsur penting dalam menggalakkan pembangunan perindustrian akan disusun semula bagi meningkatkan persaingan di samping menggalakkan eksport menerusi pengurangan kadar perlindungan. Eksport juga akan digalakan menerusi penubuhan syarikat-syarikat usahasama-usahasama dengan syarikat-syarikat asing yang mempunyai kepakaran dan rangkaian pemasaran, teknologi serta kemudahan-kemudahan penyelidikan dan pembangunan. Langkah ini akan memudahkan usaha menembusi pasaran luar negeri serta meluaskan rangkaian pengedaran barang-barang buatan Malaysia ke seluruh dunia.

Peluang-peluang pelaburan yang muncul berikutan daripada perkembangan permintaan dalam negeri dan penggantian import akan digunakan dan digalakkan secara terpilih menerusi dasar-dasar fiskal dan perdagangan. Peluang untuk penggantian import seterusnya masih lagi luas, iaitu meliputi barang-barang makanan dan barang-barang pengguna tahan lama termasuk barang-barang perantaraan. Peluang ini juga meliputi pembangunan industri-industri yang mempunyai rangkaian luas hasil dari proses perindustrian yang semakin berkembang terutamanya industri-industri yang berasaskan sumber-sumber semulajadi. Penyesuaian sistem tarif dan galakan akan diambil bagi mencapai kecekapan dan pertumbuhan dalam sektor industri.

Bagi membantu pencapaian matlamat menggiatkan semula sektor pertanian, dasar-dasar akan disesuaikan bagi menggalakkan penyertaan yang lebih besar oleh sektor swasta, terutamanya dalam pelaburan dibidang perladangan samada secara usahasama atau secara pemilikan sepenuhnya. Dasar-dasar mengenai pemberian hakmilik dan pemindahan milik tanah, termasuk peraturan-peraturan pajakan juga akan diubahsuaikan untuk tujuan ini. Galakan-galakan fiskal akan juga disediakan bagi menggalak pengurusan sektor pertanian secara syarikat. Galakan-galakan ini termasuk pemberian elaun pembangunan pertanian yang diperkenalkan dalam Belanjawan Tahunan Kerajaan 1986 untuk tanaman dan kegiatan-kegiatan pertanian yang tidak layak mendapat kemudahan taraf perintis atau kredit cukai pelaburan. Syarat-syarat berhubung dengan modal saham bagi projek-projek perladangan yang baru akan diberi kelonggaran bagi mengekalkan minat asing dan tempatan dalam sektor pertanian.

Galakan-galakan bagi industri pelancongan akan diperluaskan untuk menggalak dan menambahkan pelaburan dalam kemudahan-kemudahan penginapan yang berharga sederhana supaya memenuhi keperluan pelancong-pelancong yang mempunyai sikap berjimat cermat. Galakan-galakan pelaburan secara gabungan untuk kemudahan-kemudahan infrastruktur yang berkaitan dengan pelancongan, iaitu merangkumi kemudahan penginapan dan bukan penginapan akan dijadikan lebih menarik dan meliputi bidang yang lebih luas. Gabungan galakan yang diperkenalkan baru-baru ini mengenai taraf perintis dan kredit cukai pelaburan bagi industri pelancongan merupakan unsur-unsur penting dalam galakan secara gabungan tersebut.

Industri-industri kecil melengkapkan dan menyokong industri-industri besar selain daripada menjadi punca utama bagi menyediakan pekerjaan dan merupakan asas untuk

pembangunan kemahiran dan menjadi sumber pembangunan usahawan. Industri-industri ini juga adalah lebih sesuai dan mempunyai potensi besar dalam usaha menyebarkan industri. Bagi menggalakkan lagi pembangunan industri-industri kecil, terutamanya yang berkaitan dengan eksport, galakan-galakan baru akan dipertimbangkan di samping pemberian galakan tambahan kepada pendapatan yang diselaraskan berasas kepada nilai ditambah dalam jualan eksport dan tingkat penyertaan Bumiputera. Usaha-usaha juga akan diambil bagi memudahkan lagi industri-industri memperoleh kemudahan pemasaran, kredit, khidmat nasihat, kemajuan kemahiran dan perkhidmatan teknik. Kemungkinan membuka kawasan-kawasan perindustrian bagi industri-industri kecil akan terus dikaji sementara penggunaan kemudahan kilang-kilang yang bertingkat akan digalakkan.

Keperluan-keperluan dan peraturan-peraturan pentadbiran yang terdapat di bawah Akta Penyelarasan Perindustrian (ICA), 1975 berkaitan dengan syarikat yang sedia ada dan yang baru telah pun dilonggarkan. Peningkatan paras pengecualian daripada modal saham bernilai kurang daripada \$250,000 kepada kurang daripada \$1 juta dan peningkatan tahap bilangan pekerja sepenuh masa kurang daripada 25 orang kepada kurang daripada 50 orang membolehkan lebih banyak syarikat mendapat pengecualian daripada ICA. Syarat-syarat mengenai keupayaan pengeluaran juga diberi kelonggaran yang lebih besar. Kelulusan secara automatik akan diberi kepada syarikat-syarikat untuk eksport yang membesarkan keupayaan pengeluarannya. Kelonggaran juga diberi kepada syarikat untuk pasaran tempatan yang mempunyai modal saham kurang daripada \$2.5 juta. Selanjutnya, syarikat-syarikat yang membesarkan keupayaannya adalah dibenarkan meneruskan susunan modal sahamnya seperti yang telah dipersetujui pada masa mula mendapat kelulusan pelesenan. Perubahan kepada ICA ini dijangka memberi kesan yang positif terhadap usaha-usaha mempelbagai dan memperluaskan pelaburan swasta serta menjadikan pemilikan dan pengawalan oleh syarikat lebih pasti dan berterusan.

Kerajaan juga akan menimbang langkah-langkah baru bagi membantu mempercepatkan pelaksanaan projek-projek perindustrian. Langkah-langkah ini dijangka dapat menyumbang ke arah menjadikan sistem perancangan dan pentadbiran pembangunan perindustrian lebih berorientasikan kepada prestasi.

Pelaburan asing akan terus digalakkan menerusi kelonggaran yang lebih ke atas syarat-syarat pemilikan modal saham terutamanya bagi projek-projek untuk eksport. Projek-projek yang mengeksport sebanyak 51 peratus hingga 79 peratus daripada jumlah pengeluaran akan dibenarkan pemilikan modal saham asing sebanyak 51 peratus sementara projek-projek yang mengeksport 80 peratus daripada jumlah pengeluaran atau lebih, dibenarkan pemilikan modal saham asing sebanyak 80 peratus. Peratusan pemilikan modal saham yang lebih tinggi adalah dibenarkan bergantung kepada beberapa faktor lain seperti jumlah pelaburan, nilai ditambah dan bahan-bahan tempatan serta teknologi yang digunakan. Tujuan utamanya ialah untuk membolehkan penyertaan modal asing dan penguasaan pengurusannya menjadi setanding dengan sumbangan

mereka kearah memperluaskan asas dan mempertingkatkan pembangunan sektor pembuatan.

Pembiayaan pelaburan dalam tempoh RML memerlukan sumber kewangan yang mencukupi pada kos yang munasabah. Kerajaan akan mengembeling tabungan dan memastikan tabungan tersebut digunakan dengan produktif. Pinjaman yang diberi oleh bank-bank perdagangan khususnya akan digalakkan ke arah sektor-sektor yang produktif yang dapat memberi sumbangan kepada usaha-usaha membawa masuk teknologi-teknologi baru dan meningkatkan aliran masuk pendapatan tukaran wang asing bersih. Industri bank akan disusun semula dan disesuaikan bagi tujuan mengukuh dan menggalakkan lebih banyak persaingan dalam perniagaan bank. Kecekapan dalam pengurusan bank akan diberi penekanan dengan tujuan membolehkan peminjam-peminjam mendapat faedah dari kadar pinjaman yang lebih menarik.

Kerajaan akan terus mengguna dan memperluaskan lagi saluran-saluran rasmi dan tak rasmi bagi mengadakan perbincangan dengan sektor swasta untuk mendapatkan pandangan dan sambutan mereka terhadap dasar-dasar Kerajaan. Saluran-saluran rasmi yang sedia ada seperti Majlis Penasihat Perindustrian, Panel Ekonomi, Dialog Belanjawan Tahunan, Dialog dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian dan perbincangan dengan Persatuan-persatuan Pengguna juga akan diperkembangkan.

#### Bidang-bidang Bagi Penyertaan Sektor Swasta

Pertumbuhan dan perubahan-perubahan struktur yang berterusan dalam tempoh RML dijangka menyediakan peluang-peluang penyertaan sektor swasta dalam pembangunan ekonomi. Dalam sektor pembuatan, penekanan akan diberi terhadap pembangunan yang lebih giat dalam industri-industri yang berasaskan sumber, usaha-usaha meluaskan lagi eksport, pembangunan industri-industri berat secara terpilih serta usaha-usaha mempelbagai dan meningkatkan lagi industri-industri bukan berasaskan sumber. Sektor pertanian akan dipergiatkan, manakala pembangunan sektor pelancongan akan terus digalakkan. Di samping itu, penswastaan dijangka menyediakan peluang-peluang selanjutnya bagi penglibatan sektor swasta.

Pembangunan industri-industri berasaskan sumber akan membuka lebih banyak peluang-peluang pelaburan untuk eksport serta pasaran dalam negeri. Peluang-peluang juga terdapat dalam usaha memajukan lagi industri getah terutamanya dalam pengeluaran dan eksport tayar dan keluaran yang berasaskan susu getah. Penawaran minyak kelapa sawit dan minyak isirong sawit yang terdapat dengan banyaknya membuka peluang bagi memajukan industri kimia-oleo serta pengeluaran lemak dan barang-barang yang berasaskan isirong sawit. Industri yang berasaskan kayu akan memberi lebih banyak peluang-peluang untuk melabur terutamanya dalam pengeluaran kayu ukiran dan perabut untuk pasaran eksport. Di samping itu, terdapat juga potensi dalam pengeluaran barang-barang bukan logam seperti barang-barang aluminium dan tembaga serta kegiatan-kegiatan selepas pengeluaran di dalam industri bijih timah. Peluang-peluang

untuk melabur seterusnya dalam bidang penggantian import juga wujud dalam industri kimia. Pengeluaran baja-baja campuran, urea, fosfat serta racun serangga juga boleh diperluaskan untuk memenuhi keperluan yang bertambah di sektor pertanian dalam negeri. Sementara itu, sumber-sumber gas yang ada juga membuka peluang pembangunan industri petro-kimia.

Industri bukan berasaskan sumber juga menawarkan peluang-peluang pelaburan yang menarik, termasuk industri elektronik dan elektrik, yang mengeluarkan terutamanya barang-barang elektronik untuk kegunaan pengguna dan industri-industri. Potensi juga terdapat untuk pengeluaran dalam negeri bagi komponen-komponen dan bahan-bahan yang digunakan oleh industri elektronik. Di samping itu, peluang-peluang pelaburan juga terdapat dalam pembangunan industri-industri jentera dan kejuruteraan. Seterusnya, di antara peluang-peluang yang boleh didapati termasuklah terutamanya dalam bidang modul komponen asas seperti pengeluaran injap, pam, alat gandingan, pelinciran, pemesanan dan tempaan.

Pembangunan industri berat akan dilaksanakan secara terpilih memandangkan industri ini adalah besar, berintensif modal dan melibatkan risiko yang tinggi serta mempunyai tempoh memulakan pengeluaran yang panjang. Pembangunan industri-industri ini juga membuka peluang untuk penyertaan sektor swasta yang lebih giat dan meluas oleh kerana industri ini memerlukan banyak sumber kewangan, pengurusan dan kepakaran dalam bidang pemasaran serta teknologi yang baru dan yang lebih sesuai. Industri-industri berat tersebut termasuklah projek-projek yang dilaksanakan oleh Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM) dan Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS). PETRONAS dijangka membuat pelaburan yang besar dalam projek-projek petro-kimia. Pembangunan projek-projek industri berat akan menggalakkan pertumbuhan industri-industri sampingan di samping membuka peluang-peluang baru bagi penyertaan pelaburan asing memandangkan projek-projek tersebut memerlukan sumber kewangan, kepakaran dan teknologi yang besar dari luar negeri.

Pelaburan dalam sektor pertanian terutamanya penanaman secara ladang terus dipertingkatkan berikutan dari penekanan ke atas pengeluaran tanaman-tanaman makanan bagi mengganti import dan membekalkan bahan-bahan pengeluaran kepada industri-industri pembuatan yang berasaskan makanan. Di samping itu, usaha menangkap ikan di air dalam dan ternak air juga menawarkan peluang-peluang pelaburan selaras usaha negara untuk memodenkan industri perikanan bagi tujuan keperluan negara.

Peluang-peluang pelaburan selanjutnya juga terdapat dalam sektor pembinaan berikutan daripada rancangan Kerajaan untuk mempercepatkan pelaksanaan program pembinaan rumah kos rendah. Sektor pembinaan juga akan menggalakkan industri simen, besi dan industri-industri lain yang mengeluarkan bahan-bahan pembinaan berikutan daripada penggunaan konkrit dalam pembinaan permukaan jalan dan lebuh raya dan daripada perkembangan program perumahan.

Peluang-peluang pelaburan juga terdapat dalam sektor kewangan. Sektor swasta tempatan secara usahasama dengan syarikat-syarikat antarabangsa, syarikat-syarikat perniagaan dan institusi-institusi kewangan yang lain boleh menyediakan modal usaha niaga kepada industri-industri kecil dan sederhana. Pembiayaan ini adalah untuk memenuhi keperluan modal saham yang mempunyai risiko dalam tempoh sederhana dan jangka panjang serta keperluan pembiayaan untuk program-program memajukan kilang. Selain dari itu, peluang-peluang lain termasuk pelaburan dalam pembiayaan eksport dan perdagangan boleh didapati berikutan daripada pertumbuhan eksport dan perluasan asas eksport.

Selaras keadaan ekonomi yang semakin maju terdapat keperluan yang lebih besar bagi menjalankan kegiatan penyelidikan dan pembangunan serta memperluaskan kemudahan mendapatkan teknologi dan maklumat-maklumat baru. Peningkatan produktiviti dan permodenan sektor pertanian serta persaingan yang meningkat dan semakin meluas dalam sektor pembuatan memerlukan penglibatan oleh sektor swasta secara langsung dalam usaha-usaha penyelidikan. Disamping itu sektor swasta juga boleh menjalankan penyelidikan secara usahasama dengan institusi-institusi penyelidikan awam. Usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan oleh sektor swasta dijangka terus digalakkan dan diperluaskan berikutan daripada langkah Kerajaan mengkaji semula dan mengubahsuai sistem galakan yang ada untuk menggalakkan dayausaha sektor swasta dalam bidang penyelidikan dan pembangunan.

Secara umum penswastaan merupakan usaha-usaha Kerajaan untuk menggalakkan lebih besar penyertaan oleh sektor swasta dalam pemilikan, perjalanan dan pengurusan projek-projek sektor awam serta pembekalan perkhidmatan-perkhidmatan awam. Dalam membantu usaha-usaha ini, Kerajaan telah menyediakan garis panduan mengenai penswastaan untuk diguna oleh agensi-agensi awam dan sektor swasta mengenai konsep dan matlamat-matlamat penswastaan, pengenalpastian dan penyediaan cadangan-cadangan penswastaan serta susunan institusi bagi melaksanakan rancangan penswastaan. Beberapa perkhidmatan dan projek yang melibatkan sektor-sektor penting ekonomi telah pun diswastakan melalui dayausaha-dayausaha sektor-sektor swasta dan awam.

Hasil usaha-usaha sektor swasta dan sektor awam, beberapa rancangan dan projek telah pun dikenalpasti untuk diswastakan lagi yang melibatkan terutamanya sektor pengangkutan dan perhubungan dan sektor perkhidmatan. Walaubagaimana pun, potensi dan peluang-peluang bagi penglibatan sektor swasta yang lebih besar didapati dalam rancangan penswastaan memandangkan terdapat banyak kepentingan-kepentingan sektor awam yang boleh diswastakan. Beberapa bentuk penswastaan seperti pemberian kontrak, pajakan dan pemindahan hakmilik dan penguasaan memberi peluang yang lebih dari segi penentuan bentuk penyertaan serta pilihan yang luas untuk penglibatan sektor swasta dalam ekonomi. Di samping memberi sektor swasta bahagian yang lebih besar dari segi pemilikan dan penguasaan dalam ekonomi, penswastaan

mbolehkan sektor swasta memperkenalkan unsur-unsur baru yang dinamik, corak-corak organisasi, kaedah-kaedah pengeluaran serta memperbaiki kecekapan dalam kegiatan-kegiatan yang diswastakan. Sektor swasta adalah digalakkan melengkapkan lagi dayausaha kerajaan dengan menyediakan cadangan-cadangan penswastaan bagi tujuan mempercepatkan kadar dan memperluaskan bidang penswastaan.

#### **IV. PENUTUP**

Sektor swasta dijangka memainkan peranan utama dalam usaha mencapai matlamat ekonomi-makro dan tujuan-tujuan pembangunan ekonomi keseluruhannya. Peranan ini adalah penting lebih-lebih lagi memandangkan usaha-usaha untuk memperkukuhkan kewangan sektor awam berikutan daripada masalah batasan-batasan sumber yang dihadapi. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan mempergiatkan usaha untuk mewujudkan suatu suasana pelaburan bagi menjadi sektor swasta berkeupayaan tinggi, berdayausaha dan dinamik. Kerajaan akan juga memastikan penyertaan dan sumbangan yang aktif daripada pelabur-pelabur tempatan dan asing dalam proses pembangunan negara. Cabaran-cabaran dimasa hadapan memerlukan sikap yang lebih positif dan penglibatan yang lebih daripada pihak swasta kearah menambahkan sumbangannya kepada pembangunan negara sejajar dengan hasrat Persyarikatan Malaysia.

## **BAB 7: PEMBANGUNAN SEKTOR AWAM**

### **I. PENDAHULUAN**

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME), program sektor awam telah dilaksanakan untuk mencapai matlamat-matlamat Dasar Ekonomi Baru (DEB) menerusi pertumbuhan ekonomi. Program tersebut juga bertujuan mencapai matlamat-matlamat lain termasuk mempertingkatkan keupayaan pengeluaran ekonomi menerusi pelaburan dalam kemudahan-kemudahan infrastruktur, pelajaran dan latihan. Di samping itu, program-program seperti kesihatan, bekalan air, perumahan dan lain-lain perkhidmatan-perkhidmatan sosial juga telah dilaksanakan untuk meninggikan mutu kehidupan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), program-program sektor awam akan memberi tumpuan kepada pertumbuhan yang stabil memandangkan batasan-batasan sumber yang akan dialami. Di samping itu, program-program ini juga adalah bertujuan untuk meninggikan mutu kehidupan melalui penyediaan kemudahan-kemudahan asas serta meneguhkan lagi asas ekonomi. Untuk mencapai pertumbuhan ekonomi, sektor swasta dijangka memainkan peranan yang utama.

### **II. PROGRAM SEKTOR AWAM DAN PEMBIAYAAN, 1981-85.**

Konsep dan liputan

Mengikut amalan yang lepas, sektor awam terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan 14 buah pihak-pihak Berkuasa awam. Pihak-pihak berkuasa awam terdiri daripada tiga buah lembaga elektrik, tiga buah lembaga pelabuhan utama, empat buah majlis perbandaran- yang terbesar, Keretapi Tanah Melayu, Jabatan Telekom, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun-pekebun Kecil Getah (RISDA).

Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, bilangan pihak-pihak berkuasa awam yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan perdagangan dan sosioekonomi telah bertambah berikutan dengan penglibatan sektor awam yang semakin pesat dalam ekonomi negara. Pihak-pihak berkuasa tersebut juga telah memberi sumbangan terhadap matlamat-matlamat pertumbuhan ekonomi dan DEB. Dari segi peranan dan fungsinya, perbadanan-perbadanan awam tersebut terbahagi kepada tiga kategori, iaitu sosioekonomi, perdagangan dan perindustrian serta kemudahan-kemudahan awam. Pihak-pihak berkuasa awam yang termasuk di bawah kategori sosioekonomi ialah RISDA, FELDA, Lembaga Pemulihan dan Penyatuan Tanah Negara (FELCRA) dan Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC). Pihak berkuasa awam di bawah kategori



perdagangan dan perindustrian pula termasuk Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS), Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Perbadanan Industri Berat Malaysia (HICOM). Pihak-pihak berkuasa awam yang terdapat di dalam kategori kemudahan-kemudahan awam pula terdiri daripada lembaga-lembaga elektrik dan lembaga-lembaga pelabuhan. Pihak-pihak berkuasa awam ini yang dahulunya dikenali sebagai Agensi-agensi Luar Belanjawan (OBAs) kini dikenali pula sebagai Perusahaan Awam Bukan Kewangan (PABK). Walau bagaimanapun, PABK ini tidak termasuk majlis-majlis perbandaran yang pada masa ini merupakan kerajaan-kerajaan tempatan

Dari segi perancangan dan pengawasan perbelanjaan sektor awam, hanya PABK yang besar yang mempunyai hakmilik modal saham Kerajaan melebihi 50 peratus dan memiliki hasil tahunan melebihi \$5 juta sahaja yang diambilkira dalam takrif yang digunakan bagi sektor awam. Dalam RML, sektor awam adalah terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan PABK yang tersebut, 35 daripadanya adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-1. Senarai PABK tersebut akan disesuaikan untuk mengambilkira perubahan-perubahan dalam hakmilik modal saham awam dan hasil serta penubuhan pihak-pihak berkuasa awam yang baru.

Perbelanjaan pembangunan bagi kebanyakan PABK merupakan satu jumlah yang besar daripada perbelanjaan sektor awam. Perbelanjaan PABK ini mempunyai kesan besar terhadap imbalan pembayaran negara dan kedudukan hutang luar negeri. Keadaan ini adalah disebabkan perbelanjaan pembangunan PABK mempunyai kandungan tukaran asing yang tinggi. Tambahan pula, bagi membiayai perbelanjaannya, PABK bergantung kepada pinjaman di dalam negeri dan di pasaran antarabangsa. Kebanyakan daripada pinjaman-pinjaman tersebut memerlukan jaminan daripada Kerajaan Persekutuan. Saiz pelaburan sektor awam dalam RME tanpa mengambilkira PABK adalah dianggarkan sebanyak 30 peratus daripada jumlah pelaburan sebaliknya dengan mengambilkira 35 PABK, saiz pelaburan sektor awam telah meningkat kepada 48 peratus.

Perbelanjaan pembangunan sektor awam dalam RME adalah berjumlah \$80,331 juta sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 7-2. Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak 57.7 peratus daripada jumlah ini, Kerajaan-kerajaan Negeri 7.8 peratus dan PABK 34.5 peratus. Sebanyak \$28,926.1 juta atau 39.1 peratus daripada perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dan PABK adalah bagi sektor pertanian dan pembangunan luar bandar serta sektor perdagangan dan perindustrian manakala \$26,643.1 juta atau 36 peratus adalah bagi sektor pengangkutan, perhubungan serta sektor tenaga dan kemudahan-kemudahan awam. Perbelanjaan bagi sektor sosial berjumlah \$9,980.2 juta atau 13.5 peratus dan bagi sektor keselamatan jumlahnya adalah \$7,494.6 juta atau 10.1 peratus.

Perbelanjaan pembangunan mengikut sektor

Jadual 7-2 menunjukkan agihan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dan PABK mengikut sektor. Perbelanjaan bagi program-program ekonomi dan sosial merupakan bahagian

yang terbesar daripada jumlah perbelanjaan pembangunan, diikuti oleh perbelanjaan bagi sektor keselamatan dan pentadbiran. Perbelanjaan bagi sektor ekonomi adalah 75.3 peratus daripada jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dan PABK yang berjumlah \$74,063 juta, sektor sosial sebanyak 13.5 peratus, sektor keselamatan 10.1 peratus, dan sektor pentadbiran sebanyak 1.1 peratus.

Perbelanjaan bagi sektor pertanian dan pembangunan luar bandar berjumlah \$8,714.4 juta atau 11.8 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan PABK. Program-program yang telah dilaksanakan adalah bertujuan membasmi kemiskinan. Antaranya termasuk program pembukaan tanah baru seluas 360,600 hektar yang merupakan 83.9 peratus daripada matlamat pembukaan tanah baru di bawah RME; penanaman semula getah seluas 103,500 hektar atau 61 peratus daripada matlamat RME; pelaksanaan beberapa projek parit dan taliair bagi penanaman padi sekali dan dua kali setahun yang dapat membekalkan kira-kira 70 peratus daripada keperluan beras negara; dan Projek Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADPs) yang menyediakan infrastruktur, input-input, dan perkhidmatan pertanian kepada petani secara bersepadu.

Perbelanjaan bagi sektor perdagangan dan perindustrian berjumlah \$20,211.6 juta atau 27.3 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan PABK. Perbelanjaan ini adalah untuk program-program penyusunan semula yang dilaksanakan oleh agensi-agensi seperti Permodalan Nasional Berhad (PNB), Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN-PKEN). Peranan utama PNB adalah untuk menilai, memilih dan membeli saham-saham dalam syarikat-syarikat berhad yang mempunyai peluang pertumbuhan. Sehingga bulan Disember 1985, kumpulan PNB telah melabur sejumlah \$6,160 juta daripada modal saham dalam 159 buah syarikat. Program-program yang dijalankan oleh MARA termasuk memberi latihan keusahawanan kepada 80,700 orang pelatih-pelatih Bumiputera, memberi khidmat nasihat dan perundingan dan pinjaman kepada peniaga-peniaga Bumiputera serta membina kedai-kedai dan gerai-gerai untuk dijual atau disewa kepada usahawan-usahawan Bumiputera. Perbelanjaan oleh agensi-agensi seperti PETRONAS dan HICOM untuk program-program perdagangan dan perindustrian adalah bertujuan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi. Program-program ini termasuklah mencarigali dan mengusahakan telaga-telaga minyak di Terengganu dan Sabah yang dijalankan oleh PETRONAS dan projek-projek yang dilaksanakan oleh HICOM seperti loji simen di Kedah, loji besi waja di Terengganu dan projek kereta Malaysia.

Sektor pengangkutan, perhubungan, serta sektor kemudahan awam dan tenaga terus menyediakan asas bagi pembangunan sektor-sektor lain dalam ekonomi. Perbelanjaan bagi sektor pengangkutan adalah berjumlah \$12,965.5 juta atau 17.5 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan PABK. Sebahagian besar daripada perbelanjaan tersebut adalah bagi pembinaan jalan-jalan dan jambatan. Program-program utama yang dilaksanakan termasuk Jambatan Pulau Pinang, pembinaan jalan-jalan utama seperti Kuala Kerai-Gua Musang, Kuantan - Segamat dan Lebuhraya Timur-Barat, pembinaan lebuhraya tol antara bandar dan program-program

memperbaiki jalan seperti jalan Tamparuli-Ranau dan jalan Miri-Bintulu. Sementara itu, program-program pembinaan jalan luar bandar dan menaikkan taraf jalan-jalan kampung yang sedia ada ke taraf jalan berturap telah juga dilaksanakan. Perbelanjaan bagi program keretapi meliputi usaha-usaha memperbaiki landasan sepanjang 358 kilometer dan pembelian 25 buah lokomotif serta 50 buah gerabak penumpang. Keupayaan syarikat-syarikat perkapalan negara telah juga diperbesarkan menerusi pembelian 14 buah kapal baru dan ini telah menambahkan keupayaan muatan syarikat-syarikat tersebut daripada 817,050 tan metriks pada tahun 1980 kepada 1,483,900 tan metriks pada tahun 1985.

Perbelanjaan bagi sektor perhubungan berjumlah kira-kira \$5,033.2 juta atau 6.8 peratus daripada jumlah perbelanjaan. Berikutan dengan pelaksanaan program-program telekom, keupayaan talian telah meningkat daripada 65,000 pada tahun 1980 kepada 1.9 juta pada tahun 1985 dan ini merupakan pencapaian sebanyak 65.9 peratus daripada matlamat RME. Perkhidmatan Dail Terus Antarabangsa yang meliputi empat buah negara pada tahun 1980 telah diperluaskan kepada 65 buah negara menjelang akhir tahun 1985.

Perbelanjaan bagi pembangunan tenaga dan kemudahan-kemudahan awam berjumlah \$8,644.5 juta atau 11.7 peratus daripada jumlah perbelanjaan sektor awam. Sebahagian besar daripadanya adalah untuk bekalan elektrik dan air. Program-program tenaga utama yang telah laksanakan termasuklah Stesen Janakuasa Perai, Tenom Pangi dan Projek Hidro-elektrik Batang Ai dan Stesyen Janakuasa Gas Paka. Di samping itu, program-program bekalan elektrik luar bandar juga telah dilaksanakan. Dalam tempoh RME, sejumlah 21 buah projek mini-hidro telah dilaksanakan. Berikutan dengan siapnya program-program ini, 42 peratus daripada penduduk luar bandar telah mendapat bekalan elektrik menjelang tahun 1985, berbanding dengan 28 peratus pada tahun 1980. Berhubung dengan bekalan air, program-program utama yang telah dilaksanakan termasuk beberapa projek bekalan air di bandar dan 4,350 skim bekalan air luar bandar. Skim bekalan air luar bandar tersebut telah memberi faedah kepada 3.2 juta penduduk.

Bagi sektor sosial, yang terdiri daripada pelajaran dan latihan, kesihatan, perumahan dan perkhidmatan-perkhidmatan sosial yang lain, perbelanjaannya berjumlah \$9,980.2 juta atau 13.5 peratus daripada jumlah perbelanjaan. Sebahagian besar daripada perbelanjaan yang terlibat adalah untuk pelajaran dan latihan, kesihatan dan perumahan. Antara program-program pelajaran dan latihan yang telah dilaksanakan termasuk menyediakan sebanyak 11,000 unit bilik darjah bagi sekolah rendah berbanding dengan matlamat RME sebanyak 17,000 unit dan sebanyak 5,800 unit bilik darjah sekolah menengah berbanding dengan matlamat RME sebanyak 10,700 unit. Dalam usaha memperbaiki nisbah penduduk : katil pesakit teruk, sebanyak sembilan buah hospital baru telah siap dibina dalam tempoh RME dan ini telah menambahkan bilangan katil pesakit daripada 21,400 pada tahun 1981 kepada 26,200 pada tahun 1985. Sementara itu, sebanyak 201,900 unit rumah juga telah dibina berbanding dengan matlamat RME sebanyak 398,600 unit.

Perbelanjaan bagi sektor keselamatan yang bertujuan memelihara kedaulatan dan keamanan negara berjumlah \$7,494.6 juta atau 10.1 peratus daripada jumlah perbelanjaan. Sebahagian besar daripada perbelanjaan sektor ini adalah untuk tujuan pertahanan iaitu berjumlah \$5,836.3 juta, manakala bakinya adalah untuk keselamatan dalam negeri. Program-program pertahanan yang telah dilaksanakan termasuk pembelian kelengkapan moden, pembesaran pengkalan dan kem-kem yang sedia ada serta pembinaan pengkalan dan kem-kem baru seperti Pengkalan Tentera Laut DiRaja Malaysia di Lumut dan Pengkalan Tentera Udara DiRaja Malaysia di Subang. Program-program bagi keselamatan dalam negeri pula termasuklah pembelian kelengkapan moden, pembinaan balai-balai polis baru dan pembesaran balai-balai polis yang sedia ada di samping pembinaan pusat-pusat rawatan dan pemulihan penagih dadah. Sementara itu, kemudahan-kemudahan latihan juga telah diperluas dan dipertingkatkan bagi meninggikan kecekapan pasukan polis.

Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan untuk program-program DEB

Sejumlah \$18,284.3 juta atau 37.3 peratus daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah untuk program-program DEB. Sebanyak \$17,905.1 juta daripada jumlah ini telah dibelanjakan dalam tempoh RME. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 7-3, sebanyak \$11,238.5 juta telah dibelanjakan untuk program pembasmian kemiskinan manakala bakinya untuk program penyusunan semula masyarakat. Program-program untuk pembasmian kemiskinan termasuk bantuan kepada petani-petani, pembangunan tanah dan perumahan kos rendah, sementara program penyusunan semula masyarakat pula meliputi pembelian modal saham dalam syarikat-syarikat berhad dan penyediaan peluang-peluang pekerjaan di sektor-sektor perdagangan dan perindustrian. perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan mengikut negeriz

Negeri-negeri berpendapatan tinggi iaitu Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah membelanjakan sebanyak \$8,564.6 juta atau 18.5 peratus daripada jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan seperti ditunjukkan dalam Jadual 7-4. Perbelanjaan ini perlu bagi menyiapkan projek-projek sambungan seperti Projek Fasa I Stesyen Janakuasa menggunakan gas-minyak Pelabuhan Kelang, projek Gas Turbin Jambatan Connaught, Skim Penyuraian Lalu-lintas Kuala Lumpur-Petaling Jaya, Kompleks Dayabumi, pembesaran Lapanganterbang Antarabangsa Subang dan pembinaan Pengkalan Tentera Udara DiRaja Malaysia di Subang.

Kumpulan negeri berpendapatan sederhana yang meliputi 10 buah negeri telah membelanjakan sebanyak \$21,260.9 juta atau 45.9 peratus daripada jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan. Perbelanjaan adalah berbeza-beza di kalangan negeri-negeri iaitu antara \$579.0 juta bagi Negeri Perlis dan \$3,478.6 juta bagi Negeri Perak. Perbelanjaan bagi negeri-negeri berpendapatan rendah iaitu Kedah dan Kelantan adalah berjumlah \$4,882.1 juta atau 10.5 peratus daripada jumlah perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan. Sebahagian besar perbelanjaan bagi negeri-negeri ini adalah bagi sektor pengangkutan dan perhubungan serta sektor pertanian dan pembangunan luar bandar.

Perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek pelbagai negeri

Projek-projek yang memberi faedah kepada seluruh negara dan tempat letaknya tidak dapat ditentukan adalah dianggap sebagai projek-projek pelbagai negeri. Dalam tempoh RME, projek-projek ini termasuk pembelian kelengkapan bagi angkatan tentera dan polis, biasiswa, kumpulan wang pinjaman perumahan pegawai-pegawai Kerajaan dan peruntukan kepada PNB untuk membeli saham dalam syarikat-syarikat berhad. Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan bagi projek-projek pelbagai negeri berjumlah \$11,612.4 juta atau 25.1 peratus daripada jumlah perbelanjaan.

Perbelanjaan semasa

Perbelanjaan semasa Kerajaan Persekutuan yang terutamanya terdiri daripada gaji dan upah, khidmat bayaran hutang, bekalan dan perkhidmatan, dan subsidi telah meningkat pada kadar 9.4 peratus setahun dalam tempoh RME. Perbelanjaan bagi pembayaran gaji dan upah yang merupakan kira-kira 36 peratus daripada jumlah perbelanjaan semasa, telah bertambah kira-kira 10.0 peratus setahun dalam tempoh tersebut. Negeri-negeri telah dibahagikan kepada tiga kategori iaitu negeri berpendapatan tinggi, pertengahan dan rendah berdasarkan kepada KDNK per kapita tiap-tiap negeri tersebut dibandingkan dengan per kapita purata negara. Pertambahan ini telah mengambilkira penyemakan gaji kakitangan-kakitangan Kerajaan dalam kumpulan C dan D yang telah dilaksanakan sejak bulan Julai, 1985 serta pengisian jawatan-jawatan kosong. Bayaran khidmat hutang pula telah meningkat pada kadar 28.8 peratus setahun dan dengan itu menambahkan bahagiannya dalam jumlah perbelanjaan semasa daripada 11.6 peratus pada tahun 1980 kepada 25.7 peratus pada tahun 1985. Pertambahan yang pesat ini adalah disebabkan oleh jumlah tanggungan pinjaman Kerajaan Persekutuan yang lebih besar bagi membiayai program-program pelaburannya yang besar, terutamanya pada tahun-tahun awal RME. Bertambahnya keperluan untuk mendapatkan pinjaman menerusi sumber-sumber pasaran serta kadar faedah yang agak tinggi telah menyebabkan bayaran khidmat hutang lebih besar.

Perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan, terutamanya terdiri daripada pembelian bekalan dan kelengkapan disamping bayaran bagi perkara-perkara lain termasuk perjalanan, kemudahan-kemudahan, penyelenggaraan dan pembaikan serta perkhidmatan-perkhidmatan iktisas, telah juga bertambah pada kadar yang tinggi iaitu kira-kira 15 peratus setahun dan merupakan kira-kira 13 peratus daripada jumlah perbelanjaan semasa dalam tempoh RME. Perbelanjaan untuk subsidi telah berkurang sebanyak 15.8 peratus setahun dalam tempoh tersebut berikutan daripada penghapusan subsidi Kerajaan bagi disel dan minyak tanah semenjak tahun 1984.

Langkah-langkah yang diambil oleh sektor awam untuk mengatasi keadaan kemelesetan ekonomi pada tahun-tahun awal lapan puluhan dan seterusnya pertambahan dalam perbelanjaan pembangunan telah menyebabkan jumlah keseluruhan kurangan sektor

awam meningkat ke paras yang belum pernah dialami. Di samping itu, pelaksanaan pemotongan cukai yang telah dijalankan selaras dengan langkah-langkah bagi mengatasi keadaan kemelesetan ekonomi serta semakin berkurangnya hasil cukai eksport barangan telah menyebabkan kadar pertumbuhan hasil berkurang dengan banyak. Sungguhpun hasil yang berpunca daripada minyak dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan minyak telah bertambah dengan banyaknya, pertumbuhan tersebut adalah tidak mencukupi untuk menyekat kurangan keseluruhan sektor awam meningkat kepada 20.5 peratus daripada KNK pada tahun 1981 dan kepada 19.0 peratus pada 1982 daripada 12.0 peratus pada tahun 1980. Pengurangan perbelanjaan sektor awam secara berperingkat-peringkat berikutan daripada langkah-langkah berjimat cermat yang telah dimulakan semenjak tahun 1983 serta pemulihan harga-harga barangan telah mengurangkan lagi kurangan tersebut kepada 9.7 peratus pada tahun 1985.

#### Punca-punca hasil

Dalam tempoh RME, jumlah hasil Kerajaan Persekutuan telah bertambah sebanyak 9.4 peratus setahun daripada \$13,926 juta pada tahun 1980 kepada \$21,861 juta pada tahun 1985 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-5. Bahagiannya telah meningkat daripada 27.0 peratus daripada KNK kepada 29.9 peratus setahun. Walau bagaimanapun, bahagian cukai daripada jumlah hasil telah berkurang daripada 91.9 peratus kepada 85.4 peratus dan keadaan ini sebahagiannya disebabkan oleh peningkatan hasil bukan cukai yang tinggi, terutamanya daripada dividen petroleum. Pengurangan hasil daripada cukai-cukai dalam tempoh tersebut adalah juga disebabkan oleh potongan-potongan cukai yang besar, pengecualian-kecualiandan elaun-elaun serta penerimaan hasil daripada cukai eksport yang semakin berkurang. Namun demikian, peratusan hasil cukai yang masih tinggi tersebut, jelas menunjukkan usaha utama Kerajaan bagi mendapatkan sumber-sumber dalam negeri daripada punca-punca fiskal tanpa mengakibatkan ketidaksetabilan harga. Bagi hasil yang berpunca daripada cukai, hasil cukai langsung telah bertambah dengan banyaknya iaitu sebanyak 11.5 peratus setahun dan merupakan 70.1 peratus daripada pertambahan keseluruhan pendapatan hasil cukai. Hasil cukai tidak-langsung pula telah meningkat pada kadar yang perlahan sebanyak 4.5 peratus setahun. Sumbangan hasil daripada minyak dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan minyak kepada jumlah hasil Kerajaan Persekutuan telah bertambah dengan banyaknya daripada 19.8 peratus pada tahun 1980 kepada 29.3 peratus pada tahun 1985.

Dalam tempoh RME, hasil daripada cukai-cukai langsung, terutamanya daripada cukai pendapatan ke atas syarikat-syarikat dan orang-orang perseorangan, telah meningkat pada kadar 12.0 peratus setahun dan merupakan 41.8 peratus daripada jumlah hasil. Pertumbuhan yang sederhana bagi hasil daripada cukai-cukai syarikat iaitu pada kadar 8.7 peratus setahun adalah disebabkan oleh kejatuhan harga-harga barangan yang telah menjejaskan pendapatan syarikat. Hasil daripada cukai pendapatan perseorangan telah meningkat pada kadar 13.5 peratus setahun dan keadaan ini menunjukkan asas pendapatan yang semakin teguh, semakin meningkatnya bilangan pembayar-pembayar cukai serta jentera pemungutan cukai yang bertambah baik.

Hasil daripada cukai tidak-langsung, terutamanya daripada duti-duti eksport dan import yang lazimnya merupakan bahagian yang besar daripada hasil fiskal, telah bertambah dengan kadar yang agak perlahan. Bahagiannya dalam jumlah hasil fiskal telah berkurang dengan banyaknya daripada 51.2 peratus pada tahun 1980 kepada 40.7 peratus pada tahun 1985, terutamanya disebabkan oleh pendapatan eksport yang rendah. Hasil daripada duti eksport telah merosot sebanyak 7.2 peratus setahun, daripada \$2,567 juta pada tahun 1980 kepada \$1,760 juta pada tahun 1985 berikutan daripada berkurangnya jumlah penerimaan daripada bijih timah dan minyak kelapa sawit. Mengenai cukai eksport getah, berikutan daripada keputusan Kerajaan untuk mengurangkan beban cukai yang dikenakan ke atas pekebun-pekebun kecil getah dengan menaikkan harga getah minima yang boleh dicukai daripada 180 sen sekilo kepada 210 sen sekilo pada tahun 1985, telah menyebabkan hasil cukai yang diperolehi daripada duti eksport getah hampir tiada langsung pada tahun 1985 berbanding dengan \$1,098 juta pada tahun 1980. Kejatuhan jumlah hasil daripada duti eksport ini menyebabkan bahagiannya daripada jumlah cukai tidak-langsung berkurang dengan banyaknya daripada 36.0 peratus pada tahun 1980 kepada 19.8 peratus pada tahun 1985.

Pendapatan daripada duti-duti import telah meningkat sebanyak 8.4 peratus setahun berikutan daripada kenaikan kadar duti import kepada kadar yang lebih tinggi, yang dikenakan ke atas kereta-kereta penumpang, minuman keras, rokok dan tembakau. Bahagiannya daripada jumlah hasil cukai tidak-langsung meningkat daripada 28.9 peratus pada tahun 1980 kepada 34.7 peratus pada tahun 1985. Penerimaan daripada punca cukai-cukai jualan dan perkhidmatan juga telah meningkat dengan pesatnya dalam tempoh tersebut berikutan daripada kenaikan kadar cukai-cukai jualan dan perkhidmatan daripada 5.0 peratus kepada 10.0 peratus yang bermula pada tahun 1983.

Hasil yang berpunca daripada minyak dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan minyak telah bertambah lebih daripada 18.0 peratus setahun dalam tempoh RME, dan ini menunjukkan asas hasil Kerajaan Persekutuan adalah semakin bergantung kepada punca tersebut. Bahagian hasil tersebut daripada jumlah hasil keseluruhan telah meningkat daripada 19.8 peratus pada tahun 1980 kepada 29.3 peratus pada tahun 1985. Jumlah pertambahan hasil daripada punca ini adalah lebih besar daripada jumlah kejatuhan hasil daripada punca-punca lain, terutamanya hasil cukai daripada perdagangan luar. Sumbangan dividen petroleum yang terus meningkat telah menyebabkan bahagiannya meningkat dengan banyaknya kepada 39.9 peratus daripada hasil bukan cukai dalam tempoh RME, manakala pertambahan hasil daripada punca-punca duti eksport petroleum tidak dapat menampung sepenuhnya kejatuhan hasil duti-duti eksport barangan utama lain. Selain daripada itu, hasil cukai pendapatan daripada sektor petroleum telah meningkat dengan pesatnya sebanyak 14.0 peratus setahun dalam tempoh yang sama berikutan daripada pendapatan syarikat yang lebih tinggi dalam kegiatan-kegiatan petroleum.

## Punca-punca pembiayaan

Lebih semasa Kerajaan Persekutuan telah meningkat daripada \$309 juta pada tahun 1980 kepada \$508 juta pada tahun 1985 dan ini menjadikan jumlah lebih terkumpul sebanyak \$1,880 juta, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-6. Walau bagaimanapun, perbelanjaan pembangunan yang meningkat dengan pesat telah menambahkan lagi kurangan keseluruhan dalam akaun belanjawan Kerajaan Persekutuan. Kurangan keseluruhan dalam akaun belanjawan Kerajaan Persekutuan telah meningkat dengan banyaknya daripada 13.6 peratus daripada KNK pada tahun 1980 kepada 19.7 peratus pada tahun 1981 dan 18.7 peratus pada tahun 1982. Namun demikian, berikutan daripada pengurangan perbelanjaan Kerajaan semenjak tahun 1983, kurangan keseluruhan tersebut telah bertambah baik menjadi 8.2 peratus pada tahun 1985.

Kurangan terkumpul Kerajaan Persekutuan bagi tempoh RME berjumlah \$44,440 juta dan 49.1 peratus daripadanya dibiayai melalui sumber-sumber dalam negeri. Kira-kira 49.0 peratus daripada sumber-sumber pembiayaan yang dihasilkan di pasaran dalam negeri adalah berpunca daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) yang terus merupakan pembeli utama sekuriti-sekuriti Kerajaan dan Bil-Bil Perbendaharaan. Pinjaman-pinjaman daripada bank-bank perdagangan merupakan 19.0 peratus daripada pinjaman dalam negeri Kerajaan Persekutuan, manakala pinjaman daripada Bank Negara pula merupakan 15.0 peratus. Langkah-langkah telah dilaksanakan bagi membolehkan Kerajaan bergantung sebahagian besarnya kepada punca-punca pembiayaan yang tidak menggalakkan inflasi seperti KWSP, bagi mengelakkan persaingan antara Kerajaan dengan sektor swasta. Ini adalah kerana persaingan tersebut boleh mengurangkan dan menjejaskan peluang-peluang dan kegiatan-kegiatan sektor swasta.

Baki kurangan keseluruhan iaitu sebanyak 37.1 peratus daripada jumlah pembiayaan, telah dibiayai daripada sumber-sumber luar negeri. Pinjaman luar negeri bersih Kerajaan Persekutuan telah meningkat dengan banyaknya daripada \$310 juta pada tahun 1980 kepada \$1,163 juta pada tahun 1985. Di sepanjang tempoh RME, pinjaman luar negeri bersih terkumpul berjumlah \$16,466 juta dengan pinjaman kasar berjumlah \$24,354 juta. Jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan adalah sebanyak \$22,900 juta pada akhir tahun 1985 berbanding dengan \$4,847 juta pada tahun 1980. Dari segi punca-punca pinjaman luar negeri, pinjaman pasaran telah meningkat lebih daripada lima kali ganda daripada \$2,184 juta pada tahun 1980 kepada \$16,300 juta pada tahun 1985. Pinjaman pasaran merupakan kira-kira 71.0 peratus daripada jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan pada tahun 1985 berbanding dengan 45.0 peratus pada tahun 1980. Sebaliknya, pinjaman-pinjaman projek daripada institusi-institusi kewangan bagi membiayai kurangan Kerajaan Persekutuan telah berkurang dalam tempoh tersebut. Bahagiannya daripada jumlah pinjaman Kerajaan Persekutuan yang belum dijelaskan telah berkurang daripada 55.0 peratus pada tahun 1980 kepada 23.0 peratus pada tahun 1985.



Pembiayaan perbelanjaan PABK bergantung sebahagian besarnya kepada sumbangan daripada Kerajaan Persekutuan serta pinjaman luar negeri, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-7. Walaupun lebih semasa PABK meningkat lebih sekali ganda, iaitu daripada \$2,826 juta pada tahun 1981 kepada \$5,955 juta pada tahun 1985, sebahagian besarnya merupakan lebih daripada PETRONAS. Lebih semasa PABK tanpa mengambilkira lebih semasa PETRONAS adalah berjumlah \$606 juta pada tahun 1981 dan \$155 juta pada tahun 1985.

Perbelanjaan pembangunan PABK meningkat hampir sekali ganda iaitu daripada \$4,677 juta pada tahun 1981 kepada \$9,174 juta pada tahun 1985, menjadikan jumlah terkumpul perbelanjaan tersebut sebanyak \$39,200 juta. Sebahagian besar pembiayaan bagi perbelanjaan ini adalah daripada Kerajaan Persekutuan iaitu berjumlah \$11,306 juta dalam tempoh RME. Daripada jumlah pembiayaan Kerajaan Persekutuan tersebut, pemberian secara langsung daripada Kerajaan merupakan 27.9 peratus manakala 72.1 peratus adalah di dalam bentuk pinjaman. Pinjaman luar negeri, yang dijamin oleh Kerajaan Persekutuan merupakan 19.0 peratus atau \$7,600 juta daripada jumlah pembiayaan yang diperlukan, manakala pinjaman daripada punca-punca dalam negeri adalah sebanyak 6.3 peratus atau \$2,513 juta dalam tempoh tersebut.

Dalam tempoh RME, lebih semasa Kerajaan-kerajaan Negeri berjumlah \$6,047 juta. Negeri-negeri yang mempunyai lebih semasa terbesar iaitu melebihi \$1,000 juta ialah Sarawak, Sabah dan Selangor. Bagi Negeri-negeri Sarawak dan Sabah, lebih semasa yang besar tersebut adalah berpunca daripada hasil perhutanan dan petroleum, manakala lebih semasa bagi Negeri Selangor pula adalah berpunca daripada bayaran pampasan yang besar diterima daripada Kerajaan Persekutuan untuk mengganti kehilangan hasil berikutan pembentukan Wilayah Persekutuan. Negeri-negeri yang mengalami kurangan semasa adalah Perlis dan Kedah.

Kurangan keseluruhan sektor awam yang merangkumi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri dan PABK-PABK, telah meningkat daripada 12.0 peratus daripada KNK pada tahun 1980 kepada 20.5 peratus pada tahun 1981 dan berkurang sedikit kepada 19.0 peratus pada tahun 1982. Berikutan daripada langkah-langkah memperkemas kedudukan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan serta penambahan yang besar dalam lebih semasa PABK, terutamanya daripada PETRONAS, kedudukan kurangan keseluruhan sektor awam telah berkurang dengan banyaknya kepada 9.7 peratus pada tahun 1985, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-8.

### III. PROGRAM SEKTOR AWAM DAN PEMBIAYAAN, 1986-90

Dalam tempoh RML, sektor awam akan terus memberi keutamaan bagi memperkukuhkan kegiatan-kegiatannya untuk memastikan supaya jurang tabungan-pelaburan mencapai paras yang munasabah dan kedudukan belanjawan menjadi teguh. Di antara langkah yang akan diambil ialah menilai dengan teliti projek-projek Kerajaan termasuk projek-projek PABK. Hanya projek-projek yang memenuhi kriteria pelaburan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan untuk dilaksanakan. Di samping itu kemajuan kewangan PABK tersebut akan juga diawasi. Unit Pusat Pengumpulan Maklumat-maklumat (UPPM) telah ditubuhkan untuk menyediakan maklumat-maklumat yang perlu berhubung dengan operasi keseluruhan PABK dan prestasi projek-projeknya. Seterusnya, projek-projek Kerajaan Persekutuan dan PABK juga perlu dirujuk kepada Jawatankuasa Kecil Piawaian dan Kos bagi Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara bagi memastikan kos dan piawaian dapat dikurangkan dan dikekalkan pada tahap yang munasabah.

Jumlah peruntukan bagi program-program pembangunan sektor awam dalam tempoh RML berjumlah \$74,000 juta berbanding dengan \$80,331 juta yang dibelanjakan dalam tempoh RME, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-9. Peruntukan Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak \$40,075 juta daripada jumlah \$74,000 juta manakala peruntukan PABK berjumlah \$28,925 juta dan Kerajaan-kerajaan Negeri \$5,000 juta. Carta 7-1 menunjukkan perbelanjaan dan peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan PABK mengikut sektor bagi tempoh RME dan RML.

Sejumlah \$56,047.9 juta atau 81.2 peratus daripada jumlah peruntukan sebanyak \$69,000 juta bagi Kerajaan Persekutuan dan PABK adalah bagi program-program dan projek-projek sambungan RME. Sebanyak 18.8 peratus atau \$12,952.1 juta lagi adalah untuk projek-projek baru. Bagi projek-projek sambungan, sebahagian besar daripada peruntukannya ialah untuk pembangunan infrastruktur. Peruntukan sektor awam secara keseluruhan mengikut sektor akan terus memberi penekanan ke arah matlamat-matlamat pertumbuhan ekonomi, DEB dan penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur asas yang lebih baik. Dalam tempoh tiga tahun pertama RML, pembangunan tanah dan pembinaan jalan raya akan dipergiatkan. Sementara itu, program pembangunan perumahan akan diteruskan, untuk menampung usaha-usaha oleh sektor swasta. Tujuannya ialah untuk menggalakkan kegiatan-kegiatan ekonomi dalam negeri dan dengan demikian memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi dan guna tenaga.

Peruntukan yang disediakan di bawah belanjawan Persekutuan sebahagian besarnya akan digunakan bagi program-program dan projek-projek yang berbentuk sosioekonomi, terutamanya projek-projek yang berkaitan dengan pembasmian kemiskinan dan penyediaan kemudahan-kemudahan asas di luar bandar. Peruntukan yang disediakan di

bawah PABK akan ditumpukan kepada program-program dan projek-projek bercorak perdagangan yang dapat menghasilkan pertumbuhan.

Pemilihan projek-projek adalah berdasarkan kepada beberapa kriteria tertentu termasuk nilai-ditambah yang tinggi, penggunaan lebih banyak bahan tempatan, tempoh pulangan balik modal yang lebih singkat, kemampuan mewujudkan peluang pekerjaan dan kebolehan menjimatkan tukaran asing. Oleh yang demikian, keutamaan yang tinggi adalah diberi kepada projek-projek perdagangan yang bukan sahaja mempunyai kriteria-kriteria tersebut, tetapi juga mempunyai kecekapan dan daya pengeluaran yang lebih tinggi. Dalam Pemilihan projek-projek yang lain, keutamaan akan diberi kepada projek-projek yang membantu membasmi kemiskinan serta menyediakan keperluan-keperluan asas.

Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan PABK mengikut sektor

Dalam tempoh RML, program-program ekonomi dan sosial akan terus menjadi teras pembangunan. Seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-9, peruntukan sektor ekonomi adalah sebanyak 76.1 peratus daripada jumlah peruntukan Kerajaan Persekutuan dan PABK. Sektor sosial akan diperuntukkan sebanyak 13.1 peratus, sektor keselamatan sebanyak 6.8 peratus dan sektor pentadbiran sebanyak 4.0 peratus.

Peruntukan bagi sektor pertanian dan pembangunan luar bandar berjumlah \$11,828.1 juta atau 17.1 peratus daripada jumlah peruntukan. Sektor ini diberi peruntukan yang terbesar memandangkan keperluan untuk menggiatkan program-program pembangunan tanah, IADP serta parit dan taliair. Program-program ini akan terus menambah pendapatan golongan petani dan memberi sumbangan kepada pencapaian matlamat pembasmian kemiskinan. Peruntukan bagi pembangunan tanah dan wilayah yang berjumlah \$5,705.9 juta akan digunakan bagi program-program yang dilaksanakan oleh FELDA dan Lembaga-lembaga Kemajuan Wilayah (LKW). FELDA akan memajukan 175,000 hektar tanah baru, iaitu bertambah sebanyak kira-kira 8.5 peratus daripada keluasan yang dimajukan di bawah RME manakala LKW-LKW akan membangunkan seluas 41,100 hektar, PKEN-PKEN 14,000 hektar dan Perbadanan-perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri (PKPN) 29,000 hektar. Program-program IADP akan memberi keutamaan bagi menyiapkan projek sambungan dan melaksanakan projek baru. Selain daripada menyiapkan projek-projek IADP yang sedia ada, projek-projek yang baru juga akan diperkenalkan.

Peruntukan bagi sektor perdagangan dan perindustrian berjumlah \$9,752.3 juta atau 14.1 peratus daripada jumlah peruntukan. Program-program utama dalam sektor ini termasuk kegiatan mencarigali dan mengusahakan telaga minyak oleh PETRONAS serta kompleks kejuruteraan oleh HICOM. Program-program penyusunan semula masyarakat pula termasuk projek-projek pembangunan semula bandar yang akan dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), pembangunan kawasan-kawasan perindustrian oleh PKEN-PKEN serta penyediaan ruang niaga dan pembangunan perusahaan-perusahaan kecil oleh MARA.

Sektor pengangkutan mendapat peruntukan sebanyak \$10,788.9 juta atau 15.6 peratus daripada jumlah peruntukan. Sebahagian besar daripadanya, iaitu \$8,721.5 juta akan digunakan bagi pembinaan jalan-jalan dan jambatan, serta perkhidmatan keretapi. Bakinya adalah untuk program kemudahan pelabuhan dan perkhidmatan laut serta penerbangan awam. Sektor perhubungan diperuntukkan sebanyak \$9,706 juta atau 14.1 peratus daripada jumlah peruntukan. Di antara program-program yang akan dilaksanakan termasuk usaha memperluaskan perkhidmatan telefon yang akan memberi kemudahan kepada 3.4 juta pengguna serta pembaikan program bagi perkhidmatan antarabangsa. Perkhidmatan telekom akan juga diperluaskan di kawasan luar bandar.

Peruntukan bagi memajukan sektor tenaga dan kemudahan awam berjumlah \$9,895.4 juta atau 14.3 peratus daripada jumlah peruntukan. Sebahagian besar daripadanya adalah untuk menyediakan bekalan elektrik iaitu sebanyak \$6,385.3 juta, dan bekalan air sebanyak \$3,130.5 juta. Bakinya akan digunakan untuk program-program pembetulan najis dan perparitan bandar. Bagi program-program bekalan air luar bandar, matlamat program ini ialah menyediakan kemudahan bekalan air kepada 72.8 peratus daripada jumlah penduduk luar bandar menjelang tahun 1990. Sektor sosial, yang meliputi program-program pelajaran dan latihan, kesihatan, perumahan, kebudayaan, belia dan sukan serta lain-lain perkhidmatan sosial diperuntukkan sebanyak \$9,034.8 juta atau 13.1 peratus daripada jumlah peruntukan. Sebahagian besar daripada peruntukan ini ialah bagi program pelajaran dan latihan yang berjumlah \$5,582.8 juta dan program perumahan berjumlah \$1,979.6 juta.

Sektor keselamatan diperuntukkan sebanyak \$4,704.4 juta atau 6.8 peratus daripada jumlah peruntukan. Sebanyak \$2,803.7 juta daripada jumlah ini adalah untuk mengukuhkan keupayaan angkatan tentera sementara sebahagian besar bakinya adalah untuk pasukan polis. Pusat-pusat rawatan dan pemulihan dadah yang baru serta pusat-pusat rawatan lanjutan akan dibina untuk memberi perkhidmatan rundingcara dan rawatan seterusnya kepada bekas-bekas penagih dadah.

Peruntukan bagi sektor pertadbiran berjumlah \$2,787.8 juta atau 4 peratus daripada jumlah peruntukan. Sebahagian besar daripadanya, iaitu \$2,000 juta, akan digunakan untuk memperbaiki dan mengubahsuai bangunan-bangunan Kerajaan, hospital, sekolah dan jalan-jalan Persekutuan. Program ini akan diberi peruntukan yang secukupnya bagi tujuan memperbaiki bangunan-bangunan dan jalan-jalan raya yang sedia ada supaya bangunan dan jalan tersebut dapat digunakan dengan lebih lama dan dengan lebih baik.

Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan PABK bagi program-program DEB

Peruntukan yang disediakan bagi tujuan pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-10. Peruntukan bagi program-program pembasmian kemiskinan berjumlah \$15,445.7 juta. Jumlah ini termasuk \$4,392 juta bagi pembangunan tanah dan wilayah, \$5,084.9 juta bagi pembangunan in-

situ dan \$2,921.1 juta bagi kemudahan-kemudahan asas di kawasan luar bandar. Peruntukan bagi penyusunan semula masyarakat berjumlah \$5,076.1 juta. Jumlah ini termasuk \$2,394.3 juta bagi pinjaman perniagaan dan ruangniaga dan \$1,137.7 juta bagi pendidikan dan latihan.

#### Peruntukan Pembangunan Kerajaan Persekutuan dan PABK Mengikut Negeri

Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan PABK mengikut negeri dan sektor adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-11. Sebanyak \$7,399.7 juta atau 10.7 peratus daripada peruntukan tersebut adalah untuk negeri Kedah dan Kelantan manakala \$10,467.7 juta atau 15.2 peratus untuk negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan. Sebahagian besar daripada peruntukan bagi negeri Kedah dan Kelantan akan digunakan untuk sektor pertanian dan pembangunan luar bandar serta program-program pengangkutan manakala peruntukan bagi negeri Selangor dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan adalah untuk pengangkutan dan perhubungan serta kemudahan-kemudahan awam. Lampiran A menunjukkan peruntukan Kerajaan Persekutuan mengikut sektor dan negeri. Peruntukan pembangunan Kerajaan Persekutuan dan PABK bagi projek-projek pelbagai negeri

Jumlah peruntukan bagi projek-projek pelbagai negeri adalah sebanyak \$17,097.3 juta atau 24.8 peratus daripada jumlah peruntukan. Antara projek-projek tersebut ialah pembelian alat kelengkapan bagi angkatan tentera dan polis, kapal terbang untuk MAS dan kapal untuk Nasional Shipping Line (PNSL).

#### Perbelanjaan semasa

Perbelanjaan semasa Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat pada kadar 7.1 peratus setahun. Kadar ini adalah lebih rendah berbanding dengan kadar 9.4 peratus setahun yang dicapai dalam tempoh RME, selaras dengan matlamat Kerajaan untuk terus memperkemaskan perbelanjaannya. Pembayaran gaji dan upah yang dijangka meningkat sebanyak 6.0 peratus setahun akan terus merupakan bahagian yang terbesar daripada jumlah perbelanjaan semasa. Pembayaran faedah, walaupun masih besar jumlahnya, akan bertambah pada kadar yang lebih perlahan iaitu sebanyak 9.2 peratus setahun berbanding dengan 28.8 peratus setahun dalam tempoh RME. Keadaan ini menunjukkan tanggungan pinjaman Kerajaan Persekutuan semakin berkurang. Perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan dijangka meningkat sebanyak 13.0 peratus setahun.

#### Punca-punca hasil

Jumlah hasil Kerajaan Persekutuan dijangka meningkat pada kadar yang lebih rendah berbanding dengan kadar yang dicapai dalam tempoh RME, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-12. Pertumbuhan hasil daripada cukai pendapatan dianggarkan berkembang kira-kira satu pertiga daripada kadar yang telah dicapai dalam tempoh RME, disebabkan oleh kejatuhan yang cepat dalam kadar pertumbuhan cukai pendapatan

petroleum. Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh perkembangan yang perlahan yang dijangka dialami oleh pengeluaran petroleum serta kegiatan-kegiatan carigali yang baru. Penerimaan hasil daripada pembayaran cukai pendapatan oleh syarikat-syarikat juga dijangka meningkat dengan kadar yang perlahan berbanding dengan kadar yang telah dicapai dalam tempoh RME, disebabkan oleh pengurangan kadar-kadar cukai pendapatan yang diperkenalkan dalam tahun 1985. Royalti daripada petroleum dijangka berkurang manakala royalti daripada gas dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi sebanyak kira-kira 47 peratus setahun. Walau bagaimanapun, royalti daripada gas ini tidak memberi sumbangan yang besar kepada pertumbuhan cukai langsung kerana bahagiannya dalam jumlah cukai langsung adalah kecil.

Hasil daripada cukai tidak-langsung dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi berbanding dengan kadar yang dicapai dalam tempoh RME, iaitu daripada \$8,887 juta pada tahun 1985 kepada \$14,243 juta dalam tahun 1990, sebahagian besarnya disebabkan oleh kenaikan di dalam duti eksport bagi minyak kelapa sawit dan duti eksais. Pendapatan daripada duti eksport pada keseluruhannya dijangka merosot pada kadar yang sedikit iaitu sebanyak 2 peratus setahun manakala pendapatan daripada duti import pula dijangka meningkat sebanyak 2.9 peratus setahun. Tambahan pula, dengan keadaan harga getah yang dijangka kekal di bawah paras harga 210 sen sekilo, getah akan terus dikecualikan daripada duti eksport. Duti import dijangka menyumbangkan sebanyak 26.3 peratus kepada pendapatan cukai tidak langsung. Kenaikan dalam pendapatan duti import adalah dijangka berpunca daripada harga-harga import yang lebih tinggi dan duti-duti yang lebih tinggi yang dikenakan ke atas barang-barang yang diimport iaitu selaras dengan usaha Kerajaan bagi menggalakkan pembelian barangan buatan Malaysia.

Dalam tempoh RML pendapatan daripada minyak dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan minyak dijangka berkurang dengan banyaknya, iaitu sebanyak 4.5 peratus setahun berbanding dengan pertambahan sebanyak 18.4 peratus setahun dalam tempoh RME, disebabkan oleh kadar perkembangan yang lebih perlahan dalam pengeluaran petroleum. Jumlah pendapatan terkumpul daripada kegiatan-kegiatan tersebut akan merosot daripada \$26,528 juta dalam tempoh RME kepada \$25,351 juta dalam tempoh RML dan sumbangannya kepada jumlah pendapatan hasil Kerajaan secara purata akan berkurang daripada 28.3 peratus kepada 19.4 peratus.

#### Punca-punca pembiayaan

Pertambahan hasil dan perbelanjaan akan mewujudkan lebihan semasa terkumpul Kerajaan Persekutuan sebanyak \$1,406 juta dalam tempoh RML. Memandangkan matlamat jumlah perbelanjaan pembangunan adalah sebanyak \$40,075 juta, kurangan keseluruhan Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah \$38,669 juta, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-13.

Bagi membiayai kurangan keseluruhan tersebut, Kerajaan akan memberi penekanan yang lebih terhadap penggunaan sumber-sumber yang tidak menggalakkan inflasi dalam

negeri. Pinjaman luar negeri akan dikurangkan selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mengawal nisbah khidmat bayaran hutang pada paras yang mampu ditanggung oleh negara. Berikutan dengan ini, pinjaman dalam negeri dijangka membiayai 61.1 peratus daripada kurangan keseluruhan akaun sektor awam berbanding dengan 47.7 peratus dalam tempoh RME. Pinjaman luar negeri akan membiayai 32.7 peratus daripada keperluan pembiayaan manakala bakinya akan dibiayai oleh penggunaan harta-harta dan sumber-sumber kewangan yang dihasilkan sendiri oleh PABK.

Pada keseluruhannya, pinjaman pasaran dalam negeri Kerajaan Persekutuan akan meningkat daripada \$3,591 juta pada tahun 1985 kepada \$6,587 juta pada tahun 1990 dan dijangka mencapai 74.0 peratus daripada jumlah pembiayaan yang diperlukan dalam tempoh RML. KWSP akan terus merupakan punca utama bagi pembiayaan yang tidak menggalakkan inflasi. Punca tersebut akan menyumbang 60.8 peratus daripada pinjaman dalam negeri manakala bakinya akan diperolehi daripada institusi-institusi kewangan lain seperti bank-bank perdagangan, rumah-rumah diskaun, Bank Negara Malaysia dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).

Berikutan daripada langkah-langkah yang diambil untuk mendapatkan lebih banyak pinjaman dalam negeri, pinjaman luar negeri bersih Kerajaan Persekutuan akan dikurangkan dengan banyaknya. Jumlah pinjaman luar negeri bersih bagi tempoh RML dijangka sebanyak \$5,925 juta berbanding dengan \$16,466 juta dalam tempoh RME.

Pembiayaan perbelanjaan pembangunan PABK yang dijangka berjumlah \$35,543 juta dalam tempoh RML, akan terus bergantung kepada pinjaman luar-negeri. Lebihan semasa PABK dijangka berjumlah \$17,000 juta dan PETRONAS akan memberi sumbangan yang terbesar kepada jumlah tersebut. Keperluan pinjaman luar negeri PABK dijangka berjumlah \$10,743 juta manakala pinjaman dalam negeri berjumlah \$2,291 juta. Pembiayaan Kerajaan Persekutuan untuk PABK dalam bentuk pemberian langsung dan pinjaman, akan berkurang dengan banyaknya kepada \$6,618 juta dalam tempoh RML berbanding dengan \$11,306 juta dalam tempoh RME. Perbelanjaan dan pembiayaan bagi PABK adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-14.

Kedudukan kurangan keseluruhan akaun sektor awam dijangka bertambah baik dalam tempoh RML berikutan dengan berkurangnya jumlah perbelanjaan pembangunan Kerajaan Persekutuan di samping kenaikan yang sedikit dalam perbelanjaan PABK. Kurangan tersebut secara purata dijangka mencapai 12.7 peratus daripada KNK dalam tempoh RML, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7-15. Pinjaman dalam negeri bersih bagi sektor awam dijangka berjumlah \$30,916 juta atau 61.1 peratus daripada jumlah pembiayaan yang diperlukan berbanding dengan \$24,263 juta atau 47.7 peratus dalam tempoh RME. Pinjaman luar negeri bersih pula dijangka berkurang dengan banyaknya daripada \$26,163 juta atau 51.4 peratus daripada jumlah pembiayaan sektor awam dalam tempoh RME kepada \$16,667 juta atau 32.9 peratus dalam tempoh RML.

#### **IV. BANTUAN PEMBANGUNAN DAN PROGRAM KERJASAMA TEKNIK MALAYSIA**

Bantuan pembangunan, yang terdiri daripada bantuan modal dan teknik, memainkan peranan penting dalam usaha menambahkan sumber-sumber yang perlu bagi mempercepatkan pembangunan sosioekonomi Malaysia. Walaupun RML menjangka bahawa jumlah pinjaman luar bagi negara akan berkurang, usaha-usaha akan terus dijalankan untuk mendapatkan bantuan modal atau pinjaman projek bagi melaksanakan program-program dan projek-projek sektor awam. Bantuan modal yang diterima oleh Malaysia terdiri daripada berbagai jenis, iaitu pinjaman-pinjaman projek dari sumber-sumber berbagai hala, khususnya Bank Dunia, Bank Pembangunan Asia (ADB) dan Bank Pembangunan Islam (IsDB) serta pinjaman dua hala antara Kerajaan dengan Kerajaan.

Malaysia menerima bantuan teknik dalam bentuk perkhidmatan pakar atau penasihat dan sukarelawan; bantuan pelajaran dan latihan; perkhidmatan perunding untuk menjalankan penyiasatan-penyiasatan dan kajian kemungkinan; derma alat-alat kelengkapan; dan pemberian dalam bentuk wang tunai atau barangan. Bantuan teknik yang diterima telah berjaya membantu negara ini dalam usaha pembangunannya terutama bagi memperkukuhkan keupayaan perancangan dan pelaksanaan sektor awam. Punca-punca bantuan teknik yang utama ialah sumber dua hala antara Kerajaan; sumber daripada agensi-agensi khas di bawah Bangsa-Bangsa Bersatu; dan daripada agensi berbagai hala dan yayasan-yayasan lain.

Selain daripada terus menerima bantuan teknik dalam beberapa bidang bagi membantu mempercepatkan usaha-usaha pembangunan dalam tempoh RML, Malaysia akan juga berkongsi pengalaman dengan negara-negara membangun yang lain dengan menyediakan bantuan kerjasama teknik menerusi Program Kerjasama Teknik Malaysia (PKTM). Malaysia menyediakan bantuan teknik secara sederhana kepada negara-negara membangun yang lain di bawah PKTM yang dilancarkan pada akhir tahun 1980. Antara negara-negara membangun ini ialah negara-negara anggota Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), negara-negara yang sedang membangun di Kepulauan Pasifik yang menjadi anggota Komanwel dan beberapa buah negara lagi di Asia dan Afrika. Program ini merupakan sebahagian daripada strategi dan tanggungjawab Kerajaan ke arah menggalakkan kerjasama teknik antara negara-negara membangun, memperkukuhkan kerjasama serantau dan di kalangan rantau yang lebih kecil serta memupuk semangat saling berdikari di kalangan negara-negara membangun. Bantuan yang diberikan di bawah program ini ialah pemberian biasiswa dan latihan untuk mengikuti kursus tertentu di berbagai institusi di Malaysia; lawatan sambil belajar dan penempatan di berbagai agensi Kerajaan; kemudahan latihan bagi peserta-peserta yang dianjurkan oleh negara-negara ketiga atau pertubuhan-pertubuhan; dan penyediaan perkhidmatan kepakaran.



Kemajuan, 1981-85

Dalam tempoh 1981-85, jumlah pinjaman projek yang diterima oleh Malaysia daripada berbagai sumber adalah sebanyak \$5,203 juta. Sebahagian besar daripada pinjaman dan bantuan-bantuan yang berkaitan dengan pinjaman tersebut adalah daripada sumber berbagai hala, khususnya daripada Bank Dunia dan ADB. Bantuan modal daripada sumber-sumber berbagai hala memberi penekanan terutamanya kepada projek-projek membasmi kemiskinan dan projek-projek yang bertujuan meninggikan taraf hidup penduduk-penduduk miskin di kawasan luar bandar. Projek-projek lain yang dibiayai oleh institusi-institusi berbagai hala ini adalah bertujuan untuk meningkatkan daya pengeluaran dan mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Sektor-sektor yang telah mendapat manfaat daripada pinjaman projek berbagai hala ini adalah sektor pertanian dan pembangunan tanah, pelajaran dan kesihatan, infrastruktur dan kemudahan awam dan pengangkutan. Di samping itu, satu pinjaman projek untuk sektor industri telah disediakan oleh Bank Dunia pada tahun-tahun terakhir RME bagi tujuan menggalak dan memajukan industri-industri kecil. Pinjaman-pinjaman projek juga telah diperolehi menerusi sumber dua hala dari negara-negara sahabat.

Jumlah bantuan teknik yang diterima dalam tempoh 1981-85 bernilai \$327.7 juta. Penderma utama bantuan teknik kepada Malaysia ialah negara-negara anggota Rancangan Colombo. Malaysia juga menerima bantuan dari negara-negara di luar Rancangan Colombo. Sumber-sumber lain termasuk agensi-agensi khusus di bawah Bangsa-bangsa Bersatu dan pertubuhan-pertubuhan sukarelawan.

Bantuan teknik telah disalurkan terutamanya kepada empat bidang, iaitu, pembangunan pertanian dan luar bandar, kesihatan dan kependudukan, pembangunan infrastruktur serta pelajaran dan latihan. Penekanan yang diberi kepada keempat-empat bidang ini menunjukkan perlunya pembinaan kemudahan-kemudahan infrastruktur dan pembangunan gunatenaga menerusi pemindahan pengetahuan dan teknologi. Pakar-pakar dan sukarelawan-sukarelawan yang dihantar di bawah berbagai program bantuan teknik merupakan suatu sumber yang tinggi nilainya bagi menyediakan tenaga kerja di peringkat pertengahan dan iktisas serta mahir dalam usaha menambahkan keperluan tenaga kerja di bawah RME. Malaysia telah juga menerima biasiswa-biasiswa dan bantuan pelajaran untuk latihan yang telah memberi sumbangan besar ke arah pembangunan tenaga manusia di samping mempertingkatkan keupayaan institusi-institusi di sektor awam. Di samping itu, penyelidikan dan kajian-kajian kemungkinan yang dijalankan di bawah program bantuan teknik telah dapat membantu usaha merancang dan melaksanakan projek-projek. Bantuan teknik dalam bentuk derma bagi alat-alat dan barangan modal telah dikurangkan secara beransur-ansur oleh kebanyakan negara-negara dan pertubuhan-pertubuhan penderma.

Dalam tempoh RME, Malaysia telah membelanjakan sebanyak \$29 juta di bawah PKTM bagi membiayai seramai 720 peserta daripada 35 buah negara membangun. Seramai 645 peserta daripada jumlah tersebut telah ditawarkan biasiswa dan hadiah latihan bagi

mengikuti kursus-kursus di berbagai institusi latihan di Malaysia. Sementara itu, 75 peserta lagi telah dibiayai untuk mengikuti rancangan lawatan sambil belajar dan penempatan di berbagai agensi-agensi Kerajaan. Badan-badan seperti Program Pembangunan Bangsa-bangsa Bersatu (UNDP), Tabung Komanwel bagi Kerjasama Teknik (CFTC), dan pertubuhan-pertubuhan serta negara-negara lain termasuk negara-negara penerima sendiri, telah membiayai seramai 321 orang peserta bagi mengikuti rancangan latihan, lawatan sambil belajar dan penempatan amali di bawah anjuran negara-negara atau pertubuhan-pertubuhan ketiga. Di samping itu, perkhidmatan kepakaran juga disediakan.

Walaupun PKTM masih baru, program ini telah berjaya menarik minat banyak negara-negara membangun. Keadaan ini terbukti dengan bertambahnya jumlah permohonan bagi mendapatkan bantuan daripada negara-negara membangun dan dengan bertambahnya jumlah penerima bantuan tersebut. Jumlah negara-negara penerima PKTM telah bertambah daripada dua belas pada tahun 1981 kepada 42 pada tahun 1985.

Prospek, 1986-90

Keperluan pinjaman projek dalam tempoh RML adalah dibuat berasaskan analisa terhadap sumber-sumber yang boleh didapati dari pasaran modal. Berdasarkan analisa ini, Malaysia memerlukan pinjaman projek yang besar bagi menambahkan lagi jumlah yang boleh didapati dari pasaran. Dalam hubungan ini, sejumlah \$6,248 juta dijangka dapat diperolehi daripada sumber-sumber berbagai hala dan dua hala. Sumber berbagai hala khususnya Bank Dunia, ADB dan IsDB akan menyediakan sebahagian besar daripada keperluan pinjaman projek tersebut. Walaupun institusi-institusi berbagai hala merupakan sumber utama bantuan modal untuk Malaysia, ini tidak bermakna sumber-sumber dua hala tidak digunakan bagi memenuhi keperluan pembiayaan yang besar untuk projek-projek jalan raya, tenaga dan perhubungan.

Sungguhpun bantuan teknik akan terus diberi kepada Malaysia, jumlah dan sumbernya adalah dijangka berbeza-beza. Meskipun Malaysia telah berjaya mewujudkan tenaga mahir di bawah rancangan-rancangan pembangunannya, negara ini dijangka terus memerlukan tenaga kerja iktisas dan mahir bagi memenuhi berbagai keperluan yang bertambah dan berubah-ubah di bawah RML. Di samping itu, Malaysia juga akan terus memerlukan biasiswa dan hadiah latihan untuk meningkatkan kemahiran teknik dan pengurusan bagi tenaga manusianya.

Dalam tempoh RML, bantuan teknik akan terus memberi penekanan kepada bidang pemindahan teknologi, pembangunan teknologi-teknologi tempatan, pembangunan tenaga manusia dan pengukuhan keupayaan institusi-institusi sektor awam. Selaras dengan penekanan ini, bantuan teknik akan diperolehi bukan sahaja untuk memperkukuh dan memperkemaskan lagi program dan kegiatan yang sedia ada tetapi juga untuk membantu memajukan program-program baru selaras dengan keutamaan di bawah RML.

Daya usaha bagi menyediakan bantuan teknik adalah diambil oleh negara dan pertubuhan penderma selaras dengan dasar bantuan pembangunan semasa negara-negara dan pertubuhan-pertubuhan yang berkenaan. Malaysia akan terus menyesuaikan keperluannya untuk mendapatkan bantuan teknik berasaskan kepada dasar-dasar bantuan yang diamalkan oleh negara-negara dan pertubuhan-pertubuhan tersebut di samping membuat penilaiannya sendiri terhadap bantuan yang diperlukan oleh program-program dan projek-projek sektor awam dalam RML.

Malaysia akan meneruskan program bantuan tekniknya dalam tempoh RML memandangkan PKTM telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada negara-negara membangun yang lain dan pertubuhan-pertubuhan antarabangsa. Keadaan ini juga menunjukkan bahawa Malaysia terus memberi perhatian kepada kerjasama berasaskan semangat persamaan dan perkongsian untuk faedah bersama negara-negara membangun. Di samping usaha-usaha untuk memperkemaskan kegiatan-kegiatan yang sedia ada, beberapa kegiatan baru akan dilaksanakan dan beberapa bentuk bantuan seperti menjalankan kajian kemungkinan dan penghantaran guru-guru, akan diperkenalkan. Kegiatan-kegiatan ini akan dijalankan bukan sahaja secara dua hala tetapi juga melalui penglibatan negara atau pertubuhan ketiga. Bagi menampung pertambahan bilangan peserta dan negara-negara penerima, jumlah agensi Kerajaan yang akan mengambil bahagian dalam program ini akan juga ditambah dalam RML.

## **V. JENTERA PERANCANGAN DAN PELAKSANAAN**

Tanggungjawab jentera perancangan dan pelaksanaan telah menjadi semakin berat dengan bertambahnya pembangunan. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kesulitan yang perlu diatasi untuk mempercepatkan lagi pembangunan.

Kemajuan, 1981-85

Dalam tempoh 1981-85, usaha-usaha memperkukuhkan keupayaan jentera perancangan dan pelaksanaan telah diberi penekanan bagi memastikan program dan projek-projek pembangunan dilaksanakan dengan lebih lancar dan berkesan. Usaha-usaha tersebut juga bertujuan memastikan penggunaan sumber-sumber yang ada dengan berkesan bagi mencapai pulangan maksimum memandangkan wujudnya kesulitan kewangan dan sumber-sumber.

Beberapa peraturan pentadbiran dan kewangan Kerajaan telah diubahsuai hasil daripada penemuan-penemuan dan perakuan-perakuan Jawatankuasa Jemaah Menteri yang telah ditubuh untuk menyediakan langkah-langkah bagi mempercepatkan pelaksanaan program dan projek. Perkara-perkara yang diubahsuai termasuklah penurunan tanggungjawab kewangan kepada kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan persekutuan dan negeri bagi tujuan memberi kuasa yang lebih luas untuk pelaksanaan.

Pindaan-pindaan juga telah dibuat kepada beberapa peruntukan tertentu dalam perjanjian perundingan, sementara sistem-sistem baru pelaksanaan projek, seperti TURNKEY dan COST-PLUS, telah diperkenalkan bagi tujuan mengurangkan kelewatan ke tahap yang minimum serta memperbaiki pencapaian yang kurang daripada matlamat. Pindaan juga telah dibuat terhadap Kanun Tanah Negara dan Akta Pengambilan Tanah untuk memperbaiki peruntukan-peruntukan dan tafsiran-tafsiran yang tidak jelas supaya dapat meningkatkan kecekapan dalam pentadbiran tanah disamping mempercepatkan proses pengambilan tanah untuk pelaksanaan projek.

Berhubung dengan penggunaan tenaga manusia, operasi Isi Penoh telah dikaji semula dan langkah-langkah diambil untuk mengawal pertumbuhan perkhidmatan awam. Pada penghujung tahun 1984, perkhidmatan awam mempunyai 1,021,300 jawatan dan daripada jumlah itu 876,400 telah diisi. Usaha-usaha menggunakan tenaga kerja yang sedia ada ke paras yang optimum telah dijalankan melalui pertukaran kakitangan, penempatan semula dan rancangan latihan.

Penggunaan teknologi komputer telah memudahkan lagi proses perancangan dan pelaksanaan. Dalam tempoh 1981-85, kemudahan komputer telah digunakan dengan meluas. Sistem maklumat pengurusan bersepadu yang dipanggil Sistem Pengesanan Projek Yang Disatukan Bagi Agensi-agensi Pusat (SETIA) telah dilancarkan. Maklumat-maklumat yang dikumpulkan mengenai 19,000 buah projek yang sedang dilaksanakan menjadi asas untuk mengukur dan menilai prestasi fizikal dan kewangan projek-projek dan telah berjaya mengurangkan pertindihan dalam usaha pengumpulan maklumat di kalangan agensi pusat. Selain daripada itu, sistem tersebut telah membantu mengenalpasti masalah-masalah dan merangka langkah-langkah mengatasinya dengan tujuan mempercepatkan pelaksanaan projek-projek. Kemudahan-kemudahan komputer yang melibatkan kerja-kerja pengumpulan, pemprosesan, penyimpanan dan penghantaran maklumat telah diperluaskan ke peringkat negeri. Empat buah Pejabat Kemajuan Negeri, iaitu di Negeri-Negeri Johor, Kelantan, Kedah dan Pahang telah mendapat kemudahan komputer yang beribu-pejabat di Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP).

Selain daripada SETIA, sistem-sistem maklumat pengurusan seperti Sistem Maklumat Pengurusan Ketua Eksekutif (SMPKE) yang mengumpul dan memproses maklumat untuk membantu Perdana Menteri, menteri-menteri lain dan juga ketua-ketua jabatan dalam membuat keputusan juga telah dilaksanakan. Satu lagi sistem ialah Sistem Pengurusan dan Penilaian Perusahaan-Perusahaan Awam (PEMANES). Sistem ini diwujudkan untuk mengawasi perusahaan-perusahaan awam dengan lebih berkesan menerusi Projek Sistem Amaran Awal yang lebih lengkap yang dijalankan secara bersama oleh UPP, Kementerian Perusahaan Awam dan Permodalan Nasional Berhad. PEMANES mengumpul maklumat mengenai lebih daripada 900 buah syarikat yang mempunyai modal saham Kerajaan, menganalisa prestasi syarikat-syarikat tersebut dan memberi maklumbalas mengenai cadangan-cadangan untuk memperbaikinya.

Dua buah kementerian baru di peringkat persekutuan dan 46 buah jabatan, agensi dan pejabat cawangan telah ditubuhkan. Kementerian-kementerian yang baru ialah Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar dan Kementerian Kehakiman. Seterusnya, sejumlah 48 buah kementerian, jabatan dan agensi persekutuan dan negeri telah disusun semula.

Beberapa buah agensi dan pejabat daerah telah dibubarkan. Agensi-agensi tersebut ialah Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (MAJUTERNAK), Perbadanan Pembangunan dan Pemuliharaan Tanah Negeri Kelantan Darulnaim (TAKDIR), Lembaga Padi Sabah dan Pejabat-pejabat Daerah di Sandakan, Tuaran dan Kota Kinabalu di Negeri Sabah serta Pejabat Daerah di Wilayah Persekutuan Labuan.

Beberapa dasar seperti Pandang Ke Timur, Penswastaan dan Persyarikatan Malaysia telah dilaksanakan dalam tempoh 1981-85. Dasar Pandang ke Timur menyediakan asas untuk mempelajari pengalaman negara-negara Timur yang lebih maju. Dasar ini juga merupakan langkah untuk menggalakkan warganegara Malaysia amnya dan anggota perkhidmatan awam khususnya memupuk nilai-nilai rajin bekerja, berjimat cermat, berdikari, berdaya usaha dan bersikap tabah. Nilai-nilai positif tersebut adalah sangat perlu untuk kemajuan. Berikutan daripada pelaksanaan dasar Pandang Ke Timur ini yang bermula dari tahun 1983, kesedaran anggota-anggota perkhidmatan awam mengenai etika kerja, sikap dan nilai-nilai di kalangan rakan sejawat mereka di negara-negara maju telah bertambah. Keadaan ini telah timbul dengan adanya penganjuran lawatan-lawatan dan penyertaan dalam kursus-kursus serta seminar-seminar yang dianjurkan di negara-negara tersebut, dan juga penggunaan perkhidmatan perundingan dan pakar-pakar dalam bidang-bidang berkenaan. Selaras dengan dasar Penswastaan, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), antara lainnya, telah mula diswastakan dalam tahun 1985, sementara langkah-langkah telah diambil untuk memulakan penswastaan perkhidmatan terminal kontena di Pelabuhan Kelang dan Jabatan Telekom. Melalui konsep Persyarikatan Malaysia, pegawai-pegawai Kerajaan, pengusaha-pengusaha perindustrian dan perniagaan yang terkemuka serta ahli-ahli ikhtisas telah mengambil bahagian dalam berbagai forum, majlis dialog dan seminar-seminar yang dianjurkan oleh agensi-agensi Kerajaan serta pertubuhan-pertubuhan swasta dalam tempoh tersebut. Majlis-majlis tersebut adalah bertujuan membincangkan keperluan, masalah dan hasrat sektor swasta, serta implikasi dasar-dasar dan peraturan-peraturan yang menguasai pembangunan industri-industri dan perdagangan di negara ini. Pegawai-pegawai Kerajaan juga telah diberi peluang untuk mengikuti latihan amali selama kira-kira satu tahun dalam bidang pengurusan dan operasi perniagaan dalam syarikat-syarikat swasta.

Amalan nilai-nilai Bersih, Cekap dan Amanah telah digalakkan di kalangan semua pihak yang memegang jawatan awam terutamanya yang menjalankan tugas-tugas dan tanggungjawab rasmi, serta anggota masyarakat umum dalam kehidupan seharian. Sikap menjauhkan diri daripada perbuatan rasuah, berdedikasi dan bertanggungjawab dalam melaksanakan semua tugas serta nilai-nilai universal yang terdapat dalam ugama Islam,

seperti kesederhanaan, adil dan saksama, dan hormat menghormati tanpa mengira perbezaan kaum dan ugama, adalah dipupuk.

Selain daripada dasar-dasar dan nilai-nilai yang tersebut di atas, beberapa langkah pentadbiran yang baru telah diperkenalkan untuk menggalakkan satu jentera perancangan dan pelaksanaan Kerajaan yang lebih cekap dan lebih produktif. Langkah-langkah baru tersebut ialah kod etika perkhidmatan awam, kepimpinan melalui teladan, kumpulan meningkat mutu kerja, manual prosedur kerja dan fail meja, pusat pembayaran setempat, konsep pejabat terbuka, sistem perakam waktu, tanda nama, peti cadangan, pengurusan melalui mesyuarat dan penggunaan sistem poskod bagi seluruh negara.

#### Prospek, 1986-90

Dalam tempoh 1986-90, jentera perancangan dan pelaksanaan Kerajaan akan menghadapi cabaran yang lebih banyak memandangkan kesulitan-kesulitan yang akan wujud akibat daripada keadaan ekonomi yang kurang menggalakkan. Sehubungan dengan ini, penjimatan di berbagai lapangan dan peringkat, produktiviti yang lebih tinggi serta penggunaan tenaga manusia dan sumber-sumber lain dengan lebih berkesan adalah penting.

Usaha yang berterusan bagi mengkaji semula fungsi-fungsi, program-program dan kegiatan-kegiatan kementerian, jabatan dan agensi Kerajaan akan dilaksanakan untuk mengurangkan pertindihan kerja dan kegiatan-kegiatan yang berlebihan serta mengurangkan pembaziran dan penggunaan tenaga kerja yang tidak sepenuhnya. Kajian-kajian mengenai prestasi dan produktiviti akan terus dijalankan oleh agensi-agensi seperti Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Tenaga Manusia (MAMPU). Seterusnya, perhatian akan juga diberikan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan lagi kemahiran ikhtisas dan teknik serta menambah bilangan tenaga kerja dalam kemahiran-kemahiran tersebut.

Dasar-dasar dan langkah-langkah pentadbiran yang sedia ada akan dilaksanakan, manakala dasar-dasar dan langkah-langkah baru akan diperkenalkan. Berbagai sistem pelaksanaan projek akan digunakan, termasuk jenis-jenis yang baru diperkenalkan dan sistem yang biasa diamalkan serta yang telah diubahsuai menerusi cara-cara seperti FAST-TRACK. Pelaksanaan dasar Penswastaan akan diperluaskan lagi. Pengalaman yang didapati berikutan daripada penswastaan beberapa perkhidmatan, seperti MAS dan terminal kontena di Pelabuhan Kelang akan memudahkan lagi usaha-usaha penswastaan seterusnya. Perkhidmatan-perkhidmatan Kerajaan yang lain, seperti bekalan air dan elektrik, pengangkutan, kesihatan dan rawatan perubatan serta pengurusan projek akan dikaji bagi mengenalpasti bahagian-bahagian tertentu dalam perkhidmatan-perkhidmatan tersebut yang boleh diswastakan. Sektor swasta akan digalakkan untuk mengenalpasti dan mengemukakan cadangan bagi mengambilalih perkhidmatan-perkhidmatan yang bersesuaian.

Penggunaan teknologi komputer dan elektronik dalam proses perancangan dan pelaksanaan akan diperluaskan lagi. Penggunaan kemudahan-kemudahan ini akan membolehkan pengurangan kos dan mempercepatkan proses pelaksanaan menerusi penubuhan dan perjalanan pusat gunasama bagi pengumpulan, pemprosesan dan penyebaran maklumat. Kemudahan-kemudahan komputer di UPP akan dihubungkan kepada semua kementerian di peringkat persekutuan dan pejabat-pejabat kemajuan negeri.

## **VI. PENUTUP**

Dalam tempoh RML, program-program sektor awam akan menghadapi masalah berikutan daripada wujudnya batasan-batasan sumber. Sebahagian besar daripada peruntukan yang disediakan di bawah RML terpaksa digunakan untuk projek-projek sambungan. Oleh yang demikian, teras bagi program-program pembangunan sektor awam pada keseluruhannya dalam tempoh RML ialah untuk memperkukuhkan lagi program-program yang sedia ada. Walau bagaimanapun, peruntukan yang disediakan bagi program-program baru akan digunakan bagi projek-projek yang akan menghasilkan nilai ditambah, menjimatkan tukaran asing, mempunyai tempoh pulangan modal yang singkat dan menghasilkan kegiatan-kegiatan ekonomi dalam negeri. Dengan semangat kerjasama di kalangan negara-negara sedang membangun, Kerajaan akan terus memberi bantuan teknik kepada negara-negara tersebut dalam bidang-bidang tertentu yang Malaysia mempunyai pengalaman dan kepakaran. Usaha-usaha akan terus dipergiatkan untuk meningkatkan kecekapan jentera perancangan dan pelaksanaan dan seterusnya meningkatkan produktiviti.

## **BAB 8 : SAINS DAN TEKNOLOGI**

### **I. PENDAHULUAN**

Sains dan Teknologi (S & T) telah lama diakui sebagai satu unsur yang penting dalam pembangunan sosioekonomi Malaysia. Ianya memainkan peranan yang besar dalam membantu pertumbuhan ekonomi negara. Kemajuan sains dan teknologi yang dicapai dalam bidang pertanian telah membolehkan Malaysia mempelbagaikan jenis tanaman perkebunan dan meningkatkan produktiviti yang telah menghasilkan pendapatan PER KAPITA yang tinggi bagi sektor-sektor kecil ladang dan pekebun kecil. Bagi tanaman makanan dan ternakan, kegiatan penyelidikan dan pembangunan (R & D) telah menghasilkan benih yang lebih baik, berpengeluaran tinggi dan mempunyai daya tahan penyakit. Usaha-usaha ini membantu ke arah pencapaian matlamat bekalan makanan negara yang mencukupi. Kemajuan juga telah dicapai dalam bidang R & D perindustrian, tetapi kesan yang nyata belum lagi diperolehi.

Dalam sektor perkhidmatan sosial, kemajuan penting yang telah dicapai dalam bidang perubatan dan kesihatan awam yang telah mengurangkan kejadian penyakit-penyakit yang membawa maut, memperbaiki taraf pemakanan terutamanya di kalangan kanak-kanak sekolah dan mengurangkan kadar kematian bayi. Kesan keseluruhan usaha-usaha ini ialah peningkatan taraf kesihatan umum penduduk seperti yang digambarkan oleh peningkatan purata jangka hayat rakyat Malaysia.

Keadaan yang tidak pasti dalam ekonomi antarabangsa pada masa ini serta kesukaran untuk mengekalkan daya bersaing barang pembuatan, memerlukan S & T memainkan peranan yang lebih besar dalam program pembangunan perindustrian negara. Bagi mencapai tujuan ini, asas yang teguh dalam bidang S & T serta sokongan yang kukuh terhadap R & D amat diperlukan. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), peranan S & T sebagai satu alat pembangunan yang berkesan akan dipergiatkan lagi, terutamanya dalam memberi tumpuan kepada usaha meningkatkan produktiviti pertanian untuk memesatkan kegiatan industri berasaskan sumber di samping mengembangkan asas sektor pembuatan termasuk industri-industri berat dan berteknologi tinggi. Dalam hubungan ini, penglibatan yang lebih meluas daripada sektor swasta akan digalakkan. Peluang akan disediakan bagi tujuan mengadakan perhubungan antara industri pertama dan kedua dengan institusi-institusi R & D termasuk universiti-universiti. Usaha selanjutnya akan ditumpukan ke arah meningkatkan pemusatan perancangan dan penyelarasan bagi program-program penyelidikan, mengukuhkan infrastruktur yang sedia ada dalam pengurusan S & T, mengembangkan pelajaran dan latihan dalam bidang S & T, memperbaiki jentera pemindahan teknologi dan menggalak serta memudahkan penggunaan dan usaha memperdagangkan hasil-hasil penyelidikan.



## II. KEMAJUAN, 1981-85

### Pengurusan sains dan teknologi

Satu asas institusi yang meluas telah sedia ada di negara ini bagi menyokong pembangunan S & T iaitu terdiri daripada enam badan berkanun dan lapan jabatan penyelidikan di bawah berbagai kementerian. Di samping itu, terdapat makmal penyelidikan untuk berbagai bidang S & T di universiti-universiti. Sungguhpun demikian, ketiadaan garis panduan yang menyeluruh dan strategi serta dasar yang lengkap dan jelas mengenai S & T telah menyebabkan institusi penyelidikan tersebut menentukan objektif dan keutamaan penyelidikan sendiri. Menyedari tentang perlunya satu dasar yang menyeluruh mengenai S & T, usaha-usaha telah diambil oleh Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains Negara (MPKSN) bagi menggubal dasar berkenaan. Majlis ini yang ditubuhkan pada tahun 1975 bertanggungjawab menggubal dasar-dasar mengenai S & T serta memberi garis panduan bagi kegiatan R & D untuk mencapai matlamat pembangunan negara. Khidmat Urusetia bagi Majlis ini adalah di bawah Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar. Walau bagaimanapun, MPKSN tidak dapat memainkan peranan dengan sepenuhnya bagi memajukan S & T untuk pembangunan negara disebabkan terdapatnya beberapa halangan tertentu.

### Peruntukan untuk penyelidikan dan pembangunan

Perbelanjaan untuk R & D pada tahun 1982 ialah 0.5 peratus daripada Keluaran Negara Kasar (KNK). Peratus perbelanjaan ini adalah sangat rendah memandangkan jumlah 1 peratus daripada KNK dianggap sebagai paras yang membolehkan kegiatan R & D menyokong pembangunan sosioekonomi secara berkesan. Peratus perbelanjaan ini juga adalah tidak memuaskan jika dibandingkan dengan negara-negara perindustrian yang baru muncul seperti Korea Selatan yang telah membelanjakan 0.95 peratus daripada KNK untuk R & D pada tahun 1982, dan juga negara-negara maju seperti Jepun yang telah membelanjakan 2.78 peratus daripada KNK. Daripada jumlah perbelanjaan R & D negara, sektor swasta hanya menyumbangkan kira-kira 10 peratus berbanding dengan 45 peratus bagi Korea Selatan dan 70 peratus bagi Jepun. Oleh kerana sektor pertanian merupakan sektor terbesar pada masa lepas, kegiatan R & D telah ditumpukan kepada pengeluaran pertanian, manakala penekanan dalam bidang-bidang lain terutamanya industri adalah kurang. Selanjutnya, hanya sedikit usaha telah diambil untuk mewujudkan perseimbangan dalam menjalankan berbagai jenis penyelidikan iaitu penyelidikan-penyelidikan asas, gunaan dan pembangunan.

### Tenaga Manusia Untuk Sains Dan Teknologi

Kegiatan S & T telah diberi penekanan yang sewajarnya dalam sistem pelajaran kebangsaan. Hasil penekanan ini dapat dilihat melalui pertambahan kemasukan pelajar dan keluaran siswazah dalam bidang-bidang sains dan kejuruteraan dari universiti-

universiti tempatan semenjak tahun 1970, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 8-1. Di samping itu, bilangan siswazah yang berkelulusan sains dan kejuruteraan yang dilatih di luar negeri semakin bertambah. Sungguhpun universiti-universiti telah berusaha bagi memenuhi keperluan tenaga manusia dalam bidang S & T, universiti-universiti menghadapi halangan dalam membiayai keperluan pengajaran dan penyelidikan, kekurangan tenaga pengajar berpengalaman dan kemasukan yang kecil siswazah untuk kursus di peringkat sarjana dalam bidang sains dan kejuruteraan. insert jadual 8-1

Pembangunan tenaga manusia di peringkat separa-ikhtisas dan juruteknik adalah tidak setanding dengan pembangunan di peringkat ikhtisas dan ijazah. Kekurangan kakitangan separa-ikhtisas dan juruteknik bukan sahaja disebabkan oleh kurangnya kelulusan dari institusi-institusi pelajaran berkenaan tetapi yang lebih penting ialah tawaran upah dan peluang kerjaya yang kurang menarik untuk kumpulan ini, terutamanya di sektor awam. Keadaan ini telah mendorong pemegang-pemegang diploma memilih untuk melanjutkan pengajian ke peringkat ijazah dan seterusnya menyebabkan penawaran tenaga kerja separa-ikhtisas dan juruteknik berkurang dengan banyaknya berbanding dengan permintaan.

Prestasi institusi-institusi penyelidikan dan pembangunan

**PENYELIDIKAN PERTANIAN.** Dalam sektor pertanian, tiga institusi penyelidikan utama iaitu Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM), Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah meneruskan usaha penyelidikan ke atas tanaman-tanaman utama. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME), banyak kegiatan penyelidikan telah dilaksanakan dan hasil-hasil yang menggalakkan telah dicapai dengan adanya sokongan yang berterusan daripada Kerajaan.

Antara kejayaan penyelidikan yang telah dicapai oleh RRIM dalam tempoh RME ialah pembangunan baka-baka baru yang berhasil tinggi serta sesuai dengan berbagai keadaan. Penggabungan teknik tisu didik dan amalan agronomi yang baru, telah membolehkan tempoh sebelum pokok getah boleh ditoreh dikurangkan kepada empat tahun. RRIM juga telah berjaya memajukan sistem penorehan intensiti rendah dan pisau menoreh bermotor. Bagi kegiatan di peringkat selepas pengeluaran, RRIM dengan menggunakan kaedah pengubahsuaian kimia telah berjaya menghasilkan getah asli epoxidised (ENR) yang mempunyai ciri-ciri istimewa. Kegunaan-kegunaan baru getah seperti pelapik getah jambatan, pelapik getah landasan keretapi dan penyumbat elastoplastik untuk landasan terbang, telah juga dimajukan. Penyelidikan mengenai sisa-sisa getah telah membolehkan kilang-kilang mematuhi syarat-syarat yang ketat di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling (Getah Asli Mentah) (Premis Yang di Tetapkan) Peraturan-Peraturan, 1978.

Usaha-usaha penyelidikan yang dijalankan oleh PORIM adalah khusus ditumpukan bagi meningkatkan hasil kelapa sawit dan penggunaan jentera untuk memetik dan

mengumpul buah kelapa sawit. Benih-benih kelapa sawit yang berhasil tinggi sedang dibiakkan menerusi teknik tisu didik. Dalam bidang makanan, berbagai jenis marjerin, VANASPATI, bahan lelemak dan bahan gantian mentega koko telah berjaya dihasilkan. Rumusan-rumusan khusus bagi berbagai keluaran juga telah dihasilkan untuk memenuhi keperluan tertentu pasaran baru seperti Korea Selatan, Jerman Timor dan Australia. Satu perkembangan utama dalam penyelidikan bersama ialah penubuhan loji-loji perintis untuk mengeluarkan minyak diesel daripada minyak mentah kelapa sawit, PALM STEARIN dan asid lemak kelapa sawit, dan vitamin E daripada asid lemak yang disuling dan dari daun-daun kelapa sawit.

Dalam tempoh RME, MARDI telah menumpukan usaha penyelidikannya ke atas padi, tembakau, sayur-sayuran, koko, buah-buahan, ternakan dan teknologi makanan. Enam jenis benih padi baru yang boleh mengeluarkan hasil sehingga 6.5 tan setiap hektar telah dihasilkan dan teknik tabur terus telah diperkenalkan. Benih-benih baru bagi tembakau, cili, koko dan nanas telah dihasilkan dan kaedah-kaedah pembajaan telah dirumuskan. Penyelidikan juga telah dijalankan ke atas penggunaan keluaran sampingan dan sisa-sisa tanaman sebagai makanan ternakan. Teknik penyejukan kering telah digunakan dengan jayanya bagi pengeluaran makanan segera daripada bahan makanan tempatan. Kemajuan telah dicapai dalam memproses dan membungkus keluaran-keluaran makanan tradisional yang menggunakan proses penapaian dan tanpa penapaian.

PENYELIDIKAN PERIKANAN. Institut Penyelidikan Perikanan di Pulau Pinang telah dengan giatnya menjalankan penyelidikan mengenai sumber-sumber ikan dan pembiakan ikan untuk memastikan tahap penangkapan ikan yang optimum yang boleh mengekalkan sumber ikan. Teknologi ternakair bagi udang dan pengeluaran anak-anak ikan siakap serta kajihayat dan kajialam hayat bagi kerang dan siput-siput laut yang lain telah dihasilkan. Kajian-kajian juga telah dijalankan mengenai kesan pencemaran air ke atas hidupan laut dan kajian ke atas tukun tiruan dan kajialam hayat hutan baka.

PENYELIDIKAN PENGELUARAN DAN KESIHATAN HAIWAN. Penyelidikan mengenai pengeluaran dan kesihatan haiwan telah dilaksanakan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan MARDI. Kejayaan yang besar telah dicapai di bidang pembiakan dan pemakanan haiwan bagi membantu perusahaan daging lembu, tenusu, babi dan ayam itik. Pengeluaran daging dan telur tempatan terus meningkat. Perkembangan yang penting mengenai ternakan lembu daging ialah pengenalan sistem kandang kecil. Di bawah sistem ini lembu-lembu dikurung dan hanya diberi makan hampas isirung kelapa sawit. Hasil daripada penggunaan sistem ini, kadar pertambahan berat lembu dapat dicapai sehingga 1 kilogram sehari. Perusahaan tenusu tempatan, yang menggunakan baka lembu kacukan SAHIWAL-FRIESIAN yang diusahakan oleh penternak-penternak kecil telah mula memberi kesan ke atas pasaran susu cair tempatan. Dalam bidang kesihatan haiwan pula, Institut Penyelidikan Haiwan serta berbagai makmal mengesan penyakit-penyakit terus menjalankan usaha penyelidikan mengenai penyakit-penyakit haiwan dan pengeluaran vaksin.

PENYELIDIKAN PERHUTANAN. Usaha penyelidikan yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Perhutanan dalam tempoh RME sebahagian besarnya ditumpukan bagi memperluaskan penggunaan kayu getah dan batang kelapa sawit. Permintaan yang tinggi ke atas kayu getah bagi membuat perabot dan kegunaan-kegunaan lain menunjukkan kejayaan dalam bidang ini. Penemuan-penemuan awal kajian mengenai batang kelapa sawit menunjukkan ianya mempunyai potensi sebagai bahan mentah untuk membuat papan halus dan palpa bagi pengeluaran kertas. Satu lagi bidang penyelidikan yang mempunyai nilai ialah pembiakan dan penanaman secara besar-besaran jenis-jenis rotan dan buluh yang mempunyai nilai ekonomi. Perubahan taraf Institut Penyelidikan Perhutanan daripada sebuah jabatan kepada sebuah badan berkanun dalam tahun 1985, akan meningkatkan kegiatan-kegiatan dan produktiviti penyelidikan perhutanan.

PENYELIDIKAN PERINDUSTRIAN DAN PERLOMBONGAN. Dalam tempoh RME, Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) terus melaksanakan objektifnya bagi mempergiatkan usaha untuk menjamin mutu piawaian industri dan memberi pengesanan barang-barang buatan Malaysia. Di samping itu, SIRIM juga memberi penekanan kepada pembangunan teknologi tempatan dan penerapan serta pemindahan teknologi industri yang diimport kepada industri-industri kecil dan sederhana. SIRIM juga telah berjaya memajukan teknologi biogas yang sesuai untuk digunakan oleh petani-petani. Di samping itu, bagi kegunaan industri-industri, pelbagai alat yang mudah dan baru seperti alat untuk mengeluarkan sarung tangan plastik menggoreng keropok separa automatik, mengasingkan isi dan kulit kacang tanah, membungkus roti dan membuat acuan sabun telah direka dan dibentuk.

Institut Sistem Mikroelektronik Malaysia (MIMOS) yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan dalam bulan Januari 1985 untuk menjalankan penyelidikan asas dan gunaan dalam bidang mikroelektronik. Penyelidikan ini memberi penekanan ke atas teknologi yang mempunyai potensi untuk digunakan dalam keluaran-keluaran berteknologi tinggi untuk diedarkan dalam pasaran tempatan dan eksport. Di peringkat awal, MIMOS telah menumpukan kegiatan latihannya di bidang latihan dalam rekabentuk Pengkamilan Skala Sangat Besar (VLSI) yang merupakan teknologi utama bagi keluaran mikroelektronik. Di samping itu, institusi ini telah giat mendedahkan potensi dalam bidang mikroelektronik kepada industri-industri tempatan.

Unit Tenaga Nuklear (UTN) yang terletak di bawah Jabatan Perdana Menteri terus menyediakan latihan dan penyelidikan dalam bidang-bidang penggunaan sains dan teknologi nuklear, serta membekal dan menggunakan radioisotop berhayat pendek dalam kegiatan pertanian, teknologi makanan, kejuruteraan, perubatan dan alam sekitar dalam tempoh RME. Antara kegiatan-kegiatan lain UTN ialah penyelidikan mengenai penyinaran ke atas makanan dan penggunaan tenaga nuklear bagi ujian-ujian tanpa musnah.

Dalam sektor perlombongan, Institut Penyelidikan Perlombongan Malaysia terus memainkan peranan yang giat dalam R & D untuk memajukan lagi pengeluaran galian negara. Usaha-usaha ditumpukan ke arah pembangunan teknologi penilaian bijih, kejuruteraan perlombongan dan pemprosesan galian. Hasil yang penting telah dicapai dalam penggunaan jentera menggerudi lanar dalam usaha-usaha mencarigali, kaedah geofizik, dan analisa tanah bagi kajian-kajian geoteknik yang berkaitan dengan kestabilan tanah dan keselamatan perlombongan.

**PENYELIDIKAN PERUBATAN DAN KESIHATAN AWAM.** Dalam bidang perubatan dan kesihatan awam, Institut Penyelidikan Perubatan (IMR) terus menyediakan perkhidmatan untuk mengesan penyakit dan perkhidmatan sokongan makmal kepada agensi-agensi lain yang berkaitan. Ujian untuk mengesan secara segera telah dimajukan untuk mengkaji gigitan ular dan penawar kepada gigitan pit viper iaitu sejenis ular bisa yang terdapat di Malaysia telah berjaya dihasilkan. Kegiatan-kegiatan IMR dalam bidang R & D telah berjaya mengesan kewujudan secara meluas ketahanan kepada parasit malaria terhadap CHLOROQUINE dan dengan demikian memberi kesedaran tentang perlunya mengadakan ubat-ubat baru untuk mencegah dan merawat penyakit malaria. Penyelidikan yang dibuat mengenai SCRUB TYPHUS menunjukkan bahawa ianya merupakan punca utama kepada penyakit demam di kawasan luar bandar dan penyakit ini dapat dicegah dan dirawat secara berkesan dengan menggunakan antibiotic DOXYCYCLINE. Pencapaian besar yang lain ialah kejayaan membiak parasit filarial di luar badan manusia dan dengan itu mengwujudkan peluang untuk mencipta vaksin yang berkesan bagi rawatan penyakit filariasis tersebut. Kejayaan ini telah membawa kepada pengeluaran antibodi monoklonal untuk mengesan daya ketahanan penyakit menyedia satu sistem untuk menguji ubat baru mencegah filarial dan membuka peluang bagi pengeluaran vaksin di masa hadapan. Bagi mengatasi masalah sosial yang dihadapi oleh negara pada masa ini, langkah telah diambil oleh IMR untuk menubuhkan sebuah makmal sebagai pusat rujukan bagi mengesan penyalahgunaan dadah. Pada awal tahun 1985, sebuah makmal baru telah ditubuhkan untuk mengesan virus penyakit Syndrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) ke atas contoh daripada penderma darah dan kumpulan-kumpulan risiko tinggi yang lain.

**PENYELIDIKAN PERTAHANAN.** Usaha penyelidikan dalam angkatan Tentera Malaysia telah bermula dalam tahun 1968 dengan tertubuhnya Pusat Teknik Pertahanan yang menyediakan perkhidmatan sains dan teknologi kepada angkatan tentera. Pusat ini telah ditukar namanya kepada Pusat Penyelidikan Pertahanan dalam tahun 1972 dan telah disusun semula menjadi Pusat Sains dan Teknologi Pertahanan dalam tahun 1985. Ianya menjadi pusat bagi penerimaan dan pemindahan teknologi pertahanan serta membantu dalam pengeluaran alat-alat pertahanan penting.

**PENYELIDIKAN DI UNIVERSITI.** Usaha penyelidikan di universiti-universiti telah bertambah pesat tetapi masih mengalami masalah sumber kewangan yang tidak mencukupi. Bilangan kemasukan pelajar dalam bidang pengajian peringkat sarjana yang agak kecil di universiti-universiti tempatan telah juga menjejaskan kegiatan R & D

memandangkan sebahagian besar penyelidikan dijalankan melalui program pengajian peringkat sarjana. Sungguhpun demikian, sumbangan universiti-universiti dalam bidang R & D tertentu adalah penting. Usaha-usaha kerjasama dalam R & D di antara universiti dan sektor perindustrian telah semakin meningkat. Satu sumbangan penting kepada pembangunan R & D bagi sektor perindustrian dalam tempoh RME ialah penubuhan unit-unit perhubungan perindustrian di universiti tempatan untuk memudahkan pertukaran teknologi antara universiti-universiti dan sektor perindustrian. Menerusi unit-unit ini tenaga kepakaran dan hasil-hasil penyelidikan dari universiti telah semakin banyak digunakan oleh industri-industri. Universiti-universiti juga telah melengkapkan lagi kegiatan R & D yang dijalankan oleh institusi-institusi Kerajaan dalam berbagai bidang penyelidikan gunaan, termasuk pertanian, perhutanan, ternakan, perikanan dan pemprosesan makanan. Kajian dalam penggunaan tenaga suria serta kegiatan untuk mengesan penyakit-penyakit manusia telah juga dijalankan dengan giatnya oleh universiti-universiti. Pemindahan teknologi

Dalam tempoh RME, usaha mengimport dan menggunakan teknologi asing telah membantu pertumbuhan dan pembangunan ekonomi negara. Bilangan perjanjian mengenai pemindahan teknologi mengikut jenis dan kumpulan industri yang didaftarkan dengan Kementerian Perdagangan dan Perindustrian antara tahun-tahun 1981 dan 1985 adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-2 dan Jadual 8-3. Sebahagian besar perjanjian-perjanjian tersebut adalah tergolong di bawah program bantuan teknik dan kepakaran. Industri-industri makanan, elektronik dan elektrik serta kenderaan bermotor telah banyak mendapat faedah daripada perjanjian pemindahan teknologi ditunjukkan dalam Jadual 8-

Majlis Penyelarasan bagi Pemindahan Teknologi Perindustrian (MPPTP) telah ditubuhkan dalam tahun 1982 untuk merangka strategi-strategi bagi memperkukuhkan lagi proses pemindahan teknologi. Tanggungjawab Majlis ini telah dipindahkan kepada MPSKN dalam tahun 1985.

### **III. PROSPEK, 1986-90**

Dalam tempoh RML, S & T dijangka akan memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan negara. Peranan ini akan memerlukan sokongan yang kuat daripada kegiatan R & D dalam usaha meningkatkan kecekapan, produktiviti dan daya bersaing, bukan sahaja dalam sektor pertanian, tetapi juga dalam semua sektor ekonomi lain, khususnya pembuatan. Oleh yang demikian, usaha bersama adalah perlu bagi menggembelinkan potensi sains negara yang melibatkan penggubalan satu dasar negara mengenai S & T serta penggabungannya dalam keseluruhan perancangan pembangunan negara. Dasar negara mengenai S & T yang digubal secara teliti akan juga menentukan arah kegiatan R & D dalam sektor-sektor awam dan swasta bagi membantu pencapaian matlamat sosioekonomi negara.

Sistem pengurusan S & T yang terdapat pada masa ini mempunyai pendekatan yang tidak dipusatkan. Dalam tempoh RML, pendekatan perancangan yang lebih dipusatkan dan pelaksanaan yang terselaraskan akan dijalankan bagi mencapai produktiviti yang lebih tinggi dalam kegiatan R & D. Untuk tujuan ini, satu kajian semula yang menyeluruh mengenai organisasi dasar sains serta peraturan-peraturan perundangan dan institusi dalam S & T akan dilaksanakan. MPKSN, sebagai organisasi dasar sains utama akan diperkukuhkan untuk menyediakan bidang kuasa antara sektor yang lebih berkesan dari segi perancangan dan pengurusan, manakala satu jentera bebas akan diadakan untuk tujuan penilaian dan penaksiran.

Menyedari pentingnya peranan R & D dalam pembangunan negara, perbelanjaan bagi kegiatan ini akan ditambah dalam tempoh RML. Di samping itu, keseimbangan dalam kegiatan R & D bagi tiga jenis penyelidikan iaitu, asas, gunaan dan pembangunan dijangka dapat diwujudkan menerusi peratusan dalam pembahagian peruntukan yang ditetapkan dengan jelas. Dengan cara ini, satu asas pembangunan teknologi yang kukuh akan dapat dibentuk.

Penglibatan sektor swasta dalam kegiatan R & D pada masa yang lepas adalah sangat berkurangan. Pada tahun 1982, perbelanjaan sektor swasta bagi R & D merupakan 10 peratus daripada perbelanjaan R & D negara berbanding dengan 5 peratus oleh universiti dan 85 peratus oleh sektor awam. Adalah dijangka bahawa dengan adanya penekanan R & D ke atas kegiatan selepas pengeluaran, sektor swasta akan meningkatkan usaha-usaha dan sumber-sumbernya bagi menjalankan penyelidikan pembangunan dengan mengambil peluang berbagai galakan fiskal dan galakan-galakan lain.

Kecekapan tempatan dalam kegiatan R & D adalah perlu bagi mempertingkatkan keupayaan sains dan teknologi negara dan keupayaan ini berkait rapat dengan pembangunan tenaga manusia dalam bidang S & T. Kelemahan yang terdapat pada masa ini dalam bidang perancangan pembangunan tenaga manusia yang berkaitan dengan jentera perancangan, dan institusi-institusi latihan akan diatasi.

Pelaksanaan secara berkesan berbagai dasar dan program R & D akan memerlukan pengukuhan dalam pengurusan S & T. Dalam tempoh RML, satu program bagi melatih bakal-bakal pemimpin penyelidikan akan dilaksanakan. Usaha-usaha mengemaskinikan pengetahuan dan mempertingkatkan teknologi secara berterusan akan dilaksanakan menerusi cuti sabatikal, pertukaran kakitangan di antara institusi R & D, universiti dan industri.

Dalam tempoh RML, program-program S & T akan ditumpukan kepada usaha mencapai produktiviti yang lebih tinggi serta menyediakan asas yang kukuh dalam usaha mempelbagaikan industri. Sehubungan dengan ini, program berteknologi tinggi dan strategik yang boleh meluaskan keupayaan industri serta meningkatkan keupayaan teknologi negara akan disediakan selaras dengan perakuan Pelan Induk Perindustrian.

Kerajaan juga akan memastikan bahawa pelaksanaan program-program baru tersebut akan dilaksanakan dengan jayanya.

Bagi membolehkan S & T maju dalam masyarakat, adalah penting masyarakat itu sendiri didedah dan dilengkapi dengan pengetahuan dalam bidang tersebut dan berminat untuk menggunakannya sebagai alat bagi mencapai kemajuan dalam bidang-bidang kebudayaan, sosial dan ekonomi. Oleh yang demikian, sains akan menjadi satu cara hidup dan juga alat untuk memperkayakan kebudayaan. Menyedari keperluan ini, Kerajaan akan terus mewujudkan suasana yang sesuai bagi menggalakkan daya cipta dalam bidang sains dan pembaharuan dalam bidang teknologi.

#### **IV. STRATEGI BAGI PEMBANGUNAN SAINS DAN TEKNOLOGI**

##### Pengurusan sains dan teknologi

Usaha-usaha penyelidikan di bidang S & T di masa lepas yang dijalankan oleh berbagai intitusi penyelidikan di berbagai peringkat sebahagian besarnya adalah berasaskan kepada matlamat sektor tanpa berpandu kepada matlamat negara keseluruhannya. Dalam tempoh RML, perancangan akan lebih dipusatkan dan pelaksanaan akan diselaraskan melalui MPKSN yang akan dilengkapi dengan kemudahan yang perlu bagi melaksanakan tugas-tugasnya dengan lebih berkesan. Satu kajian semula yang menyeluruh akan dilaksanakan bagi mengkaji arah, matlamat keutamaan penyelidikan keseluruhannya supaya ianya selaras dengan dasar sains dan teknologi negara. Dengan adanya kajian ini, aspek-aspek pengeluaran dan pembuatan dapat diberi tumpuan yang lebih, sementara berbagai agensi R & D dan universiti dapat diselaraskan supaya mereka dapat memainkan peranan yang lebih berkesan. Satu program untuk melatih pemimpin penyelidikan akan dilaksanakan dan petunjuk-petunjuk S & T yang sesuai dibentuk bagi memperbaiki pengurusan S & T.

##### Peruntukan sumber bagi sains dan teknologi

Usaha memperkukuhkan organisasi yang bertanggungjawab ke atas dasar sains akan disertai oleh penambahan peruntukan bagi S & T yang akan diuruskan menerusi Tabung Penyelidikan dan Pembangunan Pusat. Tabung ini akan digunakan untuk membiayai kegiatan R & D yang boleh mempertingkatkan potensi negara di dalam bidang sains dan teknologi serta menambahkan sumbangannya dalam mencapai matlamat pembangunan sosioekonomi. Dengan demikian, tabung ini akan membolehkan penggembelangan sumber-sumber dengan lebih pesat untuk mengambil peluang daripada perkembangan baru di bidang S & T yang menguntungkan negara. Jumlah perbelanjaan untuk kegiatan R & D bagi sektor-sektor awam dan swasta dijangka terus bertambah mengikut bahagiannya dalam KNK.



## Jenis-jenis penyelidikan dan pembangunan

Peruntukan sumber bagi institusi-institusi R & D dan universiti-universiti untuk tujuan penyelidikan akan diperbaiki. Bagi memastikan tabung penyelidikan adalah mencukupi, pembahagian belanjawan bagi kegiatan penyelidikan bagi institusi R & D dan universiti-universiti akan ditambah. Bagi mencapai perseimbangan dalam menjalankan berbagai jenis penyelidikan, universiti-universiti hendaklah memainkan peranan yang penting dalam penyelidikan asas, manakala institut-institut penyelidikan sektor awam pula akan menumpukan kegiatannya ke atas penyelidikan-penyelidikan gunaan dan pembangunan. Sektor swasta akan digalakkan untuk mengguna dan memperdagangkan hasil-hasil penyelidikan menerusi peranan mereka dalam penyelidikan pembangunan. Garis panduan umum mengenai peratusan peruntukan sumber mengikut jenis penyelidikan iaitu penyelidikan asas 18 peratus gunaan 35 peratus dan pembangunan 47 peratus adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 8-4.

## Penglibatan Sektor Swasta Dalam Penyelidikan Dan Pembangunan

Dalam tempoh RML, adalah penting penyertaan dan pelaburan sektor swasta perlu dipertingkatkan dalam bidang R & D terutamanya dalam program-program yang berasaskan sumber dan teknologi tinggi untuk mencapai kadar pertumbuhan yang tinggi bagi sektor perindustrian. Oleh yang demikian, galakan fiskal dan galakan-galakan lain akan diperkenalkan untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta ke peringkat yang dapat membantu usaha-usaha negara di bidang R & D. Penglibatan sektor swasta dalam bidang R & D adalah dalam berbagai bentuk iaitu kegiatan R & D yang dijalankan sendiri oleh sesebuah organisasi swasta, penyelidikan secara kerjasama atau kontrak dengan pihak universiti dan institusi penyelidikan serta sumbangan yang diberikan kepada Tabung Penyelidikan dan Pembangunan Pusat.

Institusi-institusi pengajian tinggi mempunyai peranan utama dalam usaha mempertingkatkan kemahiran tempatan dalam bidang S & T. Institusi-institusi ini membantu mengeluarkan tenaga manusia di peringkat pertengahan dan tinggi yang berkeupayaan untuk menyerap teknologi yang diimport, menjalankan R & D, mereka teknologi sendiri dan berkebolehan menyesuaikan hasil penyelidikan dengan kegiatan secara produktif dari segi ekonomi. Pada masa ini pembangunan tenaga manusia bagi bidang Sains dan Teknik menghadapi masalah-masalah penyelarasan dan pertalian yang kurang memuaskan antara perancang pembangunan dengan pengguna dan pengeluar. Dalam tempoh RML, perancangan pembangunan tenaga manusia jangka sederhana dan panjang dalam bidang sains dan teknikal akan diperkembangkan dan satu jentera bagi mengkaji semula perancangan ini secara berterusan akan dibentuk.

Bagi beberapa tahun akan datang, perubahan ke atas penekanan terhadap bidang pengajian akademik akan dibuat dan bidang-bidang baru dalam pengajian dan penyelidikan akan terus berkembang bagi memenuhi keperluan negara. Oleh yang demikian, adalah penting kemudahan-kemudahan disediakan bagi membolehkan

universiti-universiti melaksana dengan berkesan tanggungjawabnya dalam bidang pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan.

Tenaga manusia yang diperlukan bagi mempercepatkan pertumbuhan ekonomi bukan sahaja terhad kepada siswazah dalam bidang sains dan kejuruteraan tetapi juga meliputi kumpulan separa iktisas dan juruteknik. Latihan bagi kumpulan separa-ikhtisas dan juruteknik akan dititikberatkan. Jentera perancangan tenaga manusia yang akan dibentuk dan diperkemaskan bagi tujuan ini akan juga memberi perhatian kepada melatih dan mengeluarkan tenaga ikhtisas yang cekap dan kakitangan sokongan yang berkebolehan melaksanakan tugas-tugas berkaitan dengan pemodenan teknologi. Penekanan akan juga diberi kepada pembangunan kumpulan-kumpulan pengurusan dan usahawan yang mempunyai latar belakang S & T yang teguh. Pembaharuan dan perubahan teknologi adalah bergantung kepada keupayaan dan kesanggupan pengurus dan usahawan menghadapi Tenaga manusia dalam bidang sains dan teknik risiko dalam mengamalkan cara-cara pemikiran dan menggunakan ciptaan teknik baru dalam proses pengeluaran dan pemasaran barangan dan perkhidmatan.

#### Keutamaan penyelidikan dan pembangunan

Kadar pertumbuhan yang tinggi bagi sektor pembuatan sepanjang tahun tujuh puluhan telah mengwujudkan keyakinan terhadap peranan sektor ini dalam proses pembangunan di masa hadapan. Tambahan pula, kesan buruk daripada kemelesetan ekonomi telah menunjukkan keadaan ekonomi yang mudah terjejas akibat perubahan dalam permintaan luar negeri dan menekankan perlunya usaha-usaha diambil untuk mempelbagaikan pengeluaran dan eksport. Oleh yang demikian, usaha-usaha R & D akan ditumpukan kepada peningkatan produktiviti dan pelbagaian asas perindustrian bagi membolehkan Malaysia meningkatkan daya bersaingnya dan menembusi pasaran luar negeri. Pencapaian matlamat tersebut akan memerlukan penekanan khusus diberi bagi menjalankan penyelidikan selepas pengeluaran untuk industri berasaskan sumber. Bagi industri bukan berasaskan sumber, R & D akan ditumpukan ke arah proses pengeluaran dan pembangunan keluaran untuk memajukan sektor pembuatan ke tahap yang lebih tinggi.

#### Teknologi tinggi dan kegiatan-kegiatan yang strategik

Kerajaan telah mengenalpasti beberapa bidang baru yang perlu diberi keutamaan dalam kegiatan R & D. Kegiatan-kegiatan ini ditakrifkan sebagai bidang R & D berteknologi tinggi dan kegiatan-kegiatan yang strategik. Kegiatan-kegiatan teknologi tinggi termasuklah bidang-bidang mikroelektronik, teknologi laser dan elektrooptik, bioteknologi, teknologi bahan, teknologi pembuatan dan teknologi SOFTWARE. Kegiatan-kegiatan strategik pula adalah seperti REMOTE SENSING, sains samudra, kajicuaca gunaan dan program-program rekabentuk berkomputer (CAD) dan pengeluaran pembuatan berkomputer (CAM) dan kejuruteraan berkomputer (CAE).

Bidang teknologi tinggi telah memainkan peranan utama dalam mewujudkan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan produktiviti di negara-negara perindustrian. Bidang ini juga adalah penting kepada Malaysia bagi membentuk kecekapan teknik supaya dapat menggalakkan pembaharuan dan perubahan teknologi di negara ini untuk mewujudkan satu sektor perindustrian untuk eksport yang mempunyai daya bersaing yang tinggi. Dalam hal ini, mikroelektronik telah dikenalpasti sebagai satu unsur yang penting untuk meningkatkan kecekapan dan produktiviti dalam bidang industri. Dalam tempoh RML, penyelidikan dalam bidang mikroelektronik oleh MIMOS akan terus digalakkan. Penyelidikan dalam bidang-bidang teknologi tinggi yang lain akan diteruskan sejajar dengan matlamat negara untuk mempertingkatkan kecekapan teknologi tempatan, terutama dalam pengusahaan sumber-sumber semulajadi serta menikmati faedah berbanding yang lain.

Kegiatan yang ditakrifkan sebagai strategik mungkin tidak memberi sumbangan secara langsung kepada pertumbuhan produktiviti dan rekacipta, tetapi ianya penting dalam mengawas pembangunan sumber semulajadi menjaga keselamatan negara, menjamin kesihatan dan kebajikan manusia serta mempertingkatkan produktiviti R & D. REMOTE SENSING menjadi alat utama dalam pengurusan sumber pertanian, perhutanan, galian dan pengurusan sumber lain serta mengesan kedudukan keselamatan dan pengawasan dalam usaha mengawal alam sekitar. Penerimaan Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) 200 batu telah meluaskan tanggungjawab negara bagi kawasan perairan. Keperluan untuk menilai, mengguna dan mengurus sumber-sumber dalam zon ini adalah mendesak. Keadaan ini memerlukan pembentukan program R & D dalam bidang sains samudra ditubuhkan. Proses pambandaran yang pesat telah menyebabkan perubahan yang besar dalam keadaan iklim di bandar yang menjejaskan keselesaan dan produktiviti manusia serta ekonomi penggunaan tenaga di kawasan bandar. Usaha yang bersepadu dan terselaraskan dalam mengkaji iklim bandar akan membantu mengurangkan aspek yang negatif yang berpunca dari proses pambandaran. Teknologi CAD/CAM/CAE telah menjadi semakin penting sebagai alat dalam mempertingkatkan daya bersaing dan produktiviti sektor perindustrian. Dalam keadaan tertentu, teknologi-teknologi ini dapat mengatasi masalah kekurangan kemahiran dan oleh itu adalah penting bagi negara-negara sedang membangun seperti Malaysia. Satu kemudahan yang dipusatkan bagi latihan dalam bidang CAD/CAM/CAE merupakan keperluan yang penting.

Kegiatan-kegiatan bidang berteknologi tinggi dan strategik yang akan diberi keutamaannya, memerlukan sokongan daripada bidang-bidang pengajian sains yang baru. Berikutan dengan itu, satu kajian akan dimulakan bagi mengenalpasti bidang-bidang pengetahuan ini yang boleh dimasukkan ke dalam kurikulum dan program-program penyelidikan yang dijalankan oleh universiti dan institusi-institusi penyelidikan. Usaha memperkukuhkan program-program ini akan dijalankan secara terpilih bagi mengelakkan pertindihan yang tidak berfaedah serta memastikan usaha-usaha ini selaras dengan konsep pusat penyelidikan yang unggul. Kerjasama yang lebih erat di kalangan institusi penyelidikan awam, universiti-universiti dan industri-industri adalah diperlukan.

## Pemindahan teknologi

Pembangunan keupayaan teknologi tempatan bergantung kepada pemindahan teknologi dari luar negeri yang biasanya diimport dengan kos yang sangat tinggi. Hanya sebahagian kecil daripada teknologi-teknologi ini telah diserap dan diperbaiki disebabkan negara kekurangan kepakaran dalam bidang teknik untuk melaksanakan proses tersebut. Memandangkan hal tersebut, Kerajaan akan mengadakan jentera yang diperlukan untuk memilih teknologi yang sesuai bagi pembangunan perindustrian yang dapat mengusahakan sumber-sumber yang mempunyai faedah berbanding kepada negara ini. Kerajaan juga akan menimbangkan keperluan mengadakan peraturan-peraturan pengawalan, pentadbiran dan teknik untuk membolehkan pemindahan dan penyerapan teknologi secara berkesan di samping memberi penekanan khusus kepada teknologi yang dihasilkan di dalam negeri untuk digunakan oleh industri.

Proses memahami dan menghayati sains bermula melalui pendedahan secara meluas di peringkat sekolah dan berterusan di peringkat dewasa melalui berbagai pendedahan dan pengalaman. Dalam tempoh RML, langkah-langkah akan diambil bagi memperbaiki kemudahan yang sedia ada termasuk taman haiwan dan taman botani serta pusat untuk menggalakkan pendidikan sains yang berterusan. Pertimbangan akan diberi bagi penubuhan kemudahan-kemudahan baru seperti muzium sains dan planetarium. Berbagai program di peringkat sekolah akan diteruskan untuk memupuk kemahiran manipulatif dan kebolehan teknik dari peringkat umur yang muda.

Sumber dan potensi saintifik negara akan dipupuk dan digembelinkan untuk membantu peranan sains dalam pembangunan. Bagi menggalakkan penyertaan ahli-ahli S & T dalam pembangunan negara. Kerajaan akan menimbangkan penubuhan sebuah akademi sains negara. Akademi tersebut adalah bertujuan memberi penghargaan kepada pencapaian dan sumbangan ahli-ahli sains kepada S & T. Akademi ini juga akan menjadi satu forum rasmi untuk membolehkan kumpulan-kumpulan sains dan ikhtisas mengemuka dan membincangkan isu-isu serta merangka perakuan-perakuan dasar berhubung dengan S & T kepada Kerajaan. Di samping itu, akademi ini juga akan memainkan peranan sebagai daya penggerak untuk mencapai kecemerlangan sains dan mengadakan kepimpinan kepada badan-badan sains dalam sumbangan mereka kepada pembangunan negara. Memperkenalkan sains secara meluas untuk pembangunan negara

## **V. PERUNTUKAN**

Peruntukan pembangunan untuk kegiatan R & D dalam tempoh 1986-90 adalah sebanyak \$400 juta.

## **VI. PENUTUP**

Adalah jelas bahawa dalam tempoh RML dan seterusnya sumber-sumber S & T akan digembelngkan bagi memainkan peranan yang penting untuk pembangunan ekonomi. Dalam hubungan ini, keutamaan yang lebih akan diberi bagi mengukuhkan keempat-empat bahagian utama sistem S & T. Bahagian-bahagian tersebut ialah, satu kumpulan gunasama di peringkat antarabangsa dalam bidang S & T yang memerlukan negara memberi sumbangan dan mendapat faedah daripadanya; suatu rangkaian S & T negara yang berkesan; sektor swasta yang berupaya mengwujudkan kekayaan melalui penggunaan S & T; dan masyarakat yang berpengetahuan yang dapat menyediakan asas perkembangan sosial dan sumber-sumber yang diperlukan untuk membolehkan bahagian-bahagian lain dalam sistem S & T dilaksanakan.

Strategi-strategi dan program-program yang dirangka bagi S & T dalam tempoh RML akan mengambilkira keempat-empat bahagian tersebut. Pada masa ini terdapat berbagai kekurangan dalam rangkaian S & T yang perlu diatasi, di samping kegiatan-kegiatan baru yang perlu diberi perhatian segera. Pelaksanaan berbagai program akan dijalankan berperingkat-peringkat mengikut keutamaan dan usaha-usaha untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan baru perlu dimulakan dalam tempoh RML.

## **BAB 9 : ALAM SEKITAR**

### **I. PENDAHULUAN**

Pemuliharaan dan perlindungan alam sekitar daripada pengusahahaan sumber-sumber alam secara berlebihan dan pencemaran alam sekitar akan menjadi bertambah penting dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) bagi membolehkan negara mencapai antara lain pertumbuhan ekonomi yang diharapkan serta mengekalkan kegiatan sosioekonomi yang berterusan. Kadar pembangunan ekonomi yang tinggi terutamanya dalam beberapa dekad ini telah banyak bergantung kepada kegiatan yang berasaskan sumber-sumber asli, samada sumber yang boleh diperbaharui atau tidak, yang meliputi perhutanan, tanah, bahanapi dari fosil, galian sehinggalah kepada sumber yang paling asas sekali iaitu air. Pada masa yang lalu, tanggungjawab utama Kerajaan dalam usaha mencapai perseimbangan antara pembangunan dan alam sekitar ialah dengan melaksanakan usaha untuk menyelesaikan masalah alam sekitar melalui langkah-langkah pemulihan semula iaitu penguatkuasaan undang-undang alam sekitar di samping membentuk strategi pembangunan yang baru supaya masalah-masalah alam sekitar dapat diatasi pada masa hadapan. Melalui langkah-langkah ini, yang sebahagian besarnya adalah berunsur pencegahan, suasana alam sekitar telah dapat diperbaiki terutamanya di kalangan industri memproses berasaskan pertanian. Usaha-usaha memperbaiki suasana alam sekitar bagi Sektor-sektor lain akan dicapai melalui langkah-langkah pemuliharaan dan pencegahan.

Kerajaan akan terus mengawal agar sumber-sumber tersebut diusahakan dengan lebih seimbang. Kerajaan juga akan menumpukan perhatian kepada pemuliharaan bagi memastikan supaya kemusnahan alam sekitar yang berlaku tidak menjejaskan faedah yang diperolehi melalui pembangunan supaya generasi sekarang dan masa hadapan terus menikmati sumber-sumber tersebut. Dalam tempoh RML, program alam sekitar yang berkesan adalah perlu dilaksanakan dalam hampir kesemua sektor ekonomi. Keutamaan yang tinggi akan ditumpukan kepada strategi dan usaha-usaha pemuliharaan yang dapat memperkukuhkan lagi jentera penguatkuasaan yang ada, terutamanya di peringkat negeri dan Kerajaan tempatan melalui pengwujudan peraturan-peraturan yang seragam dengan piawai yang sesuai serta melalui usaha-usaha bersama dan terselaras antara semua agensi penguatkuasa yang berkenaan. Penyelarasan yang lebih luas di antara agensi penggubalan dasar dan pelaksanaan program di peringkat persekutuan dan negeri akan menjadi lebih penting. Usaha-usaha akan ditumpukan bagi menggalakkan lagi penglibatan yang lebih luas oleh orang awam, kumpulan-kumpulan penduduk dan juga sektor swasta dalam kempen-kempen kesedaran alam sekitar, pendidikan dan latihan.

## II. KEMAJUAN, 1981-85

### Pengurusan Alam Sekitar

PROSES PENILAIAN KESAN ALAM SEKITAR (PKAS). Penilaian Kesan Alam Sekitar (PKAS) menyediakan asas bagi semua pihak mengkaji kemungkinan projek-projek pembangunan secara menyeluruh. Melalui usaha yang dijalankan oleh Jabatan Alam Sekitar beberapa jenis projek seperti ditunjukkan dalam Jadual 9-1 telah dikaji dan dinilai dari segi kesan-kesannya ke atas alam sekitar. Melalui langkah-langkah ini aspek alam sekitar telah diambil kira dalam perancangan projek pembangunan.

KESEDARAN ALAM SEKITAR. Pendidikan formal dan informal, melalui latihan teknik, media massa dan badan-badan pertubuhan bukan Kerajaan serta kumpulan penduduk telah memainkan peranan yang semakin meningkat dalam proses melahirkan kesedaran alam sekitar di negara ini. Beberapa kemajuan telah dicapai dalam usaha menyediakan maklumat yang lebih banyak mengenai masalah dan prospek alam sekitar, kaedah-kaedah pentadbiran dan perundangan mengenai tindakan penguatkuasaan pengendalian dan pelaksanaan panduan mengenai kaedah-kaedah dalam menilai dan menganalisa keberkesanan langkah-langkah kawalan alam sekitar, dan latihan serta kerjasama teknik berkaitan dengan hal-hal alam sekitar. Kerjasama antara negara-negara serantau berkaitan dengan masalah alam sekitar yang dihadapi bersama, samada melalui Pertubuhan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) atau di bawah naungan berbagai agensi dan program Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu telah meningkat. Aspek alam sekitar juga telah semakin disedari dengan lebih jelas dalam berbagai sektor pembangunan terutamanya dalam sektor-sektor pemakanan dan pertanian, kesihatan, industri dan penempatan manusia.

Penglibatan orang awam dalam perbahasan dan tindakan bersama untuk mengatasi masalah alam sekitar setempat juga telah meningkat. Sokongan dari golongan saintifik dari peringkat bawahan, untuk membendung kemerosotan alam sekitar telah bertambah berikutan daripada kesan-kesan negatif yang dihadapi oleh negara dari proses perindustrian, pemandaran dan pertumbuhan penduduk yang menyebabkan perubahan besar kepada bentuk, permukaan tanah, terutamanya hutan, ladang, tanah padi dan tanah luar bandar.

Keadaan alam sekitar dari segi fizikal di negara ini pada keseluruhannya bertambah baik, walaupun masalah alam sekitar terus meningkat di kawasan-kawasan tertentu. Sebahagian besar peningkatan ini adalah hasil daripada kawalan yang ketat ke atas industri pemerosesan berasaskan pertanian seperti industri minyak kelapa sawit mentah dan getah asli mentah. Ini kerana, kawalan pencemaran perindustrian adalah kegiatan yang utama dalam pelbagai program yang diperkenalkan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 yang tujuan terutamanya untuk mempertingkatkan kualiti alam sekitar.

## Kawalan pencemaran air

INDUSTRI BERASASKAN PERTANIAN. Pencemaran dari kedua-dua perusahaan minyak kelapa sawit dan getah asli terus dikawal rapi di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang ditetapkan) (Minyak Kelapa Sawit Mentah), 1977 dan di bawah Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Premis yang ditetapkan) (Getah Asli Mentah), 1978. Melalui pelaburan yang besar dalam bidang penyelidikan dan pembangunan alam sekitar, industri-industri ini telah berjaya memajukan teknologi kawalan tempatan yang diperlukan dan dengan ini dapat mematuhi standard-standard yang semakin ketat dari masa ke semasa di bawah peraturan-peraturan tersebut dalam jangkamasa lima tahun. Dengan teknologi kawalan yang terbaru, industri minyak kelapa sawit telah berjaya mengurangkan kandungan pencemaran mengikut kadar kehendak Oksigen Kimia Hayat (BOD) daripada 1893 tan sehari kepada 4 tan sehari dalam tahun 1985 atau bersamaan keluaran bahan buangan oleh 100,000 penduduk. Sebagaimana yang ditunjukkan dalam Jadual 9-2, tahap prestasi yang tinggi dan melebihi 94 peratus telah dapat dicapai sepanjang tempoh RME, walaupun pengeluaran minyak kelapa sawit mentah dan pencemaran yang berlaku sebelum pengawalan telah bertambah dengan kadar yang tinggi.

Kadar keupayaan mematuhi piawaian yang ditetapkan adalah lebih tinggi di dalam industri memproses getah berbanding dengan industri memproses minyak kelapa sawit. Ini adalah disebabkan sifat bahan buangan getah lebih mudah dipulihkan secara kaji-hayat berbanding dengan bahan buangan minyak kelapa sawit dan juga terdapatnya sokongan penyelidikan dan pembangunan (R & D) telah dapat dimajukan oleh Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM). Walau bagaimanapun, pencemaran yang berpunca daripada pekebun-pekebun kecil masih lagi lebih tinggi daripada industri minyak kelapa sawit akibat bahan buangan yang tidak terkawal dari kebun-kebun kecil getah di seluruh negara. Beban pencemaran hanya dapat dikurangkan ke tahap yang bersamaan dengan pencemaran yang disebabkan oleh 200,000 penduduk.

Dalam industri-industri memproses minyak kelapa sawit dan getah, usaha-usaha R & D oleh sektor swasta telah memainkan peranan utama dalam memajukan teknologi kawalan tempatan untuk mengatasi masalah pencemaran dari kilang-kilang kelapa sawit dan getah. Jenis R & D ini telah berkembang dengan pesatnya, dari peringkat awalnya cara-cara pelupusan ke atas tanah yang melibatkan penyelidikan penggunaan tanah dari segi pengairan dan pembajaan tanaman, pemulihan secara anaerobik-aerobik, penguraian anaerobik untuk pengeluaran biogas, kepada peringkat yang paling bersepadu dalam pengeluaran sel-sel berprotin semasa pemulihan sisa-sisa kelapa sawit. Dalam tempoh 1979-83, industri-industri tersebut telah membelanjakan lebih kurang \$200 juta dalam bidang R & D, bukan sahaja untuk memulih air buangan dari kilang-kilang getah dan minyak kelapa sawit bahkan juga untuk menjadikan bahan-bahan buangan ini bahan makanan binatang ternakan dan mengeluarkan biogas dan elektrik sebagai satu lagi sumber tenaga yang baru. Peruntukan kewangan yang lebih banyak juga telah disediakan untuk membangunkan lagi teknologi ini ke tahap yang lebih maju dan bersih.



Di samping itu lebih daripada \$2 juta telah dibelanjakan di dalam tempoh 1980-83 oleh RRM dan kira-kira \$1.2 juta oleh Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM).

**INDUSTRI PEMBUATAN.** Bagi industri-industri lain, terutama industri pembuatan, penguatkuasaan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Kumbahan dan Effluen Perindustrian), 1979 yang telah dikuatkuasakan dalam tahun 1981 telah berjaya mengurangkan kandungan organik (BOD) industri-industri ini sebanyak 60 peratus daripada 124 tan sehari pada tahun 1981 kepada 50 tan sehari pada tahun 1985, yang bersamaan dengan sisa-sisa najis yang dikeluarkan oleh 1.25 juta penduduk. Melalui sistem pengeluaran lesen yang diasaskan kepada prinsip pencemar mesti membayar segala pembuangan yang tidak dikawal, kilang-kilang yang didapati cuai dikehendaki melaksanakan langkah pengawalan pencemaran sebagaimana yang dikehendaki. Peraturan tersebut juga telah dapat mengawal secara berkesan punca-punca pencemaran yang baru.

**PEMBENTUNGAN.** Pada tahun 1985 jumlah kandungan BOD yang masih belum terkawal daripada pembuangan najis manusia ialah 750 tan sehari, lebih daripada jumlah beban yang di keluarkan oleh industri-industri. Kawalan ke atas punca pencemaran ini adalah bergantung sepenuhnya kepada kemajuan sistem pembentungan awam di seluruh negara. Sehingga tahun 1985, sistem pembentungan yang dipusatkan telah disediakan di Georgetown, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur dan Shah Alam. Menjelang tahun 1985 lebih dua pertiga daripada penduduk luar bandar telah disediakan dengan kemudahan tandas.

**PENTERNAKAN.** Kebanyakan bahan buangan ternakan tidak dipulihkan malahan terus dibuang ke dalam saluran-saluran perairan. Walau bagaimanapun, berdasarkan kesedaran bahawa teknologi yang sesuai dalam pengendalian, pengawalan dan pembuangan atau penggunaan semula bahan-bahan buangan tersebut adalah berkurangan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan dengan kerjasama agensi-agensi kerajaan lain dan juga agensi-agensi badan antarabangsa serta melalui kerjasama dua hala antarabangsa menjalankan beberapa projek bagi mengatasi masalah-masalah tersebut.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah mengambil langkah-langkah yang perlu bagi memperkenalkan undang-undang persekutuan yang seragam dalam usaha untuk menyelaraskan pelbagai enakmen di peringkat negeri bagi mengawal perusahaan ternakan. Menjelang 1984, empat buah negeri iaitu Johor, Melaka, Negeri Sembilan dan Terengganu telah memperkenalkan enakmen mereka.

**PERLOMBONGAN.** Kawalan ke atas bahan-bahan buangan dari lombong-lombong timah pada masa lepas adalah tidak mencukupi untuk memperbaiki keadaan keseluruhan bagi kebanyakan sungai dan kawasan takungan air yang lain yang dicemari oleh lombong bijih timah. Jabatan Galian telah mengambil langkah-langkah lanjut untuk mengawal pembuangan dan penyaluran dari kawasan perlombongan bijih timah, terutamanya menerusi penguatkuasaan pelbagai enakmen dan peraturan di peringkat negeri. Jabatan tersebut juga telah mengawal penempatan kolam-kolam pemendapan bahan buangan,

tempat buangan, kaedah pemulihan dan penyaluran bahan buangan perlombongan menerusi beberapa siri proses penakungan sebelum air lombong itu dialirkan ke sungai. Usaha pemuliharaan air juga telah digalakkan.

Jabatan Galian juga telah mengkaji semula tentang penguatkuasaan piawai tertentu bagi air buangan bagi menyekat kandungan pepejal dalam effluen. Piawai sebanyak 500 grain bagi setiap gelen air buangan yang telah dikuatkuasakan sebelum ini telah dipinda semula menjadi 200 grain se gelen bagi lombong-lombong pajakan baru dan 400 grain se gelen bagi lombong yang sedia ada.

#### Penggunaan tanah

**PEMULIHARAAN TANAH.** Kawalan larian air di kawasan-kawasan yang baru dimajukan untuk pembangunan pertanian, perumahan, industri, jalan, lebuh raya dan kemudahan infrastruktur yang lain telah dilaksanakan secara tidak AD HOC. Dalam tempoh beberapa tahun ini, keadaan tersebut telah mengakibatkan tingkat pencemaran yang lebih tinggi di sungai-sungai di Semenanjung Malaysia serta Sabah dan Sarawak. Jadual 9-3 menunjukkan bahawa sungai-sungai di setiap negeri adalah lebih banyak dicemari oleh kelodak atau bahan pepejal yang terapung berbanding dengan punca-punca pencemaran yang lain. Sungai Perlis didapati sungai yang paling dicemari oleh kelodak, sementara sungai-sungai di Selangor pula mempunyai kandungan BOD paling tinggi.

**PERLINDUNGAN SUMBER AIR BAWAH TANAH.** Pembuangann bahan-bahan yang beraacun dan membahayakan ke atas tanah yang boleh mendatangkan kesan kepada kualiti sumber air di bawah tanah belum lagi terkawal dan disekat sama sekali. Beberapa kajian bersama telah pun dijalankan bagi membantu merumuskan garis panduan dasar mengenai strategi pengurusan buangan yang sesuai, termasuk pengutipan, pemulihan dan pembuangan pelbagai jenis bahan buangan industri. Satu jawatankuasa di peringkat kebangsaan telahpun dibentuk bagi merangka peraturan dan undang-undang meliputi pembangunan dan pengendalian tapak buangan, serta sebagai langkah sementara, jawatankuasa tersebut telah membentuk garis panduan bagi pengendalian, penyimpanan, pengangkutan dan pembuangan bahan-bahan buangan perindustrian tersebut. Sementara itu, tindakan telah diambil untuk mendaftar semua punca bahan buangan tersebut.

**PEMBUANGAN BAHAN BUANGAN PEPEJAL.** Bilangan pihak berkuasa tempatan terutamanya pihak berkuasa yang mempunyai bidang kuasanya yang luas yang telah mengamalkan sistem pengurusan yang baik dalam pengendalian dan pembuangan sampah sarap telah meningkat seperti ditunjukkan dalam Jadual 9-4. Kira-kira 85 peratus daripada sampah sarap yang dikutip telah dibuangkan mengikut kaedah pembuangan dan penimbunan yang biasa diamalkan. Peratusan sampah sarap yang dibakar secara tertutup telah juga meningkat, berbanding pembakaran secara terbuka. Tambahan pula, pihak berkuasa tempatan yang besar seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan Majlis Perbandaran Ipoh, Petaling Jaya, Pulau Pinang dan Seberang Prai telah

mempertimbangkan kemungkinan menswastakan kegiatan pembuangan bahan buangan pepejal dalam kawasan pentadbiran masing-masing.

**PENGURUSAN BAHAN BUANGAN YANG BERACUN DAN MERBAHAYA.** Pihak berkuasa tempatan, terutamanya yang mempunyai kawasan perindustrian telah mula menumpukan perhatian terhadap keperluan keselamatan dalam mengendali, mengangkut dan membuang bahan buangan yang berpunca dari industri kejuruteraan dan pembuatan. Pada masa ini industri-industri tersebut terpaksa membuang bahan buangan yang merbahaya dan beracun yang dikumpul dalam tangki-tangki pemendapan yang digunakan untuk pemuliharaan effluen yang boleh mendatangkan pencemaran yang sangat tinggi.

Dari segi jumlah isipadu, lebih 52 peratus daripada bahan buangan beracun dan merbahaya adalah dikeluarkan oleh industri elektronik, 14 peratus oleh industri-industri logam dan penyaduran dan selebihnya oleh industri-industri kimia, getah dan plastik, percetakan dan pembungkusan, kulit, dan perubatan. Jenis sisa sampingan yang dikeluarkan adalah berbeza-beza. Lebih daripada 52 peratus jumlah isipadu bahan buangan adalah dalam bentuk logam yang disadur. Lebih daripada 74 peratus bahan buangan adalah dalam bentuk mendapan yang dihasilkan oleh industri logam dan saduran serta 12 peratus dalam bentuk kepingan keras yang mempunyai bahan pencemaran yang tinggi yang dikeluarkan oleh industri elektronik.

**KAWALAN RACUN MAKHLUK PEROSAK.** Penggunaan dan penyalahgunaan racun makhluk perosak sebahagian besar telah dikawal di bawah Akta Racun Makhluk Perosak 1974 yang ditadbirkan oleh Kementerian Pertanian. Akta tersebut memberi kuasa kepada Lembaga Racun Makhluk Perosak, sebuah badan penguatkuasa antara agensi untuk mengistiharkan samada sesuatu jenis racun makhluk perosak itu diluluskan atau diharamkan. Dalam bulan Januari 1985, satu peraturan telah dikeluarkan bagi tujuan meletak tanda, mendaftar, mengimport untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan, mengiklan dan membuat racun makhluk perosak.

#### Perlindungan Alam Sekitar Laut

**KAWALAN PUNCA-PUNCA BERASASKAN TANAH.** Kawalan ke atas bahan buangan yang dibuang ke dalam laut menerusi sungai-sungai dan punca-punca lain di daratan, juga memberi faedah kepada alam sekitar laut. Kebanyakan punca pencemaran, termasuk minyak dari kawasan daratan, dapat dikawal terutamanya melalui penguatkuasaan pelbagai peraturan di bawah Akta Kualiti Alam Sekitar 1974.

**KAWALAN PENCEMARAN DARI KAPAL-KAPAL.** Beberapa langkah telahpun diambil bagi mengelakkan pencemaran laut yang berpunca dari kapal-kapal. Di antara langkah-langkah penting yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar dan agensi-agensi kerajaan lain ialah latihan yang kerap di bawah Rancangan Luar Jangka Negara bagi Mengurangkan Kesan dan Mengawal Tumpahan Minyak di Selat Melaka, dan juga

pelaksanaan Skim Pemisahan Lalulintas di Selat Melaka dan Singapura semenjak bulan Mei, 1981, dengan tujuan untuk mengelakkan kapal tangki minyak daripada berlanggar dan terkandas.

Kawalan ke atas pembuangan dengan sengaja dari kapal-kapal adalah berkesan, terutama di kawasan-kawasan pelabuhan. Sehingga bulan Oktober 1984, pembuangan buangan dengan sengaja dari kapal-kapal merupakan 62 peratus daripada 46 kejadian tumpahan minyak di perairan Malaysia. Tindakan mendakwa 5 buah kapal yang sengaja membuang kotoran minyak telah juga diambil. Bagi perairan di luar perairan di kawasan pelabuhan, satu jentera pentadbiran yang perlu telah mula berfungsi dengan penubuhan Pusat Penyelarasan Penguatkuasaan Hal Ehwal Laut (PPPL) di bawah pengelolaan Urusetia Majlis Keselamatan Negara (MKN) bagi membantu pelaksanaan program penguatkuasaan yang serupa, terutamanya dalam Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE). Pusat ini yang dikendalikan dari pengkalan Tentera Laut DiRaja di Lumut telah juga berfungsi untuk menyelaraskan segala kegiatan penguatkuasaan dan pengawasan di laut bagi semua agensi yang terlibat dengan kegiatan-kegiatan di laut.

#### Pemuliharaan Udara

KAWALAN PELEPASAN ASAP DAN GAS DARI INDUSTRI. Masalah pencemaran udara sebahagian besarnya telah dikawal melalui Penguatkuasaan Peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Udara Bersih), 1978 dan Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas), 1977. Kebanyakan kilang telah dilengkapi dengan alat kawalan pencemaran udara bagi mengurangkan pelepasan habuk, asap hitam dan gas beracun. Pemeriksaan terhadap penguatkuasaan telah dipertingkatkan untuk menentukan supaya alat kawalan adalah berfungsi dengan berkesan pada setiap masa. Sehingga bulan Oktober 1984, sejumlah 31 buah kilang telah dihadapkan ke mahkamah oleh kerana berbagai kesalahan di bawah Peraturan Udara Bersih. Di samping itu, kira-kira 400 pesalah telahpun didenda dan 288 pesalah lagi telah diberikan amaran bertulis serta arahan supaya memperbaiki alat kawalan pencemaran.

KAWALAN PELEPASAN DARI KENDERAAN BERMOTOR. Jabatan Alam Sekitar bersama dengan Polis telah menjalankan kempen penguatkuasaan setiap masa di bandar-bandar besar di Semenanjung Malaysia bagi mengawal pelepasan dari kenderaan bermotor. Sehingga bulan Julai 1984, seramai 2,500 pemilik atau pemandu kereta telah disaman kerana kesalahan mengeluarkan asap hitam di bawah Kaedah-kaedah Kenderaan Bermotor (Kawalan Pelepasan Asap dan Gas) 1977.

KAWALAN BUNYI BISING. Berhubung dengan kawalan ke atas pencemaran bunyi bising, satu Jawatankuasa Kawalan Bunyi Bising Negara telah ditubuhkan bagi mengkaji dan mengawasi berbagai aspek masalah tersebut. Peraturan-peraturan yang sesuai mengenai kawalan bunyi bising telah pun digubal. Usaha mengawas bunyi bising telah dijalankan di berbagai bandar bagi mengukur tahap bunyi bising yang dialami oleh orang awam dari kegiatan-kegiatan perindustrian, pembinaan, kenderaan bermotor dan

pendaratan kapal terbang. Pada masa yang sama, kawalan bunyi bising telah dikenakan kepada industri-industri baru pada masa kelulusan tapak dipertimbangkan.

#### Pemuliharaan Alam Semulajadi

TAMAN RIMBA HUTAN SIMPAN. Pemuliharaan beberapa hutan asli dan ekosistem laut serta dengan kandungannya yang terdiri daripada pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan dan haiwan terus diberi perhatian yang sewajarnya. Kawasan untuk pertumbuhan hutan asli yang kekal memainkan peranan yang penting dalam usaha memulihara kawasan tadahan serta menjaga pusingan hidrologi. Kawasan-kawasan ini juga berfungsi sebagai sumber yang mempunyai nilai saintifik, kebudayaan dan rekreasi yang kekal. Kira-kira 776,400 hektar di Semenanjung Malaysia, 74,670 hektar di Sarawak dan 103,200 hektar di Sabah telah dikenalpasti sebagai taman negara dan Kawasan Hidupan Liar di bawah program perlindungan dan pemeliharaan tumbuh-tumbuhan dan haiwan seperti ditunjukkan dalam Jadual 9-5.

TAMAN DAN SIMPANAN LAUT. Usaha lanjut yang telah dijalankan adalah untuk memulihkan keseluruhan kawasan ekosistem yang terdapat dipersisiran pantai dan laut, termasuk muara sungai, pantai, hutan bakau, batu karang dan pulau batu karang. Menjelang bulan Disember 1984, kerajaan telah memberi perlindungan perundangan kepada tiga buah taman negara dan dua taman negeri termasuk kawasan pemeliharaan hidupan laut. Tiga buah taman negara tersebut ialah Taman-taman Negara Bako, Pulau Gaya dan Pulau Penyu. Manakala dua taman negeri ialah Taman-taman negeri Mukahead dan Pantai Dungun.

### III. PROSPEK, 1986-90

#### Strategi

PENGUATKUASAAN. Bagi mengekalkan alam sekitar yang bersih dan sihat, penguatkuasaan yang berterusan dan berkesan melalui undang-undang dan peraturan alam sekitar yang sedia ada adakah diperlukan. Setiap agensi penguatkuasa perlu membentuk satu sistem pengawasan dan penilaian yang menyeluruh yang mematuhi secara khusus dan umum piawai bagi sumber dan persekitaran. Agensi-agensi tersebut akan memastikan bahawa syarat-syarat yang tercatat dalam berbagai lesen perniagaan atau kegiatan sentiasa dipatuhi. Untuk memperbaiki lagi keadaan keseluruhan alam sekitar di samping memperkenalkan pemakaian undang-undang dan peraturan yang seragam, pihak berkuasa yang berkenaan di peringkat persekutuan dan negeri perlu memastikan bahawa program penguatkuasaan bersama dilaksanakan oleh agensi penguatkuasa masing-masing. Dalam hubungan ini, jawatankuasa kerja negeri bagi alam sekitar akan ditubuhkan dan antara lain akan memastikan semua program ini dilaksanakan dan diselaraskan dengan sewajarnya.

**KESEDARAN MENGENAI ALAM SEKITAR.** Sokongan gigih orang ramai adalah diperlukan bagi membantu usaha kerajaan mengekalkan keadaan alam sekitar yang bersih dan nyaman, serta menggalakkan dan memelihara pelbagai warisan semulajadi yang unik dan berbagai bentuk warisan negara. Orang ramai perlu diberi kesedaran yang lebih menerusi media massa yang digemari ramai dan kempen-kempen orang awam tentang kesan jangka pendek dan jangka panjang terhadap alam sekitar akibat daripada kegiatan-kegiatan harian.

**PERANCANGAN ALAM SEKITAR DALAM PEMBANGUNAN.** Udara dan air yang bersih serta alam sekitar yang sihat merupakan satu keperluan asas yang sangat penting untuk orang ramai. Oleh yang demikian, pengekalan kualiti alam sekitar tersebut adalah penting untuk menampung keperluan penduduk negara yang semakin meningkat, terutamanya berkaitan dengan keupayaan pengeluaran dan pengekalan sumber-sumber yang boleh diperbaharui. Kesan ke atas alam sekitar daripada penduduk yang kian bertambah dan kegiatan mereka dalam bidang pengusahaan galian dan hutan, pertanian, pemandaran, pelancongan serta pembangunan sumber-sumber lain jika sesuai akan dinilai dan diambilkira sepenuhnya.

Kesedaran di kalangan orang ramai tentang keperluan untuk mengekal dan melindungi alam sekitar telah bertambah. Walaupun begitu, piawai alam sekitar yang akan disediakan selaras dengan matlamat pembangunan dan bukan berasaskan kepada piawaian kualiti alam sekitar yang tinggi ditetapkan oleh negara-negara maju. Dalam hubungan ini, piawai kualiti alam sekitar yang ditetapkan di negara ini akan mengambilkira peringkat pembangunan negara serta memberi sokongan kepada strategi pembangunan negara. Oleh itu usaha mengekalkan keadaan alam sekitar yang baik akan diseimbangkan dengan matlamat pembangunan sosioekonomi serta keperluan supaya faedah pembangunan dinikmati oleh sebilangan besar penduduk.

**PROGRAM ALAM SEKITAR.** Memandangkan pentingnya diwujudkan perseimbangan antara pembangunan dan alam sekitar, penekanan yang lebih perlu diberikan terhadap strategi-strategi pencegahan menerusi pemuliharaan dan bukannya menumpukan semata-mata kepada langkah-langkah pemuliharaan. Unsur-unsur strategi ini termasuklah penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang tegas, kajian-kajian penilaian kesan alam sekitar dijalankan sebelum projek-projek tertentu dilaksanakan dan kesedaran orang ramai serta pendidikan melalui program khas di televisyen. Pembentukan berbagai piawai dan asas ukuran bagi kualiti air, udara dan tanah persekitaran akan terus dijalankan. Memandangkan hal-hal alam sekitar melampaui sempadan sesuatu negara, kerjasama dan penyelarasan antara negara-negara akan terus diperkukuhkan. Kerjasama yang lebih luas dan penyelarasan yang lebih baik antara agensi dan pihak berkuasa yang berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri akan dipergiatkan melalui penubuhan jawatankuasa-jawatankuasa kerja negeri mengenai alam sekitar.

PELAKSANAAN PROJEK. Untuk membolehkan aspek alam sekitar diambil kira dalam perancangan dan pelaksanaan projek, adalah perlu kesan-kesan daripada projek yang dicadangkan dikaji dan kos bagi melaksanakan langkah-langkah mencegah kerosakan alam sekitar ditentukan. Langkah-langkah ini sebahagian besarnya dijalankan melalui pelaksanaan PKAS.

Keadaan alam sekitar

Usaha-usaha untuk memajukan keadaan alam sekitar selanjutnya akan terus dijalankan. Walaupun pada umumnya, keadaan alam sekitar telah bertambah baik. Jumlah bahan pencemaran akan dikawal untuk memastikan negara dan penduduknya yang semakin bertambah menikmati udara yang bersih serta air, tanah dan laut yang selamat dan tidak tercemar.

KUALITI UDARA. Kualiti udara masih bersih dan tidak terjejas oleh pencemaran melainkan di kawasan-kawasan perindustrian dan perbandaran seperti Seberang Prai, Kuala Lumpur dan kawasan di persekitarannya serta juga Johor Bahru. Bahan-bahan debu dan pelambam yang terapung di udara yang terdapat terutama di kawasan jalan raya yang sesak adalah merupakan jenis pencemaran udara paling buruk. Dengan meningkatnya penggunaan gas petroleum cecair, sebagai pengganti petroleum atau disel dan minyak pembakar yang banyak mengandungi belerang, paras bahan-bahan debu yang mengancam kesihatan dan kesejahteraan penduduk di kawasan bandar akan terus dikurangkan. Jumlah kandungan pelambam dalam udara di bandar dijangka terkawal dengan pengurangan kandungan pelambam dalam gasolin motor daripada 0.84 gram bagi seliter petrol dalam tahun 1985 kepada 0.40 gram seliter dalam tahun 1986 dan 0.15 gram seliter dalam tahun 1990. Sebuah loji mengeluarkan 'methyl tertiary buthyl ether' (MTBE), iaitu bahan pengganti pelambam, akan didirikan di negara ini dan dijangka dapat memulakan pengeluaran menjelang tahun 1990.

KUALITI AIR. Kebanyakan sungai terus dicemari oleh sebahagian besarnya oleh bahan pepejal terapung. Walau bagaimanapun, prospek untuk memperbaiki keadaannya adalah cerah. Kualiti sungai-sungai tersebut yang diukur dari segi kandungan bahan pepejal terapung telah meningkat pada kadar 8.5 peratus setahun. Berhubung dengan masalah pembuangan buangan haiwan, manusia dan buangan organik yang lain samada yang tidak dipulihkan atau dipulihkan sebahagian sahaja, sungai-sungai yang terjejas dijangka akan pulih pada kadar 5.5 peratus setahun, diukur dari segi kandungan BOD.

Kawalan pencemaran air di persisiran pantai dan di persekitaran laut akan terus diberi penekanan. Dengan adanya pelaksanaan langkah-langkah bagi memperbaiki kualiti alam sekitar, keadaan air di persisiran pantai dijangka terus bertambah baik.

PENGGUNAAN TANAH. Lebih daripada 35 peratus tanah di Semenanjung Malaysia telah dimajukan untuk pertanian, perlombongan, perbandaran dan pembangunan

infrastruktur. Kira-kira 20 juta hektar atau 62 peratus daripada keluasan tanah di Semenanjung Malaysia masih lagi diliputi hutan asli, 10 peratus daripadanya terdiri daripada berbagai ekosistem yang kaya dengan nilai-nilai saintifik. Prospek bagi lebih banyak lagi kawasan seperti ini dilindungi untuk dijadikan taman dan hutan simpanan pelbagai guna adalah cerah, memandangkan terdapatnya kerjasama yang terdapat di antara agensi-agensinya di peringkat persekutuan dan negeri dalam mengenalpasti serta mengendalikan kawasan-kawasan tersebut.

#### **IV. PENUTUP**

Usaha memperbaiki keadaan alam sekitar adalah terbatas memandangkan terdapatnya kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh sektor-sektor ekonomi tertentu dalam mengurangkan pencemaran di sektor-sektor yang berkenaan. Hakisan tanah dan kelodakan merupakan masalah pencemaran air yang utama. Dari segi pencemaran udara, pelepasan asap daripada kenderaan bermotor adalah lebih buruk terutamanya di kawasan-kawasan yang sesak berbanding dengan kawasan-kawasan perindustrian. Kawasan pantai pula diancam oleh bahan buangan yang tidak dibersihkan atau dipulihkan sebahagiannya, air kotor, bahan buangan haiwan dan juga minyak dari kapal dan punca-punca lain di laut. Dalam hal ini, kawalan yang lebih luas perlu dilaksanakan untuk mengatasi pencemaran daripada sumber yang tidak diketahui puncanya, terutamanya pembuangan secara meluas bahan buangan yang tidak dipulihkan, pasar, tanah yang mudah terhakis, ladang ternakan dan tanah-tanah pertanian dan perhutanan lain di mana racun makhluk perosak yang digunakan secara berlebihan atau disalahgunakan. Pada masa yang sama, strategi alam sekitar akan memberi tumpuan yang lebih kepada usaha-usaha pencegahan berbanding dengan perlindungan. Pembangunan alam sekitar hendaklah diambil kira dalam perancangan pembangunan, pelaksanaan projek dan kegiatan-kegiatan pengendalian dan penyelenggaraan. Usaha untuk mencapai keseimbangan yang sesuai antara pembangunan dan alam sekitar adalah bergantung kepada tingkat kesedaran terhadap alam sekitar dan tindakan yang positif ditunjukkan oleh semua pihak.



## **BAB 10 : PERTANIAN DAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**

### **I. PENDAHULUAN**

Pertanian dan pembangunan luar bandar di Malaysia seperti di negara-negara sedang membangun yang lain adalah saling berkaitan. Walaupun pembangunan luar bandar merangkumi beberapa sektor, sektor pertanian terus memainkan peranan yang penting dalam pembangunan kawasan luas bandar. Tujuan asas pembangunan luar bandar ialah untuk memperbaiki kehidupan sosial dan ekonomi penduduk luar bandar dan mengurangkan ketidakseimbangan ekonomi di antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar. Objektif ini dicapai melalui pembangunan luar bandar dan penyediaan berbagai perkhidmatan awam seperti pelajaran, kesihatan, bekalan elektrik dan air.

Sektor pertanian yang meliputi penternakan, perikanan dan perhutanan terus memainkan peranan penting dalam ekonomi negara melalui sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK), pendapatan tukaran asing dan gunatena. Dasar Pertanian Negara (DPN) yang diumumkan pada bulan Januari, 1984, memberikan panduan umum mengenai strategi negara bagi sektor pertanian serta menyediakan rangka jangka panjang pembangunan sektor ini sehingga tahun 2000.

Bagi mencapai matlamat pertumbuhan ekonomi negara iaitu pada kadar 5.0 peratus setahun, sektor pertanian dijangka mencapai matlamat kadar pertumbuhan sebanyak 2.6 peratus setahun dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML). Pencapaian kadar pertumbuhan ini akan memerlukan usaha bersungguh-sungguh daripada sektor-sektor awam dan swasta bagi mengatasi masalah adanya ciri-ciri struktur yang sukar diubah dalam sektor pertanian serta mempertingkatkan pertumbuhan bagi sektor-sektor kecil estet dan pekebun kecil.

### **II. SEKTOR PERTANIAN DAN DASAR PERTANIAN NEGARA**

#### Tinjauan

Semenjak akhir tahun-tahun tujuh puluhan prestasi sektor pertanian telah merosot. Keadaan ini telah dipandang berat terutamanya apabila dibandingkan dengan prestasi yang dijangka meningkat bagi sektor-sektor lain dalam ekonomi serta rantaianya dengan sektor-sektor tersebut. Faktor-faktor utama yang menyekat pertumbuhan dinamik sektor pertanian pada asasnya adalah bersifat struktur. Keadaan dualisme terus wujud di sektor pertanian dengan adanya sektor kecil estet yang cekap serta tersusun yang terlibat dalam pengeluaran tanaman kekal untuk eksport dan sektor kecil pekebun

kecil yang kurang cekap serta tidak tersusun. Walau bagaimanapun, perbezaan di antara sektor-sektor kecil ini tidak lagi begitu ketara setelah wujudnya sektor kecil pekebun kecil yang tersusun dan semakin cekap hasil daripada program-program sektor awam. Namun demikian, bilangan petani dan keluasan tanah di bawah kategori pekebun kecil yang tidak tersusun masih lagi besar. Dualisme juga wujud di sektor-sektor kecil penternakan dan perikanan sungguhpun bilangan penternak dan nelayan yang terlibat adalah kecil. Keadaan ini disebabkan oleh terdapatnya sebilangan kecil pengusaha-pengusaha yang mempunyai unit-unit pengeluaran moden yang khusus dan sebilangan besar pengusaha-pengusaha yang mempunyai unit-unit pengeluaran tradisional yang sebahagian besarnya menghasilkan pendapatan sampingan.

Perkara penting yang perlu diambil perhatian daripada dualisme ini ialah perbezaan yang jelas dari segi tingkat kecekapan, produktiviti dan daya persaingan yang seterusnya membawa perbezaan kepada pendapatan. Keadaan ini telah menyebabkan kemiskinan yang tinggi di kalangan petani dan nelayan kecil. Di antara sebab-sebab terjadinya keadaan ini ialah keluasan kebun yang tidak ekonomik, tanaman atau pengusahaan yang mempunyai pulangan rendah, kaedah pengeluaran tradisional, asas sumber pengurusan yang rendah, kekurangan peluang untuk mendapatkan bantuan dan khidmat sokongan, tenaga buruh luar bandar yang semakin berumur, kekurangan tenaga buruh dan terdapatnya tanah milik pertanian yang ditinggalkan dan tidak diusahakan sepenuhnya. Satu perkara lagi yang perlu diambil perhatian ialah pertumbuhan sektor pertanian yang tertumpu sebahagian besarnya kepada beberapa tanaman kekal sahaja iaitu kelapa sawit dan getah dan harga-harga barangan ini dipengaruhi oleh faktor-faktor luar negeri. Memandangkan terdapatnya kelemahan-kelemahan struktur, serta masalah-masalah struktur yang sukar diatasi serta peranan yang perlu dimainkan oleh sektor pertanian dalam pembangunan negara, usaha-usaha yang berpanjangan dalam menganalisa dasar, strategi, prestasi dan prospek sektor pertanian telah dijalankan pada tahun-tahun awal lapan puluhan. Hasil daripada usaha-usaha ini DPN jangka panjang yang menyeluruh telah digubal.

#### DPN Dan Pelaksanaannya

Tema utama DPN ialah memoden dan mempergiatkan semula sektor pertanian. DPN menyediakan garis panduan terhadap strategi pembangunan tanah dan barangan khusus yang termasuk tanaman makanan dan untuk perindustrian, serta keluaran-keluaran perhutanan, perikanan dan ternakan. Tujuan DPN ialah untuk meningkatkan pendapatan daripada kegiatan pertanian ke paras yang maksimum menerusi penggunaan sumber-sumber secara cekap dan mempergiatkan semula sumbangan sektor ini kepada pembangunan ekonomi keseluruhannya. Peningkatan pendapatan ke paras maksimum ditakrifkan sebagai peningkatan pendapatan kebun dan pendapatan negara ke paras maksimum yang merangkumi juga aspek-aspek pengagihan dan pertumbuhan ekonomi.

Teras DPN ialah untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan daya persaingan dalam pembangunan sumber-sumber baru serta penggunaan sepenuhnya sumber-sumber yang

sedia ada. Usaha-usaha pembangunan akan ditumpukan terutamanya bagi memoden dan mewujudkan kegiatan pertanian yang berasaskan perdagangan dalam sektor kecil pekebun kecil yang tidak tersusun serta mempergiatkan semula sektor pertanian menerusi penyertaan sektor swasta yang lebih meluas. Usaha-usaha ini akan dikawal secara teratur dengan menggunakan asas perancangan sektor secara menyeluruh dan bersesuaian, penggunaan sumber pengurusan yang terlatih serta menyediakan dan memperuntukan sumber-sumber asas yang produktif seperti tanah, buruh, modal dan keusahawanan.

Untuk membantu pelaksanaan DPN, kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang terlibat dalam sektor pertanian telah menggariskan strategi-strategi dan program-program yang sesuai. Di samping itu, sebuah dokumen yang terperinci akan disediakan bersama untuk menerangkan strategi-strategi dan program-program DPN yang khusus serta tujuan dan matlamat tertentu sehingga tahun 2000. Walau bagaimanapun, langkah-langkah dan usaha-usaha yang telah dijalankan setakat ini dijangka menunjukkan kesan sepenuhnya hanya dalam tahun-tahun sembilan puluhan.

Kementerian-kementerian yang terlibat dengan sektor pertanian telah merumuskan program-program untuk pembangunan sektor-sektor kecil tanaman, perikanan dan penternakan serta mengambil langkah-langkah yang berkaitan seperti penubuhan jentera pentadbiran dan jawatankuasa-jawatankuasa untuk melaksanakan program-program khusus yang berasaskan DPN. Kementerian Pertanian dan agensi-agensi lain seperti lembaga-lembaga kemajuan tanah dan kemajuan wilayah telah juga menggunakan beberapa pendekatan yang telah dikenalpasti di dalam DPN, terutamanya yang berhubung dengan perladangan berkelompok dan cara estet.

Berbagai model telah dibentuk sebagai usaha untuk melaksanakan program-program penyatuan tanah dan pemulihan tanah terbiar. Model-model tersebut meliputi tanaman kekal, tanaman kontan termasuk tembakau dan sayur-sayuran dan tanaman padi. Model-model untuk tanaman kekal termasuk projek-projek pembangunan kampung tradisional Kampung Kok di Kedah, Teratak Batu di Kelantan dan Ulu Berang di Terengganu yang dilaksanakan oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Persekutuan (FELCRA); projek mini-estet terutamanya di Parit Seraya, Johor yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Pekebun Kecil Getah (RISDA); dan projek-projek koko berkelompok yang dilaksanakan bersama oleh Jabatan Pertanian dan Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Model-model untuk tanaman kontan termasuk projek-projek tembakau di Alor Ketitir, Terengganu, dan di Kandis, Kelantan serta projek sayur-sayuran yang dilaksanakan di bawah Skim Pemasaran Bersepadu (SPB). Model-model untuk tanaman padi termasuk projek Asam Jawa di Kedah, ladang-ladang berkelompok yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan peladang kawasan (PPK) di bawah Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP) serta estet-estet padi yang dikelolakan oleh koperasi-koperasi dan syarikat-syarikat di Kelantan, Pulau Pinang, dan Perak.

Dalam tahun 1984, skim yang menyediakan bahan-bahan tanaman dan input tertentu secara percuma di bawah program mempelbagaikan tanaman dan input pertanian (AIDP) di bawah kelolaan Jabatan Pertanian telah digantikan dengan skim yang mengenakan bayaran minimum kepada petani. Subsidi untuk tanaman-tanaman, perikanan dan ternakan, telah dikurangkan secara berperingkat-peringkat hingga ke akhir tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) kecuali untuk beberapa tanaman seperti padi, lada hitam dan sagu. Langkah ini bertujuan untuk mengurangkan pemberian subsidi secara berperingkat-peringkat dan membentuk masyarakat petani yang kukuh dan berdikari.

Sebagai langkah menggalakkan penglibatan sektor swasta yang lebih luas dalam bidang pertanian, Kementerian Pertanian telah menswastakan beberapa projeknya. Projek-projek ini termasuk projek ternakair di Puchong, Selangor dan di Sg. Dangga, Johor; pusat penetasan ayam di Mahang, Kelantan; bahagian penyembelihan babi di rumah-rumah sembelih di Ipoh, Johor Bahru, Kuantan, Melaka, Senawang, Shah Alam dan Taiping. Kementerian Pertanian telah juga mengambil langkah untuk menswastakan projek-projek lain termasuk kilang air batu di beberapa kompleks perikanan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) dan kilang teh MARDI di Cameron Highlands. Satu unit penasihat pelaburan khas telah juga ditubuhkan di Kementerian Pertanian untuk membantu bakal-bakal pelabur dalam sektor pertanian.

### **III. KEMAJUAN, 1981-1985**

Nilai ditambah sektor pertanian telah berkembang pada kadar 3.4 peratus setahun dalam tempoh 1981-85 berbanding dengan matlamat RME sebanyak 4.2 peratus setahun. Prestasi yang kurang memuaskan ini sebahagian besarnya disebabkan oleh keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang berpanjangan, harga barangan pertanian yang rendah dan batasan-batasan struktur yang wujud di sektor ini.

Pertambahan dalam keluaran pertanian telah menyumbang 12.7 peratus daripada jumlah KDNK. Walaupun bahagian pertanian dalam KDNK telah berkurang daripada 22.8 peratus pada tahun 1980 kepada 20.3 peratus pada tahun 1985, dari segi nilai keluaran, ianya telah meningkat daripada \$10,190 juta kepada \$12,050 juta dalam tempoh yang sama. Pendapatan eksport daripada barangan pertanian utama iaitu minyak kelapa sawit, getah, kayu balak, kayu gergaji, koko dan lada hitam menyumbang 29.0 peratus daripada nilai eksport keseluruhan atau \$11,030 juta pada tahun 1985, berbanding dengan 39.8 peratus atau \$11,200 juta pada tahun 1980. Dari segi gunatenaga, sumbangan sektor ini ialah sebanyak 1.95 juta atau 35.7 peratus daripada jumlah pekerjaan pada tahun 1985, berbanding dengan 1.91 juta atau 39.7 peratus pada tahun 1980. Dalam tempoh 1981-85, sektor ini menyediakan kira-kira 42,300 pekerjaan atau 6.5 peratus daripada keseluruhan peluang-peluang pekerjaan baru yang diwujudkan.

Sektor pertanian telah juga memberi sumbangan secara tidak langsung kepada keseluruhan ekonomi negara melalui rantaianya dengan sektor-sektor lain terutamanya, sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan. Dalam tempoh RME, kemajuan yang pesat telah dicapai dalam pembangunan industri-industri yang berasaskan pertanian terutamanya industri-industri getah, minyak kelapa sawit, kayu balak dan koko. Kemajuan ini dapat dilihat dengan bertambahnya penggunaan tempatan barangan tersebut, seperti yang ditunjukkan dalam carta 10-1. Keadaan ini mencerminkan kejayaan beberapa dasar dan pendekatan yang dilaksanakan bagi memperluaskan asas ekonomi melalui pelbagaian serta integrasi kegiatan pertanian yang lebih menyeluruh.

Pertumbuhan sektor ini telah juga memperbaiki secara amnya keadaan di luar bandar dan seterusnya meningkatkan pendapatan dan mengurangkan kemiskinan di luar bandar. Keadaan yang lebih baik ini akan menjadi lebih ketara sekiranya ekonomi keseluruhannya tidak meleset dan harga barangan terutamanya pada tahun 1982 dan 1985 tidak merosot. Kesan-kesan buruk daripada kelembapan ekonomi dan harga-harga barangan yang rendah ke atas tingkat pendapatan dan gunatenaga telah dikurangkan dengan bertambahnya khidmat sokongan pertanian serta penyediaan kemudahan pelajaran, kesihatan, bekalan elektrik dan air, dan jalan-jalan luar bandar di samping rantaian di antara sektor-sektor yang semakin bertambah di kawasan-kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, program-program dan projek-projek pembangunan pertanian telah dirangka dan dilaksanakan dengan memberi tumpuan yang lebih kepada pembangunan luar bandar untuk mengambilkira rantaian-rantaian tersebut, infrastruktur luar bandar yang telah diperbaiki dan usaha-usaha pembangunan pertanian dan bukan pertanian yang saling melengkapi.

### Pengeluaran Pertanian

Seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-1, pertambahan yang banyak dalam pengeluaran minyak kelapa sawit dan koko serta pertumbuhan yang pesat bagi pengeluaran kayu balak pada awal tempoh RME merupakan faktor utama di dalam pencapaian keseluruhan sektor pertanian. Sebaliknya, keluaran getah tidak banyak berubah sementara keluaran padi, kelapa dan lada hitam telah berkurang. Bagi tanaman-tanaman lain, keluaran kopi telah meningkat, keluaran buah-buahan tidak berubah, dan keluaran nanas, sayur-sayuran, tembakau dan teh telah merosot. Pengeluaran daging dan keluaran ternakan telah meningkat dengan banyaknya sementara pengeluaran perikanan laut dan ternak air telah berkurang.

Dalam tempoh RME, jumlah keluasan yang ditanam dengan berbagai tanaman dan pembahagian keluasan tersebut mengikut jenis tanaman telah berubah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 10-2. Bagi barangan utama, keluasan tanaman kelapa sawit dan koko telah bertambah dan tanaman getah tidak banyak berubah. Keluasan tanaman padi bertambah dengan sedikit dan tanaman kelapa serta lada hitam berkurang. Bagi tanaman-tanaman lain, seperti sayur-sayuran keluasannya bertambah dengan sedikit, buah-buahan tidak berubah, sementara nanas dan tembakau berkurang. Perubahan

dalam keluasan kawasan tanaman telah memberi kesan kepada tingkat pengeluaran tanaman-tanaman yang berkenaan dalam tempoh RME. Kesan ke atas pengeluaran tanaman kekal yang ditanam dalam tempoh RME, walau bagaimanapun, akan hanya dapat diperolehi dalam tempoh Rancangan berikutnya bergantung kepada tempoh matang, corak hasil keluaran dan pusingan tanaman.

**MINYAK KELAPA SAWIT.** Dalam tempoh RME, minyak kelapa sawit mengatasi getah sebagai barangan utama dalam sektor pertanian. Bahagiannya dalam keluaran pertanian meningkat daripada 21.8 peratus pada tahun 1980 kepada 29.6 peratus pada tahun 1985. Walaupun sektor pertanian berkembang sebanyak 3.4 peratus setahun dalam tempoh RME, sektor ini hanya berkembang sebanyak 1.4 peratus setahun sekiranya sumbangan minyak kelapa sawit tidak diambil kira.

Pengeluaran minyak kelapa sawit mentah meningkat sebanyak 9.9 peratus setahun daripada 2,575,900 tan metrik pada tahun 1980 kepada 4,130,000 tan metrik pada tahun 1985. Pengeluaran minyak isirong sawit juga meningkat daripada 222,300 tan metrik pada tahun 1980 kepada 501,900 tan metrik pada tahun 1985. Faktor-faktor utama yang menyebabkan pertumbuhan pesat ini ialah peningkatan hasil keluaran yang berpunca daripada keadaan cuaca yang bertambah baik, penggunaan baja yang bertambah, teknik pendebungaan yang berkesan, pertambahan keluasan yang mengeluarkan hasil dan harga eksport yang menggalakkan. Keluasan kawasan tanaman telah meningkat sebanyak 7.4 peratus setahun daripada 1,023,300 hektar pada tahun 1980 kepada 1,464,900 hektar pada tahun 1985. Keluasan estet swasta merupakan 51 peratus daripada jumlah keluasan pada tahun 1985. Di samping itu, Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) memiliki sebanyak 30 peratus daripada keluasan tersebut; agensi-agensi awam yang lain seperti FELCRA, RISDA dan perbadanan-perbadanan kerajaan persekutuan dan negeri sebanyak 12 peratus; serta pekebun kecil persendirian sebanyak 7 peratus. Daripada jumlah keluasan tanaman sebanyak 1,464,900 hektar, kira-kira 80 peratus telah mengeluarkan hasil pada akhir tempoh RME.

**GETAH.** Bahagian getah dalam keluaran pertanian telah berkurang daripada 23.4 peratus pada tahun 1980 kepada 18.7 peratus pada tahun 1985. Keluaran getah tidak banyak berubah dalam tempoh 1981-84 iaitu kira-kira 1.5 juta tan metrik setahun dan berkurang kepada 1,450,000 tan metrik pada tahun 1985 berbanding dengan 1,530,000 tan metrik pada tahun 1980. Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh harga yang rendah akibat daripada permintaan dunia yang lemah, keluasan estet yang berkurangan akibat penukaran kepada tanaman-tanaman lain, dan jurang yang berterusan antara hasil keluaran estet dan pekebun kecil walaupun terdapat pertambahan dalam keluasan kebun kecil. Pada keseluruhannya, keluasan yang ditanam dengan getah telah berkurang sedikit daripada 2,004,700 hektar pada tahun 1980 kepada 1,959,000 hektar pada tahun 1985, walaupun keluasan estet telah berkurang dengan banyaknya daripada 507,100 hektar kepada 456,000 hektar dalam tempoh yang sama. Hasil keluaran estet telah meningkat daripada 1,300 kilogram sehektar kepada 1,540 kilogram sehektar sementara

hasil keluaran pekebun kecil meningkat daripada 900 kilogram sehektar kepada 1,020 kilogram sehektar di antara tahun 1980 dan tahun 1985.

**KAYU BALAK.** Pertambahan yang pesat bagi keluaran kayu balak pada awal tempoh RME tidak dapat dikekalkan. Kadar keluaran telah merosot daripada 9.8 peratus pada tahun 1981 kepada 2.1 peratus pada tahun 1985. Pengeluaran kayu balak telah meningkat daripada 27.9 juta meter padu pada tahun 1980 kepada 32.8 juta meter padu pada tahun 1982 tetapi telah merosot kepada 31.3 juta meter padu pada tahun 1985. Pertambahan keluaran yang merosot ini adalah sebahagian besarnya akibat daripada pelaksanaan Dasar Perhutanan Negara yang lebih tegas pada tahun 1981, kekurangan kawasan-kawasan hutan yang mudah diterokai untuk kegiatan pembalakan dan pasaran eksport yang agak lembab. Dalam tempoh RME, Sabah menyumbang kira-kira 35 peratus daripada jumlah keluaran, Sarawak 33 peratus dan Semenanjung Malaysia 32 peratus.

**KOKO.** Keluaran koko meningkat 23.1 peratus setahun dalam tempoh RME dan mencatatkan kenaikan kadar pertumbuhan yang paling tinggi dalam sektor pertanian. Pengeluaran koko meningkat dengan mantap sepanjang tempoh RME, kecuali pada tahun 1983 apabila pengeluarannya tidak berubah disebabkan oleh kemarau yang berpanjangan pada awal tahun tersebut serta kelewatan musim buah lebat hujung tahun. Pengeluaran telah meningkat daripada 36,500 tan metrik pada tahun 1980 kepada 103,000 tan metrik pada tahun 1985, berpunca daripada keluasan tanaman yang bertambah, kesan daripada cantuman dewasa serta peningkatan produktiviti terutamanya di estet-estet. Peningkatan pengeluaran adalah juga disebabkan oleh pulihnya pasaran koko dunia pada akhir tempoh RME. Jumlah keluasan yang ditanam dengan koko meningkat daripada 123,800 hektar pada tahun 1980 kepada 258,000 hektar pada tahun 1985. Kira-kira 61 peratus daripada jumlah keluasan yang ditanam adalah di Sabah dan 33 peratus di Semenanjung Malaysia. Keluasan estet merupakan 63 peratus daripada jumlah keluasan yang ditanam.

**PADI.** Pengeluaran padi merosot sebanyak 1.1 peratus setahun iaitu daripada 2,040,200 tan metrik pada tahun 1980 kepada 1,931,200 tan metrik pada tahun 1985. Pengeluaran ini merupakan 76.5 peratus daripada keperluan tempatan berbanding dengan matlamat tingkat pengeluaran yang ditetapkan di antara 80 dan 85 peratus dalam DPN. Kemerosotan ini, sebahagian besarnya, adalah disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk, serangga perosak dan wabak penyakit terutamanya Penyakit Merah VIRUS, tingkat hasil dan kepadatan tanaman yang tidak stabil termasuk di kawasan-kawasan jelapang padi utama, serta meningkatnya keluasan tanah sawah terbiar. Langkah-langkah untuk memulihkan kumpulan petak-petak yang berdekatan di kawasan tanah terbiar melalui beberapa bentuk perladangan berkelompok dan estet padi di kawasan-kawasan pengairan di Kedah, Kelantan, Negeri Sembilan, Perak dan Pulau Pinang masih belum menunjukkan kesan pengeluaran sepenuhnya. Pengeluaran yang kurang adalah disebabkan juga oleh rancangan kawasan padi baru Seberang Perak dan rancangan-rancangan pemulihan Balik Pulau-Seberang Perai, Lembah Kedah dan Kemasin belum

mencapai pengeluaran sepenuhnya, memandangkan rancangan-rancangan ini masih lagi dalam berbagai peringkat pelaksanaan.

**KELAPA.** Pengeluaran kelapa kering merosot sebanyak 20.5 peratus setahun daripada 787,500 tan metrik pada tahun 1980 kepada 250,000 tan metrik pada tahun 1985. Harga kelapa kering yang rendah, bertambahnya penukaran tanaman kelapa kepada tanaman-tanaman lain yang lebih menguntungkan, serta meningkatnya tanaman selingan dengan koko dan kopi di kawasan tanaman kelapa mengakibatkan kawasan yang ditanam dengan kelapa merosot di sektor-sektor kecil estet dan pekebun kecil. Jumlah kawasan tanaman kelapa berkurang sebanyak 4.7 peratus setahun, daripada 349,400 hektar pada tahun 1980 kepada 274,000 hektar pada tahun 1985.

**LADA HITAM.** Keluaran lada hitam mengalami kejatuhan sebanyak 9.7 peratus setahun dalam tempoh RME. Keluarannya merosot daripada 31,600 tan metrik pada tahun 1980 kepada 15,000 tan metrik pada tahun 1984 dan meningkat semula kepada 19,000 tan metrik pada tahun 1985. Keadaan pasaran yang lembab pada awal tempoh RME dan merebaknya penyakit buruk akar yang merbahaya telah mengakibatkan petani-petani membiarkan tanaman mereka dan sebahagiannya pula menukar kepada tanaman-tanaman lain yang lebih menguntungkan. Walau bagaimanapun, dengan pulihnya harga lada hitam di pasaran dunia semenjak tahun 1984, sebahagian daripada petani-petani telah mengusahakan semula tanaman lada hitam.

**TANAMAN-TANAMAN LAIN.** Pengeluaran nanas telah merosot dengan banyaknya daripada 185,300 tan metrik pada tahun 1980 kepada 147,000 tan metrik pada tahun 1985. Akibat daripada kemerosotan ini keluasan tanaman nanas telah berkurang daripada 12,200 hektar pada tahun 1980 kepada 10,300 hektar pada tahun 1985. Pengeluaran sayur-sayuran telah berkurang dengan banyaknya daripada 202,100 tan metrik pada tahun 1980 kepada kira-kira 102,100 tan metrik pada tahun 1982 dan meningkat semula kepada 124,300 tan metrik pada tahun 1985. Kemerosotan pengeluaran sayur-sayuran, sebahagian besarnya, adalah disebabkan oleh keadaan cuaca yang buruk pada tahun 1982 dan perubahan keluasan serta jenis-jenis sayuran yang ditanam. Dalam tempoh RME, keluasan yang ditanam dengan sayur-sayuran berkurang daripada 12,800 hektar pada tahun 1980 kepada 7,460 hektar pada tahun 1982 tetapi seterusnya meningkat kepada 8,090 hektar pada tahun 1985. Pengeluaran buah-buahan, kekal pada 730,000 tan metrik dalam tempoh RME kecuali pada tahun 1981 apabila pengeluarannya kurang daripada 400,000 tan metrik dan keluasan kawasan yang ditanam merosot kepada 87,800 hektar berbanding dengan keluasan purata seluas 91,000 hektar dalam tempoh tersebut.

Dalam tempoh RME, pengeluaran tembakau telah berkurang sebanyak 5.9 peratus setahun daripada 110,700 tan metrik pada tahun 1980 kepada 81,700 tan metrik pada tahun 1985, kecuali pada tahun 1982 apabila pengeluarannya telah meningkat kepada 127,100 tan metrik. Keluasan kawasan yang ditanam telah berkurang sebanyak 5.9 peratus setahun daripada 12,500 hektar pada tahun 1980 kepada 9,190 hektar pada



tahun 1985. Pengeluaran biji kopi meningkat daripada 4,300 tan metrik pada tahun 1980 kepada 4,600 tan metrik pada tahun 1985, sementara pengeluaran teh merosot daripada 3,800 tan metrik kepada 2,000 tan metrik.

PERIKANAN. Jumlah keluaran perikanan termasuk ternakair telah merosot daripada 743,000 tan metrik pada tahun 1980 kepada 697,100 tan metrik pada tahun 1985. Dalam tempoh yang sama, pengeluaran perikanan laut termasuk kerang dan siput-siput lain telah berkurang daripada 732,800 tan metrik kepada 689,100 tan metrik disebabkan oleh sumber-sumber perikanan yang berkurangan terutamanya di pesisiran pantai Semenanjung Malaysia. Pertambahan pengeluaran ternakair daripada 10,900 tan metrik pada tahun 1980 kepada 17,900 tan metrik pada tahun 1983 telah tidak dapat dikekalkan dan pada tahun 1985, pengeluarannya telah merosot kepada 8,000 tan metrik. Pertambahan dalam tempoh 1980-83 ini adalah disebabkan oleh pembinaan 179 kolam ikan dan pemberian 4,400 sangkar untuk ternakan ikan dalam sangkar oleh LKIM. Kejatuhan pengeluaran dalam tempoh yang berikutnya adalah disebabkan sebahagian besarnya oleh kelemahan sistem pemasaran ikan air tawar yang mengakibatkan banyak kolam-kolam ikan tidak diusahakan.

PENTERNAKAN Pengeluaran daging lembu telah meningkat daripada 17,200 tan metrik pada tahun 1980 kepada 19,100 tan metrik pada tahun 1985 hasil daripada kaedah-kaedah menternak haiwan yang lebih baik serta pelaksanaan berbagai program pengeluaran yang lebih giat seperti pawah, rancangan menggemuk ternakan dan rancangan pinjaman baka. Pada tahun 1985, Semenanjung Malaysia mengeluarkan 55 peratus daripada keperluan tempatan sementara Sabah 13 peratus dan Sarawak 23 peratus. Pengeluaran daging kambing telah berkurang daripada 800 tan metrik pada tahun 1980 kepada 600 tan metrik pada tahun 1981 tetapi meningkat semula kepada 800 tan metrik pada tahun 1985. Pertambahan ini disebabkan terutamanya oleh pemeliharaan kambing biri-biri di ladang-ladang dan di kebun-kebun kecil getah dan kelapa. Pengeluaran ayam-itik telah bertambah daripada 125,600 tan metrik pada tahun 1980 kepada 154,400 tan metrik pada tahun 1985, sementara pengeluaran telur telah meningkat daripada 2,535 juta biji pada tahun 1980 kepada 3,461 juta biji pada tahun 1985. Jumlah pengeluaran ini melebihi keperluan tempatan yang semakin bertambah. Pengeluaran daging babi juga bertambah daripada 135,900 tan metrik pada tahun 1980 kepada 158,800 tan metrik pada tahun 1985. Pengeluaran susu telah meningkat lebih tiga kali daripada 8.3 juta liter pada tahun 1980 kepada 28.9 juta liter pada tahun 1985, sebahagian besarnya disebabkan oleh penternakan baka yang lebih baik, bilangan penternak tenusu yang bertambah serta pengurusan tenusu yang lebih cekap terutamanya di kawasan sekitar pusat-pusat pengumpulan susu.

Pembangunan tanah baru

SEKTOR AWAM. Seluas 360,500 hektar tanah baru telah dimajukan oleh agensi-agensi sektor awam seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-3. Keluasan ini merupakan 83.9 peratus daripada matlamat RME seluas 429,700 hektar. FELDA telah memajukan seluas 161,600

hektar dan daripada jumlah ini, 68.3 peratus telah ditanam dengan kelapa sawit, 23.1 peratus getah, 3.6 peratus koko dan bakinya untuk perkampungan. Pemilihan jenis tanaman adalah berdasarkan kepada keadaan harga barangan semasa serta kesesuaian tanah di kawasan-kawasan rancangan FELDA. Dalam tempoh yang sama, FELCRA telah memajukan seluas 31,100 hektar dan RISDA seluas 9,770 hektar sementara agensi-agensi kerajaan negeri seluas 158,000 hektar.

Dalam tempoh RME, FELDA telah menempatkan 30,000 keluarga menjadikan jumlah keseluruhan keluarga yang ditempatkan sehingga ini kepada 94,000 yang terdiri daripada kira-kira 490,000 orang. Kos purata bagi menempatkan satu keluarga ke rancangan FELDA telah meningkat daripada \$37,500 pada tahun 1980 kepada \$53,000 pada tahun 1985 disebabkan oleh kenaikan kos input bahan dan buruh serta kedudukan rancangan-rancangan baru yang semakin terpencil jauh ke pedalaman. Dalam tempoh RME, pendapatan purata tahunan peserta FELDA adalah di antara \$6,000 untuk tanaman getah hingga \$14,700 untuk tanaman kelapa sawit.

SEKTOR SWASTA. Dalam tempoh RME, sektor swasta telah terlibat dalam memajukan sejumlah 57,100 hektar tanah baru di kawasan-kawasan lembaga kemajuan wilayah di Semenanjung Malaysia. Jumlah ini merupakan 57.1 peratus daripada matlamat RME. Kira-kira 76 peratus daripada jumlah tersebut telah dimajukan oleh sektor swasta sementara bakinya dimajukan secara usahasama di antara sektor swasta dan lembaga-lembaga kemajuan wilayah. Dari segi penggunaan tanah, 68 peratus daripada kawasan tersebut telah di tanam dengan kelapa sawit, 26 peratus buah-buahan, 2 peratus koko dan bakinya dengan tanaman-tanaman lain. Di samping itu, Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Sdn. Bhd. (FIMA) telah memajukan seluas 300 hektar ladang buah-buahan di Kedah.

#### Pembangunan IN SITU

Dalam tempoh RME, usaha yang bertujuan meningkatkan produktiviti di kawasan-kawasan pertanian sedia ada telah diberi tumpuan yang lebih. Pembangunan IN SITU dilaksanakan melalui dua bentuk iaitu projek pembangunan pertanian bersepadu (IADP) dan program-program yang lazimnya dilaksanakan oleh jabatan-jabatan. Pendekatan IADP melibatkan pemusatan, penyatuan dan pelaksanaan yang terselaraskan bagi program-program dan kegiatan-kegiatan pembangunan pertanian yang berkaitan di antara satu sama lain di bawah kelolaan berbagai agensi sejajar dengan objektif pembangunan di kawasan-kawasan pertanian yang sedia ada.

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU. Dalam tempoh RME, sembilan IADP yang baru telah mula dilaksanakan sebagai tambahan kepada lima IADP yang sedang dilaksanakan. Sembilan IADP baru ini ialah Negeri Sembilan Timor, Rompin-Endau, Kemasin, Melaka, Lembah Kedah, Perlis, Balik Pulau-Seberang Prai, Pahang Barat dan Johor Barat II. Kesemua 14 IADP ini serta projek-projek Besut, Kemubu dan Muda yang

telah siap merangkumi kawasan seluas 4.5 juta hektar dan dijangka memberi faedah kepada 456,000 keluarga petani.

Jangkamasa secukupnya perlu diberikan sebelum menilai keberkesanan IADP memandangkan projek pertanian mengambil masa yang lama untuk mengeluarkan hasil. Sungguhpun demikian, faedah daripada projek-projek yang telah siap dan yang sedang dilaksanakan telah mula diperolehi. Bagi IADP Kelantan Utara yang telah siap dilaksanakan pada tahun 1983, pengeluaran padi, kacang tanah, jagung dan sayur-sayuran telah meningkat dengan banyaknya jika dibandingkan dengan tingkat pengeluaran sebelum projek dilaksanakan. Pendapatan purata tahunan petani meningkat daripada \$1,330 pada tahun 1975 kepada antara \$2,700 hingga \$3,400 pada tahun 1983, bergantung kepada jenis tanaman yang ditanam. IADP Besut telah mencatatkan pertambahan dalam purata hasil keluaran padi daripada 1.4 tan metrik sehektar pada tahun 1971 sebelum projek dilaksanakan, kepada 4.0 tan metrik pada tahun 1985. Keadaan sawah telah juga bertambah baik dan ini membolehkan penggunaan kaedah tabur terus serta penggunaan jentera dan seterusnya dapat mengurangkan masalah kekurangan buruh. Di IADP Johor Barat I yang tertumpu kepada tanaman kekal, masalah banjir yang sering dihadapi sebelum projek dilaksanakan telah dapat dikurangkan sementara penggunaan sistem perparitan yang lebih baik membolehkan penukaran tanaman kepada kelapa sawit di kawasan tanah gambut cetek.

PARIT DAN TALIAIR. Program perparitan di kawasan pertanian telah dilaksanakan bagi memperbaiki kawasan-kawasan yang sering menghadapi masalah kemasukan air laut, banjir dan sentiasa ditakungi air, untuk meningkatkan produktiviti di kawasan yang sedia ada dan yang baru. Kemudahan perparitan yang lebih baik ini membolehkan penanaman tanaman tunggal dan selingan yang lebih menguntungkan serta meningkatkan keluaran tanaman kekal. Sejumlah 53 projek telah dilaksanakan dalam tempoh RME. Sungguhpun sebahagian besar projek perparitan terletak di kawasan IADP seperti Johor Barat I dan Barat Laut Selangor, terdapat juga projek perparitan di luar kawasan IADP di antaranya Asajaya di Sarawak, Bruas di Perak dan Kuala Langat-Sepang di Selangor. Projek perparitan ini meliputi kawasan seluas 186,600 hektar dan dapat memberi faedah kepada kira-kira 75,700 keluarga petani.

Sejumlah 274 projek pengairan telah dilaksana bagi menyediakan kemudahan baru atau memperbaiki kemudahan yang sedia ada di kawasan tanaman padi. Program pengairan ini sebahagian besarnya ditumpukan ke arah meningkat dan memperluaskan kemudahan di projek pengairan utama, di kawasan-kawasan IADP Muda, Kemubu, Krian-Sungai Manik dan Barat Laut Selangor serta skim Seberang Perak. Berbagai usaha juga dijalankan bagi memperbaiki kemudahan di skim-skim pengairan kecil. Kemudahan pengairan telah dipertingkatkan di kawasan seluas 114,900 hektar dan memberi faedah kepada kira-kira 76,500 keluarga penanaman padi. Kemudahan ini telah menambah keluasan tanaman padi dua musim dan meningkatkan produktiviti.

PENANAMAN SEMULA DAN PEMULIHAN. RISDA telah menanam semula kira-kira 131,800 hektar kawasan getah tua di Semenanjung Malaysia dan usaha ini telah memberi faedah kepada kira-kira 77,000 pekebun kecil. Kira-kira 92,600 hektar daripada keluasan yang ditanam semula telah ditanam dengan getah, 27,800 hektar dengan kelapa sawit dan 11,400 hektar dengan tanaman-tanaman lain. RISDA telah memberi lebih tumpuan kepada penanaman semula secara berkelompok melalui konsep mini-estet untuk memperolehi ekonomi bidangan serta mempasti penanaman, penyelenggaraan dan pemasaran yang teratur. Dalam tempoh RME, kira-kira 36,000 hektar tanaman getah telah dimajukan secara mini-estet. Di Sabah, seluas 6,700 hektar telah ditanam semula dengan getah oleh Lembaga Tabung Getah Sabah dan memberi faedah kepada 4,140 pekebun kecil. Di Sarawak pula, Jabatan Pertanian Sarawak telah menanam semula seluas 3,480 hektar yang memberi faedah kepada 2,830 pekebun kecil. Di bawah Projek Penanaman Semula dan Pemulihan Kelapa, kira-kira 3,200 hektar telah ditanam semula dengan kelapa. Di samping itu, seluas 3,150 hektar telah ditanam semula dengan nanas oleh Lembaga Perusahaan Nanas Tanah Melayu yang memberi faedah kepada 2,180 petani.

Program pemulihan yang bertujuan untuk meningkatkan produktiviti melalui penggunaan teknologi moden dan penyediaan kemudahan-kemudahan infrastruktur yang lebih baik terus dilaksanakan. FELCRA telah memulihkan seluas 59,110 hektar, dan daripada jumlah ini seluas 49,000 hektar telah ditanam dengan kelapa sawit, 9,240 hektar dengan getah, 550 hektar dengan padi, 170 hektar dengan koko dan 150 hektar dengan lada hitam. Seluas 38,700 hektar daripada kawasan yang dipulih telah dilaksanakan di bawah program pemulihan tanah terbiar FELCRA yang dimulakan pada tahun 1984. Di Sarawak, Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah Sarawak (SALCRA) telah memulihkan seluas 3,220 hektar dengan tanaman kelapa sawit, 2,730 hektar dengan koko, 1,460 hektar dengan getah dan 200 hektar dengan teh. Seluas 12,500 hektar kawasan kelapa telah dipulih dengan tanaman koko dan kopi melalui Projek Penanaman Semula dan Pemulihan Kelapa. Jabatan Pertanian telah memulihkan seluas 9,390 hektar dengan tanaman buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman-tanaman lain.

Dalam tempoh RME, kira-kira 27,000 hektar sawah terbiar telah dipulihkan. Sebahagian daripada kawasan tersebut telah dipulihkan melalui perladangan berkelompok dengan menggunakan berbagai bentuk pengurusan yang dipusatkan dan juga kawasan-kawasan yang dipajak serta dimajukan sebagai estet padi oleh syarikat-syarikat swasta. Aspek-aspek penyusunan dan penyatuan yang utama daripada usaha-usaha pemulihan yang lebih berjaya akan dijadikan asas pemulihan kawasan padi terbiar pada masa hadapan.

Sejumlah 38,000 lembu dan kerbau telah diagihkan kepada kira-kira 30,400 petani di bawah program daging yang dikendalikan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan dan di bawah komponen ternakan IADP serta Projek Penanaman Semula dan Pemulihan Kelapa. Di samping itu, kira-kira 10,600 lembu tenusu telah diagihkan kepada seramai 5,300 petani di bawah program tenusu, Kira-kira 5,170 kambing dan kambing biri-biri telah diagihkan kepada seramai 1,050 petani di bawah skim pawah.

Dalam tempoh RME, sejumlah 26 pusat pengumpulan susu telah ditubuhkan menjadikan kesemuanya berjumlah 43 buah. Jumlah kutipan susu telah meningkat 2.7 juta liter pada tahun 1980 kepada 11.7 juta liter pada tahun 1985 dengan bertambahnya bilangan pusat-pusat ini. Berikutan dengan pembubaran Lembaga Kemajuan Ternakan Negara (MAJUTERNAK) pada tahun 1983, Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah memulihkan kira-kira 400 hektar tanah di tujuh buah ladang yang dahulunya dimiliki oleh MAJUTERNAK. Pemulihan ini telah dapat membantu menambah bekalan lembu bagi program-program daging dan tenusu, menyediakan kemudahan latihan kakitangan jabatan serta menjalankan penyelidikan gunaan. Untuk meningkatkan mutu baka lembu tempatan, Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah mengimport 20,800 lembu kacukan dan menyuntik 59,600 lembu secara permanian beradas.

#### Perikanan

Dalam tempoh RME, sebanyak 12 Kawasan Pembangunan Nelayan (KPN) telah ditubuhkan oleh LKIM untuk memudahkan penyediaan kemudahan infrastruktur dan kemudahan asas bagi memperbaiki taraf hidup masyarakat nelayan. Penyertaan nelayan dalam pembangunan sektor perikanan telah meningkat dengan tertubuhnya 10 lagi Persatuan Nelayan dan meningkatnya kegiatan 58 Persatuan Nelayan serta 42 Syarikat Kerjasama Nelayan yang sedia ada. Antara tahun 1981 hingga 1983, LKIM telah menyediakan kemudahan sewa-beli kepada nelayan-nelayan untuk membolehkan pembelian sebanyak 765 bot di bawah Skim Pemilikan Bot serta pemberian subsidi bagi meningkatkan Penternakan keupayaan bot-bot. Walau bagaimanapun, semenjak tahun 1983, Skim Kemudahan Kewangan (SKK) telah dimulakan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan kredit dan galakan bagi membeli bot dan meningkatkan keupayaan bot-bot nelayan. Di bawah skim ini, kira-kira 50 bot telah dibeli oleh nelayan dan keupayaan 40 bot yang bermuatan kasar 40 tan metrik dan lebih, telah dipertingkatkan.

Dalam tempoh RME, kawasan seluas 2,290 hektar telah dimajukan untuk ternakair di bawah program LKIM, IADP dan Jabatan Perikanan. Daripada jumlah ini, seluas 1,460 hektar telah dimajukan untuk penternakan kerang, 610 hektar untuk kolam ikan dan bakinya untuk penternakan ikan dalam sangkar serta pusat penetasan. Jabatan Perikanan dan LKIM telah membina tukun-tukun tiruan untuk mewujudkan lebih banyak lagi kawasan pembiakan dan perlindungan ikan bagi menambah bekalan ikan yang semakin berkurangan di pesisiran pantai. Langkah-langkah lain untuk menambah pendaratan ikan termasuk penguatkuasaan Akta Zon Ekonomi Eksklusif (ZEE), 1984, Akta Perikanan, 1985 dan pelaksanaan dasar penggunaan kawasan perairan wilayah.

#### Perhutanan

Selaras dengan Dasar Perhutanan Negara, seluas 393,000 hektar hutan di Semenanjung Malaysia telah dipulihkan melalui rawatan silvikultur. Di samping itu, kadar pembalakan

di Semenanjung Malaysia dihadkan dan tindakan ini menyebabkan kawasan yang dibalok berkurang daripada 242,900 hektar pada tahun 1980 kepada 176,000 hektar pada tahun 1985. Projek Ladang Hutan Kompensatori telah dilaksana untuk memastikan bekalan kayu tempatan yang berterusan pada masa hadapan. Di bawah Projek ini, kawasan seluas 7,090 hektar telah ditanam dengan jenis-jenis pokok yang cepat membesar seperti GMELINA ARBOREA, ACACIA MANGIUM, dan PARASERIANTHES FALCATORIA. Daripada keluasan ini, 43.6 peratus telah ditanam di Negeri Sembilan, 40.3 peratus di Johor, 8.6 peratus di Selangor dan 7.5 peratus di Pahang.

Di Sabah, kira-kira 10,000 hektar ladang hutan telah dimajukan dengan jenis-jenis pokok yang cepat membesar melalui usahasama di antara Yayasan Sabah dengan sebuah syarikat swasta. Di samping itu, seluas 11,800 hektar telah ditanam dengan ACACIA MANGIUM oleh Lembaga Kemajuan Perhutanan Negeri Sabah (SAFODA). Di Sarawak, ladang hutan ACACIA MANGIUM seluas kira-kira 1,800 hektar telah dibuka di bawah program penghutan semula. Pusat penyelidikan silvikultur telah juga ditubuhkan di Bintulu bagi menjalankan penyelidikan perhutanan.

Tanaman rotan telah diberi tumpuan yang lebih dan berikutan daripada itu seluas 6,430 hektar telah ditanam di Sabah dan 400 hektar di Semenanjung Malaysia. Sebahagian besar daripada rotan yang ditanam terdiri daripada jenis MANAN atau manau dan CAESIUS atau sega. Untuk mengatasi masalah kekurangan benih rotan, sebuah tapak semaian seluas 33 hektar telah dikenalpasti untuk dimajukan di Kuala Lipis, Pahang. Di samping itu, penyelidikan tisu didik telah juga dimulakan.

Pada bulan Disember, 1984, Akta Perhutanan Negara telah diluluskan dengan tujuan untuk mengemaskini dan menyeragamkan berbagai enakmen perhutanan negeri-negeri yang sedia ada. Akta tersebut akan digunakan di semua negeri di Semenanjung Malaysia sebagai enakmen perhutanan negeri.

### Khidmat Sokongan

LATIHAN DAN PENGEMBANGAN. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-4, latihan telah diadakan di berbagai peringkat oleh beberapa institusi dan agensi untuk memenuhi keperluan tenaga manusia bagi sektor pertanian serta meningkatkan kemahiran petani dan nelayan. Universiti Pertanian Malaysia (UPM) terus menyediakan kursus-kursus peringkat ijazah dan diploma dalam berbagai bidang pertanian. Di samping itu, berbagai agensi pertanian telah menyediakan khidmat pengembangan termasuk latihan bagi kakitangan jabatan dan kumpulan sasaran masing-masing. LPP telah menyediakan latihan dalam aspek perladangan, teknik-teknik lepas tuaian, pengurusan koperasi, pengendalian institusi luar bandar serta perniagaan tani. Jabatan Pertanian telah meluaskan program latihannya dengan menubuhkan Institut Latihan Pengembangan Pertanian di peringkat kebangsaan, dua lagi pusat latihan pengembangan dan pembangunan di peringkat kawasan (RETDC) dan 28 pusat pengembangan kecil untuk melengkapkan lagi institusi-institusi pertanian yang sedia ada. Kemudahan-kemudahan

latihan ini telah memperluas dan meningkatkan kegiatan pengembangan di bawah Jabatan Pertanian, terutamanya pelaksanaan sistem lawatan dan latihan (2L) bagi program pengembangannya.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan terus mengendalikan kursus-kursus pengurusan pengeluaran ayam-itik dan daging serta perusahaan ternakan-ternakan yang lain. Di samping itu, sebuah Pusat Latihan Teknologi Susu telah ditubuhkan di Institut Haiwan Kluang, Johor bagi melatih penternak serta ahli-ahli teknologi susu dalam teknik pengendalian tenusu. Jabatan Perikanan terus menjalankan latihan dalam bidang perikanan laut dan ternakair. Institut Latihan Perikanan di Batu Maung, Pulau Pinang telah menyediakan latihan dalam bidang pengendalian kapal yang digunakan untuk menangkap ikan di luar kawasan pesisiran pantai. Pusat-pusat Latihan Perikanan Laut di Gelugor, Pulau Pinang dan Kuala Terengganu, Terengganu telah menyediakan kursus bagi juragan dan pengendali jentera dalam bidang pelayaran asas dan penyenggaraan jentera. Kursus di bidang ternakair yang merangkumi pengurusan kolam dan kaedah penangkapan ikan serta aspek-aspek lain dalam pemeliharaan udang dan ikan telah juga dijalankan untuk penternak ikan dan nelayan. Di Kawasan Pembangunan Nelayan, latihan dalam bidang industri kecil telah disediakan oleh LKIM dengan kerjasama agensi lain yang berkaitan.

Institut Pembangunan Tanah dan Pusat Latihan FELDA di Trolak, Perak telah diperbesarkan dan sebuah sekolah latihan yang baru telah ditubuhkan di Keratong, Pahang untuk membolehkan FELDA mempergiatkan program latihannya. Di samping itu, FELDA telah juga menyediakan latihan yang merangkumi bidang memperbaiki kereta dan perniagaan kecil untuk memudahkan penubuhan perniagaan-perniagaan kecil di kawasan-kawasan FELDA. Latihan tersebut ditujukan kepada peserta-peserta dan tanggungan mereka bagi menggalakkan mereka kekal di rancangan FELDA. Jabatan Perhutanan terus menganjurkan program-program latihan dalam bidang pengurusan hutan dan bidang-bidang yang berkaitan bagi kakitangannya serta peserta-peserta dari sektor swasta.

**KREDIT DAN SUBSIDI.** Dalam tempoh RME, kredit pertanian bagi sektor kecil pekebun kecil sebahagian besarnya telah disalurkan melalui Bank Pertanian Malaysia (BPM) terutamanya untuk menyokong kegiatan-kegiatan pertanian yang telah diberi penekanan dalam DPN. Sejumlah \$1,012 juta kredit telah dikeluarkan oleh BPM bagi pengeluaran padi, koko, kelapa sawit, tembakau, ternakan, perikanan serta pembelian jentera dan peralatan perikanan. Seramai 216,000 petani dan nelayan menerima faedah daripada skim-skim kredit tersebut.

LPP telah juga menyediakan kredit sebanyak \$26.5 juta bagi penyediaan tanah dan pembelian input seperti benih dan baja. Sungguhpun demikian, menjelang akhir tempoh RME LPP telah mengurangkan kemudahan kreditnya secara berperingkat-peringkat memandangkan mulai tahun 1986 BPM telah dipertanggungjawabkan sebagai agensi tunggal untuk menyalurkan kredit pertanian daripada peruntukan yang akan diberi

kepada Kementerian Pertanian. Di samping itu, bank-bank perdagangan telah menyediakan kira-kira \$1,550 juta kredit untuk sektor pertanian.

Untuk memudahkan pembasmian kemiskinan dan pengwujudan perusahaan baru serta penerapan teknologi baru, subsidi sebanyak \$2,115 juta telah diperuntukkan bagi sektor kecil pekebun kecil dalam tempoh RME. Sebahagian besar subsidi telah diperuntukkan kepada tanaman padi iaitu \$850 juta untuk rancangan bantuan harga dan \$430 juta untuk rancangan subsidi baja. Selaras dengan penekanan terhadap pertanian yang lebih bercorak perdagangan dan petani yang lebih berdikari, subsidi minyak diesel telah diberhentikan pada tahun 1983 dan sebahagian besar subsidi-subsidi lain juga diberhentikan secara berperingkat-peringkat menjelang akhir tempoh RME.

**PEMROSESAN DAN PEMASARAN.** Langkah-langkah telah diambil oleh beberapa agensi bagi menggalakkan petani-petani melibatkan diri secara langsung dalam kegiatan pemprosesan dan pemasaran hasil pertanian mereka. Contohnya, Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) telah memperkenalkan konsep pasar tani dengan menubuhkan pasar-pasar tani di beberapa tempat seperti di Batu Pahat, Cameron Highlands, Johor Bahru dan Shah Alam. Di bawah konsep ini, petani-petani boleh menjual hasil pertanian mereka secara langsung untuk menambahkan pendapatan. FAMA telah mengurangkan secara berperingkat-peringkat penglibatan secara langsung dalam kegiatan pemasaran tempatan dan tempatan dan sebaliknya menumpukan usaha menyediakan maklumat pasaran serta mencari peluang pasaran baru di luar negeri. Berikutan daripada ini, FAMA telah mengeksport hasil-hasil pertanian seperti pisang dan sayur-sayuran ke Hong Kong, Jepun dan Singapura.

Langkah-langkah telah juga diambil untuk meningkat mutu hasil-hasil pertanian bagi memastikan ianya sesuai untuk dieksport. Di bawah Skim Penggredan dan Persijilan yang bertujuan untuk meningkat dan mempiawaikan mutu koko Malaysia, FAMA telah menubuhkan pusat-pusat menggred koko di Pasir Gudang, Pelabuhan Kelang dan Seberang Prai. Skim tersebut meliputi Johor, Perak, Pulau Pinang, Sabah, Sarawak dan Selangor. Dalam tempoh RME, hampir separuh daripada keluaran koko pekebun-pekebun kecil di Semenanjung Malaysia telah dipasarkan oleh FAMA. Jemaah Pemasaran Lada Hitam Malaysia telah juga meningkatkan pemprosesan dan penggredan lada hitam sebelum dieksport. Dalam tempoh RME, Jemaah tersebut telah menggred kira-kira 109,000 tan metrik lada hitam yang bernilai \$404.5 juta. Perbadanan Kemajuan Getah Malaysia Berhad (MARDEC) telah memproses 649,000 tan metrik getah pekebun-pekebun kecil bernilai kira-kira \$1,550 juta untuk dieksport. Jumlah ini merupakan 13.7 peratus daripada keseluruhan keluaran getah yang dihasilkan oleh pekebun-pekebun kecil dalam tempoh RME.

FELDA terus memasarkan secara langsung barangan-barangan utama, terutamanya minyak kelapa sawit dan getah dalam bentuk mentah dan separuh proses dari rancangan-rancangan pembangunan tanahnya. Dalam tempoh RME, FELDA telah memasarkan sebanyak 3.5 juta tan metrik minyak kelapa sawit bernilai \$3,500 juta dan



367,800 tan metrik getah bernilai \$853.9 juta. RISDA telah juga memasarkan getah bernilai \$194.3 juta daripada pekebun-pekebun kecil yang terlibat dalam programnya. LPP telah juga memasarkan hasil-hasil pertanian termasuk tembakau, padi, beras, getah, dan kelapa yang bernilai \$72.1 juta. LKIM telah membina tujuh kompleks perikanan dan meningkatkan kemudahan kompleks-kompleks yang sedia ada bagi membantu dalam pemasaran ikan.

**PENYELIDIKAN.** Dalam tempoh RME, penekanan telah diberi kepada penyelidikan tisu didik, teknologi hayat, baik biak, pemasaran dan penggunaan akhir, di samping meneruskan penyelidikan yang lazim dijalankan bagi meningkatkan pengeluaran. MARDI telah mengeluarkan berbagai jenis padi yang berhasil tinggi dan tahan penyakit, termasuk jenis Seberang, Muda, Manik, Makmur dan MR 75. Lima jenis baka baru koko yang berupaya menghasilkan antara 1,600 hingga 4,100 kilogram sehektar telah juga diperkenalkan oleh MARDI pada tahun 1983. Penyelidikan MARDI dalam bidang pemprosesan telah juga mendapati bahawa biji koko yang diperam dalam kotak-kotak cetek boleh mengurangkan tingkat kandungan asid biji koko. Sejenis nanas kacukan baru yang dinamakan Nanas Johor telah diperkenalkan. Nanas jenis ini dapat mengeluarkan hasil tinggi dan mutu pengetinan yang baik. Dalam bidang teknologi makanan, kemajuan pesat telah dicapai dalam memperkenalkan teknologi baru yang menghasilkan pemakanan yang lebih baik dalam makanan yang diproses serta bahan makanan tempatan yang lebih bersih, lazat dan menarik. Makanan-makanan ini termasuklah jenis-jenis sos, air buah-buahan, jeruk buah-buahan dan makanan, serta makanan ringan dan santan segera.

Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) selain daripada menjalankan penyelidikan untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan pengeluaran dan mutu minyak kelapa sawit, telah juga meluaskan usaha-usaha penyelidikannya termasuk penyelidikan penggunaan akhir kelapa sawit dan hasil sampingannya dalam bentuk makanan dan bukan makanan. PORIM telah berjaya mengeluarkan minyak diesel kelapa sawit dan membuka sebuah kilang minyak diesel pada bulan November, 1985. Kejayaan ini dijangka dapat memberi pilihan penggunaan ekonomi kepada minyak kelapa sawit sebagai satu sumber tenaga yang tidak pupus. Penyelidikan telah juga dijalankan bagi mendapatkan vitamin daripada pelepah dan minyak kelapa sawit, penggunaan sisa minyak kelapa sawit sebagai makanan ternakan serta potensi penggunaan batang kelapa sawit.

RRIM menumpukan penyelidikannya kepada pemodenan industri getah, penggunaan akhir getah serta penggunaan bahan-bahan sampingannya. Sejenis getah baru iaitu susu getah yang dilarutkan dengan oksigen sedang dimajukan dan diuji. Getah baru ini memiliki ciri-ciri yang diperlukan dari segi daya tahan minyak, tidak telus gas, mempunyai daya cengkaman jalan basah dan rintangan pusingan yang lebih rendah. Satu penemuan baru yang penting telah dibuat dalam penggunaan lapik alas besi keluli yang disalut dengan getah asli untuk mengurangkan kesan-kesan buruk kepada bangunan-bangunan akibat daripada gempa bumi. Penemuan ini merupakan satu kegunaan baru dan penting

bagi getah asli. Kemajuan penting juga dicapai dalam penggunaan kayu getah. Tumpuan khas telah diberikan kepada aspek-aspek peransangan pengeluaran, cara-cara baru penorehan getah yang menjimatkan buruh, dan alat torehan dan kutipan yang baru bagi mengatasi masalah kekurangan buruh di samping menjamin keupayaan persaingan industri getah.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan telah menumpukan kegiatan penyelidikannya di Institut Penyelidikan Haiwan Ipoh bagi mengawal penyakit-penyakit ternakan. Institut Penyelidikan Perikanan di Pulau Pinang telah menumpukan penyelidikannya bagi mengenalpasti jenis-jenis baru ikan dan udang yang sesuai bagi kemajuan ternak air. Pada akhir tahun 1985, penyelidikan perikanan laut dalam, khususnya di ZEE, telah dilaksanakan bagi menilai sumber-sumber perikanan di kawasan tersebut. Hasil kajian ini dijangka dapat membantu dan memandu pembangunan kegiatan perikanan di luar pesisiran pantai pada masa hadapan. Di samping terus menjalankan penyelidikan dalam pengurusan perhutanan dan amalan pembalakan yang lebih baik, Institut Penyelidikan Perhutanan telah juga memulakan penyelidikan ke atas rotan serta penggunaan kayu getah dan batang kelapa sawit.

#### Pembangunan sosial dan institusi

DPN mengakui kepentingan pembangunan sosial dan institusi dalam pembangunan sektor pertanian pada masa hadapan. Dengan demikian, tumpuan yang lebih telah diberikan kepada aspek-aspek pembangunan manusia dalam program-program pertanian. Program pengembangan dan kursus-kursus latihan telah ditujukan ke arah memupuk nilai-nilai berdikari, etika kerja yang baik dan nilai-nilai keusahawanan di kalangan petani dan nelayan serta kakitangan agensi-agensi pelaksana. Proses perubahan sikap ini akan memudahkan pemindahan teknologi dan pemikiran baru kepada petani dan nelayan sebagai usaha untuk meningkatkan penyertaan mereka dalam pembangunan pertanian.

Kerajaan telah juga berusaha untuk memperkukuhkan institusi-institusi pembangunan luar bandar termasuk Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan pertubuhan-pertubuhan peladang. Di peringkat kebangsaan, Persatuan Nelayan Kebangsaan telah ditubuhkan pada tahun 1985 untuk menyelaras kegiatan-kegiatan persatuan nelayan. Penubuhan Lembaga Koko Malaysia telah dicadangkan untuk mengawasi dan memandu kemajuan tanaman koko dan seterusnya memastikan perkembangan industri koko yang lebih pesat dan teratur.

Memandangkan bertambah pentingnya penyelidikan bagi memajukan sumber-sumber perhutanan pada masa hadapan, Akta Lembaga Kemajuan dan Penyelidikan Perhutanan Malaysia telah diluluskan pada tahun 1985 untuk menubuh Lembaga Kemajuan dan Penyelidikan Perhutanan Malaysia. Berikutan daripada itu, Institut Penyelidikan Perhutanan yang dahulunya di bawah Jabatan Perhutanan telah diberi nama baru iaitu Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (IPPM) dan diberi taraf sebagai sebuah badan

berkanun. Langkah ini bertujuan meningkatkan peranan penyelidikan dan pembangunan pengurusan dan kemajuan sumber-sumber perhutanan serta industri-industri berasaskan kayu pada masa hadapan. Penubuhan IPPM ini memberi peluang kepada mereka yang terlibat dengan industri kayu balak merangka program-program dan projek-projek penyelidikan melalui perwakilan mereka dalam Lembaga tersebut.

#### **IV. TERAS PEMBANGUNAN**

Berasaskan kepada peringkat dan arah pembangunan keseluruhan masa kini, rantaian antara sektor serta matlamat-matlamat pembangunan negara jangka panjang, sektor pertanian perlu memainkan peranan tertentu yang lebih penting. Menyedari hakikat ini, Kerajaan telah mengubahsuai keseluruhan strateginya dengan memberi tumpuan yang lebih kepada pertanian dan pembangunan luar bandar. Oleh yang demikian, dalam tempoh RML, usaha-usaha akan terus diambil untuk mempergiatkan semula dan memodenkan pertanian serta memperbandarkan kawasan-kawasan luar bandar.

Memandangkan sektor pertanian sememangnya menghadapi struktur yang sukar diubah yang sering menghalang pertumbuhan sektor-sektor kecil pekebun kecil dan estet, dan memerlukan jangka masa yang lebih panjang untuk menggalakkan pertumbuhan, terutamanya dalam sektor kecil pekebun kecil yang besar jumlahnya, proses penyusunan semula sektor ini dalam tempoh RML dijangka menghadapi banyak cabaran. Bagi menghadapi cabaran-cabaran ini, langkah-langkah yang tegas akan diambil untuk menggalakkan sektor-sektor awam dan swasta menggunakan sepenuhnya sumber-sumber produktif dan peluang-peluang yang terdapat dalam negara.

Dalam tempoh RML, penekanan bagi sektor pertanian akan ditumpukan untuk menggunakan sumber-sumber produktif sektor ini bagi mengekalkan produktiviti, kecekapan dan keupayaan bersaing tanaman-tanaman terpilih dan perusahaan-perusahaan pertanian. Langkah ini seterusnya akan memastikan pihak pengeluar berupaya menghadapi persaingan yang semakin bertambah dan masalah-masalah yang berkaitan dengannya bagi keluaran bahan mentah serta barangan akhir mereka dalam pasaran antarabangsa. Pada masa yang sama, langkah ini juga dapat meningkatkan pendapatan pertanian ke paras maksimum. Bagi mencapai matlamat ini, teras utama dalam tempoh RML, ialah meneruskan usaha-usaha memoden dan mewujudkan pertanian yang berasaskan perdagangan bagi sektor kecil pekebun kecil, menyelaraskan penglibatan Kerajaan, meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pertanian, dan memperkemaskan perancangan sektor serta analisa dasar secara menyeluruh bagi mengawal dan memandu perkembangan sektor ini pada masa hadapan.

Teras pembangunan luar bandar akan ditumpukan kepada pembandaran luar bandar yang melibatkan pembangunan kampung dan kawasan-kawasan sekitarnya secara menyeluruh. Keadaan kampung-kampung luar bandar dan pekan-pekan kecil yang berselerak biasanya menyulitkan penyediaan kemudahan-kemudahan asas serta

menghalang usaha-usaha memupuk rantaian antara sektor yang mengakibatkan kemajuan yang lembab dalam meningkatkan taraf hidup di luar bandar. Bagi mengatasi kemajuan yang lembab ini, pendekatan baru dalam pembangunan luar bandar yang diperkenalkan dalam tahun 1984, akan terus dilaksanakan. Pendekatan ini melibatkan penyusunan semula kampung-kampung bagi memudahkan pembangunan pusat-pusat pertumbuhan luar bandar di samping menggalakkan industri kampung, industri kecil-kecilan dan kegiatan-kegiatan ekonomi bukan pertanian yang lain bagi melengkapi usaha-usaha pembangunan pertanian.

**MEMODEN DAN MENGWUJUDKAN PERTANIAN BERASASKAN PERDAGANGAN BAGI SEKTOR KECIL PEKEBUN KECIL.** Usaha pemodenan dan pengwujudan ini akan dijalankan melalui pendekatan yang sedia ada iaitu pembangunan tanah baru, pembangunan IN-SITU, penyediaan khidmat sokongan dan pembangunan sosial serta institusi dengan mengubahsuai penekanan dan kandungannya. Sebahagian daripada pendekatan ini yang dinyatakan dalam DPN dan dilaksanakan dalam tempoh RME akan diperkembangkan lagi dalam tempoh RML. Tumpuan utama akan diberi kepada pembangunan manusia terutamanya melalui latihan, khidmat pengembangan dan pembangunan seterusnya berbagai institusi luar bandar termasuk pertumbuhan-pertumbuhan koperasi, bagi menggerakkan daya cipta, berdikari dan keusahawanan.

Usaha-usaha yang berterusan akan ditumpukan kepada penyusunan semula sumber-sumber yang ada terutamanya tanah untuk memudahkan pembangunan kebun-kebun yang ekonomik serta penggunaan sumber-sumber yang ada secara cekap. Di samping itu, penyatuan sumber-sumber produktif akan terus diberi penekanan melalui penyatuan kebun, perladangan berkelompok dan perladangan secara estet.

**MENYELARASKAN PENGLIBATAN KERAJAAN.** Usaha-usaha akan dipergiatkan bagi mengurangkan pergantungan kepada bantuan Kerajaan dalam menggalakkan pembangunan dan penglibatan secara langsung agensi awam dalam pengeluaran dan pemasaran. Sekiranya sesuai, subsidi akan digantikan secara berperingkat-peringkat dengan penyediaan kredit untuk mengatasi kesulitan aliran kewangan dalam kegiatan pertanian. Bagi mengurangkan penglibatan secara langsung sektor awam dalam pengeluaran dan pemasaran, usaha-usaha akan diambil untuk menswastakan projek-projek dan kegiatan-kegiatan tertentu serta menggalakkan penyertaan pengusaha-pengusaha secara langsung.

Penglibatan dan pelaburan Kerajaan dalam tanaman padi akan terus disesuaikan mengikut keadaan supaya pengeluaran ditumpukan di kawasan jelapang padi. Kawasan-kawasan padi yang lain akan ditukarkan secara berperingkat-peringkat dengan tanaman kontan yang lain. Penglibatan syarikat swasta dalam pemulihan tanah terbiar akan digalakkan.

**MENINGKATKAN PENYERTAAN SEKTOR SWASTA.** Sektor swasta akan terus digalakkan untuk melabur dalam kegiatan pertanian, terutamanya pengeluaran bahan makanan dan

pembangunan tanah baru. Pengeluaran bahan makanan oleh sektor swasta adalah digalakkan memandangkan kepada nilai import makanan yang tinggi sementara penglibatannya dalam pembangunan tanah baru adalah diperlukan bagi mempergunakan kepakaran syarikat-syarikat perladangan ini dalam aspek pengurusan dan sumber-sumber lain yang mereka miliki. Bidang-bidang lain yang dikenalpasti untuk penyertaan sektor swasta termasuklah ternakair dan perikanan laut dalam. Pelaksanaan sistem-sistem estet nukleus dan OUT-GROWER akan digalakkan. Di bawah sistem-sistem ini, unit pengeluaran secara besar-besaran akan ditubuhkan oleh sektor swasta untuk menyediakan kemudahan teknologi serta kemudahan pemprosesan dan pemasaran kepada pengusaha kecil berhampiran yang menghasilkan barangan yang sama. Perladangan secara kontrak yang melibatkan pekebun-pekebun kecil mengikat kontrak dengan pembeli dan pengilang akan juga digalakkan terutamanya dalam pengeluaran bahan makanan serta dalam sistem-sistem estet nukleus dan OUT GROWER.

Bagi menggalakkan pelaburan sektor swasta dalam sektor pertanian pemberian hakmilik tanah terutamanya bagi pembangunan ladang akan diselaraskan dan langkah-langkah lain akan diambil termasuk menyediakan galakan-galakan yang menyeluruh, Untuk tujuan tersebut, galakan cukai pertanian telah diperbaiki dan galakan ini berkuatkuasa pada tahun 1986. Pembaharuan ini termasuklah perlanjutan tempoh taraf perintis bagi kegiatan-kegiatan dan perindustrian pertanian yang digalakkan dalam DPN, pemberian elaun eksport bagi beberapa tanaman tertentu yang dieksport dan pemansuhan duti import bagi beberapa jenis peralatan pertanian dan perikanan. Pelancaran Tabung Pelaburan Baru bernilai seribu juta ringgit pada tahun 1985, yang menyediakan sumber kewangan pada kadar faedah yang rendah bagi pelaburan modal dalam sektor pertanian, pembuatan dan pelancongan, membuktikan kesungguhan Kerajaan untuk meningkatkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan pertanian.

**MEMPERKEMASKAN PERANCANGAN SEKTOR DAN ANALISA DASAR SECARA MENYELURUH.** Perancangan sektor dan analisa dasar secara menyeluruh akan diperkemas memandangkan kepada perubahan-perubahan struktur yang besar dan kerumitan sektor pertanian yang semakin bertambah. Oleh yang demikian perancangan bukan sahaja akan merangkumi pendekatan pengeluaran tetapi termasuk bidang-bidang lain yang berkaitan dan akan memastikan kandungan-kandungan dasar, strategi dan program serta perubahan-perubahannya diikuti secara berterusan. Usaha-usaha akan juga diambil bagi memastikan barangan akan dimajukan berasaskan kepada daya maju perdagangan dan kemampuan bersaing dengan mengambilkira sepenuhnya rantaian antara pengeluaran, pemasaran dan penggunaan. Oleh itu, pembangunan pertanian akan diselaraskan dengan sektor-sektor lain terutamanya sektor-sektor pembuatan dan perkhidmatan. Berbagai langkah akan diambil untuk meningkatkan secara berperingkat-peringkat kaedah pelaksanaan, keupayaan dan kebolehan dalam perancangan sektor dan analisa dasar secara menyeluruh. Penubuhan Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pertanian pada tahun 1985 menandakan satu langkah utama ke arah membantu usaha-usaha memperkemas perancangan sektor dan analisa dasar secara menyeluruh.

MEMPERCEPATKAN PEMBANGUNAN LUAR BANDAR MELALUI PEMBANDARAN LUAR BANDAR. Pemandaran luar bandar merangkumi tiga aspek, iaitu pembangunan pertanian yang menggunakan pengurusan secara estet bagi pekebun-pekebun kecil, menggalakkan industri kampung dan perusahaan kecil-kecilan atau kegiatan-kegiatan ekonomi bukan pertanian yang lain; dan penyusunan semula kampung-kampung tradisional untuk memudahkan pembangunan pusat-pusat pertumbuhan luar bandar. Aspek pertama melibatkan penyatuan kebun-kebun kecil untuk menjadikannya ladang-ladang besar yang mempunyai keluasan yang ekonomik dan sesuai untuk pengurusan secara moden dan cekap yang berasaskan perdagangan. Aspek kedua bertujuan mempelbagaikan kegiatan ekonomi di kawasan luar bandar untuk menambah pendapatan kebun dengan menggalakkan industri-industri kecil yang berasaskan kepada bahan-bahan mentah dan keluaran tempatan yang sedia ada. Aspek ketiga mengambilkira dari segi kesesuaian kawasan dan hasrat penduduk. Skop projek-projek pembangunan pertanian seperti IADP dan program pemulihan tanah FELCRA, akan diperluaskan untuk merangkumi berbagai aspek pemandaran luar bandar. Pendekatan ini dijangka memudahkan perladangan yang lebih besar dan teratur yang berasaskan perdagangan, mewujudkan peluang pekerjaan baru dan sumber-sumber pendapatan sampingan dan membolehkan penyediaan perkhidmatan sosial dan kemudahan-kemudahan asas dengan kos yang lebih rendah

## **V. PROSPEK 1986-1990**

Usaha-usaha yang sedia ada dan dicadangkan bagi mempergiatkan semula sektor pertanian sebahagian besarnya adalah merupakan usaha jangka panjang yang akan mendatangkan kesan sepenuhnya kepada keluaran sektor ini pada tahun-tahun sembilan puluhan. Namun demikian dalam tempoh RML, sektor pertanian dijangka masih berkembang pada kadar 2.6 peratus setahun berbanding dengan 3.4 peratus setahun dalam tempoh RME. Sektor ini dijangka menyumbang 10.3 peratus daripada keseluruhan pertumbuhan ekonomi.

Dengan kadar pertumbuhan yang agak perlahan ini berbanding dengan pertumbuhan sektor-sektor ekonomi yang lain, bahagian sektor ini dalam KDNK, pendapatan eksport dan gunatenaga dijangka berkurang, walaupun ianya dijangka meningkat dari segi mutlak. Bahagian sektor ini dalam KDNK dijangka berkurang daripada 20.3 peratus pada tahun 1985 kepada 18.1 peratus pada tahun 1990, sementara nilai keluaran dijangka bertambah daripada \$12,050 juta kepada \$13,710 juta dalam tempoh yang sama. Pendapatan eksport daripada barangan utama pertanian dijangka menyumbang 28.4 peratus daripada jumlah nilai eksport atau \$12,010 juta pada tahun 1990 berbanding dengan 29.0 peratus atau \$11,030 juta pada tahun 1985. Dari segi gunatenaga, sektor ini dijangka menyumbang 32.7 peratus atau 2.0 juta pekerjaan pada tahun 1990 berbanding dengan 35.7 peratus atau 1.95 juta pekerjaan pada tahun 1985 dan akan mewujudkan kira-kira 49,000 pekerjaan atau 7.6 peratus daripada jumlah pekerjaan baru dalam tempoh RML.

## Pengeluaran Pertanian

Dalam tempoh RML, teras utama sektor pertanian akan ditumpukan bagi meningkatkan pengeluaran minyak kelapa sawit dan koko di samping mengekalkan pengeluaran getah dan kayu balak. Usaha-usaha yang berterusan untuk mempelbagaikan kegiatan pertanian akan menumpukan kepada pengeluaran buah-buahan, sayur-sayuran dan tanaman bahan makanan yang lain. Langkah-langkah yang akan diambil bagi menambah pengeluaran makanan termasuk meningkatkan penternakan ayam-itik dan pengeluaran telur serta kegiatan ternakair dan perikanan laut dalam.

**MINYAK KELAPA SAWIT.** Minyak kelapa sawit dijangka memainkan peranan yang penting dalam pasaran minyak dan lemak yang semakin berkembang dalam tempoh RML. Negara ini mampu untuk mempergunakan peluang-peluang yang bertambah, memandangkan kepada kedudukannya sebagai pengeluar utama, kemajuan yang telah dicapai dalam penyelidikan dan pembangunan, dan iklim pertanian yang sesuai serta kawasan yang luas dan sesuai bagi pembangunan tanaman ini. Malaysia juga mempunyai keupayaan memperluaskan kegiatan-kegiatan pemprosesan selepas pengeluaran iaitu pengeluaran barang-barang akhir daripada minyak kelapa sawit dan juga industri kecil yang berkaitan termasuk industri kimia oleo. Oleh yang demikian, pengeluaran minyak kelapa sawit dijangka berkembang dengan kadar 6.7 peratus setahun dalam tempoh RML menjadikan jumlah pengeluarannya mencapai 5,700,000 tan metrik pada tahun 1990. Pertambahan keluaran ini dijangka berpunca daripada pertambahan keluasan tanaman serta tingkat hasil keluaran yang lebih baik. Keluasan yang ditanam dijangka bertambah sebanyak 3.8 peratus setahun menjadikan keluasan keseluruhannya berjumlah 1,764,900 hektar pada tahun 1990.

**GETAH.** Getah masih lagi memainkan peranan penting dalam ekonomi. Oleh yang demikian, usaha-usaha jangka panjang untuk memperkemas dan memodenkan industri getah akan diteruskan terutamanya dalam sektor kecil pekebun kecil. Walau bagaimanapun, tumpuan akan diberi kepada peningkatan produktiviti daripada pembukaan kawasan-kawasan baru. Keluaran getah dijangka meningkat sedikit pada kadar 0.8 peratus setahun menjadikan jumlah pengeluarannya 1,511,000 tan metrik pada tahun 1990. Tambahan ini dijangka berpunca daripada tingkat hasil keluaran yang semakin bertambah yang dapat mengatasi pengurangan dalam keluasan tanaman. Kawasan yang ditanam dijangka berkurang sebanyak 0.5 peratus setahun menjadikan jumlah keluasannya kira-kira 1,908,000 hektar pada tahun 1990.

**KAYU BALAK.** Dasar Perhutanan Negara menjadi asas untuk pembangunan yang teratur bagi sektor kecil perhutanan. Pemuliharaan sumber-sumber hutan akan terus diberi penekanan. Keluaran kayu balak oleh itu dijangka berkurang dengan kadar kira-kira 2 peratus setahun, daripada 31.3 juta meter padu pada tahun 1985 kepada 28.3 juta meter padu pada tahun 1990. Keluaran kayu gergaji juga dijangka berkurang dengan kadar 0.7

peratus setahun daripada 5.5 juta meter padu kepada 5.3 juta meter padu dalam tempoh yang sama. Pada tahun 1990, Sarawak dijangka menyumbangkan kira-kira 40 peratus daripada jumlah keluaran, sementara Sabah menyumbangkan 33 peratus dan Semenanjung Malaysia 27 peratus.

**KOKO.** Koko yang merupakan tanaman ketiga pentingnya di negara ini dijangka berkembang dengan pesatnya berasaskan kepada beberapa faktor yang menggalakkan. Pengeluaran koko yang merupakan 4.7 peratus daripada jumlah keluaran pertanian pada tahun 1985 dijangka mencatatkan perkembangan yang pesat pada kadar 11.5 peratus setahun, iaitu bertambah daripada 103,000 tan metrik pada tahun 1985 kepada 177,200 tan metrik pada tahun 1990. Kadar pertumbuhan yang tinggi ini disebabkan oleh pertambahan keluasan tanaman yang dijangka, pertambahan kepadatan tanaman di kawasan tanaman selingan dan peningkatan hasil keluaran. Keluasan tanaman dijangka meningkat sebanyak 5.9 peratus setahun daripada 258,000 hektar pada tahun 1985 kepada 343,000 hektar pada tahun 1990. Bahagiannya dalam keluaran pertanian dijangka meningkat kepada 6.9 peratus. Dalam tempoh RML, Sabah dijangka menjadi tumpuan utama dalam pembangunan industri koko memandangkan kepada produktiviti yang boleh dipertingkatkan lagi dan terdapatnya tanah yang sesuai.

**PADI.** Bagi tanaman padi, usaha pengeluaran pada masa hadapan akan hanya ditumpukan di kawasan jelapang padi MUDA, Kemubu, Besut, Barat Laut Selangor, Krian-Sungai Manik, Seberang Perak, Kemasin-Semerak dan Seberang Prai. Pengeluaran padi di luar kawasan jelapang padi akan dikurangkan secara berperingkat-peringkat dan diganti dengan tanaman-tanaman lain yang lebih menguntungkan. Dengan demikian, matlamat tingkat pengeluaran padi untuk memenuhi keperluan tempatan sebahagian besarnya bergantung kepada keluaran dari kawasan jelapang padi pada masa hadapan. Pada masa kini, pengeluaran dari kawasan jelapang padi dijangka memenuhi 55-60 peratus daripada keperluan beras negara.

**KELAPA.** Arah aliran pengeluaran kelapa yang semakin berkurangan masa kini dijangka akan berterusan walaupun dengan keadaan yang lebih perlahan oleh kerana harga kelapa kering yang rendah diramal akan berterusan serta penukaran kawasan kelapa kepada tanaman selingan dan tanaman-tanaman lain. Tumpuan yang lebih akan diberikan kepada penanaman kelapa untuk memenuhi permintaan tempatan bagi kelapa biji, di samping pemprosesan santan dan menyokong industri sabut kelapa.

**LADA HITAM.** Malaysia akan terus menjadi salah sebuah daripada negara pengeluar dan pengeksport lada hitam yang terbesar. Kesan daripada jangkakan harga lada hitam yang bertambah baik, pengeluaran lada hitam dijangka bertambah dengan sedikit kepada kira-kira 25,000 tan metrik menjelang akhir tempoh RML. Keluasan tanaman dijangka bertambah dengan sedikit disertai dengan perubahan kecil ke atas taburan keluasan tanaman yang ada iaitu 96 peratus di Sarawak, 2 peratus di Sabah dan 2 peratus di Johor.



TANAMAN-TANAMAN LAIN. Usaha yang lebih giat akan dijalankan melalui penggantian import dan pengeluaran untuk eksport bagi tanaman-tanaman tertentu terutamanya buah-buahan dan sayur-sayuran yang bersesuaian dengan iklim pertanian. Pengeluaran tanaman yang kurang penting seperti teh, kopi, dan tembakau dijangka bertambah dengan sedikit.

### Pembangunan Tanah Baru

Pembangunan tanah baru akan terus diberi penekanan. FELDA akan memajukan seluas 175,500 hektar lagi tanah baru, iaitu bertambah sebanyak 8.6 peratus daripada jumlah keluasan RME. Kawasan-kawasan utama yang akan diberi tumpuan adalah di Pahang iaitu sebanyak 36.1 peratus, di Sabah 33.1 peratus, di Johor 12.9 peratus, di Kelantan 7.0 peratus dan di Perak 5.0 peratus. Sebagai usaha untuk menstabilkan pendapatan dan mengurangkan perbezaan pulangan di antara rancangan-rancangan yang ditanam dengan tanaman yang berlainan, sistem pemilikan saham akan diteruskan. Di bawah sistem ini, setiap peneroka tanpa mengira jenis rancangan, akan diberi saham yang bernilai kira-kira empat hektar tanah. Cara ini berbeza daripada sistem yang terdahulu iaitu setiap peneroka diberi pemilikan tanah dalam rancangan tertentu yang ditanam dengan tanaman yang ditentukan.

Daripada matlamat luas kawasan yang akan dimajukan oleh FELDA, seluas kira-kira 114,180 hektar atau 65.1 peratus akan ditanam dengan kelapa sawit, 27,370 hektar atau 15.6 peratus dengan koko, 22,540 hektar atau 12.8 peratus dengan getah dan bakinya seluas 11,410 hektar atau 6.5 peratus untuk pembangunan kampung. Pembangunan tanah baru FELDA dijangka memberi faedah kepada 33,800 peneroka.

Kegiatan FELDA dalam pembangunan tanah baru akan juga disokong oleh lembaga-lembaga kemajuan wilayah, perbadanan-perbadanan kemajuan pertanian negeri (PKPN) dan perbadanan-perbadanan kemajuan ekonomi negeri (PKEN). Dalam tempoh RML, Lembaga Kemajuan Wilayah akan memajukan tanah seluas 41,100 hektar, PKPN 29,000 hektar, dan PKEN 14,000 hektar. Di Sabah dan Sarawak, kira-kira 9,600 hektar akan dimajukan oleh lembaga-lembaga kemajuan tanah negeri dan Lembaga Tabung Getah Sabah. Seluas 17,500 hektar lagi akan dimajukan melalui usahasama lembaga-lembaga kemajuan wilayah dan sektor swasta. Di samping itu, sektor swasta dijangka akan memainkan semula peranannya yang cergas dalam pembangunan tanah baru.

### Pembangunan IN SITU

PROJEK PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU. IADP Johor Barat I, Barat Laut Selangor, Krian-Sungai Manik, Muda II, Negeri Sembilan Timur, Melaka, Pahang Barat dan Kemasin akan siap dilaksanakan yang akan meningkatkan produktiviti dan menambahkan keluasan yang ditanam dengan banyaknya. Seterusnya pendapatan yang dijangka bertambah akan dapat dinikmati oleh kira-kira 180,600 keluarga petani. Lima IADP yang lain akan terus dilaksanakan manakala projek Rompin-Endau akan diubahsuai

untuk tanaman selain daripada padi disebabkan oleh perubahan dasar beras negara. Enam IADP baru iaitu Semerak, Sg. Golok, Sg. Nal/Sg. Sokor di Kelantan, Tumbuh Blok di Perak dan Kalaka-Saribas dan Samarahan di Sarawak akan dilaksanakan. Projek-projek ini akan meliputi kawasan tambahan seluas 524,800 hektar dan memberi faedah kepada 104,100 keluarga petani.

Beberapa masalah dan isu telah timbul semasa IADP dilaksanakan, walaupun terdapat kejayaan dari segi produktiviti dan jumlah keluaran bagi IADP yang telah dan hampir siap. Masalah ini termasuklah kemajuan yang lembab dalam usaha membasmi kemiskinan, infrastruktur fizikal yang merupakan bahagian terbesar daripada jumlah kos projek, dan masalah-masalah penyelarasan apabila bilangan dan kegiatan IADP semakin bertambah. Walau bagaimanapun, oleh kerana IADP dapat memberi faedah yang besar, serta masalah-masalahnya boleh diatasi, strategi IADP untuk pembangunan pertanian akan terus diberi penekanan. Dengan demikian, usaha yang bersungguh-sungguh akan diambil bagi memenuhi keperluan yang bertambah ke atas pengurusan dan penyelarasan. Langkah-langkah akan juga diambil bagi mengurangkan tumpuan yang berlebihan kepada pembangunan infrastruktur fizikal dan memberi penekanan yang lebih kepada aspek-aspek pembangunan manusia dan institusi. Di samping itu, perladangan yang berasaskan perdagangan dan perladangan berkelompok akan digalakkan. Di kawasan yang sesuai, penyusunan semula perkampungan luar bandar untuk dijadikan pekan yang boleh berkembang akan dilaksanakan untuk memudahkan penyediaan kemudahan sosial serta pemasaran hasil pertanian. Industri-industri kecil yang berasaskan pertanian atau industri kampung akan ditubuhkan di pusat-pusat tersebut bagi meningkatkan nilai ditambah dan mewujudkan peluang pekerjaan.

**PARIT DAN TALIAIR.** Seluas 169,100 hektar tanah pertanian akan disediakan dengan kemudahan perparitan iaitu 88,000 hektar dimajukan di kawasan-kawasan IADP dan 81,100 hektar di luar kawasan IADP. Kemudahan perparitan ini akan dapat memulihkan kawasan seluas 111,100 hektar untuk ditanam dengan kelapa sawit dan getah, 49,900 hektar untuk koko dan kelapa, dan 8,100 hektar untuk tanaman campuran. Selaras dengan pengeluaran padi masa hadapan yang akan ditumpukan di kawasan jelapang padi, program pengairan oleh itu akan menumpukan kepada peningkatan kemudahan pengairan di kawasan-kawasan tersebut.

**PENANAMAN SEMULA DAN PEMULIHAN.** RISDA akan menumpukan usaha-usaha penanaman semula secara mini estet dengan memberi penekanan kepada penanaman kelapa sawit. RISDA akan menanam semula kira-kira 160,000 hektar kawasan-kawasan getah yang tidak produktif dengan kelapa sawit, getah berhasil tinggi dan tanaman-tanaman lain. Program ini dijangka memberi faedah kepada kira-kira 70,000 keluarga. RISDA akan juga menjalankan kegiatan-kegiatan sampingan seperti jualan runcit, pemprosesan bahan makanan dan kegiatan kraftangan untuk menambah pendapatan pekebun kecil. Usaha-usaha akan juga dijalankan untuk menggunakan sepenuhnya kayu getah bagi menghasilkan pendapatan tambahan pekebun kecil semasa penanaman

semula. Di samping itu, FELDA akan menanam semula kira-kira 10,000 hektar kelapa sawit di rancangan-rancangannya yang sedia ada melibatkan kira-kira 3,500 peneroka.

Untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil menyertai program penanaman semula, bantuan tanam semula akan diteruskan. Di samping itu, Skim Penggalak Tanam Semula (SEPENTAS) akan terus dilaksanakan. Di bawah skim ini peserta-peserta yang mempunyai kebun empat hektar atau kurang adalah layak menerima pinjaman tanpa faedah berjumlah di antara \$60 hingga \$100 sebulan daripada RISDA sebagai elaun sara hidup semasa penanaman semula. Lembaga Tabung Getah Sabah dijangka menanam semula seluas 6,000 hektar dengan getah berhasil tinggi yang memberi faedah kepada kira-kira 3,000 keluarga.

Dalam tempoh RML, keluasan yang ditanam semula oleh Lembaga Perusahaan Nanas Tanah Melayu akan meningkat kepada 4,050 hektar berbanding dengan 3,150 hektar dalam tempoh RME. Nanas jenis SINGAPORE SPANISH atau Mas Merah yang ditanam pada masa kini akan digantikan dengan jenis Nanas Johor bagi meningkatkan hasil.

Usaha-usaha pemulihan tanah akan terus ditumpukan kepada penyatuan dan pemulihan tanah terutamanya tanah terbiar. FELCRA akan memulih kawasan seluas kira-kira 110,000 hektar tanah terbiar dengan tanaman kelapa sawit, getah dan koko. Jumlah ini merupakan 19.5 peratus daripada 564,000 hektar tanah terbiar yang dikenalpasti untuk tanaman kekal. Kira-kira 62 peratus daripada matlamat keluasan tanah yang akan dipulih adalah di Kedah, Kelantan, Perak, dan Terengganu. Dalam melaksanakan program penyatuannya, FELCRA akan menerapkan konsep pemandaran luar bandar yang melibatkan penyusunan semula kampung-kampung. Di bawah konsep ini, sekurang-kurangnya 500 keluarga akan ditempatkan di satu kawasan bagi mewujudkan pusat-pusat pertumbuhan luar bandar yang baru.

Kementerian Pertanian akan meneruskan usaha-usahanya untuk memulihkan kawasan sawah terbiar. Dalam tempoh RML, matlamat keluasan sawah terbiar yang akan dipulihkan adalah seluas 51,000 hektar yang merupakan 31.7 peratus daripada 161,000 hektar tanah sawah yang terbiar. Bantuan yang akan disediakan termasuklah untuk penyediaan tanah, infrastruktur dan input pertanian. Usaha-usaha akan ditumpukan di negeri-negeri Kelantan, Perak, dan Terengganu.

Memandangkan terdapat pekerja-pekerja lombong yang telah diberhentikan kerja akibat daripada penutupan lombong-lombong bijih timah, usaha-usaha pertanian secara bersepadu untuk pengeluaran bahan makanan di kawasan bekas-bekas lombong yang sesuai akan digalakkan terutamanya untuk membantu mereka diserapkan kedalam aktiviti pertanian. Usaha ini akan menjadi sebahagian daripada usaha keseluruhan untuk memindahkan pekerja lombong yang telah kehilangan pekerjaan ke sektor-sektor ekonomi yang lain.

Program-program untuk meningkatkan kesihatan haiwan serta mempercepatkan pertumbuhan industri ternakan akan terus dilaksanakan bagi memenuhi keperluan daging dan keluaran ternakan yang semakin bertambah. Di Semenanjung Malaysia, perusahaan ternakan secara sampingan akan digalakkan untuk menjadikannya unit-unit yang berasaskan perdagangan. Di Sabah dan Sarawak, oleh kerana tahap pembangunan ternakan yang lembap dan paras bekalan yang masih rendah program-program untuk menggalakkan perusahaan ternakan sebagai punca pendapatan sampingan akan terus dilaksanakan.

Program-program daging dan tenusu akan terus diberi tumpuan. Oleh itu, usaha-usaha mengimport lembu baka baik dan menyediakan perkhidmatan pernian beradas akan diteruskan. Dalam usaha menampung bahan pengeluaran susu segar tempatan yang dijangka bertambah, kemudahan-kemudahan di pusat pengumpulan susu akan diperbesarkan dan kutipan susu diperbaiki dengan menubuhkan pusat-pusat kutipan susu. Bagi ternakan ayam-itik, sebuah unit bagi mengawas, mengawal dan menggalakkan pembangunan industri ini akan ditubuhkan oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan.

Usaha memelihara ternakan, terutamanya kambing biri-biri di estet-estet dan di kebun-kebun kecil akan digalakkan untuk menggunakan tanah ke tahap maksimum. Di samping itu sistem penternakan dalam kandang akan digalakkan sebagai satu cara memelihara ternakan yang memakan rumput dengan menggunakan bahan-bahan sampingan pertanian seperti hampas isirong palma dan mendapan minyak kelapa sawit. Seluas 3,500 hektar lagi padang ragut dan padang rumput akan dimajukan untuk menambah bahan-bahan makanan haiwan.

Penekanan akan diberikan kepada kawalan pencemaran dalam pembinaan rumah-rumah sembelih dan pembangunan industri ternakan babi. Sebanyak 28 lagi rumah sembelih akan didirikan. Pembangunan perusahaan ternakan babi akan ditumpukan di kawasan-kawasan khas yang akan diwartakan oleh kerajaan-kerajaan negeri. Kemudahan kerantina dan pengesanan penyakit akan dipertingkatkan dan diperluaskan, terutamanya bagi Penternakan mengekalkan taraf bebas daripada penyakit kuku dan mulut di Sabah dan Sarawak.

## Perikanan

Di Semenanjung Malaysia, Jabatan Perikanan dan LKIM dengan bantuan agensi-agensi sokongan yang lain akan melaksanakan program penempatan semula nelayan, memandangkan sumber-sumber perikanan yang semakin merosot dan terdapatnya bilangan nelayan yang berlebihan, dianggarkan seramai 30,000 orang. Program ini melibatkan penempatan semula bilangan nelayan yang berlebihan secara berperingkat-peringkat ke rancangan-rancangan FELDA, estet-estet serta kegiatan-kegiatan pertanian dan bukan pertanian yang lain. Program penempatan ini akan dilaksanakan setelah mereka menjalani latihan yang sesuai. Nelayan-nelayan yang tidak terlibat dengan program ini akan dilatih dan digalakkan untuk menceburi bidang perikanan moden serta

kegiatan-kegiatan lain yang berkaitan seperti pemrosesan, pembungkusan dan pemasaran melalui pemberian kredit dan khidmat-khidmat sokongan yang lain.

Penangkapan ikan secara kumpulan yang melibatkan usahasama di antara persatuan-persatuan nelayan, syarikat-syarikat swasta dan nelayan-nelayan persendirian akan digalakkan. Kemudahan-kemudahan infrastruktur akan terus dipertingkatkan, terutamanya di Sabah dan Sarawak. Bagi memastikan keselamatan nelayan tempatan yang semakin bertambah dalam bidang perikanan laut dalam, beberapa buah bot penguatkuasaan tambahan akan digunakan untuk meronda kawasan ZEE.

Pemuliharaan sumber-sumber perikanan di taman-taman laut akan dilaksanakan di beberapa kawasan seperti di Pulau Babi dan Pulau Rawa di Johor, Pulau Paya di Kedah serta Pulau Redang, Pulau Kapas dan Pulau Tengah di Terengganu. Kawasan seluas 10,340 hektar akan dimajukan untuk ternakair. Program ini termasuk ternakan tiram, kerang, udang serta ikan air payau dan air tawar. Galakan akan diberi untuk pembangunan ternakair menerusi penglibatan sektor swasta dengan menggunakan sistem OUT-GROWER.

#### Perhutanan

Selaras dengan Dasar Perhutanan Negara, program-program pemulihan dan penghutanan semula yang lebih giat akan dilaksanakan. Tumpuan akan diberi kepada program-program rawatan silvikultur dan ladang hutan kompensatori. Di Semenanjung Malaysia, seluas kira-kira 397,000 hektar kawasan hutan akan dipulihkan di bawah program rawatan silvikultur. Program ladang hutan kompensatori akan memajukan seluas 74,000 hektar ladang hutan di tanah-tanah hutan yang telah diusahakan kegiatan pembalakkannya. Program ini bertujuan meningkatkan produktiviti tanah hutan tersebut dengan menanam jenis pokok cepat membesar dan mengeluarkan hasil yang tinggi serta mempunyai berbagai kegunaan seperti ACACIA MANGIUM, GMELINA ARBOREA dan PARASERIANTHES FALCATA. Usaha ini adalah untuk menampung kekurangan yang dijangka dan mengekalkan matlamat tingkat pengeluaran keperluan kayu balak negara yang cukup pada masa hadapan. Di Kedah dan Perlis kira-kira 1,500 hektar ladang hutan akan dimajukan dengan jenis-jenis balak bermutu tinggi seperti TECTONA GRANDIS. Hasil daripada penyelidikan ke atas penanaman, pemrosesan dan penggunaan akhir rotan serta langkah-langkah lain yang telah diambil dalam tempoh RME, kawasan rotan yang ditanam dijangka bertambah.

Di Sabah penanaman ladang-ladang hutan dengan jenis-jenis pokok cepat membesar secara besar-besaran dan berasaskan perdagangan serta program-program penghutanan semula kawasan terbiar yang berselerak akan terus dijalankan. Kira-kira 15,600 hektar ladang hutan akan diusahakan dan seluas 8,300 hektar kawasan terbiar akan ditanam semula. Di Sarawak, kira-kira 5,850 hektar ladang hutan akan diusahakan di bawah projek penghutanan semula. Khidmat sokongan

LATIHAN DAN PENGEMBANGAN. Orientasi dan kandungan kursus di berbagai jurusan serta peringkat latihan akan diubahsuai bagi memenuhi keperluan tenaga manusia yang diperlukan oleh sektor pertanian. Latihan formal di peringkat ijazah dan diploma akan diubahsuai untuk memberi lebih perhatian kepada perniagaantani serta aspek-aspek gunaan dan keusahawanan. Program-program latihan dan khidmat pengembangan yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan seperti LPP, FAMA, Jabatan Pertanian, FELDA, FELCRA, dan RISDA akan diubahsuai untuk memberi kemahiran di bidang perdagangan dan pengurusan kewangan kepada petani-petani supaya mereka berfikir secara perdagangan, berdikari dan bersedia menerima teknologi dan pengurusan baru. Tumpuan akan diberi kearah mengwujudkan keusahawanan dan kebolehan mengurus di kalangan petani-petani yang sedia ada serta petani-petani masa hadapan. Kakitangan pengembangan akan diberi latihan atau dilatih semula bagi melaksanakan tugas baru ini. LPP dijangka melatih seramai 169,400 petani di bidang pengurusan ladang, kepimpinan dan aspek-aspek pertanian yang lain.

Program FAMA di bidang latihan dan pengembangan akan ditumpukan kepada pemprosesan koko, teknologi selepas tuaian dan pemasaran. Program ini bertujuan menggalakkan pengeluaran bahan yang mempunyai pasaran serta penglibatan petani-petani yang lebih dalam kegiatan-kegiatan pemasaran dan pemprosesan. Seramai 50,000 petani dijangka mendapat faedah daripada program ini.

Jabatan Perkhidmatan Haiwan dijangka melatih seramai 8,600 petani dalam bidang penternakan am, pengurusan tenusu dan ternakan ayam itik. Di samping itu, seramai 5,040 kakitangan jabatan tersebut akan diberi latihan dalam perkhidmatan dan kursus-kursus khas dalam berbagai bidang penternakan. Kursus-kursus akan ditumpukan kepada penubuhan unit-unit pertanian yang bercorak perdagangan dan peningkatan kecekapan pengeluaran.

#### Khidmat sokongan

Kira-kira 245,500 petani akan menerima latihan di bidang pengurusan ladang serta teknik-teknik perladangan di pusat-pusat latihan Jabatan Pertanian. Sistem 2L akan terus memberi tumpuan kepada pengumpulan petani-petani yang menjalankan kegiatan yang sama untuk memudahkan penyampaian khidmat sokongan kepada mereka secara bersepadu dan membentuk sikap berdikari serta berfikir secara perdagangan. Memandangkan kepada penekanan yang lebih kepada perladangan berkelompok dan perladangan cara estet, latihan dan khidmat pengembangan oleh Jabatan Pertanian, RISDA dan FELCRA, akan diubahsuai untuk memudahkan pelaksanaan pembangunan ini termasuk pemindahan teknologi bertaraf tinggi.

Jabatan Perikanan akan menyelaras program latihan dan pengembangannya untuk memudahkan pemindahan nelayan yang berlebihan kepada kegiatan-kegiatan ekonomi yang lain serta untuk mengatasi masalah sumber perikanan yang semakin berkurangan. Oleh yang demikian, latihan akan terus ditumpukan kepada ternakair dan perikanan laut

dalam. Di samping itu, latihan dalam kegiatan pertanian yang lain serta industri-industri luar bandar akan dijalankan dengan kerjasama agensi-agensi lain yang berkaitan.

Jabatan Perhutanan akan terus mengendalikan kursus-kursus pengurusan hutan bagi kakitangannya serta kakitangan sektor swasta. Kursus-kursus ini termasuk inventori hutan, pengendalian dan penyenggaraan peralatan berat serta pembalakan. Kira-kira 1,000 peserta akan mendapat latihan dalam tempoh RML.

**KREDIT DAN SUBSIDI.** Sebahagian besar subsidi akan ditukarkan kepada skim kredit, kecuali bagi tanaman-tanaman seperti padi, sagu dan lada hitam. BPM akan menjadi agensi tunggal yang bertanggungjawab menyalurkan kredit kepada sektor kecil pekebun kecil, bagi semua kegiatan di bawah bidang kuasa Kementerian Pertanian. Kredit berjumlah \$1,700 juta akan disalurkan melalui BPM kepada petani dan nelayan.

Di sektor kecil perikanan, Skim Kredit Khas Nelayan (SKKN) akan diperkenalkan bersama-sama dengan pelaksanaan program penempatan semula nelayan. Di bawah skim kredit ini, nelayan-nelayan yang akan dipindahkan daripada industri perikanan akan diberi kemudahan kredit untuk membolehkan mereka menerokai bidang-bidang baru. Skim Kemudahan Kewangan akan diteruskan untuk membolehkan nelayan membeli dan memodenkan bot-bot mereka.

**PEMROSESAN DAN PEMASARAN.** FAMA akan terus menyediakan maklumat mengenai permintaan keluaran pertanian serta mencari pasaran-pasaran baru untuk membantu petani-petani menentukan jenis tanaman dan seterusnya membolehkan petani mendapat pulangan yang menguntungkan dan harga yang stabil. Penyertaan petani-petani secara langsung dalam pemasaran akan digalakkan melalui penambahan pasar-pasar tani dan penubuhan pusat-pusat lelong. Kemudahan-kemudahan bagi memproses dan menggred koko, kopi, sayur-sayuran dan buah-buahan akan terus dipertingkatkan. Dalam tempoh RML, sebanyak empat lagi pusat memproses dan menggred koko akan dibina di Kota Kinabalu, Kuching, Pasir Gudang dan Tawau.

MARDEC akan meningkatkan taraf beberapa buah kilangnya untuk memproses getah pekebun-pekebun kecil kepada gred getah yang lebih baik yang ditentukan untuk eksport. FELDA dan RISDA akan terus memproses dan memasarkan getah dan minyak kelapa sawit yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil, di bawah program-program FELDA dan RISDA. LPN akan menambah kemudahan-kemudahan mengering dan mengilang dan menyimpan padi melalui pembinaan 10 kompleks bersepadu yang baru dan sembilan buah gudang simpanan.

**PENYELIDIKAN.** Penyelidikan yang sedang dijalankan oleh MARDI, PORIM, RRIM, FRIM dan agensi-agensi penyelidikan lain akan diselaraskan untuk menyokong pelaksanaan strategi-strategi dan program-program pembangunan RML. MARDI akan meneruskan penyelidikan terhadap padi, buah-buahan, sayur-sayuran, ternakan dan tanaman-tanaman lain yang kurang penting. Satu pendekatan seimbang yang meliputi rangkaian

pengeluaran pemasaran dan penggunaan bagi tiap-tiap tanaman atau perusahaan, akan dilaksanakan oleh MARDI bersama-sama dengan sistem perladangan yang berorientasikan kepada pembangunan dan pemindahan teknologi. Penyelidikan penggunaan akhir serta teknologi selepas tuaian, termasuk pemprosesan, penyimpanan dan pengangkutan akan dipergiatkan. Memandangkan penekanan diberi kepada pengeluaran makanan, penyelidikan teknologi makanan akan juga diberi perhatian yang lebih. Teknologi yang diperolehi akan lebih ditujukan kepada unit-unit pengeluaran yang wujud daripada usaha perladangan berkelompok, perladangan cara estet dan pemandaran luar bandar.

PORIM akan terus menjalankan penyelidikan ke atas pengeluaran, pemerahan, pemprosesan, penyimpanan, pengangkutan, pemasaran dan penggunaan akhir minyak kelapa sawit, keluaran-keluaran, dan keluaran-keluaran sampingannya. Kegiatan-kegiatan penyelidikan dan pembangunan akan ditujukan ke arah mengekal dan memperbaiki kekuatan daya bersaing minyak kelapa sawit di bidang tekno-ekonomi. Penyelidikan ke atas teknik-teknik tisu didik untuk mengeluarkan baka kelapa sawit secara besar-besaran akan terus dipertingkatkan dengan membesarkan makmal tisu didiknya. Untuk mengurangkan masalah kekurangan buruh, terutama di sektor kecil estet, kajian-kajian penyelidikan kejuruteraan ladang terhadap penggunaan jentera dalam pemungutan dan pengangkutan buah kelapa sawit di ladang-ladang akan dipergiatkan. Penyelidikan untuk memperluaskan penggunaan akhir minyak kelapa sawit dan keluaran-keluarannya terhadap makanan dan bukan makanan serta aspek-aspek kegunaan minyak kelapa sawit dalam bidang perubatan akan dijalankan. Penggunaan bahan sampingan seperti batang, pelepah, tandan dan sisa kilang akan terus diselidik dan dipergunakan.

RRIM akan terus menjalankan penyelidikan mengenai semua aspek penanaman getah dan pengeluaran susu getah serta pengwujudan getah jenis baru untuk menggalakkan penggunaan dalam penggunaan akhir yang baru di samping menyediakan khidmat nasihat kepada industri getah. Simpanan germplasma di pusat percubaan Sungai Buluh, Selangor akan dipertingkatkan untuk mengeluarkan benih getah baru yang mempunyai produktiviti tinggi dan ciri-ciri lain yang diperlukan. Pendekatan ini akan membolehkan getah asli terus bersaing dalam pasaran bahan getah. Memandangkan masalah kekurangan buruh yang semakin bertambah, penyelidikan akan dipergiat untuk memajukan sistem-sistem perangsangan, penorehan dan pengumpulan yang lebih baik serta alat-alat torehan dan pengumpulan yang baru. Tumpuan juga akan diberi kepada mengwujudkan cara-cara pemprosesan yang optimum, memajukan getah asli kepada bentuk yang diubahsuai dan lebih baik serta menjamin mutu eksport getah asli.

Dalam tempoh RML, FRIM akan memberi lebih tumpuan kepada penyelidikan mengenai pengurusan hutan bukit dan amalan-amalan silvikultur yang sesuai. Penyelidikan akan juga ditumpukan kepada penilaian sepenuhnya keatas ciri-ciri yang berhubung dengan pertumbuhan dan keperluan jenis-jenis pokok yang sesuai untuk penanaman ladang hutan. Penyelidikan mengenai kegunaan dan peningkatan teknologi kayu getah akan juga dijalankan bagi menambah kecekapan pemprosesan.



Kegiatan-kegiatan penyelidikan dalam bidang pengesanan penyakit dan pengeluaran vaksin akan terus dijalankan di Institut Penyelidikan Haiwan, Ipoh. Di samping itu, penyelidikan dibidang nilai-nilai pemakanan makanan ternakan akan diperluaskan. Penyelidikan yang lebih giat dan teratur mengenai pembangunan haiwan dan padang rumput akan dijalankan di Sabah dan Sarawak.

Jabatan Perikanan akan menumpukan penyelidikannya mengenai perikanan laut dalam, khususnya untuk menilai sumber-sumber yang mempunyai kemungkinan untuk dimajukan di ZEE. Untuk tujuan ini, sebuah kapal penyelidik akan digunakan untuk membantu penyelidikan yang akan dijalankan bersama oleh juruperunding-juruperunding tempatan dan luar negeri. Pusat Penyelidikan Pengeluaran Udang Kebangsaan yang telah ditubuhkan di Pulau Sayak, Kedah pada tahun 1985, akan memperluaskan kegiatan penyelidikan bagi meningkatkan pengeluaran anak-anak udang dan ikan.

#### Pembangunan Sosial Dan Institusi

Pembangunan sosial dan institusi akan menjadi asas pembangunan pertanian dan luar bandar. Program pembangunan ini akan memainkan peranan utama dalam mengagihkan sumber-sumber secara produktif dan menyusun sistem-sistem pengeluaran, pemprosesan dan pemasaran di samping mengubah sikap petani. Pembangunan sumber manusia dan penyertaan yang meningkat oleh penduduk-penduduk luar bandar di dalam pembangunan pertanian dan luar bandar akan diberi penekanan.

Sistem penyampaian dan penerimaan khidmat sokongan serta pembangunan institusi luar bandar akan disesuaikan semula dan diselaraskan. Pendekatan masa kini dalam melibat dan menyatukan petani-petani melalui koperasi, pusat-pusat kemajuan peladang dan nelayan serta JKKK akan lebih diselaras bagi menyokong dan mengukuhkan di antara satu sama lain. Program ini akan lebih memenuhi keperluan petani-petani muda yang sedia ada serta juga bakal-bakal petani. JKKK akan terus diperkukuhkan melalui penyusunan semula keahlian dan fungsinya memandangkan ianya mempunyai keupayaan menyediakan saluran perhubungan yang berkesan, dalam konteks strategi pemandaran luar bandar.

Lembaga Koko Malaysia akan memulakan kegiatannya dalam tempoh RML. Lembaga ini dijangka memberi satu tumpuan secara menyeluruh dan menyediakan satu pendekatan yang lebih selaras dalam penyelidikan dan kemajuan koko serta penggalakan pemprosesan dan pasaran. Lembaga ini juga dijangka menjalankan pendaftaran dan pelesenan untuk mewujudkan pembangunan industri koko secara lebih teratur.

## **VI. PERUNTUKAN**

Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan dalam tempoh 1981-85 dan peruntukan dalam tempoh 1986-90 untuk sektor pertanian dan pembangunan luar bandar adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 10-5.

## **VII. PENUTUP**

Memandangkan sektor pertanian akan terus memainkan peranan penting dan keadaan ekonomi yang tidak seimbang di antara kawasan-kawasan bandar dan luar bandar, usaha-usaha akan terus ditujukan kepada pembangunan pertanian dan luar bandar dalam tempoh RML, terutamanya kepada meningkatkan taraf hidup di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, had penglibatan Kerajaan akan diselaraskan sesuai dengan perubahan-perubahan struktur yang akan dilaksanakan dan perubahan-perubahan ini akan dipandu oleh perancangan sektor dan analisa dasar secara menyeluruh yang lebih baik. Pertumbuhan ekonomi dalam pertanian akan lebih bergantung kepada daya usaha sektor swasta dan perusahaan perseorangan, terutamanya dalam penyelidikan dan pembangunan serta pemasaran dan untuk tujuan ini, dasar-dasar yang sesuai akan disediakan.

## **BAB 11 : PEMBUATAN**

### **I. PENDAHULUAN**

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME), sektor pembuatan yang menyumbangkan satu perlima daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 1985 memainkan peranan yang sederhana bagi mencapai matlamat-matlamat ekonomi makro iaitu pertumbuhan keluaran, matlamat serampang dua mata Dasar Ekonomi Baru (DEB), perwujudan pekerjaan dan pembangunan wilayah. Dalam tempoh ini, sektor pembuatan telah mencapai pertumbuhan sebanyak 4.9 peratus setahun. Kadar pertumbuhan ini adalah lebih rendah daripada matlamat RME iaitu 6 peratus disebabkan terutamanya oleh kemelesetan ekonomi dunia dan kelemahan struktur yang sememangnya terdapat dalam sektor ini. Kemelesetan ekonomi dunia telah secara amnya memberi kesan kepada prestasi sektor pembuatan dari segi pencapaian matlamat keluaran, gunatenaga dan eksport. Sektor pembuatan yang telah mengatasi sektor pertanian pada tahun 1984 untuk menjadi sektor yang terbesar dalam ekonomi, tidak dapat mengekalkan kedudukan tersebut pada tahun 1985 disebabkan oleh prestasi yang lemah bagi eksport barang pembuatan dan kemerosotan permintaan tempatan untuk barang pembuatan.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), 1986-90, sektor pembuatan dijangka menyumbang sebahagian besar pertumbuhan ekonomi negara terutamanya melalui penyertaan yang meluas dan pesat oleh sektor swasta dalam industri-industri pembuatan dan penekanan semula pembangunan industri-industri untuk eksport yang mempunyai potensi untuk menjadi cekap dan dinamik. Dalam tempoh ini, peranan sektor pembuatan dijangka menjadi lebih mencabar memandangkan terdapatnya kesulitan-kesulitan untuk menembusi pasaran asing yang mempunyai perlindungan yang tinggi, pertumbuhan ekonomi dunia yang tidak pasti dan batasan-batasan struktur sektor ini yang memerlukan pengubahsuaian.

Bagi menghadapi masa hadapan yang penuh dengan cabaran, keutamaan akan diberi untuk menyediakan suasana yang sesuai bagi membolehkan sektor ini terus berkembang. Usaha-usaha akan ditumpukan bagi menggalakkan sektor pembuatan yang cekap, mempunyai daya bersaing yang tinggi, dan bercorak eksport, meningkatkan keupayaan rantai ekonomi dan kesan-kesan pengganda dalam dan antara sektor, memperkukuhkan sistem kewangan dan pemasaran bagi menggalakkan eksport serta mempergiatkan pembangunan teknologi. Sehubungan dengan usaha-usaha ini, segala penemuan dan perakuan yang dikemukakan oleh Pelan Induk Perindustrian dan Kajian Dasar Perindustrian Malaysia akan menjadi teras perkembangan sektor ini seterusnya. Dalam tempoh RML, sektor swasta dijangka memainkan peranan utama untuk meningkatkan pertumbuhan sektor pembuatan.

## II. KEMAJUAN, 1981-85

Dalam tempoh RME, kadar dan arah pertumbuhan sektor pembuatan telah ditentukan oleh gabungan beberapa faktor, terutamanya prestasi ekonomi dunia dan negara serta strategi-strategi perindustrian yang sedia ada. Sektor pembuatan berupaya mengekalkan kadar pertumbuhan yang memuaskan, sungguhpun ekonomi dunia mengalami kemelesetan dalam dua tahun pertama tempoh RME dan usaha-usaha penyusunan semula struktur ekonomi negara telah mengakibatkan pengurangan permintaan serta terdapatnya batasan pertumbuhan sektor ini disebabkan pasaran dalam negeri yang terhad. Sektor ini mencapai pertumbuhan pesat apabila ekonomi dunia beransur pulih pada tahun-tahun 1983-1984, tetapi pertumbuhan ini tidak dapat dikekalkan pada tahun 1985.

Pertumbuhan yang dicapai oleh sektor pembuatan adalah memuaskan tetapi arah pertumbuhan ini tidak menghasilkan pencapaian pada paras optimum. Pertumbuhan yang tidak seimbang sektor ini dapat digambarkan melalui beberapa ciri. Satu daripada ciri-ciri ini ialah punca utama pertumbuhan sektor terus bergantung kepada industri elektronik di Kawasan Perdagangan Bebas menerusi syarikat-syarikat antarabangsa, sementara industri-industri berasaskan sumber berkembang dengan perlahan. Satu lagi ciri sektor ini ialah industri berat berintensif modal termasuk industri-industri kimia, petroleum, bukan logam dan logam asas menyediakan pelaburan terbesar sektor pembuatan jika dibandingkan dengan industri berasaskan sumber yang berintensif buruh. Sebahagian besar daripada jumlah pelaburan asing terus ditumpukan kepada industri-industri petroleum dan elektronik. Perbezaan paras pembangunan perindustrian di antara wilayah di negara ini masih kekal pada tahap yang sama. Strategi-strategi perindustrian yang dilaksanakan telah menghasilkan kejayaan yang berbeza-beza dari segi pertumbuhan dan pengagihan dalam sektor ini.

Pertumbuhan pesat yang dicapai oleh sektor pembuatan dalam tahun-tahun permulaan RME tidak dapat dikekalkan dalam tahun 1985 disebabkan merosotnya eksport-eksport seperti tekstil, jentera dan barang keluaran getah. Pertumbuhan sektor tersebut telah meningkat daripada 4.6 peratus pada tahun 1980 kepada 11.6 peratus pada tahun 1984. Walau bagaimanapun, pada tahun 1985, pengeluaran sektor pembuatan merosot sebanyak 3.0 peratus. Sektor ini menyumbang 18.7 peratus kepada pertumbuhan KDNK dalam tempoh RME. Bahagian sektor tersebut di dalam KDNK walau bagaimanapun berkurang sedikit daripada 20.0 peratus pada tahun 1980 kepada 19.1 peratus pada tahun 1985.

### Struktur keluaran

Satu daripada tujuan penting yang terkandung di dalam strategi utama dalam tempoh RME ialah untuk mengubah corak kegiatan pembuatan dan juga tumpuan pasaran keluaran pembuatan. Untuk mencapai matlamat ini, strategi-strategi telah dibentuk

untuk memajukan kegiatan pembuatan untuk eksport, industri berasaskan sumber dan barang-barang gantian import terpilih peringkat kedua serta menubuhkan industri berat tertentu yang akan mewujudkan rangkaian ekonomi dan memperluaskan asas perindustrian. Pada masa yang sama, kegiatan-kegiatan untuk memajukan perusahaan kecil juga dijalankan. Walaupun semua strategi-strategi ini dilaksanakan dengan gigih dalam tempoh RME, pencapaiannya adalah berbeza-beza. Perlaksanaan strategi-strategi yang bertujuan mempelbagaikan eksport dan memperluaskan pasaran eksport telah terbatas disebabkan oleh pertumbuhan ekonomi yang perlahan dalam tempoh RME. Industri berasaskan sumber tidak dapat berkembang pesat disebabkan oleh kemelesetan ekonomi dan pasaran luar yang semakin sukar ditembusi. Sungguhpun strategi-strategi untuk menubuhkan industri berat terpilih dan pengeluaran barang-barang gantian import tertentu telah mencapai kejayaan, struktur perindustrian keseluruhannya tidak berubah dengan banyaknya dalam tempoh tersebut.

Sumbangan industri-industri utama dalam pertumbuhan pengeluaran perindustrian dan kandungan corak keluaran adalah Pertumbuhan keluaran sektor pembuatan seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-1. Angka tunjuk pengeluaran perindustrian adalah diperolehi daripada Banci Bulanan Industri-industri Pembuatan. Memandangkan tahun asas bagi angka tunjuk kadar pengeluaran purata tahunan barang-barang pembuatan telah diubah dari tahun 1978 ke tahun 1981, prestasi antara RME dan Rancangan Malaysia Ketiga tidak boleh dibandingkan. Penggerak utama kepada pertumbuhan pengeluaran, adalah industri-industri berkaitan dengan jentera elektrik, minyak dan lemak, penapisan petroleum, besi dan keluli serta barang logam dibentuk. Kadar pertumbuhan industri-industri di sektor-sektor kecil barang-barang makanan yang diproses, minuman dan tembakau, tekstil, barang-barang kayu dan barang-barang logam bukan besi telah berkurang dalam tempoh RME. Selain daripada sektor kecil tekstil yang terjejas oleh kemelesetan ekonomi dunia, sektor-sektor kecil lain, terutama industri-industri gantian import, mengalami kadar pertumbuhan yang rendah disebabkan oleh pasaran dalam negeri yang tidak mampu berkembang.

Prestasi industri berasaskan sumber adalah lemah disebabkan keadaan permintaan yang lembab dalam dan luar negeri, perlindungan yang semakin ketat di pasaran antarabangsa dan persaingan daripada pengeluar lain yang dapat mengeluarkan barang dengan kos yang lebih rendah. Industri-industri berasaskan sumber seperti makanan yang diproses, kayu gergaji dan barang kayu dan barang galian bukan logam tidak berkembang kecuali keluaran minyak dan lemak, barang-barang berasaskan petroleum dan barang-barang logam bukan besi. Industri-industri berasaskan bukan sumber, terutamanya sektor kecil barang jentera elektrik dan elektronik serta barang-barang besi, merupakan penggerak utama kepada pertumbuhan sektor pembuatan.

Strategi-strategi yang bertujuan untuk mengembangkan asas perindustrian menerusi perkembangan barang-barang perantaraan dan modal telah dilaksanakan melalui penubuhan industri-industri berat terpilih. Dalam tempoh RME, Perbadanan Perusahaan-perusahaan Berat (HICOM) telah menubuhkan beberapa projek seperti kilang simen di

Kedah, loji billet (keluli) di Terengganu, dua projek pengeluaran enjin kecil, dan projek kereta Malaysia. Sebuah kilang simen telah juga ditubuhkan di Perak oleh Perbadanan Ekonomi Negeri Perak. Di samping itu, loji methanol dan kilang besi berongga telah dibina di Sabah, sementara loji-loji gas asli cecair dan kilang baja telah didirikan di Sarawak. Memandangkan kilang-kilang ini baru sahaja didirikan, keluarannya belum dapat memberi sumbangan penting kepada keseluruhan pertumbuhan keluaran sektor pembuatan dalam tempoh RME.

Pembangunan perindustrian dalam tempoh RME, adalah berpandu kepada strategi pertumbuhan yang lebih banyak berasaskan eksport. Walaupun terdapat berbagai galakan ekport, sektor ini masih lagi tertumpu kepada pengeluaran untuk pasaran dalam negeri. Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh galakan yang lebih menarik kepada kegiatan-kegiatan industri gantian import. Di samping itu, prestasi eksport keseluruhannya adalah lemah disebabkan terutamanya oleh kemelesetan ekonomi dunia dan batasan struktur dalam negeri. Kadar pertumbuhan purata tahunan eksport barang-barang pembuatan ialah 14.3 peratus dalam tempoh 1981-85 iaitu lebih rendah daripada matlamat RME iaitu sebanyak 19.1 peratus. Eksport telah meningkat dari 0.9 peratus pada tahun 1981 kepada 28.0 peratus pada tahun 1983 dan 1984, tetapi berkurang pada tahun 1985.

Prestasi eksport sektor pembuatan dalam tempoh RME, adalah seperti ditunjukkan dalam Carta 11-1. Asas eksport barang-barang pembuatan terhad kepada barang-barang tertentu. Barang-barang petroleum, alat-alat jentera dan elektrik terus menyumbangkan hampir separuh daripada nilai eksport keseluruhan dalam tempoh ini, manakala sumbangan eksport industri berasaskan sumber adalah tidak begitu penting. Eksport sektor-sektor kecil barang kayu, makanan, minuman dan tembakau terus berkurang dalam tempoh RME.

Dari segi kadar pertumbuhan purata eksport barang pembuatan, sektor kecil barang petroleum berkembang dengan pesat pada kadar 40.9 peratus, kimia dan barang kimia 27.1 peratus, barang galian bukan logam 17.2 peratus, serta jentera dan alat-alat elektrik 17.0 peratus. Peningkatan dalam eksport barang petroleum memberi sumbangan besar kepada pertambahan keseluruhan eksport.

Eksport barang-barang tekstil, pakaian dan kasut mengalami kemerosotan pada awal tempoh RME disebabkan oleh kemelesetan ekonomi, kuota perdagangan yang ketat serta persaingan hebat daripada pengeluar-pengeluar lain. Walau bagaimanapun sektor-sektor kecil ini telah dapat menambah sumbangan masing-masing kepada pertumbuhan eksport pembuatan dalam tempoh 1983-85. Eksport barang-barang berasaskan sumber, terus berkurang dalam tempoh RME disebabkan oleh kemerosotan permintaan luar dan meningkatnya sekatan perdagangan dari negara-negara maju serta persaingan hebat dari negara-negara yang dapat mengeluarkan barang dengan kos yang rendah.

## Pelaburan sektor pembuatan

Dalam tempoh RME, jumlah permohonan bagi pelaburan modal yang dicadangkan telah bertambah. Sejumlah 2,930 projek dengan cadangan pelaburan modal bernilai \$21,729.3 juta telah diluluskan daripada 3,335 permohonan yang dikemukakan kepada Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-2. Data tersebut menunjukkan bilangan kelulusan permohonan telah meningkat dalam tempoh RME kecuali pada tahun 1985. Pelaburan modal yang dicadangkan telah meningkat daripada \$4,448.4 juta pada tahun 1981 kepada \$5,434.8 juta pada tahun 1982 dan telah berkurang kepada \$3,801.1 juta pada tahun 1984. Pada tahun 1985, walaupun jumlah kelulusan permohonan telah berkurang, pelaburan modal yang dicadangkan meningkat kepada \$5,686.9 juta.

Pelaburan modal yang dicadangkan oleh sektor kecil kimia dan barang kimia merupakan bahagian terbesar dalam jumlah modal yang dicadangkan dalam tempoh RME, walaupun dari segi jumlah kelulusan, sektor kecil ini hanya merupakan 17.1 peratus. Projek-projek dalam sektor kecil ini pada keseluruhannya adalah projek-projek utama dan melibatkan sejumlah besar perbelanjaan di bawah pelaburan yang dicadangkan. Projek ASEAN Ammonia-Urea di Bintulu dan Projek methanol di Sabah merupakan dua projek utama yang dilaksanakan dalam tempoh ini. Sektor kecil industri barang bukan logam merupakan 15.8 peratus daripada jumlah pelaburan modal yang dicadangkan. Keadaan ini terutamanya disebabkan oleh pelaksanaan beberapa projek besar seperti projek simen Kedah dan Projek Simen Perak Hanjoong.

Dalam tempoh RME, kira-kira 36.4 peratus daripada projek-projek yang diluluskan telah mendapat galakan pelaburan, seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-3. Projek-projek ini merupakan 71.9 peratus daripada jumlah pelaburan modal yang dicadangkan berbanding dengan 28.1 peratus yang disumbangkan oleh projek-projek yang tidak menerima sebarang galakan cukai. Keadaan ini menunjukkan bahawa projek-projek yang diberi galakan merupakan projek-projek besar dari segi saiz dan melibatkan jumlah pelaburan modal yang lebih tinggi. Jenis-jenis galakan yang termasuk Kredit Cukai Pelaburan, Galakan Tempat Kedudukan dan Taraf Perintis merupakan 71.8 peratus daripada pelaburan modal yang dicadangkan.

Dalam tempoh 1981-85, modal dibayar dari luar negeri bagi projek-projek yang diluluskan berjumlah \$1,891.5 juta. Pelabur-pelabur utama terdiri daripada negara Jepun yang melabur sebanyak \$392.8 juta, United Kingdom \$201.7 juta dan Australia \$138.7 juta, seperti dalam Jadual 11-4. Modal dibayar dari luar negeri secara keseluruhannya telah berkurang dalam tempoh RME disebabkan terutamanya oleh kemelesetan ekonomi dunia, ketidakpastian pasaran eksport dan sumber kewangan antarabangsa yang terhad.

Pada akhir tahun 1985, sistem bank pada keseluruhannya mengeluarkan 15.5 peratus daripada kreditnya kepada sektor pembuatan. Jumlah pinjaman yang dikeluarkan pada akhir bulan Disember 1984, oleh bank-bank, syarikat-syarikat kewangan dan institusi

kewangan pembangunan perindustrian kepada sektor pembuatan adalah berjumlah \$10,017 juta seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-5. Sumbangan daripada bank-bank dan syarikat kewangan merupakan 92.4 peratus daripada jumlah pinjaman. Pinjaman oleh institusi-institusi kewangan meningkat pada kadar purata 14.8 peratus yang berubah-ubah dari tahun ke tahun antara 4.6 peratus kepada 30.0 peratus.

### Penyebaran industri

Langkah-langkah terus diambil untuk menyebarkan industri ke negeri-negeri kurang maju bagi mencapai pembangunan yang lebih seimbang antara wilayah menerusi penubuhan kawasan perindustrian. Seluas 8,744.1 hektar tanah telah dimajukan sebagai kawasan perindustrian sehingga akhir bulan Jun 1985, berbanding dengan 6,500 hektar sehingga tahun 1980, iaitu merupakan peningkatan sebanyak 28.0 peratus. Dalam tempoh ini, separuh daripada 21 kawasan perindustrian baru yang dimajukan, terletak di negeri Kedah, Kelantan, Pahang, Perlis, Sabah, Sarawak dan Terengganu. Negeri-negeri ini menikmati pengecualian cukai di bawah Skim Galakan Tempat Kedudukan. Dari segi taraf pendapatan negeri-negeri di mana kawasan perindustrian ini ditempatkan, empat daripadanya terletak di negeri-negeri berpendapatan tinggi, 15 di negeri-negeri berpendapatan sederhana dan dua di negeri-negeri berpendapatan rendah. Dalam tempoh RME, 2 kawasan perindustrian di Sabah dan satu di Kedah tidak dapat lagi memainkan peranan sebagai kawasan perindustrian.

Negeri-negeri berpendapatan tinggi dan sederhana terus menerima sebahagian besar projek-projek yang mempunyai potensi berdaya maju. Dalam tempoh 1981-85, sebanyak 642 projek diluluskan di Selangor dan 144 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Projek-projek ini dijangka mewujudkan sebanyak 43,500 peluang pekerjaan di Selangor dan 6,260 di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Jumlah kelulusan projek ini merupakan 37.8 peratus daripada pelaburan modal yang dicadangkan dalam tempoh tersebut. Negeri-negeri berpendapatan rendah iaitu Kedah dan Kelantan mendapat 195 projek dan dijangka menyediakan 20,600 peluang pekerjaan dan melibatkan pelaburan modal yang dicadangkan sebanyak \$1,427 juta apabila dilaksanakan. Dari segi pembahagian projek mengikut jenis industri dan wilayah, kawasan-kawasan kurang maju terus menjadi tumpuan projek-projek berasaskan sumber seperti kayu dan barang kayu serta barang petroleum disebabkan oleh kedudukan yang berhampiran dengan sumber bahan-bahan mentah dan berupaya mendapatkan bahan-bahan tersebut.

Selaras dengan langkah-langkah yang diambil, bagi menyebarkan industri ke negeri-negeri kurang maju, usaha terus dijalankan untuk mempergiatkan semula dan menggalakkan industri kampung bagi mengeluarkan barang-barang kraftangan tradisional daripada bahan-bahan semulajadi tempatan dengan menggunakan teknologi mudah dan kemahiran tradisional. Industri kampung ini dapat menambahkan pendapatan isi rumah luar bandar. Berbagai program telah dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan bagi memajukan industri ini dalam tempoh RME. Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia telah memberi bantuan kepada 289 usahawan kraftangan dan 35



kampung di Kelantan, Pahang, Perak, Sabah, Sarawak dan Terengganu. Seramai 521 orang telah menerima latihan asas kemahiran kraftangan sementara 434 lagi menerima latihan jangka pendek dalam bidang kraftangan seperti membuat batik, menenun, menganyam rotan, menukang kayu serta membuat barang tembikar. Bantuan teknik dan perkhidmatan sokongan telah juga diberikan oleh agensi-agensi seperti Jabatan Kemajuan Masyarakat, Batek Malaysia Berhad, Pemasaran Karyaneka Sendirian Berhad, Majlis Amanah Rakyat dan Bahagian Industri Kampung, Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

#### Penyertaan Bumiputera

Dalam tempoh 1981-85, penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan dari segi pekerjaan, hakmilik, dan keusahawanan telah menunjukkan kemajuan yang memuaskan walaupun ekonomi berkembang dengan perlahan. Jumlah pekerjaan yang diisi oleh Bumiputera daripada jumlah pekerjaan sektor pembuatan, meningkat daripada 40.1 peratus pada tahun 1980 kepada 41.6 peratus pada tahun 1985 dengan sebahagian besarnya tertumpu kepada industri-industri elektronik, kayu, makanan dan tekstil. Projek-projek yang diusahakan oleh Bumiputera merupakan 27.5 peratus daripada jumlah projek yang telah diluluskan. Sebahagian besar pelaburan modal Bumiputera dalam 627 projek yang diluluskan dalam tempoh ini adalah ditumpukan kepada sektor-sektor kecil peralatan pengangkutan, barang bukan logam serta kayu dan barang kayu. Projek-projek sektor kecil peralatan pengangkutan merupakan 17.7 peratus, barang bukan logam 16.3 peratus, serta kayu dan barang kayu 6.7 peratus daripada jumlah modal dibayar yang dicadangkan sebanyak \$1,753.2 juta.

Dalam tempoh RME, program-program untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan terus dilaksanakan, terutamanya menerusi agensi-agensi amanah. Program-program ini diperluaskan dan dilaksanakan dengan pesatnya dalam tempoh dua tahun pertama RME. Walau bagaimanapun, dalam tempoh 1983-85, kemajuan pelaksanaan program penyertaan Bumiputera berkembang dengan perlahan disebabkan oleh batasan-batasan kewangan Kerajaan dan dasar untuk mengubahsuai dan mengawal pertumbuhan sektor awam. Pelaburan Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) dalam sektor pembuatan berjumlah \$1,435.4 juta pada bulan Jun, 1985. Sebahagian besar daripada pelaburan-pelaburan ini merupakan kegiatan usahasama dalam industri-industri perkapalan, minyak kelapa sawit, simen dan kejuruteraan ringan.

Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS) telah melabur sejumlah \$1,059.7 juta pada akhir tahun 1984. Tumpuan utama pelaburan ini adalah dalam industri-industri perhotelan dan pembangunan harta, perladangan, pembuatan, perkapalan dan bank. Pelaburan PERNAS dalam sektor pembuatan berjumlah \$187.2 juta atau 18.0 peratus daripada jumlah pelaburannya. Sebahagian besar daripada \$187.2 juta ini dilaburkan dalam sektor-sektor kecil barang elektronik dan bahan binaan.

Dalam tempoh 1981-85, pelaburan MARA dalam kegiatan pembuatan berjumlah \$18.0 juta. Sebahagian besar daripada jumlah pelaburan ini adalah menerusi Syarikat Pengurusan Kumpulan MARA dan lapan anak syarikatnya. Pelaburan ini ditumpukan terutamanya dalam sektor-sektor kecil industri makanan, tekstil dan kulit.

Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), yang juga merupakan agensi amanah penting telah meluluskan sebanyak \$199.3 juta pinjaman kepada sektor pembuatan untuk faedah Bumiputera dalam tempoh RME. Sebanyak 528 pinjaman untuk perusahaan kecil telah diluluskan kepada Bumiputera bagi membiayai berbagai kegiatan untuk menggalakkan penyertaan mereka dalam sektor ini. Program-program ini telah memberi faedah kepada seramai 539 usahawan Bumiputera. Di samping itu, BPMB menjalankan skim-skim khusus untuk melatih usahawan Bumiputera. Satu rancangan khas latihan usahawan untuk Bumiputera dalam perkhidmatan awam telah dimulakan oleh Kerajaan dalam tahun 1982. Di bawah program ini, seramai 147 Bumiputera telah dilatih pada tahun 1983 dan seramai 176 Bumiputera pada tahun 1984. Seramai 36 peserta telah meninggalkan perkhidmatan awam pada tahun 1984 untuk memulakan perniagaan setelah tamat mengikuti program latihan berbanding dengan 33 peserta pada tahun 1983.

Dalam tempoh 1981-84, Perbadanan Jaminan Kredit (CGC) telah menjamin pinjaman berjumlah \$18.7 juta kepada pelabur-pelabur Bumiputera. Jumlah ini merupakan 40.0 peratus daripada jumlah pinjaman yang dijamin di bawah skim jaminan am (GGS) untuk pelabur Bumiputera dan Bukan Bumiputera. Di samping itu, daripada jumlah \$1,507.1 juta di bawah Skim Pinjaman Khas (SLS) yang diluluskan untuk jaminan CGC, sebanyak \$356.2 juta atau 23.6 peratus diluluskan kepada pelabur-pelabur Bumiputera. Sebahagian besar pinjaman yang dijamin oleh Perbadanan ini adalah untuk pembinaan serta kegiatan-kegiatan berkaitan makanan dan berasaskan kayu. Dalam tempoh 1981-84, sebanyak \$167.3 juta pinjaman diluluskan oleh Syarikat MIDF kepada Bumiputera dan merupakan 28.9 peratus daripada jumlah pinjamannya bagi sektor pembuatan.

## Pekerjaan

Dalam tempoh 1981-85, sektor pembuatan telah memberikan sumbangan yang sederhana kepada usaha mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Sektor pembuatan mewujudkan sebanyak 72,900 peluang pekerjaan baru atau 11.2 peratus daripada jumlah pekerjaan baru dalam tempoh ini. Kadar pertumbuhan purata gunatenaga sektor ini ialah 1.9 peratus setahun dalam tempoh RME. Gunatenaga dalam sektor-sektor kecil pembuatan terpilih menunjukkan perubahan di dalam keluaran sektor-sektor kecil ini. Gunatenaga di dalam industri-industri tekstil, kasut kulit, barang getah, makanan dan minuman, jentera elektrik dan barang kayu, menunjukkan arah aliran yang menurun, sementara industri penapisan petroleum, barang plastik, barang logam asas, pengangkutan dan barang bukan logam yang lain mencatatkan gunatenaga yang bertambah dalam sektor pembuatan.

### III. PROSPEK, 1986-90

Prospek bagi pertumbuhan sektor pembuatan dalam tempoh 1986-90, perlu dilihat dari segi prestasi ekonomi yang dijangkakan untuk negara-negara perindustrian dan langkah-langkah perlindungan yang semakin meningkat. Faktor-faktor lain yang lebih penting ialah setakat mana pengubahsuaian semula struktur dalam industri dilaksanakan dan corak pengubahsuaian tersebut serta sejauh mana sektor swasta memberi sambutan terhadap usaha-usaha Kerajaan untuk mempercepatkan pertumbuhan sektor ini.

Memandangkan perlunya kelemahan ciri-ciri struktur dikenalpasti dan diatasi dan dasar-dasar dan strategi-strategi perindustrian yang sedia ada dikaji semula, Kerajaan telah melancarkan dua kajian utama pada tahun 1983, iaitu Kajian Dasar Perindustrian Malaysia dan Pelan Induk Perindustrian. Kajian Dasar Perindustrian Malaysia dilaksanakan untuk menjadi asas bagi usaha-usaha menyemak dan mengubahsuaikan dasar-dasar perindustrian negara yang sedia ada. Galakan-galakan pelaburan dan dasar-dasar peningkatan eksport telah dinilai secara terperinci untuk menambah keberkesanannya. Kajian ini terutamanya telah mengemaskini anggaran-anggaran kadar perlindungan berkesan untuk pengeluaran gantian import yang ada supaya dapat menjadi asas bagi menyemak dan mengubahsuaikan dasar-dasar perlindungan tarif. Sebaliknya, Pelan Induk Perindustrian bertujuan menyediakan matlamat pembangunan perindustrian secara am dan rangka dasar strategi pembangunan serta mengenalpasti strategi sektor-sektor kecil yang mempunyai potensi untuk berkembang.

Kajian-kajian tersebut menekankan keperluan mengubah teras dan arah strategi dan dasar yang sedia ada, dan merumus semula, menyatu dan mengambil langkah-langkah dan galakan-galakan perindustrian bagi mempercepatkan pertumbuhan di dalam sektor pembuatan. Kajian-kajian ini menyediakan pendekatan dan penekanan baru serta galakan-galakan yang lebih berkesan untuk mencapai matlamat meningkatkan produktiviti kecekapan, dan pertumbuhan perindustrian.

Tempoh 1986-90 akan memberi tumpuan kepada usaha-usaha pengubahsuaian dan perubahan struktur sektor pembuatan. Untuk tujuan ini, strategi-strategi akan disusun untuk mempercepatkan pertumbuhan di dalam industri-industri terpilih sejajar dengan sumber-sumber yang sedia ada dan faedah berbanding negara. Memandangkan pasaran tempatan adalah terhad, pertumbuhan keluaran sektor pembuatan untuk eksport akan terus menjadi penting. RML akan menyediakan asas bagi mewujudkan sektor pembuatan bercorak eksport yang bersepadu.

Sejajar dengan penekanan semasa bagi mempergiatkan pertumbuhan sektor pembuatan, sistem galakan terutamanya tarif, akan dirumus semula untuk mewujudkan suasana yang lebih terbuka yang dapat meningkatkan persaingan, dan dayausaha keusahawanan bagi memudahkan berlakunya perubahan yang diperlukan. Untuk meningkatkan lagi usaha-usaha perindustrian dan untuk meningkatkan kesan

penggandaan ke tahap maksimum, perhatian akan ditumpukan kepada langkah-langkah memperluaskan rangkaian ekonomi yang sedia ada dan mewujudkan yang baru, mempergiatkan pertalian antara dan dalam sektor ekonomi serta memudahkan pemindahan teknologi. Melalui usaha-usaha ini, sektor pembuatan dijangka menjadi lebih khusus, berupaya mengembangkan eksport secara gigih dan dapat menggalakkan persaingan dan meningkatkan lagi kecekapan. Mengekalkan kadar pertumbuhan sektor pembuatan

Sektor pembuatan dijangka mempunyai potensi untuk menggunakan sumber-sumber yang terhad secara lebih cekap bagi meningkatkan kemampuan pengeluaran dan mewujudkan kekayaan negara. Sektor pembuatan dijangka berkembang pada kadar 6.4 peratus setahun dalam tempoh RML iaitu lebih tinggi sedikit daripada kadar yang dicapai dalam tempoh RME sebanyak 4.9 peratus. Walau bagaimanapun, kadar pertumbuhan sektor ini perlu ditinjau dari segi permintaan luar yang tidak pasti, perlindungan yang semakin meningkat dan pengubahsuaian struktur yang diperlukan dalam sektor ini. Sektor pembuatan akan terus menjadi sektor penting untuk mewujudkan peluang-peluang yang diperlukan bagi mencapai matlamat-matlamat DEB.

#### Mengekalkan Kadar Pertumbuhan Sektor Pembuatan

Dengan kadar perkembangan sederhana yang dijangka, sumbangan sektor pembuatan kepada pertumbuhan keseluruhan KDNK akan meningkat daripada 19.6 peratus pada tahun 1986 kepada 29.0 peratus pada tahun 1990. Sektor pembuatan akan mengekal dan mengukuhkan kedudukannya sebagai sektor terbesar dalam ekonomi dengan bahagiannya dalam KDNK bertambah daripada 19.1 peratus pada tahun 1985 kepada 20.2 peratus menjelang tahun 1990. Pertumbuhan sektor ini dijangka berpunca daripada industri tempatan dan industri untuk eksport.

Dalam tempoh RML, pencapaian kadar pertumbuhan sektor pembuatan akan bergantung terutamanya kepada beberapa faktor. Faktor pertama ialah perkembangan pelaburan swasta pada kadar yang lebih tinggi, keupayaan mendapatkan teknologi dan langkah-langkah memperkenalkan perubahan besar yang diperlukan untuk mengubah struktur sektor pembuatan kepada perindustrian yang mempunyai asas yang lebih luas. Peranan sektor swasta dalam pelaburan sektor pembuatan akan menjadi lebih penting apabila Kerajaan mengurangkan peranan dan penyertaannya secara berperingkat-peringkat dalam sektor ini.

Faktor kedua yang diperlukan untuk mencapai matlamat pertumbuhan sektor ini ialah pertumbuhan eksport yang pesat. Pertumbuhan pesat eksport barang-barang pembuatan adalah diperlukan untuk melengkap permintaan dalam negeri melalui penggunaan sumber terhad secara cekap untuk menghasilkan pendapatan dan mewujudkan peluang pekerjaan. Perkembangan ekonomi dunia yang dijangka perlahan pada awal tempoh RML akan mula meningkat pada akhir tempoh ini. Perkembangan ini

akan memberi petanda baik kepada eksport barang-barang pembuatan dalam tempoh RML.

Dalam tempoh RML, usaha-usaha utama akan ditujukan ke arah memperbaiki potensi pertumbuhan sektor ini. Arah pertumbuhan secara kasar bagi berbagai sektor kecil, telah pun digariskan dalam Pelan Induk Perindustrian. Seajar dengan usaha-usaha untuk mencapai corak keluaran yang optimum dan mempercepatkan perkembangan eksport bagi mencapai pertumbuhan yang lebih pesat, Kerajaan akan memberi sokongan kepada pembangunan industri-industri berasaskan sumber yang mempunyai faedah berbanding, menggalakkan secara terpilih industri-industri berat yang strategik, meningkatkan pembangunan perusahaan kecil dan melaksanakan usaha untuk memoden dan mengemas industri-industri yang sedia ada supaya sumber-sumber dalam sektor ini diperuntukkan secara optimum.

Perkembangan keluaran yang dijangka, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 11-6, akan mewujudkan perubahan besar dalam corak keluaran sektor pembuatan. Pengeluaran barang-barang pengguna, seperti barang makanan yang diproses, minyak dan lemak, minuman dan tembakau serta tekstil dan pakaian akan terus berkembang pesat seajar dengan meningkatnya pendapatan bolehguna perseorangan dan terdapatnya peluang-peluang yang lebih untuk mengeluarkan barang-barang gantian import yang seterusnya. Pengeluaran barang-barang perantaraan dan pelaburan akan menjadi lebih penting dalam tempoh RML. Keutamaan akan diberi kepada industri-industri ini, yang dijangka mewujudkan peluang yang lebih bagi perkembangan industri tempatan, pembangunan teknologi dan kemahiran serta penyatuan struktur perindustrian sektor ini.

Keluaran barang-barang perantaraan yang berkaitan dengan barang kimia, barang getah, barang bukan logam, besi dan keluli serta barang bukan besi dijangka meningkat pada kadar yang lebih tinggi. Begitu juga barang pelaburan yang berpunca daripada sektor-sektor kecil perindustrian elektrik dan jentera termasuklah sektor kecil kelengkapan pengangkutan. Sumber utama pertumbuhan bagi barang-barang pembuatan dijangka berpunca daripada kegiatan-kegiatan gantian import sementara galakan bagi perkembangan yang pesat berpunca daripada pertumbuhan industri-industri untuk eksport yang berasaskan sumber.

Industri pembuatan berasaskan sumber masih mempunyai potensi yang tinggi dari segi pertumbuhan pengeluaran,imbangan perdagangan dan rangkaian ekonomi. Industri ini akan menggalakkan pembangunan kegiatan-kegiatan selepas pengeluaran dan dengan itu memperkukuhkan lagi rangkaian antara sektor pembuatan dan sektor-sektor ekonomi lain, terutamanya pertanian, bagi faedah bersama. Faedah-faedah utama yang dijangka diperolehi daripada perkembangan pesat industri-industri berasaskan sumber termasuklah peningkatan nilai ditambah dalam sektor pembuatan berikutan daripada perkembangan kegiatan selepas pengeluaran, perwujudan lebih banyak peluang pekerjaan hasil daripada kegiatan-kegiatan tersebut serta penjimatan tukaran asing. Dari segi sumbangan keseluruhan sektor-sektor kecil kepada pertumbuhan sektor

pembuatan, industri-industri berasaskan sumber seperti pemprosesan getah, barang-barang galian bukan logam telah dikenalpasti untuk memainkan peranan yang penting seperti ditunjukkan di dalam Jadual 11-6.

Sektor yang akan menjadi bertambah penting dalam tempoh RML ialah barang galian bukan logam. Sektor kecil ini dijangka berkembang pada kadar purata sebanyak 9.0 peratus setahun selaras dengan perkembangan sektor pembinaan yang merupakan pengguna utama keluaran sektor kecil ini iaitu bahan binaan. Sektor kecil ini bergantung kepada pasaran dalam negeri, sungguhpun terdapat prospek untuk eksport pada masa hadapan. Pertumbuhan akan berpunca daripada kumpulan-kumpulan kecil utama seperti jubin seramik, marmar dan keluaran marmar, barang-barang kaca, simen dan konkrit yang dibentuk, bata simen dan blok konkrit berongga serta tepung batu kapur atau kalsium karbonat bermutu tinggi.

Satu lagi sektor kecil yang dijangka memberi sumbangan penting dalam tempoh RML ialah pemprosesan getah yang dijangka akan mencatatkan kadar purata pertumbuhan pengeluaran tahunan sebanyak 8.0 peratus. Usaha-usaha akan ditumpukan bagi menggalakkan penggunaan getah asli yang lebih banyak di dalam negeri untuk meningkatkan nilai ditambah dan tukaran asing serta menambah lagi potensi eksport industri getah. Satu Pasukan Petugas Perindustrian Getah telah Mengubahsuai dan memperkembangkan asas struktur sektor pembuatanditubuhkan untuk tujuan ini. Beberapa industri terpilih dalam sektor kecil ini seperti tayar dan tiub getah akan digalakkan dalam tempoh RML untuk menjadikan negara ini pengeksport utama di dunia. Industri-industri ini mempunyai potensi pasaran dalam negeri dan eksport, nilai ditambah yang tinggi, rangkaian ekonomi, dan kemampuan teknologi yang sememangnya ada. Barang-barang pembuatan, seperti tayar kereta penumpang radial berlapis keluli, tayar trak radial berlapis tekstil dan berlapis keluli, tayar celup, komponen-komponen automatif serta beberapa barang daripada getah cair dan kasut, akan diberi keutamaan dalam tempoh RML dan dijangka dapat memberi sumbangan kepada pertumbuhan sektor kecil ini.

Industri-industri terpilih yang berasaskan bukan sumber akan terus menjadi punca-punca pertumbuhan yang penting dalam tempoh RML memandangkan industri-industri ini akan mewujudkan rangkaian ekonomi dan menjadi penggerak kepada proses perindustrian. Empat industri-industri asas yang akan memperluaskan asas perindustrian telah dikenalpasti oleh Pelan Induk Perindustrian dan industri-industri tersebut ialah industri logam, kejuruteraan, kimia dan pemprosesan kimia serta elektronik. Industri-industri ini dijangka berkembang pada kadar yang tinggi iaitu di antara 7.0 dan 12.0 peratus.

Pada masa lepas, sektor awam telah memainkan peranan penting untuk mewujudkan dan mempercepatkan pertumbuhan di dalam industri-industri berat yang strategik. Penekanan ini adalah oleh kerana industri-industri berkenaan berpotensi untuk memberi sumbangan kepada usaha menggalakkan kegiatan dalam negeri, menyediakan gunatenaga mahir dan teknologi moden, menjimatkan tukaran asing dan mengurangkan

penggantungan yang berlebihan kepada input-input yang diimport serta mewujudkan rantaian-rantaian ekonomi yang lebih luas. Walau bagaimanapun, kebanyakan projek-projek ini mempunyai tempoh pulangan hasil yang lewat dan mempunyai risiko perniagaan yang tinggi. Oleh itu adalah penting sektor swasta diberi galakan untuk meningkatkan penyertaannya di dalam usaha memajukan lagi industri-industri berat, memandangkan sektor awam sedang dalam usaha untuk menyemak dan mengubahsuai peranan dan penglibatannya dalam perindustrian.

Dari segi pertumbuhan purata pengeluaran, sektor kecil barang logam asas dijangka menjadi sektor terpenting bagi industri bukan berasaskan sumber dan akan berkembang pada kadar 12.0 peratus dalam tempoh 1986-90. Pertumbuhan untuk sektor kecil ini akan berpunca daripada permintaan yang dijangka bertambah bagi barang-barang besi dan keluli selaras dengan kadar perindustrian yang semakin meningkat. Pelan Induk Perindustrian telah membuat jangkaan bahawa permintaan dalam negeri bagi barang-barang besi pipih dan panjang adalah paling kukuh dalam pasaran. Menjelang 1990, sektor kecil ini dijangka dapat mengeluarkan barang-barang ini secukupnya untuk memenuhi pasaran dalam negeri bagi dawai, besi keluli, keluli kecil dan keratan.

Sektor kecil barang-barang logam dibentuk yang dijangka berkembang sebanyak 9.0 peratus setahun dalam tempoh RML, akan menyediakan asas yang kukuh dan berkesan kepada kegiatan yang berasaskan kejenteraan dan kejuruteraan dalam tempoh sepuluh tahun akan datang bagi menyokong industri-industri lain. Penekanan akan diberi ke atas penggunaan teknologi keluaran berbanding dengan teknologi pengeluaran yang telah banyak digunakan dalam kegiatan-kegiatan pada masa lepas. Dari segi strategi keluaran, sektor ini akan menumpukan usaha ke atas pengeluaran injap pam, motor, enjin, pemampat, kotak gear, alat penekan dan alat gelas, bahan-bahan pencelup, alat-alat dan acuan-acuan.

Satu lagi industri bukan berasaskan sumber yang dijangka berkembang pada kadar sebanyak 9.0 peratus setahun ialah sektor kecil peralatan pengangkutan. Sektor kecil ini merupakan satu daripada sektor kecil di dalam sektor pembuatan yang dijangka paling dinamik dan pesat berkembang di dalam tempoh RML. Industri ini yang masih tertumpu kepada industri pemasangan akan dimajukan menjadi kegiatan pengeluaran peralatan pengangkutan. Dalam tempoh RML, pertumbuhan sektor kecil ini akan berpunca terutamanya daripada pengeluaran automobil jenis sederhana, motosikal dan pembinaan kapal-kapal pesisir pantai, bot nelayan dan kerja-kerja membaiki kapal. Sektor kecil peralatan pengangkutan menjadi penting kerana potensinya mewujudkan kesan rantaian dengan sektor-sektor kecil yang lain. Industri-industri berkaitan seperti keluli, logam bukan besi, bahan kimia, elektronik, barang kaca dan tekstil dijangka berkembang selaras dengan pertumbuhan sektor kecil ini.

Satu lagi sektor kecil yang akan digalakkan ialah industri kimia dan pemrosesan yang meliputi berbagai keluaran kimia, iaitu bahan-bahan bukan organan, baja, petrokimia, plastik dan resin, sabun dan bahan pencuci, ubat-ubatan, racun serangga dan keluaran-

keluaran lain. Sektor kecil ini dijangka berkembang pada kadar 7.0 peratus setahun dalam tempoh 1986-90 dan pengeluarannya akan hanya ditumpukan untuk memenuhi penggunaan dalam negeri disebabkan terutamanya oleh kekurangan kemampuan teknologi tempatan, persaingan hebat dari negara maju dan risiko yang tinggi dalam kegiatan-kegiatan sedemikian. Barang-barang utama yang akan diberi galakan dalam tempoh RML adalah projek-projek polietilina, polipropilina, vinilklorida, vinilasetat dan metanol yang melibatkan pemprosesan bahan petro kimia menjadi barang perantaraan.

Dalam tempoh RML, sektor kecil jentera elektrik akan terus memberi sumbangan penting kepada pertumbuhan, walaupun permintaan masakini bagi semikonduktor mengalami kemerosotan. Sungguhpun barang-barang elektronik tertentu sedang menghadapi permintaan yang lembab di pasaran utama antarabangsa, industri elektronik di negara ini dijangka terus berdaya maju memandangkan negara akan menceburi bidang industri elektronik berteknologi tinggi. Di samping itu, terdapat juga pasaran tempatan yang meningkat untuk barang-barang elektronik pengguna, barang-barang elektronik perindustrian terpilih dan komponen-komponen bukan semikonduktor. Dalam tempoh RML, usaha akan ditumpukan untuk meningkatkan bahagian barang-barang ini dalam jumlah keluaran barang-barang elektronik.

Selain daripada menggalakkan perkembangan barang-barang elektronik pengguna, barang-barang elektronik perindustrian terpilih dan komponen bukan semikonduktor, usaha akan juga ditumpukan bagi memperkukuhkan rantaian-rantaian kehadapan dan kebelakang di dalam industri dan memperkukuhkan keupayaan pembekal-pembekal bahan dan komponen supaya kos pengeluaran dan kualiti adalah setanding dengan barang-barang import. Usaha ini melibatkan teknik pengeluaran baru dan peningkatan keupayaan pengeluaran dalam pembuatan bahan dan komponen bagi industri pemasangan semikonduktor. Dalam tempoh RML, teras utama strategi sektor kecil ini ialah menggalakkan pertumbuhannya, menggunakan sepenuhnya rantaian-rantaian ekonomi yang sedia ada dan baru untuk meningkatkan nilai ditambah ke tahap maksima serta memilih dan menggalakkan berbagai keluaran yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi.

#### Mengubah corak pasaran

Sejajar dengan strategi pertumbuhan keluaran yang lebih berasaskan eksport, langkah-langkah dasar akan terus ditumpukan kepada dasar perindustrian yang lebih terbuka menerusi perkembangan eksport barang-barang pembuatan. Untuk memastikan perkembangan eksport dan penggunaan sepenuhnya faedah berbanding dan ekonomi bidangan, galakan-galakan yang seimbang akan diberi kepada kegiatan-kegiatan gantian import dan kegiatan eksport. Selain daripada usaha memperbaiki galakan-galakan untuk meningkatkan eksport, Kerajaan akan memastikan kemudahan-kemudahan kewangan dan perlindungan insuran eksport disediakan secukupnya.



Usaha untuk menembusi pasaran merupakan faktor utama dalam strategi perkembangan eksport. Di samping menghadapi dasar-dasar perlindungan perdagangan yang ketat yang diamalkan oleh negara-negara perindustrian, negara ini juga kurang mempunyai kemampuan pemasaran. Kerajaan akan menggalakkan lebih banyak usahasama yang menggunakan teknologi luar negeri dan sumber tempatan. Usahasama-usahasama ini akan diadakan dengan perbadanan-perbadanan antarabangsa yang telahpun mempunyai perhubungan pasaran yang luas di peringkat antarabangsa. Usahasama ini dijangka akan membantu negara dalam usaha memasarkan barang-barang pembuatan dan menyediakan peluang-peluang untuk mendapatkan teknologi serta faedah daripada penyelidikan dan pembangunan.

Satu lagi langkah bagi menggalakkan pertumbuhan eksport ialah memastikan terdapatnya pembiayaan untuk eksport serta wujudnya skim insurans kredit eksport yang berkesan. Skim Kredit Pembiayaan Semula Eksport (ECR) yang sedia ada telah dikaji semula. Pada masa yang sama, usaha sedang dijalankan untuk mengkaji semula skim insurans kredit eksport. Skim ECR sedang dirombak untuk membolehkan semakin ramai pengeksport dan pengeluar menggunakan kemudahan tersebut bagi menambah bilangan jenis barang yang boleh dieksport, memanjang tempoh pembiayaan semula serta mengadakan cara pembayaran baru yang lebih berkesan. Matlamat akhir skim ini ialah membolehkan pembiayaan yang mencukupi untuk eksport, termasuk pembiayaan di peringkat pengeluaran dan juga memastikan terdapatnya barang-barang untuk dieksport.

#### Mengubah Corak Pasaran

Kerajaan telah juga melonggarkan garis panduan modal saham dalam usaha untuk menarik modal saham asing kepada industri untuk eksport. Dengan kelonggaran ini, pelabur-pelabur asing boleh memegang sebahagian besar daripada jumlah pelaburan, bergantung kepada bahagian keluaran yang akan dieksport dan faktor-faktor lain seperti tahap teknologi, potensi mewujudkan rantaian ekonomi, nilai pelaburan, penempatan kilang, sumber-sumber tempatan yang digunakan dan nilai ditambah.

Hasil daripada penekanan ke atas usaha untuk memperbaiki produktiviti, kecekapan dan daya bersaing eksport, eksport barang-barang pembuatan dijangka mencapai kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 7.3 peratus dalam tempoh RML. Walaupun kadar pertumbuhan ini adalah lebih rendah daripada kadar yang dicapai dalam tempoh RME, bahagian eksport barang-barang pembuatan dalam jumlah pendapatan eksport dijangka meningkat daripada 32.1 peratus pada tahun 1985 kepada 41.1 peratus menjelang tahun 1990. Sektor-sektor kecil barang-barang petroleum, kimia, dan elektronik merupakan punca utama pertumbuhan eksport dalam tempoh RML.

Eksport industri-industri berasaskan sumber seperti barang-barang kayu dan getah dijangka menunjukkan prestasi yang baik. Kumpulan-kumpulan barang kayu yang dijangka memberi sumbangan utama kepada eksport termasuk acuan, keluaran kayu-

kayu untuk disambung dan perabut. Kumpulan-kumpulan ini menyumbangkan nilai ditambah yang paling tinggi dalam sektor kecil barang kayu, dan juga mempunyai potensi pertumbuhan yang paling pesat. Pertumbuhan eksport barang getah sebahagian besarnya berpunca daripada keluaran getah cair, kasut dan selipar, tayar dan keluaran berkaitan dengan tayar, serta keluaran getah lain.

Walaupun sumbangan sektor kecil kejenteraan kepada pasaran dunia adalah kecil, pengalaman yang diperolehi pada masa lepas dalam usaha memenuhi keperluan perkhidmatan sektor-sektor pengusahaan sumber dan pemprosesan telah membolehkan sektor kecil ini bersaing dalam pengeluaran dan eksport peralatan melombong bijih timah, jentera-jentera memproses getah dan minyak kelapa sawit serta jentera pertukangan kayu. Peningkatan eksport sektor kecil barang-barang kimia sebahagian besarnya akan berpunca daripada kumpulan barang baja. Dalam tempoh RML, jumlah eksport daripada sektor-sektor kecil barang galian bukan logam, peralatan pengangkutan, logam besi, barang elektrik dan logam bukan besi adalah dijangka kecil.

Dalam tempoh RML, pertumbuhan eksport dijangka bergantung kepada beberapa faktor utama selain daripada daya bersaing eksport negara, pengubahsuaian sistem galakan dan tarif serta strategi pemasaran. Pertumbuhan ekonomi yang dijangka bagi negara-negara maju dan amalan dasar-dasar perdagangan yang semakin ketat boleh membawa kesan buruk ke atas langkah-langkah untuk mengembangkan eksport. Suasana ekonomi antarabangsa pada separuh masa kedua tahun-tahun lapan puluhan masih belum pasti dan ancaman untuk meningkat perlindungan perdagangan oleh negara-negara maju akan meningkat sekiranya kemelesetan ekonomi terus berpanjangan. Dengan demikian, prestasi eksport barang pembuatan akan bergantung terutamanya kepada pertumbuhan permintaan luar dan peluang menembusi pasaran yang telah sedia kukuh bagi keluaran-keluaran negara.

#### Memperbaiki sistem galakan

Sistem galakan yang telah memberi sumbangan penting kepada perkembangan pesat industri di negara ini pada masa lepas sedang dikaji semula. Keseluruhan sistem galakan telah tidak dapat menghasilkan kegiatan-kegiatan untuk eksport pada paras yang dijangkakan dan ianya lebih memberi faedah kepada kegiatan gantian import.

Selain daripada perubahan-perubahan yang baru diperkenalkan, galakan-galakan lain sedang giat dipertimbangkan memandangkan terdapatnya kelemahan dalam sistem yang sedia ada, terutamanya oleh kerana sistem ini lebih cenderung mengalakkan kegiatan gantian import serta pelaburan yang berintensif modal. Galakan-galakan baru ini akan berkuatkuasa dalam tempoh RML bukan sahaja untuk mengatasi masalah yang telah dikenalpasti tetapi juga untuk mempergiatkan semula sektor pembuatan. Sistem galakan baru ini, yang meliputi galakan berkaitan dengan perdagangan, galakan pelaburan dan galakan-galakan lain, akan membolehkan pengusaha-pengusaha sektor

pembuatan mempunyai daya bersaing dan semangat keusahawanan, serta kemampuan mengumpul kemahiran dan teknologi.

Dalam tempoh RML, pelaksanaan galakan yang berkaitan dengan perdagangan akan membolehkan pengeksport-pengeksport untuk menikmati faedah galakan-galakan tersebut secara automatik. Pengurangan kadar perlindungan akan juga membolehkan sumber-sumber diperuntukkan secara lebih cekap, dan langkah ini dijangka menggerakkan keseluruhan pertumbuhan sektor ini khususnya eksport.

Sistem baru galakan pelaburan akan menggalakkan pelaburan swasta dalam industri-industri yang mempunyai faedah berbanding masakini atau pada masa akan datang. Lebih banyak lagi sumber-sumber akan ditumpukan kepada industri-industri untuk eksport, industri berasaskan sumber dan industri berat terpilih yang strategik.

Matlamat-matlamat pelaburan bagi mencapai pertumbuhan yang dirancang untuk sektor pembuatan dalam tempoh RML, adalah sangat mencabar. Bagi menggalakkan pembangunan perindustrian, pelabur-pelabur swasta mempunyai peranan penting memandangkan penyertaan Kerajaan dalam sektor ini adalah terhad oleh kekurangan sumber kewangan. Galakan pelaburan dijangka meningkatkan pelaburan dalam industri berasaskan sumber iaitu pemprosesan getah serta makanan yang diproses dan industri-industri berasaskan bukan sumber yang tertentu iaitu, barang kejeteraan elektrik, barang logam asas, peralatan pengangkutan, kejeteraan bukan elektrik dan barang logam dibentuk. Selain daripada pelonggaran garis panduan modal saham, Tabung Pelaburan Baru yang baru diumumkan akan membolehkan pelabur-pelabur mendapat sumber pinjaman dengan kadar faedah yang lebih rendah untuk projek-projek pertanian, pembuatan dan pelancongan. Kadar sewaan elektrik, perkhidmatan telefon serta teleks antarabangsa dan perkhidmatan telekom yang lain telah dikurangkan untuk membantu pengeluaran-pengeluaran mengurangkan kos pengeluaran. Langkah-langkah ini adalah untuk membantu pelabur-pelabur menghadapi kesan buruk akibat daripada kemelesetan ekonomi dunia.

Dalam tempoh RML, Kerajaan juga sedang giat mempertimbangkan galakan-galakan lain untuk melengkapi galakan perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Galakan-galakan ini akan memesatkan pertumbuhan perusahaan kecil yang perlu bagi mengeratkan rantaian antara sektor eksport dan dalam negeri serta menyediakan peluang-peluang pekerjaan dan latihan. Di samping galakan-galakan untuk meningkatkan pertumbuhan perusahaan kecil, Kerajaan juga dijangka melaksanakan galakan-galakan khusus untuk meningkatkan tahap teknologi perindustrian sama ada menerusi pengubahsuaian teknologi asing atau pembangunan teknologi tempatan. Galakan-galakan yang sedang dipertimbangan akan menyediakan suasana yang menarik bagi menggalakkan firma-firma swasta meningkatkan perbelanjaan untuk memperbaiki teknologi mereka.

Cabaran untuk mengambil peluang daripada potensi pelaburan ini adalah bergantung kepada usahawan swasta yang sanggup menganggung risiko bagi mendapatkan

peluang-peluang menembusi dan seterusnya bersaing dalam pasaran antarabangsa. Usahawan swasta juga perlu menumpukan usaha untuk mencapai tahap kecekapan, rekabentuk, keluaran dan pembaharuan yang lebih tinggi. Usaha-usaha ini akan membolehkan negara ini menjadi pemasar antarabangsa barang-barang pembuatan terpilih. Prospek sektor pembuatan dalam tempoh RML, akan bergantung terutamanya kepada sambutan usahawan swasta kepada peluang-peluang pertumbuhan yang disediakan oleh Kerajaan.

### Penyebaran Industri

Kesan yang kurang daripada strategi-strategi penyebaran industri memerlukan satu pendekatan yang berlainan untuk menentukan penempatan industri dalam tempoh RML. Teras utama untuk penyebaran industri akan berpandukan kepada faktor-faktor pasaran dan kecekapan. Jenis-jenis industri dan corak pasaran akan menumpukan di mana industri-industri tertentu akan ditempatkan. Industri untuk eksport yang menggunakan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi serta bahan-bahan import, dijangka ditempatkan di kawasan-kawasan yang menikmati faedah pemusatan kegiatan ekonomi. Penubuhan industri-industri gantian import dan yang senang bertukar tempat akan digalakkan di pekan-pekan kecil supaya kawasan antara pusat-pusat pertumbuhan bandar akan dimajukan pada masa hadapan. Industri-industri berat dijangka ditempatkan di kawasan-kawasan yang mudah memperolehi input dan berhampiran dengan pelabuhan jika pengeluaran industrinya adalah untuk dieksport.

Industri kampung akan terus diberi galakan di dalam tempoh RML terutamanya memandangkan masa hadapan yang sukar yang dijangka membawa kesan ke atas kehidupan isi rumah luar bandar yang kebanyakannya bergantung kepada hasil pertanian. Kegiatan kraftangan yang tersusun akan terus dimajukan lagi melalui program-program seperti pembangunan usahawan kraftangan, pembangunan kraf, latihan kemahiran dan latihan pengurusan.

### Menambah penyertaan Bumiputera

Dalam tempoh RML, prospek untuk meningkatkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan perlu dilihat dari segi sumber kewangan Kerajaan. Di samping agensi-agensi amanah dan lain-lain perbadanan awam lain terus melaksanakan program-program untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan, teras utama penglibatan agensi-agensi ini dalam pembangunan sektor pembuatan adalah untuk menggalakkan usaha berdikari, dan pergantungan yang lebih kepada sumber-sumber kewangan sendiri. Satu lagi perubahan penekanan yang penting dalam tempoh RML ialah peranan utama yang akan diberikan kepada usahawan-usahawan Bumiputera swasta. Tanggungjawab utama untuk mengekalkan kadar pertumbuhan penyertaan Bumiputera dalam sektor pembuatan terserah kepada usahawan Bumiputera swasta. Di samping itu, Kerajaan akan terus memberi sokongan-sokongan yang perlu, seperti latihan pengurusan dan khidmat perunding, terutamanya pembangunan perusahaan

kecil. Usaha-usaha akan ditumpukan untuk menggalakkan usahawan Bumiputera melabur di dalam bidang kegiatan pembuatan yang lebih luas supaya asas kegiatan Bumiputera dalam sektor pembuatan dapat dipelbagaikan. Usaha-usaha ini dijangka dapat meningkatkan penyertaan dan pelaburan Bumiputera dalam sektor pembuatan. Penyertaan Bumiputera dalam industri makanan dan berasaskan kayu juga dijangka dapat dipertingkatkan. Pada masa yang sama, gunatenaga Bumiputera dalam sektor pembuatan dijangka bertambah dengan sedikit daripada 41.7 peratus dalam tahun 1986 kepada 42.3 peratus pada tahun 1990.

#### Pertambahan peluang pekerjaan

Selaras dengan matlamat pertumbuhan pengeluaran dalam tempoh RML, gunatenaga dalam sektor pembuatan dijangka meningkat pada kadar sederhana iaitu 2.6 peratus setahun berbanding dengan 1.9 peratus yang dicapai dalam tempoh RME. Dari segi bahagian jumlah gunatenaga, sektor pembuatan dijangka menyumbang sebanyak 15.4 peratus dalam tahun 1990. Dari segi perwujudan pekerjaan, sektor ini dijangka menyumbang sebanyak 113,100 atau 17.5 peratus daripada jumlah peluang pekerjaan baru yang akan diwujudkan dalam ekonomi.

Sumber-sumber pertumbuhan gunatenaga dalam sektor pembuatan dijangka diwujudkan dalam sektor-sektor kecil pengeluaran makanan, tekstil, barang kayu, barang getah, barang plastik, barang logam asas dan barang elektronik dalam tempoh RML. Kandungan permintaan tenaga buruh adalah dijangka mengalami perubahan besar selaras dengan peningkatan kegiatan perindustrian dan perubahan dalam struktur industri. Proses-proses pengeluaran yang memerlukan tenaga kerja yang lebih mahir akan meningkat. Keperluan ini dijangka menghasilkan permintaan yang lebih banyak untuk tenaga buruh yang berkemahiran tinggi dan berpengalaman.

Produktiviti dalam sektor pembuatan dijangka akan meningkat selaras dengan meningkatnya penggunaan kemahiran berikutan daripada perubahan yang dijangka dalam struktur sektor ini dan penekanan ke atas usahan kegiatan merekabentuk, kejuruteraan serta penyelidikan dan pembangunan. Usaha menggalakkan latihan kemahiran serta penyelidikan dan pembangunan adalah dijangka membolehkan pemindahan teknologi di lakukan dengan cara yang lebih berkesan pada masa hadapan.

#### **IV. PELAN INDUK PERINDUSTRIAN PENYESUAIAN SEMULA STRATEGI PERINDUSTRIAN**

Strategi-strategi sedia ada yang bertujuan membangunkan kegiatan perindustrian akan disesuaikan semula dalam tempoh RML, berasaskan kepada penilaian kemajuan dan strateg-strategi pada masa yang lepas. Penyesuaian semula ini akan dilaksanakan berasaskan penemuan-penemuan dan perakuan-perakuan yang dibuat dalam kajian Dasar Perindustrian Malaysia dan Pelan Induk Perindustrian, yang telah mengenalpasti langkah-langkah yang perlu dilaksanakan bagi meningkatkan sepenuhnya potensi pertumbuhan sektor pembuatan. Langkah-langkah ini perlu memandangkan keadaan yang baik yang terdapat pada amnya pada dekad yang lampau, dijangkatidak berulang dan suasana yang berubah memerlukan pendekatan yang lebih teratur dan selaras bagi menukar arah pembangunan sektor ini daripada asas yang mengutamakan pasaran tempatan kepada asas yang lebih terbuka. Unsur utama dalam strategi baru ini termasuk usaha memperbaiki sistem galakan, memperluaskan eksport, meningkat dan memodenkan industri kecil, menyebarkan industri, memajukan kegiatan penyelidikan dan pembangunan serta memperkukuhkan institusi-institusi yang bertanggungjawab kepada pembangunan sektor pembuatan.

##### **Sistem galakan**

Sistem galakan dijangka akan disesuaikan semula untuk memupuk kecekapan dan daya bersaing yang lebih tinggi supaya sumber-sumber dapat diagihkan secara optimum untuk meningkatkan pertumbuhan sektor ini ke tahap maksimum dalam tempoh RML. Untuk tujuan ini, galakan berkaitan dengan perdagangan, pelaburan dan galakan-galakan lain akan diperbaiki supaya dapat menghasilkan arah pertumbuhan ekonomi yang optima. Galakan berkaitan dengan perdagangan akan disesuaikan semula supaya sumber-sumber ekonomi dapat diagihkan secara lebih cekap kepada industri-industri berasaskan eksport. Selaras dengan penyesuaian semula ini, sistem galakan pelaburan dijangka dapat menggalakkan pelaburan swasta dalam industri-industri yang mempunyai faedah berbanding dan menyumbang kepada perkembangan pengumpulan modal swasta, memandangkan penyertaan Kerajaan yang dijangka berkurang dalam sektor pembuatan. Di samping itu, Kerajaan akan juga mempertimbangkan langkah menyesuaikan semula galakan-galakan lain yang berkaitan dengan industri kecil, kegiatan penyelidikan dan pembangunan, teknologi serta pembangunan tenaga manusia.

##### **Perkembangan eksport**

Dalam usaha menyesuaikan semula strategi untuk menjadikan sektor pembuatan lebih berasaskan eksport, galakan yang sedia ada perlu disusun semula bagi memastikan sumber-sumber diagihkan mengikut faedah berbanding dan mekanisma perlindungan dilaksanakan secara teratur, selaras dengan matlamat perindustrian pada

keseluruhannya. Untuk mempercepat pertumbuhan eksport, perubahan ke atas kandungan keluaran bagi barang pembuatan akan digalakkan. Usaha-usaha ke arah menukar corak barang eksport akan ditentukan oleh faedah berbanding negara dalam tempoh jangka panjang dari segi sumber-sumber alam semulajadi yang terdapat dengan banyaknya.

Usaha-usaha akan ditumpukan kepada tujuan memperbaiki pemasaran barangan eksport, bukan sahaja kepada pasaran eksport tradisional tetapi juga meluaskan pasaran eksport ke negara-negara di blok sosialis Eropah Timur, Timur Tengah, negara perindustrian baru dan negara membangun termasuk Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN). Institusi Kerajaan yang sedia ada seperti Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA), Pusat Dagangan Eksport Malaysia (MEXPO), dan perkhidmatan pesuruhjaya-pesuruhjaya perdagangan di luar negeri akan digunakan sepenuhnya bagi menyebarkan maklumat kepada ahli-ahli perniagaan Malaysia yang ingin mengetahui keadaan pasaran luar negeri serta juga pembeli-pembeli asing yang mempunyai minat meneroka pasaran Malaysia untuk memperolehi bekalan. Sebagai sebahagian daripada kegiatan-kegiatan galakan pada keseluruhannya, penghantaran misi-nisi perdagangan, penganjuran pameran barang-barang buatan Malaysia di Pejabat-pejabat pesuruhjaya perdagangan di luar negeri, penyediaan maklumat perdagangan, penyediaan senarai nama dan alamat penghubung yang berguna di luar negeri dan maklumat bercetak mengenai pasaran yang berpotensi akan diteruskan.

### Industri Kecil

Peranan industri kecil akan dipertingkatkan lagi dalam tempoh RML untuk memastikan pembangunan struktur perindustrian yang kukuh bagi menghasilkan pertumbuhan jangka panjang yang berkekalan. Sumbangan industri-industri kecil adalah penting kepada industri-industri yang sedia ada dan mempunyai potensi besar untuk mewujudkan rantai ekonomi antara industri. Di samping itu, sebahagian besar industri kecil adalah dimiliki dan diuruskan oleh penduduk tempatan.

Kerajaan telah dan akan terus mengambil berbagai langkah bagi menggalakkan industri kecil berkembang, memperbaiki dan memodenkan kegiatan-kegiatan mereka. Dari segi ini, Kerajaan, dengan kerjasama Bank Dunia, telah membentuk satu program khusus yang dinamakan pembangunan Industri kecil yang telah dijalankan sejak awal tahun 1985 dan akan diteruskan hingga tahun 1988. Beberapa agensi Kerajaan telah dikenalpasti untuk penyertaan giat di dalam program tersebut. Agensi-agensi ini termasuklah Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pertanian Malaysia (MARDI), Pusat Daya Pengeluaran (PDPN), Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM), dan Syarikat Permodalan Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDF). Bahagian Industri Kecil Kementerian Perdagangan dan Perindustrian telah diberi tanggungjawab untuk menyelaraskan kegiatan setiap agensi di bawah program ini. Program ini yang melibatkan bantuan Kerajaan sejumlah kira-kira \$234 juta akan memberi faedah kepada

usahawan-usahawan kecil dalam berbagai sektor kecuali pertanian. Usahawan Bumiputera, terutamanya, akan diberikan kemudahan kredit dan bantuan teknik melalui BPMB. Program ini dijangka memberi faedah kepada 1,100 orang usahawan kecil dalam tempoh empat tahun akan datang.

Beberapa langkah juga akan diambil bagi membantu industri kecil dalam usaha menggalakkan eksport. Langkah-langkah dijangka memerlukan usaha mewujudkan perhubungan antara organisasi yang bertanggungjawab ke atas industri kecil dengan agensi-agensi penyelidikan seperti SIRIM, MARDI, FRIM, Institut Penyelidikan Getah Malaysia (RRIM) dan Institut Penyelidikan Kelapa Sawit Malaysia (PORIM) bagi memastikan pencapaian piawaian yang paling tinggi dari segi rekabentuk keluaran dan mutu dengan tujuan meningkatkan keupayaan bersaing. Perhubungan dengan MEXPO akan memastikan maklumat yang kemaskini diperolehi mengenai potensi pasaran luar negeri. Satu lagi langkah yang dijangka dapat membantu industri kecil ialah penyediaan perkhidmatan teknik dan perundingan oleh institusi-institusi penyelidikan dan pembangunan Kerajaan kepada industri-industri ini.

### Penyebaran Industri

Dalam tempoh RML, strategi menyebarkan industri akan disesuaikan semula untuk memberi tumpuan kepada pembangunan pusat-pusat pertumbuhan yang sedia ada yang menikmati faedah daripada pemusatan kegiatan ekonomi supaya infrastruktur, sistem perhubungan, perkhidmatan sokongan dan tenaga buruh mahir yang sedia ada dapat digunakan sepenuhnya. Strategi berkenaan yang berasaskan kepada faktor kuasa pasaran dan kecekapan, adalah perlu memandangkan keadaan kemelesetan, penyesuaian struktur dan penjimatan kewangan. Pendekatan ini berbeza daripada strategi-strategi masa lepas kerana ianya akan mengambilkira penggunaan sepenuhnya infrastruktur dan sumber-sumber yang sedia ada dan mengelakkan daripada pembangunan kawasan-kawasan perindustrian di merata-rata tempat yang tidak mempunyai keupayaan untuk terus berkembang.

Penempatan industri dalam tempoh RML sebahagian besarnya akan ditentukan oleh kehendak pasaran syarikat-syarikat pembuatan. Industri berasaskan eksport akan digalakkan untuk ditempatkan dalam kawasan yang menikmati faedah daripada kegiatan-kegiatan ekonomi manakala industri yang senang bertukar tempat dan yang mengeluarkan barang-barang untuk pasaran tempatan akan digalakkan untuk ditempatkan di bandar-bandar kecil.

### Penyelidikan dan pembangunan

Pembangunan kemampuan teknologi tempatan khususnya yang berkaitan dengan meningkatkan kemampuan negara bagi menyesuaikan dan menyerap teknologi akan diberi keutamaan tinggi dalam tempoh RML. Langkah-langkah untuk menggalakkan pembangunan kemampuan teknologi tempatan akan meliputi usaha membangunkan



tenaga penyelidik, usaha memperbaiki penyusunan institusi-institusi serta sistem galakan untuk penyelidikan dan pembangunan. Satu program pertukaran kakitangan penyelidikan dan pembangunan antara sektor-sektor awam dan swasta akan dilaksanakan, dalam tempoh RML. Institusi penyelidikan sedia ada yang menjalankan penyelidikan perindustrian akan diperbesarkan, sementara satu tabung kewangan bagi penyelidikan, sebahagian besarnya untuk penyelidikan industri, sedang dipertimbangkan. Sektor swasta dijangka meningkatkan kegiatan penyelidikan dan pembangunannya. Sektor ini dijangka membelanjakan jumlah yang meningkat ke atas penyelidikan pembangunan negara dalam tempoh RML. Galakan-galakan berkaitan dengan penyelidikan dan pembangunan yang disediakan masakini, akan dikaji semula dengan tujuan untuk meningkatkan keberkesanannya bagi memajukan keupayaan penyelidikan dan pembangunan dalam negara.

Keutamaan tinggi akan diberi kepada pembangunan sumber maklumat untuk membantu pengumpulan maklumat pasaran supaya negara dapat mengekalkan kedudukannya untuk bersaing dengan berkesan dari segi pengeluaran barang-barang pembuatan. Teknologi memproses maklumat yang penting untuk proses perancangan di sektor-sektor awam dan swasta akan digalakkan.

#### Pembangunan Tenaga Manusia

Selaras dengan keperluan meningkatkan kemampuan teknologi tempatan bagi pembangunan sektor pembuatan pada masa hadapan, Kerajaan akan mengambil langkah menambahkan bilangan jurutera dan juruteknik di negara ini. Bilangan jurutera dan juruteknik yang diperlukan adalah tinggi jumlahnya dan permintaan akan tertumpu kepada graduan yang mempunyai kemahiran yang sesuai bagi industri dalam bidang kejuruteraan elektronik dan kimia.

Satu pendekatan yang lebih bertindakbalas dalam perancangan tenaga manusia akan digunakan dan akan melibatkan sektor swasta di dalam perancangan dan pemberian kewangan bagi latihan vokasional. Usaha akan juga ditumpukan bagi menyelaraskan permintaan dan penawaran tenaga manusia untuk memenuhi keperluan industri di negara. Usaha ini akan dilaksanakan untuk graduan yang dilatih di dalam dan di luar negeri.

## **V. PERUNTUKAN**

Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan dalam tempoh 1981-85 dan peruntukan bagi tempoh 1986-90, untuk sektor pembuatan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 11-7

## **VI. PENUTUP**

Sektor pembuatan akan melancarkan strategi perindustrian secara lebih terbuka dan dinamik untuk mencapai pertumbuhan pesat baginya di dalam suasana yang bercirikan kelonggaran, persaingan, kecekapan, dayausaha keusahawanan, pembangunan sumber tenaga manusia dan kemajuan teknologi yang semakin meningkat. Perubahan yang diberi ke atas teras dan arah, adalah berasaskan penilaian yang mendalam terhadap strategi masa lepas dan perakuan-perakuan di dalam Kajian Dasar Perindustrian Malaysia dan Pelan Induk Perindustrian dan akan dapat meningkatkan pertumbuhan-pertumbuhan serta memberikan kedudukan yang lebih kukuh kepada sektor pembuatan, untuk pembangunan yang lebih cekap dan optimum pada masa hadapan.

Dari segi perkembangan luar, terdapat keadaan tidak menentu terhadap permintaan bagi barang pembuatan negara untuk eksport dan keadaan perdagangan yang semakin terbatas. Walau bagaimanapun, Kerajaan akan menggalakkan dengan giatnya perkembangan asas eksport, peningkatan kecekapan, pelaburan dan pembangunan, keupayaan pemasaran serta teknologi dan ini akan mengurangkan kadar pendedahan sektor ini kepada perkembangan-perkembangan yang tidak sihat di dalam ekonomi antarabangsa. Dengan sambutan baik sektor swasta kepada satu suasana yang akan dijadikan lebih sesuai untuk pertumbuhan dan kegiatan keusahawanan swasta, sektor pembuatan dijangka dapat mengekalkan sumbangannya kepada KDNK dalam tempoh RML.

## **BAB 12 : PERDAGANGAN**

### **I. PENDAHULUAN**

Perdagangan yang terdiri daripada perdagangan borong dan runcit[ serta perdagangan luar terus memainkan peranan penting bagi pertumbuhan dan pembangunan ekonomi dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME). Perdagangan luar tumbuh lebih cepat daripada kadar purata pertumbuhan tahunan untuk Keluaran Dalam Negeri Kadar (KDNK) walaupun terdapatnya kelembapan ekonomi dunia. Walau bagaimanapun, permintaan dalam negeri terus mengekalkan pertumbuhan sektor perdagangan borong dan runcit, yang telah mencatatkan kadar pertumbuhan purata tahunan yang lebih tinggi berbanding dengan kadar pertumbuhan keseluruhan KDNK dalam tempoh 1981-85.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), sektor perdagangan akan memainkan peranan yang lebih giat dalam usaha menghasilkan keluaran, pendapatan, gunatenaga dan pendapatan tukaran asing. Bagi tujuan mengatasi kesulitan-kesulitan yang semakin meningkat pada masa hadapan, Kerajaan akan terus memberi sokongan yang perlu bagi pertumbuhan sektor perdagangan. Kerajaan akan menggalakkan sikap yang lebih berdikari dan penglibatan sektor swasta di dalam perdagangan luar dan dalam negeri untuk meningkatkan kecekapan, persaingan, serta mengukuhkan kedudukannya. Dari segi eksport, Kerajaan akan meneruskan usaha-usaha untuk meningkatkan pemasaran barang-barang keluaran Malaysia dipasaran antarabangsa.

### **II. KEMAJUAN, 1981-85**

Dalam tempoh 1981-85, perdagangan borong dan runcit adalah lebih cegas berbanding dengan perdagangan luar. Pada umumnya ketahanan perdagangan borong dan runcit telah disokong oleh pertumbuhan yang berkekalan bagi permintaan pengguna terutamanya bagi barangan pengguna tahan lama, di samping peningkatan kegiatan-kegiatan ekonomi dalam sektor-sektor pembinaan dan awam. Bagi perdagangan luar, eksport kasar dagangan telah mencatatkan kadar kenaikan purata tahunan yang tinggi berbanding dengan import dagangan kasar. Prestasi eksport kasar dagangan, pada amnya, telah terjejas oleh permintaan luar negeri yang lemah dan harga-harga yang rendah terutamanya bagi barangan utama. Permintaan import dalam negeri pada keseluruhannya adalah lemah dalam tempoh RME, melainkan bagi barang-barang makanan dan pelaburan, terutamanya dalam tempoh 1981-82. Termasuk hotel-hotel dan restoran

Bagi perdagangan luar, kaedah-kaedah perdagangan yang melengkapkan lagi kaedah-kaedah sedia ada telah digunakan, khususnya oleh Kerajaan untuk mengembangkan

eksport di samping menjimatkan pertukaran asing dan memperbaiki imbalan dagangan negara. Gedung-gedung perdagangan besar telah ditubuhkan bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pemasaran eksport. Bagi perdagangan borong dan runcit, terdapat pertambahan bilangan pasaraya, pusat-pusat membeli-belah yang besar dan rangkaian kedai-kedai makanan segera yang menjalankan perniagaan secara usahasama, skim francais dan sistem rangkaian gedung perniagaan.

#### Perdagangan borong dan runcit

CIRI-CIRI DAN ARAH ALIRAN. Dalam tempoh RME, perdagangan borong dan runcit berkembang dengan kadar purata 7.0 peratus setahun. Pencapaian ini adalah lebih tinggi daripada matlamat RME sebanyak 6.2 peratus. Pada akhir tahun 1985, sumbangan perdagangan borong dan runcit kepada KDNK meningkat daripada \$5,383 juta atau 12.0 peratus pada tahun 1980 kepada \$7,551 juta atau 12.7 peratus. Gunatenaga dalam sektor perdagangan borong dan runcit berkembang pada kadar purata 4.6 peratus setahun, iaitu daripada 676,200 pada tahun 1980 kepada 846,300 pada tahun 1985, dan sumbangan daripada sektor kecil ini kepada jumlah gunatenaga meningkat daripada 14.0 peratus pada tahun 1980 kepada 15.5 peratus pada tahun 1985.

Pada tahun 1980, perdagangan borong merupakan 16.6 peratus daripada jumlah bilangan petubuhan perdagangan borong dan runcit, tetapi menyumbangkan sebanyak 70.7 peratus kepada jumlah jualan. Sungguhpun demikian, perdagangan runcit telah menyumbangkan 64.4 peratus daripada jumlah gunatenaga yang diwujudkan melalui kegiatan-kegiatan sektor kecil berkenaan.

Berasaskan kepada sejumlah 39 jenis perniagaan yang terdapat dalam perdagangan borong, penjual minyak petrol menyumbangkan 12.5 peratus daripada jumlah jualan borong, diikuti oleh pengedar bahan-bahan bangunan dan perkakas-perkakas bangunan sebanyak 12.0. Pemborong-pemborong yang terlibat dalam perniagaan pengedaran makanan yang terdiri daripada perniagaan daging, ayam dan itek, ikan, buah-buahan dan sayur-sayuran, manis-manisan, kuih-muih, beras dan bijirin, gula dan makanan-makanan lain, merupakan kumpulan kecil yang terbesar dengan menyumbangkan sebanyak 20.2 peratus daripada jumlah jualan borong. Bagi perdagangan runcit, perniagaan makanan telah mendahului perniagaan-perniagaan lain dari segi bilangan pertubuhan, gunatenaga dan jumlah jualan. Rangkaian kedai-kedai runcit yang menjual makanan merupakan 68.1 peratus daripada bilangan pertubuhan, 55.8 peratus daripada gunatenaga dan 32.9 peratus daripada jumlah jualan.

Prestasi sektor perdagangan borong dan runcit telah dikekalkan oleh pertumbuhan kegiatan-kegiatan dalam negeri, terutamanya kegiatan industri-industri pembinaan dan pembangunan harta, sebagaimana ditunjukkan menerusi jumlah jualan yang tinggi oleh pemborong bagi bahan-bahan binaan dan perkakas bangunan. Bagi perdagangan runcit, jumlah jualan barangan pengguna tahan lama seperti kenderaan bermotor dan barang-barang elektrik merupakan bahagian yang agak besar daripada jumlah jualan

perdagangan runcit. Kedaaan ini menunjukkan bertambah mewahnya taraf hidup pengguna-pengguna dan perubahan dalam citarasa serta corak hidup mereka, terutamanya di kalangan penduduk-penduduk bandar. Kadar kemajuan yang tinggi yang dicapai oleh peniaga-peniaga runcit yang menjual barangan pengguna tahan lama berbanding dengan barang-barang dalam kumpulan kecil makanan dan minuman adalah selaras dengan perubahan yang berterusan dalam corak penggunaan, iaitu sebahagian besar daripada jumlah perbelanjaan oleh pengguna adalah bagi barangan bukan makanan berbanding dengan barang makanan.

Perubahan yang ketara dalam corak perbelanjaan penggunaan penduduk-penduduk Malaysia pada akhir tahun-tahun tujuh puluhan, telah berterusan dan menjadi lebih ketara dalam tempoh RME. Berikutan dengan ini, peniaga-peniaga runcit telah mengambil peluang daripada perubahan-perubahan tersebut dan ini boleh dilihat melalui pertumbuhan dan pembangunan pasaraya, gedung perniagaan dan rangkaian kedai-kedai makanan segera. Sebahagian besar perniagaan-perniagaan baru dijalankan secara usahasama atau skim francais, yang menghasilkan perkembangan modal, dan peningkatan keupayaan teknik serta pengurusan kepada perdagangan runcit.

**KEMUDAHAN KEWANGAN.** Pinjaman belum dijelas yang dikeluarkan oleh sistem urusan bank bagi perniagaan am telah bertambah daripada \$5,217 juta pada akhir tahun 1980 kepada \$10,134 juta pada akhir tahun bulan November, 1985. Walau bagaimanapun, bahagiannya daripada jumlah kredit yang dikeluarkan oleh sistem urusan bank, telah berkurang daripada 19.8 peratus pada akhir tahun 1980 kepada 15.5 peratus pada akhir tahun 1985.

Peniaga-peniaga kecil telah berupaya memperolehi kredit dengan kadar faedah yang menarik di bawah garis panduan pinjaman yang ditetapkan bagi bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan. Perbadanan Jaminan Kredit terus memberi jaminan ke atas pinjaman-pinjaman bank kepada peniaga-peniaga kecil di bawah Skim Pinjaman Khas dan Skim Jaminan Am. Pada akhir tahun 1985, pinjaman yang belum dijelaskan yang dijamin oleh perbadanan tersebut berjumlah \$852 juta berbanding dengan \$341 juta pada akhir tahun 1980.

**KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SOKONGAN BAGI PENYERTAAN BUMIPUTERA.** Kerajaan telah terus memberi sokongan dan membantu pertumbuhan perdagangan borong dan runcit, terutamanya untuk menggalakkan penyertaan Bumiputera. Bantuan kepada peniaga-peniaga Bumiputera telah dilaksanakan menerusi berbagai agensi amanah bertujuan memastikan terdapatnya kemudahan-kemudahan kredit, ruangniaga yang mencukupi dan khidmat latihan serta pembangunan keusahawanan.

Bagi tempoh 1981-85, bagi tujuan mengadakan ruangniaga yang mencukupi bagi peniaga-peniaga kecil, Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN-PKEN), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) telah membina sejumlah 2,100 unit ruangniaga, termasuk kompleks membeli-belah dan

pejabat, bazar-bazar dan gerai-gerai. PKEN-PKEN telah giat membina rumah-rumah kedai khususnya di kawasan luar bandar, manakala UDA pula menumpukan kegiatan-kegiatan pembinaan di kawasan bandar.

Perbadanan Nasional Berhad (PERNAS), Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Syarikat Perusahaan Makanan Malaysia Berhad (FIMA), dan Perbadanan Niaga FELDA, telah menyokong kegiatan-kegiatan perdagangan borong dan runcit. PERNAS, menerusi anak-anak syarikatnya, PERNAS Edar dan PERNAS Trading, telah memainkan peranan yang berkesan sebagai pengedar utama bagi perdagangan borong dan runcit dengan jumlah jualan bernilai \$1,154 juta dalam tempoh RME. Kegiatan PERNAS Edar dalam perdagangan borong dan runcit tertumpu kepada barangan pengguna, manakala PERNAS Trading adalah terlibat dalam perdagangan borong barang-barang perantaraan seperti bahan-bahan binaan, kimia dan baja, di samping bertindak sebagai wakil penjual bagi beberapa jenis peralatan. PERNAS Edar telah bergiat dengan cergas dalam usaha membantu peruncit-peruncit kecil menubuh perniagaan mereka. Pada tahun 1985, bilangan peniaga Bumiputera yang berdaftar dengan PERNAS Edar meningkat kepada 5,400 daripada 3,900 pada tahun 1980. Semenjak ianya ditubuhkan dalam tahun 1984, Kedai Jimat Pernas, satu rangkaian kedai runcit telah mempunyai 300 buah kedai runcit yang menjalankan perniagaan khususnya di kawasan-kawasan bandar kecil di seluruh Semenanjung Malaysia.

Kegiatan FAMA ditumpukan ke atas pemasaran hasil-hasil pertanian, terutamanya sayuran-sayuran dan buah-buahan melalui pasartani-pasartani yang telah disediakan diseluruh Semenanjung Malaysia. Kegiatan-kegiatan FIMA, termasuklah juga pelaburannya di pasaraya-pasaraya, adalah lebih tertumpu di kawasan-kawasan bandar. Perbadanan Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MATTRA) anak syarikat kepada FIMA telah mencatatkan jumlah jualan sebanyak \$162 juta semenjak ianya ditubuhkan pada tahun 1983. Perbadanan Niaga FELDA terus memperluaskan rangkaian pengedarannya kepada peserta-peserta FELDA dan pada tahun 1985, sejumlah 250 unit kedai FELDA telah menjalankan perniagaan.

Kerajaan menyedari tentang perlunya dimaju dan dipertingkatkan kemahiran-kemahiran keusahawanan untuk menjamin pertumbuhan perusahaan-perusahaan kecil. Usaha-usaha untuk mencapai tujuan ini adalah jelas ditunjukkan daripada kegiatan-kegiatan latihan yang dijalankan oleh MARA dan Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN). Seramai 122,500 usahawan telah mendapat latihan MARA dan PDPN dalam pelbagai bidang berkaitan dengan pembiayaan dan pengurusan perniagaan. Di samping itu, MARA telah menyediakan khidmat-khidmat perunding kepada 28,600 usahawan Bumiputera bagi membantu mereka mengenalpasti, menyediakan dan membiayai projek. Sementara itu, PERNAS telah memberi bantuan kepada 5,300 Bumiputera dalam usaha membangunkan kemahiran usahawan menerusi Unit Perkhidmatan Lanjutan.

**PERTUMBUHAN EKSPORT DAN IMPORT.** Di dalam sektor Perdagangan Luar luar, pertumbuhan permintaan barangan eksport tradisional negara didapati menjadi semakin

perlahan. Kadar pertumbuhan eksport dagangan kasar berasaskan harga f.o.b. sebanyak 6.2 peratus setahun dalam tempoh RME adalah lebih rendah daripada kadar matlamat sebanyak 8.5 peratus. Oleh yang demikian, sumbangan eksport dagangan kasar kepada Keluaran Negara Kasar (KNK) telah merosot daripada 54.6 peratus pada tahun 1980 kepada 52.3 peratus pada tahun 1985.

Bagi dua tahun pertama RME, import telah berkembang dengan pesatnya dan pada tahun 1982, import dagangan kasar telah melebihi eksport. Peningkatan pertumbuhan import tersebut adalah berpunca daripada bertambahnya import barang-barang modal oleh sektor awam. Walau bagaimanapun, bagi tempoh tiga tahun terakhir RME keadaan ini telah berubah disebabkan oleh usaha-usaha Kerajaan untuk mengurangkan perbelanjaan, terutamanya dalam pelaburan projek-projek berintensif modal. Dengan pertumbuhan purata tahunan sebanyak 5.6 peratus untuk import dagangan kasar pada harga c.i.f., kedudukanimbangan perdagangan telah bertambah baik terutamanya bagi tempoh 1984-85.

**PERDAGANGAN DENGAN SINGAPURA.** Di samping menjual sejumlah besar barangan eksportnya ke Singapura, Malaysia juga banyak mengeksport melalui negara tersebut. Jumlah eksport ke Singapura meningkat daripada \$5,385 juta atau 19.1 peratus daripada jumlah eksport pada tahun 1980 kepada \$6,772 juta atau 19.4 peratus pada tahun 1985. Import daripada Singapura juga telah meningkat daripada \$2,753 juta atau 11.7 peratus daripada import bagi tempoh tersebut kepada \$4,776 juta atau 15.8 peratus. Pada tahun 1985, 29.7 peratus daripada jumlah eksport minyak kelapa sawit yang diproses dan minyak isi kelapa sawit, 25 peratus bagi petroleum mentah dan 14 peratus bagi kayu bergergaji telah dieksport ke Singapura. Sebahagian besar daripada eksport tersebut adalah untuk dieksport semula kepada negara-negara lain.

**PENDEKATAN PEMASARAN BAGI EKSPORT.** Sejalan dengan kehendak untuk terus menggalakkan eksport keluaran tempatan, tujuh buah SOGOSHOSHA telah ditubuhkan dalam tempoh RME. SOGOSHOSHA ini adalah terlibat secara meluas dalam pelbagai bidang kegiatan seperti eksport-import, perdagangan luar, pembinaan dan kegiatan separa kontrak, pelaburan di dalam dan di luar negeri dalam kemudahan-kemudahan pengeluaran dan pemerosesan serta pembangunan sumber. Pada asasnya, kegiatan-kegiatan ini dijalankan untuk mewujudkan peluang-peluang perniagaan dalam pasaran-pasaran baru.

Kegiatan perdagangan secara tukar barang telah diperkenalkan dalam tempoh RME sebagai suatu kaedah perdagangan tambahan untuk memperbaiki kemajuan eksport. Sektor awam terutamanya telah aktif dalam kegiatan perdagangan secara tukar barang sejak tahun 1983. Pada akhir tahun 1985, sejumlah 23 perjanjian perdagangan tukar barang bernilai \$408 juta telah ditandatangani. Perjanjian-perjanjian ini merupakan 45.8 peratus daripada nilai tawaran bagi pelbagai kontrak dan projek Kerajaan. Di samping itu, rundingan perdagangan secara tukar barang bagi lima pembelian Kerajaan yang bernilai \$1,020 juta telah diadakan. Walau bagaimanapun, nilai, jenis keluaran dan peratusan

tanggung perdagangan secara tukar barang bagi pembelian-pembelian tersebut masih belum ditetapkan lagi. Sebanyak 41 tawaran Kerajaan yang bernilai \$2,448 juta dan dikenakan syarat-syarat berhubung dengan secara perdagangan tukar barang telah dikeluarkan. Perjanjian bagi perdagangan secara tukar barang ini telah membolehkan Malaysia memperluas dan mempelbagaikan pasarannya.

Syarikat-syarikat perdagangan dalam sektor swasta terutamanya SOGOSHOSHA telah juga terlibat dalam kegiatan-kegiatan perdagangan secara tukar barang. Pada keseluruhannya, sektor swasta sehingga kini telah menandatangani beberapa perjanjian perdagangan secara tukar barang yang melibatkan barang-barang import bernilai \$32 juta dan eksport barang-barang tempatan bernilai \$351 juta.

**KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SOKONGAN BAGI EKSPORT.** Kerajaan telah terus memberi sokongan bagi menggalakan eksport Malaysia ke pasaran yang sedia ada dan juga pasaran baru. Dalam tempoh RME, Kerajaan melalui Program Galakan Eksport, telah menganjurkan sebanyak 32 rombongan perdagangan, dan 35 pameran-pameran dan pertunjukan perdagangan di negara-negara Timur Tengah, Australia, Eropah, Amerika Syarikat, Scandinavia, China dan Kepulauan Pasifik Selatan. Seramai 552 pengilang dan pengeksport tempatan yang mewakili pelbagai industri, telah menyertainya. Usaha-usaha galakan ini membolehkan pengilang-pengilang dan pengeksport-pengeksport Malaysia menilai keadaan pasaran dan keperluan berbagai negara, di samping membolehkan pembeli-pembeli luar negeri mengetahui secara mendalam jenis-jenis barang yang boleh diimport dari Malaysia. Pusat Perdagangan Eksport Malaysia (MEXPO) di Kuala Lumpur, menyediakan bantuan kepada pengeksport-pengeksport Malaysia bagi memperkenalkan keluaran mereka untuk tujuan eksport. MEXPO memberi peluang kepada pengeksport-pengeksport untuk mempamerkan barangan mereka di pusat tersebut sebagai langkah memperkenalkan pengilang-pengilang tempatan kepada pembeli-pembeli luar negeri, rombongan-rombongan perdagangan dan pengusaha-pengusaha industri yang melawat negara ini.

Walaupun skim kredit pembiayaan semula eksport (ECR) yang menyediakan kredit pembiayaan semula sebelum dan selepas muatan kepada pengeksport-pengeksport menjadi bertambah penting, kadar penggunaan kemudahan ini adalah masih kecil. Pada tahun 1985, jumlah pembiayaan semula eksport barang-barang pembuatan di bawah skim ini ialah sebanyak \$1,729 juta. Jumlah ini merupakan kira-kira 10 peratus daripada jumlah eksport barang-barang pembuatan atau kira-kira 15 peratus daripada jumlah barang pembuatan yang layak mendapat kemudahan ECR.

Perkhidmatan perlindungan terhadap risiko-risiko eksport telah disediakan oleh Malaysia Export Credit Insurance Berhad (MECIB) kepada pengeksport-pengeksport. Pada akhir tahun 1985, sebanyak 106 polisi insuran yang bernilai sebanyak \$443 juta telah berkuatkuasa. Daripada jumlah nilai eksport sebanyak \$120 juta yang diberi perlindungan insuran pada tahun 1985, sebanyak 42.0 peratus merupakan eksport ke Eropah Timur, 20.8 peratus merupakan eksport ke Eropah Barat, 13.8 peratus ke Negara-negara Timur



Tengah dan bakinya ke negara-negara lain. Dari segi jenis keluaran yang dieksport 58.4 peratus adalah terdiri daripada bahan mentah yang tidak boleh dimakan tetapi tidak termasuk bahanapi, 13,5 peratus pelbagaibarang-barang keluaran kilang, 12.1 peratus barang makanan, dan selebihnya daripada pelbagai keluaran lain.

### **III. PROSPEK, 1986-90**

Dalam tempoh RML, perdagangan borong dan runcit akan memainkan peranan yang lebih penting bagi pertumbuhan ekonomi. Sumbangannya kepada gunatenaga dijangka lebih tinggi berbanding dengan sektor-sektor lain. Perdagangan borong dan runcit dijangka dapat menyerap sebilangan besar pertambahan penganggur-penganggur melalui kegiatan-kegiatan kerja persendirian dalam kegiatan perniagaan pengedaran, memandangkan perniagaan-perniagaan kecil memerlukan modal yang rendah. Sektor perdagangan borong dan runcit juga akan memainkan peranan penting menerusi strategi-strategi pemasaran dan galakannya dalam mengubah citarasa dan kegemaran pengguna. Pengguna-pengguna akan digalakkan membeli barang-barang tempatan supaya dapat mendorong pertumbuhan industri-industri tempatan dan dengan demikian meningkatkan pendapatan serta menjimatkan tukaran asing.

Sungguhpun usaha-usaha akan dijalankan untuk meluaskan bahagian barang-barang tempatan di pasaran dalam negeri, pasaran-pasaran luar negeri akan terus menjadi sumber penting bagi mendapatkan pertukaran wang asing. Pada tahun 1985, eksport dagangan merupakan 52.3 peratus daripada KNK, manakala import dagangan merupakan 42.2 peratus. Berdasarkan kepada persaingan hebat daripada negara-negara membangun yang lain, di samping bertambahnya sekatan perlindungan yang kian meningkat, terutamanya di pasaran tradisional Malaysia, pengeksporthendaklah meningkatkan daya usaha mereka untuk memasuki pasaran-pasaran baru dan bukan tradisional menerusi perkembangan sistem pengedaran mereka serta dengan mengamalkan strategi pemasaran yang lebih gigih.

Dalam tempoh RML, langkah-langkah selanjutnya akan dilaksanakan untuk memajukan sistem pengedaran dalam negeri yang cekap bagi membolehkan perdagangan borong dan runcit memainkan peranan yang lebih cergas dalam ekonomi. Langkah-langkah yang sedia ada akan digiatkan lagi dan langkah-langkah baru akan diperkenalkan untuk memastikan supaya perdangan luar akan dapat memainkan peranan yang dijangka bagi meningkatkan keluaran, pendapatan dan tukaran wang asing di samping meninggikan keluaran barang-barang pembuatan dan hasil pertanian.

#### **Perdagangan Borong Dan Runcit**

PERMODENAN PERDAGANGANGAN PENGEDARAN. Perkembangan pasaraya, pusat-pusat membeli-belah, rangkaian gedung perniagaan dan rangkaian kedai makanan segera yang semakin disukai ramai telah menyebabkan berlakunya perubahan struktur

perdagangan pengedaran di kawasan bandar. Permodenan dalam perdagangan pengedaran terutamanya perdagangan runcit, adalah berpunca daripada perubahan dalam citarasa dan kecenderungan pengguna. Perubahan dalam tabiat dan kecenderungan membeli-belah di kalangan pengguna-pengguna dijangka akan mendorong perkembangan perniagaan ini selanjutnya di kawasan bandar. Perniagaan-perniagaan kecil tradisional akan digalakkan untuk menggunakan kaedah-kaedah perniagaan moden, supaya mereka berupaya untuk terus memberi sumbangan ke arah pembangunan sistem pengedaran yang lebih moden dan cekap di negara ini. Perniagaan-perniagaan kecil tersebut akan digalakkan supaya meningkatkan perniagaan mereka dengan mengadakan usahasama dengan usahawan-usahawan tempatan dan asing atau mendapatkan francais, menubuhkan koperasi kerjasama, menubuhkan rangkaian gedung-gedung atau bergabung dengan gedung-gedung perdagangan. Usaha-usaha ini akan meningkatkan kecekapan, daya pengeluaran dan keberkesanan kos dalam sistem pengedaran. Program-program latihan dalam pengurusan perniagaan-perniagaan moden bagi peniaga-peniaga kecil akan dipergiatkan lagi untuk membolehkan mereka menghadapi cabaran-cabaran masa hadapan.

KEDAI JIMAT PERNAS, Perbadanan Niaga FELDA dan koperasi-koperasi lain luar bandar akan terus memberi memberi khidmat dan mengambil langkah-langkah untuk mengembangkan kegiatan-kegiatan di kawasan-kawasan bandar kecil dan luar bandar menerusi perkembangan rangkaian kedai-kedai runcit mereka. Lebih banyak kedai-kedai runcit dijangka menyertai sistem koperasi kerjasama dan rangkaian Kedai Jimat untuk memperolehi faedah daripada ekonomi bidangan, sistem pengurusan kewangan yang diseragamkan dan faedah-faedah lain yang akan diperolehi menerusi penyertaan tersebut. Pada tahun 1990 adalah dijangkakan bahawa lebih daripada 1,000 buah kedai runcit akan menjalankan perniagaan di bawah rangkaian francais Kedai Jimat berbanding dengan 300 buah kedai runcit pada tahun 1985.

Bagi keluaran pertanian pula, usaha-usaha akan terus dijalankan untuk memperbaiki lagi sistem pemasaran dan pengedaran. Lebih banyak pasartani dan pusat jualan lelong akan ditubuhkan bagi menyediakan kemudahan-kemudahan kepada petani-petani untuk memasarkan hasil pertanian mereka. Program-program lain termasuklah pembinaan dan pengurusan kompleks-kompleks perikanan baru yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan pengendalian, pemerosesan dan pemasaran oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), penubuhan depo-depo susu serta pusat-pusat pengumpulan susu oleh Jabatan Perkhidmatan Haiwan di samping usaha-usaha memperluas, menempatkan semula dan menubuhkan pasar-pasar borong dan pasar-pasar kering.

PENINGKATAN BAHAGIAN BARANG-BARANG TEMPATAN DI PASARAN DALAM NEGERI. Bahagian barang-barang tempatan di pasaran dalam negeri mempunyai potensi untuk dipertingkatkan. Pengilang-pengilang tempatan hendaklah berusaha untuk meningkatkan penglibatan mereka di pasaran tempatan dengan mengeluarkan barang-barang yang bermutu tinggi dan menjualnya pada harga yang setanding dengan barang-barang yang diimport. Kempen 'Belilah Barangan Buatan Malaysia', yang telah dimulakan

awal tahun 1985, akan terus dipertingkatkan, dengan tujuan untuk menambahkan lagi kesedaran pengguna-pengguna tempatan terhadap keluaran tempatan. Langkah-langkah selanjutnya akan diambil untuk memupuk semangat taat dan kebanggaan kepada negara di kalangan pengguna-pengguna dalam negeri supaya membeli barang-barang tempatan.

Anugerah Keluaran Terbaik yang dilancarkan oleh Kerajaan dengan kerjasama sektor swasta bagi memberi pengiktirafan kepada syarikat-syarikat pembuatan yang telah mencapai taraf yang tinggi bagi mutu pengeluaran barang-barang pembuatan mereka, akan diteruskan bagi mendorong pengeluar-pengeluar dan pengilang-pengilang untuk berusaha menghasilkan keluaran bermutu tinggi. Pengilang-pengilang akan digalakkan untuk menghantarkan keluaran-keluaran mereka supaya diuji oleh Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) untuk mendapatkan tanda keluaran yang bermutu.

Sokongan utama bagi meningkatkan penggunaan barang-barang tempatan di dalam negeri bagaimanapun, hendaklah berpunca daripada sektor swasta. Sektor pembuatan perlulah berusaha untuk bersaing dari segi harga tanpa menjejaskan mutu keluaran bagi memenuhi keyakinan yang dijangka meningkat di kalangan orang ramai. Penglibatan sektor swasta yang lebih meluas akan digalakan dalam bentuk kerjasama di antara peruncit-peruncit dan pengilang-pengilang tempatan dalam usaha mengadakan kempen-kempen penggalakkan.

**MEMPERBAIKI AMALAN-AMALAN PERDAGANGAN.** Usaha akan terus dijalankan untuk memperbaiki amalan-amalan perdagangan bagi menggalakkan pertumbuhan dan kemajuan industri insurans dan perkapalan dalam negeri dan seterusnya mengurangkan kurangan dalam akaun perkhidmatan. Langkah-langkah akan diambil bagi menggalakkan peniaga-peniaga mengguna lebih banyak perkhidmatan perkapalan dan insurans tempatan. Sungguhpun Kerajaan akan terus menyediakan galakan-galakan fiskal bagi meningkatkan amalan-amalan perdagangan, industri-industri insurans dan perkapalan tempatan akan digalakkan untuk memperbaiki lagi kemudahan dan perkhidmatan mereka. Syarikat-syarikat insurans akan digalakkan supaya meningkatkan kebolehan dan keupayaan mereka untuk menanggung risiko barang muatan, manakala syarikat-syarikat perkapalan pula, perlulah meningkatkan keupayaan pengangkutan dan perkhidmatan perkapalan mereka. Langkah-langkah akan diambil dengan mengadakan seminar dan forum untuk meningkatkan kesedaran di kalangan pengeksport terhadap peluang-peluang dan faedah mengesport berasaskan kadar harga c.i.f. dan mengimport dengan mengguna kadar harga f.o.b. Usaha-usaha juga akan dipertingkatkan bagi menggalakkan pengeksport-pengeksport menggunakan khidmat Pusat Tempahan Kargo Malaysia (FBC) terutamanya untuk mengurangkan pengaliran keluar tambang muatan laut. Di samping menggalakkan eksport dengan menggunakan kadar harga c.i.f., FBC juga akan mengambil langkah untuk mempereratkan kerjasama di kalangan pemilik-pemilik kapal di dalam Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia berhubung dengan tempahan ruang-ruang kapal dan penyatuan barang-barang muatan.

MEMPERBAIKI PENTADBIRAN. Untuk membantu perkembangan perdagangan borong dan runcit, perhatian yang lebih akan ditumpukan bagi mengatasi batasan-batasan pentadbiran yang menjejaskan sistem pengedaran. Penghapusan batasan-batasan tersebut akan membantu untuk mewujudkan suasana perniagaan yang lebih dan terbuka.

Memandangkan keadaan ekonomi yang perlahan dijangka berterusan terutamanya pada dua tahun pertama dalam tempoh RML, bilangan penganggur yang akan menceburkan diri dalam perniagaan runcit akan meningkat. Perniagaan secara kecil-kecilan yang mudah diceburi, akan menjadi lebih penting untuk menyerap para penganggur. Di samping itu, pasar-pasar penjaja, pasar-pasar malam dan pasartani-pasartani yang mempunyai ciri-ciri yang istimewa, juga akan diterokai untuk memberi faedah kepada industri pelancongan dalam negeri. Untuk mencapai matlamat ini, kerajaan akan mengenalpasti lebih banyak kawasan untuk menempatkan perniagaan kecil-kecilan ini di samping melonggarkan syarat-syarat perlesenan penjajaan.

#### Perdagangan luar

PENDEKATAN-PENDEKATAN PEMASARAN UNTUK EKSPORT. Malaysia akan terus bergantung sebahagian besarnya kepada eksport barangan utama. Tumpuan akan diberi untuk memperluaskan bahagian pasaran dan keluaran barang-barang tempatan di negara-negara pengguna melalui penggunaan kaedah-kaedah perdagangan tambahan termasuk perdagangan secara tukar barang. Bagi barang-barang pembuatan dan barang-barang pembuatan separuh siap, kaedah perdagangan tukar barang juga akan digunakan bagi membolehkan barang-barang ini menembusi pasaran-pasaran tertutup. Kerajaan akan terus memperluaskan kegiatan perdagangan secara tukar barang bagi membolehkan Malaysia memasuki pasaran baru sebagai tambahan kepada pasaran tradisionalnya di samping memperbaiki kedudukanimbangan perdagangan negara dan menjimatkan tukar asing. Oleh yang demikian, rundingan-rundingan secara perdagangan tukar barang akan diadakan dengan negara-negara seperti Eropah Timur dan negara-negara yang menghadapi masalah tukaran asing.

Selaras dengan penekanan yang dibuat ke atas peranan syarikat perniagaan am di negara ini atau SOGOSHOSHA di dalam menggerakkan usaha meningkatkan eksport negara, syarikat-syarikat perniagaan ini akan digunakan sebagai alat utama bagi menggalakkan pemasaran barang-barang dan perkhidmatan Malaysia di luar negeri. Usaha-usaha akan diambil untuk meningkatkan keberkesanan SOGOSHOSHA bagi menggalakkan eksport terutamanya barang-barang pembuatan. Penyertaan kepentingan asing dalam gedung-gedung perdagangan dalam negeri atau pengabungan antara SOGOSHOSHA tempatan dengan SOGOSHOSA luar negeri sebagai rakan sekutu akan digalakan. Ini akan membolehkan gedung-gedung perdagangan dalam negeri mendapat faedah daripada berbagai rangkaian hubungan dan pengalaman perdagangan antarabangsa.

Kerajaan akan terus mengadakan rundingan secara dua hala, serantau dan berbagai hala, bagi mengurang dan seterusnya menghapuskan halangan-halangan tarif dan bukan tarif yang dihadapi oleh pengeksport-pengeksport Malaysia. Usaha-usaha ini akan dilakukan melalui penglibatan yang lebih giat dalam forum antarabangsa, seperti Persidangan Bangsa-bangsa Bersatu Bagi Perdagangan dan Pembangunan (UNCTAD), Perjanjian Am Mengenai Perdagangan dan Tarif (GATT) dan Perundingan Perdagangan Berbagai Hala (MTN). Sehubungan dengan ini, Malaysia akan menyertai pusingan baru rundingan MTN, dan akan menekankan akan perlunya program-program kerja GATT bagi tahun 1982 dilaksanakan dengan sepenuhnya. Program-program kegiatan ini adalah terutamanya barang-barang keluaran tropika, peningkatan kadar tarif, tekstil dan pakaian, pertanian, perkhidmatan dan peraturan-peraturan perlindungan.

Kerajaan akan terus menyertai dari masa ke masa dalam dialog-dialog antara negara-negara ASEAN dengan rakan perdagangannya seperti Kesatuan Ekonomi Eropah, Amerika Syarikat, Jepun, Kanada, Australia dan New Zealand, bertujuan untuk meluaskan pasaran bagi barangan eksport Malaysia melalui pengurangan kadar tarif. Kerajaan juga akan berusaha untuk memperluaskan peluang-peluang pasaran di negara-negara ASEAN lain melalui perundingan yang berterusan dan langkah memperbaiki Skim Peraturan Perdagangan Istimewa (PTA).

**KEMUDAHAN-KEMUDAHAN SOKONGAN BAGI EKSPORT.** Bagi meningkatkan penjualan pengeksport-pengeksport Malaysia di pasaran luar negeri, Kerajaan akan terus menyediakan maklumat pasaran yang diperlukan dan bantuan sokongan lain kepada mereka. Sebagai tambahan kepada khidmat pertanyaan perdagangan, maklumat tersebut akan meliputi laporan mengenai peluang-peluang perdagangan dan laporan-laporan mengenai kajian pasaran, perubahan di dalam peraturan-peraturan perdagangan dan dasar-dasar perdagangan di luar negeri dan maklumat-maklumat yang berhubung dengan kemasukan dan penjualan barang-barang Malaysia. Pada masa yang sama, Pesuruhjaya-pesuruhjaya Perdagangan Malaysia akan terus menyediakan maklumat-maklumat pasaran dan bantuan sokongan lain yang diperlukan. Di samping itu, Perkhidmatan Pesuruhjaya Perdagangan (TCS) akan diperkukuhkan dan diberi sokongan yang perlu bagi membolehkannya menjalankan usaha-usaha menggalak dan memasarkan barangan Malaysia dengan lebih berkesan.

MEXPO, dengan kerjasama rapat dengan Pesuruhjaya-Pesuruhjaya Perdagangan Malaysia di luar negeri, akan terus membekalkan maklumat-maklumat pasaran yang kemaskini kepada pengeksport-pengeksport Malaysia bagi membolehkan mereka memasuki pasaran antarabangsa. Bagi mencapai tujuan ini, MEXPO sedang dalam proses menggunakan komputer untuk memudahkan penyebaran maklumat perdagangan untuk kemudahan-kemudahan pengeksport-pengeksport Malaysia.

Sementara Kerajaan akan terus menyebarkan maklumat-maklumat perdagangan kepada pengeksport-pengeksport, usaha-usaha akan dipergiatkan untuk menambah kekerapan penerbitan-penerbitan maklumat perdagangan dengan tujuan untuk membolehkan

pengeksporth-pengeksporth sentiasa mendapat maklumat mengenai peluang-peluang pasaran di luar negeri. Dengan kerjasama sektor swasta, kerajaan akan terus menganjurkan pameran dan rombongan perdagangan serta meningkatkan galakan bagi faedah pengeksporth-pengeksporth yang sedang mencari pasaran-pasaran di luar negeri.

MECIB akan terus menyediakan perkhidmatannya kepada pengeksporth-pengeksporth sebagai satu perlindungan ke atas risiko-risiko eksport supaya pengeksporth-pengeksporth Malaysia boleh bergiat di pasaran luar negeri dengan yakin dan terjamin serta mempunyai daya bersaing. Bermula pada tahun 1986, pengeksporth-pengeksporth akan menerima faedah daripada elaun pemotongan cukai dua kali ke atas premium yang dibayar kepada insurans kredit eksport sebagai satu galakan kepada pengeksporth untuk mempelbagaikan eksport ke pasaran yang bukan tradisional.

Di bawah fasa pertama rombakan besar sekim ECR yang berkuatkuasa pada bulan Januari, 1986, penyemakan semula yang telah dibuat termasuk langkah-langkah meluaskan liputan barangan yang dibenar dan peningkatan had ke atas jumlah pembiayaan semula. Di samping itu, sebagai satu langkah untuk melicinkan proses pentadbiran, bank-bank perdagangan akan menapis permohonan-permohonan untuk kemudahan ECR manakala Kerajaan akan mengendalikan kelulusannya. Apabila fasa kedua kajian semula siap, sekim baru ECR akan memberi lebih banyak kemudahan kredit kepada pengeksporth, termasuk pembekal baha-bahan untuk pengeluaran barangan eksport. Skim baru ini juga akan mempunyai liputan barangan yang luas untuk eksport yang dibenarkan untuk pembiayaan semula, tempoh penggunaan kredit yang panjang dan kemudahan sebelum muatan yang luas. Apabila telah dilaksanakan sepenuhnya, sekim baru ECR dijangka dapat membantu pengeksporth tempatan dalam usaha untuk memasarkan barangan mereka di luar negeri melalui peruntukan kredit tambahan di peringkat pengeluaran.

**MEMPERGIATKAN PERUNDINGAN ANTARA SEKTOR AWAM DAN SWASTA UNTUK MENGGALAKKAN EKSPORT.** Kerajaan akan terus mengadakan peluang-peluang meningkatkan kerjasama antara sektor awam dengan sektor swasta dalam galakan eksport. Bagi tujuan ini, Kerajaan telah melancarkan Majlis Galakan Eksport yang diwakili oleh agensi-agensi Kerajaan dan sektor swasta yang berkaitan bagi merancang dan merangka strategi-strategi untuk menggalakkan eksport Malaysia, melulus dan mengesahkan program-program galakan eksport dan mengenalpasti masalah-masalah yang dihadapi oleh pengeksporth-pengeksporth Malaysia di samping mencadangkan langkah-langkah perlu untuk mengatasinya.

Bagi tujuan meningkatkan penyelarasan antara jabatan-jabatan dan agensi-agensi Kerajaan dalam bidang perdagangan, Kerajaan melalui Jawatankuasa Penyelarasan Perdagangan akan berusaha untuk memudahkan peraturan-peraturan eksport. Sehubungan dengan ini, Kerajaan akan terus mengadakan dialog-dialog dan perbincangan-perbincangan dengan Pesatuan-Pesatuan Perdagangan dan Kumpulan-Kumpulan industri untuk menggalakkan lagi kerjasama dengan sektor swasta.

#### **IV. PERUNTUKAN**

Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan bagi tempoh 1981-85 dan peruntukan untuk tempoh 1986-90 bagi kegiatan-kegiatan perdagangan ditunjukkan dalam Jadual 12-1.

#### **V. PENUTUP**

Dalam tempoh RML, sektor perdagangan akan menghadapi cabaran yang lebih banyak dan masalah yang lebih berat berikutan dengan perubahan citarasa dan tabiat membeli-belah di kalangan pengguna dalam negeri bersama dengan bertambahnya dasar perlindungan di peringkat antarabangsa. Walau bagaimanapun, sektor perdagangan mempunyai potensi memandangkan sokongan Kerajaan yang berterusan bagi memajukan sistem pengedaran dalam negeri yang cekap dan mempunyai keberkesanan kos, di samping menunaikan tanggungjawab terhadap usaha melaksanakan program bagi meluaskan eksport. Sektor swasta dijangka akan lebih berdikari dan melibatkan diri sepenuhnya dalam usaha-usaha memaju dan menggunakan strategi-strategi baru bagi mendorong pertumbuhan eksport .

## **BAB 13 : KEWANGAN**

### **I. PENDAHULUAN**

Sektor kewangan yang meliputi urusan bank dan insurans serta harta tanah dan perkhidmatan perniagaan terus memainkan peranan penting dalam pertumbuhan dan pembangunan ekonomi. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME), 1981-85, Kegiatan-kegiatan kewangan memberikan kemudahan sokongan yang diperlukan bagi perkembangan dan pembangunan sektor-sektor utama dalam ekonomi, khususnya pertanian dan pembuatan. Meskipun ekonomi dunia mengalami kemelesetan, pertumbuhan sektor ini adalah lebih tinggi daripada pertumbuhan Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK). Dengan demikian, sumbangan sektor kewangan kepada KDNK dan gunatenaga meningkat dalam tempoh 1981-85.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), 1986-90, sektor kewangan dijangka memberi sumbangan yang lebih besar kepada pertumbuhan selanjutnya bagi sektor-sektor produktif dalam ekonomi terutamanya pertanian, pembuatan dan pelancongan. Sektor ini dijangka terus menyediakan sumber-sumber kewangan pada kadar faedah yang berpatutan untuk mewujudkan suasana yang menggalakkan bagi menarik pelaburan swasta, terutamanya dalam sektor-sektor yang diberi keutamaan. Sektor kewangan juga dijangka memberi sumbangan ke arah memperbaiki imbalan perdagangan tidak ketara.

### **II. KEMAJUAN, 1981-85**

Dalam tempoh RME, sektor kewangan berkembang pada kadar 7.2 peratus setahun iaitu lebih rendah daripada matlamat RME sebanyak 7.8 peratus. Sungguhpun matlamat kadar pertumbuhan ini tidak dicapai, sumbangan sektor ini kepada KDNK meningkat daripada \$3,687 juta atau 8.3 peratus pada tahun 1980 kepada \$5,212 juta atau 8.8 peratus pada tahun 1985. Pada tempoh yang sama, gunatenaga dalam sektor ini meningkat daripada 78,300 kepada 101,600 atau 1.6 peratus kepada 1.9 peratus daripada jumlah gunatenaga.

#### **Sistem Urusan Bank**

ASET, SIMPANAN DAN PINJAMAN. Sistem urusan bank yang merangkumi bank perdagangan, syarikat kewangan dan bank saudagar, adalah dikuasai oleh bank-bank perdagangan dari segi aset, simpanan dan pinjaman. Jumlah aset sistem urusan bank berkembang pada kadar purata tahunan sebanyak 19.7 peratus iaitu daripada \$40,050 juta pada akhir tahun 1980 kepada \$98,362 juta pada akhir tahun 1985, seperti ditunjukkan dalam Jadual 13-1. Di antara ketiga-tiga institusi kewangan tersebut syarikat



kewangan telah mencatatkan kadar pertumbuhan yang paling pesat dari segi jumlah aset, iaitu pada kadar 25.9 peratus setahun. Kadar pertumbuhan tahunan bagi bank saudagar ialah 23.1 peratus dan bank perdagangan ialah 18.2 peratus.

Bank-bank saudagar menerima pertambahan simpanan yang banyak dan mencatat kadar pertumbuhan simpanan yang paling pesat iaitu 31.4 peratus setahun dalam tempoh RME. Dari segi pengumpulan simpanan, syarikat kewangan telah mencatatkan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 24.4 peratus iaitu satu pencapaian yang lebih baik berbanding dengan kadar 16.0 peratus yang dicapai oleh bank perdagangan. Oleh itu, dalam tempoh RME, syarikat kewangan telah berjaya memperolehi sebahagian besar daripada jumlah simpanan dalam sistem urusan bank iaitu bertambah daripada 16.1 peratus pada tahun 1980 kepada 20.7 peratus pada tahun 1985.

Dalam tempoh RME, permintaan kredit pada keseluruhannya tetap teguh walaupun kegiatan ekonomi adalah semakin perlahan. Semenjak tahun 1984, adalah nyata bahawa pertumbuhan kredit adalah tidak seimbang dengan pertambahan simpanan yang dikumpul oleh bank perdagangan. Bank-bank ini menghadapi persaingan hebat daripada syarikat kewangan yang menawarkan kadar faedah yang lebih tinggi kepada penyimpan-penyimpannya. Keadaan ini menyebabkan bank perdagangan mengalami keadaan kecairan yang ketat, terutamanya pada akhir tempoh RME. Dengan demikian, nisbah purata pinjaman kepada simpanan bank saudagar bertambah daripada 86.7 peratus pada akhir tahun 1980 kepada 96.0 peratus pada akhir tahun 1985.

Permintaan yang teguh dan berterusan untuk mendapatkan pinjaman dalam keadaan pertumbuhan simpanan yang lembab, menyebabkan persaingan hebat di antara institusi-institusi kewangan utama bagi memperolehi simpanan dan seterusnya memberi tekanan yang kuat ke atas kadar faedah dalam negeri. Kadar purata wang bermalam antara bank telah meningkat sebanyak 1.6 unit peratusan iaitu daripada 5.2 peratus pada tahun 1980 kepada 6.8 peratus pada tahun 1985.

Syarikat kewangan mencatat kadar pertumbuhan yang tertinggi bagi pinjaman dalam tempoh RME, iaitu 28.1 peratus setahun berbanding dengan 22.6 peratus bagi bank saudagar dan 18.4 peratus bagi bank perdagangan. Selaras dengan bahagiannya yang besar dalam jumlah simpanan, sumbangan pinjaman yang dikeluarkan oleh syarikat kewangan dalam jumlah kredit sistem urusan bank bertambah dengan banyaknya daripada 13.6 peratus pada akhir tahun 1980 kepada 18.7 peratus pada akhir tahun 1985.

Sekiranya diambilkira sistem urusan bank pada keseluruhannya, jumlah pinjaman yang belum dijelaskan meningkat daripada \$26,303 juta pada akhir tahun 1980 kepada \$65,990 juta pada akhir tahun 1985, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 13-2. Pinjaman yang dikeluarkan dalam tempoh RME telah disalurkan terutamanya kepada sektor harta yang terdiri daripada pembinaan, pembangunan harta tanah dan pinjaman perumahan orang perseorangan. Dengan demikian, bagi sektor harta, pinjaman yang belum dijelaskan

bertambah daripada \$6,942 juta atau 26.4 peratus pada akhir tahun 1980 kepada \$22,984 juta atau 34.8 peratus pada akhir tahun 1985.

Jumlah pinjaman yang diberikan kepada sektor-sektor lain telah meningkat pada kadar yang sederhana. Bagi sektor pertanian pinjaman yang belum dijelaskan meningkat daripada \$2,142 juta pada akhir tahun 1980 kepada \$3,793 juta pada akhir tahun 1985 manakala bagi sektor pembuatan jumlahnya meningkat daripada \$5,443 juta kepada \$10,050 juta dalam tempoh yang sama. Walau bagaimanapun, bagi sektor-sektor ini bahagian pinjaman yang belum dijelaskan telah berkurang. Bagi sektor pertanian, bahagian pinjamannya daripada pinjaman yang belum dijelaskan telah berkurang daripada 8.1 peratus pada akhir tahun 1980 kepada 5.8 peratus pada akhir tahun 1985 dan bagi sektor pembuatan bahagian telah berkurang daripada 20.7 peratus kepada 15.2 peratus.

Empat sektor yang diberi keutamaan seperti dinyatakan di bawah garis panduan pinjaman perlu dipatuhi oleh bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan, iaitu sektor pengeluaran makanan pertanian, pinjaman perumahan perseorangan, perusahaan-perusahaan kecil dan masyarakat Bumiputera, terus mendapat kemudahan-kemudahan kredit bank yang mencukupi pada kadar faedah yang istimewa. Secara amnya, bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan telah mencapai matlamat pemberian pinjaman kepada ketiga-tiga sektor tersebut kecuali pinjaman kepada perusahaan-perusahaan kecil di bawah Skim Pinjaman Khas. Jumlah pinjaman yang diberikan kepada keempat-empat sektor ini telah meningkat dengan banyaknya terutamanya kepada masyarakat Bumiputera. Pinjaman-pinjaman yang diberikan kepada masyarakat Bumiputera meningkat daripada \$4,612 juta pada akhir tahun 1980 kepada \$17,266 juta pada akhir tahun 1985.

**PENINGKATAN TEKNOLOGI.** Dalam tempoh RME, terdapat kemajuan yang pesat dalam penggunaan teknologi bagi industri perusahaan bank. Terdapat lebih banyak pilihan dalam perkhidmatan dan kemudahan yang disediakan oleh bank-bank perdagangan dengan penggunaan komputer dalam urusan-ususniaga mereka. Pada akhir tahun 1985, sejumlah 15 bank atau 39.5 peratus daripada 38 bank perdagangan telah memasang 278 mesin teller automatik di ibu pejabat dan cawangan-cawangan mereka dan di tempat-tempat tertentu. Di bawah sistem penjelasan cek secara automatik oleh Pusat Penjelasan Automatik Kuala Lumpur (KLACH) semenjak bulan Januari, 1984, proses tersebut telah menjadi semakin mudah dan cepat di sekitar Kuala Lumpur, Petaling Jaya dan bandar-bandar lain di Lembah Klang.

**SISTEM BANK ISLAM.** Semenjak ditubuhkan dalam tahun 1983, Bank Islam Malaysia Berhad telah mencatat pertumbuhan yang pesat dengan jumlah simpanannya meningkat daripada \$91 juta pada akhir tahun 1983 kepada \$479 juta pada akhir tahun 1985. Dalam tempoh yang sama, pinjaman yang diberikan meningkat lebih daripada lapan kali iaitu daripada \$41 juta kepada \$355 juta. Aset Bank Islam meningkat sebanyak tiga kali daripada \$171 juta pada akhir tahun 1983 kepada \$584 juta pada akhir tahun 1985.

## Institusi Pengantaraan Kewangan Yang Lain

BANK SIMPANAN NASIONAL. Tabungan di Bank Simpanan Nasional meningkat sedikit daripada \$1,235 juta pada akhir tahun 1980 kepada \$1,404 juta pada akhir tahun 1985. Keadaan ini sebahagiannya menggambarkan persaingan yang bertambah daripada institusi-institusi kewangan yang menawarkan kadar faedah lebih tinggi dan perkhidmatan lebih baik. Pada bulan November, 1984, bank ini telah melancarkan skim simpanan tetap untuk menggalakkan tabungan. Untuk menggalakkan penyimpan-penyimpan menggunakan skim ini, pengecualian cukai pendapatan telah di beri ke atas faedah yang diperolehi daripada simpanan tetap bagi tempoh kematangan selama 12 bulan. Kadar faedah yang diperolehi daripada simpanan tetap bagi tempoh kematangan selama 6 bulan telah juga diberi pengecualian untuk sesuatu akaun, dan pengecualian ini terhad kepada \$100,000.

INSTITUSI-INSTITUSI KEWANGAN PERINDUSTRIAN. Institusi-institusi kewangan perindustrian yang terdiri daripada Bank Pembangunan Sabah Berhad (SDB), Permodalan Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (MIDF), Bank Kemajuan Perusahaan Malaysia Berhad (BKPMB), Bank Pembangunan Malaysia Berhad (BPMB) dan Perbadanan Kemajuan Borneo telah melengkapkan peranan sistem urusan bank. Kredit yang disediakan kepada sektor perindustrian oleh institusi-institusi ini meningkat daripada \$662 juta pada akhir tahun 1980 kepada \$803 juta pada akhir tahun 1984. Institusi-institusi kewangan perindustrian menyumbangkan 8.0 peratus daripada pinjaman yang belum dijelaskan kepada kegiatan-kegiatan perindustrian pada tahun 1984, manakala sistem urusan bank menyumbangkan 92.0 peratus.

Jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh MIDF dalam tempoh 1981-85 berjumlah \$656 juta. Pinjaman-pinjaman ini ditumpukan kepada kegiatan-kegiatan pembuatan, terutamanya untuk pengeluaran makanan, minuman dan tembakau, barang logam dan kejuruteraan, kayu dan barang perkayuan. MIDF memberi pinjaman kepada kegiatan-kegiatan pembuatan manakala BKPMB pula menumpukan kegiatannya kepada menggalakkan pertumbuhan dan pembangunan limbungan kapal dan industri perkapalan tempatan. Kredit untuk membiayai kegiatan-kegiatan pembinaan kapal telah meningkat dengan banyaknya. Pinjaman yang belum dijelaskan yang telah diberikan oleh BKPMB telah meningkat daripada \$12 juta pada akhir tahun 1980 kepada \$86 juta pada akhir tahun 1985.

INSTITUSI KREDIT PERTANIAN. Institusi-institusi kredit luar bandar terus menyediakan pinjaman kewangan kepada sektor pertanian. Pinjaman yang belum dijelaskan yang diberi oleh institusi-institusi luar bandar secara kumpulan yang terdiri daripada Bank Pertanian Malaysia (BPM), Bank Kerjasama Rakyat Malaysia, Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), koperasi-koperasi peladang dan syarikat-syarikat koperasi berasaskan pertanian yang lain, meningkat daripada \$276 juta pada akhir tahun 1980 kepada \$695 juta pada akhir tahun 1984. Institusi-institusi kredit luar bandar menyumbangkan 9.1

peratus daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan kepada sektor pertanian. Pada akhir tahun 1984, sebahagian besar daripada kredit kepada sektor pertanian adalah berpunca daripada sistem urusan bank yang menyumbangkan 46.5 peratus daripada jumlah kredit dan agensi-agensi pembangunan, iaitu Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan SDB, yang menyumbangkan 44.3 peratus.

BPM merupakan institusi kredit luar bandar yang terbesar dengan sumber-sumber kewangannya berjumlah \$1,400 juta atau 56.0 peratus daripada jumlah aset institusi-institusi kredit luar bandar pada tahun 1984. Pinjaman yang belum dijelaskan yang dikeluarkan oleh BPM meningkat daripada \$224 juta pada akhir tahun 1980 kepada \$612 juta pada akhir tahun 1984, iaitu 88.0 peratus daripada jumlah pinjaman yang diberi oleh institusi-institusi kredit luar bandar. Sebahagian besar pinjaman yang belum dijelaskan ini adalah untuk kegiatan sektor pertanian, terutamanya penanaman kelapa sawit, koko dan padi, pembangunan ternakan dan perikanan serta pembelian dan pembangunan tanah-tanah pertanian.

Syarikat-syarikat koperasi telah giat menjalankan kempen penggalakan dan penerangan untuk mendapatkan ahli-ahli baru dalam tempoh RME. Hasil daripada kempen ini, bilangan ahli syarikat-syarikat koperasi bertambah daripada 1,369,700 pada tahun 1980 kepada 2,750,000 pada tahun 1985 dan bilangan syarikat-syarikat koperasi telah bertambah daripada 1,980 kepada 2,720 pada tahun yang sama. Jumlah modal saham syarikat-syarikat koperasi telah juga meningkat daripada \$600 juta kepada \$1,124 juta. Sebahagian besar pinjaman yang dikeluarkan oleh syarikat-syarikat koperasi kepada ahli-ahlinya adalah untuk kegunaan sendiri, kegiatan sewabeli, perumahan dan perniagaan, manakala pinjaman-pinjaman yang diterima oleh Koperasi Industri Kampong (KIK) dengan kadar faedah yang mudah adalah untuk memperkembangkan perusahaan-perusahaan kraftangan, rangkaian pemasaran dan khidmat jualan.

INSTITUSI KREDIT PERUMAHAN. Pembiayaan untuk sektor bangunan kediaman telah mencapai kemajuan yang pesat seperti yang ditunjukkan oleh pertambahan pinjaman perumahan yang belum dijelaskan daripada \$5,312 juta pada akhir tahun 1980 kepada \$13,635 juta pada akhir tahun 1984. Sebahagian besar pertambahan ini tertumpu kepada pembiayaan perumahan kos rendah bagi sektor-sektor awam dan swasta. Secara kumpulan syarikat-syarikat perumahan dan institusi-institusi kredit perumahan yang terdiri daripada Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB), Syarikat Permodalan Bercagar Borneo Berhad (BHMF), Perbadanan Kredit Sabah dan Bank Kerjasama Rakyat Malaysia menyumbangkan 14.1 peratus daripada pinjaman perumahan yang belum dijelaskan pada tahun 1984. MBSB terus menjadi institusi kredit perumahan utama dengan sumbangan sebanyak 70.0 peratus daripada jumlah pinjaman daripada institusi-institusi kredit perumahan yang belum dijelaskan pada tahun 1984. Sistem urusan bank menyumbangkan 48.9 peratus daripada jumlah pinjaman yang belum dijelaskan yang diberi kepada sektor perumahan, manakala Kerajaan pula menyumbangkan sebanyak 37.0 peratus.

KUMPULAN-KUMPULAN WANG SIMPANAN DAN PENCEN. Jumlah sumber kewangan yang dikumpulkan oleh kumpulan-kumpulan wang simpanan dan pencen yang terdiri daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO), Kumpulan Wang Simpanan Guru (KWSG), Lembaga Tabung Angkatan Tentera (LTAT) dan kumpulan wang simpanan dan pencen berkanun dan swasta lain telah meningkat daripada \$11,129 juta pada akhir tahun 1980 kepada \$23,947 juta pada akhir tahun 1984, selaras dengan pertambahan jumlah keahlian daripada 5,631,200 kepada 7,310,000. Kumpulan-kumpulan wang simpanan dan pencen ini terus menyediakan sumber kewangan jangka panjang yang terbesar untuk tujuan pembangunan. Pada akhir tahun 1984 sebanyak \$16,736 juta atau 88.4 peratus daripada jumlah pelaburan oleh kumpulan-kumpulan wang simpanan dan pencen adalah dalam bentuk surat-surat jaminan Kerajaan. Di samping itu, kumpulan wang simpanan dan pencen juga merupakan sumber kewangan kepada sektor swasta, dengan 2.6 peratus daripada portfolio pelaburannya adalah dalam bentuk surat-surat jaminan syarikat. KWSP, yang mempunyai 60.9 peratus daripada jumlah ahli dalam kumpulan wang simpanan dan pencen, menyumbangkan sebanyak 86.2 peratus daripada jumlah sumber kewangan yang terdapat pada akhir tahun 1984. Dalam tempoh 1981-84, sejumlah \$809 juta daripada tabungan KWSP telah dikeluarkan oleh ahli-ahli untuk membeli 183,500 unit rumah.

#### Pasaran Modal

PERTUMBUHAN DAN ARAH ALIRAN. Dalam tempoh RME, jumlah wang yang terkumpul dalam pasaran modal Malaysia, yang terdiri daripada surat-surat jaminan Kerajaan serta stok dan saham syarikat yang dikeluarkan melalui penjualan surat-surat jaminan Kerajaan dan syarikat yang disenaraikan adalah sebanyak \$25,945 juta. Penglibatan sektor awam yang meluas dalam pasaran modal telah meningkat pada tahun-tahun awal lapan puluhan, hasil daripadanya meningkatnya pinjaman oleh Kerajaan bagi membiayai projek-projeknya yang bertujuan untuk bertindak balas kepada pertumbuhan sektor swasta yang semakin perlahan. Walau bagaimanapun, pada akhir tempoh RME, pengurangan perbelanjaan pada keseluruhannya oleh sektor awam dan seterusnya pembiayaan menerusi penjualan surat-surat jaminan Kerajaan telah mengurangkan bahagian sektor awam dalam jumlah bersih wang yang dikumpulkan di pasaran modal daripada 93.6 peratus pada tahun 1980 kepada 87.5 peratus pada tahun 1985. Pada masa yang sama, kedudukan kredit yang agak ketat terutamanya dalam tahun 1984 telah menyebabkan syarikat-syarikat swasta menggunakan dengan lebih pembiayaan secara modal saham. Oleh yang demikian, saham baru yang dikeluarkan telah bertambah dengan banyaknya dan jumlah bersih wang yang dikumpul oleh sektor swasta menerusi penjualan saham adalah sebanyak \$5,841 juta dalam tempoh RME.

Dalam tempoh RME, sebanyak 34 syarikat baru telah disenaraikan dalam Pasaran Saham Kuala Lumpur (PSKL) menjadikan jumlah syarikat-syarikat sebanyak 284 pada tahun 1985. Bilangan syarikat baru yang disenaraikan bertambah dengan pesat terutamanya dalam tahun-tahun 1983 dan 1984 dan pertambahan bagi tahun-tahun ini merupakan 61.8

peratus daripada jumlah pertambahan tersebut. Kerajaan telah membekukan penyenaian baru pada bulan Februari, 1985 sebagai langkah mengukuhkan pasaran saham tempatan. Dalam bulan Oktober, 1985 penyenaian terpilih telah dilaksanakan, menggantikan penagguhan ke atas penyenaian baru bagi membolehkan syarikat-syarikat mendapatkan sumber kewangan bagi membiayai projek-projek mereka. Selaras dengan pertambahan bilangan syarikat yang disenaraikan, jumlah nilai nominal saham telah meningkat daripada \$7,861 juta pada tahun 1980 kepada \$22,638 juta pada tahun 1985 dan jumlah nilai pasarannya telah meningkat daripada \$43,095 juta kepada \$58,296 juta.

**PENYERTAAN BUMIPUTERA DALAM PASARAN MODAL.** Skim Amanah Saham Nasional (ASN) terus menyediakan kemudahan kepada masyarakat Bumiputera untuk melabur di dalam saham-saham syarikat. Bilangan pemegang-pemegang saham meningkat daripada 841,200 pada tahun 1981 kepada 2,053,600 pada tahun 1985, dan pelaburan terkumpul oleh pemegang-pemegang saham mencapai \$1,922 juta pada tahun 1985. Pada akhir tahun 1985, pelaburan ASN meliputi saham-saham dalam 111 syarikat yang berjumlah sebanyak \$2,496 juta.

#### Insurans

**ARAH ALIRAN PERTUMBUHAN.** Jumlah kumpulan wang insurans, yang terdiri daripada kumpulan wang insurans nyawa dan insurans am, berkembang pada kadar purata sebanyak 20.3 peratus setahun iaitu daripada \$2,476 juta pada akhir tahun 1980 kepada kira-kira \$6,251 juta pada akhir tahun 1985. Dalam tempoh 1981-85, kumpulan wang insurans nyawa yang merupakan kira-kira 69 peratus daripada jumlah kumpulan wang insurans telah mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan yang lebih tinggi iaitu 21.0 peratus berbanding dengan insurans am yang berkembang pada kadar 19.0 peratus.

Dalam tempoh 1981-85, perniagaan insurans nyawa berkembang dengan lebih pesat berbanding dengan perniagaan insurans am. Jumlah premium tahunan untuk perniagaan insurans nyawa mencatatkan kadar pertumbuhan kira-kira sebanyak 21 peratus berbanding dengan 8.5 peratus bagi premium kasar untuk perniagaan insurans am. Perkembangan perniagaan insurans nyawa adalah disebabkan terutamanya oleh meningkatnya premium untuk polisi sementara yang dianggarkan berkembang pada kadar 47.8 peratus setahun dan polisi seumur hidup sebanyak 26.2 peratus setahun. Kadar pertumbuhan tahunan adalah perlahan bagi polisi-polisi bertempoh tetap iaitu sebanyak 17.8 peratus. Begitu juga dengan polisi-polisi insurans nyawa yang lain yang berkembang sebanyak 16.6 peratus. Oleh yang demikian, sumbangan polisi-polisi sementara dan seumur hidup meningkat daripada 32.8 peratus pada tahun 1980 kepada 41.5 peratus pada tahun 1985, seperti ditunjukkan dalam Carta13-1.

Prestasi sektor kecil perniagaan insurans am, sebahagian besarnya disokong oleh pertumbuhan polisi pelbagai yang berkembang pada kadar 11.4 peratus dan polisi kenderaan "lain-lain" pada kadar 8.7 peratus setahun. Pertumbuhan tahunan adalah

lebih perlahan bagi polisi kebakaran iaitu pada kadar 7.2 peratus; laut, udara dan transit (LUT) 6.6 peratus dan perlindungan insurans kenderaan komprehensif 4.7 peratus. Sumbangan polisi-polisi perlindungan insurans kenderaan lain-lain dan pelbagai bertambah daripada 52.8 peratus pada tahun 1980 kepada 56.8 peratus pada tahun 1985, seperti yang ditunjukkan dalam Carta 13-2.

Dalam tempoh RME, bilangan syarikat insurans tempatan telah meningkat daripada 60.0 peratus dalam tahun 1980 kepada 84.1 peratus pada tahun 1985. Dengan demikian, bahagian pasaran syarikat-syarikat tempatan dalam perniagaan insurans baru telah berkembang, terutamanya syarikat insurans nyawa. Bahagian pasarannya dalam premium tahunannya telah meningkat daripada 34.7 peratus pada tahun 1980 kepada 41.1 peratus pada tahun 1985.

**INSURANS ISLAM.** Industri insurans telah diperkukuhkan lagi dengan penubuhan syarikat insurans Islam iaitu Syarikat Takaful Sendirian Berhad yang telah memulakan perniagaannya pada bulan Ogos, 1985. Penubuhannya berdasarkan kepada undang-undang dan amalan Syariah yang menekankan konsep saling bertanggungjawab, bekerjasama dan tolong menolong, syarikat tersebut telah menawarkan perkhidmatan insurans keluarga dan insurans am untuk melengkapkan perkhidmatan yang sedia ada dalam industri insurans.

**PENGUMPULAN WANG.** Industri insurans terus memainkan peranan utama bagi pengumpulan wang melalui sumbangan daripada premium insurans nyawa dan insurans am. Dalam tempoh RME, syarikat insurans kekal sebagai sumber kumpulan wang yang penting bagi sektor-sektor awam dan swasta. Dalam tempoh yang sama juga, kumpulan wang insurans yang dilabur dalam surat-surat jaminan syarikat, dan wang tunai dan simpanan tunai telah menunjukkan haluan yang merosot. Walau pun demikian, dalam tahun 1985, kira-kira 38 peratus daripada jumlah pelaburan insurans nyawa adalah dalam aset-aset tersebut dan bagi insurans am, bahagiannya adalah 41 peratus.

**INSURANS SEMULA SEBERANG LAUT.** Walaupun kemajuan telah dicapai dalam industri insurans, sebahagian besar daripada kegiatan insurans semula masih dilakukan di seberang laut. Pengaliran keluar tukaran asing ini mengakibatkan kurangan akaun imbalan pembayaran. Pada tahun 1985, sebanyak \$275.1 juta atau 23.6 peratus daripada premium yang diurusniaga telah diinsuranskan semula di seberang laut berbanding dengan \$190.1 juta atau 24.5 peratus pada tahun 1980. Komponen LUT dalam sektor kecil perniagaan insurans am terus merupakan penyumbang utama kepada jumlah insurans semula seberang laut, dan bahagiannya meningkat daripada 45.2 peratus pada tahun 1980 kepada kira-kira 46.3 peratus pada tahun 1985.

Berbagai langkah telah diambil oleh Kerajaan untuk menurunkan kurangan di dalam penerimaan bersih insurans dalam akaun imbalan pembayaran. Langkah-langkah ini termasuk langkah-langkah pengumpulan oleh syarikat-syarikat insurans yang mengambil risiko-risiko khusus dan penyerahan serta penyerahan balik kepada syarikat insurans

semula iaitu Malaysian National Reinsurance Berhad (MNRB). Bahagian pembayaran insurans[ dalam kurungan dalam akaun tidak ketara menurun daripada 30.6 peratus pada tahun 1980 kepada 16.3 peratus pada tahun 1985.

### **III. PROSPEK, 1986-9**

Sektor kewangan adalah dijangka berkembang pada kadar 6.8 peratus setahun dan mewujudkan 18,300 pekerjaan baru. Sungguhpun kadar pertumbuhan yang diunjurkan ini adalah lebih rendah daripada kadar pertumbuhan sebanyak 7.2 peratus yang dicapai dalam tempoh RME, sumbangannya kepada KDNK dijangka meningkat daripada 8.8 peratus pada tahun 1985 kepada 9.6 peratus pada tahun 1990. Peluang bagi institusi-institusi kewangan meningkat dan berkembang dijangka berpunca daripada sektor-sektor pembuatan, pertanian, pelancongan, pembinaan dan perdagangan luar. Sektor-sektor ini akan menghasilkan sebahagian besar daripada permintaan kredit dalam sistem kewangan.

Jurang di antara penyimpanan dan pelaburan dijangka kekal dalam tempoh RML. Langkah-langkah akan diambil untuk mewujudkan sistem kewangan yang lebih cekap dan berkesan untuk mengumpulan dan mengagihkan sumber-sumber kewangan. Di samping dasar bank yang teguh, dasar kewangan yang melengkap akan terus ditumpukan ke arah mewujudkan iklim pelaburan yang menarik untuk memupuk dan memperkuat keyakinan para pelabur. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk mengurangkan bebanan hutang, terutamanya hutang luar negeri, pembiayaan menerusi modal saham akan menjadi lebih penting sebagai sumber kewangan bagi melaksanakan projek-projek baru di samping memperbesar projek yang sedia ada. Berkaitan dengan dasar ini, galakan untuk menarik pelaburan asing khususnya dalam bentuk modal, adalah dijangka menjadi lebih penting dalam tempoh RML. Langkah-langkah akan juga diambil untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan PSKL untuk memberi khidmat yang diperlukan oleh pelabur-pelabur di samping mengukuhkan keyakinan pelabur-pelabur. Berhubung dengan insurans, usaha-usaha akan dipergiatkan untuk mengurangkan insurans semula seberang laut dan seterusnya mengurangkan pengaliran keluar tukaran asing.

#### **Sistem Kewangan**

PERMODENAN SISTEM URUSAN BANK. Sistem kewangan perlulah diperkembangkan dan diperdalamkan lagi untuk menghadapi cabaran-cabaran dengan lebih berkesan dalam tempoh RML. Dengan perkembangan sistem kewangan ke arah peringkat yang lebih matang dan maju, adalah diharapkan sistem kewangan akan diberi kelonggaran secara beransur-ansur untuk menggalakkan persaingan yang lebih dikalangan institusi-institusi kewangan dan untuk mewujudkan pasaran-pasaran dan alat-alat kewangan baru serta paras kadar faedah yang lebih berorientasikan pasaran.



Sistem kewangan mempunyai potensi memajukan perkhidmatan kewangan bercorak baru. Institusi-institusi kewangan dijangka menceburi bidang baru seperti pembiayaan modal saham, modal meneroka, pengurusan pasarah hadapan bagi barangan dan perkhidmatan nasihat bagi syarikat di samping perkhidmatan bank yang sedia ada. Adalah dijangka dengan adanya persaingan yang lebih ketat institusi-institusi kewangan akan menawarkan perkhidmatan yang lebih lengkap dan meluas.

Urusan-urusan bank perdagangan akan dipertingkatkan lagi dengan meningkatkan penggunaan komputer serta penggunaan teknologi moden dalam bidang mendapat maklumat dan perhubungan dengan lebih luas. Kemajuan terbaharu yang dicapai oleh industri komputer bagi mesin teller automatik, yang menawarkan urusan bank yang meluas, pada masa dan tempat yang paling menyenangkan pengguna akan mempercepatkan perjalanan urusan bank. Perkhidmatan baru yang ditawarkan melalui penggunaan teknologi moden ini dijangka termasuk pinjaman dan insurans, membeli dan menjual saham dan stok, memindah kumpulan wang secara elektronik serta memberi nasihat mengenai berbagai skim simpanan dan pelaburan. Sungguhpun dijangka bahawa penggunaan komputer secara amnya akan memberi faedah pelanggan mereka, institusi-institusi kewangan sebagai industri yang memberi perkhidmatan, akan terus memberi perhatian kepada urusan bank secara langsung untuk memenuhi keperluan khusus tiap-tiap pelanggan mereka.

Persaingan yang hebat yang dijangka wujud daripada pelonggaran peraturan-peraturan sistem kewangan dijangka akan meningkatkan profesionalisme dalam industri ini, meningkatkan kecekapan dan memperbaiki produktiviti institusi-institusi kewangan. Institusi-institusi kewangan perlulah mempergiatkan usaha mengurangkan kos-kos pentadbiran dan operasi supaya lebih berkesan dan dengan demikian mengurangkan kos-kos perantaraan untuk memberi faedah kepada peminjam dan penyimpan mereka. Perhatian yang khusus hendaklah ditumpukan bagi meningkatkan profesionalisme, terutamanya bagi memajukan kemahiran yang perlu untuk mengendalikan urusan bank dan kewangan yang lebih kompleks serta menanam semangat bertanggungjawab umum sebagai pemegang tabungan awam.

**PORTFOLIO PINJAMAN INSTITUSI KEWANGAN.** Selaras dengan keutamaan yang diberi untuk memajukan kegiatan-kegiatan pembuatan, pertanian dan pelancongan, sejumlah besar kredit perlu disalurkan kepada sektor-sektor tersebut. Oleh itu institusi-institusi kewangan diharap dapat menyalurkan lebih banyak pinjaman mereka kepada sektor-sektor ini dengan lebih dan mengurangkan tumpuan mereka kepada sektor harta. Peruntukan \$1,000 juta bagi Tabung Pelaburan Baru (NIF) yang ditubuhkan baru-baru ini oleh Kerajaan akan membolehkan sektor-sektor pembuatan, pertanian dan pelancongan menikmati peluang pinjaman ini pada kadar faedah yang menarik. Tabung ini secara beransur-ansur akan dijangka dapat mengurangkan penumpuan kredit yang berlebihan kepada sektor harta.

Sungguhpun secara keseluruhannya sektor harta kurang diberi keutamaan, peruntukan kredit kepada industri rumah kos rendah akan diberi perhatian khas. Dengan demikian, Kerajaan akan terus mengawasi kegiatan-kegiatan pinjaman institusi-institusi kewangan khususnya pinjaman perumahan kepada orang perseorangan di bawah garis panduan pinjamannya. Selain daripada peruntukan kredit, langkah-langkah seperti memanjangkan tempoh pembayaran balik serta memperbaiki tatacara permohonan pinjaman perumahan akan juga dilaksanakan untuk memastikan matlamat skim rumah kos rendah khas tercapai. Kerajaan juga akan mengambil langkah-langkah untuk mewujudkan pasaran cagaran kedua, bukan hanya untuk memberi kebebasan kepada bank untuk menyesuaikan portfolio pinjaman mereka selaras dengan keadaan kewangan, tetapi juga untuk membolehkan pembeli rumah mendapatkan faedah daripada kadar faedah yang lebih rendah.

Sejajar dengan jangkaan arah aliran peruntukan kredit, institusi-institusi kewangan perindustrian dan kredit luar bandar perlu mempergiatkan usaha mereka untuk menyokong pertumbuhan projek dan kegiatan pembuatan dan pertanian. Untuk tujuan ini, BKPMB, BPMB, dan MIDF telah diberi peruntukan yang lebih oleh Kerajaan sebagai persediaan untuk menampung kegiatan-kegiatan yang dijangka bertambah disebabkan kenaikan permintaan kredit oleh sektor-sektor pembuatan dan pertanian.

Perusahaan-perusahaan kecil akan terus digalakkan. Institusi-institusi kewangan dijangka dapat menyokong dan membantu dari segi kemudahan kredit, kemahiran teknologi dan khidmat nasihat pengurusan serta perundingan kepada perusahaan-perusahaan kecil yang terlibat dalam kegiatan-kegiatan perniagaan am, pembuatan dan pertanian. Dari segi kemudahan kredit, institusi-institusi kewangan diharapkan dapat mengkaji semula kriteria bagi pemberian kredit mereka supaya lebih berasaskan kepada daya maju projek dan kurang kepada cagaran. Penyediaan pinjaman dengan syarat-syarat mudah akan menggalakkan lagi pertumbuhan pesat bagi perusahaan-perusahaan kecil.

**PENYELIAAN, PENGAWASAN DAN PENGAWALAN.** Kerajaan akan terus mengawasi kegiatan institusi-institusi kewangan dengan rapi untuk memastikan taraf kedudukan kewangan yang teguh dan amalan urusan bank yang lebih cermat dikekalkan. Sistem laporan dan pengawasan yang menyeluruh adalah perlu dalam suasana urusan bank yang lebih bebas berikutan daripada pelonggaran peraturan-peraturan urusan bank. Bagi mencapai tujuan ini, Kerajaan dijangka mengetatkan lagi peraturan untuk melindungi kepentingan awam.

#### Pasaran Modal

**MEMPERBADANKAN FIRMA-FIRMA BROKER SAHAM.** Memandangkan kedudukan kecairan yang ketat dalam sistem kewangan, pasaran modal akan menjadi bertambah penting dalam usaha mencari sumber-sumber kewangan lain-lain. Usaha-usaha untuk meningkatkan keberkesanan PSKL sebagai sebuah badan perantaraan untuk mengumpul modal swasta, akan dipergiatkan lagi. Langkah akan ditumpukan kepada pembangunan

PSKL untuk menjadikannya sebuah pasaran saham antarabangsa yang lebih cekap, selaras dengan bursa-bursa utama lain di dunia. Di samping itu, firma-firma broker saham akan diperbadankan dengan penyertaan yang lebih meluas daripada bank-bank perdagangan, bank-bank saudagar dan firma-firma broker saham luar negeri.

Asas modal yang sedia ada bagi firma-firma broker saham akan diperluaskan, supaya PSKL dapat mengekalkan jumlah besar jumlah pusingan dan menarik lebih banyak pelabur-pelabur daripada institusi yang besar ke dalam pasaran modal. Untuk tujuan ini, langkah untuk memperbadankan firma-firma broker saham, terutamanya melalui penyertaan broker-broker saham asing dan institusi-institusi kewangan tempatan, bukan hanya dapat meluaskan asas modal, tetapi juga meningkatkan kecekapan dan profesionalisme dalam pasaran saham. Di samping itu, penglibatan firma-firma broker saham asing dijangka akan meningkatkan pelaburan asing dalam syarikat-syarikat tempatan melalui penyertaannya dalam pasaran surat-surat jaminan.

**PENINGKATAN KECEKAPAN DAN MEYAKINKAN PELABUR.** Langkah-langkah akan diambil untuk menyelaraskan amalan-amalan dan tatacara PSKL yang ada dengan amalan dan taraf antarabangsa. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk memperbaiki penyebaran maklumat melalui laporan harga semasa sebenar, yang dijangka dapat mengurangkan jangka masa dan meningkatkan ketepatan maklumat. Sebagai tambahan kepada mengembangkan asas modal firma-firma broker saham kemudahan kredit kecemasan akan diatur untuk industri broker saham oleh PSKL bersama-sama dengan konsortium bank-bank. Kemudahan ini, yang merupakan tabungan luar dugaan untuk industri tersebut, adalah dijangka dapat memberikan sokongan kewangan kepada firma-firma broker saham tempatan dan dengan itu dapat menanamkan keyakinan pelabur-pelabur.

## Insurans

**PENINGKATAN KEUPAYAAN INDUSTRI INSURANS.** Dalam tempoh RML, industri insurans tempatan perlu diperbaiki bukan hanya untuk mengambil kesempatan daripada peluang-peluang yang diadakan oleh berbagai sektor dalam ekonomi, tetapi juga untuk mengurangkan pengaliran keluar tukaran asing daripada pembayaran-pembayaran insurans semula. Penekanan akan diberi untuk meningkatkan keupayaan dan kemampuan industri insurans untuk membolehkan penyimpanan premium-premium di dalam negeri dengan lebih berkesan. Usaha-usaha yang lebih giat akan diambil untuk menambah asas modal syarikat-syarikat insurans secara berperingkat-peringkat, manakala syarikat insurans akan menubuhkan suatu konsortium dan berkerja rapat dengan MNRB untuk membolehkan penyimpanan premium-premium di dalam negeri dengan lebih berkesan.

Kerajaan akan terus membantu industri insurans melalui penyediaan galakan-galakan cukai dan fiskal. Di samping itu, industri insurans akan mempergiatkan usahasama dengan industri perkapalan untuk menggalakkan penggunaan perkhidmatan-perkhidmatan insurans dan perkapalan tempatan oleh pengeksport dan pengimport.

Untuk tujuan menambahkan jualan, industri insurans perlu menggunakan strategi pemasaran yang bersungguh-sungguh.

**PENINGKATAN KEPAKARAN DAN PROFESIONALISME.** Peningkatan profesionalisme adalah keperluan penting untuk meningkatkan kemampuan industri insurans. Industri ini akan memberi perhatian khusus kepada pembangunan tenaga manusia dan latihan. Langkah ini bertujuan menambah bilangan graduan dalam bidang sains aktuari. Penekanan akan diberi kepada latihan sambil kerja melalui kursus-kursus, seminar-seminar dan penempatan di agensi-agensi antarabangsa, terutamanya dalam bidang insurans udara dan laut.

#### **IV. PERUNTUKAN**

Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan dalam tempoh 1981-85 dan peruntukan untuk tempoh 1986-90 bagi kewangan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 13-3.

#### **V. PENUTUP**

Dalam tempoh RML, sektor kewangan mempunyai potensi untuk berkembang dan dijangka dapat meningkatkan sumbangan kepada KDNK, gunatenaga dan penjimatan tukaran asing. Pelonggaran peraturan dalam sektor ini dijangka dapat membuka peluang untuk kegiatan-kegiatan baru dan melicinkan perkembangan kegiatan yang sedia ada. Di samping peraturan-peraturan urusan bank yang teguh, Kerajaan akan terus memberi sokongan-sokongan yang perlu untuk mewujudkan iklim pelaburan yang menarik bagi memupuk keusahawanan dan daya usaha. Cabaran-cabaran pada masa hadapan dijangka akan menggerakkan sektor kewangan ke tahap yang lebih matang, cekap dan berkesan, terutamanya bagi mengumpul dan mengagihkan sumber.

## **BAB 14 : PELANCONGAN**

### **I. PENDAHULUAN**

Industri pelancongan telah diberi keutamaan yang tinggi oleh Kerajaan dalam tempoh separuh masa kedua Rancangan Malaysia Keempat (RME) memandangkan potensinya untuk memainkan peranan yang penting bagi mengatasi masalah kurangan dalamimbangan pembayaran negara. Semenjak beberapa tahun ini industri pelancongan telah berkembang menjadi sumber pendapatan tukaran asing yang penting dan punca pertumbuhan ekonomi serta sumber penyediaan peluang-peluang pekerjaan bagi negara.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), industri ini akan terus digalakkan dan dimajukan supaya ianya memberi sumbangan yang lebih besar kepada ekonomi negara. Dalam usaha untuk memajukan industri ini, pasaran-pasaran asing dan tempatan akan diberi penekanan yang seimbang. Sektor swasta dijangka memainkan peranan yang semakin besar dalam memajukan industri ini manakala sektor awam akan bertanggungjawab terutamanya bagi menyediakan kemudahan asas dan galakan, memperkenalkan negara sebagai destinasi pelancongan, serta menyediakan sumber kewangan untuk pelaburan dalam industri ini.

### **II. KEMAJUAN, 1981-85**

Industri pelancongan telah berkembang pada kadar yang memuaskan dalam tempoh RME. Bilangan pelancong yang tiba di Malaysia telah meningkat pada kadar 7.5 peratus setahun daripada 2.25 juta pada tahun 1980 kepada 3.22 juta pada tahun 1985 lebih tinggi daripada kadar matlamat RME, iaitu sebanyak 6.6 peratus. Dalam tempoh yang sama, bilangan pelancong yang tiba di rantau Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN) telah berkembang pada kadar 6.0 peratus setahun. Semenanjung Malaysia telah menerima lebih daripada 90 peratus daripada jumlah pelancong yang tiba di Malaysia.

Pelawat-pelawat yang bermalam sekurang-kurangnya satu malam dan tujuan perjalanan antara lain adalah untuk beristirehat, urusan perniagaan, melawat kaum keluarga dan menghadiri mesyuarat atau persidangan. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 14-1, bilangan pelancong dari negara-negara ASEAN lain merupakan jumlah terbesar iaitu sebanyak 76.7 peratus daripada jumlah pelancong yang tiba pada tahun 1985 disebabkan kedudukannya yang berdekatan dengan Malaysia.

Di kalangan negara-negara ASEAN, sebahagian besar daripada pelancong yang tiba adalah dari Singapura dan Thailand. Pada tahun 1985, sebanyak 86.0 peratus daripada jumlah pelancong ASEAN adalah dari Singapura dan 11.9 peratus dari Thailand. Dalam tempoh RME, pelancong dari Singapura telah meningkat pada kadar 9.4 peratus setahun iaitu daripada 1,331,400 pada tahun 1980 kepada 2,080,400 pada tahun 1985. Diluar rantau ASEAN, Jepun merupakan pasaran pelancongan yang terbesar yang telah mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 7.5 peratus setahun. Sumber pelancong antarabangsa lain yang penting termasuk Benua Eropah, Australia dan New Zealand, United Kingdom, Hong Kong dan Amerika Syarikat.

Dalam tempoh RME, pelancongan tempatan berkembang pada kadar yang lebih perlahan. Dengan menggunakan bilangan penduduk tempatan yang menginap di hotel-hotel sebagai ukuran pelancongan tempatan, bilangannya telah meningkat pada kadar 2.9 peratus setahun iaitu daripada 2.6 juta pada tahun 1980 kepada 3.0 juta pada tahun 1985. Peratusan menginap tempatan daripada jumlah penginap hotel telah merosot daripada 64.5 peratus pada tahun 1980 kepada 61.7 peratus pada tahun 1985. Pada tahun 1984, bandar-bandar pantai barat Semenanjung Malaysia, selain daripada Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, telah mencatatkan bahagian yang terbesar menginap tempatan daripada jumlah penginap iaitu sebanyak 81.7 peratus, diikuti oleh bandar-bandar di pantai timur sebanyak 77.1 peratus, Kuching 76.8 peratus dan Kota Kinabalu 72.9 peratus.

Dalam tempoh RME, tukaran asing yang diperolehi daripada industri pelancongan telah meningkat daripada \$713.4 juta pada tahun 1980 kepada \$1,730.6 juta pada tahun 1985 iaitu pada kadar 19.4 peratus setahun berbanding dengan matlamat sebanyak 18.9 peratus. Sumbangan industri ini kepada jumlah pendapatan tidak ketara yang diperolehi oleh negara telah meningkat daripada 16.1 peratus pada tahun 1980 kepada 18.8 peratus pada tahun 1985. Setelah mengambilkira kemasukan pelancong-pelancong asing dan bilangan penduduk tempatan yang melawat ke negara-negara asing, sumbangan bersih sektor pelancongan kepada imbalan bayaran negara adalah berbeza-beza dari setahun kesetahun, iaitu kurang sebanyak \$115 juta pada tahun 1980, lebihan sebanyak \$127 juta pada tahun 1983 dan kurang sebanyak \$113 juta pada tahun 1984.

Dari segi corak perbelanjaan pelancong asing di negara ini, perbelanjaan yang terbesar adalah untuk penginapan yang merupakan 45.5 peratus daripada jumlah perbelanjaan, dan untuk makanan, minuman dan membeli-belah sebanyak 36.5 peratus. Corak perbelanjaan ini samalah seperti yang terdapat di negara-negara lain. Pelancong-pelancong Jepun mempunyai kecenderungan berbelanja yang tertinggi dengan mencatatkan perbelanjaan per kapita sebanyak \$1,267 pada tahun 1985, diikuti oleh pelancong dari Australia dan New Zealand sebanyak \$1,199 dan pelancong dari United Kingdom sebanyak \$1,135 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 14-2. Bagi pelancong tempatan, perbelanjaan ke atas pengangkutan adalah yang tertinggi diikuti oleh perbelanjaan untuk makanan, minuman dan membeli-belah. Pada amnya, perbelanjaan ke atas penginapan merupakan sebahagian kecil daripada jumlah perbelanjaan

disebabkan pelancong tempatan kurang menggunakan tempat penginapan yang ada untuk disewa.

Pada tahun 1985, tempoh purata penginapan bagi pelancong-pelancong di Malaysia adalah 4.8 malam. Walau bagaimanapun, Sabah dan Sarawak telah mencatatkan tempoh yang lebih panjang iaitu 10.6 malam di Sabah dan 8.4 malam di Sarawak berbanding dengan 4.5 malam di Semenanjung Malaysia. Tujuan utama kedatangan pelancong ke negara ini adalah untuk beristirahat, manakala dari segi kaedah perjalanan, lebih ramai pelancong datang secara bersendirian berbanding dengan secara kumpulan.

Dalam tempoh 1981-85, seperti yang ditunjukkan dalam Carta 14-1, bilangan bilik hotel di negara ini telah meningkat dengan banyaknya daripada 27,500 pada tahun 1980 kepada 40,400 pada tahun 1985 dan pertambahan ini melibatkan jumlah pelaburan sebanyak \$2,913 juta. Pertambahan tersebut adalah berikutan daripada kekurangan yang sangat ketara dalam bilik hotel, satu faktor yang telah menyebabkan kadar sewa bilik yang tinggi sebelum tempoh tersebut. Sebahagian besar daripada hotel-hotel baru adalah bertaraf antarabangsa dan mempunyai lebih daripada 100 bilik. Dengan bertambahnya bilangan hotel pada kadar yang lebih pesat berbanding dengan pertambahan pelancong asing serta tempatan, kadar purata penginapan bagi hotel telah merosot daripada 64.4 peratus pada tahun 1980 kepada 55.0 peratus pada tahun 1985. Keadaan yang serupa juga wujud di negara-negara lain di rantau ini.

Dalam tempoh RME, gunatenaga dalam industri pelancongan telah meningkat dengan pesatnya terutama disebabkan banyak hotel baru telah memulakan perkhidmatannya. Bilangan pekerja secara langsung dalam hotel-hotel telah meningkat daripada 17,600 pada tahun 1980 kepada 30,300 pada tahun 1985. Bilangan lesen yang dikeluarkan kepada syarikat-syarikat bas pelancong, teksi mewah dan kereta sewa berjumlah 4,420 dalam tempoh tersebut. Bilangan agensi-agensi pengembaraan telah meningkat daripada 574 pada tahun 1980 kepada 1,290 pada tahun 1985. Dengan adanya Peraturan-peraturan Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (Perniagaan Kendalian Pelancongan dan Perniagaan Agensi Pengembaraan), 1985, semua agensi pelancong dan agensi pengembaraan dikehendaki mendaftar dengan Perbadanan tersebut mulai bulan Jun, 1985. Peraturan ini diperkenalkan dengan tujuan memastikan supaya industri tersebut berkembang dengan sihat. Sehingga akhir tahun 1985, sebanyak 700 pengusaha agensi-agensi tersebut telah didaftarkan.

Sungguhpun kemajuan telah dicapai pada masa lepas, Malaysia masih belum terkenal sebagai sebuah destinasi pelancongan disebabkan oleh beberapa faktor. Faktor utama ialah kurangnya publisiti mengenai Malaysia melalui media massa. Di samping itu, tempat dan kemudahan pelancongan yang terdapat di negara ini masih kurang diketahui oleh penduduk tempatan.

Sebahagian besar usaha memperkenalkan negara telah dijalankan oleh sektor awam, terutamanya Perbadanan Kemajuan Pelancongan Malaysia (TDC) dan Sistem

Penerbangan Malaysia (MAS). Walau bagaimanapun, usaha-usaha yang dijalankan oleh kedua-dua agensi tersebut adalah terhad disebabkan kurangnya keutamaan yang diberikan kepada industri ini pada masa lampau. Di samping itu, beberapa Kerajaan Negeri telah juga giat memperkenalkan negara ini sebagai destinasi percutian dengan memberi penekanan kepada negeri masing-masing. Usaha yang telah diambil oleh sektor swasta bagi menyokong sektor awam adalah terlalu kecil.

Dalam tempoh RME, TDC membelanjakan sebanyak \$58.4 juta dalam kegiatan penggalakkan. Peruntukan tahunan bagi tujuan ini telah meningkat daripada \$11.1 juta pada tahun 1981 kepada \$21.1 juta pada tahun 1985. Kaedah penggalakan yang digunakan termasuk rencana dan iklan dalam majalah-majalah industri pelancongan dan perniagaan, iklan-iklan di televisyen, pameran, filem rencana mengenai tempat-tempat menarik di Malaysia, bengkel, seminar, serta menjadi tuan rumah kepada wartawan pelancongan, kakitangan perfileman dan wakil jualan. Dalam tempoh RME, 29.0 peratus daripada jumlah perbelanjaan bagimeningkatkan kegiatan penggalakkan pelancongan adalah untuk pasaran Eropah, 22.9 peratus untuk pasaran Jepun dan 17.7 peratus untuk pasaran ASEAN. Kesan daripada usaha-usaha ini sebahagiannya telah ditunjukkan menerusi kadar yang tinggi dalam pertambahan pelancong terutamanya dari Jepun sebanyak 9.4 peratus setahun dan dari negara ASEAN sebanyak 7.5 peratus setahun.

Memandangkan kepada keadaan yang saling bergantung di antara pengangkutan udara dan industri pelancongan, MAS telah memperkenalkan Malaysia sebagai destinasi percutian di samping mempergiatkan usaha menarik lebih ramai penumpang menggunakan perkhidmatannya. Dalam tempoh RME, MAS telah membelanjakan sebanyak \$71.0 juta untuk iklan dan penggalakkan. Daripada jumlah tersebut sebanyak 22.4 peratus adalah digunakan untuk memperkenalkan Malaysia. Di samping itu, MAS telah juga menjalankan usaha penggalakkan bersama dengan TDC.

Pada masa lepas, usaha-usaha penggalakkan lebih ditumpukan kepada pasaran asing daripada pasaran tempatan. Kurangnya perhatian yang diberikan kepada pelancong-pelancong tempatan adalah di antara salah satu faktor yang telah menyebabkan bilangan penduduk tempatan melancong ke luar negeri. Pengaliran keluar tukaran asing yang disebabkan oleh penduduk tempatan melancong ke luar negeri telah meningkat daripada \$807 juta pada tahun 1980 kepada \$1,525 juta pada tahun 1984.

Usaha untuk memperkenalkan negara sebagai destinasi percutian melalui penganjuran pertandingan sukan, persidangan dan pameran di peringkat antarabangsa adalah terhad disebabkan kekurangan kemudahan yang sesuai. Sungguhpun demikian, dalam tempoh RME, Malaysia telah berjaya menjadi tuan rumah kepada 165 pertandingan sukan dan permainan antarabangsa termasuk badminton, bolasepak, bola keranjang, tenis dan lain-lain yang melibatkan lebih 12,000 peserta. Di samping itu, 200 persidangan dan pameran antarabangsa yang melibatkan 150,000 peserta telah dianjurkan.



Cara masuk yang mudah ke Malaysia adalah faktor penting untuk memajukan industri pelancongan. Berbanding dengan lapangan-lapangan terbang lain yang terdapat di rantau ini, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur masih ketinggalan di dalam usaha untuk menjadikannya sebagai pusat perhentian udara yang penting disebabkan terutamanya oleh faktor-faktor kedudukan dan sejarah. Keadaan ini menyebabkan kecilnya asas lalu lintas udara di antara Malaysia dengan negara-negara luar berbanding dengan tiga buah pusat lalu lintas yang berhampiran iaitu Singapura, Bangkok dan Hong Kong yang mendapat tumpuan yang lebih besar dari segi lalu lintas udara antarabangsa. Di samping itu, kemasukan terus melalui udara ke destinasi-destinasi pelancongan yang ada di dalam negara ini dari pusat-pusat luar negeri adalah terbatas disebabkan kekurangan jumlah tempat duduk dan kekerapan penerbangan terus dari pusat-pusat tersebut ke lapangan-lapangan terbang lain di negara ini.

Satu lagi masalah yang dihadapi oleh industri pelancongan ialah kurangnya kakitangan terlatih, terutama di peringkat-peringkat penyeliaan dan mahir. Kekurangan ini adalah disebabkan terutamanya oleh pembangunan pesat dalam industri perhotelan yang telah mengakibatkan kadar pertukaran yang pesat bagi tenaga pekerjanya. Program latihan yang dijalankan oleh Kerajaan yang sebahagian besarnya dianjurkan oleh Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) dan Institut Teknologi MARA (ITM) hanya boleh memenuhi sebahagian daripada keperluan industri tersebut. Dalam tempoh RME, kedua-dua institusi tersebut telah melatih kira-kira 5,190 kakitangan di peringkat-peringkat operasi dan penyeliaan. Latihan amali yang dianjurkan oleh PDPN telah dijalankan di hotelnya sendiri di Petaling Jaya yang telah siap pada tahun 1983. Selain daripada latihan untuk industri perhotelan, Kerajaan melalui TDC telah juga menganjurkan kursus jangka pendek untukseramai 829 pemandu-pemandu pelancong dalam tempoh yang sama.

Selain daripada agensi-agensi Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sabah juga telah mendirikan sebuah Sekolah Pengurusan Hotel di Tenom. Kebanyakan latihan yang dijalankan oleh sektor swasta adalah di hotel-hotel tempat pelatih bekerja. Sebahagian besar daripada 12,700 kakitangan hotel yang baru terutama di peringkat operasi telah menerima latihan di tempat mereka bertugas.

Di samping menjalankan kegiatan penggalakkan dan program latihan, sektor awam juga terlibat dalam pembinaan dan pengendalian hotel. Dalam tempoh RME, beberapa agensi awam termasuk perbadanan-perbadanan kemajuan negeri, TDC, Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA), dan Perbadanan Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) telah berdiri dan membesarkan beberapa hotel. Perbadanan-perbadanan ini pada keseluruhannya telah menambah sejumlah 3,440 bilik baru, 85 peratus daripadanya bertaraf antarabangsa.

Kurangnya minat pelancong untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi percutian terutama di kalangan pelancong yang berjimat-cermat adalah disebabkan terhadnya bilangan hotel-hotel bertaraf sederhana. Pada masa lepas, tumpuan telah diberi kepada pembangunan hotel-hotel bertaraf antarabangsa memandangkan pulangan yang tinggi

daripada sewa bilik. Daripada jumlah bilik baru yang dibina oleh sektor awam dan swasta dalam tempoh tersebut, 96 peratus adalah bertaraf antarabangsa.

Jenis galakan yang disediakan untuk industri pelancongan lebih memberi faedah kepada hotel bertaraf antarabangsa dan mengabaikan penyediaan tempat-tempat menginap bagi memenuhi keperluan pelancong-pelancong tempatan dan juga pelancong-pelancong asing yang berjimat-cermat. Dalam tempoh RME, sebanyak 77 projek hotel yang mempunyai perbelanjaan modal purata sebanyak \$40 juta telah diberi Galakan Hotel.

Pembangunan industri pelancongan memerlukan kerjasama berbagai agensi Kerajaan. Pada tahun 1985, Kerajaan telah menubuhkan satu Jawatankuasa Kabinet Mengenai Pelancongan untuk meneliti masalah-masalah yang dihadapi oleh industri ini, merumuskan garis panduan dan arah pembangunan yang sesuai baginya serta memperbaiki penyelarasan agensi-agensi yang terlibat.

Memandangkan pentingnya peranan yang akan dimainkan oleh industri ini, Kerajaan telah melaksanakan dalam tahun 1985 dua langkah utama bagi meningkatkan lagi industri ini. Pertama, kadar tarif elektrik untuk sektor hotel telah diturunkan supaya kadar sewa bilik dapat dikurangkan. Kedu, pada bulan September, 1985 satu skim pembiayaan telah dilancarkan, iaitu Tabung Pelaburan Baru berjumlah \$1,000 juta untuk membiayai pelaburan-pelaburan produktif di tiga sektor yang diberi keutamaan termasuk industri pelancongan. Kesan daripada langkah-langkah ini, sebahagian besarnya akan dirasai dalam tempoh RML.

Selain daripada langkah-langkah tersebut, sektor awam sentiasa menilai dan memperbaiki perkhidmatan yang disediakan untuk pelancong dan orang ramai. Bagi melengkapkan perkhidmatan ini, Polis Diraja Malaysia telah menubuhkan Unit Polis Pelancong untuk memberikan perkhidmatan kepada para pelancong bagi memastikan kebajikan, keselamatan dan ketenteraman mereka.

### **III. PROSPEK, 1986-90**

Malaysia mempunyai potensi untuk memajukan lagi industri pelancongan memandangkan banyaknya sumber pelancongan yang ada. Sumber-sumber tersebut perlu dimajukan secara terpilih dengan mengambilkira minat dan kecenderungan bakal-bakal pelancong. Di samping itu, negara ini juga mempunyai Kerajaan yang stabil. Kedudukan negara yang strategik, terletak di persimpangan antara Timur dan Barat, antara Australia dan New Zealand dan Eropah merupakan kelebihan yang boleh digunakan untuk tujuan pelancongan.

Dengan usaha-usaha penggalakan yang sedang dijalankan dan setelah mengambilkira kesan-kesan kemelesetan ekonomi dunia, bilangan pelancong yang tiba ke Malaysia

dijangka meningkat daripada 3.22 juta pada tahun 1985 kepada 4.32 juta pada tahun 1990 iaitu pada kadar 6.1 peratus setahun dalam tempoh 1986-90. Persidangan Persatuan Pelancongan Kawasan Pasifik (PATA) yang akan diadakan di Kuala Lumpur dalam tahun 1986 dijangka meningkatkan lagi industri pelancongan dengan menambah pengetahuan mengenai Malaysia sebagai destinasi pelancongan.

Berdasarkan jumlah pelancong yang dijangka tiba, pendapatan tukaran asing daripada pelancongan akan meningkat daripada \$1,730 juta pada tahun 1985 kepada \$3,264 juta pada tahun 1990. Jumlah bilik hotel akan bertambah sebanyak 8,700 dengan siapnya beberapa hotel yang sedang dibina pada masa ini. Kebanyakan hotel baru ini terletak di Kuala Lumpur, diikuti oleh Pulau Pinang. Kira-kira 96 peratus daripada hotel tersebut bertaraf antarabangsa. Sebahagian besar daripada hotel yang sedang dibina telah diberi Galakan Hotel. Pertambahan bilik-bilik baru ini akan mewujudkan sebanyak 10,400 peluang pekerjaan.

#### **IV. TUJUAN-TUJUAN DASAR DALAM RANCANGAN MALAYSIA KELIMA**

Industri pelancongan akan terus dimajukan untuk mengambil faedah daripada potensi pertumbuhannya dan potensinya dalam mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Memandangkan bahawa industri ini bergantung kepada berbagai perkhidmatan, ianya menghasilkan kesan penggandaan yang tinggi kepada ekonomi bukan sahaja dari segi pendapatan tetapi juga peluang pekerjaan. Industri pelancongan dapat juga memainkan peranan sebagai penggerak pembangunan wilayah berdasarkan kedudukan sumber-sumber pelancongan yang terdapat dalam negara ini. Di samping itu, industri ini dapat membantu meningkatkan kesedaran terhadap berbagai kebudayaan dan cara hidup penduduk tempatan dan oleh itu merupakan cara yang berkesan bagi memupuk perpaduan dan integrasi nasional.

Industri tersebut akan diberi peranan yang penting untuk menurunkan kekurangan akaun perkhidmatan dalam imbalan pembayaran negara. Objektif ini akan dicapai melalui usaha meningkatkan lagi kemasukan pelancong-pelancong asing ke negara ini untuk menambah pendapatan tukaran asing. Di samping itu, penduduk tempatan akan digalakkan untuk melancong di dalam negeri daripada luar negeri bagi mengurangkan pengaliran keluar tukaran asing.

Untuk mencapai tujuan dasar tersebut, penglibatan yang penuh diperlukan bukan sahaja daripada sektor awam tetapi juga sektor swasta dan orang awam. Usaha-usaha yang dijalankan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dan sektor swasta akan diselaraskan dengan lebih sempurna. Dalam proses memajukan industri pelancongan, nilai-nilai agama, moral dan kebudayaan negara ini serta alam sekitarnya akan dihormati, dipelihara dan akan digunakan sebagai faktor-faktor membina bagi pembangunan industri tersebut.

## V. STRATEGI-STRATEGI BAGI PEMBANGUNAN INDUSTRI PELANCONGAN

### Penggalakkan

Usaha-usaha penggalakkan akan dipergiatkan dalam tempoh RML. Sektor awam akan memainkan peranan utama untuk memperkenalkan negara ini sebagai destinasi percutian. Bagi tujuan ini, TDC akan diberi peruntukan yang lebih besar untuk kegiatan penggalakan dan akan memberi penekanan yang seimbang kepada pasaran-pasaran luar negeri dan tempatan. Sebagai langkah jangka pendek, tumpuan akan terus diberi kepada pasaran-pasaran tempatan, ASEAN, Jepun, Australia, Hong Kong dan Taiwan serta pelancong-pelancong ke Bangkok yang singgah di Malaysia untuk ke Bangkok dan Singapura. Dalam tempoh jangka sederhana dan panjang, pasaran baru akan dikenalpasti melalui kajian pemasaran yang terperinci. Usaha-usaha pemasaran akan dijalankan secara lebih khusus dengan mengambil kira citarasa dan kecenderungan pelancong daripada bahagian pasaran tertentu yang akan dikenalpasti. Tumpuan akan diberi kepada pasaran di negara-negara yang mempunyai perkhidmatan udara yang disediakan oleh syarikat penerbangan negara ini dan syarikat-syarikat penerbangan negara lain. Negara ini akan juga diperkenalkan sebagai satu daripada rangkaian destinasi pelancongan di rantau ASEAN.

Kempen-kempen penggalakkan akan dilancarkan dengan tumpuan diberi kepada empat tema iaitu persidangan, percutian, lawatan ke tempat-tempat menarik dan lawatan bagi mereka yang mempunyai minat tertentu. Dengan siapnya Pusat Dagangan Dunia Putra, kempen untuk menjadikan Kuala Lumpur sebagai pusat destinasi persidangan utama, akan dipergiatkan, manakala destinasi-destinasi lain akan digalakkan sebagai tempat-tempat menganjurkan forum dan pameran yang lebih kecil. Bagi kempen percutian, pusat-pusat peranginan yang sedia ada akan digalakkan manakala kempen melawat tempat-tempat menarik akan ditumpukan kepada bandar-bandar utama khususnya seperti Kuala Lumpur, Georgetown dan Melaka. Kempen lawatan bagi mereka yang mempunyai minat tertentu akan ditumpukan kepada taman-taman alam semulajadi, gua-gua dan bukit-bukau terutamanya Taman Negara di Semenanjung Malaysia, Taman Negara Kinabalu di Sabah dan Taman Negara Niah di Sarawak. Untuk membantu usaha menggalakkan berbagai destinasi pelancongan di negara ini, TDC akan menerbitkan peta-peta serta buku-buku panduan yang ringkas dan jelas mengenai bandar-bandar dan negeri-negeri. Penerbitan-penerbitan ini bertujuan untuk memudahkan dan membantu pelancong-pelancong tempatan dan antarabangsa mengunjungi tempat-tempat percutian yang berpotensi di negara ini.

### Galakan cukai

Beberapa kekurangan galakan terdapat dalam galakan-galakan yang diberi kepada industri pelancongan di bawah Galakan Hotel, Akta Galakan Pelaburan, 1968, telah menyebabkan sistem galakan diubahsuai baru-baru ini dengan tujuan mempercepatkan

pertumbuhan industri ini. Galakan yang diubahsuai akan mula dilaksanakan pada tahun 1986 dan boleh diperolehi dalam tempoh RML. Galakan cukai yang terdahulu hanya diberi kepada hotel sementara pembangunan industri pelancongan pula memerlukan penyediaan kemudahan-kemudahan lain juga. Oleh itu, sistem galakan ini telah diperluas untuk merangkumi bidang pelaburan yang meliputi projek-projek penginapan dan bukan penginapan. Pelaburan dalam projek bukan penginapan seperti taman haiwan, zoo, pusat rekreasi dan taman kanak-kanak adalah layak menerima galakan tersebut. Walaupun jenis-jenis galakan yang disediakan melalui pengubahsuaian ini telah dikurangkan bilangannya supaya mudah difahami dan dilaksanakan, galakan-galakan ini adalah lebih menarik berbanding dengan galakan-galakan terdahulu.

Tempat penginapan adalah keperluan asas yang perlu disediakan terlebih dahulu bagi meningkatkan lagi pertumbuhan industri pelancongan. Sungguhpun terdapat banyak hotel bertaraf antarabangsa di negara ini, tempat-tempat penginapan yang bertaraf sederhana untuk menampung keperluan pelancong-pelancong yang berjimat-cermat adalah masih kurang. Galakan yang baru bagi industri pelancongan meliputi dua lagi jenis tempat penginapan bertaraf sederhana, iaitu rumah tumpangan dan rumah rehat. Untuk melayakkan tempat-tempat ini menerima galakan tersebut, tempat-tempat ini perlu menyediakan beberapa kemudahan asas yang perlu diselenggarakan pada suatu taraf minimum. Di samping itu, pelabur juga digalakkan menggabungkan unsur-unsur Malaysia di dalam senibina, rekabentuk dan perhiasan hotel serta kemudahan lain yang didirikan untuk industri pelancongan.

Di antara galakan cukai yang telah diubahsuai termasuk penyediaan galakan Taraf Perintis untuk tempoh selama sehingga lima tahun dan Kredit Cukai Pelaburan sehingga 100 peratus daripada perbelanjaan modal. Syarikat-syarikat yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat, 1965 dan berdaftar dengan TDC layak menerima galakan cukai tersebut. Pendapatan dividen yang berkaitan dikecualikan cukai. Selain daripada galakan cukai yang terdapat di bawah Akta Galakan Pelaburan, 1968 cukai perkhidmatan bagi hotel dan restoran telah diturunkan daripada 10 peratus kepada 5 peratus untuk mengurangkan kos kepada pelancong. Untuk menggalakkan lebih ramai pelancong asing ke negara ini, suatu insentif berbentuk potongan kepada pendapatan yang diselaraskan disediakan bagi pengusaha-pengusaha pelancong yang berdaftar dengan TDC.

#### Cara Kemasukan

Usaha yang lebih gigih akan diambil bagi memudahkan lagi cara masuk ke negara ini. Kerajaan akan mempergiatkan usahanya untuk mendapatkan hak pendaratan tambahan dan baru bagi syarikat penerbangan negara supaya ianya boleh memberi perkhidmatan yang lebih kerap dan menggunakan pesawat yang lebih besar ke destinasi-destinasi luar negeri. Bagi menarik lebih ramai pelancong ke negara ini, Kerajaan akan terus menggalakkan perkhidmatan penerbangan sewa khas dari luar negeri. Di samping itu, MAS akan terus berusaha untuk menjalankan perkhidmatan usahasama dengan syarikat-syarikat penerbangan asing bagi mewujudkan hubungan udara dengan Malaysia. Untuk

menarik lebih ramai pelancong dari pasaran yang tertentu, kadar tambang istimewa bagi tiap-tiap pasaran tersebut akan dikaji dari semasa ke semasa dan jika didapati sesuai akan dikenalkan dengan sektor penerbangan antarabangsa.

Untuk menggalakkan kemasukan pelancong luar melalui darat dari Singapura dan Thailand peraturan-peraturan mengenai kemasukan kenderaan asing akan dilonggarkan. Di samping itu, suatu kajian akan dijalankan untuk meneliti kemungkinan mewujudkan perkhidmatan keretapi jarak dekat di antara Singapura dengan Johor Bahru.

Di samping sistem pengangkutan melalui jalan raya dan keretapi, perkhidmatan feri di antara Singapura dengan pantai tenggara Johor akan dilaksana. Sementara itu, perkhidmatan feri oleh Feri Malaysia Sendirian Berhad, iaitu anak syarikat Perbadanan Nasional Shipping Line Berhad (PNSL) yang menghubungkan Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak akan dimulakan pada tahun 1986. Perkhidmatan ini bertujuan meningkatkan lagi industri pelancongan dalam negeri di samping memupuk integrasi di kalangan penduduk Malaysia dengan cara meningkatkan kefahaman dan pendedahan mereka kepada berbagai kebudayaan negara ini.

Untuk memudahkan perjalanan ke tempat-tempat percutian yang disukai ramai, terutamanya tempat-tempat peranginan seperti bukit-bukau dan pulau-pulau, beberapa landasan pendaratan untuk kapal terbang kecil akan disediakan. Pulau Langkawi akan dipertingkatkan sebagai tempat peranginan bagi pelancong dengan siapnya Lapangan Terbang Langkawi yang boleh menampung pesawat-pesawat yang lebih besar. Lapangan Terbang Kuantan akan juga diperbesarkan untuk menampung keperluan perkhidmatan penerbangan sewa khas terus dari luar negeri ke tempat-tempat peranginan yang telah dibina berdekatnya seperti Club Mediterranee, Hotel Pantai Tanjung Jara dan Pusat Pelancongan Rantau Abang.

Bagi menggalakkan lagi perjalanan dalam negeri, lebuhraya-lebuhraya utama yang sedia ada akan diperbaiki dengan cara melebar dan menurap semula bahagian-bahagian tertentu, penyediaan papan tanda dan memasang lampu di semua jalan dan persimpangan yang sibuk untuk membantu para pemandu pada waktu malam. Untuk memudahkan perjalanan jauh, beberapa tempat rehat lengkap dengan kemudahan seperti stesen minyak, tandas dan gerai makanan akan dibangunkan dalam tempoh RML.

#### Pembangunan Dan Penggalakan Destinasi Pelancongan Terpilih

Untuk memberikan faedah maksimum terhadap peruntukan yang disediakan bagi pembangunan destinasi pelancongan, beberapa tempat peranginan yang terpilih sahaja akan dimajukan. Keutamaan akan diberi kepada peningkatan mutu destinasi-destinasi yang sedia ada. Kuala Lumpur dan Pulau Pinang telah menjadi tumpuan utama para pelancong ke negara ini. Kedua-dua destinasi tersebut telah menerima kira-kira 69 peratus daripada jumlah pelancong yang tiba ke negara ini. Di samping Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, Kota Kinabalu dan Kuching akan juga dijadikan destinasi-destinasi

pelancongan utama. Kerajaan melalui beberapa agensi-agensinya akan mengambil beberapa langkah untuk memperbaiki lagi imej destinasi-destinasi tersebut. Sektor swasta akan digalakkan supaya memberi sokongan terhadap usaha Kerajaan mencapai objektif tersebut. Program pengindahan terutamanya akan diperluaskan, manakala projek kawalan pencemaran alam akan dijalankan khususnya bagi pantai-pantai di Pulau Pinang. Sektor swasta dijangka akan memainkan peranannya dalam mendirikan kompleks membeli-belah, restoran dan tempat-tempat makan yang lain, kemudahan rekreasi serta memperbaiki kemudahan yang sedia ada.

Program yang serupa akan juga dijalankan di kawasan-kawasan pelancongan lain seperti di pantai tenggara Johor dan Terengganu, Pulau Langkawi, Melaka, Port Dickson dan Pulau Tioman. Tempat peranginan Tanjong Rhu di Pulau Langkawi, yang berkeupayaan untuk menampung 4,000 pelancong pada satu-satu masa, akan dijadikan satu daripada tempat peranginan utama di negara ini. Pada masa kini, pembinaan sebuah kondominium dan sebuah hotel oleh sektor swasta telah dimulakan. Sektor awam akan membantu sektor swasta dari segi penyediaan infrastruktur yang diperlukan. Sektor swasta akan juga giat dalam memajukan kemudahan-kemudahan pelancongan baru di tempat-tempat lain.

Bagi meningkatkan lagi daya tarikan pelancong bagi negara ini tekanan akan diberi untuk memperbaiki serta memperkenalkan tarikan-tarikan berasaskan unsur-unsur kebudayaan, sejarah dan kraftangan negara ini. Kerajaan dengan dibantu oleh sektor swasta akan menjalankan kerja-kerja memulih dan memelihara tempat dan bangunan bersejarah. Kerajaan-kerajaan Negeri akan menumpukan perhatian kepada usaha menghidupkan semula dan menggalakkan pembangunan kebudayaan dan kraftangan negeri masing-masing dengan tujuan menyediakan berbagai bahan tarikan kepada pelancong.

Dalam usaha membangunkan kawasan-kawasan baru, kawasan tenggara Semenanjung Malaysia, khususnya kawasan Endau, Mersing dan Rompin akan diberi tumpuan khas berdasarkan kepada kedudukannya yang berhampiran dengan Singapura yang merupakan pasaran utama bagi Malaysia. Di samping itu, tempat pelancongan semulajadi terutamanya taman negara akan dimajukan sebagai destinasi pelancongan dengan menyediakan kemudahan pengangkutan dan tempat penginapan yang lebih baik. Selain daripada Taman Negara di Semenanjung Malaysia, Taman Negara Kinabalu di Sabah dan Taman Negara Niah di Sarawak akan dipertingkatkan. Di samping itu, kawasan Endau-Rompin akan diisytiharkan sebagai kawasan taman negara. Untuk menjadikan negara ini sebagai destinasi pelancongan yang menarik, usaha akan diambil untuk menyediakan program-program melancong yang mengandungi tempat-tempat pelancongan sedia ada dan baru dalam bentuk yang lebih menarik dengan mengambilkira minat pelancong-pelancong dari berbagai pasaran. Program ini akan dikaji semula dan diubahsuai untuk memenuhi citarasa pelancong yang sentiasa berubah. Sebahagian besar usaha ini akan dijalankan oleh sektor swasta dengan dibantu oleh TDC.

## Penswastaan Dan Peranan Sektor Awam

Dalam tempoh RML, dasar penswastaan akan lebih giat dilaksanakan. Untuk tujuan tersebut, pembangunan kompleks Tanjong Rhu di Pulau Langkawi telah diswastakan, manakala langkah telah diambil untuk menswastakan projek-projek TDC dan KEJORA. Di samping itu, kajian mengenai rumah-rumah rehat Kerajaan yang sedia ada akan dijalankan dengan tujuan menswastakannya.

Untuk mempertingkatkan peranan sektor swasta dalam pembangunan industri ini, Tabung Pelaburan Baru berjumlah \$1,000 juta yang telah dilancarkan oleh Kerajaan pada akhir tahun 1985 bagi membiayai pelaburan yang produktif di sektor-sektor yang diberi keutamaan, termasuk pelancongan akan terus disediakan dalam tempoh RML. Bagi membiayai projek-projek pelancongan, bank-bank dijangka memberi keutamaan kepada pembinaan hotel-hotel yang menyediakan bilik-bilik yang mengenakan kadar sewa yang rendah dan sederhana serta kemudahan lain bagi meningkatkan pelancongan dalam negeri serta memenuhi keperluan pelancong asing yang berjimat-cermat.

Sektor awam akan lebih menumpukan usaha-usahanya dalam menyediakan kemudahan-kemudahan asas, mengawal pencemaran serta membangunkan kemudahan-kemudahan pelancongan kecil-kecilan. Sebahagian besar daripada usaha membangunkan kemudahan-kemudahan pelancongan akan dijalankan oleh sektor swasta. Dalam tempoh 1986-90, kemudahan-kemudahan infrastruktur dan awam yang dirancang bagi pembangunan industri pelancongan akan dibina di kawasan-kawasan Mersing-Endau-Rompin di Johor dan Pahang, Pulau Tioman dan Tasek Chini di Pahang dan Pantai Damai di Sarawak. Di antara projek-projek kecil yang akan dibangunkan oleh sektor awam untuk mempertingkatkan daya tarikan destinasi-destinasi percutian yang sedia ada termasuk pusat pelawat di Kota Kinabalu, muzium terbuka di Kuching dan kompleks rekreasi di Gunung Jerai, Kedah. Perkhidmatan yang disediakan oleh sektor awam kepada pelancong-pelancong akan sentiasa dikaji dan diperbaiki. Usaha-usaha akan dipergiatkan untuk meningkatkan keselamatan dan ketenteraman awam manakala perkhidmatan Unit Polis Pelancong akan diperluaskan dari segi liputan kawasan dalam tempoh RML.

## Pembangunan Gunatenaga Dan Pelancongan

Pembangunan dan perkembangan pesat oleh industri hotel di negara ini memerlukan lebih ramai kakitangan terlatih dan berpengalaman di peringkat pengurusan dan penyeliaan serta kakitangan mahir dan separuh mahir. Sebahagian daripada keperluan ini akan dipenuhi melalui program latihan yang akan terus dijalankan oleh PDPN dan ITM. Dalam tempoh 1986-90, seramai 9,100 orang dijangka diberi latihan dalam bidang industri hotel dan penyediaan makanan di kedua-dua institusi tersebut. Sektor swasta akan digalakkan mempergiatkan usaha memberi latihan dalam perkhidmatan supaya dapat melengkap usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan.



## **VI. PERUNTUKAN**

Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan bagi tempoh 1981-85 dan peruntukan dalam tempoh 1986-90 untuk industri pelancongan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 14-3.

## **VII. PENUTUP**

Dalam tempoh RML, industri pelancongan dijangka memainkan peranan yang lebih mencabar dalam usahamenurunkan akaun tidak ketara serta meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan. Sebahagian besar daripada pertumbuhan sektor ini akan disumbangkan oleh sektor swasta sementara sektor awam akan memberi sokongan dalam bentuk penggalakan, penyediaan galakan cukai, infrastruktur dan pembiayaan. Penekanan yang seimbang akan diberi untuk menarik perhatian ramai pelancong asing ke negara ini dan menggalakkan lebih ramai rakyat melancong dalam negeri daripada luar negeri.

Berasaskan keadaan ekonomi dunia yang tidak tetap, bilangan pelancong yang tiba dijangka meningkat pada kadar yang memuaskan, iaitu 6.1 peratus setahun dalam tempoh RML. Berdasarkan strategi-strategi yang akan diambil, negara-negara ASEAN, Jepun, Australia, Hong Kong dan Taiwan akan terus menjadi pasaran pelancong utama bagi negara ini. Pendapatan tukaran asing yang akan diperolehi daripada industri pelancongan dijangka meningkat pada kadar 13.5 peratus setahun.

## **BAB 15 : PERLOMBONGAN**

### **I. PENDAHULUAN**

Sektor perlombongan, yang meliputi kegiatan mengeluarkan petroleum, bijih timah, tembaga, boksait dan bijih besi serta sumber galian yang lain dijangka tidak akan memberi sumbangan yang besar terhadap pertumbuhan ekonomi untuk tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) disebabkan oleh permintaan yang lembab untuk galian-galian tersebut. Walau bagaimanapun, sektor ini akan terus memainkan peranannya dalam pembangunan ekonomi negara. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME), sebahagian besar pertumbuhan sektor ini adalah berpunca daripada perusahaan petroleum. Perusahaan bijih timah telah merosot dengan banyaknya, manakala pengeluaran tembaga telah mengalami pertumbuhan yang sedikit.

Dalam tempoh RML, teras pembangunan sektor ini akan ditumpukan ke arah menggalakkan lebih banyak kegiatan mencarigali. Kerja-kerja mengusaha logam-logam bes serta galian-galian lain yang telah dijumpai di dalam tempoh RME di kawasan Tengah Semenanjung Malaysia dan di kawasan Bau, Sarawak akan dimulakan dalam tempoh 1986-90, selaras dengan objektif mempelbagaikan sektor perlombongan. Galakan akan diberi kepada sektor swasta, dari dalam atau luar negeri untuk meningkatkan kegiatan carigali bagi menambahkan sumber-sumber petroleum negara yang semakin pupus. Sebahagian besar daripada pertumbuhan sektor ini dalam tempoh 1986-90 akan berpunca daripada pengeluaran petroleum. Sumbangan sektor ini kepada pendapatan tukaran asing negara dalam tempoh RML dijangka masih lagi besar walaupun sumbangannya kepada pekerjaan adalah amat kecil.

### **II. KEMAJUAN, 1981-85**

Sektor ini telah mencatatkan kadar pertumbuhan sebanyak 6.0 peratus setahun dari segi nilai sebenar dalam tempoh RME, iaitu 1.0 mata peratus lebih rendah daripada kadar matlamat bagi sektor tersebut. Sumbangannya kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) telah meningkat sedikit daripada 10.0 peratus pada tahun 1980 kepada 10.1 peratus pada tahun 1985. Sebahagian besar daripada nilai ditambah sektor ini berpunca daripada perusahaan minyak mentah, iaitu kira-kira 79.7 peratus. Ini diikuti oleh perusahaan bijih timah sebanyak 15.4 peratus dan kuari 3.7 peratus.

#### **Pengeluaran**

**MINYAK MENTAH.** Pengeluaran minyak mentah telah meningkat dengan banyaknya dalam tempoh RME iaitu daripada 275,800 tong sehari (tsh) pada tahun 1980 kepada

tahap yang tertinggi, iaitu 446,800 tsh pada tahun 1984 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 15-1. Pada tahun 1985, pengeluaran telah diturunkan sedikit kepada 446,100 tsh memandangkan terdapatnya lebih penawaran minyak mentah di pasaran antarabangsa. Pengeluaran pada keseluruhannya telah dapat ditingkatkan dengan bermulanya pengeluaran daripada 13 buah telaga minyak baru, menjadikan jumlah telaga minyak yang mengeluarkan hasil 27 buah berbanding dengan 14 buah pada tahun 1980. Kira-kira 51 peratus daripada pengeluaran minyak mentah pada tahun 1985 adalah dari kawasan telaga minyak di luar pantai Terengganu, 18 peratus di luar pantai Sabah dan 31.5 peratus di luar pantai Sarawak. Pada tahun 1980, 13 peratus daripada minyak mentah telah ditapis di dalam negeri manakala selebihnya telah dieksport. Pada tahun 1985, bahagian minyak mentah yang telah diproses di dalam negeri telah meningkat kepada 23 peratus berikutan dengan bermulanya operasi loji penapisan minyak di Kerteh pada tahun 1983 dan juga disebabkan oleh langkah yang diambil oleh penapis-penapis minyak di Port Dickson untuk menapis lebih banyak minyak mentah tempatan.

GAS. Pengeluaran gas sama ada gas besekutu atau tidak bersekutu telah meningkat pada kadar 38.7 peratus setahun daripada 258 juta kaki padu STANDARD sehari (jkpssh) pada tahun 1980 kepada 1,324 jkpssh pada tahun 1985. Sebahagian dari hasil pengeluaran ini digunakan untuk projek-projek berasaskan gas dan di dalam pengeluaran petroleum manakala bakinya dibakar atau dimasukkan semula ke dalam bumi. Pengeluaran gas tak bersekutu walau bagaimanapun, hanya bermula pada tahun 1982 dari kawasan telaga E11 untuk memenuhi keperluan projek gas asli cecair (LNG) di Bintulu, Sarawak. Pada tahun 1985, sumbangannya dalam jumlah keluaran gas telah meningkat kepada 64.2 peratus.

Selain daripada projek LNG, gas juga dijual kepada stesen janakuasa letrik di Paka, sebuah kilang yang mengeluarkan bilet besiwaja di Telok Kalong dan sebuah kawasan perumahan di Kerteh, Terengganu. Projek-projek lain termasuklah projek-projek berasaskan gas di Wilayah Persekutuan Labuan dan kilang ammonia-urea ASEAN di Bintulu. Pembekalan gas untuk kegunaan tiga projek pertama tersebut adalah berikutan daripada siapnya projek Penggunaan Gas Semenanjung (PGS) Fasa I dengan jayanya. Pengguna gas asli cecair yang utama ialah projek LNG yang menggunakan gas sebanyak 683 jkpssh atau 74 peratus daripada jumlah gas yang dijual bagi tahun 1985, diikuti oleh projek PGS Fasa I, sebanyak 16 peratus dan industri-industri yang berasaskah gas di Wilayah Persekutuan Labuan, sebanyak 6 peratus. Jumlah gas yang dibakar adalah kekal pada paras 166 jkpssh. Walau bagaimanapun, daripada keseluruhan gas yang dikeluarkan, bahagian gas yang dibakar telah berkurang daripada 69 peratus pada tahun 1980 kepada hanya 13 peratus pada tahun 1985. Keluaran gas yang selebihnya telah digunakan sama ada untuk kegiatan petroleum atau dimasukkan semula ke dalam bumi.

BIJIH TIMAH. Pengeluaran bijih timah telah terus merosot dalam tempoh RME. Ianya telah merosot pada kadar 10.9 peratus setahun iaitu daripada 61,400 tan metrik pada 1980 kepada 36,300 tan metrik pada tahun 1985. Pengeluaran yang berkurangan dalam tempoh RME adalah disebabkan terutamanya oleh lebih penawaran yang terdapat di pasaran antarabangsa dan berikutnya oleh kawalan eksport secara suku tahun yang

dikenakan setiap suku tahun oleh Majlis Timah Antarabangsa (ITC). Kawalan yang mula dikenakan pada kadar 15 peratus daripada jumlah eksport dalam suku tahun kedua 1982 telah meningkat kepada 39.6 peratus dalam separuh tahun kedua 1983. Sejak itu, ianya terus kekal pada paras tersebut. Urusniaga timah di Pasaran Logam London (LME) telah digantung pada 24hb. Oktober, 1985 disebabkan oleh kehabisan sumber kewangan ITC untuk membolehkannya beroperasi di pasaran tersebut untuk mengekalkan harga lantai pasaran pada paras \$29.15 sekilogram. Berikutnya, timah telah diniagakan di pasaran-pasaran kedua pada paras harga yang lebih rendah daripada harga lantai dan seterusnya menyebabkan keluaran merosot dengan banyaknya. Berikutan dengan perkembangan itu serta meningkatnya pengeluaran dari negara-negara bukan ahli ITC, sumbangan Malaysia kepada jumlah pengeluaran dunia telah berkurang daripada 30.8 peratus dalam tahun 1980 kepada 20.8 peratus dalam tahun 1985. Daripada jumlah pengeluaran pada tahun 1985, 50.8 peratus adalah dihasilkan dari lombong pam kelikir, 30.1 peratus kapal korek, dan 19.1 peratus melalui kaedah-kaedah lain. Jumlah lombong yang beroperasi telah berkurangan daripada 852 pada tahun 1980 kepada 235 pada tahun 1985.

Penggunaan bijih timah di dalam negeri adalah masih rendah oleh kerana bilangan projek baru berasaskan bijih timah yang telah dilaksanakan dalam tempoh RME adalah kecil. Pada tahun 1980, sebanyak 434 tan metrik sahaja digunakan di dalam negeri dan kebanyakannya adalah untuk pengeluaran barang-barang pewter dan kegunaan pateri oleh industri-industri kecil. Pada tahun 1985, industri tempatan menggunakan kira-kira 1,600 tan metrik atau 4.4 peratus daripada jumlah pengeluaran. Pengguna-pengguna utama adalah sebuah loji pateri timah yang baru ditubuhkan di Ipoh, loji saduran timah di Pasir Gudang dan pembuat barang-barang pewter.

GALIAN-GALIAN LAIN. Dalam tempoh RME, pengeluaran galian-galian lain merupakan sebahagian kecil daripada jumlah pengeluaran sektor perlombongan. Di antara galian yang lebih penting termasuklah tembaga merah, boksait, bijih besi dan galian-galian perindustrian. Keluaran tembaga merah daripada lombong Mamut di Sabah, telah meningkat dengan perlahan daripada 114,000 tan metrik pada tahun 1980 kepada 128,800 tan metrik pada tahun 1982 tetapi telah merosot sehingga 125,000 tan metrik pada tahun 1985. Keluaran boksait daripada lombong tunggal yang terdapat di Johor merosot daripada 920,000 tan metrik pada tahun 1980 kepada 540,000 tan metrik pada tahun 1985. Keluaran bijih besi yang dilombong di Johor, Kedah, Pahang dan Perak telah berkurangan daripada 371,200 tan metrik pada tahun 1980 kepada 230,000 tan metrik pada tahun 1985. Di antara galian-galian perindustrian utama yang dilombong adalah kaolin, tanah liat, batu kapur, granit, batu marmar, kalsium, kalsium karbonate, pasir silika, pasir untuk pembinaan dan barite.

## Eksport

Eksport galian-galian utama seperti minyak mentah, bijih timah, gas dan tembaga merah telah meningkat pada kadar 6.8 peratus setahun mengikut harga semasa daripada \$9,392 juta pada tahun 1980 kepada \$13,025 juta pada tahun 1985 sebagaimana yang ditunjukkan di Carta 15-1. Akibatnya, sumbangannya kepada jumlah eksport kasar barangan telah meningkat daripada 33.5 peratus pada tahun 1980 kepada 34.2 peratus pada tahun 1985. Peningkatan ini adalah disebabkan terutamanya oleh pertumbuhan yang tinggi di dalam eksport minyak mentah dan bermulanya eksport LNG dalam tempoh masa itu.

**MINYAK MENTAH.** Nilai eksport minyak mentah telah meningkat pada kadar 6.0 peratus setahun, walaupun harga puratanya telah jatuh daripada \$36.50 se tong pada tahun 1980 kepada \$28.00 se tong pada tahun 1985. Pasaran utama bagi minyak mentah pada tahun 1984 adalah Singapura yang merupakan sebanyak 35.7 peratus daripada jumlah eksport, Jepun sebanyak 27.4 peratus dan Korea Selatan sebanyak 11.9 peratus. Eksport barang-barang petroleum juga telah meningkat pada kadar 48.6 peratus dari \$189.2 juta pada tahun 1980 kepada \$923.4 juta pada tahun 1984, kebanyakannya dipasarkan ke Jepun.

**GAS.** Sejak tahun 1983, gas telah mula dieksport dalam bentuk LNG dari Bintulu ke Jepun di bawah satu Perjanjian Jangkapanjang. Jumlah eksport gas cecair asli yang juga merupakan jumlah pengeluaran galian tersebut telah meningkat daripada 1,830,000 tan metrik dalam tahun 1983 kepada 4,500,000 tan metrik dalam tahun 1985. Harga gas cecair asli telah meningkat daripada \$466.70 se tan metrik pada tahun 1983 kepada \$515.30 se tan metrik pada tahun 1985.

**BIJIH TIMAH DAN TEMBAGA.** Eksport bijih timah telah merosot pada kadar 4.7 peratus setahun dari segi jumlah dan pada kadar 8.6 peratus dari segi nilai. Kemerosotan ini adalah disebabkan oleh kawalan eksport yang dikenakan oleh ITC berikutan daripada terdapatnya lebihan yang besar di pasaran dunia yang dianggar dalam lingkungan 95,000 tan metrik pada tahun 1985. Walaupun jumlah eksport tembaga merah telah meningkat sedikit pada kadar kira-kira 3.3 peratus setahun, dari segi nilai ianya telah merosot akibat daripada kejatuhan harga.

## Pelaburan

Sebahagian besar pelaburan di sektor perlombongan dalam tempoh 1981-85 adalah di dalam industri petroleum. Dalam tempoh tersebut, kira-kira \$13,000 juta telah dilaburkan di dalam kegiatan mencarigali dan pengeluaran, dan sebahagian besarnya adalah merupakan sumbangan sektor swasta. Bagi kegiatan mencarigali, sejumlah 73,300 kilometer garisan seismik telah dikaji, 137 telaga carigali telah digerudi dan 16 kawasan telaga baru telah ditemui. Akibat daripada kawalan eksport, pelaburan baru yang dibuat di sektor bijih timah adalah terlalu sedikit. Kira-kira \$30 juta telah dibelanjakan oleh

Malaysia Mining Corporation (MMC) dalam penyelidikan galian-galian yang lain di Pahang dan Kelantan. Bagi galian-galian perindustrian pula, pelaburan yang agak besar telah dibuat terutamanya dalam kegiatan mengkuari batu kapur bagi projek-projek simen di Kedah dan Perak. Di samping itu, Kerajaan telah juga membelanjakan kira-kira \$21 juta dalam kerja-kerja awalan untuk mencarigali galian di Kedah, Kelantan, Pahang, Perak, Sabah dan Sarawak, sebahagiannya dibantu oleh pertubuhan-pertubuhan antarabangsa dan negara-negara penderma.

### Gunatenaga

Gunatenaga di sektor perlombongan telah merosot daripada 80,100 orang pada tahun 1980 kepada 60,500 orang pada tahun 1985, terutamanya disebabkan oleh penutupan beberapa lombong berikutan daripada kawalan eksport yang dikenakan oleh ITC dan juga kenaikan kos pengeluaran dan penggantungan urusaniaga di LME. Dalam tempoh RME, sejumlah 617 lombong bijih timah telah di tutup, mengakibatkan pengurangan pekerja-pekerja lombong daripada 39,000 orang pada tahun 1980 kepada 18,300 orang pada tahun 1985. Di dalam kegiatan-kegiatan sehingga kerja-kerja peringkat pengeluaran petroleum, jumlah peluang pekerjaan baru yang telah diwujudkan adalah kecil. Peluang pekerjaan yang diwujudkan di sektor kecil yang lain juga adalah amat sedikit.

### Program dan projek

Aktiviti yang berkaitan dengan perlombongan yang telah dijalankan oleh Kerajaan adalah terhad kepada kegiatan mencarigali dan penilaian pada peringkat awalan serta kegiatan penyelidikan dan pembangunan. Di samping itu, beberapa perbadanan awam turut terlibat di dalam kerja-kerja melombong secara perdagangan. Di antaranya ialah PETRONAS, perbadanan-perbadanan kemajuan ekonomi negeri, PERNAS Mining Sendirian Berhad dan MMC.

Di sektor petroleum, PETRONAS Carigali Sendirian Berhad, telah terus terlibat dalam kerja-kerja mencarigali dan pengeluaran. Anak syarikat ini telah membelanjakan \$1,066 juta dalam tempoh tersebut bagi kerja-kerja memajukan Projek Gas Duyong dan kegiatan mencarigali. Peringkat pertama Projek Gas Duyong yang dijalankan oleh anak syarikat PETRONAS tersebut serta kemudahan-kemudahan bagi mengumpul gas yang dibangunkan oleh sektor swasta telah siap pada tahun 1984, bagi membekalkan gas sebanyak kira-kira 145 jkpssh gas pada tahun 1985 kepada sebuah loji memproses gas untuk diproses dan kemudiannya disalurkan ke stesen janakuasa letrik di Paka, loji bilet besi waja dan sebuah kawasan perumahan di Terengganu. Hasil daripada aktiviti-aktiviti mencarigali oleh PETRONAS Carigali, kawasan petroleum Dulang telah dijumpai dalam 1982, kawasan Malong dalam tahun 1983 dan tiga kawasan lain di luar pantai Terengganu dan satu lagi di luar pantai Sabah.

Kerja-kerja mencarigali dan melombong yang berteknologi tinggi di sektor petroleum memerlukan tenaga profesional dan pekerja-pekerja teknik yang terlatih di peringkat

tinggi. Selaras dengan keperluan tersebut, PETRONAS serta rakan-rakan kongsi pengeluaran telah menjalankan program-program latihan yang lengkap di beberapa peringkat teknik untuk memenuhi permintaan gunatenaga bagi kegiatan-kegiatan mencarigali dan melombong. Pemindahan teknologi telah dapat dilihat melalui meningkatnya bilangan rakyat Malaysia yang mengambilalih jawatan-jawatan yang dahulunya disandang oleh rakyat asing. Bahagian pekerja asing dalam jumlah gunatenaga di dalam kegiatan-kegiatan sehingga peringkat pengeluaran petroleum telah berkurang daripada 17 peratus pada tahun 1980 kepada 9 peratus pada tahun 1985.

Dalam tempoh 1981-85, Perbadanan-Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perak dan Selangor, MMC dan PERNAS Mining Sendirian Berhad, telah meneruskan kegiatan melombong terutamanya bijih timah. Perbadanan-perbadanan ini telah mengusahakan sebanyak 30 buah lombong pada awal tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, akibat daripada kawalan eksport bijih timah sebanyak 4 buah lombong terpaksa ditutup. Jumlah pengeluaran lombong-lombong yang dipunyai oleh Perbadanan-Perbadanan tersebut telah merosot daripada 19,920 tan metrik pada tahun 1980 kepada 8,790 tan metrik pada tahun 1985.

Dalam tempoh yang sama, Jabatan Penyiasatan Kajibumi telah membelanjakan kira-kira \$21.5 juta dan 91.3 peratus daripadanya adalah untuk kegiatan mencarigali. Kerja-kerja mencarigali telah diteruskan di Kawasan Tengah Semenanjung Malaysia yang meliputi kawasan seluas 31,000 kilometer persegi. Daripada jumlah kawasan yang telah dikaji, kira-kira 13 peratus atau 3,251 kilometer persegi merupakan kawasan yang mempunyai potensi galian yang tinggi. Sehingga kini, projek tersebut telah dikenalpasti dua kawasan, iaitu Sok di Kelantan dan Bukit Goh di Pahang, sebagai kawasan yang mempunyai potensi galian yang menggalakkan dan kerja-kerja mencarigali yang lebih terperinci dikawasan-kawasan tersebut telah dimulakan oleh Kerajaan-Kerajaan Negeri berkenaan bersama-sama MMC.

Kerja-kerja mencarigali juga telah dijalankan di kawasan Klian Intan dan Gunung Jerai, Kedah. Data yang diperolehi daripada aktiviti mencarigali tersebut menunjukkan bahawa kawasan-kawasan ini mempunyai potensi bijih timah dan uranium. Di samping itu, kerja-kerja mencarigali emas primer dan angkutan di Gunung Ledang, Johor, telah dimulakan pada tahun 1985. Jabatan Penyiasatan Kajibumi juga telah menyiasat satu kawasan seluas 400 kilometer persegi di tenggara Terengganu bagi menentukan tempat-tempat yang mempunyai potensi mengandungi galian untuk disiasat dengan lebih terperinci, dan tempat-tempat lain dilepaskan untuk dimajukan bagi tujuan yang lain. Sebahagian daripada kawasan yang telah disiasat didapati mempunyai potensi mengandungi bijih timah dan uranium.

Di Sabah, beberapa kawasan berkeluasan sejumlah kira-kira 9,800 kilometer persegi telah disiasat oleh Jabatan Penyiasatan Kajibumi dan hasilnya beberapa endapan tembaga merah dan emas dan beberapa anomali geokimia penting yang lain telah ditemui. Pengesahan yang dibuat oleh jabatan tersebut mengenai endapan emas lanar

yang banyak terdapat di kawasan Ulu Lembah Segama telah menarik semula minat beberapa syarikat perlombongan dalam galian tersebut. Di Sarawak, Projek Penilaian Sumber Arang batu yang dijalankan oleh jabatan tersebut telah mengenalpasti antara 30 hingga 50 juta tan metrik endapan arang batu di kawasan Merit-Tebulan, sebahagian daripada Lembah Merit-Pila di Bahagian Ke Tujuh. Hasil daripada Projek Mencarigali Galian di kawasan Lundu-Semantan dan Bau, tempat-tempat yang berpotensi porfir tembaga telah ditemui.

Jabatan Galian melalui Institut Penyelidikan Galian di Ipoh telah membelanjakan kira-kira \$4.1 juta untuk penyelidikan dan pembangunan dalam tempoh 1981-1985. Di antara aktiviti penyelidikan yang telah dijalankan termasuklah penyelidikan mengenai melombong galian-galian selain daripada bijih timah, keselamatan lombong dan teknik-teknik baru penggerudian, bagi tujuan menyiasat galian, kaedah bagi penyelidikan geofizik dan analisa tanah bagi tujuan kajian geoteknik yang berkaitan dengan kestabilan dan keselamatan lombong.

### **III. PROSPEK, 1986-90**

Kadar pertumbuhan sektor perlombongan adalah dijangka terus merosot dalam tempoh 1986-90 kepada 3.1 peratus setahun berbanding dengan 6.0 peratus dalam tempoh RME, disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih perlahan dalam pengeluaran Petroleum dan berkurangnya jumlah pengeluaran bijih timah serta galian-galian lain. Walaupun kadar pertumbuhan sektor ini dalam tempoh RML akan bergantung terutamanya kepada minyak mentah dan gas, keperluan untuk memanjangkan tempoh penghasilan kedua-dua sumber tersebut merupakan satu batasan kepada usaha-usaha untuk meningkatkan lagi pertumbuhan di sektor ini. Dengan kemerosotan kadar pertumbuhan ini, sumbangan sektor perlombongan kepada KDNK akan turun daripada 10.1 peratus pada tahun 1985 kepada 9.2 peratus pada tahun 1990.

#### **Pengeluaran**

**MINYAK MENTAH DAN GAS.** Pengeluaran minyak mentah dijangka meningkat pada kadar yang sederhana dalam tempoh RML, manakala pengeluaran gas pula dijangka meningkat dengan pesatnya berikutan daripada strategi Kerajaan untuk mempelbagaikan serta memperluaskan penggunaan gas di dalam negeri sama ada sebagai bahan mentah bagi pengeluaran ataupun sebagai bahan bakar. Penggunaan gas akan ditingkatkan dengan siapnya projek PGS Fasa II dan bahagian memproses LNG yang ketiga, meningkatnya penggunaan keupayaan bagi logi ASEAN ammonia-urea di Bintulu dan kilang bilet besi waja di Terengganu dan perlaksanaan beberapa projek berasaskan gas yang sedang dirancang. Projek PGS Fasa II yang akan membekalkan gas dari luar pantai Terengganu ke bahagian barat dan selatan Semenanjung Malaysia serta Singapura dijangka siap pada awal tahun 1989. Projek ini akan memperolehi permintaan gas yang



tetap yang tidak kurang daripada 266 jkpssh. Peratusan gas daripada jumlah pengeluaran yang akan dijual akan meningkat kepada kira-kira 76 peratus manakala peratusan gas yang dibakar dijangka berkurangan kepada paras 5 peratus pada tahun 1990 berbanding dengan 13 peratus pada tahun 1985.

BIJIH TIMAH. Kegagalan ITC untuk menyokong harga lantai pada paras \$29.15 sekilogram pada 24hb. Oktober 1985 dan ramalan kejatuhan harga yang lebih besar akibat daripada keadaan lebihan di pasaran antarabangsa akan menjadikan banyak lombong-lombong tempatan tidak ekonomik, dan ini dijangka menjejaskan pengeluaran tempatan dengan banyaknya pada tahun 1986. Walau bagaimanapun, harga dijangka meningkat semula sebaik sahaja apabila lebihan di pasaran antarabangsa beransur kurang dan dengan itu akan mendorong pengeluaran timah tempatan meningkat ke paras 28,000 tan metrik menjelang tahun 1990.

GALIAN-GALIAN LAIN. Pengeluaran tahunan galian-galian yang kurang penting dijangka tidak jauh berbeza daripada paras pengeluarannya pada tahun 1985 disebabkan oleh permintaan yang lembab dan berkurangnya sumber-sumber tersebut. Pengeluaran tahunan tembaga merah dijangka akan kekal di paras 125,000 tan metrik, manakala bijih besi pada paras 200,000 tan metrik dan boksait kira-kira 500,000 tan metrik. Pengeluaran galian-galian perindustrian yang akan dipengaruhi oleh kelemahan sektor pembinaan dijangka mencatatkan pertumbuhan yang lebih perlahan dalam tempoh 1986-90 berbanding dengan tempoh RME.

## Eksport

Eksport minyak mentah, gas, timah dan tembaga adalah dijangka mencatatkan kejatuhan tahunan sebanyak 1.9 peratus dan mencapai paras \$10,790 juta pada tahun 1990. Sumbangannya kepada jumlah eksport barangan dijangka merosot kepada 25.5 peratus pada tahun 1990, sebahagian besarnya disebabkan oleh kejatuhan harga.

MINYAK MENTAH DAN GAS. Jumlah minyak mentah yang akan dieksport dijangka mencatatkan pertumbuhan yang sederhana memandangkan lebihan barangan tersebut di pasaran antarabangsa yang dijangka terus kekal sepanjang tempoh RML. Selaras dengan kontrak jualan jangka panjang dengan negara Jepun, eksport LNG dijangka meningkat daripada kira-kira 4,500,000 tan metrik pada tahun 1985 ke paras maksimumnya sebanyak 6,890,000 tan metrik pada tahun 1990. Berikutan dengan kejatuhan daripada harga purata minyak mentah, harga LNG juga dijangka merosot pada kadar 8.7 peratus setahun. Mulai dari tahun 1989, apabila PGS Fasa II siap, gas akan juga dieksport ke Singapura khusus untuk penjana kuasa letrik.

BIJIH TIMAH DAN TEMBAGA. Eksport timah adalah dijangka merosot dengan banyaknya kepada 21,000 tan metrik pada tahun 1986 disebabkan ramalan kejatuhan harga daripada \$29,240 se tan kepada \$18,000 se tan metrik akibat daripada penggantungan pembelian sokongan oleh ITC di LME. Berikutan dengan pengurangan pengeluaran daripada

lombong-lombong yang tidak ekonomik di serata dunia akibat daripada kejatuhan harga, penawarannya dijangka diperolehi daripada stok yang sedia ada serta dari negara-negara pengeluar yang mempunyai kos pengeluaran yang rendah. Dengan berkurangnya keluaran dan kehabisan stok, harga dijangka akan meningkat beransur-ansur ke paras \$25,000 se tan pada tahun 1989. Berdasarkan jangkaan harga timah, eksport timah negara dijangka meningkat beransur-ansur kepada 30,500 tan metrik menjelang tahun 1990. Walaupun jumlah eksport tahunan tembaga dijangka kekal pada paras 125,000 tan metrik dalam tempoh tersebut nilainya dijangka meningkat pada kadar 2.0 peratus setahun.

### Pelaburan

Pelaburan di sektor petroleum oleh semua syarikat petroleum dijangka berjumlah \$15,900 juta dalam tempoh RML. Sebahagian besar daripada pelaburan ini dibuat oleh syarikat-syarikat sektor swasta. Dalam tempoh tersebut, kira-kira 50 buah telaga carigali minyak akan digerudi iaitu 20 di Semenanjung Malaysia, 10 di Sabah dan 20 lagi di Sarawak. Kegiatan mencarigali yang lebih terperinci di kawasan-kawasan lain seperti di Selat Melaka akan bergantung kepada keputusan penyisatan seismik yang telah dijalankan dalam tempoh RME. Di samping itu, kira-kira 400 telaga pembangunan dan pengeluaran minyak akan digerudi, iaitu 266 di Semenanjung Malaysia, 69 di Sabah dan 65 di Sarawak. Sebanyak sepuluh kawasan telaga minyak baru adalah dijangka memulakan pengeluarannya dalam tahun 1988 termasuk dua kawasan telaga minyak yang utama iaitu Dulang dan Seligi di Terengganu. Dua kawasan telaga minyak di Sarawak iaitu Fairley Baram dan Bakau dijangka memberhentikan pengeluarannya pada akhir tahun-tahun 1990an.

Pasaran timah antarabangsa pada masa hadapan adalah dijangka terus menghadapi ketidakseimbangan struktur di antara penawaran dan permintaan. Keadaan ini akan mengakibatkan penutupan lebih banyak lombong-lombong yang tidak ekonomik. Memandangkan perusahaan timah yang merosot, sektor awam dan swasta akan terus melabur dalam usaha mencarigali galian-galian baru di Kawasan Tengah Semenanjung Malaysia; di Lembah-lembah Lubuk dan Segama dan kawasan Kinabalu di Sabah; dan di kawasan-kawasan Merit-Pila Silantek, Mukah Belingan, Bau, Lundu-Semantan, Marup, Bukit Buri dan Bukit Niwong, di Sarawak.

### Gunatenaga

Gunatenaga di sektor perlombongan dijangka terus merosot dalam tempoh RME. Jumlah gunatenaga di sektor perlombongan pada keseluruhannya adalah dijangka merosot daripada 60,500 dalam tahun 1985 kepada 40,500 dalam tahun 1990. Sebahagian besar daripada kemerosotan ini dijangka berpunca daripada industri timah berikutan daripada penutupan lombong-lombong yang tidak ekonomik. Pekerja-pekerja yang kehilangan pekerjaan akibat daripada penutupan lombong-lombong tersebut dijangka dapat mencari pekerjaan di sektor ekonomi lain yang lebih produktif seperti pembinaan dan

pertanian. Peluang pekerjaan yang akan diwujudkan oleh industri mengeluarkan petroleum adalah dijangka sedikit sahaja.

#### **IV. DASAR DAN PROGRAM**

##### Sektor Kecil Petroleum

Memandangkan bahawa simpanan petroleum negara yang telah dikelanpasti akan semakin pupus, langkah-langkah akan diambil untuk mempergiatkan lagi kegiatan mencarigali untuk menambah sumber-sumber yang sedia ada. Syarat-syarat asal yang terkandung dalam kontrak perkongsian pengeluaran adalah dianggap terlalu ketat terutamanya bagi kontrak di kawasan-kawasan baru. Akibat daripada faktor tersebut serta kejatuhan harga minyak mentah dan kemerosotan ekonomi dunia, kegiatan mencarigali di Malaysia telah berkurangan. Oleh kerana aktiviti mencarigali petroleum memerlukan modal yang banyak dan teknologi yang tinggi serta kekurangan keupayaan PETRONAS untuk menjalankan berbagai program, syarat-syarat perjanjian pengeluaran bersama telah diubah bagi menggalakkan sektor swasta dari dalam dan luar negeri untuk melabur dalam aktiviti-aktiviti ini. Kepakaran tempatan dalam kegiatan-kegiatan berasaskan petroleum adalah masih rendah. Oleh itu penyertaan asing akan digalakkan dan langkah-langkah akan diambil untuk menentukan pemindahan teknologi kepada rakyat tempatan.

Memandangkan negara ini mempunyai sumber gas yang banyak, beberapa dasar dan projek sedang dirangka untuk meluaskan penggunaannya sebagai sumber tenaga terutamanya bagi menggantikan minyak pembakar dan penjanaan kuasa letrik serta meluaskan kegunaannya dalam sektor pengangkutan. Sumbangan gas dalam penjanaan kuasa letrik pada keseluruhannya dijangka meningkat daripada 13.1 peratus pada tahun 1985 kepada 30.9 peratus pada tahun 1990. Di samping itu kegunaannya sebagai bahan industri-industri berat dan kegunaannya di rumah-rumah akan terus digalakkan.

Petronas Carigali akan membelanjakan sebanyak \$1,000 juta dalam tempoh RML bagi membangunkan kawasan Dulang, Projek Duyong Fasa II dan kegiatan menggerudi bagi maksud mencarigali. Kawasan Dulang dijangka memulakan pengeluaran dalam tahun 1988.

##### Sektor Kecil Bukan Petroleum

Bagi sumber-sumber bukan petroleum, Kerajaan akan terus menjalankan kerja mencarigali di peringkat awalan dengan tujuan mengenalpasti dan menentukan kawasan-kawasan yang mempunyai galian di negara ini. Kerja mencarigali dan kegiatan melombong yang lebih terperinci selanjutnya akan diserahkan kepada sektor swasta. Selain daripada kerja mencarigali, Kerajaan juga akan terus menjalankan kegiatan

penyelidikan di dalam beberapa bidang termasuk keselamatan lombong dan pengeluaran.

Jabatan Penyiasatan Kajibumi akan terus menjalankan usaha-usaha mencarigali galian bukan bijih timah dengan tujuan mempelbagaikan sektor perlombongan. Dalam tempoh RML, kawasan-kawasan yang akan dicarigali termasuklah Kawasan Tengah Semenanjung Malaysia, Bakri di Johor, Sintok di Kedah, Kinabalu di Sabah serta Bau dan Lundu-Semantan di Sarawak. Beberapa penyiasatan untuk menentukan kawasan galian dan juga kawasan-kawasan yang boleh dilepaskan akan dijalankan di bahagian tenggara dan barat Terengganu dan di Sarawak.

Galian-galian perindustrian telah dikenalpasti sebagai galian yang berdayamaju. Untuk mengawal dan memastikan pertumbuhan yang lebih teratur untuk industri ini serta mengurangkan kemungkinan berlakunya percanggahan dari segi penggunaan tanah di antara kegiatan mengusaha sumber tersebut dengan pembangunan fizikal yang lain, Jabatan Penyiasatan Kajibumi dan Jabatan Galian akan bekerjasama dalam membentuk satu dasar kebangsaan mengenai mengusahahasilan galian-galian tersebut. Satu penyiasatan mengenai sumber-sumber ini akan dijalankan meliputi bebola tanah liat di Kedah, Perak, Pahang dan Perlis, kaolin di Johor dan Perak, serta batu kapur di Kelantan, Pahang, Perak dan Sarawak.

Kegiatan utama yang akan terus dijalankan oleh Jabatan Galian adalah penyelidikan mengenai keselamatan lombong. Di samping memberikan perkhidmatan ujian geoteknik kepada Bahagian Kuatkuasanya, Jabatan ini akan mewujudkan bank data mengenai kemalangan di lombong, mengkaji kestabilan hampas dan takungan air di lombong, geomekanik batu, serta peraturan-peraturan keselamatan di lombong.

Memandangkan keadaan pasaran timah antarabangsa pada masa hadapan yang tidak tetap, struktur industri tersebut mestilah diubah dengan menumpukan pengeluaran daripada lombong-lombong yang paling ekonomik sahaja. Dalam masa yang sama, kegiatan penyelidikan dan pembangunan akan terus ditumpukan ke arah memperluaskan lagi kegunaan timah dan memperbaiki kecekapan pengeluaran. Untuk mencapai tujuan tersebut, Institut Penyelidikan Bijih Timah Antarabangsa (ITRI) di United Kingdom akan terus menumpukan kegiatannya ke atas penyelidikan bagi memperluaskan lagi penggunaan timah manakala Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Asia Tenggara (SEATRAD) akan terus menjalankan penyelidikan mengenai pengeluaran bagi membolehkan industri tersebut menghadapi cabaran pada masa akan datang. Persatuan Negara-Negara Pengeluar Timah (ATPC) yang telah ditubuhkan dalam tahun 1983 telah memilih ITRI untuk membantu persatuan tersebut mencapai tujuan untuk meningkatkan penggunaan timah. Dalam hal ini, ATPC akan menyediakan panduan-panduan dasar untuk program penyelidikan dan pembangunannya kepada ITRI.

Beberapa kawasan-kawasan yang luas yang telah habis di lombong secara ekonomik terdapat di negeri-negeri Perak dan Selangor, dan kebanyakannya terbiar. Beberapa

kajian telah dijalankan mengenai kegunaan bekas-bekas lombong untuk tujuan ekonomi yang lain. Dalam tempoh RML, satu kajian geoteknik mengenai tanah bekas lombong tersebut akan dijalankan bagi tujuan menggunakannya untuk kegiatan ekonomi seperti bangunan dan pertanian.

## **V. PERUNTUKAN**

Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan bagi tempoh 1981-85 dan peruntukan bagi tempoh 1986-90 untuk kegiatan perlombongan adalah seperti ditunjukkan di Jadual 15-2.

## **VI. PENUTUP**

Sektor perlombongan di negara ini akan menghadapi masa depan yang tidak pasti terutamanya dari segi permintaan dunia serta harga. Kesulitan-kesulitan yang dihadapi oleh industri timah memerlukan pengubahsuaian struktur dan rasionalisasi dengan tujuan mengekalkan keberkesanan kosnya. Di sektor kecil petroleum, syarat-syarat yang lebih menarik akan terus diberikan kepada sektor swasta untuk menggalakkannya mempergiatkan kegiatan-kegiatan mencarigali. Untuk mengambil faedah daripada simpanan gas yang besar, penggunaannya sebagai bahan bakar dan bahan pengeluaran akan terus dipertingkatkan. Selama ini sektor perlombongan terlalu bergantung kepada beberapa galian sahaja dan keadaan tersebut telah mendedahkannya kepada risiko yang tinggi terutamanya dalam keadaan permintaan dan harga yang rendah serta simpanan yang semakin pupus. Untuk mengurangkan risiko tersebut, usaha-usaha yang lebih giat akan diambil oleh Kerajaan bagi mempelbagai sektor ini supaya tidak terlalu bergantung kepada galian-galian tradisional.

## **BAB 16 : PENGANGKUTAN DAN PERHUBUNGAN**

### **I. PENDAHULUAN**

Pengangkutan dan perhubungan merupakan sebahagian daripada unsur utama dalam proses pembangunan. Infrastruktur pengangkutan dan perhubungan yang mencukupi dan cekap memudahkan pergerakan sumber-sumber antara pusat pengeluaran dan penggunaan. Sumbangan sektor pengangkutan, penyimpanan dan perhubungan kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) ialah sebanyak 6 peratus pada tahun 1985.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME), pelbagai kemudahan pengangkutan dan perhubungan telah diperbesar dan dipertingkatkan tarafnya bagi membantu perkembangan ekonomi. Teras bagi sektor pengangkutan dan perhubungan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), ialah untuk menyiapkan program-program dan projek-projek sambungan yang diperlukan bagi pembangunan sosioekonomi negara keseluruhannya.

### **II. KEMAJUAN, 1981-85**

Dalam tempoh RME, keutamaan telah ditumpukan kepada pelaksanaan program-program dan projek-projek sambungan bagi sektor pengangkutan serta program memperluaskan rangkaian telekom dalam negeri dan antarabangsa. Perhatian juga diberi bagi memperbaiki pengurusan dan pengendalian kemudahan-kemudahan pengangkutan dan perhubungan di samping mengenalpasti dan melaksanakan program bagi penglibatan yang cergas oleh sektor swasta. Penekanan juga telah diberi bagi penggubalan satu dasar pengangkutan dan perhubungan negara yang menyeluruh.

Jenis-jenis pengangkutan ialah jalan raya, keretapi, pengangkutan udara, dan juga perkapalan yang meliputi pengangkutan melalui sungai dan terusan. Perkembangan ekonomi yang pesat telah mewujudkan tekanan ke atas sistem pengangkutan dan bagi memenuhi keperluan ke atas kemudahan-kemudahan pengangkutan, keupayaan berbagai jenis pengangkutan telah dipertingkatkan. Kemajuan yang memuaskan telah dicapai dalam pelaksanaan berbagai program dan projek dalam sektor pengangkutan dan perhubungan. Petunjuk-petunjuk utama mengenai kemajuan sektor ini adalah seperti dalam Carta 16-1.

Pengangkutan jalan

Tujuan-tujuan utama dasar dan strategi sektor kecil pengangkutan jalan dalam tempoh RME ialah bukan sahaja untuk memperbaiki kemudahan infrastruktur fizikal tetapi juga

meningkatkan aspek-aspek organisasi dan pengurusan sektor kecil ini. Usaha-usaha ini termasuklah penglibatan sektor swasta dalam penyediaan dan pengurusan kemudahan-kemudahan dan perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan jalan. Mengenai pengangkutan awam pula, penekanan telah diberi untuk meneruskan usaha-usaha memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam, terutamanya dalam kawasan perbandaran, bagi mengurangkan kesesakan lalulintas dan pencemaran udara, akibat daripada penggunaan kenderaan persendirian yang meluas bagi tujuan berulang alik. Penekanan yang sama juga telah diberi terhadap kerja-kerja penyenggaraan kemudahan-kemudahan infrastruktur.

Dalam tempoh RME, keseluruhan rangkaian jalan telah bertambah pada kadar 7.9 peratus setahun daripada 28,870 kilometer pada tahun 1980 kepada 42,330 kilometer pada tahun 1985, terdiri daripada 9,180 kilometer jalan persekutuan, 29,560 kilometer jalan negeri, dan 3,600 kilometer jalan di bawah pihak berkuasa tempatan. Pembahagian jalan mengikut jenis dan bidang kuasa adalah seperti dalam Jadual 16-1.

Rangkaian lebuh raya kebangsaan adalah terdiri daripada jalan-jalan tar dibawah bidang kuasa Kerajaan Persekutuan manakala rangkaian jalan raya besar tempatan terdiri daripada sebahagian besar daripada jalan-jalan tar dibawah bidang kuasa Kerajaan Negeri. Jalan-jalan batu kerikil dan tanah merah merupakan jalan penyambung dan jalan masuk. Pada amnya, jalan-jalan ini merupakan sebahagian daripada sistem rangkaian jalan luar bandar. Pembahagian jalan bagi semua negeri pada tahun 1985 mengikut jenis permukaan dan bidang kuasa, seperti dalam Jadual 16-2, menunjukkan Negeri-negeri Johor, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Perak, Perlis, Pulau Pinang serta Wilayah-wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan mempunyai peratusan jalan tar yang tinggi. Kadar pertumbuhan tahunan rangkaian jalan dalam tempoh RME ialah sebanyak 7.9 peratus sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 16-3.

Jumlah kenderaan bermotor yang berdaftar bertambah pada kadar 9.1 peratus setahun daripada 2.6 juta pada tahun 1980 kepada 4.0 juta pada tahun 1985 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 16-4. Jumlah kereta persendirian meningkat sebanyak 8.8 peratus setahun daripada 843,300 pada tahun 1980 kepada 1,285,600 pada tahun 1985. Peningkatan ini mencatatkan kadar pemilikan kereta persendirian sebanyak 81.4 kenderaan bagi tiap-tiap seribu penduduk pada tahun 1985.

Program-program penting yang telah dilaksanakan termasuklah memperbaiki jalan raya utama, lebuh raya antara bandar dan jalan-jalan pembangunan. Di Semenanjung Malaysia, projek-projek utama yang telah siap dilaksanakan termasuklah Lebuh Raya Timur-Barat yang menghubungkan Jeli di Kelantan dengan Grik di Perak, Lebuh Raya-lebuh raya Kuantan-Segamat dan Kuala Krai-Gua Musang serta Skim Penyuraian Lalulintas Kuala Lumpur-Petaling Jaya. Di samping itu, program pemulihan lebuh raya yang meliputi Jalan Persekutuan I di Johor dan Perak dan Jalan Persekutuan III di Terengganu dan Kelantan telah disiapkan, manakala program yang di laksanakan di

Pahang yang meliputi Jalan Persekutuan II dan Jalan Persekutuan III masih dalam peringkat pelaksanaan.

Projek-projek lebuh raya tol antara bandar yang menghubungkan Bukit Kayu Hitam di utara dengan Johor Bahru di selatan, termasuk projek Jambatan Pulau Pinang, Lebuh Raya Baru Lembah Klang dan Lebuh Raya Kuala Lumpur-Karak, adalah dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Hanya bahagian Lebuh Raya Bukit Kayu Hitam-Jitra dan projek Jambatan Pulau Pinang sepanjang 13.5 kilometer dapat disiapkan dalam tempoh RME.

Di Sabah, projek-projek lebuh raya utama yang menghubungkan Tamparuli dengan Ranau, Semporna dengan Lahad Datu dan Papar dengan Sindumin telah disiapkan. Projek-projek lain yang telah dilaksanakan dalam separuh masa kedua RME termasuklah Jalan Lahad Datu-Sandakan, Jalan Sandakan-Telupid dan juga beberapa jalan masuk ke kawasan pembangunan pertanian. Kira-kira 90 kilometer lebuh raya utama telah diturap manakala 95 kilometer dibina ke taraf jalan batu kerikil. Di samping itu, sepanjang 104 kilometer jalan raya telah dipulihkan.

Di Sarawak, hubungan darat antara Kuching dengan Miri telah diwujudkan dengan siapnya pembinaan sebahagian daripada Sistem Jalan Raya Besar Pertama di antara Ulu Batang Mukah-Bintulu. Projek-projek lain yang telah dilaksanakan dalam tempoh RME termasuklah menaikkan taraf dan mengetar Jalan Ulu Oya, Jalan Kuching-Sibu, Jalan Miri-Bintulu dan memperbaiki bahagian-bahagian tertentu Jalan Bau-Lundu. Kerja-kerja pembaikan dan menaikkan taraf beberapa bahagian projek Lebuh Raya Pan-Borneo, yang meliputi Jalan Lutong-Sempadan Brunei, Jalan Limbang-Sempadan Brunei, Jalan Lawas-Merapok-Sindumin dan Jalan Lawas-Temburong, telah juga dilaksanakan. Di samping itu, kerja-kerja awal bagi pembinaan sebuah jambatan menyeberangi Sungai Pendaruan, yang menjadi sempadan bersama antara Sarawak dan Brunei Darussalam, juga dilaksanakan. Menjelang akhir tempoh RME, kira-kira 30 peratus atau 290 kilometer daripada sejumlah 990 kilometer Jalan Raya Besar Pertama telah diturap.

Satu kajian bagi mengkaji semula rangkaian jalan raya di Sabah dan Sarawak telah dimulakan dalam bulan November, 1985. Kajian tersebut, antara lain, ialah untuk mengenalpasti batasan-batasan keatas kesempurnaan pengendalian pengangkutan jalan raya serta menentukan keutamaan bagi meluas dan membaiki rangkaian pengangkutan jalan besar dan jalan penghubung, terutamanya di Sarawak.

Selaras dengan tujuan utama untuk menyediakan kemudahan-kemudahan jalan raya yang mencukupi ke kawasan luar bandar dan memperbaiki rangkaian pengangkutan jalan raya utama bagi sesebuah negeri, kira-kira 2,350 kilometer jalan luar bandar termasuk jalan-jalan keselamatan telah dibina dan diperbaiki. Kerja-kerja pembinaan dan pembaikan ini telah menghasilkan pencapaian kira-kira 85 peratus daripada matlamat RME sepanjang 2,770 kilometer. Kira-kira 5,300 kilometer jalan-jalan kampung yang sedia ada telah diturap ke taraf jalan tar.



Langkah-langkah yang telah diambil untuk memperbaiki perkhidmatan pengangkutan awam di Kuala Lumpur dan kawasan sekitarnya termasuklah mewujudkan satu sistem pengangkutan laju bagi penumpang-penumpang. Sistem ini meliputi projek aerobus yang berasaskan teknologi gantungan kebel serta projek pengangkutan rel laju ringan. Kerja-kerja awal mengukur laluan dan penyiasatan tanah bagi kedua-dua projek tersebut telah disiapkan.

Berhubung dengan penswastaan projek-projek jalan raya, satu perjanjian telah ditandatangani dalam tahun 1984 antara Kerajaan Persekutuan dengan sebuah syarikat swasta. Perjanjian ini memberi kebenaran kepada syarikat tersebut untuk menjalankan kerja-kerja pembinaan semula, penyenggaraan dan pemungutan tol di Jalan Lencungan Selat Klang Utara sepanjang 15 kilometer. Satu perjanjian yang serupa juga telah ditandatangani dengan sebuah syarikat swasta yang lain untuk membina dan menyenggara sebuah persimpangan bertingkat di bulatan Jalan Kepong-Jalan Kuching-Jalan Batu serta memungut tol di persimpangan tersebut. Jalan Lencungan Selat Klang Utara telah diswastakan manakala persimpangan bertingkat di Jalan Kepong-Jalan Kuching-Jalan Batu sedang dalam pembinaan. Projek-projek lain yang dikenalpasti bagi penyertaan sektor swasta termasuklah projek melebarkan Lebuhraya Persekutuan daripada empat lorong kepada enam lorong dari Subang Jaya ke Klang dan pembinaan Lebuhraya Baru Lembah Klang sepanjang 41 kilometer.

Langkah-langkah yang telah diambil untuk memperkukuhkan aspek-aspek pengurusan dan pentadbiran pengangkutan jalan termasuklah mengkaji semula dan mengemaskini Ordinan Lalulintas Jalan Raya 1958, membaiki sistem pengeluaran lesen-lesen memandu, dan memperkenalkan sistem pengiraan mata bagi kesalahan memandu yang bertujuan untuk mewujudkan disiplin di kalangan pemandu-pemandu. Langkah-langkah telah juga diambil untuk menakrifkan kira-kira 1,000 kilometer jalan utama di Sabah dan 1,200 kilometer jalan besar di Sarawak sebagai jalan Persekutuan.

Kajian Beban Gandar Jalan Raya yang telah dimulakan dalam tahun 1985 adalah bertujuan, antara lain, untuk menentukan sejauh mana jalan-jalan dan jambatan-jambatan yang sedia ada perlu dipertingkatkan dan kemudahan-kemudahan baru direkabentuk untuk membolehkannya menampung muatan berikutan dengan pengenalan dan penggunaan kenderaan berat untuk perdagangan. Langkah-langkah ini perlu untuk mengelakkan cepatnya berlaku kerosakan jalan dan jambatan dan untuk mengurangkan kerosakan akibat bencana alam serta kemalangan jalan raya akibat daripada penggunaan kenderaan-kenderaan berat untuk perdagangan.

#### Pengangkutan keretapi

Dalam tempoh RME, perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu (KTM) terus dipertingkat dan dimodenkan. Penekanan telah diberi bagi meningkatkan keselamatan dalam pengendalian perkhidmatan keretapi, menambah keupayaan landasan dan kelajuan maksimum keretapi, mengurang kelewatan perjalanan keretapi, menambah keupayaan

pengangkutan barang-barang, dan memperbaiki perkhidmatan keretapi pada keseluruhannya. Projek-projek yang telah disiapkan pada akhir tempoh RME termasuklah pembaharuan landasan sepanjang 358 kilometer dan pemuliharaan 23 buah jambatan, kerja-kerja meluruskan landasan sepanjang 10 kilometer yang mempunyai lengkok tajam, memperbaiki kesemua lintasan dan pembinaan landasan cawangan sepanjang 32 kilometer yang menghubungkan Kempas dengan Pelabuhan Johor di Pasir Gudang.

Dalam usaha meningkatkan taraf perkhidmatan keretapi kepada pengguna, stok kereta yang baru telah dibeli termasuk 15 kepala keretapi ibu jalan berenjin diesel, 10 kepala keretapi lansir, 50 gerabak penumpang, dan 590 gerabak. Pelaksanaan program menambahkan bilangan stok kereta ini telah menambahkan stok kereta yang dipunyai oleh KTM pada tahun 1985 kepada 97 kepala keretapi ibu jalan berenjin diesel, 45 keretapi lansir, 295 gerabak penumpang dan 4,449 gerabak barang. Jentera dan alat kelengkapan bagi penyenggaraan landasan dan penggantian serta penambahan kelengkapan di bengkel Sentul telah juga diperolehi.

Dalam tempoh RME, jumlah penumpang KTM telah bertambah sebanyak 0.8 peratus setahun daripada 7.1 juta penumpang pada tahun 1980 kepada 7.4 juta penumpang pada tahun 1985. Hasil yang diperolehi telah meningkat pada kadar 1.3 peratus setahun daripada \$57.9 juta pada tahun 1980 kepada \$61.7 juta pada tahun 1985. Walau bagaimanapun jumlah pengendalian pengangkutan barang-barang telah berkurang sebanyak 1.7 peratus setahun daripada 3.6 juta tan metrik pada tahun 1980 kepada 3.3 juta tan metrik pada tahun 1985. Hasil yang diperolehi juga berkurang sebanyak 3.3 peratus setahun daripada \$62.7 juta pada tahun 1980 kepada \$53.1 juta pada tahun 1985. Pengurangan pengangkutan barang-barang adalah disebabkan oleh persaingan yang semakin bertambah daripada pengusaha-pengusaha pengangkutan jalan raya, keupayaan KTM yang terhad dan pertumbuhan ekonomi yang perlahan.

Pembinaan landasan yang menghubungkan Sungai Way ke kawasan simpanan minyak Petroliaam Nasional Berhad (PETRONAS) di Subang, Selangor sedang dijalankan. Kerja-kerja menyediakan landasan dan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan ke Pejabat Pos Besar dan Ibu Pejabat Jabatan Pos di Kompleks Dayabumi di Kuala Lumpur hampir siap.

Berikutan dengan siapnya Kajian Pelan Induk Keretapi dalam tahun 1983, satu kajian ke atas projek keretapi baru Timur-Barat dan projek keretapi Pantai Barat telah dilaksanakan. Kajian ini yang telah disiapkan dalam tahun 1985 adalah bertujuan menilai kemungkinan mewujudkan sistem keretapi tolok standard dan berelektrik. KK

#### Pengangkutan laut

Dalam tempoh RME, pembangunan dan pembesaran kemudahan-kemudahan pelabuhan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang berkaitan dengan pengangkutan laut, termasuk syarikat-syarikat perkapalan, telah dilaksanakan bagi menampung keperluan bilangan

kapal dan jumlah kargo yang kian meningkat dan juga kegiatan-kegiatan lain yang berkaitan. Pembesaran kemudahan-kemudahan pelabuhan telah dilaksanakan dengan matlamat utama untuk mewujudkan sistem pelabuhan yang cekap dan yang bercorak perniagaan dan dengan demikian menggalakkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Usaha usaha juga telah dibuat bagi meningkatkan keupayaan dan memodenkan kapal-kapal untuk meningkatkan penglibatan dan penggunaannya dalam perdagangan dalam negeri dan antarabangsa dengan tujuan utama untuk mengurangkan pengaliran keluar tukaran asing dalam bentuk bayaran tambang dan insurans. Dalam bidang perkapalan dalam negeri, usaha-usaha telah diambil bagi menambah penggunaan kapal-kapal yang didaftarkan di negara ini dan dipunyai oleh warganegara Malaysia.

PELABUHAN Jumlah kargo yang dikendalikan melalui pelabuhan-pelabuhan telah meningkat sebanyak 12 peratus setahun daripada 23.6 juta tan metrik pada tahun 1980 kepada 41.6 juta tan metrik pada tahun 1985. Carta 16-2 menunjukkan jenis kargo yang dikendalikan. Kargo am telah mencatatkan peningkatan sebanyak 5.7 peratus setahun, kargo pukal cecair 18.5 peratus setahun, kargo kontena 14.9 peratus setahun, dan kargo pukal kering 24.3 peratus setahun. Jumlah keupayaan pengendalian pelabuhan pelabuhan telah meningkat daripada 25.5 juta tan metrik pada tahun 1980 kepada 56.5 juta tan metrik pada tahun 1985.

Program utama pembesaran Pelabuhan Klang meliputi pembinaan kemudahan-kemudahan pengkalan pukal kering dan pukal cecair, dermaga-dermaga kargo am dan dolphin dan kemudahan-kemudahan sokongan lain. Kerja-kerja mengorek dan menambak Selat Selatan pelabuhan ini juga telah siap dilaksanakan. Lembaga Pelabuhan Klang telah mengambil alih pentadbiran dan pengendalian Pelabuhan Melaka daripada Jabatan Laut, berkuatkuasa mulai bulan Julai 1983, dengan tujuan untuk menyelaraskan pentadbiran dan pengawalan pelabuhan berkenaan. Program pembesaran Pelabuhan Pulau Pinang, meliputi pembinaan dermaga kargo pukal tambahan, sebuah jeti minyak sayur, pembelian peralatan dan feri-feri. Kerja pengorekan Terusan Utara pelabuhan ini juga sedang dilaksanakan. Rekabentuk terperinci bagi pembinaan pengkalan kontena di Butterworth Utara telah siap dalam tahun 1985.

Di Pelabuhan Johor, pembinaan program pembesaran Fasa II yang melibatkan pembinaan sebuah dermaga serbaguna tambahan untuk kegunaan kapal-kapal lautan, bagi mengendalikan kargo am dan kontena serta pembinaan dua buah dermaga kargo pukal kering, telah siap. Disamping itu, sebuah jeti bagi kargo merbahaya, sebuah dermaga tongkang, kemudahan-kemudahan penyimpanan, dan pembangunan peringkat pertama Zon Perdagangan Bebas yang mengandungi sebuah kompleks kastam, juga telah siap dibina. Pelabuhan Kuantan telah digunakan sepenuhnya dalam tahun 1984. Fasa I kompleks perdagangan di pelabuhan ini yang telah dimulakan pembinaannya dalam tahun 1982 telah siap dalam tahun 1985. Pembinaan Pengkalan Perbekalan Petroleum Fasa I di Terengganu telah siap dalam tahun 1983 untuk menampung keperluan kegiatan mencarigali petroleum. Fasa I ini melibatkan pembinaan kemudahan-

kemudahan pengkalan di pantai, sebuah kawasan berlabuh, dan sebuah saluran masuk. Pembesaran Fasa II pula yang masih dalam pembinaan dan dijadualkan siap dalam tahun 1986 adalah untuk menampung keperluan-keperluan industri petro-kimia dan juga industri berat.

Jeti Langkawi di Kedah yang telah siap di bina dalam tahun 1984 terutamanya adalah untuk menampung keperluan pengangkutan bagi kilang simen. Kajian kemungkinan bagi menentukan perlunya sebuah pelabuhan kecil di Perlis telah juga disiapkan, dalam tahun 1984. Kajian teknikal bagi menentukan tapak sebuah pelabuhan kecil di Kelantan dan satu kajian teknikal dan ekonomi bagi menentukan kesesuaian pembangunan sebuah pelabuhan kecil di Pulau Bunting Kedah, telah disiapkan dalam tahun 1985.

Di Sabah, program pembesaran Pelabuhan Tawau dan jeti perindustrian di Telok Sepangar telah disiapkan, manakala Fasa I Pelabuhan Kota Kinabalu telah dimulakan dalam tahun 1985. Di Sarawak, pembinaan Pelabuhan Bintulu bagi menampung kargo am dan kargo pukal dan kemudahan-kemudahan khusus bagi pengendalian gas asli cecair (LNG), ammonia dan urea telah siap dibina dalam tahun 1982. Disamping itu, satu kajian bagi menentukan pembesaran Fasa II Pelabuhan Kuching telah disiapkan dan rekabentuk kejuruteraan terperinci bagi projek ini telah dimulakan.

Berhubung dengan penyertaan sektor swasta dalam pengendalian dan pengurusan perkhidmatan kemudahan-kemudahan pelabuhan, satu kajian telah dijalankan bagi meneliti berbagai pendekatan untuk menswastakan pengkalan kontena di Pelabuhan Klang. Ekoran daripada kajian tersebut, Kerajaan telah memutuskan cara pendekatan yang paling wajar kearah penswastakan terminal kontena di Pelabuhan Klang. Disamping itu beberapa bidang lain juga telah dikenalpasti untuk di-swastakan, ini termasuk pengendalian kargo pukal kering dan penundaan kapal di Pelabuhan Klang, kerja-kerja pengorekan dan perkhidmatan laut di Pelabuhan Pulau Pinang, pengendalian kontena dan kargo pukal di Pelabuhan Johor dan perkhidmatan laut di Pelabuhan Kuantan.

**PERKAPALAN.** Dalam bidang perkapalan, beberapa langkah telah diambil untuk mengurangkan pergantungan kepada kapal-kapal asing bagi mengangkut barang-barang dagangan Malaysia disamping mengurangkan pembayaran yang besar bagi tambang dan bayaran-bayaran lain yang berkaitan. Keupayaan syarikat-syarikat perkapalan negara telah dipertingkatkan. Syarikat Perkapalan Antarabangsa Malaysia (MISC) telah menambah bilangannya daripada 31 buah dengan keupayaan seberat 817,100 tan metrik pada tahun 1980 kepada 45 buah dengan keupayaan seberat 1,483,900 tan metrik pada tahun 1985. Dari segi pengangkutan kargo negara, MISC telah menambah bahagian pengangkutannya daripada 2.7 peratus pada tahun 1980 kepada 11.9 peratus pada tahun 1985 bagi kargo kontena dan daripada 2 peratus kepada 2.1 peratus bagi kargo pukal cecair. Sebaliknya, terdapat pengurangan dalam pangangkutan kargo pukal kering daripada 27.4 peratus kepada 15.3 peratus dalam tempoh RME. Sejak tahun 1983, MISC telah terlibat dalam pengangkutan keseluruhan LNG. Syarikat Perkapalan Perbadanan Nasional (PNSL), iaitu anak syarikat yang dipunyai sepenuhnya oleh Perbadanan Nasional

(PERNAS) telah ditubuhkan dalam tahun 1982. Sehingga tahun 1985, PNSL telah mengendalikan sejumlah 10 buah kapal dengan keupayaan seberat 264,900 tan metrik. Kapal-kapal kepunyaan PNSL, sebahagian besarnya, adalah terlibat dalam pengangkutan kargo pukal cecair dan juga kargo pukal kering. Dari segi pengangkutan kargo negara, PNSL telah menambah bahagian pengangkutannya daripada 31.2 peratus pada tahun 1983 kepada 31.4 peratus pada tahun 1985 bagi kargo pukal cecair dan daripada 2.3 peratus kepada 11.1 peratus bagi kargo pukal kering.

Majlis Pengguna-pengguna Kapal Kebangsaan Malaysia (MNSC) yang ditubuhkan dengan matlamat untuk melindungi kepentingan pengguna-pengguna kapal berhubung dengan penghantaran barangan dan juga memperbaiki perkhidmatan perkapalan untuk jangka panjang dinegara ini, telah dapat menambah dengan pesat bilangan keahliannya. Pertambahan ini terdiri daripada berbagai pertubuhan barangan yang mewakili para pengeksport, pengilang dan pengeluar. Pusat Tempahan Tambang (FBC) telah ditubuhkan dalam tahun 1984 sebagai sebuah syarikat swasta dengan matlamat utama untuk menyatukan kargo kepunyaan pengguna-pengguna kapal Malaysia bagi mendapat kadar tambang kapal yang berpatutan dan munasabah dengan mewujudkan kerjasama yang lebih erat antara pengguna-pengguna kapal dengan syarikat-syarikat perkapalan negara.

Dalam bidang perkapalan dalam negeri, Kerajaan telah memperkenalkan Dasar Perkapalan Dalam Negeri pada awal tahun 1980 untuk dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Dasar ini bertujuan untuk memastikan hanya kapal-kapal yang berdaftar di Malaysia dan yang di kendalikan oleh warganegara Malaysia dibenarkan bergiat dalam sektor perkapalan dalam negeri. Semenjak pelaksanaan dasar ini, bilangan lesen yang dikeluarkan kepada kapal-kapal berdaftar di Malaysia oleh Lembaga Pelesenan Perkapalan Dalam Negeri (DSLNB) telah bertambah daripada 164 lesen pada tahun 1980 kepada 440 lesen pada tahun 1985. Perdagangan pesisir diantara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak telah meningkat daripada 2.4 juta tan metrik pada tahun 1980 kepada 3.6 juta tan metrik pada tahun 1985 ini telah menjadikan jumlah perdagangan laut bagi Sabah dan Sarawak yang diurus melalui laut bertambah daripada 29.0 peratus kepada 33.0 peratus dalam tempoh yang sama.

PERKHIDMATAN LAUT. Langkah-langkah telah diambil untuk menyediakan kemudahan pelayaran yang mencukupi, cekap dan diselenggarakan dengan baik bagi memastikan keselamatan pelayaran di perairan Malaysia dan juga di kawasan dimana Malaysia mempunyai hak keatas sumber-sumber alamnya. Langkah-langkah ini termasuklah pembelian tambahan beberapa buah kapal korek, kapal, lanci, peralatan perhubungan dan alat-alat bantuan pelayaran.

#### Pengangkutan udara

Dalam tempoh RME, jumlah penumpang udara bertambah pada kadar 8.6 peratus setahun daripada 7.2 juta pada tahun 1980 kepada 10.9 juta pada tahun 1985. Penumpang

udara dalam negeri bertambah pada kadar 8.3 peratus setahun daripada 4.9 juta pada tahun 1980 kepada 7.3 juta pada tahun 1985. Penumpang udara antarabangsa pula bertambah pada kadar 9.4 peratus setahun daripada 2.3 juta kepada 3.6 juta dalam tempoh yang sama.

Kargo udara yang diselenggarakan bertambah pada kadar 15.8 peratus setahun dari 58,500 tan metrik pada tahun 1980 kepada 121,800 tan metrik pada tahun 1985. Jumlah kargo udara dalam negeri bertambah pada kadar 7.6 peratus setahun dari 27,900 tan metrik pada tahun 1980 kepada 40,300 tan metrik pada tahun 1985. Kargo udara antarabangsa pula bertambah pada kadar 21.6 peratus setahun daripada 30,600 tan metrik kepada 81,400 tan metrik dalam tempoh yang sama.

Kerja-kerja membesar dan memperbaiki bangunan terminal Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur telah disiapkan dalam tahun 1983. Di samping itu, sebuah kompleks kargo yang baru bagi lapangan terbang tersebut telah siap dalam tahun 1985 untuk menampung pertambahan permintaan sehingga ketahun 2000. Kemudahan-kemudahan di lapangan-lapangan terbang di Alor Setar, Kota Bharu, Kuala Terengganu dan Kuantan telah diperbaiki dan di pertingkatkan. Kerja-kerja awal untuk membesarkan Lapangan Terbang Pulau Langkawi dan seterusnya mempertingkatkan taraf lapangan terbang tersebut telah dimulakan dalam tahun 1985. Sebuah lapangan terbang baru yang berkeupayaan mengendali penerbangan hingga ke pesawat terbang jenis F27 telah dibina oleh PETRONAS di Kerteh, Terengganu bagi memudahkan pergerakan kakitangan-kakitangan carigalnya. Satu kajian pelan induk Program Pemodenan Sistem Kawalan Trafik Udara dan Pengurusan Ruang Angkasa juga telah siap dalam tahun 1985.

Program memperbaiki dan membesarkan beberapa lapangan terbang di Sabah dan Sarawak telah siap. Ini termasuklah program pembesaran lapangan-lapangan terbang antarabangsa Kuching dan Kota Kinabalu, dan pembinaan kemudahan-kemudahan baru di lapangan-lapangan terbang Miri dan Sandakan. Kajian rekabentuk awal bangunan terminal baru dan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan di Labuan dan Lahad Datu, dan rekabentuk terperinci kejuruteraan bagi sebuah lapangan terbang baru di Sibiu, juga telah disiapkan. Kerja-kerja memperbaiki padang terbang di kedua-dua buah negeri ini juga telah dilaksanakan.

Syarikat penerbangan kebangsaan, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS), memainkan peranan yang penting bagi menyediakan perkhidmatan pengangkutan udara dalam negeri dan antarabangsa yang selamat dan cekap. Syarikat ini telah membawa 4.2 juta penumpang dalam tahun kewangan 1980-81 dan jumlah ini telah meningkat kepada 5.6 juta dalam tahun kewangan 1984-85, iaitu menunjukkan pertumbuhan pada kadar 7.4 peratus setahun. Jumlah kargo yang dibawa juga bertambah sebanyak 9.3 peratus setahun daripada 47,800 tan metrik kepada 74,400 tan metrik dalam tempoh yang sama. Kerajaan telah menswastakan MAS pada tahun 1985, dimana 30 peratus daripada milik Kerajaan telah dijual kepada orang ramai.

## Perkhidmatan telekom

Dalam tempoh RME, program perkhidmatan telekom telah diperluas bagi menyediakan perkhidmatan yang lebih cekap, terutamanya perkhidmatan telefon dan teleks di samping kemudahan-kemudahan perkhidmatan telekom bagi penyiaran radio dan televisyen, penerbangan awam, polis, kastam, dan agensi-agensi kerajaan yang lain. Berikutan dengan pemasangan ibusawat-ibusawat telefon yang baru, keupayaan ibusawat talian telefon telah ditambah daripada 660,500 talian pada tahun 1980 kepada 1.8 juta talian pada tahun 1985 iaitu pencapaian sebanyak 85.1 peratus daripada matlamat dalam tempoh RME. KK

Peningkatan keupayaan ini, berserta dengan perluasan rangkaian telefon pelanggan telah membolehkan kemudahan-kemudahan disediakan kepada 980,000 pelanggan telefon dan 11,000 pelanggan teleks berbanding dengan 1.6 juta pelanggan telefon dan 15,000 pelanggan teleks yang dijangkakan dalam tempoh RME. Tambahan ini telah meningkatkan nisbah telefon-penduduk daripada 2.7 bagi tiap-tiap seratus penduduk pada tahun 1980 kepada 6.3 pada tahun 1985.

Perkhidmatan telekom yang menghubungkan Malaysia dengan negara-negara asing telah di perluas dan di perbaiki melalui pengubahsuaian dua buah stesyen satelit bumi di Kuantan dan Melaka, pelancaran perkhidmatan sistem kabel dasar laut Lautan Hindi Kommonwel menghubungkan Pulau Pinang dan Madras dalam tahun 1981, pelancaran sistem kabel dasar laut ASEAN, Malaysia-Singapura-Thailand dalam tahun 1982 dan pelancaran sistem kabel dasar laut Pulau Pinang-Medan dalam tahun 1984. Di samping itu, sebuah ibusawat baru telefon antarabangsa yang dilengkapi dengan alat-alat pengawalan komputer telah dilancarkan. Ibusawat ini telah meningkatkan keupayaan dan kemudahan-kemudahan dail terus antarabangsa dari empat buah negara pada tahun 1980 kepada 65 buah negara pada tahun 1985.

Beberapa perkhidmatan baru telah juga di perkenalkan, termasuk videoteks, telefeks, dan perkhidmatan sistem radio telefon automatik (ATUR). Perkembangan dari segi jumlah dan lengkongan perkhidmatan telekom ini adalah hasil daripada penggunaan teknologi telekom seperti ibusawat kawalan berkomputer, sistem pemancaran satelit dan juga alat-alat pemancaran digital dalam perkembangan dan pemodenan perkhidmatan telekom.

Dalam tahun 1985, cukai perkhidmatan-perkhidmatan telefon dan teleks telah diubahsuai supaya kadar bayaran yang dikenakan adalah sejajar dengan struktur kos perkhidmatan telekom. Kadar bayaran baru yang diperkenalkan mulai tahun 1985 untuk panggilan teleks tempatan dan antarabangsa melibatkan potongan di antara 33 peratus hingga 67 peratus daripada bayaran yang dikenakan sebelumnya. Kadar bayaran baru untuk panggilan telefon antarabangsa yang diperkenalkan secara berperingkat-peringkat mulai tahun 1985 adalah 10 sen hingga 67 sen lebih rendah daripada kadar bayaran sebelumnya. Walau bagaimanapun, bayaran bagi setiap unit panggilan telefon dalam

negeri telah dinaikkan daripada 10 sen kepada 13 sen, tetapi potongan sebanyak 100 unit permulaan masih dikekalkan.

Perkhidmatan telekom akan diswastakan bagi memperbaiki keupayaan dan kecekapannya. Sebuah syarikat yang dimiliki sepenuhnya oleh Kerajaan telah ditubuh dan didaftarkan dalam tahun 1984. Syarikat ini dijangka akan mengambilalih daripada Jabatan Telekom peranan menyediakan perkhidmatan telekom.

#### Perkhidmatan pos

Jumlah mel yang dikendalikan meningkat sebanyak 9.2 peratus setahun daripada 1,340 juta pada tahun 1980 kepada 2,080 juta dalam tahun 1985. Di samping itu, Jabatan Perkhidmatan Pos menyediakan berbagai perkhidmatan bagi pihak beberapa agensi. Konsep bayaran setempat telah diperkenalkan dalam tahun 1982 berkaitan dengan bayaran bil elektrik, bil telefon dan cukai pintu, dan pembayaran ini boleh dibuat pada waktu pejabat.

Pembinaan bangunan baru bagi Pejabat Pos Besar dan Ibu Pejabat Jabatan Pos di Kuala Lumpur yang dilengkapi dengan kemudahan-kemudahan moden telah disiapkan dalam tahun 1983, manakala bangunan baru Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu telah disiapkan dalam tahun 1985. Dalam tahun yang sama, Jabatan Pos telah memperkenalkan sistem Poskod Kebangsaan dan sistem akaun perdagangan. Perkhidmatan Pos di kawasan luar bandar juga diperkembangkan melalui penubuhan pejabat-pejabat pos baru, wakil-wakil pos dan pejabat-pejabat pos bergerak, dan seramai 900,000 orang penduduk lagi telah mendapat faedah daripada perkhidmatan-perkhidmatan tersebut.

#### Perkhidmatan kajicuaca

Dalam tempoh RME, mutu perkhidmatan kajicuaca telah dipertingkatkan khususnya berkaitan dengan keperluan penerbangan awam, pertanian, penyelidikan dan pelajaran. Selain daripada menyediakan perkhidmatan kajicuaca, Jabatan Kajicuaca juga terlibat dengan pembekalan perkhidmatan-perkhidmatan kajicuaca lautan dan Oseanografi. Satu sistem amaran angin kencang menerusi penggunaan alat-alat pandang untuk memberi amaran kepada nelayan-nelayan dan pengguna-pengguna laut telah ditubuhkan di beberapa tempat dengan kerjasama pihak Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia dan Jabatan Perikanan. KK

Beberapa kegiatan seperti ramalan kajicuaca dengan menggunakan alat-alat automatik, ramalan cuaca numerikal dan kajian-kajian musim monson telah dijalankan. Di samping itu, perkhidmatan kajicuaca pertanian untuk memberi maklumat dan nasihat kepada agensi-agensi pertanian dan juga kajian-kajian alam sekitar telah disediakan. Bagi tujuan mengesan secara berterusan keatas kejadian gempa bumi di Malaysia dan kawasan



sekitarnya, Jabatan Perkhidmatan Kajicuaca terus menyelenggara rangkaian empat stesyen seismologi yang terletak di Ipoh, Kluang, Kota Kinabalu dan Kuala Lumpur.

### **III. PROSPEK, 1986-90**

Kerajaan memberi perhatian berat kepada keperluan mengadakan sistem pengangkutan dan perhubungan yang bersepadu di negara ini. Bagi tujuan ini, dasar-dasar dan program-program jangka panjang untuk menyelaras dan menyatukan pembangunan sektor ini akan digubal. Dasar-dasar dan program-program tersebut adalah perlu untuk mewujudkan sistem pengangkutan dan perhubungan yang cekap yang akan membantu pembangunan negara pada keseluruhannya.

Dalam tempoh RML, teras sektor pengangkutan dan perhubungan adalah untuk menyiapkan program-program dan projek-projek yang sedang dilaksanakan. Usaha juga akan diambil untuk terus meningkatkan pengendalian dan pengurusan kemudahan-kemudahan pengangkutan dan perhubungan serta mengenalpasti dan melaksanakan program-program bagi melibatkan pembiayaan dan pengurusan yang lebih giat oleh sektor swasta. Dalam hubungan ini, pengendalian dan pengurusan pengkalan kontena di Pelabuhan Klang akan diusahakan oleh sebuah syarikat swasta yang akan ditubuhkan bersama dengan Lembaga Pelabuhan Klang. Berasaskan kepada ketetapan Kerajaan untuk menswastakan projek-projek lebuhraya tol antara bandar, satu kajian terperinci mengenai tatacara dan pendekatan berhubung dengan penswastaan ini sedang dijalankan. Satu kajian yang serupa sedang juga dijalankan berhubung dengan penswastaan MISC. Di samping itu, memandangkan terdapatnya batasan sumber, satu kajian mendalam akan diadakan untuk menetapkan masa yang sesuai bagi pelaksanaan projek-projek aerobus dan pengangkutan rel laju ringan di Kuala Lumpur serta projek keretapi baru Timur-Barat yang menghubungkan Pelabuhan Klang dengan Paka melalui Kuantan.

#### **Pengangkutan jalan**

Dalam tempoh RML, selain daripada memberi penekanan kepada usaha untuk menyiapkan projek-projek yang sedang dilaksanakan, program-program memperbaiki kemudahan-kemudahan jalan yang sedia ada akan juga dilaksanakan. Selain daripada itu, satu program penyenggaraan yang menyeluruh dan terperinci bagi rangkaian jalan raya utama yang sedia ada, termasuk kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan, akan dilaksanakan. Program ini diadakan atas hakikat bahawa sistem penyenggaraan melalui pencegahan kerosakan yang berkesan akan mengurangkan jumlah kos yang ditanggung oleh pengguna-pengguna jalan raya serta jumlah perbelanjaan Kerajaan yang diperlukan bagi mengganti kemudahan-kemudahan yang ada.

Satu program penyelidikan dan ujian yang teratur mengenai kemungkinan melaksanakan secara meluas teknologi permukaan jalan konkrit akan dimulakan dengan mengambilkira

keadaan tempatan. Beberapa batang jalan yang mempunyai permukaan konkrit dan keadaan struktur tanah yang berlainan serta berat muatan yang berbeza akan dibina dan diuji untuk memastikan samada satu program pembinaan permukaan konkrit boleh diadakan. Program penyelidikan dan pembangunan jangka panjang mengenai teknologi ini akan dilaksanakan bagi mewujudkan kaedah yang sesuai bagi sesuatu keadaan memandangkan bahawa permukaan jalan konkrit tidak sesuai dibina dalam keadaan struktur tanah tertentu. Program ini juga bertujuan untuk memperbaiki teknologi pembinaan jalan supaya kos pembinaan permukaan jalan konkrit dapat dikurangkan.

Satu kajian pelan induk bagi jalan raya akan diadakan untuk menentukan kemudahan-kemudahan jalan yang diperlukan pada masa hadapan. Kajian ini akan menggunakan pendekatan yang merangkumi berbagai jenis pengangkutan bagi membolehkan penyediaan satu asas untuk menggubal dasar-dasar dan strategi-strategi pembangunan jalan pada masa hadapan. Oleh yang demikian, keutamaan bagi pembangunan jalan akan ditentukan dalam konteks kajian pelan induk ini.

Amalan mengangkut muatan yang berlebihan oleh kenderaan-kenderaan perdagangan merupakan satu faktor utama yang menyebabkan cepatnya berlaku kerosakan jalan raya. Satu daripada langkah untuk mengatasi masalah ini ialah dengan mengadakan satu sistem menimbang kenderaan semasa bergerak. Di bawah sistem ini, alat kelengkapan akan ditempatkan di kawasan-kawasan yang strategik di sepanjang rangkaian jalan raya utama dan ianya akan dapat menentukan jumlah berat muatan sesebuah kenderaan perdagangan.

Kerja-kerja pembinaan ke atas bahagian yang belum siap bagi projek lebuhraya tol antara bandar akan diteruskan dalam tempoh RML. Projek-projek ini dan program-program memperbaiki dan memperbesarkan jalan-jalan raya utama yang lain di negara ini apabila siap, akan memperbaiki dan meningkatkan produktiviti menerusi penjimatan kos dan masa pengangkutan. Di samping itu, kemudahan dan perkhidmatan pengangkutan di bandar akan bertambah dengan siapnya projek-projek pengangkutan bandar.

Pertimbangan akan diberi terhadap langkah mengenakan bayaran laluan ke atas kenderaan yang membawa bilangan penumpang yang rendah pada waktu kesesakan memandangkan tingginya kadar pemilikan dan penggunaan kenderaan persendirian yang mengakibatkan penggunaan secara tidak ekonomik ruang-ruang jalan di pusat bandar besar. Di bawah sistem ini, bayaran tol akan dikenakan ke atas kenderaan yang membawa bilangan penumpang yang rendah melintasi kawasan pusat perniagaan. Langkah ini akan menggalakkan penggunaan kenderaan yang membawa bilangan penumpang yang tinggi seperti bas dan teksi, dan dengan demikian memastikan kemudahan-kemudahan pengangkutan di bandar digunakan dengan lebih cekap.

Kerja-kerja pembinaan dan menaikkan taraf jalan luar bandar akan terus diberi keutamaan dengan tujuan memperbaiki rangkaian pengangkutan yang sedia ada bagi sesebuah negeri. Program jalan luar bandar meliputi pembinaan jalan masuk yang baru

dan menaikkan taraf ke jalan tar jalan-jalan tanah atau batu kerikil yang sedia ada. Hubungan pengangkutan yang baik bagi kawasan luar bandar akan menggalakkan kegiatan ekonomi dan sosial dan dalam pada itu, memudahkan pelaksanaan program pembangunan sektor lain seperti pertanian, kesihatan dan pembangunan masyarakat. Di samping itu, program menaikkan taraf jalan-jalan kampung yang sedia ada ke taraf jalan tar akan diteruskan. Program-program pembangunan jalan luar bandar dan jalan kampung ini diteruskandengan tujuan mutlak memperbaiki taraf sosioekonomi penduduk luar bandar.

#### Pengangkutan keretapi

Pelaburan bagi sektor pengangkutan keretapi akan dibuat dalam tempoh RML untuk membolehkan KTM memainkan peranan yang lebih cergas dalam pengangkutan barang-barang yang merangkumi pengangkutan biasa dan pengangkutan kontena. Pelaburan modal utama yang akan dilaksanakan oleh KTM termasuk kerja-kerja memperbaharui landasan, membeli stok kereta dan kerja-kerja menyiapkan landasan sepanjang 8 kilometer yang menghubungkan Sungai Way dengan Subang serta landasan ke Ibu Pejabat Pos Besar yang baru. Yad Atur dan kemudahan-kemudahan lain yang berkaitan akan di bina di Kempas, Johor khususnya untuk memudahkan pergerakan pengangkutan keretapi dari dan ke Pelabuhan Johor di Pasir Gudang.

#### Pengangkutan laut

Dalam tempoh RML, tumpuan akan diberi untuk memperkemaskan kemudahan-kemudahan pelabuhan yang sedia ada di pelabuhan dan juga perkhidmatan-perkhidmatan pengangkutan laut yang berkaitan. Perancangan bersepadu bagi pembesaran pelabuhan-pelabuhan akan dilaksanakan, bagi memenuhi keperluan negara, serta meningkatkan kecekapan dan produktiviti pengendalian pelabuhan, disamping menggalakkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Dari segi penyediaan kemudahan-kemudahan kontena, Pelabuhan Klang akan dimajukan sebagai pengkalan kontena utama, manakala pelabuhan-pelabuhan lain akan dihad bagi mengendalikan kapal-kapal kargo biasa dan kapal-kapal kecil. Dalam bidang perkapalan, langkah-langkah akan diteruskan bagi memperbaiki kegiatan-kegiatan perkapalan kebangsaan dan menggalakkan perkembangannya. Amalan-amalan perkapalan yang sedia ada akan dikaji semula untuk mengurangkan pengaliran keluar tukaran asing dalam bentuk bayaran tambang kapal dan insurans dan juga untuk meningkatkan penggunaan kapal-kapal Malaysia bagi perdagangan negara ini. Berbagai aspek perkhidmatan institusi yang berkaitan dengan pembangunan industri perkapalan akan juga diperbaiki. Disamping itu, langkah-langkah akan terus diambil bagi memperuntukan kegiatan perkapalan dalam negeri kepada kapal-kapal yang berdaftar di negara ini dan dipunyai oleh warganegara Malaysia.

PELABUHAN. Jumlah kargo yang akan dikendalikan oleh pelabuhan-pelabuhan dianggarkan meningkat pada kadar 6.8 peratus setahun daripada 41.6 juta tan metrik

pada tahun 1985 kepada 57.7 juta tan metrik pada tahun 1990 seperti ditunjukkan dalam carta 16-2. Kargo am dijangka meningkat pada kadar 2.8 peratus setahun daripada 17.9 juta tan metrik pada tahun 1985 kepada 20.6 juta tan metrik pada tahun 1990. Dalam tempoh yang sama, kargo pukal cecair dijangka meningkat pada kadar 6.1 peratus setahun daripada 14.4 juta tan metrik kepada 19.4 juta tan metrik, kargo kontena meningkat pada kadar 15.5 peratus setahun daripada 4.5 juta tan metrik kepada 9.2 juta tan metrik dan kargo pukal kering meningkat pada kadar 11.9 peratus setahun daripada 4.8 juta tan metrik kepada 8.5 juta tan metrik. Bagi menampung peningkatan pengendalian kargo yang dijangkakan ini, beberapa program untuk menggunakan kemudahan-kemudahan yang sedia ada dipelabuhkan dengan berkesan, disamping program pembesaran dan pembaikan pelabuhan-pelabuhan, akan dilaksanakan. Menjelang akhir tahun 1990, jumlah keupayaan pengendalian pelabuhan-pelabuhan dijangka mencapai 65.5 juta tan metrik berbanding dengan 56.5 juta tan metrik pada tahun 1985.

Di Pelabuhan Klang, rekabentuk kejuruteraan terperinci serta pembinaan dermaga 15, dermaga dolphin tambahan, lapangan letak kontena dan pengkalan laut akan dilaksanakan dalam tempoh RML. Pembinaan dermaga 15 adalah bagi menambahkan keupayaan pengendalian kargo am dan kontena, manakala pembinaan dermaga dolphin tambahan akan menambah keupayaan pengendalian kargo pukal cecair. Pembinaan jalan raya serta jambatan untuk membolehkan penyediaan kemudahan pengendalian kargo biasa, kargo petro-kimia dan barang-barang bahaya, di Pelabuhan Pulau Lumut akan juga dilaksanakan pada akhir tempoh RML.

Di Pelabuhan Johor, pembangunan peringkat kedua Zon Perdagangan Bebas yang meliputi pembinaan sebuah kompleks kastam, kemudahan infrastruktur dan gudang-gudang akan disiapkan menjelang tahun 1987. Pembinaan sebuah pengkalan di Pelabuhan Kuantan bagi perkhidmatan feri ke Kuching dan Kota Kinabalu akan dilaksanakan. Disamping itu Fasa II bagi pengkalan Perbekalan Petroleum di Tanjung Berhala, Terengganu akan mula digunakan dalam tahun 1986. Rekabentuk terperinci bagi sebuah pelabuhan kecil Kelantan dan pembinaan sebuah pelabuhan kecil di Perlis yang akan menyediakan kemudahan-kemudahan bagi pendaratan ikan, pengendalian kargo dan perkhidmatan feri penumpang akan dilaksanakan dalam tempoh RML.

Di Sabah, kerja-kerja pembesaran Pelabuhan Kota Kinabalu yang meliputi pembinaan kemudahan-kemudahan dermaga tambahan, bangsal-bangsal penempatan dan kawasan menyimpan, yang telah dimulakan pembinaannya dalam tempoh RME akan disiapkan dalam tahun 1987. Pembesaran Pelabuhan Sandakan yang meliputi pembinaan sebuah lapangan dan gudang penyimpanan kargo kontena akan dilaksanakan bagi memperbaiki kemudahan-kemudahan dari segi pengendalian kargo am dan juga kargo kontena. Di Sarawak, Pelabuhan Bintulu akan dilengkapi dengan peralatan tambahan dan lain-lain kemudahan-kemudahan yang diperlukan, manakala pembinaan Fasa II pembesaran pelabuhan Kuching yang telah dimulakan dalam tempoh RME, akan disiapkan. Dengan

siapnya projek pembesaran ini, Pelabuhan Kuching akan mampu mengandalkan kargo sehingga tahun 1990.

Dalam hubungan pentadbiran dan pengurusan pelabuhan, Kajian Pelabuhan Kebangsaan akan dilaksanakan untuk membentuk satu asas bagi pembangunan dan pengurusan sistem pelabuhan kebangsaan pada masa hadapan. Kajian ini akan menggubal satu dasar yang menyeluruh dan menentukan keperluan pembesaran pelabuhan untuk jangka panjang. Selain daripada itu kajian ini juga akan menentukan langkah-langkah bagi memperbaiki pengendalian dan pengurusan pelabuhan-pelabuhan yang sedia ada, untuk membolehkan perancangan pembesaran pelabuhan diselaras dan disepadukan, dan dengan demikian meningkatkan penggunaan pelabuhan-pelabuhan Malaysia. Langkah-langkah juga akan diambil bagi mewujudkan matlamat korporat secara kuantitatif bagi semua pelabuhandibawah satu dasar kebangsaan yang menyeluruh.

Kajian mengenai tarif bagi pelabuhan-pelabuhan persekutuan untuk mengkaji semula struktur dan kadar tarif yang sedia ada serta kos bagi perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan, akan diteruskan. Kajian ini juga akan mengkaji matlamat untuk menyeragamkan sistem penamaan dan memudahkan tarif-tarif yang digunakan oleh pelabuhan-pelabuhan di negara ini. Usaha-usaha juga akan diambil bagi memastikan tarif-tarif dilaksanakan sejajar dengan strategi pelabuhan-pelabuhan mengenai pengendalian perdagangan dan kewangan supaya tarif tersebut dapat memberi kekesanan keatas peningkatan penggunaan pelabuhan-pelabuhan Malaysia dan membolehkannya bersaing dengan pelabuhan-pelabuhan lain.

PERKAPALAN. Dalam tempoh RML, kegiatan-kegiatan MISC dan PNSL akan diperkembangkan untuk menampung permintaan yang semakin bertambah dan meningkatkan penyertaannya dalam pengangkutan dalam negeri dan antarabangsa. MISC akan terus mengekalkan kapalnya yang berjumlah 45 buah yang mempunyai keupayaan seberat 1,483,900 tan metrik. Dalam bidang pengangkutan LNG, kesemua lima buah kapal pengangkut LNG akan digunakan oleh MISC bagi mengangkut LNG ke Negeri Jepun. PNSL akan melaksanakan dasar bagi meningkatkan daya persaingan dalam bidang perkhidmatan yang sedia ada. Kedudukan PNSL dalam pengangkutan perdagangan laut akan terus diperkukuhkan melalui satu usahasama perkhidmatan kontena ke Australia dan pantai barat Amerika Syarikat. Langkah-langkah juga akan diambil bagi meningkatkan bahagian PNSL dalam pengangkutan kargo pukal cecair dan kargo pukal kering.

Sebagai langkah untuk mempercepatkan lagi penyertaan warga negara Malaysia dalam bidang perkapalan antarabangsa, pihak yang ada kaitan dengan pengangkutan laut akan digalak menggunakan kapal-kapal kepunyaan Malaysia. MNSC, satu badan yang menggabungkan organisasi-organisasi utama barangan, untuk meneliti isu-isu perkapalan akan terus diperkukuhkan bagi membolehkannya mewakili secara berkesan kepentingan pengguna-pengguna kapal di negara ini. Dalam pada itu FBC akan berusaha mengumpulkan kargo-kargo bagi tujuan mendapat perkhidmatan perkapalan yang lebih

ekonomi dan terjamin bagi pengguna-pengguna kapal Malaysia. Disamping itu, perjanjian-perjanjian baru perkapalan dua hala akan diadakan bagi membolehkan negara ini meningkatkan bahagiannya dalam bidang perkapalan antarabangsa, serta memperkembangkan kegiatan-kegiatannya.

Dalam usaha menggalakkan pertumbuhan industri perkapalan dalam negeri, DSLB akan terus mengeluarkan lesen-lesen tambahan kepada kapal-kapal yang berdaftar di Malaysia bagi meningkatkan lagi penyertaan mereka dibidang perkapalan dalam negeri. Satu kajian antara jenis pengangkutan yang bertujuan untuk mengurangkan beban pengangkutan darat akan dilaksanakan. Kajian ini akan menentukan kemungkinan memperbaiki perkhidmatan perkapalan pesisir sebagai satu jenis pengangkutan dalam negeri bagi negara ini. Matlamat jangka panjang Kerajaan ialah untuk menggalakkan pembangunan industri perkapalan dalam negeri dan dengan demikian dapat merintis jalan bagi menjadikan Malaysia sebagai negara kelautan yang penting.

Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk memudah, memaju dan memperbaiki perkhidmatan feri yang perlu dan hubungan pengangkutan air yang lain di negara ini, PNSL akan mengadakan perkhidmatan feri penumpang-barang antara Kuantan, Kuching dan Kota Kinabalu dalam tahun 1986. Langkah ini adalah sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk memupuk perpaduan nasional yang lebih erat antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Disamping itu perkhidmatan feri di antara Johor dan Singapura bagi menggalakkan pertumbuhan pelancungan akan dimulakan dalam tahun 1987. Perkhidmatan ini akan menyediakan kemudahan pengangkutan tambahan kepada pelancung-pelancung.

PERKHIDMATAN LAUT. Usaha akan terus diambil untuk memperbaiki dan mempertingkatkan langkah-langkah pencegahan dan penguatkuasaan bagi membolehkan Jabatan Laut memainkan peranan yang lebih berkesan dalam bidang keselamatan laut dan keadaan sekitar laut. Langkah-langkah juga akan diambil bagi mengadakan perkhidmatan-perkhidmatan mencari dan menyelamat yang mencukupi diperingkat kebangsaan dan wilayah melalui peraturan dan kerjasama dua hala dengan negara-negara jiran. satu kajian semula keatas peraturan-peraturan berkaitan dengan perkapalan saudagar di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak untuk menyeragamkan ordinan-ordinan perkapalan saudagar berkenaan akan dapat disiapkan dalam tempoh RML. Dengan adanya ordinan yang seragam ini, pengawalan yang berkesan keatas kegiatan perkapalan di negara ini akan dapat diwujudkan.

#### Pengangkutan udara

Lapangan-lapangan terbang di Malaysia dijangka mengendalikan sejumlah 14.2 juta penumpang pada tahun 1990 berbanding dengan 10.9 juta pada tahun 1985 bertambah pada kadar 5.6 peratus setahun. Penumpang udara dalam negeri dijangka bertambah pada kadar 3.3 peratus setahun daripada 7.3 juta pada tahun 1985 kepada 8.6 juta pada

tahun 1990, manakala penumpang udara antarabangsa dijangka bertambah pada kadar 9.6 peratus setahun daripada 3.6 juta pada tahun 1985 kepada 5.7 juta pada tahun 1990.

Dalam bidang pengendalian kargo udara, jumlahnya dijangka meningkat pada kadar 14.6 peratus setahun daripada 121,800 tan metrik pada tahun 1985 kepada 241,300 tan metrik pada tahun 1990. Kargo udara dalam negeri dijangka bertambah pada kadar 7.6 peratus setahun daripada 40,300 tan metrik kepada 58,100 tan metrik manakala kargo antarabangsa dijangka bertambah pada kadar 17.7 peratus setahun daripada 81,400 tan metrik kepada 183,800 tan metrik dalam tempoh yang sama.

Kerja-kerja memperbaiki dan meningkatkan taraf kemudahan-kemudahan yang perlu di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan Pulau Pinang, dan lapangan-lapangan terbang lain di Alor Setar, Kota Bharu, Ipoh dan Kuala Terengganu akan dilaksanakan. Kemudahan-kemudahan yang sedia ada di Lapangan Terbang Ipoh akan di perbesarkan dan kemudahan-kemudahan bantuan pandu arah dan pendaratan yang mencukupi akan disediakan bagi mengendali keperluan penerbangan sehingga ke pesawat jenis B737. Lapangan-lapangan terbang Langkawi dan Kuantan dan Padang Terbang Pulau Tioman akan di pertingkat dan di perbesarkan bagi menampung keperluan industri pelancungan. Kerja-kerja mempertingkatkan kemudahan-kemudahan Lapangan Terbang Langkawi dijadual dapat disiapkan pada pertengahan tahun 1987 dan kemudahan-kemudahan yang disediakan akan dapat mengendali keperluan penerbangan sehingga ke pesawat jenis Airbus. Lapangan Terbang Kuantan juga akan diperbesar dan kemudahan-kemudahannya akan dipertingkatkan supaya berupaya mengendali keperluan penerbangan sehingga ke pesawat jenis B747.

Program Pemodenan Sistem Kawalan Trafik Udara dan Pengurusan Ruang Angkasa akan dilaksanakan dalam Wilayah-wilayah Penerangan Penerbangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu. Program ini akan melibatkan penambahan sistem kawalan trafik melalui pemasangan sistem radar pemerosesan terbaru dan sistem memproses data, mempertingkatkan sistem perhubungan radio dan panduarah, dan menyediakan kakitangan yang terlatih bagi memberi perkhidmatan yang cekap disamping menyediakan tenaga kerja yang berupaya mengendalikan sistem tersebut.

Kemudahan-kemudahan Bantuan Panduarah dan Telekom akan dipasang di Lapangan Terbang Sandakan. Pembinaan laluan pesawat terbang yang selari dan pemasangan sistem lampu padang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching akan disiapkan dalam tempoh RML. Sebuah lapangan terbang baru di Sibu akan di bina bagi megendali keperluan penerbangan sehingga ke pesawat jenis B737. Kerja-kerja pemasangan kemudahan-kemudahan panduarah dan sistem lampu padang terbang di Miri dijangka dapat disiapkan dalam tempoh RML. Padang-padang terbang di Long Seridan, Long Semado dan Mukah di Sarawak akan juga di perbaiki.

MAS merancang untuk membeli pesawat-pesawat tambahan bagi menambah jumlah pesawat syarikat tersebut yang ada untuk memenuhi keperluan pengangkutan udara

bagi perkhidmatan dalam dan luar negeri. Dengan penambahan keupayaan ini, MAS dijangka mengendali sejumlah 5.9 juta penumpang pada tahun 1985 dan 7.4 juta pada tahun 1990 bertambah pada kadar 5.6 peratus setahun. Jumlah kargo yang akan dikendalikan dijangka meningkat daripada 74,400 tan metrik pada tahun 1985 kepada 106,800 tan metrik pada tahun 1990, bertambah pada kadar 7.2 peratus setahun.

#### Perkhidmatan telekom

Dalam tempoh RML, perkhidmatan telekom akan terus di perluaskan bagi memenuhi permintaan yang bertambah untuk perkhidmatan-perkhidmatan dalam negeri dan antarabangsa. Pembangunan telekom akan ditumpukan kearah mencapai matlamat untuk membolehkan ramai lagi penduduk termasuk mereka yang tinggal di kawasan-kawasan terpencil mendapat perkhidmatan telekom dan matlamat bagi meningkatkan mutu perkhidmatan-perkhidmatan terutamanya bagi sektor perniagaan.

Keupayaan rangkaian telefon akan dipertingkatkan bagi menyediakan perkhidmatan telefon yang mencukupi kepada sejumlah 2.4 juta orang pelanggan, dan dengan demikian meningkatkan nisbah telefon-penduduk bagi tiap-tiap seratus penduduk daripada 6.3 pada tahun 1985 kepada 13.8 pada tahun 1990. Bagi mencapai matlamat ini, beberapa program dan projek turnkey termasuk pemasangan rangkaian kabel tempatan, rangkaian suis dan rangkaian jauh, akan terus dilaksanakan.

Perkhidmatan telekom juga akan di perluaskan ke kawasan luar bandar. Bilangan telefon awam di kawasan luar bandar akan ditambah dengan menggunakan sistem ATUR, satelit tempatan dan teknik telekom baru yang lain menggunakan radio. Kawasan-kawasan luar bandar juga akan di bekalkan dengan ibusawat-ibusawat yang berkeupayaan kecil. Bagi meningkatkan lagi mutu perkhidmatan-perkhidmatan telekom, perkhidmatan berkomputer kepada pengguna seperti Sistem Perkhidmatan Automatik Pengguna dan Sistem Panduan Telefon Awam akan juga digunakan bagi memberi perkhidmatan yang cekap kepada pengguna-pengguna.

Program-program perkhidmatan luar negeri akan meliputi program menggantikan stesyen satelit bumi di Kuantan, dan pemasangan fibre optik bagi kabel dasar laut antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah dan Sarawak. Perkhidmatan lain yang akan dilaksanakan ialah untuk menambah keupayaan hubungan telekom kepada negara asing dengan menggunakan gabungan kabel dasar laut dan hubungan penghantaran satelit.

Syarikat yang telah ditubuhkan untuk mengambil alih tugas-tugas bagi menyediakan perkhidmatan telekom daripada Jabatan Telekom dijangka memulakan perkhidmatannya dalam tahun 1986. Syarikat tersebut juga dikehendaki melaksanakan berbagai program pembangunan telekom dalam tempoh RML.

#### Perkhidmatan pos



Program perkhidmatan Pos akan terus ditumpukan kearah mencapai matlamat-matlamat jangka panjang untuk membolehkan sebuah pejabat pos bagi setiap kawasan yang mempunyai penduduk lebih daripada 3,000 orang dan sebuah wakil pos bagi setiap kawasan yang mempunyai penduduk antara 1,000 hingga 3,000 orang. Jumlah mel yang dikendalikan adalah dijangka meningkat daripada 2,080 juta pada tahun 1985 kepada 2,500 juta pada tahun 1990.

Program-program yang akan dilaksanakan dalam tempoh RML meliputi antara lain pejabat-pejabat pos baru, Instituti Latihan Pos di Bangi dan penubuhan pejabat-pejabat posmini yang akan dikendalikan oleh orang perseorangan. Disamping itu, usaha-usaha akan terus diambil bagi mempercepatkan pengisahan surat-surat dan mempertingkatkan perkhidmatan-perkhidmatan di kaunter pejabat pos. Satu perkhidmatan baru yang dikenali sebagai sistem GIRO akan diperkenal untuk menyediakan perkhidmatan penghantaran dan pembayaran bil dengan mudah, selamat, dan segera bagi pemegang-pemegang akaun GIRO dengan tidak menggunakan wang tunai. Sistem Giro ini akan meningkatkan urusan-urusan bank dan pengendalian wang dalam negeri. Sistem ini apabila dilaksanakan kelak, akan memenuhi keperluan pengguna secara langsung kepada semua lapisan masyarakat dari segi kemudahan membayar bil-bil pelbagai perkhidmatan, bayaran gaji, pindahan kredit, pemungutan sewa dan premium insurans.

Perkhidmatan kajicuaca.

Dalam tempoh RML, program perkhidmatan kajicuaca akan di perluas bagi menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kajicuaca dan geofisikal. Perkhidmatan ramalan Kajicuaca akan terus mengadakan pemerhatian keatas keadaan cuaca di sepanjang masa bagi wilayah-wilayah Penerangan Penerbangan Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu.

Penggunaan sistem komputer juga akan dipergiatkan bagi memenuhi perkembangan kegiatan-kegiatan penyelidikan dan pemerosesan data eletronik. Di samping itu, lebih banyak lagi stesyen kajicuaca akan ditubuhkan di ladang-ladang pertanian bagi menilai kekesanan cuaca keatas pengeluaran tanaman kontan.

Sistem pengesanan pencemaran udara akan diperluas dan dipertingkatkan. Penubuhan Jawatankuasa Kebangsaan mengenai Seismologi dan Kejuruteraan Gempa Bumi akan dipertimbangkan, oleh kerana terdapatnya kesedaran yang meningkat dikalangan orang awam terhadap bencana gempa bumi, dan bagi menggalakkan kerjasama antara agensi dalam kegiatan berhubung dengan seismologi dan kejuruteraan gempa bumi, Di samping itu, radar amaran ribut akan di pasang di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching manakala sistem radar amaran ribut yang sedia ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur akan diganti. Kemudahan-kemudahan penerimaan satelit yang sedia ada di Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu dan Kuching akan di pertingkatkan lagi.

#### **IV. PERUNTUKAN**

Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan dalam tempoh 1981-85 dan peruntukan bagi tempoh 1986-90 bagi sektor pengangkutan dan perhubungan adalah ditunjukkan dalam Jadual 16-5.

#### **V. PENUTUP**

Teras sektor pengangkutan dan perhubungan dalam tempoh RML ialah untuk menyiapkan program-program dan projek-projek sambungan untuk memperbaiki lagi pergerakan, dan hubungan dan dengan demikian memastikan peningkatan perkhidmatan- perkhidmatan yang disediakan. Pelaburan dalam sektor luar bandar akan ditumpukan untuk meningkatkan taraf hidup penduduk di luar bandar dan kawasan-kawasan terpencil. Bersama dengan program-program dan projek-projek pembangunan luar bandar yang lain, program-program dan projek-projek pengangkutan dan perhubungan akan dapat meningkatkan taraf sosioekonomi penduduk luar bandar.

## **BAB 17 : TENAGA**

### **I. PENGENALAN**

Tenaga dibekalkan kepada pengguna sama ada dalam jenis tenaga utama seperti minyak mentah, gas asli, arang batu dan kuasa hidro, ataupun dalam jenis kedua seperti keluaran petroleum dan kuasa elektrik. Pembangunan sektor tenaga adalah berkait rapat dengan pembangunan ekonomi negara. Pembangunan sosio-ekonomi yang berterusan adalah sebahagian besarnya bergantung kepada pembangunan sektor tenaga yang secukupnya. Perancangan, penggubalan dasar dan proses membuat keputusan untuk pembangunan sektor tenaga adalah ditumpukan ke arah matlamat utama untuk membekalkan tenaga yang mencukupi bagi memenuhi keperluan berbagai pengguna tenaga di dalam ekonomi.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME) pertumbuhan sektor tenaga pada keseluruhannya adalah memuaskan. Penekanan telah diberi kepada strategi untuk mengurangkan pergantungan kepada sumber minyak bagi penjanaan kuasa, mempelbagaikan sumber-sumber tenaga, meluaskan lagi liputan bekalan elektrik di kawasan luar bandar serta menggalakkan penggunaan tenaga dengan cara yang lebih cekap dan penjimatan tenaga. Dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML), strategi-strategi ini akan terus dilaksanakan. Perhatian akan juga ditumpukan kepada perancangan tenaga bersepadu bagi memastikan pembangunan sektor tenaga secara optimum dan lebih tersusun.

### **II. KEMAJUAN, 1981-85**

Satu dasar tenaga yang menyeluruh, yang digubal pada tahun 1979, telah menetapkan garis-garis panduan menyeluruh mengenai matlamat dan strategi jangka panjang bagi sektor tenaga. Dasar-dasar tertentu telah digubal bagi sektor kecil minyak sebagai panduan kepada industri petroleum supaya pembangunannya sejajar dengan matlamat pembangunan negara.

Dalam tempoh RME, dasar-dasar tersebut terus menjadi panduan bagi pembangunan sektor tenaga. Dasar-dasar ini telah memberi tumpuan kepada strategi pelbagaian tenaga berasaskan kepada empat bahan api yang utama iaitu minyak, hidro, gas dan arang batu, bagi memastikan bekalan tenaga yang mencukupi dan terjamin serta mengurangkan pergantungan kepada minyak dalam penggunaan tenaga. Strategi pelbagaian tersebut telah dilaksanakan dengan tujuan untuk menggunakan sumber tenaga tempatan bukan minyak, khususnya gas dan hidro dan hasil daripada itu, negara telah dapat meningkatkan pergantungan kepada sumber tenaga tempatan serta

menjimatkan pertukaran asingnya. Kemajuan telah dicapai dalam usaha menggantikan penggunaan minyak dalam proses pelbagaian sumber-sumber tenaga dari segi bekalan dan juga permintaan tenaga. Penjimatan tenaga juga merupakan satu perkara penting dan telah mendapat perhatian sewajarnya.

## BEKALAN DAN PELBAGAIAN SUMBER TENAGA

Bekalan tenaga utama telah bertambah pada kadar 8.7 peratus setahun daripada 447.8 petajoule (PJ) pada tahun 1980 kepada 679.6 PJ pada tahun 1985, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 17-1. Walaupun bahagiannya daripada jumlah bekalan tenaga utama telah semakin berkurangan, minyak mentah dan bahan-bahan keluaran petroleum masih merupakan punca tenaga yang penting, iaitu 61.9 peratus daripada jumlah bekalan tenaga utama pada tahun 1985, berbanding dengan 76.9 peratus pada tahun 1980. Bahagian gas asli telah bertambah daripada 0.5 peratus pada tahun 1980 kepada 18.1 peratus pada tahun 1985.

Pertambahan bahagian gas dalam jumlah bekalan tenaga utama adalah berpunca terutamanya daripada pembangunan sumber gas sebagai sebahagian daripada strategi mempelbagaikan bahan api bagi tujuan memudahkan proses perindustrian dan mengurangkan pergantungan kepada sumber minyak. Di samping itu, bahagian sumber arang batu dan coke juga meningkat disebabkan oleh penggunaannya yang bertambah di kilang-kilang simen dan peleburan. Bahagian kuasa hidro dan biomass pula telah berkurang sedikit berikutan daripada kesan penggunaan sumber gas dalam sektor tenaga.

Dalam bidang penjanaan kuasa elektrik, sumbangan minyak pada tahun 1980 adalah sebanyak 87.2 peratus, kuasa hidro sebanyak 12.5 peratus dan gas sebanyak 0.3 peratus, seperti yang ditunjukkan dalam Carta 17-1. Menjelang tahun 1985, bahagian sumber minyak telah berkurang menjadi 65.8 peratus manakala bahagian tenaga hidro meningkat kepada 24.9 peratus dan bahagian gas kepada 9.3 peratus. Keadaan ini adalah selaras dengan strategi untuk mempelbagaikan sumber tenaga elektrik daripada bahan minyak yang mahal kepada sumber-sumber gas asli dan hidro tempatan yang lebih murah.

### Permintaan dan Pelbagaian Sumber Tenaga

Permintaan tenaga meliputi jenis-jenis tenaga utama dan tenaga kedua yang telah melalui proses-proses penukaran. Sebagai contoh, proses penukaran sumber minyak atau gas menjadi kuasa elektrik melibatkan kehilangan tenaga dalam proses penjanaan dan penghantaran kuasa, biasanya pada kadar 60-70 peratus. Pengeluaran bahan-bahan petroleum sendiri akan melibatkan penggunaan tenaga oleh loji-loji penapis minyak.

Selaras dengan pertumbuhan yang pesat dalam sektor perindustrian dan perbandaran, permintaan tenaga telah bertambah pada kadar 7.4 peratus setahun iaitu daripada 333.4

PJ pada tahun 1980 kepada 476.7 PJ pada tahun 1985 seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 17-2. Dari segi gabungan sumber-sumber tenaga, bahagian keluaran petroleum dalam jumlah permintaan adalah sebanyak 69.6 peratus pada tahun 1980 dan 66.8 peratus pada tahun 1985 sementara bahagian sumber gas meningkat daripada 0.3 peratus kepada 2.4 peratus dalam tempoh yang sama. Sumbangan sumber biomass, termasuk kayu api dan sisa-sisa kelapa sawit, kekal sebanyak kira-kira 16 peratus dan sumber elektrik sebanyak 9.3 peratus di sepanjang tempoh 1981-1985.

Berbeza dengan penggunaan bahan-bahan petroleum, yang telah berkurang, bahagian sumber arang batu dan coke telah meningkat daripada 0.3 peratus pada tahun 1980 kepada 3.8 peratus pada tahun 1985 disebabkan oleh permintaan yang bertambah bagi arang batu dan coke sebagai sumber tenaga utama oleh kilang-kilang simen dan peleburan yang sedia ada. Bahagian sumber gas telah meningkat daripada 0.3 peratus kepada 2.4 peratus berikutan dengan kerja mempercepatkan penyiapan projek-projek besar yang menggunakan gas. Projek-projek ini termasuk Projek Penggunaan Gas Semenanjung Fasa I di Terengganu yang melibatkan penghantaran gas ke loji penapis di Kerteh; kilang-kilang bersepadu besi rongga dan billet di Chukai dan Stesen Janakuasa Gas di Paka; projek bersepadu methanol, besi rongga dan projek janakuasa di Labuan serta loji-loji gas asli cecair (LNG) dan baja urea-ammonia ASEAN di Bintulu.

Sektor-sektor pembuatan dan pengangkutan serta golongan isi rumah adalah pengguna tenaga yang utama. Pada tahun 1985, sebanyak 34.0 peratus daripada jumlah permintaan tenaga adalah berpunca dari sektor pembuatan, 17.5 peratus dari sektor pengangkutan dan 25.0 peratus dari golongan isi rumah, seperti ditunjukkan dalam Jadual 17-3. Sektor pembuatan merupakan pengguna terbesar kuasa elektrik, arang batu dan coke, arang kayu, gas dan biomass. Penggunaan tenaga bagi golongan isi rumah dan sektor pengangkutan adalah sebahagian besarnya bergantung kepada keluaran petroleum. Sebanyak 80.8 peratus daripada jumlah permintaan tenaga oleh golongan isi rumah, 98.8 peratus oleh sektor pengangkutan berpunca daripada keluaran petroleum. Dalam usaha mempelbagaikan penggunaan tenaga di sektor pengangkutan, penggunaan gas cecair petroleum (LPG) sebagai bahanapi bagi kenderaan telah diperkenalkan dalam tahun 1983. Sehingga akhir tahun 1985, kira-kira 500 kenderaan telah dipasang dengan alat-alat penukaran LPG.

#### Program-program penjanaan kuasa elektrik

Permintaan kuasa elektrik telah meningkat pada kadar 7.4 peratus setahun dalam tempoh 1981-85. Bagi memenuhi permintaan ini, jumlah kuasa elektrik yang dijana telah bertambah sebanyak 57.0 peratus iaitu daripada 9,022 gigawattjam (Gwh) pada tahun 1980 kepada 14,061 Gwh pada tahun 1985. Pada tahun 1985, Lembaga Letrik Negara (LLN) telah membekalkan sebanyak 89.9 peratus daripada jumlah kuasa elektrik yang dijana, sementara Lembaga Letrik Sabah (LLS) sebanyak 5.5 peratus dan Perbadanan Pembekalan Letrik Sarawak (PPLS) sebanyak 5.0 peratus.

Di Semenanjung Malaysia, jumlah kuasa elektrik yang dijana oleh LLN bertambah sebanyak 53.0 peratus daripada 8,265 Gwh pada tahun 1980 kepada 12,648 Gwh pada tahun 1985. Di antara projek-projek utama yang telah dilaksanakan oleh LLN termasuklah Stesen Janakuasa Paka yang menggunakan gas berkeupayaan 900 megawatt (MW) dan 500 MW daripadanya telah siap dipasang, Projek Elektrik Hidro Kenyir(400 MW), Stesen Janakuasa Pelabuhan Klang Fasa I yang menggunakan minyak/gas berkeupayaan 600 MW dan 300MW daripadanya telah siap dipasang, Stesen Janakuasa Sultan Iskandar di Pasir Gudang (240 MW), Projek Elektrik Hidro Kenering (120 MW), Projek Turbin Gas Jambatan Connaught (180 MW) dan Projek Elektrik Hidro Bersia (72 MW).

Selaras dengan peningkatan keupayaan menjana oleh LLN, rangkaian penghantaran dan pengagihan juga telah diperluaskan. Talian penghantaran telah bertambah daripada 2,823 kilometer pada tahun 1980 kepada 4,439 kilometer pada tahun 1985, sementara talian pengagihan pula bertambah daripada 11,513 kilometer kepada 17,840 kilometer dalam tempoh yang sama. Rangkaian Grid Kebangsaan, seperti ditunjukkan di Peta 17-1, telah diperluaskan lagi untuk memperbaiki sistem pembekalan kuasa elektrik. Dalam tempoh RME, talian penghantaran 275 kilovolt (kV) dari Temengor ke Tanah Merah dan dari Temerloh ke Paka serta sambungan talian 275 kV dari Prai ke Alor Setar telah disiapkan. Di samping itu, projek-projek yang juga telah disiapkan ialah kabel pengguna 275 kV yang pertama di sambungkan ke kilang besi waja di Chukai, talian penghantaran 132 kV yang menghubungkan Kuantan dan Kemaman dan kabel dasar laut 132 kV yang menghubungkan Pulau Langkawi dengan tanah besar Semenanjung. Satu lagi ciri penting dalam pembangunan talian penghantaran ialah sambungan talian kuasa elektrik dengan negara-negara jiran. Talian penghantaran 132 kV yang pertama dengan Lembaga Penjanaan Elektrik Negera Thai yang mempunyai keupayaan penghantaran 50 MW telah dilaksanakan dalam tahun 1981. Satu talian penghantaran 275/230 kV berkeupayaan 200 MW antara LLN dengan Lembaga Kemudahan-kemudahan Awam Singapura telah juga disiapkan.

Beberapa kajian kemungkinan telah dijalankan oleh LLN bagi membangunkan projek elektrik hidro seperti di Tekai, Ulu Jelai, Nenggiri dan Maran. Kajian-kajian ini bertujuan menilai secara mendalam ke atas potensi kuasa elektrik hidro negara.

Sebagai usaha untuk membantu industri-industri berat, industri untuk eksport dan juga industri pelancongan, beberapa perubahan telah dibuat terhadap kadar-kadar tarif bekalan elektrik yang sedia ada. Perubahan ini termasuklah pemberian kadar-kadar tarif bagi tempoh luar puncak dan menaikkan kadar-kadar potongan kepada industri-industri yang banyak menggunakan kuasa seperti industri berat pada tahun 1980, industri tekstil pada tahun 1983 dan industri berasaskan getah pada tahun 1984. Pengurangan dalam kos penjanaan kuasa elektrik yang disebabkan oleh harga-harga bahan api yang lebih rendah dan kecekapan penjanaan yang meningkat telah juga menyumbang kepada pengurangan kadar tarif antara 4 hingga 15 peratus dalam tahun 1985 bagi sektor-sektor yang menggunakan voltan sederhana dan tinggi seperti perdagangan, industri dan perlombongan serta kadar-kadar tarif tempoh luar puncak antara 50 hingga 53 peratus

lebih rendah. Kadar-kadar baru ini bertujuan untuk mempercepatkan perindustrian dan juga pelancongan. Ia juga bertujuan menggalakkan penggunaan keupayaan yang sedia ada dengan lebih baik, serta mengelakkan pembelian unit-unit janakuasa yang mahal bagi memenuhi permintaan dalam tempoh puncak.

Dalam tahun 1984, LLS yang dahulunya merupakan pihak berkuasa kerajaan Negeri, telah dijadikan sebagai agensi kerajaan Persekutuan. Jumlah tenaga yang dijana oleh LLS telah bertambah daripada 403 Gwh pada tahun 1980 kepada 709 Gwh pada tahun 1985, iaitu pertambahan sebanyak 75.9 peratus. Di antara projek-projek yang telah disiapkan ialah Projek Elektrik Hidro Tenom Pangli (66 MW) dan pemasangan set janakuasa diesel berbagai saiz di beberapa stesen janakuasa. Bagi melengkapi keupayaan penjanaan yang telah bertambah, talian penghantaran telah diperluaskan daripada 214 kilometer pada tahun 1980 kepada 1,624 kilometer pada tahun 1985. Sistem penghantaran 66/132 kV yang pertama di Sabah, yang dipasang sebagai sebahagian daripada Projek Elektrik Hidro Tenom Pangli telah mula digunakan dalam tahun 1984. Berikutan dengan meluasnya sistem penjanaan kuasa, LLS telah menjalankan Kajian Pelan Induk Tenaga yang menggariskan suatu sistem jangka panjang bagi pembangunan tenaga di Sabah. Dalam tahun 1985, satu kajian tambahan mengenai kesan-kesan kewangan daripada program perluasan kuasa elektrik masa hadapan di Sabah telah dimulakan.

Di Sarawak, projek-projek utama penjanaan kuasa seperti pembangunan Projek Elektrik Hidro Batang Ai (108 MW) dan pemasangan turbin gas serta set penjanaan menggunakan diesel di beberapa stesen janakuasa telah dilaksanakan. Berikutan dengan siapnya projek-projek ini, jumlah kuasa tenaga yang dijana oleh PPLS telah meningkat daripada 355 Gwh pada tahun 1980 kepada 704 Gwh pada tahun 1985, iaitu pertambahan sebanyak 98.3 peratus. Selaras dengan itu, talian penghantaran telah juga diperluaskan dari 214 kilometer pada tahun 1980 kepada 2,110 kilometer pada tahun 1985. Sistem penjanaan kuasa di Sarawak terdiri daripada rangkaian-rangkaian terasing. Suatu projek utama yang telah dilaksanakan dalam pembangunan sistem kuasa elektrik di Sarawak ialah talian 275 kV yang menghubungkan Stesen Janakuasa Elektrik Hidro Batang Ai dengan Kuching. Selaras dengan perkembangan yang dijangka dalam sektor kuasa elektrik, satu pelan induk pembangunan sistem kuasa elektrik telah juga dilaksanakan. Pelan induk ini, seterusnya, telah membawa kepada pelaksanaan kajian-kajian kemungkinan bagi projek-projek Elektrik Hidro Pelagus dan Bakun dan talian penghantaran arus terus voltan tinggi (HVDC) dari Sarawak ke Semenanjung Malaysia serta talian penghantaran arus ulang-alik voltan tinggi (HVAC) dari Sarawak ke Sabah. Kajian-kajian tersebut mendapati bahawa pembangunan projek-projek ini boleh dilaksanakan.

Dalam tempoh RME, penekanan telah diberi terhadap pelaksanaan program Bekalan Elektrik Luar Bandar untuk memperbaiki keadaan sosioekonomi di kawasan luar bandar. Program ini telah memberi faedah kepada 449,400 isi rumah lagi di Malaysia, iaitu 387,200 di Semenanjung Malaysia, 24,500 di Sabah dan 37,700 di Sarawak. Dari segi liputan keseluruhannya, kira-kira 68 peratus dari penduduk luar bandar telah mendapat

bekalan elektrik pada tahun 1985 berbanding dengan 48 peratus pada tahun 1980. Selaras dengan keutamaan yang diberi bagi pelaksanaan projek-projek mini hidro sebagai sumber bekalan elektrik ke kawasan-kawasan terpencil, sejumlah 17 projek mini hidro telah dilaksanakan.

## PENJIMATAN TENAGA

Penjimatan tenaga di Malaysia adalah bertujuan untuk menggunakan sumber tenaga dengan lebih cekap. Sebuah Jawatankuasa Kerja Mengenai Penjimatan Tenaga telah dibentuk untuk tujuan merancang, menyelaras, mengawasi, dan mengkaji program-program serta kegiatan-kegiatan penjimatan tenaga. Di antara program-program penjimatan tenaga yang telah dilaksanakan ialah pelancaran Kempen Penjimatan Tenaga dalam tahun 1980 bagi menimbulkan kesedaran di kalangan rakyat tentang perlunya menjimatkan tenaga melalui penggunaan tenaga yang lebih cekap. Usaha ini dilakukan menerusi ceramah, dialog dan seminar; sebaran risalah-risalah, kempen publisiti menerusi program televisyen dan radio. Kajian-kajian mengenai penjimatan tenaga yang telah dilaksanakan termasuklah kajian-kajian audit tenaga bagi bangunan-bangunan tinggi, industri-industri sederhana dan kecil serta kajian penjimatan tenaga bagi lampu-lampu jalan. Mulai tahun 1982, firma-firma telah diberi kebenaran untuk menjana tenaga bagi kegunaan sendiri dengan menggunakan bahan buangan industri. Di samping itu, bagi menggalakkan penggunaan tenaga dengan lebih cekap oleh pihak industri, beberapa langkah berbentuk fiskal, seperti elaun susutan dipercepatkan bagi jentera dan peralatan industri yang menjimatkan tenaga, telah juga diperkenalkan.

## PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN

Sumber-sumber tenaga bukan lazim tidak memberikan sumbangan yang penting kepada pembangunan tenaga keseluruhannya disebabkan oleh batasan-batasan ekonomi dan teknik. Walau bagaimanapun, penyelidikan dan pembangunan yang giat ke atas sumber-sumber tenaga bukan lazim telah dilaksanakan terutamanya oleh agensi-agensi kuasa elektrik, Institut Penyelidikan Minyak Kelapa Sawit (PORIM), Institut Piawai dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM) dan universiti-universiti tempatan. Dua projek perintis yang menggunakan sekam padi untuk penjanaan kuasa telah dilaksanakan di Teluk Kechai dan Jerlun, Kedah. Selain daripada itu, skim-skim perintis elektrik luar bandar yang menggunakan tenaga suria juga telah dilaksanakan di Kampung Teluk Apau, Pulau Langkawi di Kedah, Kampung Hulu Tembeling di Pahang dan Pulau Sibu di Johor. Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula telah melaksanakan satu kajian kemungkinan potensi menubuhkan pusat penyelidikan tenaga suria. SIRIM telah giat menjalankan usaha menggalakkan teknologi biogas bagi kawasan luar bandar sementara PORIM pula bergiat dalam pengeluaran diesel daripada kelapa sawit. Penyelidikan tenaga nuklear adalah terhad terutamanya kepada penggunaan dalam bidang perubatan, pertanian dan perindustrian. Unit Tenaga Nuklear telah ditubuhkan dalam tahun 1982 untuk menyelaras serta mengawasi penyelidikan dan pembangunan teknologi nuklear.



## Perancangan tenaga

Kajian Perancangan Tenaga Negara telah dimulakan pada tahun 1983 dengan tujuan untuk membentuk suatu pendekatan perancangan tenaga yang menyeluruh. Ini meliputi pembangunan teknik-teknik dan asas data bagi perancangan, penggubalan dasar dan proses membuat keputusan serta konsep-konsep untuk menginstitusikan perancangan tenaga sebagai suatu usaha yang berterusan. Hasil kajian ini, yang telah disiapkan dalam tahun 1985, telah menjadi asas untuk menggubal dasar-dasar mengenai tenaga negara dan membuat keputusan mengenainya secara lebih menyeluruh. Selain daripada itu, Kajian Pelaburan Sektor Kuasa juga telah dilaksanakan dalam tahun 1985. Kajian pelaburan ini meneliti keperluan pelaburan negara dalam sektor penjanaan kuasa bagi beberapa strategi utama sektor tenaga dalam jangka masa sehingga tahun 2010.

### III. PROSPEK, 1986-90

Usaha-usaha akan diteruskan bagi mencapai matlamat mempelbagaikan sumber tenaga dengan mengurangkan lagi pergantungan kepada sumber minyak di samping meningkatkan peranan gas asli, kuasa hidrodan arang batu. Bagi memastikan bahawa pembangunan program pelbagaian tenaga adalah sejajar dengan pembangunan bekalan tenaga yang berperingkat, suatu gabungan tenaga yang optimum akan dibentuk dengan terus memberi tumpuan kepada penggunaan sumber tenaga dalam negeri. Pilihan penggunaan sumber-sumber tenaga dalam tempoh jangka pendek akan meliputi gas asli, arang batu tempatan dan yang diimport serta kuasa hidro. Dalam jangka masa sederhana dan panjang pula, pilihan-pilihan tersebut akan ditambah untuk meliputi sumber-sumber tenaga bukan lazim, sementara pilihan penggunaan tenaga nuklear akan terus dikaji. Pelbagaian tenaga bagi masa hadapan akan bergantung sebahagian besarnya kepada pilihan-pilihan penggunaan gas, harga gas berbanding dengan harga bahanapi-bahanapi yang lain serta perkembangan-perkembangan dalam sektor penjanaan kuasa, minyak dan arang batu.

#### Bekalan dan pelbagaian sumber tenaga

Jumlah bekalan tenaga jenis utama dijangka bertambah pada kadar 4.9 peratus setahun daripada 679.6 PJ pada tahun 1985 kepada 863.1 PJ pada tahun 1990, seperti ditunjukkan dalam Jadual 17-1. Bekalan minyak mentah dijangka terus kekal pada 360.2 PJ sementara bekalan daripada keluaran petroleum akan meningkat pada kadar 10.9 peratus daripada 60.7 PJ pada tahun 1985 kepada 102 PJ pada tahun 1990. Bekalan daripada arang batu akan meningkat pada kadar 31.2 peratus, gas asli 7.9 peratus dan tenaga hidro 1.3 peratus dalam tempoh yang sama.

Bahagian sumber minyak dan keluaran petroleum daripada jumlah bekalan tenaga dijangka berkurang daripada 61.9 peratus pada tahun 1985 kepada 53.5 peratus pada

tahun 1990, kesan daripada pelaksanaan program-program mempelbagaikan sumber tenaga yang berterusan. Pengurangan bekalan tenaga daripada minyak telah diimbangi dengan peningkatan bekalan daripada lain-lain sumber tenaga. Gas asli akan terus memainkan peranan penting dalam sektor tenaga. Bahagian gas dijangka bertambah kepada 20.8 peratus, arang batu dan coke 8.7 peratus dan biomass 14.6 peratus.

Dalam tempoh RML, seperti ditunjukkan dalam Carta 17-1, kemajuan dalam usaha mempelbagaikan sumber tenaga bagi penjanaan kuasa elektrik dijangka akan terus dicapai. Bahagian minyak dalam gabungan penjanaan dijangka berkurang daripada 65.8 peratus pada tahun 1985 kepada 14.2 peratus pada tahun 1990, sementara bahagian gas meningkat daripada 9.3 peratus kepada 50.6 peratus terutamanya disebabkan oleh penukaran stesen-stesen janakuasa menggunakan minyak kepada yang menggunakan gas yang dicadangkan di Pasir Gudang, Pelabuhan Klang, Jambatan Connaught dan Port Dickson. Bahagian arang batu sebanyak 15.5 peratus pada tahun 1990 adalah disebabkan oleh pelancaran Stesen Janakuasa Pelabuhan Klang Fasa II yang menggunakan arang batu/gas/minyak.

#### Permintaan dan pelbagaian sumber tenaga

Permintaan tenaga dijangka bertambah pada kadar 7.0 peratus setahun daripada 476.7 PJ pada tahun 1985 kepada 668.9 PJ pada tahun 1990, seperti ditunjukkan dalam Jadual 17-2. Permintaan keluaran petroleum dijangka bertambah daripada 318.5 PJ pada tahun 1985 kepada 432.8 PJ pada tahun 1990 sementara permintaan bekalan elektrik meningkat daripada 44.1 PJ kepada 65.8 PJ dalam tempoh yang sama. Permintaan bagi arang batu dan coke juga akan meningkat daripada 18.1 PJ pada tahun 1985 kepada 39.0 PJ pada tahun 1990 dan bagi gas pula daripada 11.6 PJ kepada 18.4 PJ.

Berhubung dengan pelbagaian sumber tenaga, bahagian keluaran petroleum dalam jumlah permintaan tenaga dijangka akan berkurang daripada 66.8 peratus pada tahun 1985 kepada 64.7 peratus pada tahun 1990, disebabkan oleh jangkaan penggantian minyak pembakar dengan gas dan arang batu, dan petrol dengan LPG. Berikutan dengan kemudahan yang bertambah untuk mendapatkan bekalan elektrik di kawasan bandar dan luar bandar, bahagian bekalan elektrik dijangka meningkat sedikit daripada 9.3 peratus pada tahun 1985 kepada 9.8 peratus pada tahun 1990. Bahagian arang batu akan meningkat dari 3.8 peratus pada tahun 1985 kepada 5.8 peratus pada tahun 1990, berikutan daripada pertambahan permintaan sektor perindustrian terutamanya kilang-kilang simen, dan kilang besi dan keluli. Demikian juga, bahagian gas dijangka meningkat daripada 2.4 peratus pada tahun 1985 kepada 2.8 peratus pada tahun 1990 dengan pelaksanaan peringkat kedua projek saluran gas Semenanjung dari Terengganu ke Lembah Kelang dan disambungkan pula ke Johor dan Singapura menjelang tahun 1989.

Dari segi permintaan mengikut sektor, sektor pembuatan merupakan pengguna tenaga yang terbesar iaitu kira-kira 36.2 peratus pada tahun 1990, seperti ditunjukkan dalam Jadual 17-3. Keadaan ini menunjukkan akan semakin pentingnya sektor pembuatan dalam

proses perindustrian dan pertumbuhan ekonomi. Bahagian permintaan golongan isi rumah dijangka mencapai 25.9 peratus daripada jumlah permintaan tenaga sementara sektor pengangkutan dan perhubungan sebanyak 16.6 peratus. Dalam sektor isi rumah, penggunaan LPG akan diperluaskan dengan pelaksanaan sistem saluran gas yang akan membolehkan LPG disalurkan menerusi paip terus kepada pengguna-pengguna. Dalam sektor pengangkutan pula, penggunaan LPG sebagai pengganti petrol akan terus digalakkan. Selain daripada itu, kemungkinan menggunakan gas asli mampat (CNG) sebagai bahanapi dalam pengangkutan akan dipertimbangkan. Bagi mencapai matlamat ini, Perbadanan Petroleum Nasional (PETRONAS) akan melaksanakan satu stesen CNG secara perintis di Kerteh, Terengganu dan di Bintulu, Sarawak.

#### Program-program penjanaan kuasa elektrik

Dalam tempoh RML, jumlah kuasa yang dijana akan berjumlah kira-kira 22,000 Gwh pada tahun 1990, iaitu pertambahan sebanyak 56.0 peratus daripada paras penjanaan 14,100 Gwh pada tahun 1985. Daripada jumlah ini, LLN dijangka menjana sebanyak 19,300 Gwh atau 87.7 peratus pada tahun 1990, sementara LLS sebanyak 1,200 Gwh atau 5.2 peratus dan PPLS sebanyak 1,600 Gwh atau 7.1 peratus.

Projek-projek utama yang akan dilaksanakan oleh LLN termasuklah menyiapkan Stesen Janakuasa Paka (900 MW), Stesen Janakuasa Pelabuhan Klang Fasa I (600 MW), Stesen Janakuasa Pelabuhan Kelang Fasa II (600 MW) yang menggunakan arang batu/gas/minyak, dan Projek Elektrik Hidro Sg. Piah (60 MW). Dengan siapnya saluran paip gas Semenanjung, stesen-stesen janakuasa yang menggunakan minyak akan diubahsuai untuk menggunakan gas. Di samping itu, beberapa kajian kemungkinan akan disiapkan termasuk kajian-kajian bagi projek-projek elektrik hidro Raub-Bentong, Maran, Ulu Jelai, Nenggiri, Lebir dan Pergau. Kajian Susunan Kuasa Hidro yang kini sedang dijalankan akan menjadi asas bagi pemilihan projek-projek kuasa hidro untuk penilaian lanjut sebagai sebahagian daripada program pembangunan penjanaan kuasa LLN di masa hadapan.

Rangkaian talian penghantaran 275 kV dan 132 kV yang membentuk Rangkaian Grid Kebangsaan akan terus diperluaskan untuk meliputi kawasan pantai timur dari utara ke selatan menghubungkan negeri-negeri Kelantan, Terengganu dan Pahang seperti ditunjukkan dalam Peta 17-1. Projek utama yang akan disiapkan ialah talian 275 kV sepanjang 156 kilometer dari Kenyir ke Tanah Merah. Dengan siapnya talian ini, hubungan antara negeri-negeri melalui Rangkaian Grid Kebangsaan akan lengkap dilaksanakan yang menghubungkan antara lain, stesen-stesen janakuasa di Paka, Temengor dan Kenyir dengan pusat-pusat beban pengguna di kawasan-kawasan pantai barat dan timur.

Di Sabah, keupayaan penjanaan kuasa oleh LLS di jangka meningkat daripada 709 Gwh pada tahun 1985 kepada 1,200 Gwh pada tahun 1990. Antara projek-projek utama yang akan dilaksanakan ialah Projek Elektrik Hidro Tenom Pangi Fasa Tiga (44 MW) dan

pemasangan beberapa set tambahan janakuasa bahan diesel untuk stesen-stesen Kota Kinabalu, Tawau, Lahad Datu, Semporna dan Ranau. Seajar dengan dasar penswastaan Kerajaan yang bertujuan supaya sektor elektrik lebih bercorak perniagaan, penswastaan stesen janakuasa di Teluk Sepangar di Kota Kinabalu akan dipertimbangkan. Kajian-kajian kemungkinan yang akan dilaksanakan oleh LLS termasuklah kajian penjanaan kuasa geothermal di semenanjung Semporna, penjanaan kuasa elektrik hidro di lembah-lembah Sungai Liwagu dan Padas serta projek talian hubungan kuasa antara Labuan dan tanah besar Sabah.

Menjelang tahun 1990, keupayaan penjanaan tenaga oleh PPLS dijangka mencapai 1,600 Gwh berbanding dengan 704 Gwh pada tahun 1985. Projek-projek utama yang akan dilaksanakan ialah projek elektrik hidro Ulu Ai dengan keupayaan 54 MW. Dalam usaha mengenalpasti projek-projek yang mempunyai potensi untuk dilaksanakan, beberapa kajian kemungkinan akan dijalankan dan ini termasuklah kajian-kajian bagi projek hidro kecil di Sri Aman, Kapit, Sarikei dan Limbang dan projek-projek hidro besar di Murum, Baleh dan Belaga. Sebagai satu-satunya projek pembangunan sektor kuasa yang menggunakan modal yang besar, keputusan untuk melaksanakan Projek Elektrik Hidro Bakun akan hanya dibuat setelah projek ini dikaji dengan teliti dari segi kemampuan kewangan negara dan juga kesannya ke atas imbalan pembayaran.

Dalam tempoh RML, program-program bekalan elektrik luar bandar akan diperluaskan. Program ini akan membekalkan elektrik kepada 261,100 lagi isi rumah di Malaysia, 263,100 daripadanya di Semenanjung Malaysia, 33,100 di Sabah dan 24,900 lagi di Sarawak, dan dengan itu, memberi faedah kepada 77 peratus penduduk luar bandar menjelang tahun 1990. Dalam usaha memastikan pelaksanaan program ini berjalan dengan lebih berkesan, langkah-langkah untuk menempatkan semula kampung-kampung ke suatu kawasan pusat yang tertentu, memajukan pusat-pusat pertumbuhan, mempelbagaikan sumber-sumber tenaga dan menyusun projek mengikut keutamaan selaras dengan garis-garis panduan yang tersusun, akan dipertimbangkan. Penekanan akan terus diberikan kepada pembangunan projek mini hidro dan untuk tujuan ini, sebanyak 105 lagi projek mini hidro akan dilaksanakan.

### Penjimatan tenaga

Satu dasar penjimatan tenaga yang menyeluruh di samping penyelenggaraan dari aspek institusi bagi tujuan penyelarasan, tenaga manusia dan penyebaran maklumat mengenai penjimatan tenaga kepada pengguna-pengguna akan dirangka. Sehubungan dengan ini, kemungkinan menubuhkan Pusat Penjimatan Tenaga Negara yang bertujuan untuk menggalakkan penjimatan tenaga, menyediakan bantuan teknik dan latihan, menggubal dasar-dasar penjimatan serta menubuhkan bank data yang cekap akan dipertimbangkan. Di samping itu, kajian terperinci akan juga dijalankan bagi menentukan matlamat-matlamat penjimatan tenaga sebagai asas untuk mengawasi dan menilai keberkesanan program penjimatan tenaga. Penetapan harga yang bersesuaian bagi sumber-sumber tenaga juga memainkan peranan penting dalam pengurusan permintaan tenaga dalam

tempoh RML. Selain dari itu, galakan-galakan juga akan disediakan bagi industri-industri yang mengamalkan program-program penjimatan tenaga. Perkhidmatan-perkhidmatan di sektor pengangkutan akan diperbaiki untuk menggalakkan penggunaan pengangkutan awam dan seterusnya mengurangkan penggunaan kenderaan persendirian. Penggunaan lampu-lampu sodium bagi kemudahan awam akan ditambah bagi menjimatkan penggunaan elektrik. Terdapat juga rancangan untuk menggubal suatu peraturan pengawalan bangunan yang memberi penekanan kepada penjimatan tenaga.

#### Penyelidikan dan pembangunan

Kegiatan-kegiatan penyelidikan ke atas sumber-sumber tenaga bukan lazim terutamanya di sektor pertanian dengan tujuan menggunakan sisa-sisa pertanian dengan lebih berkesan, akan diteruskan. UKM dan Universiti Sains Malaysia akan menjalankan penyelidikan lanjut mengenai tenaga suria. Potensi dalam sistem penjanaan bersama akan dikaji terutamanya bagi loji-loji kuasa biomass yang terpencil untuk meninggikan kecekapan dalam penggunaan tenaga secara keseluruhannya. Bagi memastikan usaha-usaha penyelidikan dan pembangunan ke atas sumber-sumber tenaga bukan lazim dibuat dengan lebih bermakna dan berkesan, Kerajaan akan mengambil langkah-langkah yang lebih giat untuk menyelaraskan dan memberi maklumbalas mengenai penyelidikan dan pembangunan sumber tenaga tersebut. Penyelidikan mengenai kaedah-kaedah menjimatkan tenaga di bangunan-bangunan akan juga dijalankan.

#### Perancangan tenaga

Untuk memastikan kejayaan berterusan dalam usaha-usaha perancangan tenaga yang telah dimulakan melalui Kajian Perancang Tenaga Negara, perancangan tenaga di masa hadapan akan memberi tumpuan kepada isu-isu penting seperti menginstitusikan perancangan tenaga, latihan kakitangan yang terlibat dalam perancangan tenaga dan penubuhan sebuah bank data tenaga. Memandangkan bahawa tidak ada sebuah badan pusat yang bertanggungjawab ke atas perancangan tenaga bersepadu pada masa ini, penubuhan sebuah seksyen perancangan dan penyelarasan tenaga di salah sebuah agensi yang sedia ada akan dipertimbangkan dalam tempoh RML. Seksyen ini akan terlibat dengan perancangan sektor tenaga yang bersepadu. Suatu analisa mengenai keperluan latihan dalam aspek-aspek penting perancang tenaga akan dijalankan, diikuti oleh suatu program latihan yang intensif secara giat untuk ahli-ahli perancang tenaga. Langkah-langkah akan juga diambil untuk mengumpul perangkaan-perangkaan tenaga secara lebih menyeluruh.

#### **IV. PERUNTUKAN**

Peruntukan dan perbelanjaan pembangunan bagi kedua-dua tempoh 1981-85 dan peruntukan bagi tempoh 1986-90 bagi sektor tenaga adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 17-4.

#### **V. PENUTUP**

Dalam tempoh RME, kemajuan yang besar telah dicapai dalam pembekalan tenaga, penghantaran dan pelbagaian sumber-sumber tenaga. Dalam tempoh RML, pelbagaian sumber-sumber tenaga dan penjimatan tenaga akan diberi tumpuan untuk meningkatkan lagi kecekapan dalam penggunaan tenaga di samping membuat pilihan penggunaan sumber tenaga secara optimum. Sektor tenaga akan terus menjadi penggerak dan memberi sokongan kepada proses perindustrian dan pembangunan ekonomi negara keseluruhannya. Dengan itu, perancangan tenaga bersepadu telah menjadi satu disiplin yang penting dan dianggap sebagai satu bahagian terpenting dalam pengurusan ekonomi negara keseluruhannya.

## **BAB 18 : KEMUDAHAN-KEMUDAHAN AWAM**

### **I. PENDAHULUAN**

Pembangunan kemudahan-kemudahan awam yang meliputi program-program bekalan air, pembedungan dan program perparitan dan mengatasi banjir di kawasan bandar, adalah bertujuan untuk menggalakan pertumbuhan ekonomi dan meningkatkan mutu kehidupan rakyat. Dalam Rancangan Malaysia Keempat (RME), pelaksanaan program bekalan air telah diberi keutamaan bagi memenuhi keperluan penggunaan air yang semakin meningkat untuk kegunaan rumahtangga dan perindustrian. Pelaburan sektor awam dalam sektor-sektor kecil yang lain adalah bertujuan menyiapkan projek-projek dan bahagian-bahagian utama skim-skim yang sedang dilaksanakan serta memulakan pelaksanaan beberapa projek baru.

Strategi-strategi yang telah dilaksanakan dalam tempoh RME untuk pembangunan kemudahan-kemudahan awam akan diteruskan pelaksanaannya dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML). Untuk memenuhi permintaan yang bertambah dengan pesatnya bagi bekalan air untuk kegunaan rumahtangga dan perindustrian serta mengurangkan persaingan dalam penggunaan air, satu pendekatan secara bersepadu dan menyeluruh kearah perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber-sumber air akan diperkenalkan. Disamping itu, pembangunan punca-punca air bagi beberapa projek yang melibatkan penyaluran air ke beberapa negeri dan diantara kawasan-kawasan lembah dalam sesebuah negeri akan dilaksanakan sebagai bahagian yang penting projek-projek bekalan air pelbagai guna. Sebagai langkah untuk mengurangkan pelaburan sektor awam, penglibatan sektor swasta dalam bidang pembinaan, penyelenggaraan dan pengendalian projek-projek bekalan air dan pembedungan akan digalakkan.

### **II. KEMAJUAN, 1981-85**

Dalam tempoh RME, pembangunan kemudahan-kemudahan awam telah diberi keutamaan bagi menggalakkan pertumbuhan ekonomi dan memperbaiki taraf hidup rakyat. Pelaksanaan program bekalan air telah juga diberi keutamaan untuk memenuhi permintaan yang bertambah bagi bekalan air untuk kegunaan rumahtangga dan perindustrian serta bagi menggunakan sumber-sumber air yang sedia ada dengan sepenuhnya. Bagi pembangunan pembedungan pula, pelaksanaan projek-projek pembedungan yang dipusatkan telah disiapkan di beberapa ibu negeri dan bandar utama.

## Bekalan air

Dalam tempoh RME, pelaksanaan program bekalan air telah dipercepatkan selaras dengan dasar Kerajaan untuk membekalkan air bersih keseluruhan negara disamping menampung perkembangan perindustrian. Berikutan dengan ini jumlah keupayaan pengeluaran loji pembersihan telah meningkat sebanyak 59.7 peratus, daripada 2,641.7 juta liter sehari (jlsh) pada tahun 1980 kepada 4,218.6 jlsh pada tahun 1985, berbanding dengan permintaan yang meningkat sebanyak 63.8 peratus, daripada 2,281.3 jlsh kepada 3,737.3 jlsh, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 18-1. Keupayaan pengeluaran yang berlebihan di beberapa negeri berlaku terutamanya berikutan dengan siapnya beberapa skim bekalan air yang mempunyai keupayaan yang besar yang telah dimulakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) dan RME serta pembangunan sumber-sumber air yang lain. Dari segi pengeluaran mengikut negeri, pertambahan keupayaan yang besar terdapat di Johor, Kelantan, Melaka, Sabah dan Terengganu. Walau bagaimanapun, pembangunan bekalan air di Kedah, Perlis dan Selangor telah tidak dapat memenuhi permintaan yang bertambah disebabkan oleh beberapa halangan seperti kurangnya punca-punca air yang sesuai, pembangunan perbandaran yang pesat, perindustrian serta perpindahan penduduk di kawasan Lembah Klang.

Walaupun kebanyakan negeri mempunyai lebih bekalan air, kekurangan berlaku di beberapa kawasan di negara ini, terutamanya di tempat-tempat tertentu di kawasan bandar dan di kawasan-kawasan yang mengalami masalah keupayaan menyimpan dan membersihkan air, masalah yang berkaitan dengan pengagihan air serta di kawasan-kawasan yang mempunyai kekurangan punca-punca air di permukaan bumi dan bawah tanah. Keadaan ini menjadi bertambah rumit memandangkan bahawa pengagihan air diantara negeri-negeri adalah terhad. Walau bagaimanapun, dengan siapnya beberapa projek bekalan air bandar yang telah dimulakan dalam tempoh RMT dan RME, masalah kekurangan air yang dialami di beberapa tempat, seperti Muar dan Segamat di Johor serta Machang, Pasir Mas, Pasir Puteh, Tanah Merah dan Tumpat di Kelantan telah dapat diatasi.

Sejajar dengan usaha-usaha Kerajaan untuk menambahkan bilangan penduduk luar bandar mendapat bekalan air, kira-kira 2,300 skim bekalan air luar bandar telah dilaksanakan. Projek-projek tersebut yang mempunyai keupayaan pengeluaran sebanyak 370 jlsh telah memberi faedah kepada seramai 1,800,000 orang yang merupakan 60 peratus pencapaian daripada matlamat RME. Disamping itu, usaha-usaha memperbaiki perkhidmatan kepada pengguna-pengguna yang sedia ada telah juga dijalankan.

Dalam tempoh RME, beberapa skim bekalan air bawah tanah telah dilaksanakan di kawasan-kawasan terpencil. Skim-skim ini adalah untuk memperluaskan lagi sistem bekalan air luar bandar yang berasaskan kepada sumber-sumber air di permukaan bumi untuk membolehkan lebih ramai rakyat mendapat kemudahan bekalan air. Sejumlah 5,600 telaga yang dilengkapi dengan pam tangan bagi menggunakan potensi air dari bawah tanah telah dilaksanakan terutamanya di Kedah, Kelantan, Perak dan Terengganu.



Disamping itu, 420 telaga yang disambung terus ke rumah-rumah telah dibina di Semenanjung Malaysia sementara 14,300 sistem takungan air hujan telah disiapkan terutamanya bagi kawasan-kawasan terpencil dan kawasan-kawasan pantai di Sabah dan Sarawak. Kira-kira 850 skim bekalan air secara graviti dan telaga yang dilengkapi dengan sistem penyaluran telah juga dibina diseluruh negara. Seramai 745,000 pengguna lagi telah mendapat faedah daripada pelaksanaan program-program ini.

Pembangunan bekalan air telah diperluaskan ke rancangan-rancangan tanah baru Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) dan lembaga-lembaga kemajuan wilayah. Dalam tempoh 1981-85, 25 projek yang mempunyai keupayaan pengeluaran pembersihan sebanyak 38 jls bagi 55 skim-skim FELDA telah dilaksanakan untuk membekalkan air terus kepada 25,500 keluarga peserta, berbanding dengan matlamat bagi mengadakan 74 projek dengan keupayaan pengeluaran sebanyak 45 jls untuk menyediakan kemudahan kepada 30,000 keluarga peserta di 116 rancangan-rancangan FELDA. Disamping itu, paip-paip awam dan cara-cara bekalan air sementara yang lain telah disediakan untuk 19 rancangan-rancangan FELDA bagi seramai 4,500 keluarga peserta lagi. Di kawasan-kawasan lembaga kemajuan wilayah, sebanyak tujuh projek telah dibina untuk membekalkan air bersih kepada 46,800 keluarga peserta.

Dalam tahun 1980, sebanyak 58.7 peratus daripada penduduk negara telah mendapat bekalan air. Dikalangan penduduk bandar, 89 peratus telah mendapat bekalan air sementara bagi penduduk luar bandar 42.9 peratus telah mendapat bekalan tersebut, seperti yang ditunjukkan di Jadual 18-2 dan 18-3. Menjelang tahun 1985, sebanyak 70.9 peratus daripada penduduk negara telah mendapat bekalan air. Dengan yang demikian, 93.1 peratus penduduk bandar dan 57.6 peratus penduduk luar bandar telah dibekalkan dengan air. Prestasi ini hampir mencapai matlamat RME bagi menyediakan bekalan air bersih kepada 72.9 peratus penduduk negara. Walau bagaimanapun, liputan bekalan air di kawasan-kawasan luar bandar di beberapa negeri masih lagi rendah disebabkan terutamanya oleh kedudukan kampung-kampung yang terpencil dan masalah-masalah berkaitan dengan pengagihan bekalan air.

Pada masa ini, tidak terdapat satu sistem pentadbiran bekalan air yang seragam di negara ini. Pengendalian dan penyelenggaraan bekalan air di beberapa negeri dikendalikan samada oleh Lembaga Bekalan Air, Jabatan Bekalan Air atau Jabatan Kerja Raya. Dalam usaha meningkatkan kecekapan pembangunan dan pengurusan sumber-sumber air di negara ini, usaha-usaha telah diambil untuk merombak dan memperbaiki sistem yang ada sekarang. Jabatan Bekalan Air telah ditubuhkan di Negeri Sembilan, Perak, Selangor dan Terengganu. Negeri Johor juga mengambil langkah-langkah kearah penubuhan sebuah jabatan bekalan air. Disamping itu, sistem akaun perdagangan telah dilaksanakan di Melaka, Pulau Pinang dan Terengganu. Usaha-usaha kearah melaksanakan sistem ini telah juga diambil oleh Johor, Kelantan, Perak dan Selangor. Memandangkan pertambahan kos modal bagi pelaksanaan projek-projek bekalan air dan kos-kos pengendalian dan penyelenggaraannya yang kian meningkat, kadar harga air di

semua negeri telah dinaikkan dalam tempoh RME untuk menambah hasil bagi menampung kenaikan kos-kos tersebut.

Dalam tempoh 1981-85, beberapa kajian kemungkinan untuk skim-skim bekalan air tertentu, seperti Kajian Sumber-sumber Air Terengganu, telah dijalankan. Berhubung dengan program bekalan air luar bandar, penyiasatan secara terperinci dan penyediaan program pembangunan telah dibuat dan disiapkan dalam tahun 1984. Bagi tujuan penyaluran air diperingkat antarabangsa pula, Kajian Kemungkinan dan Kejuruteraan Awal Sumber-sumber Air Sungai Johor telah dimulakan dalam tahun 1984 dibawah kerjasama ekonomi diantara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Singapura. Kajian ini telah mengenalpasti beberapa cadangan untuk memajukan sumber-sumber air Sungai Johor bagi memenuhi keperluan masa depan kedua-dua negara.

#### Sumber-sumber air

Berkaitan dengan pembangunan sumber-sumber air, beberapa kajian kemungkinan mengenai pembangunan sumber-sumber air telah disiapkan. Satu daripadanya ialah Kajian Sumber-sumber Air Negara yang telah dimulakan pada akhir tahun 1979 dan siap dalam tahun 1982. Tujuan utama kajian ini ialah untuk mewujudkan satu rangka kerja asas bagi perancangan, pelaksanaan dan pengurusan program-program pembangunan sumber-sumber air yang teratur dinegara ini, selaras dengan matlamat pembangunan sosio-ekonomi keseluruhannya. Kajian tersebut telah memperakukan pembinaan beberapa empangan untuk menakung air yang banyak terdapat semasa musim hujan untuk digunakan semasa musim kemarau.

Selaras dengan perakuan Kajian Sumber-sumber Air Negara, kajian-kajian kemungkinan bagi kawasan-kawasan wilayah yang mengalami kekurangan air di Kedah, Perlis dan Pulau Pinang serta Melaka, Negeri Sembilan dan Johor Utara telah siap dalam tahun 1984. Kajian Sumber-sumber Air Wilayah Johor Selatan dan kerja-kerja mengemaskini Kajian Sumber-sumber Air Lembah Klang 1980 telah siap dalam tahun 1985.

#### Pembetungan

Berikutan daripada proses perbandaran yang pesat, perindustrian dan pembangunan ekonomi keseluruhannya, masalah pencemaran punca-punca air di permukaan bumi dan bawah tanah serta kawasan pantai dan perairannya telah meningkat. Pembuangan najis telah dikenalpasti sebagai punca penyakit berjangkit melalui air yang berlaku dengan kerapnya disamping menjadi punca utama pencemaran. Walau bagaimanapun, masalah ini boleh diatasi dengan mengadakan sistem pembetungan yang dipusatkan disamping memperbaiki sistem saliran yang sedia ada.

Menjelang akhir tempoh RME, sistem pembetungan yang dipusatkan telah disediakan di Bukit Mertajam, Butterworth, Georgetown, Kota Kinabalu, Kuala Lumpur dan Shah Alam. Walau bagaimanapun, sistem ini yang telah dilaksanakan oleh majlis-majlis perbandaran,

tidak diperluaskan sepenuhnya ke setiap rumah di kawasan-kawasan perbandaran yang berkenaan. Menjelang tahun 1985, kira-kira 152,200 keluarga atau 5.3 peratus daripada jumlah penduduk negara telah mendapat kemudahan sistem pembetungan yang dipusatkan, berbanding dengan 4 peratus pada tahun 1980. Disamping itu, projek-projek perumahan baru yang dibina oleh sektor swasta dan perbadanan-perbadanan Kerajaan dan yang dilengkapi dengan kemudahan pembetungan berkelompok yang dipusatkan telah memberi kemudahan kepada sebilangan besar keluarga.

Selaras dengan matlamat Kerajaan untuk mengadakan kemudahan pembetungan yang dipusatkan bagi ibu-ibu negeri dan bandar-bandar utama, penyediaan rekabentuk terperinci untuk projek-projek di Bangi, Ipoh, Kota Kinabalu, Kuala Terengganu, Sandakan dan Tawau telah disiapkan. Kajian-kajian kemungkinan dan rekabentuk kejuruteraan awal untuk laman bandar yang lain telah juga disediakan bagi pelaksanaan dimasa hadapan.

Berkaitan dengan sistem pembetungan yang lain, pada tahun 1985, 30.6 peratus daripada jumlah penduduk negara telah mendapat kemudahan tandas tarik yang dihubungkan kepada tangki-tangki septik dan imhoff atau sistem-sistem pembetungan berkelompok yang lain, berbanding dengan matlamat RME sebanyak 29.1 peratus. Disamping itu, pada tahun 1985, sebanyak 39.2 peratus daripada jumlah penduduk, terutamanya yang tinggal di kawasan-kawasan luar bandar, telah mendapat kemudahan tandas curah, berbanding dengan 30.3 peratus pada tahun 1980.

Berikutan daripada bertambahnya penggunaan cara-cara moden untuk pembuangan najis, peratusan jumlah penduduk yang menggunakan kemudahan tandas angkut, tandas lubang dan tandas gantung telah berkurang daripada 27.5 peratus pada tahun 1980 kepada 14.7 peratus pada tahun 1985. Bahagian penduduk yang tidak langsung mempunyai kemudahan pembetungan telah juga berkurang daripada 16.4 peratus pada tahun 1980 kepada 10.2 peratus pada tahun 1985.

#### Perparitan dan program mengatasi banjir di kawasan bandar

Selaras dengan usaha-usaha Kerajaan untuk meninggikan keadaan sosio-ekonomi dan taraf hidup penduduk-penduduk bandar dan memandangkan kekerapan berlakunya banjir di beberapa pusat bandar, kajian kemungkinan dan pelan induk perparitan telah dilaksanakan bagi bandar-bandar Alor Setar, Bintulu, Johor Bahru, Kuantan, Melaka dan Pelabuhan Klang. Kajian-kajian ini adalah bertujuan terutamanya untuk merangka cara-cara untuk jangka-pendek dan jangka-panjang, bagi mengatasi masalah banjir di kawasan bandar. Rekabentuk kejuruteraan terperinci untuk projek-projek perparitan bandarbagi Kuala Terengganu dan Seremban telah disiapkan dalam tahun 1985.

Pelaksanaan Projek Mengatasi Banjir Kuala Lumpur yang telah dimulakan pada tahun 1973 telah diteruskan dalam RME. Pembesaran Ampangan Genting Klang yang merupakan satu bahagian daripada projek tersebut telah disiapkan pada tahun 1980.

Disamping itu, pembinaan Ampangan Batu yang akan membekalkan air ke Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan kerja-kerja memperdalam serta memperluaskan sungai-sungai dan membina tebing-tebing telah juga dijalankan bagi Sungai Batu, Sungai Gombak dan Sungai Klang dalam tempoh RME.

Pembinaan Projek Mengatasi Banjir Batu Anam telah disiapkan dalam tahun 1984, sementara pelaksanaan skim-skim Klang, Kota Bharu dan Pekan telah diteruskan. Disamping itu, rekabentuk terperinci untuk Projek Mengatasi Banjir Seremban telah siap dalam tahun 1983 manakala projek bagi bandar Kangar telah dimulakan dalam tahun 1984.

### **III. PROSPEK, 1986-90**

Dasar-dasar dan strategi-strategi bagi pembangunan kemudahan-kemudahan awam yang telah dilaksanakan dibawah RME akan diteruskan. Pelaksanaan program bekalan air akan terus diberi keutamaan. Disamping itu, satu pendekatan secara bersepadu dan menyeluruh kearah perancangan, pembangunan dan pengurusan sumber-sumber air akan diperkenalkan untuk memastikan penggunaan sepenuhnya sumber-sumber air yang sedia ada. Berdasarkan kepada pendekatan tersebut, skim-skim yang sesuai akan dimajukan sebagai skim pelbagai guna di kalangan beberapa negeri dan diantara kawasan-kawasan lembah dalam sesebuah negeri. Pelaksanaan program pembedungan yang dipusatkan akan ditumpukan kepada ibu-ibu negeri, bandar-bandar utama dan tempat-tempat pelancongan yang menarik, manakala di kawasan-kawasan yang didapati sesuai, sistem-sistem lain yang mempunyai kos rendah dan menggunakan teknologi yang sesuai akan diperkenalkan di kawasan-kawasan dimana sistem tersebut boleh dilaksanakan. Selaras dengan dasar Kerajaan untuk melibatkan sektor swasta dalam pelaksanaan program-program pembangunan sektor awam dan memandangkan sumber-sumber kewangan sektor awam adalah terhad, penglibatan sektor swasta secara cergas dalam bidang pembinaan, pengendalian dan penyelenggaraan projek-projek kemudahan-kemudahan awam akan digalakkan.

#### **Bekalan air**

Dalam tempoh RML, perancangan dan permintaan bekalan air akan terus diselaraskan. Pihak-pihak berkuasa bekalan air perlu dimaklumkan mengenai keperluan bekalan air bagi kegunaan industri memandangkan bekalan air yang mencukupi dan terjamin adalah penting untuk perindustrian.

Untuk memenuhi keperluan bekalan air bagi kegunaan rumahtangga dan perindustrian yang dianggarkan meningkat sebanyak 10 peratus setahun dalam tempoh RML, pembinaan skim-skim bekalan air yang sedang dijalankan seperti Ahning Peringkat I, Johor Bahru Fasa IA, Pantai Selatan Terengganu, Pulau Langkawi dan Sungai Semenyih akan disiapkan. Disamping itu, pembinaan skim-skim baru iaitu Bintulu Fasa II, Keluang,

Labuan dan Muar Fasa II akan dimulakan.

Dalam tempoh RML, projek-projek bekalan air luar bandar yang sedang dalam pelaksanaan akan disiapkan. Tiga skim baru akan juga dibina dikawasan-kawasan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN). Selaras dengan usaha-usaha Kerajaan bagi membolehkan lebih ramai lagi penduduk luar bandar, terutamanya dikawasan-kawasan terpencil, memperolehi bekalan air, 174 projek akan dilaksanakan secara turnkey diseluruh negara. Daripada jumlah tersebut, 103 merupakan projek-projek punca air yang baru, enam untuk menambah keupayaan loji-loji pembersihan yang sedia ada, 63 melibatkan pemasangan saluran paip dan yang lainnya adalah skim-skim penyelidikan yang melibatkan penyiasatan dan penggerudian air bawah tanah di negeri Perlis dan Sarawak. Disamping memperbaiki mutu perkhidmatan kepada pengguna-pengguna yang sedia ada, pelaksanaan program-program ini yang peruntukannya telah dinaikkan empat kali ganda berbanding dengan peruntukan RME, akan memberi faedah kepada kira-kira 2,022,600 pengguna baru.

Program bekalan air ke rancangan-rancangan FELDA dan ke kawasan-kawasan lembaga kemajuan wilayah akan diperluaskan lagi. Dalam tempoh RML, 68 projek bekalan air akan dilaksanakan bagi menampung keperluan 30,000 keluarga peserta dalam 184 skim FELDA. Disamping itu, enam buah projek bekalan air dengan jumlah keupayaan pengeluaran sebanyak 75 jls akan dibina di kawasan-kawasan lembaga kemajuan wilayah untuk membekalkan air kepada seramai 257,000 pengguna lagi.

Dalam tempoh 1986-90, beberapa kajian kemungkinan akan dijalankan seperti kajian sumber-sumber air Johor dan Pahang manakala kajian bersama sumber-sumber air Sungai Johor akan disiapkan dalam tahun 1986. Disamping itu, penyiasatan mengenai potensi air bawah tanah akan dijalankan untuk menambah sumber-sumber air dari permukaan bumi. Satu kajian pra-pelaburan mengenai pembangunan air bawah tanah akan dimulakan dalam tahun 1986 bagi kawasan-kawasan pantai yang berpaya di Sarawak dimana punca-punca airnya terjejas disebabkan oleh kemasukkan air masin. Berkaitan dengan masalah penggunaan air yang tidak diambil kira yang berjumlah sehingga 45 peratus di beberapa negeri, satu kajian mengenai pembaziran dan penggunaan air yang tidak diambil kira akan dijalankan.

Pelaksanaan program bekalan air yang akan dipercepatkan dalam tempoh RML dijangka akan meningkatkan lagi keupayaan pengeluaran loji pembersihan daripada 4,218.6 jls pada tahun 1985 kepada 7,677.0 jls pada tahun 1990. Permintaan bekalan air pula dijangka meningkat daripada 3,737.3 jls kepada 6,278.6 jls, seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 18-1.

Pelaksanaan projek-projek bekalan air dalam tempoh RML akan meningkatkan jumlah penduduk yang mendapat bekalan air bersih sebanyak 11.5 peratus. Oleh yang demikian, menjelang tahun 1990, sebanyak 82.4 peratus daripada jumlah penduduk negara akan

dibekalkan dengan air berbanding dengan 70.9 peratus pada tahun 1985. Liputan bekalan air dari segi peratusan penduduk bagi kawasan bandar dijangka meningkat daripada 93.1 peratus pada tahun 1985 kepada 96.5 peratus pada tahun 1990 sementara liputan untuk kawasan luar bandar akan meningkat daripada 57.6 peratus kepada 72.8 peratus.

#### Sumber-sumber air

Sumber-sumber air disemua kawasan dimana permintaan bekalan air adalah tinggi telah dimaju atau ditentukan kegunaannya. Oleh yang demikian, adalah perlu pembangunan sumber-sumber air dimajukan secara besar-besaran bagi memenuhi permintaan yang semakin meningkat bagi bekalan air untuk kegunaan rumahtangga dan perindustrian di seluruh negara. Pada masa hadapan, pembangunan sumber-sumber air akan dipergiatkan berdasarkan kepada keperluan kawasan wilayah dan jika sesuai, projek-projek tersebut akan dimajukan untuk pelbagai guna. Bagi memudahkan pembangunan sumber-sumber air, Kerajaan akan melaksanakan prinsip-prinsip perkongsian penggunaan air dikalangan negeri-negeri dan akan menekankan pembangunan projek-projek antara negeri. Berkaitan dengan penggunaan skim-skim pelbagai guna pula, kegunaan air untuk keperluan rumah tangga dan perindustrian akan diberi keutamaan yang paling tinggi diikuti dengan kegunaan bagi pertanian, kegunaan bagi kegiatan-kegiatan yang bergantung kepada air, iaitu, perlombongan, perikanan, penjana kuasa dan pelayaran dan akhir sekali, bagi rekreasi. Disamping itu, Kerajaan akan mengadakan undang-undang untuk memperbaiki penyelarasan dalam perancangan sumber-sumber air dan kaitannya dengan perancangan kegunaan tanah serta membolehkan projek-projek antara negeri dan pelbagai guna dilaksanakan dengan licin dan mengikut jadual.

#### Pembetulan

Dalam tempoh RML, pembangunan program sistem pembetulan yang dipusatkan akan ditumpukan di ibu-ibu negeri, bandar-bandar utama dan di kawasan-kawasan pelancungan yang menarik, manakala sistem-sistem alternatif yang mempunyai kos rendah dan menggunakan teknologi-teknologi yang sesuai akan diperkenalkan di kawasan-kawasan dimana sistem tersebut boleh dilaksanakan. Satu Dasar Pembetulan Negara akan digubal untuk menyelaraskan usaha-usaha perancangan dan pelaksanaan pembangunan pembetulan. Pelaksanaan projek pembetulan di Bukit Mertajam, Butterworth dan Labuan akan disiapkan sementara pembinaan projek-projek di Ipoh, Kota Kinabalu, dan Seremban akan dimulakan dalam tahun 1986. Pelaksanaan Projek Pembetulan Bintulu dijangka bermula dalam tahun 1987.

Rekabentuk terperinci bagi projek-projek pembetulan Johor Bahru, Klang-Pelabuhan Klang, Kuala Lumpur Peringkat II dan Melaka serta pelan-pelan induk dan kajian-kajian kemungkinan bagi pembetulan dan sistem perparitan untuk Kota Bharu, Kuching dan Muar akan dijalankan. Selaras dengan usaha-usaha Kerajaan bagi menggalakkan pelancongan, projek-projek pembetulan sebagai sebahagian daripada kemudahan

infrastruktur yang diperlukan akan dipertingkatkan didua kawasan pelancongan yang menarik, iaitu kawasan Pantai Utara di Pulau Pinang dan Port Dickson di Negeri Sembilan. Dalam tempoh RML, projek pembedungan di kawasan Pantai Utara akan dibina manakala rekabentuk kejuruteraan terperinci untuk kawasan Port Dickson akan disediakan.

Pelaksanaan projek-projek tersebut dijangka memberi kemudahan pembedungan yang dipusatkan kepada 6.4 peratus daripada penduduk negara menjelang tahun 1990. Kemungkinan untuk menswastakan pembinaan, pengendalian dan penyelenggaraan sistem pembedungan akan dipertimbangkan dengan tujuan mengurangkan penglibatan sektor awam.

Berikutan daripada pelaksanaan program-program saliran yang baru, jumlah penduduk yang menggunakan tandas tarik dijangka meningkat daripada 35.9 peratus pada tahun 1985 kepada kira-kira 42.5 peratus pada tahun 1990, manakala bagi tandas curah pula meningkat daripada 39.2 peratus kepada 48.5 peratus. Langkah-langkah juga akan diambil untuk menggantikan secara berperingkat-peringkat dan menghapuskan penggunaan tandas angkut, tandas lubang dan tandas gantung dengan sistem saliran yang lebih baik. Jumlah penduduk yang menggunakan cara-cara moden pembuangan kotoran dijangka meningkat daripada 75.1 peratus pada tahun 1985 kepada kira-kira 91 peratus menjelang tahun 1990.

Memandangkan kos bagi melaksanakan sistem pembedungan yang dipusatkan adalah tinggi, sistem-sistem pilihan yang mempunyai kos rendah dan menggunakan teknologi-teknologi yang sesuai akan diperkenalkan. Untuk tujuan ini, kajian-kajian dan penyelidikan lanjut akan dijalankan. Langkah-langkah akan diambil bagi menggalakkan industri-industri untuk membersihkan pembuangan kotoran-kotoran kilang sebelum disalurkan ke loji-loji pembersihan.

Perparitan dan program mengatasi banjir di kawasan bandar

Pembinaan projek-projek mengatasi banjir yang sedang dilaksanakan bagi Klang, Kota Bharu, Kuala Lumpur dan Pekan akan diteruskan. Pelaksanaan projek-projek perparitan bagi Bayan Lepas, Ipoh, Kangar, Kuala Terengganu dan Seremban akan dimulakan dalam tahun 1986. Satu pelan induk dan kajian kemungkinan untuk projek perparitan dan mengatasi banjir bagi Cukai di Terengganu akan juga dijalankan.

#### **IV. PERUNTUKAN**

Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan dalam tempoh 1981-85 dan peruntukan untuk tempoh 1986-90 bagi kemudahan-kemudahan awam adalah seperti diJadual 18-4.

#### **V. PENUTUP**

Pembangunan kemudahan-kemudahan awam yang telah dipercepatkan dalam tempoh 1981-85 akan terus diberi penekanan dalam tempoh RML, sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memperbaiki mutu kehidupan rakyat. Pelaksanaan program bekalan air akan diteruskan bagi meningkatkan liputan bekalan air terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar, untuk memastikan bekalan yang cukup bagi kegunaan industri dan rumahtangga, serta memperbaiki mutu perkhidmatan kepada pengguna-pengguna yang sedia ada. Bagi program pembedungan serta perparitan dan program mengatasi banjir di kawasan bandar, pelaburan sektor awam akan ditumpukan kepada usaha-usaha menerus dan menyiapkan pembinaan skim-skim yang sedia ada dan memulakan pelaksanaan beberapa projek yang diperlukan dengan segera.

Pertimbangan akan diberi untuk menswastakan pembinaan, pengendalian dan penyelenggaraan sektor kemudahan-kemudahan awam. Disamping itu, kajian-kajian dan penyelidikan-penyelidikan yang berkaitan dengan program bekalan air serta pilihan-pilihan sistem pembedungan dan saliran yang mempunyai kos rendah serta menggunakan teknologi-teknologi yang sesuai akan dijalankan.



## **BAB 19 : PELAJARAN DAN LATIHAN**

### **I. PENDAHULUAN**

Tujuan pelajaran dan latihan pada keseluruhannya ialah untuk memupuk perpaduan negara. Sektor pelajaran dan latihan adalah merupakan sebahagian daripada pelaburan sosial yang penting dan akan memberi faedah kepada negara dalam tempoh jangka panjang. Peranan pelajaran dan latihan di Malaysia ialah untuk melahirkan orang-orang persaoangan yang berpengetahuan, terlatih dan mahir untuk memenuhi keperluan tenaga manusia dan keperluan sosial yang semakin bertambah. Pembangunan negara pada masa hadapan dijangka menimbulkan cabaran-cabaran yang memerlukan tenaga manusia yang berupaya memperkenalkan pembaharuan dan berpengetahuan serta terlatih dalam bidang-bidang sains dan teknologi, pengurusan dan kemahiran-kemahiran yang berkaitan. Di samping itu, perlunya sistem pelajaran kebangsaan membentuk orang persaoangan yang berdisiplin, tekun dan mempunyai daya usaha adalah sama juga pentingnya. Di peringkat pelajaran rendah, sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan yang menggunakan Bahasa Cina dan Tamil sebagai bahasa pengantar terus menggunakan bahasa-bahasa tersebut selaras dengan Akta Pelajaran, 1961.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), perakuan Lapuran Jawatankuasa Kabinet Untuk Mengkaji Semula Pelaksanaan Dasar Pelajaran, 1979, akan terus dilaksanakan. Beberapa perakuan tertentu daripada lapuran Jawatankuasa Kabinet telah dilaksanakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME).

### **II. KEMAJUAN, 1981-85**

Dasar Pelajaran Kebangsaan, sebagaimana yang terkandung di dalam Akta Pelajaran, 1961, memberi tumpuan kepada penyediaan peluang-peluang pelajaran yang lebih luas, penggunaan Bahasa Malaysia secara berperingkat sebagai bahasa pengantar utama, pembentukan kurikulum yang sama dan penggunaan Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris dalam sistem peperiksaan kebangsaan. Pengajaran bahasa ibunda kepada pelajar-pelajar seperti yang terkandung di bawah Akta Pelajaran, 1961, telah diteruskan dalam tempoh ini. Dasar Pelajaran Kebangsaan juga memberi tumpuan kepada pelajaran teknik dan vokasional serta pendidikan moral dan ugama.

Antara program-program yang dilaksanakan untuk mencapai tujuan ini ialah penyediaan pelajaran percuma kepada kanak-kanak sehingga peringkat menengah atas, kemudahan pengajaran dan kemudahan-kemudahan pendidikan yang lain. Guru-guru terlatih juga disediakan, manakala bantuan pelajaran seperti pinjaman buku teks dan biasiswa disediakan bagi membantu golongan miskin. Di peringkat pelajaran menengah rendah,

pengajaran matapelajaran pilihan telah diperbaiki bagi memperkukuhkan asas kepada pendidikan bercorak kerja. Tumpuan juga diberi kepada pelajaran sains dan vokasional di peringkat menengah dengan cara menyediakan sekolah berasrama, sekolah-sekolah vokasional dan teknik.

Laporan Jawatankuasa Kabinet telah diterima oleh Kerajaan dalam tahun 1980. Laporan tersebut memberi tumpuan kepada penyediaan peluang-peluang pelajaran dan latihan yang lebih luas, pembentukan kurikulum bercorak kebangsaan serta perolehan kemahiran membaca, menulis dan mengira di peringkat rendah. Laporan tersebut juga memberi penekanan kepada pentingnya sains dan teknologi dalam pendidikan serta perlunya mutu pelajaran ditingkatkan dan tempoh persekolahan dilanjutkan daripada 9 kepada 11 tahun. Penekanan juga diberi untuk mengseimbangkan program akademik dengan kegiatan ko-kurikular serta mengukuhkan pendidikan ugama, sivik dan moral untuk membentuk nilai-nilai sosial yang positif.

#### Pendidikan Pra-Sekolah

Satu kajian yang meliputi seluruh negara mengenai kedudukan pendidikan pra-sekolah dijalankan pada tahun 1981 dan telah disiapkan pada tahun 1984. Kajian tersebut adalah bertujuan untuk menyediakan maklumat kepada Kerajaan mengenai kedudukan pendidikan pra-sekolah dan bagi membantu Kerajaan menggubal garis panduan dasar mengenai pendidikan pra-sekolah yang meliputi antara lain pengawasan, pengawalan, penyelarasan, latihan guru, pembentukan kurikulum dan peningkatan mutu pendidikan pra-sekolah.

Hasil kajian tersebut menunjukkan bahawa pendidikan pra-sekolah telah berkembang dalam tempoh 1981-84. Kanak-kanak dalam lingkungan umur empat hingga enam tahun yang mengikuti pendidikan pra-sekolah telah bertambah daripada 171,000 pada tahun 1980 kepada 279,000 pada tahun 1984. Dalam tempoh yang sama, terdapat sebanyak 5,657 pusat pra-sekolah berbanding dengan 2,974 pada tahun 1980. Sebanyak 4,487 atau 79 peratus daripada jumlah pusat pra-sekolah pada tahun 1984 adalah dikendalikan oleh agensi Kerajaan. Pusat-pusat ini yang kebanyakannya terletak di kawasan luar bandar, menampung kira-kira 149,850 kanak-kanak atau 54 peratus daripada jumlah kanak-kanak yang mengikuti pendidikan pra-sekolah pada tahun 1984.

#### Pelajaran Rendah

Pertambahan bilangan pelajar di semua peringkat pelajaran adalah seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 19-1. Di peringkat pelajaran rendah, bilangan pelajar di sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan telah bertambah daripada kira-kira 2 juta pada tahun 1980 kepada 2.2 juta pada tahun 1985. Bilangan kanak-kanak dalam lingkungan umur enam hingga tujuh tahun yang belajar di Darjah I di sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan telah bertambah daripada 98.6 peratus pada tahun 1980 kepada

99.operatus pada tahun 1985. Daripada jumlah bilangan pelajar di dalam Darjah I pada tahun 1980, sebanyak 96.3 peratus telah memasuki Darjah VI pada tahun 1985.

Dalam tempoh RME, kira-kira 11,000 bilik darjah telah dibina bagi menampung pertambahan bilangan pelajar dan menggantikan kemudahan-kemudahan yang telah usang. Sebahagian besar daripada kemudahan-kemudahan yang telah usang ini terletak di luar bandar. Di samping itu, asrama-asrama pelajar dan rumah-rumah guru telah juga dibina terutamanya di kawasan luar bandar Semenanjung dan kawasan pedalaman di Sabah dan Sarawak. Penyediaan kemudahan-kemudahan tersebut adalah penting untuk membolehkan penduduk di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai perhubungan dan pengangkutan yang sempurna berpeluang mendapat pelajaran.

Sebagaimana yang diperakukan oleh Laporan Jawatankuasa Kabinet, kurikulum lama untuk sekolah rendah telah digantikan dengan kurikulum baru sekolah rendah (KBSR). Pada tahun 1982, KBSR telah diperkenalkan sebagai projek perintis di 305 buah sekolah rendah dan pada tahun 1983, kurikulum tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya disemua kelas Darjah I di seluruh negara. Pada tahun 1985, KBSR telah dilaksanakan di peringkat Darjah III dan dengan demikian, peringkat pertama pelaksanaan kurikulum tersebut telah dilaksanakan sepenuhnya. Pada tahun 1984, matapelajaran kemahiran manipulatif telah diperkenalkan kepada Darjah I yang meliputi 74 buah sekolah rendah sebagai projek perintis. Tujuan matapelajaran ini diperkenalkan ialah untuk memupuk minat dan memajukan kemahiran daya cipta kanak-kanak dengan menggunakan alat-alat dan perkakas yang mudah.

### Pelajaran Menengah

Bilangan pelajar di peringkat menengah rendah di sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan telah bertambah sebanyak 13.1 peratus daripada kira-kira 812,100 pada tahun 1980 kepada kira-kira 918,400 pada tahun 1985. Bilangan pelajar di peringkat menengah atas pula telah bertambah sebanyak 35.2 peratus daripada kira-kira 229,000 pada tahun 1980 kepada kira-kira 309,600 pada tahun 1985. Kadar peralihan daripada peringkat rendah kepada peringkat menengah bertambah daripada 83.7 peratus pada tahun 1980 kepada 88.2 peratus pada tahun 1985. Dalam tempoh RME, sejumlah 5,000 bilik darjah telah dibina bagi menampung pertambahan bilangan pelajar dan menggantikan bilik-bilik darjah yang telah usang. Di samping itu, makmal sains, bengkel, perpustakaan, rumah guru dan asrama pelajar telah juga disediakan.

Antara langkah-langkah untuk menambah bilangan pelajar dari kawasan luar bandar dalam aliran sains ialah dengan menyediakan sekolah menengah sains berasrama penuh dan Maktab Rendah Sains MARA (MRSM). Dalam tempoh RME, empat buah sekolah menengah sains berasrama penuh telah dibina. Pengambilan pelajar di peringkat pelajaran menengah rendah bagi sekolah-sekolah tersebut telah bertambah daripada 2,600 pada tahun 1980 kepada 2,940 pada tahun 1985.

Kanak-kanak cacat pendengaran dan cacat penglihatan telah juga diberi peluang untuk mendapat pelajaran. Pada tahun 1985, terdapat kira-kira 1,400 kanak-kanak cacat pendengaran di peringkat pelajaran rendah berbanding dengan kira-kira 1,200 orang pada tahun 1980. Di samping itu, terdapat kira-kira 300 kanak-kanak cacat penglihatan di peringkat pelajaran tersebut pada tahun 1985 berbanding dengan 200 orang pada tahun 1980. Pada tahun 1985, kira-kira 400 kanak-kanak cacat pendengaran telah mendapat pelajaran di peringkat menengah berbanding dengan 300 orang pada tahun 1980. Di peringkat ini juga, seramai 200 kanak-kanak cacat penglihatan mendapat pelajaran pada tahun 1985 berbanding dengan 150 orang pada tahun 1980. Di samping memasukkan kanak-kanak cacat penglihatan dan cacat pendengaran ke sekolah-sekolah khas, kemudahan-kemudahan juga disediakan di beberapa buah sekolah biasa tertentu bagi membolehkan kanak-kanak cacat tersebut belajar bersama pelajar-pelajar lain.

### Pelajaran Teknik Dan Vokasional

Dalam tempoh RME, bilangan sekolah-sekolah teknik kekal setakat sembilan buah. Walaupun demikian, bilangan pelajar di sekolah-sekolah tersebut telah bertambah daripada 5,500 orang pada tahun 1980 kepada 6,700 orang pada tahun 1985. Sebagai tambahan kepada matapelajaran-matapelajaran sains dan matapelajaran akademik yang lain, matapelajaran-matapelajaran seperti ukur, bengkel kejuruteraan amali, binaan bangunan, lukisan teknik dan perdagangan juga ditawarkan di sekolah-sekolah teknik tersebut.

Sebagai tambahan kepada 37 sekolah menengah vokasional yang sedia ada, sebanyak tiga buah lagi sekolah menengah vokasional telah siap dibina dalam tempoh RME, manakala 18 buah lagi masih dalam berbagai peringkat pelaksanaan. Bilangan pelajar dalam kursus-kursus dua tahun di sekolah vokasional telah bertambah daripada 12,500 orang pada tahun 1980 kepada 13,700 orang pada tahun 1985. Bilangan pelajar dalam kursus-kursus jangka pendek bagi mereka yang mempunyai Sijil Rendah Pelajaran (SRP) dan LOWER CERTIFICATE OF EDUCATION (LCE) telah juga bertambah daripada 125 orang pada tahun 1982 kepada 330 orang pada tahun 1985.

Dalam tempoh RME, kurikulum-kurikulum bagi berbagai kursus pelajaran vokasional telah dikajisemula secara berperingkat-peringkat, dan hanya kurikulum untuk kursus ketukangan kejuruteraan yang dikajisemula telah dilaksanakan pada tahun 1985. Kajian kekesanan telah juga dijalankan dengan tujuan untuk mendapatkan maklumbalas mengenai lepasan pelajar yang mendapat pekerjaan dan penerimaan mereka oleh sektor perdagangan dan perindustrian.

### Pendidikan guru

Program pendidikan guru telah diadakan di sebanyak 24 buah maktab perguruan di seluruh negara, tiga daripadanya di Sabah dan empat di Sarawak. Pengambilan pelatih ke maktab-maktab tersebut telah bertambah sebanyak 35.9 peratus daripada kira-kira 6,700

pada tahun 1980 kepada kira-kira 9,100 pada tahun 1985. Pertambahan yang besar ini adalah untuk menampung permintaan yang semakin bertambah bagi guru-guru terlatih terutamanya di peringkat pelajaran rendah. Dalam tempoh RME, seramai 23,900 guru telah dilatih di maktab-maktab tersebut. Daripada jumlah ini, seramai 15,300 guru adalah untuk sekolah rendah manakala 8,600 guru lagi untuk sekolah menengah. Di samping itu, terdapat empat buah maktab iaitu Maktab Perguruan Bahasa, Maktab Perguruan Ilmu Khas, Maktab Perguruan Islam dan Maktab Perguruan Teknik yang mengendalikan latihan bagi matapelajaran-matapelajaran tertentu. Dalam tempoh tersebut, pengambilan pelatih oleh keempat-empat maktab tersebut telah bertambah daripada 940 pada tahun 1980 kepada 1,468 pada tahun 1985.

Institusi-institusi pengajian tinggi yang menjalankan latihan tempatan bagi guru-guru berijazah ialah Universiti Malaya (UM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Universiti Pertanian Malaysia (UPM), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Dalam tempoh RME, institusi-institusi ini telah melatih seramai 17,350 guru berijazah yang terdiri daripada 6,420 dalam bidang sains dan matapelajaran-matapelajaran berkaitan dan 10,900 dalam bidang sastera dan kemanusiaan.

Kursus-kursus dalam perkhidmatan telah juga dikendalikan untuk kira-kira 165,600 guru berkelayakan dengan tujuan untuk meningkatkan mutu pengajaran. Kursus-kursus ini termasuk kursus setahun bagi matapelajaran tertentu seperti sains pertanian, pendidikan pemulihan dan pendidikan khas kepada kanak-kanak cacat penglihatan dan cacat pendengaran. Di samping itu, kursus tiga tahun dijalankan bagi pengajaran Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama serta pengajaran Bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Kursus-kursus jangka pendek juga dikendalikan bagi menambah pengetahuan dan meningkatkan kemahiran mengajar dalam beberapa matapelajaran. Di samping itu, kursus asas latihan mengajar untuk guru-guru sementara juga dikendalikan dalam masa cuti penggal persekolahan.

Daripada seramai 92,200 guru sekolah rendah pada tahun 1985, kira-kira 13,200 adalah guru-guru tidak terlatih. Pengambilan guru-guru tidak terlatih adalah penting sebagai langkah sementara bagi mengatasi masalah kekurangan guru terlatih yang diperlukan dalam KBSR disebabkan oleh keperluan membaiki nisbah kelas-guru daripada 1:1.2 kepada 1:1.5.

Pada tahun 1985, terdapat seramai 40,300 guru-guru terlatih lepasan maktab di peringkat sekolah menengah rendah dan 16,600 guru berijazah di peringkat sekolah menengah rendah dan menengah atas. Di peringkat sekolah menengah atas dan menengah tinggi terdapat kekurangan seramai kira-kira 2,300 guru-guru berijazah di samping kekurangan guru-guru dalam matapelajaran-matapelajaran tertentu seperti sains, fizik, kimia, matematik, Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris. Sungguhpun demikian, peringkat tersebut juga mengalami kelebihan guru bagi matapelajaran-matapelajaran seperti ekonomi, sejarah dan ilmu alam.

## Pelajaran tinggi

Dalam tempoh RME, bilangan pelajar di peringkat pelajaran tinggi telah bertambah daripada kira-kira 36,800 pada tahun 1980 kepada kira-kira 69,700 pada tahun 1985. Daripada jumlah bilangan pelajar pada tahun 1985, kira-kira 6,900 atau 9.8 peratus adalah terdiri daripada pelajar yang mengikuti kursus di peringkat sijil, 25,000 atau 36.1 peratus di peringkat diploma dan 37,800 atau 54.1 peratus di peringkat ijazah. Di samping itu, kira-kira 5,280 pelajar sedang mengikuti kursus-kursus persediaan bagi membantu mereka memasuki kursus peringkat diploma dan ijazah di institusi-institusi pengajian tinggi di dalam dan luar negeri.

Di institusi-institusi tempatan, pengambilan untuk kursus di peringkat sijil, diploma dan ijazah bertambah sebanyak 56.6 peratus daripada kira-kira 14,300 pada tahun 1980 kepada kira-kira 22,400 pada tahun 1985. Selaras dengan keperluan untuk menambah bilangan graduan dalam bidang sastera gunaan dan sains gunaan, pengambilan pelajar bagi kursus-kursus tersebut di peringkat ijazah telah bertambah, seperti ditunjukkan dalam Jadual 19-2.

Dalam tempoh RME, tiga buah politeknik baru telah ditubuhkan di kampus sementara di Alor Setar, Batu Pahat dan Kota Bharu. Sebuah universiti baru telah juga ditubuhkan iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM) pada tahun 1984. Beberapa buah kampus cawangan telah juga ditubuhkan dalam tempoh RME. USM telah menubuhkan Pusat Pengajian Sains Perubatan di Kelantan dan Pusat Pengajian Kejuruteraan di Perak. Di samping itu, Kerajaan telah membantu di dalam penubuhan kampus sementara Universiti Islam Antarabangsa (UIA) di Petaling Jaya.

## Pelajar Malaysia Di Luar Negeri

Terdapat ramai pelajar Malaysia menuntut di luar negeri. Bilangan pelajar di luar negeri telah bertambah pada kadar purata 9 peratus setahun daripada kira-kira 36,900 pada tahun 1978 kepada kira-kira 60,000 pada tahun 1985. Daripada jumlah pelajar pada tahun 1985, kira-kira 49,200 adalah pelajar-pelajar yang berdaftar dengan Jabatan Penuntut Malaysia. Daripada jumlah pelajar berdaftar, 10,300 menuntut di Australia, 2,700 di Kanada, 1,100 di New Zealand, 13,500 di Amerika Syarikat dan 3,400 di United Kingdom. Daripada jumlah pelajar pada tahun 1985, seramai 20,000 adalah dianggarkan sedang mengikuti kursus di peringkat ijazah pertama. Di samping itu, terdapat kira-kira 2,700 pelajar Malaysia sedang menuntut di peringkat menengah di negara Brunei Darussalam dan 10,700 di Singapura di peringkat pelajaran menengah. Pecahan bilangan pelajar di peringkat pelajaran tinggi mengikut peringkat dan kumpulan ethnik di institusi dalam dan luar negeri pada tahun-tahun 1980 dan 1985 adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 19-3, manakala Carta 19-1 menunjukkan pecahan bilangan pelajar pada tahun-tahun 1980 dan 1985.

Pelajar-pelajar Malaysia masih terus mengikuti pelajaran di luar negeri disebabkan oleh kekurangan tempat di institusi tempatan serta untuk mengikuti kursus yang tidak disediakan di universiti tempatan, terutama dalam bidang sains dan teknologi. Bilangan pelajar Malaysia yang ramai di luar negeri telah mengakibatkan pengaliran keluar tukaran asing kira-kira \$1,200 juta setahun. Usaha-usaha sedang dijalankan untuk mengurangkan secara beransur-ansur bilangan pelajar Malaysia di luar negeri dengan menambah kemudahan-kemudahan untuk pelajaran tinggi di institusi-institusi tempatan. Sebagai langkah untuk memendekkan jangka masa belajar di luar negeri, kursus pra-universiti termasuk kursus bahasa asing telah juga dikendalikan di dalam negeri bagi pelajar-pelajar anjuran Kerajaan.

#### Penyertaan dan kemajuan dalam pelajaran

Di samping memupuk integrasi nasional dan perpaduan negara, pelajaran dan latihan juga bertujuan menyediakan peluang-peluang pekerjaan kepada golongan yang berpendapatan rendah supaya mereka mendapat pekerjaan yang lebih baik dan meningkatkan taraf hidup mereka. Salah satu daripada ukuran untuk menentukan tercapainya matlamat jangka panjang pelajaran ialah melalui kadar penyertaan pelajar-pelajar di berbagai peringkat pelajaran. Sebagaimana ditunjukkan dalam Jadual 19-4, penyertaan pelajar semua kumpulan ethnik di berbagai peringkat pelajaran di institusi dalam negeri telah bertambah baik. Kadar penyertaan pelajar Bumiputera berdasarkan kepada bilangan pelajar di peringkat pelajaran rendah telah meningkat daripada 58.4 peratus pada tahun 1980 kepada 61.0 peratus pada tahun 1985. Sungguhpun secara perbandingan kadar penyertaan pelajar bukan Bumiputera berkurang daripada 41.6 peratus pada tahun 1980 kepada 39.0 peratus pada tahun 1985, bilangannya telah bertambah daripada 835,600 pada tahun 1980 kepada 854,800 pada tahun 1985. Kadar penyertaan pelajar Bumiputera di peringkat ijazah telah bertambah daripada 62.0 peratus pada tahun 1980 kepada 63.0 peratus pada tahun 1985, manakala kadar penyertaan bukan Bumiputera telah berkurang daripada 38.0 peratus pada tahun 1980 kepada 37.0 peratus pada tahun 1985. Walau bagaimanapun, bilangan pelajar Bumiputera telah bertambah daripada kira-kira 13,600 pada tahun 1980 kepada kira-kira 23,800 pada tahun 1985 manakala bilangan pelajar bukan Bumiputera telah juga bertambah daripada kira-kira 8,300 kepada kira-kira 14,000.

Penyertaan berbagai kumpulan ethnik di peringkat pengajian tinggi di institusi-institusi dalam dan luar negeri telah bertambah baik sebagaimana yang ditunjukkan di dalam Jadual 19-3. Di peringkat ijazah, bahagian pelajar-pelajar Bumiputera daripada jumlah bilangan pelajar bertambah daripada 45.4 peratus pada tahun 1980 kepada 49.4 peratus pada tahun 1985. Bilangan pelajar bukan Bumiputera telah berkurang daripada 54.6 peratus kepada 50.6 peratus dalam tempoh yang sama. Pada tahun 1985, terdapat pertambahan bagi kedua-dua bilangan pelajar Bumiputera dan bukan Bumiputera. Pertambahan bilangan pelajar Bumiputera ialah 58.9 peratus, iaitu daripada kira-kira 18,800 pada tahun 1980 kepada 29,880 pada tahun 1985 dan pertambahan bilangan pelajar bukan Bumiputera ialah 35.3 peratus, iaitu daripada 22,650 kepada 30,650.

Penyertaan yang bertambah oleh semua kumpulan etnik di peringkat pelajaran rendah dan menengah adalah hasil daripada usaha yang dilaksanakan oleh Kerajaan untuk menyediakan bukan sahaja kemudahan bilik darjah di luar bandar dan kawasan pedalaman tetapi juga kemudahan asrama pelajar dan rumah guru. Penyediaan kemudahan-kemudahan ini membolehkan kanak-kanak belajar di sekolah-sekolah yang berhampiran dengan rumah mereka, manakala di kawasan-kawasan pedalaman yang tidak mempunyai kemudahan pengangkutan jalan raya, kanak-kanak telah ditempatkan di asrama. Di peringkat pelajaran rendah, guru-guru telah juga dilatih untuk mengajar kelas-kelas yang terdiri daripada murid-murid berbagai darjah yang tidak mempunyai bilangan pelajar yang ramai. Dalam keadaan sesuai, sekolah-sekolah kecil telah dicantumkan untuk membolehkan sekolah-sekolah diurus dengan lebih baik dan kemudahan yang lengkap disediakan. Sekolah-sekolah di luar bandar juga disediakan dengan makmal sains dan bengkel seni perusahaan bagi membolehkan lebih ramai lagi kanak-kanak di luar bandar belajar di dalam aliran sains.

Di samping penyediaan kemudahan-kemudahan fizikal, berbagai bantuan pelajaran disediakan untuk pelajar-pelajar miskin. Bantuan ini meliputi biasiswa, buku-buku pinjaman, pemberian makanan tambahan serta perkhidmatan kesihatan dan pergigian. Dalam tempoh RME, sebanyak \$162.4 juta telah dibelanjakan untuk biasiswa, \$173.3 juta untuk buku-buku pinjaman dan \$92.8 juta untuk makanan tambahan bagi membolehkan kanak-kanak yang miskin belajar di sekolah serta bergiat cergas di dalam kelas.

Kemajuan pelajar-pelajar Bumiputera terutamanya mereka dari kawasan luar bandar pada keseluruhannya telah bertambah baik. Di peringkat pelajaran menengah tinggi, kursus-kursus persediaan telah dikendalikan diberbagai institusi untuk membantu pelajar Bumiputera memasuki kursus dibidang sains dan kejuruteraan di peringkat diploma dan ijazah. Pengambilan pelajar Bumiputera ke kursus-kursus persediaan bertambah daripada 1,000 pada tahun 1980 kepada 3,170 pada tahun 1985.

#### Latihan kemahiran dan pengurusan

**LATIHAN KEMAHIRAN.** Pembangunan perindustrian yang semakin pesat termasuk penubuhan beberapa industri berat tertentu memerlukan usaha sokongan bagi mengeluarkan tenaga manusia mahir dalam berbagai kegiatan perindustrian. Pada masa yang sama, terdapat juga keperluan yang meningkat bagi kepakaran pengurusan disemua peringkat untuk menampong perkembangan yang pesat dibidang perniagaan dan perdagangan.

Sektor awam memainkan peranan utama dalam pembangunan latihan perindustrian. Antara institusi penting yang mengeluarkan tenaga buruh terlatih untuk memenuhi permintaan ekonomi ialah institut latihan perindustrian (ILP) di bawah Kementerian Buruh, institut kemahiran MARA (IKM) dan pusat latihan belia (PLB) di bawah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan. Dalam tempoh 1981-85, kemudahan untuk



melatih tenaga mahir di institusi-institusi tersebut telah diperluaskan. Pengambilan pelatih telah bertambah daripada kira-kira 3,890 pada tahun 1980 kepada kira-kira 5,880 pada tahun 1985. Dalam tempoh yang sama, agensi-agensi ini juga menjalankan latihan sambil kerja untuk kira-kira 6,500 pelatih. Di samping itu, kira-kira 1,500 belia telah diberi latihan-di tapak-projek di pusat latihan Pergerakan Koperasi Belia Nasional (KOBENA) di Skudai.

Institusi-institusi sektor awam juga menjalankan berbagai kursus untuk memenuhi keperluan industri. Kursus-kursus ini termasuklah membuat perkakas dan acuan, melebur dan membuat corak, kimpalan dan membentuk logam. Tenaga pengajar di institusi latihan kemahiran perlu melengkapkan diri sejajar dengan perubahan teknologi dalam proses pembangunan perindustrian. Bagi tujuan ini, Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) telah ditubuhkan pada tahun 1984. Dalam tempoh 1984-85, CIAST telah melatih seramai 120 tenaga pengajar dan 250 pelatih dalam kemahiran lanjutan.

Di samping program latihan yang disediakan oleh sektor awam, sektor swasta juga mengendalikan latihan. Pada tahun 1985, terdapat kira-kira 250 institusi latihan yang ditubuhkan oleh sektor swasta. Institusi-institusi ini melatih sejumlah 16,000 peserta dalam berbagai kursus perdagangan, pertanian dan ketukangan kejuruteraan.

Kajian mengenai Skim Latihan Perindustrian Dalam Sektor Pembuatan telah siap dijalankan pada tahun 1984 dan perakuan-perakuan yang dikemukakan dalam kajian ini sedang dipertimbangkan oleh Kerajaan. Kajian tersebut memberi penekanan tentang perlunya kerjasama rapat antara sektor awam dan swasta dalam mengenalpasti dan menjalankan latihan perindustrian serta mengawas berbagai program latihan.

Di bawah program Pandang Ke Timor, latihan sambil kerja telah disediakan oleh berbagai institusi di Jepun dan Korea Selatan bagi rakyat Malaysia untuk membolehkan mereka mendapatkan kemahiran bekerja. Dalam tempoh RME, kira-kira 1,200 pekerja industri dan teknik telah dilatih di bawah program ini. Di samping itu, pekerja-pekerja mahir telah juga ditempatkan dalam firma-firma Jepun dan Korea Selatan di negara ini bagi membolehkan pekerja-pekerja tersebut mempelajari dan mengamalkan disiplin dan etika kerja orang-orang Jepun dan Korea Selatan. Program ini juga membolehkan pelaksanaan pemindahan teknologi ke Malaysia.

**LATIHAN PENGURUSAN.** Dalam bidang pengurusan, usaha telah diambil untuk menghantar pekerja daripada semua bidang pekerjaan mengikuti kursus dalam perkhidmatan dan ijazah lanjutan. Dalam tempoh RME, kira-kira 4,600 pegawai di sektor awam telah menyertai skim latihan tersebut. Di samping itu, pegawai-pegawai yang berkhidmat di sektor awam juga ditempatkan di sektor swasta untuk membolehkan mereka mendapatkan pengalaman korporat. Latihan pengurusan juga disediakan oleh sektor swasta. Dalam tahun 1985, Institut Pengurusan Malaysia mengendalikan berbagai kursus pengurusan untuk kira-kira 700 peserta daripada sektor awam dan swasta.

Dalam tempoh RME, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) yang merupakan institusi latihan terpenting bagi sektor awam, telah melatih seramai 79,100 kakitangan sektor awam. Pengambilan peserta telah bertambah dengan siapnya kampus induk INTAN di Bukit Kiara dan tiga kampus cawangan di Keluang, Kemaman dan Sg. Petani. Di samping itu, latihan kakitangan dalam bidang tertentu yang diperlukan oleh agensi-agensi telah juga dijalankan dalam tempoh tersebut.

Bangunan Institut Pengurusan Pendidikan Negara (IPPN) telah siap dibina dalam tempoh RME. Institut ini adalah untuk melatih pegawai-pegawai penting dalam perkhidmatan pelajaran dibidang pengurusan. Pegawai-pegawai ini termasuk guru-guru besar, penolong kanan-penolong kanan sekolah, pegawai-pegawai pelajaran negeri dan daerah, pengetua-pengetua, ketua-ketua jabatan, pensyarah-pensyarah maktab perguruan dan politeknik serta pegawai-pegawai di Jabatan Penuntut Luar Negeri. Dalam tempoh tersebut, seramai 10,500 orang kakitangan pelajaran telah dilatih di IPPN.

Latihan dalam bidang pengurusan dan pembangunan keusahawanan telah diberi keutamaan sebagai usaha untuk membolehkan penglibatan yang cergas dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Untuk mencapai matlamat ini, Pusat Daya Pengeluaran Negara (PDPN) telah menganjurkan latihan kepada kira-kira 14,700 pegawai dalam kursus-kursus pengurusan dan 18,100 dalam kursus-kursus pembangunan keusahawanan. Di samping itu, Program Pembangunan Usahawan yang dijalankan oleh ITM telah melatih kira-kira 700 usahawan-usahawan Bumiputera dan pegawai-pegawai daripada sektor awam dan swasta.

### **III. PROSPEK, 1986-90**

Dalam tempoh RML, sistem pelajaran kebangsaan akan terus diperkukuhkan bagi meningkatkan mutu dan menambah peluang pelajaran untuk memupuk perpaduan negara. Bagi mencapai matlamat ini, penggunaan Bahasa Malaysia sebagai bahasa pengantar utama di semua peringkat pelajaran akan dipertingkatkan. Pengajaran dan pembelajaran Bahasa Malaysia, dan Bahasa-bahasa Cina, Tamil dan Inggeris akan juga diperbaiki melalui penyediaan lebih ramai guru-guru terlatih. Kurikulum dan kegiatan ko-kurikular akan dijadikan asas untuk membentuk budi pekerti, kebolehan kepimpinan dan nilai-nilai moral yang positif. Usaha akan juga diteruskan bagi mengurangkan jurang perbezaan peluang-peluang pelajaran diantara kumpulan pendapatan serta di antara wilayah dengan menambah dan memperbaiki kemudahan pelajaran di seluruh negara.

Dalam tempoh RML, sistem pelajaran akan juga diperluaskan dan diubahsuai bagi memenuhi permintaan tenaga manusia terlatih di bidang sains, teknologi dan pengurusan. Usaha untuk meningkatkan mutu pelajaran akan juga diberi keutamaan bagi mengurangkan keciciran, meningkatkan pencapaian dan memastikan sumbangan

pelajaran ke arah matlamat pembangunan negara serta pembangunan orang persaoiran dalam masyarakat adalah lebih sesuai dan berkesan.

Pembangunan sekolah sebagai institusi masyarakat akan digalakkan yang melibatkan semua golongan masyarakat, termasuk ibu-bapa, guru-guru, dan murid-murid yang akan berkerjasama dan mengambil berat terhadap kejayaan sekolah serta disiplin pelajar. Pendekatan baru ini tidak menghadkan penyertaan kepada ibu-bapa murid-murid sekolah itu sahaja. Konsep sekolah berasaskan masyarakat akan memberi faedah kepada sekolah melalui sumbangan dan penglibatan masyarakat dalam usaha meningkatkan kemudahan-kemudahan sekolah, membantu menyediakan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran serta penyertaan dalam berbagai kegiatan sekolah. Masyarakat juga akan mendapat faedah daripada penggunaan kemudahan-kemudahan sekolah dan penglibatan guru-guru dan murid-murid di dalam kegiatan kemasyarakatan.

#### Pendidikan pra-sekolah

Pendidikan pra-sekolah akan terus disediakan memandangkan peranannya yang penting bagi memajukan kebolehan berfikir dan perhubungan sosial kanak-kanak. Sungguhpun pendidikan pra-sekolah adalah di luar bidangkuasa Akta Pelajaran, 1961, ianya memberi kesan keatas kemajuan kanak-kanak di peringkat pelajaran rendah. Dengan demikian, penyelarasan pendidikan pra-sekolah akan dilaksanakan dengan cara mewajibkan pendaftaran pusat-pusat pra-sekolah. Di samping itu, semua pusat-pusat pra-sekolah perlu melaksanakan garis panduan kurikulum pra-sekolah.

#### Pelajaran rendah

Bilangan pelajar di peringkat pelajaran rendah di sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan dijangka bertambah kepada 2.5 juta kanak-kanak pada tahun 1990. Bagi tujuan memperbaiki kemudahan di sekolah-sekolah terutama sekali di kawasan luar bandar, kira-kira 5,000 bilik darjah akan dibina untuk menampung pertambahan bilangan pelajar dan menggantikan bilik-bilik darjah yang sedia ada. Keutamaan akan diberi untuk menambah kemudahan-kemudahan di semua sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan di kawasan luar bandar, termasuk sekolah-sekolah di kampung-kampung baru dan ladang-ladang dalam usaha untuk memberi peluang yang lebih luas bagi mendapatkan pelajaran.

Program bagi menyatukan pelajar-pelajar untuk mencapai perpaduan yang telah diperkenalkan sebagai satu projek perintis dalam tahun 1985 akan terus dilaksanakan dalam tempoh RML. Menerusi program ini, murid-murid dari semua jenis sekolah rendah akan bersama-sama mengambil bahagian dalam berbagai kegiatan ko-kurikular dan dengan ini akan mengeratkan perhubungan dan memupuk perpaduan di kalangan murid-murid dan guru-guru berbagai kumpulan ethnik.

Pencantuman sekolah-sekolah kecil di kawasan luar bandar sebagai unit-unit yang lebih berkesan akan diteruskan untuk membolehkan kemudahan-kemudahan yang lebih baik

disediakan. Apabila sekolah-sekolah yang lebih besar dibina untuk menggantikan sekolah-sekolah kecil, kemudahan asrama akan disediakan bagi mengatasi masalah pengangkutan. Dalam tempoh RML, langkah-langkah akan diambil bagi memperluas dan memperbaiki kemudahan asrama di sekolah-sekolah rendah. Di samping itu, penyediaan asrama-asrama pusat akan juga diberi pertimbangan.

Peringkat kedua KBSR akan dilaksanakan dalam tahun 1986 di peringkat Darjah IV. Kurikulum tersebut akan terus memberi tumpuan kepada perolehan kemahiran membaca, menulis dan mengira di samping memperkenalkan beberapa matapelajaran akademik. Dalam tahun yang sama, matapelajaran kemahiran manipulatif akan diperkenalkan sepenuhnya disemua kelas Darjah IV.

### Pelajaran menengah

Pada tahun 1990, bilangan pelajar di peringkat pelajaran menengah rendah di sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan dijangka bertambah sebanyak 14.9 peratus menjadikan jumlah pelajar seramai satu juta, manakala bilangan pelajar di peringkat pelajaran menengah atas di sekolah-sekolah Kerajaan dan bantuan Kerajaan dijangka bertambah sebanyak 24.3 peratus kepada 413,900 dalam tahun 1990. Dalam tempoh RML, kira-kira 6,200 bilik darjah akan dibina untuk menampung pertambahan bilangan pelajar, menggantikan bilik darjah yang telah usang dan mengurangkan kesesakan.

Pada tahun 1985, terdapat 28 buah sekolah menengah berasrama penuh dan 10 buah MRSM dengan jumlah pelajar seramai kira-kira 20,000 orang. Dalam tempoh RML, dua buah lagi sekolah menengah sains berasrama penuh akan dibina iaitu sebuah di Kelantan dan sebuah lagi di Pahang, manakala lima buah MRSM akan dibina, sebuah bagi setiap negeri iaitu di Negeri Sembilan, Pahang, Sabah, Sarawak dan Selangor. Pembinaan sekolah-sekolah ini akan menampung seramai 3,000 pelajar tambahan pada tahun 1990.

Kurikulum baru sekolah menengah (KBSM) akan dilaksanakan dalam tahun 1988 hanya bagi pelajar-pelajar yang telah berada di kelas projek perintis KBSR pada tahun 1982. Walau bagaimanapun, pelaksanaan KBSM di Tingkatan I di seluruh negara akan bermula pada tahun 1989.

Pendidikan untuk kanak-kanak cacat penglihatan dan cacat pendengaran akan diperluaskan dalam tempoh RML. Pembinaan sekolah menengah untuk kanak-kanak cacat penglihatan dan cacat pendengaran di Shah Alam akan siap dan membolehkan pertambahan pengambilan pelajar seramai 80 orang dalam tahun 1990 berbanding dengan 40 pelajar dalam tahun 1985. Kemudahan tambahan akan juga disediakan di sekolah-sekolah biasa untuk menempatkan pelajar-pelajar cacat tersebut. Kerjasama dan penyelarasan yang lebih baik akan dipertingkatkan antara Kementerian Kesihatan, Kementerian Kebajikan Masyarakat dan Kementerian Pelajaran bagi mengenalpasti kanak-kanak yang cacat penglihatan dan cacat pendengaran di samping mewujudkan

kesedaran dikalangan ibu bapa mengenai terdapatnya peluang-peluang pelajaran bagi kanak-kanak tersebut. Pelajaran teknik dan vokasional

Dalam tempoh RML, keutamaan akan diberi bagi memperluaskan pelajaran vokasional untuk melengkapkan pelajar-pelajar yang meninggalkan persekolahan dengan kemahiran asas yang diperlukan dalam sektor perdagangan dan perindustrian. Di samping itu, kurikulum pelajaran vokasional akan juga disesuaikan selaras dengan tujuan memupuk kemampuan pelajar dalam bidang pengurusan dan keusahawanan bagi memastikan keluaran daripada sekolah-sekolah vokasional berkeupayaan menghadapi cabaran didalam program perindustrian negara.

Dalam tempoh 1986-90, bilangan sekolah menengah vokasional akan bertambah menjadi 68 buah dengan siapnya pembinaan 31 buah sekolah baru. Bilangan pelajar di sekolah-sekolah ini akan bertambah daripada 13,700 orang pada tahun 1985 kepada 30,200 orang pada tahun 1990. Jumlah ini merupakan 8.2 peratus daripada bilangan pelajar di peringkat menengah atas pada tahun 1990 berbanding dengan

3.6 peratus pada tahun 1985. Kursus-kursus dalam bidang elektrik, ketukangan kejuruteraan jentera, pembinaan dan ketukangan perabut, penyejukan dan penyaman udara, automotif, pertanian, perdagangan dan sains rumahtangga akan disediakan. Langkah-langkah akan juga diambil untuk meningkatkan dan menambah kemudahan-kemudahan di sekolah-sekolah yang sedia ada bagi membolehkan pengambilan pelajar-pelajar yang mengikuti kursus-kursus asas dan kursus khusus bertambah daripada 330 dalam tahun 1985 kepada 720 orang dalam tahun 1990.

Satu sistem pelajaran vokasional baru untuk sekolah-sekolah menengah vokasional yang berasaskan kepada dua bidang khusus, iaitu vokasional dan kemahiran, akan dilaksanakan. Dalam bidang vokasional, masa yang lebih akan ditumpukan kepada matapelajaran akademik, dan sijil yang dianugerahkan adalah setaraf dengan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Penganugerahan sijil ini akan memberi peluang kepada mereka yang mendapat keputusan baik melanjutkan pelajaran ke institusi-institusi pengajian tinggi. Dalam bidang kemahiran, peperiksaan yang diadakan dan sijil yang dianugerah adalah setaraf dengan piawaian yang ditetapkan oleh Lembaga Latihan Perindustrian dan Persijilan Ketukangan Kebangsaan (LLPPKK). Pelajar-pelajar lepasan bidang kemahiran tersebut akan mempunyai kelayakan kemahiran yang diperlukan bagi mendapatkan pekerjaan dalam sektor perindustrian.

#### Pendidikan guru

Dalam tempoh RML, keluaran guru daripada maktab-maktab perguruan dijangka berjumlah seramai 40,400 orang, iaitu sekali ganda lebih ramai daripada keluaran dalam tempoh RME. Pertambahan tersebut adalah perlu untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru terlatih di peringkat pelajaran rendah berikutan dengan pelaksanaan nisbah kelas-guru 1:1.5 bagi kelas-kelas KBSR. Lima maktab perguruan baru akan dibina di Bangi,

Batu Pahat, Kangar, Pulau Pinang dan Seremban bagi membolehkan pertambahan pengambilan pelatih daripada kira-kira 9,600 pada tahun 1985 kepada kira-kira 10,000 pada tahun 1990. Pertambahan pengambilan pelatih adalah kecil memandangkan maktab-maktab perguruan baru akan digunakan bagi menampung pelatih-pelatih di maktab-maktab sedia ada yang penggunaannya telah melebihi keupayaan sebenar. Pengambilan guru pelatih di peringkat ijazah akan juga diteruskan bagi menampung pertambahan bilangan pelajar di peringkat pelajaran menengah rendah dan peringkat pelajaran menengah tinggi serta untuk mengatasi masalah kekurangan guru-guru berijazah dalam berbagai matapelajaran di peringkat pelajaran menengah.

Kursus-kursus dalam perkhidmatan untuk meningkatkan kemahiran mengajar dan menambah pengetahuan dalam berbagai matapelajaran akan terus dikendalikan. Kursus bagi menyesuaikan guru-guru mengajar dengan kurikulum baru sekolah-sekolah rendah dan menengah akan juga diteruskan. Sehubungan dengan ini, empat buah pusat sumber pelajaran yang telah diwujudkan dalam tempoh RME di Kedah, Kelantan, Pahang dan Terengganu akan menyediakan kemudahan kepada guru-guru untuk memperolehi kemahiran mengajar dan menambah pengetahuan dalam berbagai bidang matapelajaran serta teknik-teknik baru dalam penyediaan bahan-bahan pengajaran dan pembelajaran. Langkah-langkah akan juga diambil bagi meningkatkan kebolehan mengajar bagi guru-guru matapelajaran matematik dan Bahasa Inggeris.

### Pelajaran Tinggi

Pengambilan pelajar bagi kursus peringkat sijil, diploma dan ijazah akan bertambah daripada kira-kira 22,400 pada tahun 1985 kepada kira-kira 42,000 pada tahun 1990. Daripada jumlah pengambilan dalam tahun 1990, kira-kira 5,900 pelajar akan mengikuti kursus di peringkat sijil, kira-kira 19,100 di peringkat diploma dan kira-kira 17,000 di peringkat ijazah. Pertambahan pengambilan pelajar-pelajar tersebut akan di tempatkan di beberapa institusi yang akan siap pembinaannya dalam tempoh RML. Institusi-institusi ini terdiri daripada lima buah Politeknik iaitu di Alor Setar, Batu Pahat, Kota Bharu, Kuching dan Port Dickson, sebuah kampus cawangan ITM di Kuching, Peringkat I kampus cawangan UPM di Bintulu dan Peringkat I kampus baru UTM di Skudai. Kemudahan-kemudahan tambahan termasuk kampus cawangan USM di Perak, Fakulti Kejuruteraan di UPM dan UKM serta pembinaan Peringkat II kampus UTM di Skudai akan membolehkan pengambilan lebih ramai lagi pelajar-pelajar bagi mengikuti kursus kejuruteraan dan teknologi di peringkat diploma dan ijazah. Pembinaan kampus Akademi Islam, UM di Bachok, UUM di Sintok, kampus cawangan UKM di Sabah, kampus-kampus cawangan ITM di Jengka dan Segamat akan dimulakan pelaksanaannya dalam tempoh RML. Pembinaan Sekolah Pengajian Teknik dan Pengajian Perniagaan dan Sekolah Teknologi di Kolej Tunku Abdul Rahman akan dilaksanakan. Kerajaan akan juga membantu membina kampus tetap UIA di Bukit Tinggi. Di samping itu, kemudahan-kemudahan yang sedia ada di universiti-universiti akan digunakan sepenuhnya dengan cara melanjutkan masa pengajaran sebagai usaha untuk menampung pertambahan

pengambilan. Pengambilan pelajar dalam berbagai kursus di peringkat ijazah adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 19-5.

Program akademik di peringkat ijazah dan diploma akan memberi keutamaan kepada kursus-kursus sastera gunaan, sains gunaan, kejuruteraan dan teknologi. Kursus-kursus ini termasuk ekonomi, pengurusan, perakaunan, undang-undang, perubatan, pertanian, teknologi kimia dan sains komputer. Pengambilan pelajar untuk mengikuti kursus sains tulin dan sastera yang meliputi kursus kemanusiaan, kajihayat dan fizik akan dikurangkan. Struktur kursus di peringkat pelajaran tinggi akan juga dikaji semula supaya ianya lebih dinamik. Kurikulum pelajaran tinggi akan menyediakan graduan bukan sahaja dengan pengetahuan asas dalam berbagai disiplin tetapi juga dengan teknik-teknik pengurusan dan perniagaan. Dengan adanya kebolehan-kebolehan tersebut, para graduan akan lebih bersedia untuk menceburi bidang perniagaan dan sanggup bekerja sendiri.

Selaras dengan perkembangan pelajaran tinggi, langkah-langkah perlu diambil untuk menentukan mutu pengajaran dan pembelajaran dikekalkan dan dipertingkatkan. Langkah-langkah tersebut termasuk pelaksanaan program latihan kakitangan akademik yang meliputi kegiatan penyelidikan dan penyediaan kelengkapan yang mencukupi bagi pembelajaran dan pengajaran. Di samping itu, langkah-langkah akan juga diambil bagi menyelaraskan perkembangan pelajaran tinggi untuk mengelakkan pertindihan.

Pengambilan pelajar berasaskan kepada penekanan terhadap kursus-kursus sastera gunaan, sains gunaan kejuruteraan dan teknologi akan menambahkan tenaga manusia terlatih dalam bidang-bidang tersebut yang diperlukan oleh sektor perdagangan dan perindustrian yang semakin berkembang. Graduan-graduan sastera dan sains tulin akan dapat memenuhi keperluan guru-guru berijazah. Kira-kira 850 guru berijazah dalam bidang sains dan 2,400 guru-guru berijazah dalam bidang sastera adalah diperlukan tiap-tiap tahun di peringkat pelajaran menengah.

Dalam tempoh RML, keluaran graduan di peringkat pelajaran tinggi dari institusi awam dijangka berjumlah 106,100. Daripada jumlah tersebut, 16,500 ialah graduan di peringkat sijil, 36,800 di peringkat diploma dan 52,800 di peringkat ijazah. Nisbah graduan sastera dan sains tulin kepada graduan sains gunaan dan sastera gunaan ialah 1:4.2.

Dalam tempoh RML, kemudahan bagi menyediakan kursus pra-diploma dan pra-universiti untuk membolehkan pelajar-pelajar memasuki kursus di peringkat diploma dan ijazah akan diperluas. Pada tahun 1990, seramai kira-kira 3,950 pelajar akan mengikuti kursus-kursus tersebut yang dikendalikan oleh enam buah universiti tidak termasuk UTM dan Kolej Tunku Abdul Rahman, berbanding dengan kira-kira 3,170 pada tahun 1985. Di samping itu, kursus-kursus pra-universiti, kursus-kursus kecekapan Bahasa Inggeris, Jepun dan Korea akan terus diadakan di dalam negeri untuk membolehkan pelajar-pelajar anjuran Kerajaan mengikuti kursus peringkat diploma dan ijazah di luar negeri. Langkah-langkah ini adalah sejajar dengan dasar Kerajaan untuk memendekkan tempoh pelajar-pelajar tersebut berada di luar negeri serta mengurangkan perbelanjaan yang

berkaitan dengannya. Usaha-usaha lain untuk memendekkan tempoh bagi pelajar-pelajar mengikuti kursus di luar negeri seperti konsep universiti kembar dan program AMERICAN ASSOCIATE DEGREE akan terus dikaji dan diperluaskan jika sesuai. Program-program yang sedia ada seperti kursus luar kampus yang dianjurkan oleh USM dan ITM akan diperluaskan untuk memberi peluang kepada mereka yang sedang bekerja mengikuti pelajaran di peringkat ijazah. Pengambilan pelajar-pelajar bagi mengikuti kursus-kursus tersebut akan ditambah daripada 753 pada tahun 1985 kepada 1,020 pada tahun 1990.

Dalam usaha untuk mencapai pertambahan permintaan bagi pelajaran tinggi, Kerajaan akan juga menggalakkan sektor swasta menubuhkan institusi-institusi untuk menyediakan kemudahan-kemudahan bagi menjalankan kursus pra-universiti, kursus-kursus sijil dan diploma terutama sekali dalam matapelajaran-matapelajaran teknik. Keseluruhan perkembangan pelajaran tinggi di negara ini akan menyediakan lebih banyak peluang kepada pelajar-pelajar untuk mendapatkan pelajaran tinggi di dalam negeri dan dengan ini akan mengurangkan secara beransur-ansur bilangan pelajar Malaysia yang mengikuti pelajaran di luar negeri.

Penyelidikan dan pembangunan dalam bidang sains dan teknologi adalah penting bagi memajukan sektor perindustrian. Oleh yang demikian, institusi pengajian tinggi akan memainkan peranan yang lebih cergas dalam bidang ini dengan cara mewujudkan hubungan yang lebih rapat dengan sektor swasta dan institusi-institusi penyelidikan lain yang terkenal.

Kursus-kursus ijazah lanjutan di universiti-universiti tempatan akan juga dikaji semula bagi menggalakkan lebih ramai lagi pelajar mengikuti kursus-kursus tersebut. Dalam tempoh RML, sejumlah 3,740 pelajar dijangka mengikuti kursus ijazah lanjutan. Daripada jumlah tersebut seramai kira-kira 1,020 pelajar akan mengikuti kursus-kursus dalam bidang sains dan ikhtisas. Pusat Pengajian Ijazah Lanjutan di UM akan juga siap pembinannya dan dengan ini membolehkan pengambilan seramai 115 pelajar untuk mengikuti kursus ijazah lanjutan dalam berbagai bidang.

#### Latihan kemahiran dan pengurusan

**LATIHAN KEMAHIRAN.** Dalam tempoh RML, program-program latihan bukan sahaja akan menyediakan pelatih-pelatih dengan kemahiran bagi mendapatkan pekerjaan tetapi juga kemahiran untuk bekerja sendiri. Latihan kemahiran tersebut akan disesuaikan untuk meliputi kemahiran yang memberi tumpuan kepada dayacipta dan daya mewujudkan pembaharuan. Pengambilan pelajar di institusi latihan kemahiran akan bertambah daripada 5,880 pada tahun 1985 kepada 15,500 pada tahun 1990 dengan siapnya pembinaan lima buah ILP iaitu di Alor Setar, Ipoh, Kota Bharu, Kuantan dan Melaka serta pembesaran institut-institut kemahiran MARA dan pusat-pusat latihan belia yang sedia ada. Program latihan belia di tapak projek di pusat latihan Skudai akan terus menyediakan latihan dalam industri binaan bagi kira-kira 2,500 belia.



Selaras dengan usaha-usaha ke arah pembangunan perindustrian, sektor swasta adalah digalakkan memainkan peranan yang lebih cergas bagi menyediakan latihan dan kemudahan-kemudahan latihan. Peranan sektor swasta adalah penting memandangkan bahawa latihan kemahiran adalah sangat perlu bagi industri-industri yang menggunakan teknologi tinggi berbanding dengan industri yang sedia ada yang tidak memerlukan kemahiran sedemikian. Bagi mencapai maksud ini, maklumat-maklumat hasil daripada Kajian Skim Galakan Dalam Sektor Pembuatan akan digunakan oleh Kerajaan sebagai panduan.

**LATIHAN PENGURUSAN.** Latihan bagi kakitangan pentadbiran dan pengurusan dalam sektor awam akan terus dikaji dan dikendalikan dengan tujuan untuk meningkatkan kecekapan dan daya pengeluaran. Dalam hubungan ini, INTAN akan melatih sejumlah kira-kira 100,000 kakitangan awam manakala IPPN akan melatih kira-kira 20,000 pegawai dan kakitangan perkhidmatan pelajaran.

Latihan pengurusan dan keusahawanan akan juga dikendalikan oleh PDPN untuk 24,000 orang pegawai dan kakitangan, manakala ITM akan mengendalikan kursus untuk kira-kira 2,100 Bumiputera di bawah Program Pembangunan Usahawan. Di samping itu, program latihan untuk pegawai-pegawai sektor awam diberbagai firma antarabangsa akan terus dilaksanakan. Institusi-institusi pengajian tinggi di negara ini akan juga terus menyediakan kursus-kursus jangka pendek dalam bidang perniagaan dan pengurusan.

#### **IV. PERUNTUKAN**

Peruntukan pembangunan dan anggaran perbelanjaan dalam tempoh 1981-85 dan peruntukan dalam tempoh 1986-90 bagi pelajaran dan latihan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 19-6.

#### **V. PENUTUP**

Program pelajaran dan latihan dalam tempoh RML akan memberi tumpuan kepada pertambahan peluang pelajaran, peningkatan mutu dan pencapaian disemua peringkat. Kurikulum dan kegiatan-kegiatan ko-kurikular akan dikaji semula dan disesuaikan supaya dapat mencapai matlamat penyatuan dan perpaduan negara serta memenuhi keperluan tenaga manusia. Dalam hubungan ini, keupayaan organisasi dan pengurusan agensi-agensi pelajaran dan latihan akan diperkukuhkan untuk membolehkan agensi-agensi tersebut melaksana dan mengawasi dengan lebih berkesan program-program pelajaran dan latihan.

## **BAB 20 : PERKHIDMATAN KESIHATAN**

### **I. PENDAHULUAN**

Program kesihatan yang meliputi perkhidmatan-perkhidmatan penggalakan, pencegahan, rawatan dan pemulihan merupakan sebahagian daripada usaha-usaha Kerajaan bagi meninggikan taraf hidup keseluruhan di negara ini. Di samping memenuhi keperluan asas, program kesihatan adalah merupakan pelaburan bagi mencapai matlamat akhir memperbaiki kehidupan dan meningkatkan daya produktiviti rakyat. Pemakanan yang seimbang amat mustahak untuk kesihatan dan usaha-usaha memperbaiki taraf pemakanan, terutamanya bagi golongan miskin, merupakan kegiatan kesihatan yang penting. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME), penekanan terus diberikan kepada penyediaan perkhidmatan kesihatan ke kawasan luar bandar bagi mencapai agihan perkhidmatan kesihatan yang saksama di samping memperbaiki pembangunan keluarga. Program kesihatan juga telah mengambilkira perubahan corak penyakit, peningkatan kos perkhidmatan kesihatan dalam sektor-sektor awam dan swasta, kekurangan pendekatan dan penyelarasan di antara sektor dan agensi, harapan rakyat yang semakin tinggi serta batasan sumber-sumber.

Dalam Rancangan Malaysia Kelima (RML), penekanan selanjutnya akan diberikan kepada pencegahan, penggalakan dan rawatan kesihatan terutamanya bagi kawasan luar bandar serta mengubahsuai, menaikkan taraf dan memperbaiki pusat-pusat dan institusi-institusi rawatan kesihatan yang sedia ada bagi memenuhi keperluan penduduk yang semakin meningkat. Kaedah-kaedah kekesanan kos bagi memperkukuhkan berbagai program kesihatan akan dilaksanakan dalam usaha mengurangkan beban kewangan negara.

### **II. KEMAJUAN, 1981-85**

Program kesihatan di bawah RME memberi tumpuan kepada keperluan golongan penduduk tertentu, terutamanya di kawasan-kawasan luar bandar dengan tujuan meningkatkan taraf kesihatan mereka. Keutamaan telah diberi kepada usaha-usaha mencapai agihan perkhidmatan kesihatan yang saksama. Program kesihatan mengambilkira antara lain, perubahan corak penyakit, daripada penyakit yang mudah berjangkit kepada penyakit-penyakit teruk; harapan rakyat yang semakin meningkat; termasuklah permintaan terhadap teknologi baru dan ubat yang mempunyai kos tinggi; dan kos rawatan yang semakin meningkat.

Dalam tempoh 1981-85, liputan bagi perkhidmatan rawatan kesihatan telah dapat diperbaiki. Peningkatan perkhidmatan kesihatan pada keseluruhannya ditunjukkan dalam Jadual 20-1.

Bilangan doktor telah bertambah daripada 3,510 dalam tahun 1980 kepada 4,510 pada tahun 1984, sementara bilangan doktor gigi juga bertambah daripada 711 kepada 1,050 dalam tempoh yang sama. Di samping itu, kadar kematian bayi telah berkurang daripada 19.7 dalam tahun 1980 kepada 17.5 dalam tahun 1984, manakala kadar kematian kanak-kanak pula berkurang daripada 1.8 dalam tahun 1980 kepada 1.5 dalam tahun 1984. Kadar kematian ibu telah berkurang daripada 0.6 pada tahun 1980 kepada 0.4 pada tahun 1984. Kejadian penyakit berjangkit seperti malaria, batuk kering dan penyakit-penyakit semasa bayi yang berkurangan telah menunjukkan keberkesanan keseluruhan program kesihatan Kerajaan.

#### Perkhidmatan Perubatan Dan Kesihatan

Kemudahan kesihatan yang sedia ada di seluruh negara telah terus diperluaskan dan diperkukuhkan. Kemudahan ini termasuk penyediaan perkhidmatan rawatan kesihatan asas daripada peringkat rawatan awal di klinik desa kepada hospital besar di setiap negeri dan Hospital Besar Kuala Lumpur, yang merupakan peringkat rawatan paling tinggi. Kemudahan untuk mendapatkan perkhidmatan kesihatan asas di kalangan rakyat telah diperluaskan dengan adanya perkhidmatan kesihatan bergerak.

Kerajaan terus membina hospital-hospital baru dalam tempoh RME untuk mencapai matlamat dua katil pesakit teruk bagi tiap-tiap seribu penduduk. Sembilan hospital baru telah siap, menambahkan lagi bilangan katil pesakit teruk daripada 23,700 pada tahun 1980 kepada 26,200 pada tahun 1985. Memandangkan kedudukan kewangan yang sukar, pembangunan hospital tidak dapat menampung pertambahan penduduk, dan keadaan ini telah menyebabkan nisbah katil penduduk telah bertambah sedikit sahaja.

Penyediaan perkhidmatan kesihatan pergigian telah diperluaskan sebagai satu komponen penting bagi keseluruhan program kesihatan keseluruhannya. Tujuh klinik pergigian dan 60 pusat dan klinik pergigian sekolah telah disiap dan digunakan, sementara 22 unit pergigian bergerak telah disediakan. Kemudahan-kemudahan ini menambahkan bilangan kerusi rawatan pergigian daripada 1,650 pada tahun 1980 kepada 1,980 pada tahun 1985. Sungguhpun demikian, nisbah kerusi rawatan pergigian-pelajar telah berkurang daripada 1:3,200 pada tahun 1980 kepada 1:5,165 pada tahun 1985, disebabkan oleh bilangan pelajar yang bertambah dengan pesat. Nisbah doktor gigi bagi tiap-tiap sepuluh ribu penduduk telah meningkat daripada 0.5 kepada 0.7 dalam tempoh RME. Kira-kira 45 peratus daripada 1,050 doktor gigi yang berdaftar adalah dari sektor swasta.

#### Perkhidmatan Kesihatan Luar Bandar

Perkhidmatan kesihatan luar bandar yang meliputi beberapa perkhidmatan yang disediakan di bawah berbagai program seperti pengawalan penyakit berjangkit, rawatan pesakit luar, rawatan pergigian dan kesihatan keluarga, yang termasuk kesihatan ibu dan

kanak-kanak, kesihatan sekolah, amalan pemakanan dan pelajaran kesihatan. Kegiatan perkhidmatan kesihatan luar bandar dijalankan di peringkat klinik-klinik bidan dan klinik-klinik desa oleh kakitangan pembantu seperti bidan dan jururawat desa. Di peringkat pusat kesihatan kecil, perkhidmatan kesihatan diberi oleh kakitangan separa-perubatan seperti jururawat kesihatan dan pembantu perubatan. Di pusat-pusat kesihatan, perkhidmatan-perkhidmatan diberi oleh kakitangan ikhtisas seperti doktor dan doktor gigi. Kemudahan-kemudahan ini menyediakan rawatan awal dan merupakan peringkat pertama dalam pendekatan rawatan kesihatan asas yang membolehkan rawatan dirujuk, jika perlu kepada rawatan ke peringkat yang lebih tinggi. Rawatan khas yang diberikan di hospital daerah yang mempunyai rawatan kepakaran asas, hospital besar yang mempunyai rawatan kepakaran yang luas dan jika perlu, dirujuk kepada Hospital Besar Kuala Lumpur iaitu pusat rujukan kebangsaan dan peringkat rawatan yang tertinggi. Sistem ini merupakan susunan rawatan kesihatan bertingkat di dalam sistem rawatan kesihatan Kerajaan bagi memastikan rakyat lebih mudah menerima rawatan perkhidmatan di semua peringkat. Kemudahan mendapatkan rawatan dan perbezaan perkhidmatan kesihatan mengikut kawasan terus wujud seperti ditunjukkan dalam Jadual 20-2.

Dalam tempoh RME, sejumlah 55 klinik bidan telah dinaikkan taraf kepada klinik desa dan 163 klinik desa baru telah dibina. Di samping itu, 37 pusat kesihatan kecil telah dinaikkan taraf kepada pusat kesihatan dan 75 pusat kesihatan baru telah dibina. Kemudahan-kemudahan yang siap ini, telah menyumbang kepada nisbah pusat kesihatan kepada penduduk luar bandar yang lebih baik iaitu daripada 25.8 dalam tahun 1980 kepada 20.4 dalam tahun 1985. Nisbah klinik bidan dan klinik desa kepada penduduk luar bandar telah juga didapati bertambah baik dalam tempoh yang sama.

#### Program amalan makanan dan pemakanan

Langkah-langkah telah juga diambil bagi meningkatkan peringkat pemakanan memandangkan taraf pemakanan bukan sahaja berkait secara langsung dengan kesihatan tetapi juga daya produktiviti dan mutu tenaga buruh. Program amalan makanan dan pemakanan (PAMP) memberi tumpuan kepada usaha-usaha untuk memperbaiki taraf pemakanan penduduk-penduduk di luar bandar dijalankan meliputi sebanyak 650 buah kampung dalam 72 buah daerah telah memberi kesan yang jelas kepada kadar kematian kanak-kanak dalam kawasan tersebut. Kira-kira 3.4 juta penduduk telah mendapat faedah daripada program ini. Pengurangan yang berterusan dalam penyakit kekurangan zat dan kadar kematian kanak-kanak menunjukkan taraf pemakanan yang bertambah baik di negara ini.

Program-program kesihatan, sosio-ekonomi dan sosio-budaya telah diperkenalkan di kampung-kampung dan pusat-pusat pinggir bandar yang tertentu bagi memperbaiki taraf pemakanan dan kesihatan penduduk di kawasan berkenaan. Kira-kira 4,500 tandas bersih dan 230 projek pembuangan najis telah disediakan. Dalam tempoh yang sama, bekalan air bersih dan perigi serta bekalan makanan tambahan telah disediakan. Program

sosio-ekonomi yang melibatkan kegiatan pertanian dan projek kraftangan yang boleh menghasilkan pendapatan, telah di laksanakan bagi menyediakan input yang mencukupi bagi meningkatkan taraf pemakanan.

#### Program kebersihan alam sekitar luar bandar

Program kebersihan alam sekitar luar bandar yang bertujuan untuk memenuhi keperluan asas bekalan air dan kebersihan telah diteruskan. Dalam tempoh RME, 2,500 projek bekalan air masyarakat dengan sambungan paip ke rumah, 19,200 sistem tadahan air hujan dan 356,800 tandas bersih telah disiapkan. Program ini telah memberi faedah bekalan air kepada kira-kira 1.5 juta penduduk dan tandas bersih kepada 1.6 juta penduduk. Sehingga tahun 1985, 59.5 peratus penduduk luar bandar telah mendapat bekalan air yang selamat dan mencukupi, berbanding dengan 43.2 peratus pada tahun 1980. Lebih dari dua pertiga penduduk luar bandar telah disediakan dengan tandas bersih sehingga tahun 1985.

#### Latihan dan pembangunan tenaga manusia dalam bidang kesihatan

Program latihan telah diperbaiki dengan bertambahnya kemudahan-kemudahan bagi menampung permintaan yang meningkat untuk kakitangan perubatan dan kesihatan terlatih. Pengambilan tahunan pelajar oleh universiti-universiti tempatan dalam bidang perubatan telah bertambah daripada 298 pada tahun 1980 kepada 427 pada tahun 1984 manakala dalam bidang pergigian pula, daripada 48 kepada 64 dalam tempoh yang sama. Dalam tempoh RME, seramai 1,110 doktor, 180 doktor gigi dan 267 ahli farmasi telah lulus dari institusi tempatan dan luar negeri, menjadikan jumlah kakitangan ikhtisas pada tahun 1984 seramai 4,510 doktor, 1,050 doktor gigi dan 815 ahli farmasi. Di samping itu, latihan perubatan di peringkat ijazah lanjutan di institusi tempatan telah dipergiat dan diperluaskan bagi mengeluarkan 1,200 pakar-pakar dalam berbagai bidang.

Kegiatan utama latihan Kementerian Kesihatan adalah ditumpukan kepada latihan kakitangan separa-perubatan. Seramai 9,384 kakitangan separa-perubatan terdiri daripada juru x-ray, pembantu perubatan hingga kepada penyelia-penyelia kesihatan luar bandar telah dilatih dalam tempoh tersebut. Kebanyakan kakitangan kesihatan dan separa-perubatan ini bertugas di pusat kesihatan dan pusat kesihatan kecil luar bandar bagi membantu dalam kerja-kerja rawatan di pusat-pusat tersebut. Jadual 20-3 menunjukkan berbagai kumpulan kakitangan separa-perubatan yang telah mengikuti latihan asas, di mana kebanyakan daripada mereka adalah dalam bidang kejururawatan dan perbidanan. Masukkan jadual 20-3

#### Program Penyelidikan

Dalam tempoh RME, Institut Penyelidikan Perubatan (IPP) telah menyediakan berbagai perkhidmatan pengesanan penyakit dan melatih tenaga manusia bagi perkhidmatan makmal. IPP juga memberi tekanan kepada penyelidikan BIOMEDICAL, terutamanya

dalam penyelidikan penyakit-penyakit tropikal yang banyak berlaku dan masalah-masalah kesihatan luar bandar. IPP juga menjadi Pusat Wilayah bagi Pertubuhan Kesihatan Sedunia untuk Penyelidikan dan Latihan Penyakit Tropika dan Pemakanan. Kajian mengenai taraf pemakanan di kawasan-kawasan yang berpendapatan rendah telah dijalankan dan bidang penyiasatan saintifik bagi penyakit-penyakit telah diperluaskan. Institut ini juga menjadi makmal klinik kawalan bagi rangkaian makmal yang terdapat di hospital besar dan hospital daerah di seluruh negara, serta menjadi pusat rujukan bagi sektor kesihatan. Pencapaian yang menggalakkan telah dicapai dalam bidang penyelidikan terutamanya mengenai malaria, penyakit untut, demam denggi, dan SCRUB TYPHUS. Pencapaian ini telah memberi sumbangan besar ke arah program pengawalan penyakit berjangkit.

#### Program kesihatan kependudukan

Program kesihatan kependudukan yang bertujuan untuk memperbaiki kebajikan keluarga telah diteruskan dalam tempoh RME. Sebanyak 150 klinik statik, 350 klinik satelit dan 120 klinik estet telah ditubuhkan untuk memberi kemudahan mendapatkan rawatan perkhidmatan kesihatan kependudukan yang lebih baik. Pada tahun 1984, nama Lembaga Perancang Keluarga Negara telah ditukar kepada Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara. Lembaga ini telah melaksanakan kegiatan yang lebih luas serta program yang lebih menyeluruh berkaitan dengan kependudukan dan pembangunan keluarga.

#### Perkhidmatan perubatan swasta

Dalam pembangunan perkhidmatan kesihatan di Malaysia sektor awam dan swasta memainkan peranan yang saling melengkapi bagi mencapai matlamat dan dasar negara. Pengamal perubatan swasta, termasuk pengamal perseorangan dan kumpulan, rumah-rumah rawatan dan bersalin, dan hospital-hospital swasta, telah mengalami pertumbuhan yang pesat dalam tempoh RME. Bilangan katil rawatan pesakit teruk di hospital telah bertambah daripada 2,200 pada tahun 1981 kepada 3,470 katil sehingga tahun 1984. Pada tahun 1984, 54.0 peratus daripada jumlah bilangan doktor di negara ini terdapat di sektor swasta berbanding dengan 49.6 peratus pada tahun 1981. Walau bagaimanapun, perkembangan pengamal perubatan swasta adalah tertumpu di kawasan-kawasan bandar dan menyebabkan pertindihan dalam kemudahan-kemudahan. Kebanyakan katil hospital swasta adalah tertumpu di kawasan bandar yang maju di negeri-negeri yang berpendapatan tinggi seperti Perak 14.5 peratus, Pulau Pinang 16.5 peratus, Selangor, 16.5 peratus dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur 37.5 peratus.

#### Penswastaan

Usaha-usaha telah dijalankan bagi mengenalpasti perkhidmatan-perkhidmatan yang boleh diswastakan. Perkhidmatan bukan perubatan seperti dobi, penyediaan makanan dan penyelenggaraan hospital di hospital-hospital yang tertentu, telah diserahkan

kepada pihak swasta. Pada tahun 1984, Hospital Lady Templer di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur telah dipajakkan kepada sebuah syarikat swasta oleh Lembaga Amanah, dengan demikian telah meringankan beban kewangan Kerajaan dalam pemberian tahunan bagi penyelenggaraan hospital berkenaan.

#### Kajian pembiayaan perkhidmatan kesihatan

Kajian Pembiayaan Perkhidmatan Kesihatan telah dimulakan pada tahun 1983 untuk menyemak semula sistem pembiayaan rawatan kesihatan di negara ini telah disiapkan pada bulan September, tahun 1985. Tujuan Kajian ini ialah untuk mengenalpasti langkah-langkah bagi menggunakan secara optimum sumber-sumber kesihatan yang ada serta kaedah-kaedah pembiayaan. Di dalam proses merangka strategi bagi mengukuhkan sektor kesihatan, Kajian ini telah mengambilkira berbagai faktor seperti harapan dan permintaan rakyat yang semakin meningkat bagi teknologi kos tinggi dan kos ubat yang mahal; perlunya menentukan keberkesanan dan kecekapan dalam pelaburan kesihatan, perlunya memperbaikiimbangan dalam pemberian perkhidmatan antara sektor awam dan swasta, dan penyelarasan kegiatan yang lebih baik di antara agensi awam dan pengamal-pengamal perubatan swasta yang terlibat dalam bidang kesihatan. Perakuan utama Kajian tersebut ialah mewujudkan Tabung Keselamatan Kesihatan Negara, menubuhkan Majlis Kesihatan Negara bagi penyelarasan antara agensi awam dan swasta yang menyediakan perkhidmatan kesihatan, menubuhkan kumpulan pengamal perubatan dan organisasi pengurusan kesihatan (OPK), menswastakan perkhidmatan perubatan dan bukan perubatan tertentu, dan pembahagian kuasa dan memajakkan setengah-setengah hospital besar dan hospital daerah.

### **III. PROSPEK, 1986-90**

Dalam tempoh RML, pembangunan kesihatan akan ditumpukan kepada rawatan pencegahan dan memupuk penglibatan masyarakat yang lebih besar dalam rawatan kesihatan. Berdasarkan kepada pendekatan rawatan kesihatan asas yang bertujuan memperbaiki taraf kesihatan di kalangan kumpulan penduduk dan kawasan yang berlainan, usaha-usaha akan diambil bagi memperbaiki penyelarasan dan kerjasama antara sektor dan antara agensi dalam bidang kesihatan dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan dengan kesihatan. Penekanan akan diberikan kepada usaha-usaha mengenalpasti dan menyediakan kemudahan-kemudahan kesihatan sebagai sebahagian daripada daripada program yang menyeluruh untuk memajukan bandar-bandar kecil yang tertentu. Perkhidmatan kesihatan yang sesuai akan disalurkan kepada negeri-negeri yang memerlukan rawatan kesihatan yang lebih tinggi seperti Kedah, Kelantan, Sabah dan Sarawak. Rancangan Kesihatan Negara akan diwujudkan bagi meliputi semua kegiatan kesihatan dan yang berkaitan dengan kesihatan yang dijalankan oleh berbagai agensi kerajaan dan sektor swasta. Rancangan Kesihatan Negara adalah dijangkakan dapat menyatukan sumber-sumber rawatan kesihatan bagi menentukan penggunaan optimum dan keberkesanan kos.

## Perkhidmatan perubatan dan kesihatan

Dalam tempoh RML, perkhidmatan kesihatan akan disediakan dengan mengambilkira sumber kewangan sektor awam yang terhad serta perlunya memperluaskan sistem rawatan kesihatan. Oleh itu, berbagai strategi akan dilaksanakan dengan mengambilkira faktor-faktor seperti sumber terhad, kenaikan kos, kejadian penyakit teruk dan penyakit sosial yang meningkat, serta pertumbuhan sektor perubatan swasta yang pesat.

Memandangkan kepada kedudukan kewangan yang terhad, tumpuan akan diberikan kepada penggunaan yang lebih cekap sumber-sumber yang sedia ada di hospital melalui penggunaan peraturan pengurusan moden. Langkah-langkah untuk membendung kenaikan kos dalam sektor kesihatan meliputi perancangan sumber yang baik, penggunaan tenaga manusia dan kemudahan dengan cekap serta mengadakan kriteria yang teliti dalam penilaian teknologi baru. Keutamaan akan diberi kepada usaha penyelenggaraan, mengubahsuai dan menaikkan taraf kemudahan-kemudahan sedia ada. Rawatan kesihatan secara tanggungan kos bersama oleh masyarakat akan digalakkan dengan menambahkan kesedaran dan penglibatan masyarakat dalam kegiatan rawatan kesihatan serta menentukan supaya mereka yang berkemampuan menanggung sebahagian besar daripada beban kos. Bagi tujuan ini, satu kajian akan dijalankan untuk mengenalpasti pendekatan yang paling sesuai bagi menentukan tanggungan kos bersama rawatan kesihatan. Pentadbir-pentadbir hospital akan dilatih dalam teknik-teknik belanjawan, kawalan kos dan peraturan perancangan, serta pengumpulan dan analisa data. Bagi memperkukuhkan penyelarasan dikalangan agensi awam dan swasta yang bertanggungjawab dalam penyediaan perkhidmatan kesihatan dan perkhidmatan yang berkaitan dengan kesihatan, satu majlis peringkat negara akan ditubuhkan untuk bertanggungjawab menyelaraskan dalam kegiatan-kegiatan kesihatan.

Dalam tempoh 1986-90, taraf kesihatan pergigian penduduk, terutamanya di kawasan luar bandar akan terus dipertingkatkan melalui program pergigian. Lebih banyak klinik pergigian sekolah dan pusat pergigian akan didirikan bagi menampung pertambahan murid-murid sekolah. Perkhidmatan pembedahan gigi akan diperluaskan bagi memperbaiki DENTO-FACIAL ANOMALIES, sementara itu, kemudahan-kemudahan bagi rawatan rapi penyakit PERIODONTAL akan disediakan di klinik pergigian besar.

## Perkhidmatan kesihatan luar bandar

Kerajaan akan terus memberi tumpuan dan memperbaiki liputan perkhidmatan kesihatan luar bandar dengan tujuan menambahkan kemudahan kepada penduduk luar bandar mendapatkan rawatan kesihatan asas serta mengurangkan perbezaan dalam pemberian rawatan di antara negeri-negeri. Keutamaan akan diberikan kepada penyediaan kemudahan-kemudahan baru kesihatan luar bandar di kawasan yang belum disediakan dengan kemudahan tersebut. Di samping itu, usaha-usaha bagi menaikkan taraf pusat kesihatan kecil kepada pusat kesihatan dan klinik bidan kepada klinik desa



akan diteruskan. Kemudahan-kemudahan tambahan di pusat-pusat kesihatan dan klinik bidan tertentu yang sedia ada akan diberi untuk menampung beban kerja yang semakin bertambah. Pada masa yang sama, program untuk memperbaiki dan menaikkan taraf kemudahan-kemudahan hospital akan terus dilaksanakan bagi menyokong rawatan kesihatan asas.

#### Program amalan makanan dan pemakanan

PAMP akan terus dilaksanakan. Di samping pemberian makanan tambahan, penyusuan bayi dan kod etika bagi rumusan makanan bagi akan digalakkan. Pelajaran pemakanan bagi ibu-ibu dan masyarakat melalui klinik-klinik kesihatan dan tunjukajar masakan akan diperluaskan. Penilaian taraf pemakanan makanan kanak-kanak dan ibu-ibu mengandung akan dipertingkatkan menerusi rancangan pengawasan pemakanan.

Dalam RML, PAMP akan diperluaskan kepada 13 daerah lagi yang meliputi 370 buah kampung. Di bawah program ini, tumpuan akan diberikan kepada kegiatan-kegiatan seperti penyediaan tandas bersih, bekalan air bersih, bekalan jentera ringan, alat kelengkapan, dan bahan-bahan berkaitan untuk industri kecil, ternakan binatang dan tanaman buah-buahan. Panduan mengenai corak pemakanan dan penggunaan makanan akan disediakan melalui ceramah dan penyampaian serta hubungan perseorangan.

#### Program kebersihan alam sekitar luar bandar

Dalam tempoh RML, liputan yang lebih luas bagi bekalan air dan kebersihan luar bandar akan terus dilaksanakan. Kumpulan-kumpulan sasaran ialah penempatan di tepi sungai, kampung-kampung setinggan dan kampung yang terpencil. Penyertaan masyarakat dalam pemasangan dan penyelenggaraan kemudahan-kemudahan bekalan air dan kebersihan akan ditingkatkan melalui penggunaan bahan-bahan keluaran tempatan. Kementerian Kesihatan akan mengumpul, menyusun dan menganalisa semua data berkaitan dengan program ini bagi menjamin tindakan susulan dan mengambil langkah-langkah pembedahan.

#### Latihan dan Pembangunan tenaga manusia dalam bidang kesihatan

Memandangkan kepada pengaliran keluar yang berterusan pegawai-pegawai dan pakar-pakar perubatan ke sektor swasta, langkah-langkah akan diperkenalkan bagi menggalakkan mereka berkhidmat di sektor awam. Lebih banyak kemudahan latihan akan diadakan dalam bidang yang mempunyai kadar kekosongan yang tinggi seperti pakar penyakit, pakar bius, mata, hidung dan kerongkong dan pembedahan saraf akan diadakan.

Tugas kakitangan separa-perubatan akan diperluaskan bagi meliputi beberapa tugas yang tidak perlu dijalankan oleh doktor untuk membolehkan doktor-doktor menumpukan kepada kerja-kerja yang memerlukan kepakaran mereka. Sebuah pusat

kesihatan cara kerja akan di tubuhkan memandangkan kepada masalah perkembangan industri yang kian bertambah seperti kesesakan, pencemaran perindustrian dan tekanan kerja dan yang berkaitan dengan kerja. Pusat tersebut juga dapat mengurangkan perbelanjaan yang tinggi bagi latihan di luar negeri dan boleh melatih lebih ramai kakitangan kesihatan untuk menampung permintaan yang kian bertambah bagi pakar-pakar dalam kesihatan pekerja dan perindustrian. Selain daripada kegiatan latihan yang telah diadakan, Kerajaan akan memberi keutamaan kepada latihan peringkat ijazah lanjutan bagi pegawai perubatan dan latihan lanjutan separa-perubatan bagi kakitangan separa-perubatan, terutamanya dalam bidang kepakaran seperti pakar bius, pakar kanak-kanak, pakar tulang, pakar mata, pakar x-ray dan pakar penyakit-penyakit.

#### Program penyelidikan

Penyelidikan BIOMEDICAL yang bertujuan memperbaiki cara-cara mengesan penyakit, mengurus dan mencegah penyakit parasit dan yang berjangkit, serta masalah kesihatan masyarakat akan terus diperluaskan untuk mencapai matlamat kesihatan negara. Sebuah muzium BIOMEDICAL dicadangkan akan didirikan bagi menampung keperluan murid-murid sekolah, pelajar-pelajar universiti serta saintis muda dan menjadi pusat rujukan bagi contoh-contoh mamalia kecil, ular dan punca penyakit bawaan vektor.

#### Program kesihatan kependudukan

Di dalam tempoh RML, program kesihatan kependudukan akan memberi tumpuan kepada bidang kependudukan dan pembangunan keluarga. Dalam bidang pembangunan keluarga, program pembangunan keluarga yang menyeluruh dan mempunyai pelbagai bidang yang selaras akan dilaksanakan dengan tujuan untuk memperbaiki kesihatan keluarga, penjagaan kanak-kanak dan pendapatan keluarga.

Kerajaan akan menubuhkan empat pusat kepakaran wilayah dan 15 klinik pembangunan keluarga bagi memperbaiki kebajikan dan kesihatan keluarga. Pusat-pusat kepakaran di Ipoh, Johor Bahru, Kota Bharu dan Seberang Jaya akan menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan kesuburan, perkahwinan dan pengesanan barah.

#### Program kesihatan keluarga

Bagi mengekalkan dan membaiki taraf kesihatan, berbagai langkah seperti rawatan ANTE-NATAL dan POST-NATAL yang berkesan bagi ibu-ibu serta juga pelajaran kesihatan bagi seluruh keluarga akan dijalankan. Langkah-langkah seperti kegiatan pelajaran kesihatan dalam bentuk ceramah dan penyampaian, hubungan secara perseorangan serta penyertaan media massa akan diperkukuhkan bagi menambahkan lagi kesedaran pentingnya peranan keluarga dalam menggalak dan mengekalkan kesihatan ahli-ahlinya. Program ini termasuk memberi suntikan pelalian, menggalakkan penyusuan ibu, penyediaan makanan seimbang dan rawatan kesihatan di pusat bimbingan kanak-kanak dan di sekolah.

## Perkhidmatan perubatan swasta

Langkah-langkah sesuai akan diambil bagi menjamin agihan hospital-hospital swasta yang lebih saksama di seluruh negara memandangkan hospital-hospital swasta lebih banyak terdapat di kawasan-kawasan bandar. Perancangan dan pembangunan hospital-hospital swasta akan disatukan secara beransur-ansur di dalam keseluruhan rancangan kesihatan negara.

## Penswastaan

Memandangkan keadaan beban kewangan sektor awam yang bertambah dan perlunya meningkatkan kecekapan, cara-cara lain bagi pembiayaan rawatan kesihatan akan dikaji. Sebahagian daripada pendekatan yang akan dipertimbangkan ialah kemungkinan memajak sebahagian atau keseluruhan hospital awam kepada sektor swasta dan membenarkan doktor swasta bekerja di hospital awam mengikut jadual tertentu. Penubuhan OPK akan digalakkan sebagai satu cara meningkatkan kecekapan pengendalian serta menyusun sektor perubatan swasta bagi menjadi pelengkap yang berkesan kepada kemudahan kesihatan sektor awam. Kajian kemungkinan bagi menubuhkan Tabung Keselamatan Kesihatan Negara akan dikaji dengan teliti dalam tempoh RML.

## Pembiayaan Perkhidmatan Kesihatan dan Pembangunan Institusi

Setelah menimbang berbagai perakuan dari Kajian Pembiayaan Perkhidmatan Kesihatan, Kerajaan akan melaksanakan beberapa perakuan tersebut dalam tempoh RML. Perakuan tersebut ialah mengadakan program latihan dan skim perkhidmatan bagi pengurus hospital, pentadbir, jururawat pakar bius dan kakitangan berkaitan; kajian mengenai cara pungutan yuran pengguna; dan kajian mendalam keatas penubuhan Tabung Keselamatan Kesihatan Negara. Di samping itu, beberapa perundangan yang sedia ada akan dikaji semula untuk membolehkan pertumbuhan sektor kesihatan secara teratur. Penguatkuasaan Akta Makanan, 1983 akan diperkukuhkan lagi bagi menjamin pengawasan berkesan perusahaan makanan.

## Program kesihatan pekerja

Pembangunan perindustrian yang berterusan, memerlukan Kerajaan dan sektor swasta meningkatkan peranan dalam memaju dan mengekalkan kesihatan pekerja. Dalam tempoh RML, usaha-usaha akan dibuat untuk memperkukuhkan perkhidmatan kesihatan pekerja. Usaha-usaha ini termasuk mengenalpasti masalah utama kesihatan berkaitan dengan kerja, terutamanya di kalangan pekerja pertanian dan pengeluaran, melatih doktor-doktor dan kakitangan separa-perubatan bagi mengesan penyakit dan bahaya yang berpunca daripada pekerjaan di peringkat awal dan mengadakan ukuran dan kriteria kesihatan bagi mengatasi masalah kesihatan berkaitan dengan kerja. Usaha-

usaha lain termasuk menubuhkan Institut Keselamatan dan Kesihatan Pekerja bagi memperbaiki piawaian keselamatan dan kesihatan pekerja dalam perusahaan.

#### **IV. PERUNTUKAN**

Peruntukan dan perbelanjaan pembangunan yang dianggarkan bagi tempoh 1981-85 dan peruntukan bagi tempoh 1986-90 bagi perkhidmatan kesihatan adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 20-4.

#### **V. PENUTUP**

Perkhidmatan rawatan kesihatan akan terus diperluaskan oleh Kerajaan. Memandangkan kepada permintaan yang bertambah dan harapan rakyat yang semakin meningkat bagi rawatan kesihatan, cabaran sebenar ialah mencari cara dan kaedah bagi menampung kos penyediaan rawatan kesihatan. Oleh yang demikian, sumber-sumber kewangan yang baru perlu dikenalpasti. Di samping itu, adalah perlu menyesuaikan dan menyusun semula sistem rawatan kesihatan yang sedia ada dan mengadakan penyelarasan yang lebih luas di antara sektor awam dan swasta dalam pembangunan rawatan kesihatan. Adalah dijangkakan pembahagian peranan dan tugas yang lebih seimbang serta tanggungan kos bersama dalam rawatan kesihatan antara sektor awam dan swasta akan dapat dicapai.

## **BAB 21 : PERUMAHAN**

### **I. PENDAHULUAN**

Perumahan sebagai satu keperluan asas sosial merupakan salah satu bahagian yang penting dalam sektor sosial. Oleh yang demikian, dasar-dasar dan program-program telah dirangka bertujuan untuk memastikan semua rakyat Malaysia, terutamanya golongan berpendapatan rendah, mempunyai peluang untuk menikmati sepenuhnya kemudahan perumahan dan keperluan-keperluan yang berkaitan. Bagi mencapai matlamat ini, program perumahan telah dilaksanakan oleh agensi-agensi awam dan sektor swasta untuk memenuhi keperluan penduduk.

Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME), sektor awam telah menumpukan terutamanya kepada pelaksanaan program perumahan kos rendah serta penyediaan tapak dan kemudahan di kawasan luar bandar, sementara sektor swasta pula menumpukan kepada program perumahan kos sederhana dan tinggi kebanyakannya di kawasan bandar. Pendekatan bagi pembangunan perumahan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML) adalah berasaskan kepada penyediaan unit-unit rumah bukan sahaja secara pembelian terus tetapi juga secara sewa. Program perumahan akan dilaksanakan mengikut konsep penempatan penduduk bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan sosial dan kemudahan asas dengan secukupnya dalam kawasan perumahan. Program penempatan semula kampung-kampung akan juga mempunyai ciri-ciri konsep penempatan penduduk ini. Peranan sektor awam dalam pembinaan perumahan akan dikurangkan melalui penyertaan yang lebih daripada sektor swasta dalam projek-projek perumahan. Kerajaan akan terus memberi penekanan ke atas pembinaan rumah kos rendah untuk golongan berpendapatan rendah.

### **II. KEMAJUAN, 1981-1985**

Sejumlah 923,300 unit rumah telah dirancang untuk dibina dalam tempoh RME. Jumlah ini adalah berasaskan kepada pertambahan penduduk, unit-unit perumahan yang tidak dapat dilaksana dalam tempoh Rancangan Malaysia Ketiga (RMT) serta penggantian unit-unit rumah yang uzur dan tidak selamat didiami. Daripada jumlah unit yang dirancang ini, sektor awam bertanggungjawab membina sebanyak 398,600 unit, sementara sektor swasta sebanyak 524,700 unit.

Dalam tempoh RME, kira-kira 406,100 unit atau 44.0 peratus daripada matlamat yang dirancang telah siap dibina, seperti ditunjukkan dalam Jadual 21-1 dan Carta 21-1. Daripada jumlah ini, kira-kira 90,500 unit adalah jenis rumah kos rendah, 155,800 unit rumah kos sederhana dan tinggi, 25,400 unit rumah untuk kakitangan awam dan 35,000

unit rumah untuk peneroka. Dalam tempoh RME, kekurangan keseluruhan unit-unit rumah yang dibina adalah sebanyak 56.0 peratus. Kekurangan bagi program perumahan kos rendah adalah kira-kira 66.0 peratus, sementara program perumahan sederhana dan tinggi adalah 50.3 peratus.

Pencapaian yang kurang memuaskan dalam pembinaan rumah oleh sektor awam dalam tempoh RME, sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh potongan peruntukan serta masalah pentadbiran seperti kelewatan mengenalpasti tapak projek yang sesuai dan penyediaan dokumen tender. Bagi program perumahan skim pembangunan tanah, pencapaian yang kurang ini adalah disebabkan oleh penangguhan projek-projek pembangunan tanah.

Beberapa langkah telah diambil bagi mempercepatkan pelaksanaan program perumahan dalam tempoh RME. Ini meliputi aspek-aspek kewangan, perundangan dan penyelidikan. Sebuah tabung pusingan sebanyak \$20 juta telah diwujudkan disetiap negeri untuk membiayai kerja-kerja awal seperti pengambilan balik tanah dan pembangunan infrastruktur. Tabung pusingan ini diwujudkan bagi membolehkan Kerajaan-kerajaan Negeri meneruskan pelaksanaan projek-projek perumahan awam kos rendah sementara menunggu pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan.

Pembinaan secara sistem pasang-siap telah diperkenalkan secara meluas berikutan daripada pelaksanaan projek-projek perintis di dalam tempoh RMT. Sebagai tambahan, latihan juga telah diberi kepada pekerja-pekerja pembinaan. Peraturan mengenai undang-undang kecil bangunan yang seragam telah diluluskan oleh Parlimen pada tahun 1985 bertujuan mensekukan dan mengemaskinikan semua undang-undang yang berkaitan dengan pembinaan bangunan.

Selain daripada langkah-langkah di atas, beberapa kegiatan penyelidikan dan kajian telah dijalankan oleh Kerajaan dan institusi-institusi swasta, terutama mengenai rekabentuk rumah dan sistem pembinaan. Beberapa jenis plan rumah kos rendah dan sederhana telah direkabentuk untuk kegunaan pemaju-pemaju di kedua-dua sektor awam dan swasta.

### Prestasi Sektor Awam

Dalam tempoh RME, kira-kira 201,900 unit rumah telah dibina oleh sektor awam berbanding dengan jumlah yang dirancang sebanyak 398,600 unit. Daripada jumlah unit yang dibina, sebanyak 71,300 unit atau 35.3 peratus adalah rumah kos rendah. Di kawasan luar bandar, pembinaan ditumpukan kepada jenis rumah teres kos rendah satu tingkat dan rumah sesebuah, sementara di kawasan bandar, tumpuan adalah diberi kepada pembinaan unit-unit rumah pangsa rendah dan tinggi. Semua unit rumah kos rendah kawasan bandar dijual atau disewa dengan pilihan untuk membeli diberi kepada mereka yang menyewa unit-unit rumah tersebut bagi tempoh tidak kurang daripada 10 tahun.

Di bawah program perumahan skim pembangunan tanah, sebanyak 35,000 unit rumah peneroka telah dibina di 10 skim rancangan pembangunan tanah. Daripada jumlah ini, sebanyak 24,400 unit dibina oleh Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA), 2,500 unit oleh Lembaga Penyatuan dan Pemulihan Tanah (FELCRA) dan bakinya oleh lembaga-lembaga pembangunan tanah dan wilayah yang lain. Sebanyak 600 unit rumah telah dibina di lima kawasan penempatan utama sebagai satu daripada usaha Kerajaan untuk meningkatkan taraf hidup Orang Asli.

Kemudahan-kemudahan asas telah disediakan oleh Kerajaan untuk meninggikan mutu kehidupan penduduk di luar bandar. Pada akhir tahun 1985, sebanyak 57.6 peratus unit-unit rumah di kawasan luar bandar telah mendapat bekalan air bersih dan air paip dan 71.0 peratus mendapat bekalan elektrik. Selain daripada menyediakan kemudahan asas di kampung-kampung tradisional, bantuan juga telah diberi untuk memperbaiki rumah-rumah yang uzur dan tidak selamat didiami di bawah Rancangan Pemulihan Kampung (RPK). Menerusi program ini, bantuan bahan-bahan binaan bernilai sehingga \$1,000 untuk setiap unit rumah telah diberikan dan dalam tempoh RME, sebanyak 28,900 unit rumah telah diperbaiki. Walau bagaimanapun, program ini telah ditamatkan pada tahun 1984 dan digantikan dengan program penempatan semula kampung-kampung pada tahun 1985. Di bawah program baru ini, kampung-kampung yang berselerak disusun semula dan disediakan dengan kemudahan asas infrastruktur. Selain daripada mempertingkatkan mutu kehidupan penduduk luar bandar, langkah-langkah juga diambil bagi meningkatkan mutu kehidupan penduduk Kampung-kampung Baru. Pada akhir tempoh RME, 87.0 peratus daripada 452 buah Kampung-kampung Baru telah disediakan dengan bekalan air paip dan 93.0 peratus dengan bekalan elektrik.

Di bawah program perumahan kakitangan awam, sebanyak 25,450 unit telah dibina dalam tempoh RME. Unit-unit rumah ini adalah untuk kakitangan sektor awam terutamanya yang bekerja di kawasan luar bandar dan kawasan pedalaman yang menghadapi masalah mendapatkan tempat tinggal yang sesuai.

Unit-unit rumah kos sederhana dan tinggi telah dibina oleh perbadanan-perbadanan kemajuan ekonomi negeri (PKEN-PKEN), Perbadanan Pembangunan Bandar (UDA) dan Syarikat Perumahan Pegawai-pegawai Kerajaan (SPPK). Agensi-agensi ini telah membina sebanyak 70,200 unit dalam tempoh 1981-85.

#### Prestasi Sektor Swasta

Sektor swasta telah membina hanya sebanyak 204,200 unit berbanding dengan matlamat yang dirancang sebanyak 524,700 unit. Kebanyakan daripada unit-unit rumah yang dibina oleh sektor swasta adalah rumah kos sederhana dan tinggi iaitu sebanyak 85,600 unit atau 41.9 peratus daripada jumlah unit yang dibina, seperti ditunjukkan dalam Jadual 21-1. Dalam tempoh RME, hanya 19,200 unit rumah kos rendah

telah dibina. Kekurangan unit-unit rumah yang dibina bagi jenis ini adalah sebanyak 78.7 peratus.

Pencapaian yang kurang memuaskan dalam pelaksanaan program perumahan sektor swasta adalah disebabkan oleh faktor-faktor permintaan dan penawaran. Dalam tempoh RME, permintaan keatas rumah adalah berkurangan walaupun pasaran perumahan adalah aktif terutama di kawasan bandar. Permintaan yang berkurangan ini adalah disebabkan oleh faktor-faktor seperti pertumbuhan pendapatan yang lembab, kesukaran mendapat pinjaman perumahan, kadar faedah pinjaman dan harga rumah yang tinggi. Skim Khas Pinjaman Perumahan yang diperkenalkan oleh Bank Negara Malaysia pada tahun 1982 dan syarat-syarat baru yang dikenakan oleh skim pinjaman perumahan kakitangan sektor awam telah mengurangkan spekulasi dan permintaan lebih ke atas rumah. Kedua-dua skim ini telah melemahkan lagi pasaran perumahan memandangkan pinjaman perumahan hanya diberi kepada pembeli yang pertama kali membeli rumah. Di samping itu, kadar faedah yang tinggi yang dikenakan ke atas pinjaman perumahan dan harga rumah yang tinggi telah mengurangkan permintaan berkesan ke atas unit-unit rumah memandangkan kebanyakan mereka yang memerlukan rumah tidak mampu membeli rumah-rumah tersebut.

Penawaran ke atas rumah adalah berkait rapat dengan permintaan. Akibat daripada kurangnya permintaan ke atas rumah, kebanyakan pemaju swasta telah menanggung atau memberhentikan pelaksanaan projek-projek perumahan. Secara tidak langsung, tindakan ini telah memberi kesan kepada penawaran ke atas rumah. Faktor-faktor lain yang menyebabkan pencapaian yang kurang memuaskan ini ialah kekurangan tanah untuk projek perumahan, kelewatan mendapat kelulusan tukar syarat tanah dan kesukaran mendapat pinjaman pembiayaan pembinaan.

Sebanyak 20 projek perumahan awam kos rendah yang mengandungi 21,500 unit telah dikenalpasti untuk dilaksanakan oleh sektor swasta sebagai sebahagian daripada usaha untuk menggalakkan penglibatan sektor ini dalam program perumahan kos rendah. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek-projek ini dijangka akan dilaksanakan dalam tempoh RML. Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Dewan Bandaraya telah melaksanakan projek perumahan yang melibatkan pembinaan sebanyak 5,300 unit rumah kos rendah secara usahasama dengan sektor swasta.



### III. PROSPEK, 1986-90

Dalam tempoh RML, program perumahan akan dilaksanakan mengikut konsep penempatan penduduk yang bertujuan untuk menyediakan kemudahan sosial yang mencukupi dan meninggikan mutu kehidupan serta mewujudkan perpaduan negara. Di bawah konsep ini, penekanan akan diberi kepada penyediaan kemudahan-kemudahan sosial seperti sekolah, klinik dan dewan orang ramai, di samping penyediaan kemudahan asas infrastruktur dan pengwujudan peluang-peluang ekonomi. Pelaksanaan konsep ini memerlukan penyediaan pelan-pelan struktur bagi memastikan kemudahan-kemudahan di atas disediakan apabila pembangunan perumahan dilaksanakan.

Dalam tempoh RML, penekanan akan diberi kepada pembinaan unit-unit rumah yang sesuai dan bermutu serta mampu dibeli oleh semua golongan peringkat pendapatan. Unit-unit rumah untuk di sewa akan disediakan, khususnya di kawasan bandar-bandar utama. Unit-unit rumah di bawah skim ini akan disewakan bagi tempoh tidak kurang daripada 10 tahun dan pilihan untuk membeli akan diberi kepada penghuni-penghuni pada akhir tempoh tersebut.

Berdasarkan kepada unjuran keperluan perumahan, sebanyak 835,500 unit rumah diperlukan dalam tempoh RML. Daripada jumlah ini, kira-kira 486,200 unit adalah untuk memenuhi pertambahan penduduk dan 349,300 unit untuk menggantikan unit-unit rumah yang telah uzur. Kira-kira 626,600 unit adalah rumah kos rendah, 167,100 unit rumah kos sederhana dan 41,800 unit rumah kos tinggi. Taburan unit rumah mengikut negeri adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 21-2.

Memandangkan kepada batasan kewangan dan keupayaan pelaksanaan sektor awam dan swasta, hanya kira-kira 701,500 unit rumah dijangka akan dibina. Seperti ditunjukkan dalam Jadual 21-3, sektor awam akan membina kira-kira 149,000 unit dan sektor swasta 552,500 unit. Daripada jumlah matlamat sebanyak 701,500 unit ini, kira-kira 495,000 unit adalah rumah kos rendah, 180,200 unit rumah kos sederhana dan 26,300 unit rumah kos tinggi.

Langkah-langkah untuk mempercepatkan pelaksanaan program perumahan akan diteruskan dalam tempoh RML. Sebahagian daripada langkah-langkah yang dilaksanakan dalam tempoh RME yang akan diteruskan termasuklah menyediakan tabung pusingan, menggalakkan penggunaan pembinaan secara sistem pasang-siap dan melatih pekerja-pekerja pembinaan. Selain daripada langkah-langkah di atas, beberapa langkah baru akan dilaksanakan dalam tempoh RML. Langkah-langkah ini termasuklah menubuhkan agensi serenti, menyemak semula serta mengemaskinikan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pembinaan, memperluaskan pelaksanaan skim sewaan dan menjalankan penyelidikan mengenai pembinaan rumah.

Kerajaan akan terus melaksanakan projek-projek perumahan secara usaha-sama dengan sektor swasta. Langkah ini bukan sahaja dapat mengurangkan bebanan kewangan sektor awam tetapi dapat juga mempertingkatkan penyertaan sektor swasta dalam pembangunan perumahan.

Langkah-langkah akan terus diambil untuk mengurangkan pembangunan perumahan yang terlalu padat di kawasan bandar. Bagi mengelakkan kesesakan di kawasan bandar, pembangunan perumahan akan ditumpukan di kawasan-kawasan pinggir bandar sejajar dengan matlamat untuk mengurangkan penumpuan kegiatan-kegiatan ekonomi di sesuatu tempat dan memperbandarkan kawasan luar bandar. Di kawasan luar bandar, penekanan akan diberi kepada pembinaan rumah sesebuah dan unit-unit rumah yang boleh diperbesarkan.

Untuk menjamin pelaksanaan program perumahan yang lebih teratur, Kerajaan akan menggubal satu dasar perumahan yang lengkap. Penggubalan dasar perumahan negara ini bertujuan untuk memberi panduan kepada pembangunan perumahan pada masa akan datang. Aspek-aspek utama yang terkandung di bawah dasar ini merangkumi keperluan perumahan, jenis rumah yang akan dibina, harga, penggunaan tanah dan juga peranan sektor awam dan swasta dalam pembangunan perumahan. Dasar ini juga bertujuan untuk menseragamkan semua dasar, peraturan dan syarat-syarat yang berkaitan dengan perumahan yang pada masa ini berbeza di antara satu negeri dengan negeri yang lain.

#### Program Sektor Awam

Dalam tempoh RML, sektor awam akan membina kira-kira 149,000 unit rumah yang terdiri daripada 120,900 unit rumah kos rendah, 27,900 unit rumah kos sederhana dan 200 unit rumah kos tinggi, seperti ditunjukkan dalam Jadual 21-3. Di bawah program perumahan kos rendah yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri, kira-kira 18,000 unit akan dibina di bawah skim sewa dan baki sebanyak 27,800 unit adalah untuk dijual. Daripada jumlah unit yang dirancangkan di bawah program perumahan kos rendah, kira-kira 37,200 unit akan dibina secara usahasama dengan sektor swasta.

Sebanyak 57,500 unit rumah akan dibina di bawah program perumahan skim pembangunan tanah yang akan dilaksanakan oleh berbagai agensi pembangunan tanah dan wilayah seperti FELDA, FELCRA, Lembaga Kemajuan Pahang Tenggara (DARA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA) dan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak (SLDB). Kerajaan juga akan terus menyediakan rumah bagi kakitangan awam. Kira-kira 27,000 unit akan dibina untuk tujuan ini. Dalam tempoh RML, pembinaan unit-unit rumah kakitangan awam akan ditumpukan di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Selain daripada penyediaan unit-unit rumah, usaha juga akan dipergiatkan bagi meninggikan taraf hidup penduduk luar bandar. Kemudahan infrastruktur akan terus disediakan. Di bawah program penempatan semula kampung-kampung, kira-kira 400

buah kampung yang berselerak akan disusun semula dalam tempoh RML.452. Program untuk mempertingkatkan mutu kehidupan penduduk di Kampung-kampung Baru akan terus dilaksanakan. Dalam tempoh RML, tumpuan akan diberi kepada pembangunan semula Kampung-kampung Baru bertujuan untuk menyediakan perkhidmatan sosial dan kemudahan-kemudahan lain yang mencukupi selaras dengan matlamat konsep penempatan penduduk. Di samping itu, kegiatan-kegiatan ekonomi, terutamanya industri-industri kecil, akan diwujudkan dan dipertingkatkan supaya sebahagian daripada Kampung-kampung Baru ini dapat dijadikan sebagai pusat-pusat pertumbuhan ekonomi. Dalam hal ini, Kerajaan akan melaksanakan satu kajian yang menyeluruh keatas semua Kampung-kampung Baru dan juga kampung-kampung tradisional yang berhampiran bagi menentukan kawasan-kawasan yang berpotensi. Pelan-pelan struktur bagi kawasan-kawasan yang berpotensi akan disediakan sebagai usaha melaksanakan program pembangunan semula ini. Sektor swasta adalah digalakkan untuk menyertai program ini.

#### Program Sektor Swasta

Sektor swasta dijangka membina kira-kira 552,500 unit rumah dalam tempoh RML. Daripada jumlah ini, sebanyak 26,100 unit adalah rumah kos tinggi, 152,300 unit rumah kos sederhana dan 374,100 unit rumah kos rendah. Pemaju perumahan swasta serta orang perseorangan dijangka membina kira-kira 540,000 unit dan bakinya akan dibina oleh syarikat-syarikat kerjasama. Dalam tempoh 1986-88, sektor swasta dijangka membina sebanyak 80,000 unit rumah kos rendah setahun di bawah Program Khas Perumahan. Program ini bertujuan untuk mempercepat dan mempergiatkan lagi pertumbuhan ekonomi terutama dalam sektor pembinaan serta mengwujudkan dan menyediakan lebih banyak peluang pekerjaan. Kerajaan akan mengambil beberapa langkah bagi membantu sektor swasta dalam pelaksanaan program ini, diantaranya termasuklah mengkaji semula piawaian dan spesifikasi infrastruktur, mengguna pelan bangunan yang seragam, mempercepat proses kelulusan dan memindah milik sebahagian daripada tanah Kerajaan. Kerajaan juga akan menimbangkan kemungkinan menanggung sebahagian daripada kos infrastruktur supaya harga rumah kos rendah dapat dikurangkan.

Untuk memastikan kewangan yang mencukupi, bank-bank perdagangan dan syarikat-syarikat kewangan akan terus diperuntukkan sebahagian daripada jumlah pinjaman keseluruhan untuk sektor perumahan. Di samping itu, Kerajaan dan institusi-institusi kredit seperti Syarikat Perumahan Malaysia Berhad (MBSB), SABAH CREDIT CORPORATION dan Bank Rakyat, akan juga menyediakan pinjaman untuk sektor ini. Dalam tempoh RML, kira-kira \$20,250 juta akan disediakan. Daripada jumlah ini, sebanyak \$2,000 juta akan disediakan setiap tahun bagi tempoh 1986-88 untuk pembiayaan projek-projek perumahan kos rendah di bawah Program Khas Perumahan. Bank Negara Malaysia akan mengkaji semula garis panduan pinjaman perumahan yang sedia ada bagi menentukan golongan berpendapatan rendah mampu dan mudah mendapatkan pinjaman ini.

#### **IV. PERUNTUKAN**

Jumlah peruntukan dan anggaran perbelanjaan pembangunan dalam tempoh 1981-85 dan peruntukan bagi tempoh 1986-90 untuk program perumahan sektor awam adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 21-4.

#### **V. PENUTUP**

Program perumahan dalam tempoh RML akan dilaksanakan berasaskan kepada konsep penempatan penduduk. Di bawah konsep ini, kemudahan-kemudahan sosial yang mencukupi akan disediakan bagi menjadikan kawasan perumahan lebih selesa didiami. Matlamat pembinaan unit-unit rumah dalam tempoh RML adalah berasaskan kepada keupayaan pelaksanaan dan bukan kepada unjuran keperluan perumahan. Kekesanan pelaksanaan program perumahan adalah memerlukan penglibatan sepenuhnya dengan sektor swasta memainkan peranan yang lebih besar dalam pembangunan perumahan keseluruhannya. Selain daripada itu, langkah-langkah yang dilaksanakan dalam tempoh RME akan diteruskan bersama-sama dengan langkah-langkah baru yang disyorkan dalam RML bagi memastikan kejayaan program pembangunan perumahan keseluruhannya. Bagi pelaksanaan program pembangunan perumahan jangka panjang, dasar perumahan negara yang lengkap akan digubal sebagai panduan kepada pelaksanaan program perumahan yang lebih berkesan bagi memenuhi matlamat penyediaan tempat tinggal dan kemudahan-kemudahan yang mencukupi kepada semua rakyat, terutamanya golongan berpendapatan rendah.

## **BAB 22 : PEMBANGUNAN SOSIAL**

### **I. PENDAHULUAN**

Pembangunan sosial telah diberi perhatian utama memandangkan sumbangannya kepada pembangunan negara. Objektif utama ialah untuk menyemai nilai-nilai yang positif ke arah pembangunan masyarakat, semangat berdikari dan cinta kepada negara. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat (RME), program-program pembangunan sosial meliputi kebudayaan, pembangunan masyarakat, belia, sukan, kebajikan masyarakat, penerangan dan penyiaran. Program kebudayaan adalah bertujuan untuk meningkatkan penyatuan dan perpaduan melalui pembentukan kebudayaan kebangsaan. Program belia telah memberi penekanan kepada usaha untuk menyemai semangat berdisiplin, perpaduan dan berdikari. Program sukan dan rekreasi pula bertujuan membentuk masyarakat yang lebih sihat, berdisiplin, bersatu padu dan produktif. Perkhidmatan kebajikan masyarakat telah membantu golongan yang kurang bernasib baik dan yang memerlukan bantuan supaya mereka lebih produktif dan menjadi ahli masyarakat yang berguna. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), tumpuan yang lebih akan terus diberi kepada pencapaian objektif dan matlamat program pembangunan sosial melalui berbagai program yang akan dilaksanakan oleh agensi-agensi yang terlibat.

### **II. KEMAJUAN, 1981-85**

#### **Kebudayaan**

Dalam tempoh 1981-85, Kerajaan telah melaksanakan berbagai program dan projek untuk membentuk dan memperkayakan kebudayaan kebangsaan di samping menggalak, mendidik dan memperkenalkan kepada masyarakat umum, terutamanya belia, mengenai konsep kebudayaan kebangsaan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah juga menjalankan penyelidikan mengenai nilai-nilai dan norma yang sama bagi kumpulan-kumpulan ethnik yang berbeza, menganjurkan seminar kebudayaan, tarian dan kursus muzik. Kementerian juga telah menganjurkan kegiatan kebudayaan di peringkat persekutuan dan negeri yang disertai oleh berbagai kumpulan ethnik.

Peranan sistem pelajaran dalam usaha menggalakkan perpaduan negara telah diberi penekanan melalui penggunaan kurikulum yang sama yang memberi tumpuan kepada sejarah dan kebudayaan negara bagi membolehkan kanak-kanak yang berumur daripada enam tahun ke atas mengenali dan menghargai kebudayaan dan tradisi. Dalam usaha memupuk perpaduan negara, sistem pelajaran telah juga menyemai semangat berdisiplin, nilai-nilai moral dan keagamaan di kalangan kanak-kanak tersebut.

Usaha-usaha bagi memelihara warisan kebudayaan kebangsaan untuk generasi akan datang termasuk usaha menggalak dan membangunkan industri kraftangan dan industri kampung. Dalam tempoh RME, Pusat Pameran dan Pemasaran Karyanika telah ditubuhkan di Kuala Lumpur. Pusat ini, yang disertai oleh semua negeri di Malaysia, membolehkan rakyat Malaysia mengenal dan menghargai hasil kraftangan berbagai kumpulan ethnik di negara ini.

Muzium Negara terus memainkan peranan penting dalam usaha menyebarkan pengetahuan dan melahirkan kesedaran, rasa bangga dan penghargaan terhadap warisan-warisan sejarah,kebudayaan dan semulajadi di kalangan rakyat. Kegiatan-kegiatan Muzium ini termasuk penyiasatan dan penyelidikan ke atas tempat dan bangunan bersejarah yang meliputi tempat kegiatan ugama dan penempatan awal yang ditemui. Di samping itu, sebanyak 46 pameran berbagai jenis untuk tontonan awam, termasuk pelancong tempatan dan luar negeri telah diadakan. Muzium Negara juga bertanggungjawab mengawal, memelihara dan melindungi monumen bersejarah, tapak arkeologi dan peninggalan sejarah, barang-barang purba, barang-barang bersejarah dan bangunan yang mempunyai kepentingan sejarah. Dalam tempoh RME, 113 tapak bersejarah telah digaliciari dan 36 daripada tapak ini telah dipulihkan manakala 33 lagi telah diwartakan sebagai monumen negara.

#### Pembangunan masyarakat

Tujuan program pembangunan masyarakat (KEMAS) adalah untuk membangunkan masyarakat yang bertanggungjawab dan berdikari melalui amalan memajukan diri sendiri dan semangat gotong royong. Program pembangunan ini memberi penekanan ke atas pelajaran mengenai pembangunan keluarga melalui pengetahuan berkaitan dengan pemakanan, kesihatan keluarga, kebersihan, ekonomi rumahtangga dan juga penyediaan kemudahan kutubkhanah luar bandar. Di samping itu, penekanan telah juga diberi kepada pelajaran prasekolah menerusi penubuhan 3,900 taman bimbingan kanak-kanak yang memberi faedah kepada 123,400 kanak-kanak, sebahagian besarnya di luar bandar. Program-program lain yang telah dilaksanakan termasuk pembinaan 18 pusat kegiatan masyarakat.

Bagi menggalak penyertaan Orang Asli dalam proses pembangunan, usaha yang lebih giat telah dijalankan untuk memperbaiki keadaan sosioekonomi mereka dan menggalakkan mereka mengamalkan cara-cara pertanian moden dan sistematik. Program-program yang dilaksanakan bagi mencapai tujuan di atas termasuk pembukaan tanah-tanah baru untuk pertanian, penubuhan pusat-pusat pemprosesan dan bengkel-bengkel kraftangan serta penyediaan kemudahan-kemudahan asas seperti pelajaran, kesihatan, elektrik, bekalan air, perumahan dan jalan.

Dalam tempoh RME, seluas kira-kira 8,900 hektar tanah telah dimajukan untuk pertanian. Daripada jumlah ini, seluas 5,700 hektar telah ditanam dengan getah, 500 hektar dengan

kelapa sawit, 1,740 hektar pokok buah-buahan dan 960 hektar dengan kelapa, teh, kopi dan tanam-tanaman lain. Di samping itu, sebanyak 600 unit rumah telah dibina dan bantuan telah juga diberi kepada Orang Asli untuk menubuhkan 12 kedai koperasi dan dua pusat kraftangan.

## Belia

Dalam tempoh RME, kegiatan belia yang bertujuan memupuk perpaduan di kalangan belia berbagai kumpulan ethnik dan juga menyemai semangat berdisiplin dan berdikari telah dilaksanakan. Kegiatan-kegiatan ini termasuk menyediakan latihan kemahiran dalam berbagai bidang di tiga pusat latihan belia iaitu di Dusun Tua, Kuala Terengganu dan Pertak. Program ini bertujuan untuk memberi latihan kepada belia-belia yang menganggur yang telah meninggalkan sistem persekolahan formal. Dalam tempoh RME, kira-kira 4,000 belia telah dilatih di pusat-pusat ini, manakala kira-kira 5,000 lagi telah ditempatkan di berbagai syarikat perniagaan untuk mengikuti latihan sambil kerja. Kursus-kursus diadakan untuk memajukan nilai-nilai kepimpinan. Bantuan kewangan telah diberi kepada belia-belia yang telah dilatih bagi membolehkan mereka memulakan perniagaan sendiri dan menjalankan kegiatan-kegiatan pertanian. Selaras dengan tujuan menggalakkan belia-belia bekerja sendiri, beberapa rancangan belianiaga dan belia peladang telah dijalankan. Dalam tempoh RME, kira-kira 1,500 belia telah mendapat faedah daripada rancangan belianiaga manakala kira-kira 1,400 belia mendapat faedah daripada rancangan belia peladang.

Dalam tahun 1985 terdapat sebanyak 24 pertubuhan belia yang mempunyai kira-kira 7,300 cawangan di seluruh negara dan dianggotai oleh kira-kira 1.3 juta ahli. Di peringkat kebangsaan, kegiatan pertubuhan-pertubuhan ini telah diselaraskan oleh Majlis Belia Malaysia.

Kegiatan-kegiatan pertubuhan belia adalah tertumpu kepada usaha-usaha memupuk perpaduan dan menyemai semangat berdisiplin di kalangan belia. Kegiatan-kegiatan lain yang dijalankan dalam tempoh tersebut termasuk Program Pertukaran Belia dari Malaysia dengan belia dari beberapa negara asing bagi menggalakkan persahabatan.

Gerakan Koperasi Belia Nasional (KOBENA) yang ditubuhkan pada tahun 1976 adalah bertujuan untuk menggembelingkan tenaga belia dalam kegiatan ekonomi. KOBENA menyediakan peluang untuk menyertai berbagai bidang perniagaan yang antara lain meliputi pembangunan perumahan dan harta tanah; import, eksport, pengedaran barang-barang keluaran seperti kenderaan bermotor; dan kegiatan-kegiatan seperti pengiklanan, perniagaan brokeraj dan insurans. Keahlian belia dalam KOBENA telah bertambah daripada kira-kira 6,000 pada tahun 1980 kepada kira-kira 11,000 pada tahun 1985.

## Sukan

Pembangunan sukan di Malaysia telah dilaksanakan secara berasingan di berbagai peringkat oleh Kerajaan-kerajaan Persekutuan dan Negeri, sektor swasta dan pertubuhan-pertubuhan sukan negara. Dalam tempoh RME, antara projek-projek yang dilaksanakan ialah pembinaan sebuah kolam renang di Alor Setar, Stadium Tertutup Indera Mulia di Ipoh, gimnasium tertutup dan gelanggang olahraga sintetik di Pusat Sukan Kuala Lumpur, dan Kompleks Sukan Labuan; pengubahsuaian Stadium tertutup Dato' Syed Omar di Alor Setar dan Stadium Negara di Kuala Lumpur; dan pemasangan lampu limpah untuk Stadium Hoki Astrof Tun Razak di Kuala Lumpur. Di samping itu, seluas kira-kira 80 hektar tanah di Bukit Jalil, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diperolehi untuk membina Institut Sukan Negara di bawah naungan Majlis Sukan Negara (MSN). Usaha menggalakkan sukan-sukan seperti bolasepak, hoki, badminton dan olahraga telah dapat dipertingkatkan dengan adanya kemudahan-kemudahan stadium yang lebih lengkap untuk ahli sukan, penonton dan liputan televisyen.

Dalam tempoh RME, konsep-konsep baru seperti sukan untuk masyarakat dan sukan cemerlang telah diperkenalkan sebagai asas bagi pembangunan sukan dan rekreasi di negara ini. Konsep-konsep ini telah digunakan sebagai asas dalam penggubalan Dasar Sukan Negara. MSN yang telah dipergiatkan semula pada awal tahun 1982 telah mengambil tanggungjawab untuk mencapai prestasi yang cemerlang terutamanya dalam sukan-sukan untuk pertandingan. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan telah menggalakkan sukan untuk masyarakat dalam program kecergasan dan rekreasi.

Penyertaan dalam program sukan untuk pertandingan dan bukan pertandingan telah dikekalkan terutamanya melalui usaha-usaha yang dijalankan oleh pertubuhan sukan di sektor-sektor awam dan swasta. Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan terus menganjurkan kem latihan tahunan bagi belia-belia dalam berbagai jenis sukan yang bertujuan mengenalpasti dan memajukan ahli-ahli sukan yang berbakat. MSN telah membantu Majlis Olimpik Malaysia (MOM) dalam melatih ahli-ahli sukan daripada berbagai pertubuhan sukan kebangsaan sebelum menyertai pertandingan peringkat antarabangsa manakala Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota Kerajaan Malaysia (MKSAK) telah mengadakan berbagai pertandingan sukan tahunan antara gabungan-gabungannya. Galakan dan penyertaan dalam kegiatan sukan di sekolah-sekolah telah dilaksanakan oleh Majlis Sukan Sekolah-sekolah Malaysia (MSSM), manakala di peringkat maktab dan universiti pula telah dijalankan oleh Majlis Kebajikan dan Sukan Universiti-universiti Malaysia.

## Perkhidmatan Kebajikan Masyarakat

Perkhidmatan kebajikan masyarakat memberi penekanan kepada usaha-usaha pencegahan, penjagaan dan perlindungan, serta pemulihan janda dan anak yatim, kanak-kanak, orang tua, orang terbiar dan orang cacat. Rawatan secara asuhan bagi orang-orang cacat telah dilaksanakan secara lebih meluas di institusi-institusi kebajikan dan



program-program pertubuhan masyarakat bagi menggalakkan semangat berdikari dan sikap tidak bergantung kepada orang lain. Sebuah rumah orang tua di Sibu, Sarawak telah disiapkan.

Kegiatan pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela telah diawasi dan diselaraskan supaya sejajar dengan usaha-usaha yang dijalankan oleh Kerajaan. Untuk tujuan ini, Kerajaan telah juga menyediakan kemudahan-kemudahan asas bagi menggalakkan penyertaan pertubuhan-pertubuhan sukarela. Menerusi usaha-usaha seperti ini, program dan perkhidmatan seperti pembangunan masyarakat, penjagaan keluarga dan kanak-kanak, perkhidmatan pemulihan dan akhlak telah diperluaskan dalam tempoh RME.

Di bawah program pemulihan akhlak, kemudahan-kemudahan tambahan telah disediakan di Johor Bahru, Johor, di Telok Ayer Tawar, Pulau Pinang, dan di Subang Jaya, Selangor. Dua pusat perlindungan wanita dan gadis telah disiapkan, sebuah di Miri, Sarawak dan sebuah lagi di Kota Kinabalu, Sabah.

Pertubuhan-pertubuhan sukarela terus menambah keahlian dan memperluaskan bidang kegiatan, dan dengan ini telah dapat menyediakan perkhidmatan-perkhidmatan untuk melengkap dan menyokong kegiatan-kegiatan yang disediakan oleh Kerajaan. Kegiatan yang dilaksanakan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela termasuk pembinaan Hospital Mata Tun Hussein Onn di Petaling Jaya dan pembinaan bangunan tambahan bagi rumah anak-anak yatim PURE LIFE SOCIETY di Puchong, Selangor.

Bagi mengawasi dan mengawal berbagai taman asuhan kanak-kanak dan pusat-pusat penjagaan kanak-kanak di negara ini, Akta Pusat Penjagaan Kanak-Kanak, 1984 telah diluluskan. Di bawah Akta ini, pusat-pusat yang berkenaan dikehendaki mendaftarkan penubuhannya dengan Kementerian Kebajikan Masyarakat. Akta ini akan menjamin supaya satu taraf penjagaan yang minimum disediakan oleh pusat-pusat berkenaan.

#### Penerangan dan penyiaran

Tujuan perkhidmatan penerangan dan penyiaran, terutamanya menerusi media massa adalah untuk menyebarkan maklumat yang sebenar mengenai dasar, strategi dan program pembangunan negara. Dalam tempoh RME, 59 unit penerangan bergerak tambahan telah disediakan dan 20 pejabat penerangan didirikan bagi memperluaskan perhubungan bersemuka di merata tempat di seluruh negara. Dalam tempoh yang sama, liputan siaran radio dan televisyen ke seluruh negara telah diperluaskan dan diperbaiki lagi. Sebuah rangkaian televisyen yang pertama dimiliki dan ditadbirkan oleh pihak swasta telah dilancarkan dalam tahun 1985.

Rancangan televisyen terbitan tempatan yang disiarkan oleh Radio dan Televisyen Malaysia (RTM) telah bertambah daripada kira-kira 40 peratus pada tahun 1983 kepada 60 peratus pada tahun 1985, manakala rancangan-rancangan yang disiarkan dalam warna telah meningkat daripada 60 peratus pada tahun 1980 kepada 100 peratus pada tahun

Selaras dengan matlamat perpaduan negara, RTM telah memperluaskan siaran Rangkaian Kedua ke Sabah dan Sarawak. Dalam tahun 1985, kira-kira 80 peratus daripada penduduk di Semenanjung Malaysia dan 50 peratus di Sabah dan Sarawak telah dapat menerima siaran radio melalui gelombang sederhana. Sungguhpun demikian, terdapat juga beberapa kawasan tertentu yang tidak dapat menerima siaran dengan memuaskan disebabkan oleh halangan fizikal. Pusat Berita Asiavision yang mula ditubuhkan dalam tahun 1983 telah menjalankan perkhidmatan sepenuhnya dalam tahun 1984. Pusat ini yang terletak di Kuala Lumpur di bawah naungan Persatuan Penyiaran Asia Pasifik yang bertujuan memudahkan pertukaran berita di kalangan negara-negara ahli.

### **III. PROSPEK, 1986-90**

#### **Kebudayaan**

Dalam tempoh RML, program-program dan kegiatan-kegiatan akan dilaksanakan bagi melahirkan kesedaran yang lebih di kalangan penduduk Malaysia terhadap berbagai warisan kebudayaan di negara ini. Usaha-usaha akan diambil melalui sistem pelajaran dan perkhidmatan media massa untuk menggalakkan perasaan faham memahami, bertimbang rasa dan sikap hormat menghormati amalan kebudayaan yang berbagai corak. Langkah-langkah akan diambil untuk menerbitkan lebih banyak bahan-bahan bacaan mengenai warisan dan kebudayaan negara dan bagi menggalakkan pembangunan seni halus dan kraftangan serta rekabentuk seni bina bangunan di negara ini. Muzium Negara akan terus membantu melahirkan kesedaran di kalangan orang-orang awam mengenai warisan kebudayaan Malaysia melalui usaha-usaha memelihara dan mempamerkan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan sejarah. Pembangunan masyarakat

KEMAS akan terus melaksanakan program untuk menyemai nilai-nilai yang menitikberatkan pembangunan dan semangat berdikari. Kelas kenal huruf dan kelas latihan kerja akan dijalankan. Sejumlah 3,150 taman bimbingan kanak-kanak akan ditubuhkan sementara tiga pusat latihan pembangunan keluarga akan dibina di Lumut, Kuantan dan Kuching bagi menyediakan kursus-kursus mengenai ekonomi rumahtangga dan juga latihan mengenai pendidikan bimbingan kanak-kanak kepada pekerja-pekerja masyarakat luar bandar. Institut SEDAR iaitu sebuah institut yang menyediakan program untuk mengubahsuai sikap dan latar belakang sosioekonomi peserta-peserta akan ditubuhkan di Bangi bagi menyediakan latihan dalam bidang pembangunan masyarakat kepada kakitangan KEMAS dan pekerja-pekerja masyarakat yang lain.

1480. Program-program lain bagi pembangunan masyarakat termasuk program membekal buku-buku kepada kutubkhanah luar bandar dan penubuhan pusat kegiatan masyarakat. Dalam tempoh RML, 184 kutubkhanah luar bandar dan 10 pusat kegiatan masyarakat akan diadakan. Lapan pejabat KEMAS daerah akan juga ditubuhkan untuk

menyediakan perkhidmatan pentadbiran dan pengurusan yang lebih baik bagi berbagai program dan kegiatan KEMAS di peringkat daerah.

Perpustakaan Negara akan terus mempertingkatkan kegiatan-kegiatannya di peringkat kebangsaan bagi menggalakkan sikap suka membaca di kalangan penduduk untuk menambah pengetahuan yang perlu bagi membina sebuah masyarakat moden. Bagi mencapai matlamat ini, sebuah bangunan untuk Perpustakaan Negara akan dibina bagi membolehkan lebih ramai lagi penduduk menggunakan kemudahannya.

Selaras dengan matlamat mempercepatkan penyertaan masyarakat Orang Asli dalam proses pembangunan, berbagai kemudahan asas di skim-skim yang sedia ada akan diperluas dan dipertingkatkan manakala enam skim penempatan semula yang baru untuk kira-kira 1,000 keluarga Orang Asli akan dilaksanakan dalam tempoh RML. Di samping itu, masyarakat Orang Asli akan digalakkan menyertai rancangan-rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) terutamanya di kawasan di mana bilangan Orang Asli adalah terlalu kecil untuk membolehkan pembukaan skim penempatan semula.

#### Belia

Antara berbagai program yang akan diteruskan dalam tempoh RML ialah penyediaan latihan kemahiran di pusat-pusat latihan belia serta latihan sambil kerja. Kemudahan-kemudahan di pusat-pusat latihan belia di Dusun Tua, Kuala Terengganu dan Pertak akan diperluaskan. Kursus mengenai pengurusan perniagaan dan latihan vokasional akan terus disediakan untuk mempergiatkan penyertaan mereka dalam sektor-sektor perdagangan dan perindustrian yang pesat berkembang. Rancangan-rancangan belia niaga dan belia peladang yang bertujuan mengurangkan pengangguran di kalangan belia akan diteruskan untuk memberi faedah kepada kira-kira 8,900 belia. Kemudahan-kemudahan dan juga program latihan seperti yang terdapat di Sekolah Latihan Bina Semangat di Lumut akan juga disediakan di pusat-pusat latihan belia.

#### Sukan

Penggubalan Dasar Sukan Negara yang akan disiapkan dalam tahun 1986 memberi penekanan kepada konsep sukan untuk masyarakat dalam kegiatan-kegiatan sukan dan rekreasi. Dasar ini akan juga menentukan peranan sukan dalam pembangunan dalam konteks perpaduan negara dan keperluan untuk menggalakkan penyertaan yang lebih di kalangan masyarakat serta mencapai prestasi yang cemerlang dalam bidang sukan. Peranan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan seperti yang ditetapkan dalam Dasar Sukan Negara akan ditumpukan kepada usaha-usaha mengawas, menyelaras dan menggalakkan program-program kecergasan dan rekreasi. Program-program kecergasan dan rekreasi akan dilaksanakan dengan kerjasama pertubuhan-pertubuhan sukarela yang berkenaan. MSN akan mengambil langkah untuk mencapai prestasi yang cemerlang dalam sukan-sukan untuk pertandingan di samping menggalakkan kegiatan sukan keseluruhannya. Dalam tempoh RML, MSN akan melaksanakan program

pembangunan ahli sukan bagi membolehkan ahli-ahli sukan yang berbakat mendapat latihan jangka panjang yang lebih teratur. Institut Sukan Negara yang terletak di bawah naungan MSN akan ditubuhkan dengan menggunakan sumbangan dari sektor swasta dan adalah bertujuan untuk melatih ahli-ahli sukan, jurulatih dan kakitangan pengurusan sukan serta kakitangan teknik sukan yang lain.

Sebagai langkah jangka panjang, Kementerian Pelajaran akan menubuhkan beberapa sekolah sukan dengan cara memilih sekolah-sekolah menengah berasrama penuh yang tertentu dan menyediakan kemudahan sukan yang mencukupi di sekolah-sekolah tersebut untuk melatih dan memajukan kegiatan sukan di kalangan murid-murid sekolah. Murid-murid yang berkelayakan dalam bidang pelajaran dan berbakat dalam bidang sukan akan ditempatkan di sekolah-sekolah ini untuk dilatih secara teratur tanpa menjejaskan pelajaran mereka. Pelajar-pelajar berbakat yang terpilih akan ditawarkan biasiswa sukan. Kemudahan-kemudahan sukan di sekolah-sekolah dan maktab-maktab akan diperluas dan dipertingkatkan dengan sewajarnya bagi menggalakkan penyertaan yang lebih dalam program-program sukan dan rekreasi di kalangan pelajar-pelajar dan guru-guru.

Dalam tempoh RML, projek-projek seperti pembinaan, pengubahsuaian dan peningkatan bagi tapian gelanggang di negeri-negeri akan dilaksanakan. Berbagai kemudahan sukan akan dipusatkan di tapian-tapian gelanggang tersebut bagi membolehkan penyertaan masyarakat secara menyeluruh sepanjang masa. Pada masa yang sama, kemudahan stadium-stadium di Johor, Kedah, Pahang dan Perlis akan ditingkatkan manakala pembinaan kompleks sukan untuk Negeri Sembilan akan diteruskan. Kerja-kerja mengubahsuaikan Stadium Merdeka di Kuala Lumpur akan dijalankan. Sebuah stadium tenis akan dibina di Kuala Lumpur untuk membolehkan permainan ini terus dimajukan dan juga membolehkan pertandingan peringkat-peringkat kebangsaan dan antarabangsa diuruskan dengan lebih teratur. Pusat Sukan di Kuala Lumpur akan juga diperbaiki dan diperluaskan untuk menampung permintaan yang kian meningkat terutamanya dengan kesan pelaksanaan konsep sukan untuk masyarakat. Di samping itu, sebuah pusat sumber untuk sukan akan ditubuhkan bagi mengumpul dan menyebarkan maklumat mengenai sukan dan kegiatan-kegiatan yang berkaitan. Dalam tempoh RML, sektor swasta akan meningkatkan penyertaan dalam pembangunan kemudahan-kemudahan sukan bagi melengkapkan sumbangan sektor awam.

#### Perkhidmatan kebajikan masyarakat

Dalam usaha menyatukan faktor-faktor sosial di dalam proses pembangunan, Kerajaan telah menggubal Dasar Kebajikan Negara. Dasar ini adalah bertujuan khususnya untuk memenuhi keperluan dan kehendak golongan yang kurang bernasib baik dan tidak berkemampuan untuk membolehkan mereka turut serta dalam proses pembangunan. Untuk mencapai matlamat ini, langkah-langkah seperti mencegah kemalangan, menyebarkan maklumat mengenai bantuan yang boleh diperolehi; menyelaraskan usaha-usaha antara agensi-agensis; mengguna sumber-sumber seperti tenaga manusia,

kemudahan-kemudahan, dan kemahiran teknik; dan menggalakkan sistem penyatuan keluarga, akan dilaksanakan.

Peranan sektor awam dalam usaha membantu berbagai program kebajikan masyarakat akan menekankan kepada semangat berdikari dan penyertaan masyarakat. Program-program untuk pemulihan dan latihan bagi golongan yang tidak berkemampuan akan diperkukuhkan lagi dengan memberi penekanan yang lebih ke atas latihan kemahiran. Kerajaan akan terus membantu pertubuhan-pertubuhan kebajikan sukarela untuk memperluaskan skop dan liputannya. Bagi menyediakan perkhidmatan pemulihan yang lebih berkesan kepada pesalah-pesalah remaja, hubungan yang rapat antara Jabatan Kebajikan Masyarakat, polis dan mahkamah akan dipertingkatkan lagi.

Pembinaan rumah-rumah khas yang baru akan dijalankan bagi menempatkan pesakit-pesakit melarat yang pada masa ini menduduki katil-katil di hospital Kerajaan walaupun tidak memerlukan rawatan pemulihan intensif. Langkah ini akan dapat mengurangkan masalah kekurangan katil di hospital-hospital Kerajaan. 1490. Usaha-usaha akan juga dijalankan untuk menambah penyertaan masyarakat terutamanya di kalangan golongan muda bagi menjaga orang-orang tua, cacat dan yang kurang bernasib baik. Pelaksanaan tanggungjawab terhadap masyarakat ini akan meringankan beban yang ditanggung oleh berbagai institusi kebajikan. Bagi mencapai tujuan ini, kerjasama antara agensi perlu diwujudkan untuk memupuk kesedaran dan mendidik golongan muda terhadap tanggungjawab ini. Kerajaan dan pertubuhan-pertubuhan sukarela akan menyebarkan secara lebih berkesan nilai-nilai dan norma-norma positif di kalangan golongan muda melalui radio dan televisyen.

#### Penerangan dan penyiaran

Usaha akan diambil untuk menambah program-program tempatan di media penerangan dan penyiaran. Sektor swasta akan menerbitkan lebih banyak drama, program hiburan dan filem rencana tempatan. Stesen-stesen radio tempatan yang baru akan dikenalpasti untuk penyertaan sektor swasta. Kegiatan media swasta akan diselaraskan dan diawasi supaya selaras dengan matlamat untuk menyediakan maklumat, pelajaran dan hiburan. Langkah-langkah akan diambil untuk membina dan memasang stesen pemancar radio dan televisyen tambahan untuk memperbaiki siaran di kawasan-kawasan yang tidak dapat menerima siaran yang memuaskan. Langkah-langkah akan diambil untuk menyatukan Filem Negara dengan RTM bagi menggunakan sepenuhnya kemudahan-kemudahan yang terdapat di Filem Negara terutamanya dalam pengeluaran filem rencana.

Perbadanan Kemajuan Filem Nasional (FINAS) akan mempertingkatkan usaha untuk memajukan industri filem tempatan. Dalam tempoh RML, teras utama program-program yang dijalankan ialah penumpuan kepada usaha untuk melatih artis tempatan dengan cara memberi biasiswa; membantu pengeluar filem tempatan dengan menyewa studio-

studio, kelengkapan dan lain-lain kemudahan; dan mengeluarkan filem untuk dijual kepada rangkaian-rangkaian televisyen.

#### **IV. PERUNTUKAN**

Peruntukan pembangunan dan perbelanjaan bagi tempoh 1981-85 dan peruntukan bagi tempoh 1986-90 untuk pembangunan sosial adalah seperti ditunjukkan dalam Jadual 22-1.

#### **V. PENUTUP**

Selaras dengan matlamat Kerajaan dalam program pembangunan sosial, penekanan yang lebih akan diberikan bagi menggalakkan semangat berdikari dan menambah penyertaan masyarakat. Di samping menyebarkan maklumat-maklumat, rangkaian-rangkaian penerangan dan penyiaran akan memupuk semangat berdikari yang lebih serta membentuk nilai-nilai dan sikap yang positif.

## **BAB 23 : PERTAHANAN DAN KESELAMATAN DALAM NEGERI**

### **I. PENDAHULUAN**

Keamanan dan keselamatan di dalam negeri dan di rantau ini penting dikekalkan untuk membolehkan negara menjadi maju dan makmur. Program-program pertahanan dan keselamatan dalam negeri telah dirangka dengan tujuan mempertahankan negara daripada ancaman luar dan mengekalkan keamanan. Usaha-usaha melindungi kepentingan ekonomi negara di Zon Ekonomi Eksklusif (EEZ) merupakan suatu faktor baru yang terdapat dalam program tersebut. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kelima (RML), penekanan akan diberi bagi memperkukuhkan program-program yang sedia ada di samping mempergiatkan latihan bagi anggota keselamatan.

### **II. KEMAJUAN, 1981-85**

Pertahanan

Dalam tempoh 1981-85, pembesaran dan pemodenan angkatan tentera telah dilaksanakan dengan pesatnya dan keupayaan pasukan tentera darat, laut serta udara dipertingkatkan bagi menghadapi sebarang ancaman terhadap keselamatan dan kedaulatan negara. Penekanan telah diberi kepada peningkatan keupayaan bertempur dan khidmat sokongan bagi ketiga-tiga perkhidmatan tersebut melalui berbagai langkah, termasuk pembelian kelengkapan dan senjata-senjata baru.

Satu perkara lagi di bawah program pertahanan ialah penyediaan kemudahan-kemudahan fizikal. Beberapa buah pengkalan dan kem telah dibina termasuk Pengkalan Tentera Laut DiRaja Malaysia di Lumut dan Pengkalan Tentera Udara DiRaja Malaysia di Subang, manakala kebanyakan daripada pengkalan dan kem yang sedia ada telah diperbesarkan. Kemudahan-kemudahan latihan tambahan untuk pasukan penggempur dan anggota-anggota yang terlibat dalam kerja-kerja pembaikan dan penyelenggaraan telah disediakan untuk mempertingkatkan kecekapan bertempur anggota tentera.

Selain daripada pembesaran anggota tetap angkatan tentera, unit-unit simpanan sukarela seperti Tentera Wataniah dan Unit Latihan Pegawai Simpanan telah diperbesarkan. Pembesaran ini menunjukkan bertambahnya penyertaan orang ramai dalam mempertahankan negara. Unit Simpanan Sukarela tentera darat, laut dan udara telah disediakan dengan lebih banyak alat-alat kelengkapan dan latihan untuk meningkatkan prestasi mereka.

## Keselamatan dalam negeri

Program-program keselamatan dalam negeri yang melibatkan polis, anti-dadah, pertahanan awam, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA), dan Rukun Tetangga, telah memainkan peranan penting dalam usaha mengekalkan keamanan negara. Berikutan dengan pembesaran pasukan polis, usaha-usaha telah dijalankan untuk memperbaiki kecekapan dan keberkesanan pasukan tersebut melalui pemilikan berbagai jenis kelengkapan moden. Kemudahan-kemudahan latihan telah diperbesar dan diperbaiki bagi mewujudkan anggota-anggota polis yang lebih berdedikasi dan berdisiplin. Di samping itu, balai-balai polis dan kem-kem pasukan polis hutan yang baru telah dibina manakala yang sedia ada diperbesarkan. Keupayaan mengadakan rondaan di udara oleh unit udara pasukan polis telah dipertingkatkan dengan tujuan membenters penyeludupan dan kegiatan lanun khususnya di kawasan perairan pantai Kelantan, Terengganu, Sabah dan Sarawak.

Langkah-langkah telah diambil bagi memupuk dan mengekalkan hubungan rapat antara anggota polis dan orang awam untuk membenters jenayah. Bagi tujuan ini, sistem Konstabel Masyarakat (KONMAS) telah diperkenalkan di kawasan-kawasan terpilih di Georgetown, Ipoh, Johor Bahru dan Petaling Jaya manakala sistem KOBAN telah dilaksanakan secara percubaan di kawasan-kawasan kediaman yang mempunyai kadar kejadian jenayah yang tinggi. Di bawah sistem KONMAS, anggota polis meronda di luar kawasan balai polis, bukan sahaja untuk mencegah kejadian jenayah tetapi juga mewujudkan hubungan mesra dengan penduduk di kawasan tersebut. Sistem KOBAN sebaliknya memerlukan anggota polis yang terlibat tinggal di tempat mereka bekerja bagi membolehkan mereka menjalin hubungan mesra dengan penduduk. Kajian mendalam masih lagi dijalankan oleh Kerajaan bagi memastikan kesesuaian kedua-dua sistem KONMAS dan KOBAN dengan keadaan setempat sebelum diperluaskan pelaksanaannya.

Pada tahun 1983, Kerajaan telah menggunakan pendekatan baru dalam usaha-usahanya memerangi penyalahgunaan dadah yang mengancam keselamatan negara. Jawatankuasa Anti-dadah dan Pasukan Petugas Anti-dadah, kedua-duanya di bawah Majlis Keselamatan Negara, telah ditubuhkan untuk menyelaras dan mengawas program-program berbagai agensi bagi mencegah penyalahgunaan dadah. Di peringkat negeri dan daerah, Jawatankuasa Kerja Keselamatan Negeri dan Jawatankuasa Kerja Keselamatan Daerah telah juga dipertanggungjawabkan bagi mengendali gerakan-gerakan anti-dadah di peringkat masing-masing. Undang-undang yang lebih ketat juga telah digubal dengan mengenakan hukuman yang lebih berat ke atas pesalah-pesalah berkaitan dengan dadah.

Rancangan Bertindak Lima Tahun Anti-dadah Negara, 1985-89 telah dirangka pada tahun 1985, bertujuan untuk mengurangkan masalah pengedaran dan penagihan dadah dalam tempoh tersebut. Program-program utama Rancangan ini termasuklah usaha-usaha pencegahan, pemulihan, kemajuan tenaga manusia dan kerjasama antarabangsa.



Tujuh buah pusat rawatan, terdiri daripada tiga buah pusat serenti dan empat buah pusat pemulihan telah ditubuhkan di bawah Kementerian Dalam Negeri. Pusat-pusat serenti tersebut telah diwujudkan di Sungai Petani, Sungai Siput dan Tampin manakala pusat pemulihan pula di Besut, Bukit Mertajam, Sungai Merchong dan Tampoi. Pusat di Sungai Merchong, Pahang adalah berasaskan kepada konsep pasukan kerja dan diusahakan bersama oleh Kerajaan dan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH). Di samping mengikuti program rawatan dan pemulihan, penyalahguna dadah juga mengikuti berbagai latihan kemahiran di pusat tersebut. Satu pendekatan baru mengenai rawatan dan pemulihan penagih dadah telah diperkenalkan dengan memanjangkan tempoh latihan dari enam bulan kepada dua tahun. Pendekatan ini melibatkan berbagai kegiatan jasmani dan rohani, termasuk pengesanan, rawatan dan detoksifikasi, khidmat nasihat, latihan bercorak tentera, latihan vokasional, penempatan kerja dan rawatan susulan.

Pengeluaran dan pengedaran dadah mempunyai pertalian di peringkat antarabangsa. Penyalahgunaan dan pengedaran dadah telah merebak dengan cepat, meliputi kawasan yang luas di kebanyakan negara dan lebih banyak negara telah menjadi pengeluar dan pengguna dadah. Akibatnya, masalah dadah negara-negara perantaraan seperti Malaysia telah semakin meruncing dan keadaan ini merupakan ancaman terhadap kestabilan negara-negara tersebut. Berikutan dengan ini, satu dasar dan strategi negara telah dirangka dan usaha-usaha dijalankan untuk mendapatkan kerjasama antarabangsa dalam usaha memerangi penyalahgunaan dadah. Malaysia telah memainkan peranan yang utama dalam mencegah dan mengawal penyalahgunaan dan pengedaran dadah secara haram serta menggalakkan kerjasama serantau di kalangan Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN), termasuk penerimaan ketetapan ASEAN yang dikenali sebagai Strategi Antarabangsa bagi Memerangi Penyalahgunaan dan Pengedaran Dadah. Di samping itu, dalam tempoh Rancangan Malaysia Keempat, Malaysia juga telah menyertai dengan giatnya perbahasan dan mesyuarat Bangsa-Bangsa Bersatu mengenai pengawalan dadah.

Dalam tempoh 1981-85, sebanyak 12 unit pertahanan awam telah ditubuhkan di kawasan-kawasan terpilih untuk memberi bantuan kecemasan sekiranya berlaku bencana alam. Program latihan telah diperbesarkan bagi meningkatkan prestasi Unit-unit Pertahanan Awam seperti dalam bidang mencegah kebakaran serta menyelamatkan dan menjaga mangsa-mangsa berbagai bencana alam.

Ikatan Relawan Rakyat Malaysia (RELA) telah ditubuhkan untuk membantu pasukan keselamatan mempertahankan negara. Tugas utama RELA ialah membuat rondaan keselamatan kawasan, terutamanya di tempat-tempat yang strategik. Unit-unit RELA telah ditubuhkan di kawasan-kawasan luar bandar atau kampung untuk membantu penduduk di kawasan tersebut menghalang sebarang ancaman anasir subversif atau anasir yang tidak diingini yang mengancam keselamatan dan kestabilan negara. Pada tahun 1982, pasukan RELA telah diperkukuh dan diperbesarkan sebagai barisan pertahanan ketiga negara selepas angkatan tentera dan polis.

Pendekatan baru Skim Rukun Tetangga yang telah diperkenalkan pada tahun 1982 menekankan kepada usaha memupuk semangat kejiranan di kalangan penduduk. Berikutan dengan pengisytiharan Peraturan-peraturan Perlu (Rukun Tetangga)(Pindaan) pada bulan Disember 1982, skim ini telah dibahagikan kepada tiga kumpulan berdasarkan kepada kadar kejadian jenayah di sesuatu kawasan. Di kawasan yang tiada kejadian jenayah, tumpuan diberi kepada berbagai kegiatan yang dapat memupuk semangat kejiranan di kalangan penduduk, manakala di kawasan yang mempunyai kadar kejadian jenayah yang sederhana, skim ini memberi tumpuan kepada pendaftaran penduduk berumur 15 tahun ke atas. Bagi kawasan yang mempunyai kadar kejadian jenayah yang tinggi, skim ini menumpukan bukan sahaja kepada pendaftaran penduduk berumur 15 tahun ke atas tetapi juga tugas rondaan bagi mereka yang berumur antara 18 hingga 55 tahun.

### **III. PROSPEK, 1986-90**

#### **Pertahanan**

Jangka masa yang panjang akan diperlukan bagi membina sebuah angkatan tentera yang mantap. Oleh yang demikian, adalah perlu ditubuhkan sebuah angkatan tentera yang seimbang meskipun kecil, tetapi cekap dan menggabungkan sumber-sumber dan kemudahan infrastruktur yang lain ke dalam sistem pertahanan yang menyeluruh. Selaras dengan penekanan baru ini, tenaga manusia dan sumber-sumber yang sedia ada akan digunakan secara optimum dan keupayaan bertempur mereka dipertingkatkan melalui penggunaan senjata moden yang berkesan. Dari segi pembangunan fizikal, keutamaan akan diberi bagi menyiapkan projek-projek sambungan. Kemudahan perumahan bagi anggota tentera serta kemudahan latihan untuk mempertingkatkan keupayaan bertempur dan disiplin mereka akan diberi keutamaan.

#### **Keselamatan dalam negeri**

Keupayaan dan prestasi pasukan polis akan dipertingkatkan untuk mengekalkan keamanan dan keselamatan dalam negeri. Di samping itu, program-program latihan akan terus diperbaiki, balai-balai polis dibina dan kelengkapan moden diperolehi untuk meningkatkan kecekapan dan keberkesanan pasukan polis. Sistem KONMAS akan diperkenalkan di kawasan-kawasan terpilih yang lain di Georgetown, Ipoh, Johor Bahru dan Petaling Jaya bertujuan memperbaiki lagi keadaan keselamatan di kawasan-kawasan tersebut.

Usaha memerangi penyalahgunaan dadah akan dipergiatkan dengan tujuan menghapuskan kemasukan dan penyalahgunaan dadah di negara ini. Satu pendekatan yang bersepadu bagi memerangi penyalahgunaan dadah akan dilaksanakan selaras dengan Rancangan Bertindak Lima Tahun Anti-dadah Negara, 1985-89. Keutamaan akan

diberi kepada program pencegahan yang bertujuan menghapuskan penyalahgunaan dadah di kalangan generasi muda. Program rawatan dan pemulihan penagih dadah akan juga dipertingkatkan dengan pembinaan pusat-pusat pemulihan baru di samping pembesaran pusat-pusat yang sedia ada. Di samping itu 12 buah pusat rawatan susulan akan didirikan di seluruh negara bagi menyediakan khidmat nasihat rundingcara dan rawatan susulan kepada bekas-bekas penagih dadah. Di peringkat antarabangsa pula, Malaysia akan terus menggalakkan kerjasama dengan negara-negara lain dalam usaha memerangi penyalahgunaan dan pengedaran dadah secara haram, terutamanya di kalangan negara-negara ASEAN.

Berhubung dengan pertahanan awam, lebih banyak unit akan ditubuhkan di sekolah-sekolah dan di kawasan perumahan dan latihan akan disediakan. Orang ramai digalakkan menyertai RELA dan program latihan akan dipertingkatkan melalui penubuhan pusat-pusat latihan yang baru. Langkah-langkah akan diambil untuk meluaskan skim Rukun Tetangga ke Sabah. Di Sarawak, kegiatan-kegiatan kejiranan akan dilaksanakan melalui Program Perhubungan Masyarakat yang merupakan peringkat pertama skim Rukun Tetangga.

#### **IV. PERUNTUKAN**

Peruntukan pembangunan dan perbelanjaan bagi tempoh 1981-85 serta peruntukan 1986-90 untuk pertahanan dan keselamatan dalam negeri adalah ditunjukkan dalam Jadual 23-1.

#### **V. KESIMPULAN**

Program pertahanan dan keselamatan dalam negeri adalah sebagai pelengkap ke arah pencapaian kestabilan, keamanan dan kemakmuran negara. Dalam tempoh RML, penekanan akan diberi kepada usaha memperkukuhkan program-program yang sedia ada di samping meningkatkan keupayaan anggota keselamatan melalui penyediaan kelengkapan moden dan pemberian latihan yang lebih berkesan.